

**PROGRAM
TRANSFORMASI
EKONOMI**

LAPORAN TAHUNAN

2014




JABATAN PERDANA MENTERI



KANDUNGAN

2	PERUTUSAN DARIPADA PERDANA MENTERI
4	PERUTUSAN DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI
6	TINJAUAN ETP TAHUN 2014
18	PENCAPAIAN ETP
20	BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)
22	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
46	Minyak, Gas dan Tenaga
66	Perkhidmatan Kewangan
82	Pemborongan dan Peruncitan
96	Minyak Sawit dan Getah
114	Pelancongan
134	Elektrikal dan Elektronik
158	Perkhidmatan Perniagaan
174	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
192	Pendidikan
216	Pertanian
236	Penjagaan Kesihatan
254	INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK (SRI)
256	Persaingan, Standard dan Liberalisasi
268	Pembaharuan Kewangan Am
274	Merapatkan Jurang Ketaksamaan
286	Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan
290	Pembangunan Modal Insan
306	KAD SKOR MENTERI
311	LAPORAN TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC
312	KAD SKOR ETP
	LAMPIRAN
313	Senarai Projek Permulaan dan Peluang Perniagaan
318	Glosari Istilah



PERUTUSAN DARIPADA PERDANA MENTERI

Program Transformasi Ekonomi (ETP) melakar pencapaian yang besar pada tahun 2014. Kita kini berada pada separuh kedua perjalanan Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, dan saya berbesar hati menyatakan di sini bahawa kita terus berada pada landasan yang sewajarnya untuk mencapai sasaran yang dihasratkan.

Saya telah mendengar kebimbangan tentang peningkatan kos sara hidup, cara yang akan digunakan Malaysia untuk menangani kejatuhan lebih 50 peratus harga minyak, dan terjejasnya nilai ringgit yang disebabkan oleh naik turun mata wang global. Fokus kami tidak pernah berganjak malah terus tertumpu pada rakyat, dan itulah sebabnya kita berusaha menangani keperluan rakyat menerusi Kedai Rakyat 1Malaysia, klinik 1Malaysia dan pembangunan perumahan PR1MA.

Walau bagaimanapun, perkembangan terkini juga perlu diambil kira. Inilah juga yang mendorong saya mengumumkan pada bulan Januari kajian semula defisit fiskal tahun 2015 dan jumlah perbelanjaan, menggunakan ruang dasar yang telah kami wujudkan untuk memberikan respons kepada perubahan ekonomi global.

Saya juga telah menetapkan strategi untuk bertindak balas terhadap perkembangan luaran dan memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia dengan meneruskan pembaharuan dan konsolidasi fiskal, memberikan bantuan kepada rakyat dan entiti perniagaan yang terjejas oleh banjir besar yang berlaku baru-baru ini, dan memastikan pembangunan yang mampan.

Dalam kesalinghubungan dunia yang semakin meningkat, penting bagi kita membina ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya tahan. Inilah faktor yang mendorong kita mengambil langkah untuk merasionalkan subsidi, dan pada masa yang sama mempelbagaikan ekonomi dan mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak. Hasilnya, ekonomi Malaysia semakin berdaya tahan dan dapat menangani dengan lebih baik impak ekonomi yang berada di luar kawalan kita.

Dasar ekonomi kita berkesan dan asas-asas ekonomi kita adalah kukuh. KDNK Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5-5.5 peratus pada tahun 2015. Defisit kita semakin kecil, rizab kita adalah kukuh selain kita mempunyai institusi kewangan yang diyakini, pengangguran

yang rendah dan pelaburan asing yang mencecah paras tertinggi.

Kita perlu terus mempelbagaikan ekonomi kita dan pada masa yang sama memperkasakan pembaharuan fiskal. ETP memainkan peranan yang penting dalam pencapaian ini menerusi 12 program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEAs) yang merangkumi projek seperti Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT), yang menambah baik kualiti kehidupan rakyat dan membantu dalam memangkinkan pertumbuhan perniagaan.

Inisiatif seperti penubuhan Kemudahan Guna Sama Maju di bawah NKEA Elektrik dan Elektronik telah memberikan ruang kepada PKS untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam produk bernilai tinggi. Sementara itu, NKEA Perkhidmatan Perniagaan telah berjaya menaikkan kedudukan Malaysia dalam rantai nilai dalam beberapa sektor khusus, seperti aeroangkasa dan pembinaan kapal.

Peningkatan keupayaan kita agar kita dilengkapi dengan kumpulan kepakaran yang diperlukan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi adalah penting. SRI Pembangunan Modal

Insan telah memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat ini dan hasilnya pada tahun 2014, Indeks Modal Insan terbitan Forum Ekonomi Dunia meletakkan Malaysia di tempat ke-22 daripada 122 buah negara dan ke-5 di rantau Asia Pasifik.

Kita juga telah mencapai kemajuan yang kukuh dalam menggalakkan rangkuman dan kesamaan pendapatan menerusi SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan yang diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang turut menyelia Program Pemerkaasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) yang dilancarkan pada tahun 2014. Program PEB yang begitu dekat di hati saya ini meneruskan inisiatif sedia ada, misalnya peluang perniagaan dan pembiayaan bernilai RM47.07 bilion yang telah diwujudkan sejak penubuhan TERAJU, untuk mempercepat pembangunan Bumiputera.

Kita juga telah mengambil langkah untuk memperluas asas pendapatan negara menerusi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan diperkenalkan pada bulan April 2015. Sebagai suatu inisiatif yang penting di bawah Program Transformasi Ekonomi, GST merupakan pembaharuan strategik yang menyasarkan pemodenan sistem percukaian negara kita untuk menjadikannya lebih berkesan, lebih cekap dan lebih mesra perniagaan.

Saya berasa yakin bahawa kita kini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2020. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya yang setulusnya kepada warga perkhidmatan awam, atas usaha mereka yang penting dalam memperkenalkan dan melaksanakan ETP, kepada peserta sektor korporat yang terus memacu program ini, dan kepada rakyat atas sokongan padu yang diberikan mereka terhadap ETP.

Marilah kita terus membulatkan fokus pada setiap peringkat pelaksanaan kita semakin menghampiri tahun 2020 dan saya berasa teruja berkongsi hasil kejayaan usaha kita ini dengan seluruh negara.

Defisit kita

semakin kecil,
rizab kita adalah
kukuh selain
kita mempunyai
institusi kewangan
yang diyakini,
pengangguran
yang rendah dan
pelaburan asing
yang mencecah
paras tertinggi



**YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK**

Perdana Menteri Malaysia



PERUTUSAN DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa kedua-dua program ini, iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah berjaya mencapai keberhasilan yang dihasratkan sejajar dengan matlamat Program Transformasi Negara (NTP). GTP membantu menyediakan persekitaran sokongan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan menggalas tanggungjawab bersama-sama ETP dalam menggalakkan aktiviti perniagaan, sekali gus mendorong pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru itu, saya yakin bahawa negara kini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dengan didukung oleh perancangan dan kerjasama yang padu antara Kerajaan, sektor swasta dan rakyat dalam melaksanakan agenda NTP.

Pada tahun 2014, ETP terus kekal kukuh dalam memangkinkan aktiviti sektor swasta, manakala GTP pula mantap dalam peranannya untuk memperbaiki sistem penyampaian awam agar dapat memenuhi keperluan rakyat dan komuniti perniagaan dengan lebih cekap. Secara keseluruhan, Kerajaan telah berjaya meraih kemajuan dalam semua Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) GTP, sekali gus membolehkan Kerajaan menambah baik perkhidmatan sektor awam sejajar dengan keperluan sesebuah negara berpendapatan tinggi.

Pencapaian ini dapat dilihat menerusi kejayaan kita dalam mempertingkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat melalui NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar dan Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, selain mengurangkan kadar rasuah di bawah NKRA Membanteras Rasuah dan memastikan keselamatan rakyat menerusi NKRA Mengurangkan Jenayah.

Sebagai Menteri Pendidikan, saya amat berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai dalam mentransformasikan sistem pendidikan Malaysia di bawah NKRA Pendidikan, yang turut disokong oleh penyepaduan NKRA ke dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bersama dengan inisiatif yang dipacu oleh sektor swasta di bawah NKEA Pendidikan (ETP), Kerajaan telah menambah baik pendekatan kepada penyediaan pendidikan di negara kita dan lebih penting lagi, meningkatkan pencapaian pelajar untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang akan menyertai tenaga kerja dengan kebolehan dan kepakaran yang dihasratkan oleh industri.

Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa negara kini sedang melalui satu persimpangan yang penting dalam perjalanan transformasi. Dengan berakhirnya fasa pertama NTP, semua pihak harus memfokuskan usaha untuk meneruskan pencapaian yang telah diraih sehingga hari ini untuk mengekalkan kepantasan perubahan. Negara hanya memiliki tempoh lima tahun sahaja lagi untuk menggerakkan usaha transformasi ini, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan negara mencapai sasaran pada tahun 2020.

Namun, dengan dedikasi berterusan yang diperlihatkan oleh perkhidmatan awam selain penyertaan oleh sektor swasta dan sokongan oleh rakyat, saya berasa optimis bahawa negara akan mencapai matlamat seperti yang telah disasarkan pada awalnya. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan atas usaha yang dicurahkan dalam menjayakan transformasi Malaysia dan penjaan kemakmuran untuk semua.

Saya yakin bahawa negara kini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dengan didukung oleh perancangan dan kerjasama yang padu di antara Kerajaan, sektor swasta dan rakyat dalam melaksanakan agenda NTP



**YANG AMAT BERTHORMAT
TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN MOHD. YASSIN**

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

TINJAUAN ETP TAHUN 2014

Sering dikatakan bahawa ujian dan masa yang sukar berupaya menyerlahkan kekentalan dan kecekalan sebenar seseorang individu. Ujian yang sama juga boleh berlaku kepada mana-mana negara, termasuklah negara kita yang tercinta.

Tahun 2014 merupakan tahun yang luar biasa bagi Malaysia, dicorakkan oleh beberapa peristiwa yang tidak pernah terjadi sebelum ini, yang membawa kejutan dan rasa dukacita kepada seluruh negara.

Tiada amaran awal yang dapat membantu kita bersiap sedia untuk menerima perkhabaran duka beberapa tragedi penerbangan dahsyat yang memberikan impak kepada kehidupan semua rakyat pada tahun 2014, atau mempersiapkan kita untuk menghadapi bencana banjir paling teruk dalam sejarah negara yang melanda beberapa buah negeri.

Selain musibah tersebut, kita juga terdedah kepada ketidakpastian dalam persekitaran luar menjelang akhir tahun 2014, lantas mencetuskan kebimbangan mengenai kesan domino yang menjejaskan ekonomi negara.

Dengan harga minyak mentah yang jatuh menjunam jauh di bawah paras ramalan daripada US\$100 setong (semasa Bajet 2015 dirancang) kepada kurang US\$60 setong pada akhir November disebabkan oleh lebih bekalan global, negara kita Malaysia merupakan antara beberapa negara pertama yang menilai semula Bajet untuk mengambil kira impak daripada ketidakpastian ini.

Tidak diragui lagi bahawa pembaharuan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan ekonomi negara

sepanjang lima tahun lalu sejak Program Transformasi Negara dilancarkan telah membolehkan kita bertindak balas dengan pantas dan tangkas terhadap kesan gangguan dari luar.

Harus diingat kembali bahawa Program Transformasi Ekonomi (ETP) dirumuskan susulan krisis kewangan global tahun 2008 apabila seluruh dunia bergelut dengan kesan kemelesetan ekonomi yang melemahkan negara. Dalam keadaan kita yang semakin tersepit, kita perlu memperkenalkan langkah-langkah yang nekad dan berani untuk mengharungi ketidakpastian yang berpunca dari luar, pada masa yang sama mempercepat pertumbuhan ekonomi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Keadaan inilah yang menerangkan betapa, meskipun dengan kelainan yang berlaku pada tahun 2014, ekonomi negara terus mencapai pertumbuhan KDNK yang kukuh selepas kejadian itu, iaitu enam peratus bagi tahun itu secara keseluruhan, sekali gus dengan mudahnya mengatasi anggaran 5.7 peratus oleh Bank Dunia dan mengejutkan banyak pakar ekonomi.

Kita terus mencatat pertumbuhan dalam penunjuk utama yang digunakan untuk mengukur kemajuan Malaysia ke arah hala tuju sebenar untuk mencapai PNK per kapita sebanyak US\$15,000¹, menjana pelaburan sebanyak US\$444 bilion dan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

¹ Sasaran PNK per kapita negara dihasilkan pada tahun 2010 menggunakan Kaedah Atlas Bank Dunia untuk menentukan ambang pendapatan tinggi setiap tahun. Bagi sasaran tahun 2020, kita mengambil kira angka penanda aras inflasi global berasaskan sejarah organisasi tersebut sebanyak 2 peratus hingga tahun 2020



Senator Dato' Sri Idris Jala

Menteri, Jabatan Perdana Menteri,
CEO, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Menteri, Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancang Ekonomi

Pada tahun 2014, PNK per kapita meningkat kepada RM34,123², daripada RM30,809 didorong oleh pelaburan sektor swasta sebanyak RM146 bilion³. Kita juga dapat mewujudkan 1.8 juta⁴ pekerjaan baharu dalam sektor NKEA sepanjang empat tahun lepas, dan semakin menghampiri sasaran tahun 2020 kita.

Tidak dapat dinafikan bahawa tahun 2014 merupakan titik perubahan dalam mengukuhkan komitmen Kerajaan ke arah disiplin fiskal. Kita membuktikan kesungguhan dalam merombak dasar yang bersifat populis untuk melakukan perkara yang betul kepada perbendaharaan negara untuk memastikan kemampanan dalam jangka panjang. Langkah-langkah ini termasuklah peralihan kepada mekanisme apungan terurus untuk harga runcit petrol RON95 dan diesel, pelaksanaan GST pada bulan April 2015 dan pendekatan yang berdisiplin dalam mengawasi defisit fiskal negara dengan ketat.

Tindakan-tindakan ini sememangnya membantu kita menjadi lebih berdaya tahan terhadap ketidakpastian luaran. Yang lebih penting lagi, asas-asas ekonomi kita kekal utuh dan terus bertambah baik melalui pembaharuan fiskal yang amat diperlukan.

Mempertingkatkan Kemampanan dan Keterangkuman

Pencapaian angka yang disasarkan dalam PNK, pelaburan dan pekerjaan hanyalah separuh daripada usaha kita untuk memburu status negara berpendapatan tinggi. Agar negara benar-benar dapat ditransformasikan, kita harus melibatkan sebanyak mungkin rakyat dalam menjana kekayaan, di samping berkembang maju pada kadar yang mampu kita kekalkan dalam jangka panjang tanpa membebankan sumber yang ada.

Oleh itu, kemampanan dan keterangkuman merupakan agenda penting dalam transformasi negara, dan mewakili bidang yang perlu kita pantau dengan rapi ketika menilai kemajuan negara ke arah status pendapatan tinggi.

Ketika merumuskan ETP, antara fokus utama Kerajaan dalam mencapai kemampanan ekonomi adalah untuk mengurangkan pergantungan sejak dahulu terhadap hasil pendapatan yang terjana daripada minyak dan gas, serta menggalakkan pempelbagaian sektor dalam ekonomi Malaysia. Justeru, untuk tujuan inilah 12 Bidang Ekonomi

Utama Negara (NKEA) dikenal pasti sebagai bidang pembangunan yang akan difokuskan.

Setelah empat tahun berlalu sejak ETP dilancarkan, usaha ini jelas membuahkan hasil. Sumbangan sektor minyak dan gas kepada pendapatan negara terus berkurang daripada 40.3 peratus pada tahun 2009 kepada 29.7 peratus⁵ pada tahun 2014, dengan sumbangan sektor lain kepada perbendaharaan negara semakin meningkat.

Kita juga telah melaksanakan lebih banyak disiplin fiskal semasa menyasarkan belanjawan yang lebih seimbang menjelang tahun 2020. Dengan penghapusan subsidi petrol, elektrik, minyak masak dan gula secara berperingkat, seiring dengan usaha meningkatkan hasil negara melalui kutipan cukai yang lebih ketat, kita berjaya mengurangkan defisit fiskal dengan begitu ketara daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.5 peratus⁶ pada tahun 2014.

Langkah-langkah inovatif telah dilaksanakan melalui NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah di bawah Program Transformasi Kerajaan untuk menggalakkan keinklusi dalam ekonomi negara dan membolehkan semua rakyat berkongsi kekayaan yang terhasil melalui ETP.

² PNK mengikut Komponen Perbelanjaan pada Harga Semasa, DOSM

PEMANDU menggunakan Model Atlas Bank Dunia sebagai penanda aras sejak dari awal. Namun, memandangkan Bank Dunia hanya mengeluarkan angka PNK per kapita bagi tahun 2014 pada Julai 2015, kami merujuk kepada statistik Kerajaan untuk tujuan indikatif

³ KDNK mengikut Jenis Perbelanjaan pada Harga Malar 2005, Suku Keempat Tahun 2014, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia

⁴ Sumber DOSM (2014, angka tercatat setakat Suku Keempat Tahun 2014)

⁵ Sumber: Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan [anggaran]

⁶ Laporan Ekonomi 2014/2015, Kementerian Kewangan [anggaran]

Sejak beberapa tahun ini, kita telah menyaksikan kejayaan yang amat besar dalam usaha menghapuskan kemiskinan. Menurut data terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), hanya satu peratus daripada penduduk Malaysia berada dalam kemiskinan pada tahun 2014, berbanding dengan 3.8 peratus pada tahun 2009. Peratusan ini amat jauh berbeza daripada rekod pertama yang dikumpulkan mengenai kemiskinan di Malaysia, apabila 49.3 peratus, atau hampir separuh, rakyat dikelaskan sebagai penduduk yang hidup dalam kemiskinan.

Dalam satu kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) pada tahun 2013, Malaysia mencatat penurunan 55.3 peratus bagi penduduk yang berada di bawah paras kemiskinan. Ia merupakan penurunan terbesar dalam kalangan negara ASEAN yang lain seperti Indonesia (6 peratus), Vietnam (6 peratus) dan Filipina (2.5 peratus). ADB mendapati pencapaian ini terhasil melalui bantuan wang tunai, program 1AZAM yang menawarkan kemudahan mikrokredit untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah, penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan dan banyak lagi.

Berdasarkan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, min dan median pertumbuhan pendapatan isi rumah ialah 8.4 peratus antara tahun 2012 dan 2014. Peratusan ini lebih tinggi berbanding dengan kadar inflasi 2.6 peratus setahun. Kumpulan isi rumah 40 peratus terendah mencatat min pertumbuhan yang lebih tinggi pada 11.9 peratus. Walau bagaimanapun, usaha kita untuk mengecilkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin harus diteruskan, sejajar dengan matlamat kita untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Bagi ETP pula, ia telah mengambil pendekatan dari pelbagai sudut untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui pewujudan pekerjaan bernilai tinggi. Pada tahun 2012, ETP menyaksikan pengenalan gaji minimum dan umur

persaraan minimum untuk membolehkan pekerja meraih pendapatan yang lebih tinggi dan terus bekerja untuk tempoh yang lebih lama.

ETP juga mencatat kemajuan dalam meningkatkan bilangan pekerja wanita, dengan meletakkan sasaran 55 peratus jumlah tenaga kerja diwakili oleh pekerja wanita menjelang tahun 2020. Pada akhir tahun 2014, pekerja wanita di negara ini mencakup 53.4 peratus daripada jumlah tenaga kerja.

Menuju Peringkat Akhir Perjalanan: Penunjuk Utama Transformasi

Kita telah mencatat kemajuan dalam menyokong perkembangan ekonomi yang lebih meluas seperti yang ditunjukkan oleh penunjuk utama yang berikut.

Pertumbuhan Ekonomi Yang Stabil


I Malaysia sentiasa berada di landasan pertumbuhan KDNK yang stabil sejak ETP dimulakan,

meskipun dalam keadaan kadar inflasi yang rendah. KDNK berada pada paras 7.4 peratus pada tahun 2010 disebabkan oleh pelaksanaan awal rangsangan ekonomi dan sejak tahun 2011, pertumbuhan menunjukkan trend yang agak baik dalam lingkungan 4-6 peratus (lihat Rajah 1.1).

Melalui sokongan permintaan dalam negeri yang kukuh, kita berjaya mencapai pertumbuhan KDNK yang mengagumkan, iaitu 6 peratus pada tahun 2014. Bagi tahun 2014, perkembangan KDNK kita melangkaui ramalan pakar ekonomi dan Bank Dunia, yang menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.7 peratus pada tahun itu.

Berlatarkan landskap yang menyaksikan ekonomi maju terus bergelut untuk berkembang dan KDNK ekonomi global yang tidak pernah mencecah 4 peratus sejak tahun 2007⁷, Malaysia sememangnya berada pada kedudukan yang sangat baik.

Rajah 1.1: Pertumbuhan KDNK Yang Stabil Antara Tahun 2010 Hingga 2014



⁷ Laporan World Economic Outlook IMF Tahun 2009-2014

Menghampiri Pendapatan Tinggi Dengan NKEA Sebagai Penyumbang Utama PNK

2 Yang ketara, PNK per kapita bergerak pada trend menaik sejak ETP diperkenalkan pada tahun 2010. PNK per kapita tumbuh sebanyak 47.7 peratus daripada US\$7,059 pada tahun 2009 kepada US\$10,426⁸ pada tahun 2014 (lihat Rajah 1.2).

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah ETP dibentuk untuk mewujudkan daya saing yang lebih tinggi dalam sektor ekonomi yang berkemungkinan meningkatkan sumbangan kepada PNK. Inilah sebab yang mendasari pemilihan 12 sektor teratas. Fokus yang diberikan pada sektor-sektor ini bukan sahaja membantu meningkatkan sumbangan kepada PNK, malah turut mempelbagaikan ekonomi untuk membina daya tahan dan keupayaan untuk menghadapi kejutan dari luar.

Pada tahun 2014, NKEA menyumbangkan 68 peratus daripada jumlah sumbangan PNK (lihat Rajah 1.3).


Peluang Pekerjaan Kian Meningkat

3 Kebanyakan tenaga kerja masih berada dalam pekerjaan yang menjana keuntungan, sebahagiannya dibantu oleh usaha ETP untuk mewujudkan 3.3 juta pekerjaan menjelang tahun 2020.

Sejak tahun 2009, kadar pengangguran menyusut daripada 3.7 peratus kepada 3 peratus⁹ pada bulan Disember 2014. Bagi keseluruhan tenaga kerja Malaysia yang berjumlah 14.18 juta, 13.75 juta¹⁰ daripadanya diambil bekerja.

Selain itu, sejak ETP dilancarkan pada tahun 2010, sejumlah 1.8 juta pekerjaan baharu diwujudkan dengan 1.5 juta peluang pekerjaan dalam sektor NKEA. (lihat Rajah 1.4).

Rajah 1.2: PNK Per Kapita Terus Berkembang




PNK 2014: RM34,123 PNK per kapita, AS\$ 10,426 PNK per kapita

Nota: PNK adalah pada harga semasa. 1 AS\$ = 3.27285974643047 MYR. Purata bagi tempoh 2014

Sumber: PNK mengikut Komponen Perbelanjaan pada Harga Semasa. Jabatan Perangkaan Malaysia Kadar Pertukaran, BNM

Rajah 1.3: Sumbangan NKEA Kepada PNK


(RM bilion)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.4: Pewujudan Peluang Pekerjaan Di Bawah Sektor NKEA

Perincian pekerjaan mengikut NKEA/bukan NKEA (juta)



Nota: Angka tercatat setakat Suku Keempat Tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

⁸ PNK mengikut Komponen Perbelanjaan pada Harga Semasa, BNM

Kadar pertukaran 1 USD = 3.273 MYR [Purata Kadar Pertukaran BNM bagi Tempoh 2014]

PNK=RM1,032 Populasi Pertengahan Tahun = 30,262,000 [Buletin Statistik Januari 2015 BNM, PNK mengikut Komponen Perbelanjaan pada Harga Semasa]

⁹ Suku Keempat Tahun 2014, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia [data awal]


¹⁰ Suku Keempat Tahun 2014, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Pelaburan Swasta Semakin Meningkat

4 Sejak pelancaran ETP pada tahun 2010, pelaburan swasta terus mengatasi pelaburan awam, sejajar dengan matlamat ETP untuk menjadikan sektor swasta sebagai pemacu utama ekonomi (lihat Rajah 1.5). Pada tahun 2014, nisbah bagi pelaburan swasta berbanding dengan pelaburan awam ialah 64:36¹¹.

Malah, kadar pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR) untuk pelaburan swasta meningkat 2.5 kali antara tahun 2011 hingga 2014 berbanding dengan tahun 2007 hingga 2010¹² (lihat Rajah 1.6).


Rajah 1.5: Sektor Swasta Mendominasi Nisbah Pelaburan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, KDNK pada harga malar

Rajah 1.6: Pertumbuhan Pelaburan Swasta Sejak ETP Dilancarkan

(RM juta)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pelaburan Swasta pada Harga Malar 2005 dalam RM

Pelaburan yang diluluskan MIDA terus mengatasi sasaran tahunan di bawah Rancangan Malaysia ke-10, dengan pelaburan pada tahun 2014 mencecah RM235.9 bilion¹³ (lihat Rajah 1.7).

Langkah-Langkah Konsolidasi Fiskal Berjalan Mengikut Perancangan

5 Malaysia komited untuk mengurangkan defisit fiskalnya dan sejak empat tahun lepas telah berusaha dengan gigih untuk memenuhi sasaran defisitnya. Kita telah berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.5 peratus¹⁴ pada tahun

Rajah 1.7: Pelaburan Yang Diluluskan Daripada MIDA



Sumber: MIDA (Termasuk Pembuatan Jan - Jun 2014)

¹¹ Suku Keempat Tahun 2014, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia

¹² Pelaburan Swasta dalam Harga Malar 2005 dalam RM, Jabatan Perangkaan Malaysia

¹³ Pengumuman oleh Malaysian Investment Development Corp pada 26 Februari 2015

¹⁴ Laporan Tahunan 2014, BNM

2014. Sebagai langkah kehematan terhadap kesan daripada harga minyak yang menurun, sasaran defisit negara bagi tahun 2015 dikurangkan daripada 3 peratus kepada 3.2 peratus. Kami tetap yakin bahawa kita akan mencapai belanjawan seimbang menjelang tahun 2020 (lihat Rajah 1.8).

Di samping itu, sejak Oktober 2013, kita telah mencapai kemajuan yang besar dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam bentuk subsidi. Pada bulan Oktober 2013, subsidi gula dihapuskan, dan pada bulan Oktober itu, kerajaan mengumumkan pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk bahan api RON95 dan diesel, sekali gus mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM11 bilion bagi tahun 2015.


Sebagai sebahagian daripada Bajet 2014, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 untuk meraih kutipan hasil yang lebih adil dan meluaskan asas cukai negara. Pada masa ini, hanya 2.2 juta rakyat membayar cukai untuk negara yang jumlah penduduknya 29 juta.

Dengan GST ditetapkan pada kadar enam peratus, diunjurkan kita dapat mengumpulkan hasil sebanyak RM19.4 bilion setakat bulan Disember 2015, dan jumlah ini kemudiannya akan disalurkan semula untuk membantu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Dalam jangka panjang, kita akan dapat memperuntukkan lebih banyak sumber untuk pembangunan infrastruktur dan modal insan, serta menambah baik jaringan keselamatan sosial negara.

Hasil Kerajaan Meningkat

6 Melalui proses pungutan cukai yang semakin cekap, kita telah menyaksikan hasil kerajaan meningkat dalam tempoh lima tahun lalu sejak tahun 2010. Hasil kerajaan yang semakin banyak ini membolehkan kita berbelanja pada bidang yang betul untuk menambah baik infrastruktur dan menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik buat rakyat Malaysia. Ini juga

Rajah 1.8: Malaysia Sentiasa Berdisiplin Dalam Mengurangkan Defisit Fiskalnya




menempatkan kita pada kedudukan yang kukuh untuk membantu golongan miskin dan rakyat terpinggir melalui program keselamatan yang lebih baik. Pada tahun 2014, kami menjangkakan hasil sebanyak RM225.1 bilion¹⁵ berbanding dengan RM213.4 bilion¹⁶ pada tahun 2013.

Mengurangkan Kebergantungan Pada Hasil Minyak & Gas, Mempelbagaikan Ekonomi

7 Meskipun ekonomi Malaysia bermula dengan memfokuskan aktiviti perlombongan dan pertanian, sejak beberapa tahun ini,

ekonomi negara semakin beralih kepada industri sebagai kesan daripada usaha untuk mengindustrikan ekonomi Malaysia. Kita berjaya beralih ke arah industri berasaskan perkilangan dan perkhidmatan. Pempelbagaian ini diteruskan dengan ETP yang menumpukan usaha membina daya saing dalam 12 sektor utama ekonomi, agar kita akhirnya tidaklah mempertaruhkan segala-galanya pada sektor komoditi sahaja. Hasilnya sudah jelas dengan sendirinya. Kini, industri minyak dan gas menyumbang 16.7 peratus daripada KDNK, manakala sektor-sektor lain menyumbang peratusan selebihnya (lihat Rajah 1.9).

Rajah 1.9: Struktur KDNK Malaysia, berdasarkan Sektor NKEA (FY2014)



¹⁵ Laporan Ekonomi 2014/2015, Kementerian Kewangan [anggaran]

¹⁶ Laporan Ekonomi 2014/2015, Kementerian Kewangan

Sumbangan industri minyak dan gas kepada hasil kerajaan juga menurun dengan nyata daripada 40.3 peratus pada tahun 2008 kepada anggaran 29.7 peratus pada tahun 2014 (lihat Rajah 1.10).

Ekonomi Pasaran Modal yang Teguh

8 Malaysia kekal sebagai destinasi pemerolehan dana terbanyak di ASEAN untuk tahun kedua berturut-turut pada tahun 2014, dengan memperoleh RM22.7 bilion melalui IPO dan juga tawaran peringkat kedua. Ini bukan sahaja menunjukkan keyakinan pelabur dalam ekonomi Malaysia, bahkan daya saing pasaran kita dalam rantau ini.

Penggunaan Swasta Terus Meningkat


9 Sebagai bukti kesan ETP terhadap rakyat, penggunaan swasta terus mencatat pertumbuhan yang kukuh berikutan keadaan pasaran pekerja yang stabil, kenaikan upah dan aktiviti pelaburan swasta. Penggunaan swasta kini mencakup 65.7 peratus¹⁷ daripada KDNK.

Pengiktirafan Global Yang Berterusan

10 Dalam Buku Tahunan Daya Saing Dunia (*World Competitiveness Yearbook*) 2014 oleh IMD, ranking Malaysia meningkat kepada tangga ke-12 daripada tangga ke-15 pada tahun 2013. Selain mendapatkan universiti-universiti dalam Liga Ivy seperti Harvard dan Princeton untuk menulis kajian kes mengenai Program Transformasi Negara di Malaysia, dua orang penyelidik Bank Dunia, iaitu Profesor Charles Sabel & Luke Jordan menerbitkan satu kertas kajian bertajuk "Doing, Learning, Being: A Study of Malaysia's Transformation Program" yang mengandungi perakuan mereka mengenai keberhasilan transformasi sebenar yang disaksikan di Malaysia.

Pada tahun 2014 juga, PEMANDU dinamai sebagai salah satu Pasukan Inovasi Kerajaan yang terkemuka di dunia oleh NESTA, UK dan Bloomberg Philanthropies.

Rajah 1.10: Sumbangan hasil minyak kepada hasil kerajaan secara keseluruhan



Sumber: Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2010/2011/2012/2013/2014, Kementerian Kewangan

NKEA Memacu Pertumbuhan

12 NKEA ETP melambangkan usaha kita untuk memfokuskan pertumbuhan ekonomi dalam industri yang dapat mempertingkatkan keupayaan, kepakaran dan pengkhususan kita, sejajar dengan ciri-ciri yang ada dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Pada tahun 2014, KPI keseluruhan bagi NKEA berada pada 110 peratus.

Berikut ialah gambaran ringkas mengenai aktiviti setiap NKEA pada tahun itu, dengan laporan terperinci dibentangkan dalam bab masing-masing dalam laporan ini.

Greater Kuala Lumpur /Klang Valley (GKL)

Tahun 2014 menyaksikan GKL meraih pengiktirafan global, yang paling ketara ialah EIU menaikkan ranking Kuala Lumpur ke tangga ke-70 dalam Ranking Kebolehan 2014 daripada tangga ke-79 pada tahun 2010. Pencapaian ini menandakan lonjakan ranking yang kedua tertinggi di dunia bagi mana-

mana bandar dalam tempoh empat tahun tersebut. Kuala Lumpur juga berada pada kedudukan ke-7 di Asia dan ke-2 dalam kalangan bandar ASEAN. Bandar raya ini juga meraih kedudukan ke-25 menurut *fDi Global Cities of the Future* oleh Financial Times (UK), iaitu berada hanya di tangga ke-2 di belakang Seoul dalam kalangan bandar Pasaran Sedang Pesat Membangun.

NKEA juga terus mempamerkan kemajuan yang memberangsangkan dalam projek permulaannya (EPP), dengan EPP utamanya Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) berjalan mengikut jadual dan sasaran, untuk operasi Fasa Satu (Sg Buloh ke Semantan) menjelang Januari 2017 dan pelaksanaan projek sepenuhnya (Sg Buloh ke Kajang) dijangka siap pada bulan Julai 2017. Sebagai bukti yang menyerlahkan daya penarik GKL sebagai hab perdagangan serantau, 14 MNC melabur dalam GKL pada tahun 2014, mengatasi sasaran tahun 2014 sebanyak 13 MNC. Pelaburan tersebut termasuklah ibu pejabat serantau, pusat perkhidmatan perkongsian global dan operasi hab utama dengan pelabur dari AS, Eropah dan Asia.

¹⁷ Suku Keempat Tahun 2014, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia (Permintaan dalam negeri pada harga malar 2005, KDNK pada harga malar 2005)

Bagi projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*), kemajuan yang memberangsangkan disaksikan dengan inisiatif pembersihan sungai berada pada tahap kemajuan 53 peratus. Kerja-kerja pengindahan sungai di Kawasan Warisan, tempat terletakinya Masjid Jamek, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Katedral St Mary, telah bermula pada bulan Mac 2014.



Minyak, Gas dan Tenaga (OGE)

NKEA ini terus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam industri OGE serantau dan global. Tatkala kita berusaha mencapai kecekapan yang lebih tinggi dalam pengeluaran minyak, PETRONAS telah mengenal pasti 10 projek pemerolehan minyak tertingkat (EOR) yang berpotensi di luar pesisir Malaysia. Meskipun begitu, pergerakan harga minyak dan gas global telah menyebabkan perlunya perhatian yang lebih besar ditumpukan pada pengurusan kos menjelang akhir tahun.

Kita juga telah mencapai kemajuan yang besar sebagai hab penyimpanan dan perdagangan serantau, dengan beroperasinya Pengerang Independent Terminals Sdn Bhd milik Dialog Bhd pada bulan April 2014, yang membawa masuk kapal pengangkut bahan api yang pertama ke kemudahan penyimpanan petroleumnya bagi tujuan perdagangan.

Selain itu, kita telah menjalin hubungan yang penting pada peringkat antarabangsa untuk mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama dan pelaburan, dengan pertalian yang dibina dengan UK Trade and Investment, Scottish Development International, Energy Industries Council, Stavanger Economic Development dan Korea Trade-Investment Promotion Agency. Kuala Lumpur juga telah diiktiraf sebagai Bandar Tenaga Dunia oleh World Energy Cities Partnership.



Perkhidmatan Kewangan

Malaysia terus mempertingkatkan industri perkhidmatan kewangan negara secara menyeluruh melalui ETP. Pada tahun 2014, Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN telah mencapai peringkat akhir penyempurnaannya. Pembentukan rangka kerja tersebut, yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan bank-bank pusat serantau, akan menggalakkan pengembangan dan integrasi perbankan serantau. Bursa Malaysia turut muncul sebagai pasaran pemerolehan dana yang utama di ASEAN, di samping mengekalkan kedudukannya sebagai bursa pelaburan Syariah terbaik di Asia. Negara kita juga terus menerajui pasaran Sukuk global, mencakup kira-kira 65.8 peratus terbitan sukuk global pada tahun itu.

Untuk meningkatkan lagi kedinamikan dan kepelbagaian industri kewangan negara, Suruhanjaya Sekuriti telah melakar rangka kerja konsep pengawalseliaan untuk pendanaan ekuiti yang diperoleh daripada orang ramai, yang bertujuan meningkatkan akses pasaran dan meluaskan rangkaian pelaburan dan produk penajaan modal.



Pemborongan dan Peruncitan

NKEA ini terus menyediakan peluang untuk mewujudkan ekosistem yang dinamik bagi perdagangan borong dan runcit di Malaysia, termasuk menyokong PKS di negara ini yang merupakan tulang belakang ekonomi kita. Dalam hal ini, Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah menyumbang kepada pembangunan sejumlah 1,920 kedai runcit di seluruh negara sejak ia dilancarkan pada tahun 2011, sekali gus membantu pemilik kedai meningkatkan pendapatan dan mempelajari kemahiran perniagaan yang berharga.

Kami juga berusaha menyediakan penawaran barangan runcit inovatif dengan penubuhan Bazar Makan. Salah satu contoh Bazar Makan yang terkenal ialah yang bertempat di Oasis Square di Ara Damansara, Selangor, yang mempunyai jumlah keluasan bersih boleh pajak seluas 141,567 kaki persegi dan telah mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi sehenti yang unik untuk pengalaman kuliner tempatan dan antarabangsa.



Minyak Sawit dan Getah

NKEA Minyak Sawit dan Getah berjaya memanfaatkan peluang daripada kedudukan Malaysia yang telah mantap sebagai pengeluar utama komoditi tersebut, dengan meneroka perkembangan dalam bidang baharu yang bernilai tinggi dalam segmen hiliran. Ini termasuk pelaburan oleokimia bernilai tinggi melalui perkongsian yang ditandatangani antara Genting Plantation Bhd dengan Elevance Renewable Sciences Inc yang berpusat di AS, untuk membina kemudahan biopenapisan metatesis berkapasiti 240,000 tan metrik untuk olefin dan bahan kimia khusus yang lain di Sabah, serta pelaburan sebanyak RM80 juta oleh Sarawak Oil Palms Bhd untuk loji fitonutrien, juga di Sabah.

Sime Darby dan Verdezyne juga telah memulakan perancangan untuk mewujudkan kemudahan loji pemrosesan pertama di dunia untuk menghasilkan asid dodekanadioik daripada suapan boleh diperbaharui. Asid dodekanadioik ialah bahan kimia 'hijau' yang ditemui dalam nilon berprestasi tinggi, pelincir dan resin pengacuan.

Dalam segmen huluan, lebih banyak koperasi pekebun kecil bebas telah mula beroperasi. Pada tahun 2014 sahaja, lapan koperasi baharu telah memulakan operasi mereka untuk menghantar buah tandan segar (BTS) ke kilang minyak sawit. Termasuk dua koperasi sedia ada yang beroperasi, kesemua 10 koperasi telah menghantar sejumlah 14,215 tan metrik BTS pada tahun itu.

Dalam segmen getah, Lembaga Getah Malaysia telah membangunkan industri getah asli untuk menerajui rantau ini dalam penghasilan produk getah asli dan boleh diperbaharui. Pada tahun 2014, Lembaga Getah Malaysia memulakan perancangan projek rintis untuk memasang tayar Ekoprena (getah asli terepoksi) pada bas RAPID Prasarana Bhd di Lembah Klang, yang dijangka bermula pada tahun 2015.



Pelancongan

Meskipun beberapa peristiwa malang yang berlaku memberikan kesan kepada industri penerbangan Malaysia pada tahun 2014, sektor pelancongan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2014, dengan ketibaan pelancong meningkat sebanyak 6.7 peratus daripada 25.72 juta kepada 27.4 juta dan perolehan pelancongan sebanyak RM 72 bilion berbanding dengan RM65.4 bilion pada tahun 2013.

Pelancongan perniagaan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, diterajui Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) yang ditubuhkan untuk mengembangkan segmen Acara Perniagaan dan menempatkan Malaysia sebagai destinasi utama dalam sektor yang menjana pulangan tinggi dan kian berkembang ini. Acara yang disokong oleh MyCEB telah menjana sejumlah 362,280 hari perwakilan antarabangsa, melepasi sasaran 230,000 hari perwakilan. Bersama-sama rakan industri, MyCEB memperoleh dan menyokong 152 acara perniagaan pada tahun 2014, yang merangkumi beberapa kumpulan insentif, pameran dan konvensyen besar termasuk Kongres Persekutuan Juruukur Antarabangsa [FIG] 2014 dan Toastmasters International Convention 2014, kedua-duanya diadakan buat kali pertama di Malaysia.

Malaysia juga mencatat kemajuan yang besar dalam mempromosikan Pelancongan Golf di Malaysia melalui usaha bersama oleh Tourism Malaysia

dan Persatuan Pelancongan Golf Malaysia (Malaysian Golf Tourism Association, MGTA). Dalam jangka masa yang singkat selepas MGTA ditubuhkan, Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara sebagai destinasi golf. Malaysia meraih penghargaan antarabangsa daripada World Golf Awards yang julung-julung kali diadakan pada tahun 2014, dengan memenangi anugerah Destinasi Golf Terbaik di Asia, manakala Els Club di Teluk Datai Langkawi pula meraih anugerah tertinggi sebagai Lapangan Golf Baharu Terbaik Dunia bagi Tahun 2014, mengalahkan banyak calon antarabangsa untuk kategori tersebut.



Elektrikal dan Elektronik (E&E)

Segmen hiliran industri ini berkembang dengan kukuh pada tahun 2014, sekali gus menyokong NKEA E&E dalam mencapai sasarannya bagi tahun 2020. Pada tahun lepas, nilai PNK sektor E&E mencecah RM44.1 bilion, manakala pekerjaan bernilai tinggi dalam industri ini meningkat 17 peratus dalam tempoh dari bulan Januari hingga Julai.

Pelaburan yang diluluskan untuk E&E pada tahun 2014 juga mengatasi sasaran RM5.1 bilion pada tahun itu, setelah mencapai RM8.9 bilion. Pelaburan terkumpul dalam sektor E&E telah mencecah RM42.2 bilion sejak ETP dilancarkan.

Yang lebih penting lagi, kita telah mengorak langkah kemajuan yang besar dalam aktiviti E&E bernilai tinggi. Perkembangan yang ketara termasuklah kadar penggunaan makmal pengujian wafer pada 66 peratus, manakala syarikat antarabangsa SanDisk Corporation telah memilih Malaysia sebagai lokasi untuk membina kemudahan perkilangan dan R&D, sekali gus mengukuhkan status negara sebagai hab antarabangsa untuk perkilangan semikonduktor berteknologi tinggi.



Perkhidmatan Perniagaan

Perkhidmatan Perniagaan ialah sektor kedua paling pantas berkembang di Malaysia, dengan kepakaran dibina dalam segmen khusus sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2014, AT Kearney Global Location Services Index menempatkan Malaysia pada kedudukan ketiga dalam perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar, kedudukan yang terus dipegang oleh negara sejak 10 tahun lepas.

Malaysia turut meraih tempat ke-2 di ASEAN dari segi bahagian pasaran dalam industri aeroangkasa, dan pada tahun lepas, Pelan Tindakan Aeroangkasa Nasional 2015-2030 dirangka untuk menjadikan Malaysia pasaran aeroangkasa utama di Asia Tenggara menjelang tahun 2030.

Perkembangan lain yang ketara dalam NKEA Perkhidmatan Perniagaan termasuklah pelancaran projek baharu di bawah EPP2, "Membina pihak pembekal perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa", iaitu Hab Penyumberan Luar Automotif IT Global Goldbury. Projek yang diterajui Goldbury Communications Sdn Bhd ini menyasarkan penjaan PNK sebanyak RM113 juta, mewujudkan 450 pekerjaan berkemahiran tinggi dan menyumbang pelaburan berjumlah RM4.2 juta menjelang tahun 2020. Projek ini akan menyokong syarikat automotif menggunakan penyelesaian automotif keluaran SAP dan dijangka memberikan khidmat kepada 100,000 pengguna SAP di seluruh dunia. Hab ini terletak di Medini Iskandar, Nusajaya, dan merintis laluan untuk Goldbury menjadi peserta yang menonjol dalam perkhidmatan automotif global.

Pada tahun 2014, EPP 7: Menjadikan Malaysia sebagai Hub OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara dibentuk sebagai hasil sampingan daripada EPP1. Projek ini diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri dan dimiliki oleh M-Aerotech (sebuah anak syarikat MARA), bersama-sama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), SMECORP dan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), dan disasarkan untuk menyumbang sebanyak RM1.1 bilion PNK dan mencipta RM1.9 bilion pelaburan serta 3,368 pekerjaan berkemahiran tinggi pada tahun 2020.



Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI)

NKEA ini telah memainkan peranan yang penting dalam membawa kandungan komunikasi yang lebih pelbagai kepada segmen penduduk yang luas, meningkatkan ketercapaian dan mengurangkan kos, di samping turut membangunkan Malaysia menjadi peneraju eksport kandungan kreatif serantau.

Tahun-tahun sebelum ini telah menyaksikan Malaysia terus memacu ketersediaan akses jalur lebar kepada rakyat, dengan peratus isi rumah yang memiliki akses Internet berada pada 67.3 peratus. Peratus ini lebih baik daripada kebanyakan negara ASEAN. Perkhidmatan jalur lebar yang semakin mencapai tahap tepu juga telah membawa kepada pembangunan Evolusi Jangka Panjang (LTE), dengan tahap penembusan LTE kini berada pada 23 peratus.

Sejak ETP diperkenalkan, kepantasan sambungan rangkaian Malaysia kepada rangkaian global semakin meningkat dengan kapasiti lebar jalur antarabangsa pada 3.2 Tbps, manakala pada tahun ini, Konsortium Rangkaian Serantau berjaya mendapatkan lebih banyak lebar jalur dan mengurangkan kos borong lebar jalur Internet sebanyak 34 peratus.

Dengan penumpuan komunikasi dan kandungan, CCI merupakan bidang pertumbuhan baharu bagi negara ini.

Tahun lepas juga menyaksikan Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI) membawa masuk 11 produksi dengan peningkatan dalam anggaran perbelanjaan produksi Malaysia yang layak (QMPE) daripada RM149 juta pada tahun 2013 kepada RM335 juta pada tahun 2014. Sehingga akhir tahun 2014, hasil eksport kandungan kreatif mencapai jumlah RM609 juta, satu peningkatan yang ketara sejak ETP dilancarkan.



Pendidikan

NKEA Pendidikan terus menyokong pembangunan sektor pendidikan, memberikan manfaat kepada pelajar tempatan di samping menarik bilangan pelajar asing yang semakin meningkat. Pada tahun 2014, NKEA Pendidikan mencatat kemajuan yang besar dengan menjadi bukan sahaja penyumbang ekonomi malah juga pemangkin ekonomi. Enrolmen pelajar yang kukuh di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam program hospitaliti dan pelancongan melebihi sasaran awal 16,000 untuk merekodkan enrolmen berjumlah 18,269. NKEA ini juga terus berada di landasan yang tepat untuk menyumbang dengan ketara kepada sasaran utama enrolmen prasekolah kebangsaan sebanyak 97 peratus dan enrolmen penjagaan kanak-kanak sebanyak 25 peratus menjelang tahun 2020.

Education Malaysia Global Services (EMGS) terus memacu Malaysia sebagai hab pendidikan, menerajui usaha untuk menarik pelajar antarabangsa agar menyambung pengajian di negara kita. Pada tahun 2014, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa adalah sebanyak 117,000. EduCity@Iskandar juga memainkan peranan dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan, mempertingkatkan enrolmen pelajar sebanyak 35 peratus pada tahun 2014 berbanding dengan tahun sebelumnya.



Pertanian

Sejak bermulanya ETP, NKEA Pertanian telah berjaya menyediakan platform untuk syarikat pertanian besar meluaskan akses pasaran mereka di luar Malaysia, di samping menawarkan saluran kepada syarikat-syarikat yang lebih kecil dalam industri ini untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan masing-masing untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Pada tahun 2014, NKEA Pertanian menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam EPP 1: Produk Herba Bernilai Tinggi, dengan ujian praklinikal dijalankan terhadap lapan produk manakala kelompok pesakit pertama didaftarkan untuk menjalani ujian klinikal bagi enam produk lagi.

Dua syarikat baharu, Oasis Aquaculture Sdn Bhd dan SBH Perak Agro Aquaculture Sdn Bhd dilantik sebagai syarikat peneraju di bawah EPP 6: Mereplikasi Model IZAQ, manakala syarikat peneraju sedia ada menghasilkan 30,081 tan udang pada tahun itu, dengan meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi. NKEA ini juga menyaksikan penanaman nanas MD2 buat kali pertama, serta penuaian pertama hasil tani di bawah projek Kampung Abad ke-21, dengan 224 tan betik dituai. Sementara itu, syarikat peneraju di bawah EPP 13: Membangunkan Kluster Tenusu menghasilkan 18.12 juta liter susu pada tahun itu, dan bilangan petani di bawah projek ini kini sebanyak 281 orang, dengan 198 daripadanya ialah pekebun kecil.



Penjagaan Kesihatan

NKEA ini terus berkembang dengan kukuh pada tahun 2014, dengan lima projek baharu diberi status EPP; dijangka mewujudkan 528 pekerjaan, menjana pendapatan sebanyak RM52.8 juta dan menarik pelaburan sebanyak RM201.2 juta.

Tahun 2014 juga sememangnya bermakna bagi industri penjagaan kesihatan berikutan peningkatan dalam eksport farmaseutikal, penyempurnaan inisiatif utama untuk membangunkan segmen penjagaan warga emas dan lebih banyak MNC farmaseutikal merancang untuk memindahkan operasi perkilangan mereka ke Malaysia. Pada tahun itu, eksport farmaseutikal meningkat sebanyak 15.9 peratus, mengatasi sasaran pertumbuhan 5 peratus untuk tahun itu, manakala draf akhir Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas Swasta telah disempurnakan. Langkah-langkah lain yang telah disempurnakan termasuklah silibus latihan Operasi Pusat Penjagaan Warga Emas, Pentadbiran Pusat Penjagaan Warga Emas dan Pengurusan Pusat Penjagaan Warga Emas, garis panduan perancangan fizikal untuk kemudahan penjagaan warga emas serta penyediaan pakej insentif untuk kemudahan dan perkhidmatan penjagaan warga emas kepada pemaju dan pengusaha.

SRI Memupuk Daya Saing Global

SRI yang dibentuk daripada saranan dasar Model Ekonomi Baharu mewakili komponen yang diperlukan untuk Malaysia mencapai daya saing pada peringkat global. Bermula dengan enam SRI, tahun 2014 menyaksikan SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam dipindahkan ke platform yang lebih tinggi dan dinamai semula sebagai program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam, dan laporan mengenainya boleh didapati dalam Laporan Tahunan GTP. Pada tahun 2014, pencapaian KPI bagi SRI secara keseluruhan ialah 120 peratus.



Persaingan, Standard dan Liberalisasi

Susulan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 pada bulan Januari 2012, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) giat menyiasat kes, di samping terus menguatkuasakan undang-undang melalui program sokongan. Sejak ditubuhkan, MyCC telah mengendalikan 30 program sokongan secara purata setiap tahun, yang membawa kepada peningkatan bilangan aduan yang diterima kepada 72 pada tahun 2014 daripada hanya lapan aduan pada tahun 2012. Antara tahun 2011 hingga 2014, MyCC telah mengeluarkan 27 nasihat dasar kepada agensi-agensi Kerajaan.

Pada bulan Jun 2014, YAB Perdana Menteri melancarkan Program Pematuhan Standard Nasional yang bermatlamat mewujudkan industri peka kualiti yang akan menerapkan standard dalam penyampaian produk dan perkhidmatan mereka. Standard juga semakin dititikberatkan oleh Kementerian dan agensi disebabkan oleh kepentingannya dalam ETP. Kementerian Pertanian telah menggabungkan pelbagai pensijilan pertanian di bawah Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP), yang merupakan skim pensijilan menyeluruh bagi sektor pertanian, akuakultur dan ternakan. Penggabungan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran pensijilan, malah turut meningkatkan pengiktirafan jenama MyGAP dalam pasaran domestik dan juga antarabangsa.

Dari aspek liberalisasi perkhidmatan, usaha mengkaji semula dan memperkemas peraturan dan prosedur untuk membantu pelabur dan menambah baik persekitaran perniagaan telah dijalankan. Penambahbaikan ini di bawah rangka kerja pemangkin perniagaan yang mendokumenkan instrumen dasar serta kelulusan dan pendaftaran yang berkaitan boleh didapati di portal khas (<http://myservices.miti.gov.my>).



Pembangunan Modal Insan (HCD)

Disebabkan oleh landskap pembangunan modal insan yang luas, SRI-HCD sendiri bertindak sebagai pemangkin di samping pelbagai dasar berkaitan dengan modal insan oleh EPU dan agensi lain.

Melalui peranan SRI HCD dalam mengukuhkan dasar HCD, negara kita meraih kedudukan ke-22 daripada 122 negara dalam Indeks Modal Insan 2013 yang diadakan buat pertama kalinya, selain kedudukan ke-5 bagi kategori Asia Pasifik.

Negara turut mencatat kemajuan yang ketara dalam tenaga kerja dan guna tenaga melalui peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja kepada 68 peratus, dengan 53.4 peratus daripadanya ialah pekerja wanita.



Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan

Kerajaan telah melepaskan sahamnya dalam 32 syarikat sehingga November 2014, daripada 33 syarikat yang disasarkan. MOF Inc telah melepaskan saham dalam tiga syarikat, iaitu Jaring Comms Sdn Bhd, syarikat pengeluaran komponen penerbangan Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd, dan Penang Port Sdn Bhd, manakala program rasionalisasi pada peringkat Kementerian telah menyaksikan Kementerian Kerja Raya menutup syarikat Steel Frame & Truss Technology Sdn Bhd dan CIDB Events Management Sdn Bhd.

Pada tahun 2014, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) melupuskan semua pemegangannya dalam Konsortium Logistik Bhd dan menyerlahkan nilai daripada pengendali kapal bekalan luar pesisir Icon Offshore Bhd melalui tawaran awam awal pada bulan Jun.

Secara keseluruhan, GLIC dan GLC telah menginstitusikan pelepasan aset bukan strategik sebagai sebahagian daripada rancangan mereka pada masa hadapan.



Pembaharuan Kewangan Awam

Kerajaan meneruskan konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi pada tahun 2014 dengan mengurangkan subsidi bahan api (RON 95 dan diesel) sebanyak 20 sen seliter pada 2 Oktober 2014. Berikutnya pada 1 Disember 2014, Kerajaan mencapai kemajuan besar menerusi peralihan penentuan harga bahan api RON 95 dan diesel kepada mekanisme apungan terurus, sekali gus membolehkan pentadbiran melupuskan subsidi bahan api yang telah dilaksanakan selama hampir 16 tahun. Perancangan untuk memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada bulan April 2015 juga berjalan lancar mengikut jadual. Walau bagaimanapun, tatkala Kerajaan mengorak kemajuan yang besar dalam mengurangkan defisit fiskalnya, peralihan ke arah belanjawan seimbang menjelang tahun 2020 diperlahankan pada tahun 2014 disebabkan oleh kejatuhan mendadak harga minyak mulai November 2014. Namun begitu, defisit fiskal terus berkurang sejak ETP dimulakan, begitu juga dengan pergantungan Kerajaan terhadap hasil berasaskan minyak, dengan sumbangan minyak dan gas kini berada pada 29.7 peratus daripada jumlah hasil Kerajaan, daripada paras setinggi 40.3 peratus sebelum ini.



Merapatkan Jurang Ketaksamaan

Inisiatif yang dipimpin oleh TERAJU di bawah SRI ini semakin berkembang pada tahun 2014, dengan peluang perniagaan dan pembiayaan bernilai RM47.07 bilion diwujudkan untuk komuniti perniagaan Bumiputera sehingga kini.

Inisiatif *Carve Out and Compete* mencapai titik kemajuan baharu pada tahun ini, dengan memperuntukkan peluang khas kepada Bumiputera bernilai RM10.2 bilion daripada pelbagai projek, dan berjumlah RM23.5 bilion sejak tahun 2012.

Tahun 2014 turut menyaksikan kesinambungan program yang meningkatkan akses Bumiputera kepada pembiayaan dan pasaran, seperti RM2.24 bilion Dana TeraS, RM580 juta Dana Halal, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan program eksport. Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB), dengan TERAJU sebagai sekretariatnya, turut dimulakan pada tahun 2014.

Tahun 2020: Meneruskan Perjuangan

Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang besar ke arah status negara berpendapatan tinggi dalam tempoh empat tahun yang lalu. Tatkala kita memasuki fasa terakhir ETP, inilah masa yang lebih penting lagi untuk kita terus melayari haluan perjuangan dan mengekalkan momentum yang telah dibina dalam transformasi negara.

Meskipun Kerajaan terus berusaha memastikan persekitaran yang menyokong dan kondusif untuk aktiviti komersial, tanggungjawab untuk memacu pertumbuhan ekonomi harus diletakkan pada bahu sektor swasta yang dilengkapi sumber dan keupayaan yang lebih baik untuk memajukan NKEA. Kami juga akan terus mempraktikkan disiplin fiskal untuk melindungi asas-asas ekonomi. Hal ini amat penting lebih-lebih lagi memandangkan pertumbuhan ekonomi global mungkin menjadi perlahan dalam tempoh jangka pendek.

Jika ada penambahbaikan oleh sektor swasta yang ingin kami saksikan, kami berharap lebih banyak syarikat Malaysia akan menyahut cabaran untuk berubah menjadi peneraju serantau dan global. Syarikat Malaysia harus meneroka peluang perniagaan di persada global. Kita harus membina produk dan perkhidmatan yang akan membolehkan kita berdiri gah setanding dengan syarikat-syarikat besar di dunia. Inilah semangat yang akan membawa kita ke arah kejayaan, dan memastikan kita terus berada di puncak kegemilangan apabila status negara berpendapatan tinggi berjaya diraih.

Dalam tempoh lima tahun seterusnya, PEMANDU akan tetap memainkan peranannya dalam memantau ETP untuk memastikan kita mencapai matlamat yang disasarkan untuk tahun 2020, di samping bergerak seiring dengan program-program Kerajaan, seperti Rancangan Malaysia ke-11 yang akan bermula pada tahun 2016 dan menyaksikan kita terus mara ke pusingan akhir menuju status pendapatan tinggi.

Tiada apa yang lebih kukuh daripada keazaman kita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 agar semua rakyat Malaysia dapat menikmati manfaatnya, dan kami berasa yakin bahawa masa hadapan menjanjikan harapan yang cerah dan penuh potensi buat rakyat Malaysia tatkala kita mengalu-alukan era pembangunan baharu.

PENCAPAIAN ETP

2014

3 APR

KOMPLEKS BERSEPADU PENERANG, JOHOR

Lembaga Pengarah PETRONAS telah meluluskan Keputusan Pelaburan Mukhtamad (FID) sebanyak RM89 bilion bagi pembangunan Kompleks Bersepadu Penerang di Johor



12 MEI

LAPORAN TAHUNAN GTP & ETP 2013

Pelancaran oleh Perdana Menteri di Angkasapuri



26 JUN

PEMBUKAAN FASA 1A TERMINAL BEBAS PENERANG DI PENERANG

Projek dilengkapi dengan 25 tangki penyimpanan minyak yang menyediakan kemudahan penyimpanan minyak mentah untuk tujuan perdagangan



26 JUN

KEMAS KINI KEMAJUAN NKEA PENJAGAAN KESIHATAN

Empat projek permulaan (EPP) yang diumumkan - menjana pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM45.9 juta menjelang tahun 2020, 490 pekerjaan baharu dan menarik pelaburan bernilai RM200.3 juta



3 JUL

PELANCARAN PELAN TINDAKAN GRAPHENE KEBANGSAAN

Rancangan adalah berdasarkan analisis yang mendalam tentang potensi ekonomi untuk Malaysia melalui inovasi dengan graphene dan langkah-langkah yang diperlukan untuk menangkap nilainya



10 SEP

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berucap semasa sesi taklimat Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)



10 OKT

LALUAN 2 MRT

Kelulusan laluan 2 MRT dari Sungai Buloh ke Putrajaya diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan semasa perbentangan Bajet 2015



13 DIS

DATARAN MEDAN PASAR

Pengubahsuaian di Dataran Medan Pasar di Lebuhraya telah lengkap dan dibuka semula



2013

28 DIS

FIESTA PARADE DUNIA
BUKIT BINTANG KLCC
Festival Street anjuran bersama
Persatuan Pelancongan BKKLCC
& Pelancongan Malaysia



12 NOV

PELANCARAN PROGRAM PEMATUNAN
STANDARD NEGARA (NSCP)



3 OKT

AIRBUS MENUBUHKAN PUSAT
KHIDMAT SERANTAU



28 OGOS

LOGO AMALAN BAIK PERTANIAN
MALAYSIA (MYGAP) DILANCARKAN



1 JUL

UMUR PERSARAAN MINIMUM
Dikuatkuasakan pada 60 tahun
bagi pekerja sektor swasta



19 MAC

LAPORAN TAHUNAN GTP & ETP 2012
Pelancaran oleh Perdana Menteri
di Angkasapuri



7 FEB

PENILAIAN PRESTASI ANTARABANGSA



1 JAN

PERINTAH GAJI MINIMUM
BERKUATKUASA BAGI PEKERJA
RM900 bagi Semenanjung, RM800
bagi Sabah & Sarawak



2012

27 NOV

TAHUN KEDUA ETP
Pelaksanaan penuh



16 NOV

KEMAS KINI KEMAJUAN
20 projek baharu dan projek
Koridor diumumkan
Pengemaskini 3 SRI



1-15 NOV

MAKMAL PENDIDIKAN KEPERLUAN KHAS



18-19 SEP

MAKMAL KESEJAHTERAAN WARGA EMAS



13 SEP

KEMAS KINI KEMAJUAN
21 projek baharu diumumkan
Pengemaskinian 3 SRI



28 MEI

KEMAS KINI KEMAJUAN
21 projek baharu diumumkan
Pengemaskinian 6 SRI



MEI - JUN

MAKMAL 2.0 ELEKTRIK & ELEKTRONIK



2 APR

LAPORAN TAHUNAN GTP & ETP 2011
Pelancaran oleh Perdana Menteri
di Angkasapuri



14 FEB

HARI TERBUKA BANDAR DAN KORIDOR
Diadakan di Kota Kinabalu



7 FEB

PENILAIAN PRESTASI ANTARABANGSA



2011

8 SEP

INVESTKL
Pengumuman oleh Perdana Menteri



5 JUL

KEMAS KINI ETP
Pelancaran enam Inisiatif
Pemulihan Strategik



1 JAN

TALENTCORP
Permulaan sebuah agensi
kerajaan yang ditugaskan untuk
menarik bakat Modal Insan



2010

30 NOV

KEMAS KINI KEMAJUAN
Permulaan kukuh dengan
pengumuman 9 projek lagi



25 OKT

PROGRAM HALA TUJU
TRANSFORMASI EKONOMI
Pelancaran oleh Perdana Menteri
dengan pengumuman 9 Projek



BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA



PENDEKATAN YANG TERTUMPU KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI

Malaysia harus menggunakan kelebihan daya saingnya untuk mengutamakan pelaburan dan memberi sokongan polisi kepada beberapa penggerak pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, Program Transformasi Ekonomi bertumpukan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) seperti yang diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. NKEA-NKEA ini akan menerima sokongan kerajaan dari segi sumber-sumber seperti dana dan bakat yang terbaik.

Kerajaan bagaimanapun beriltizam menyokong pertumbuhan bidang ekonomi selain NKEA secara berterusan. Namun, usaha Kerajaan masih tertumpu kepada NKEA berdasarkan peranan penting yang dimainkan dalam memacu ekonomi melalui sumbangannya kepada PNK.



**GREATER KUALA LUMPUR
/KLANG VALLEY**



MINYAK, GAS DAN TENAGA



PERKHIDMATAN KEWANGAN



**PEMBORONGAN
DAN PERUNCITAN**



MINYAK SAWIT DAN GETAH



PELANCONGAN



**ELEKTRIKAL
DAN ELEKTRONIK**



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



**KANDUNGAN DAN
INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI**



PENDIDIKAN



PERTANIAN



PENJAGAAN KESIHATAN

GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY



Tahun 2014 merupakan tahun yang amat memberangsangkan dan bermakna bagi NKEA Greater KL/KV. Kesemua EPP telah menunjukkan kemajuan yang ketara mengikut jadual dan semua pihak berkepentingan mengekalkan komitmen untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020





**Datuk Seri Tengku Adnan
Tengku Mansor**
Menteri Wilayah Persekutuan

S&J

APAKAH SOROTAN PENTING DI BAWAH NKEA GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY UNTUK TAHUN 2014?

Tahun 2014 merupakan tahun yang memberangsangkan dan bermakna bagi NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV). Kesemua EPP di bawah NKEA Greater KL/KV telah menunjukkan kemajuan yang ketara mengikut jadual dan semua pihak berkepentingan mengekalkan komitmen untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020.

Sejajar dengan aspirasi kami yang bertaraf dunia dan demi melanjutkan visi NKEA Greater KL/KV untuk merangsangkan keterhubungan di kawasan bandar di samping mempertingkatkan rangkaian pengangkutan awam, Projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan 1 (Sg Buloh – Kajang) pada tahun ini telah memperlihatkan pencapaian yang signifikan dari aspek pembinaan kedua-dua bahagian tertingkat dan bawah tanah. Projek ini kini mendahului jadual dengan penyiapan 59 peratus.

MRT Laluan 2 (Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya) juga telah menerima kelulusan daripada Kabinet pada tahun 2014. Kami memperlihatkan laluan ini sebagai pemangkin yang dapat mentransformasikan rangkaian pengangkutan awam di dalam kawasan Greater KL/KV. Keterlibatan pihak awam dalam MRT Laluan 2 dijangka akan dikendalikan pada suku kedua tahun 2015 untuk mendapatkan maklum balas rakyat mengenai penajajaran Laluan 2 yang dicadangkan.

Projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*, RoL) yang bakal menggiatkan semula Sungai Klang dan Gombak menjadikannya sebagai sebuah Pusat Warisan dan Komersial sedang berjalan seperti yang dijadualkan, dengan pencapaian 37 peratus daripada sasaran tahunannya, sebanyak 39 peratus.

Fasa Satu kerja pengindahan Sungai di sepanjang 10.7 km di sekitar pusat bandar, di mana terletaknya tapak-tapak bersejarah, telah bermula pada tahun 2014 dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2016. Iktibar daripada bandar raya bertaraf global lain yang telah membersihkan sungai-sungai mereka, menunjukkan projek ini mampu menjadi pemangkin yang bakal mengubah landskap persekitaran pusat bandar.

Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas kejayaan mereka untuk menaiktarafkan laluan pejalan kaki sepanjang 48.87 km di sekitar pusat bandar, menjangkau sasaran tahun 2020, iaitu 42 km. Pada tahun ini, EPP Penghijauan Kuala Lumpur telah melangkaui sasaran 2020nya untuk menanam 100,000 batang pokok di sekitar pusat bandar.

Salah satu projek transformasi yang sedang dijalankan oleh Greater KL/KV ialah pembinaan landasan Kereta Api Berkelajuan Tinggi yang bakal menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura. SPAD, pihak yang meneraju projek ini telah menepati KPInya dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan untuk memuktamadkan penajajaran tersebut.

Saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa InvestKL, telah sekali lagi berjaya melepasi sasarannya selepas menarik sebanyak 14 syarikat MNC dari Eropah, Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik untuk bertempat di Kuala Lumpur pada tahun 2014. Syarikat-syarikat MNC ini tertumpu pada sektor pendidikan, minyak & gas, penjagaan kesihatan, IT, logistik, perkhidmatan kejuruteraan dan produk industri. Pembukaan pejabat-pejabat syarikat MNC tersebut dijangka akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

BAGAIMANA AKAN GREATER KL/KV MENANDINGI BANDAR RAYA ASIA YANG LEBIH MAJU SEPERTI SINGAPURA, TOKYO DAN HONG KONG DALAM PERSAINGAN UNTUK MENJADI BANDAR RAYA BERTARAF DUNIA?

Setakat ini, Greater KL/KV telah pun berjaya ditempatkan di peta global sebagai salah satu bandar raya yang ikonik di Asia Tenggara dengan mercu-mercu tanda bertaraf antarabangsa seperti Menara Kembar PETRONAS di samping keunikan kepelbagaian budaya dan warisannya.

bersambung



sambungan muka surat sebelum

Sehingga kini, segala usaha EPP untuk mempertingkatkan ciri-ciri pengindahan pusat bandar ini telah membuahkan hasil. Dalam Kedudukan Daya Huni *Economic Intelligence Unit* tahun 2014 (*EIU Liveability Ranking in 2014*) daripada 140 bandar, Kuala Lumpur ditempatkan di kedudukan 70, melonjak sembilan tempat daripada kedudukannya pada tahun 2010. Sebagai lonjakan kedua tertinggi untuk mana-mana bandar raya dalam tempoh empat tahun, kami berasa amat teruja dengan perkembangan ini dan akan mempergiatkan usaha untuk menjadikan Greater KL/KV sebagai sebuah bandar raya yang melangkaui jangkaan. Kedudukan terkini juga memperlihatkan Malaysia di tempat ketujuh dalam kalangan bandar raya di Asia dan tempat kedua di rantau ASEAN.

Setelah mengimbuai pengalaman daripada bandar raya lain yang berjaya, tumpuan utama kami adalah untuk memastikan pembinaan rangkaian pengangkutan awam yang berintegrasi dan moden sejajar dengan bandar raya global yang lain. Hal ini menunjukkan kepentingan pembinaan MRT Laluan 1, Laluan 2 dan seterusnya, Laluan 3.

Keutamaan juga turut diberikan kepada pengurusan modal insan berdasarkan persaingan antarabangsa untuk menarik bakat terbaik. Penubuhan TalentCorp berhasrat untuk memastikan bahawa kumpulan dengan bakat berpotensi tinggi tempatan dan ekspatriat diuruskan secara berstruktur.

Rentetan daripada usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, kami juga perlu memastikan bahawa budaya dan warisan turut dipelihara dan dipromosikan. Selaras dengan inisiatif ini, laluan pejalan kaki jejak warisan disediakan yang melalui beberapa mercu tanda di sekitar pusat bandar dan tahun ini sebanyak 27,000 pelancong telah menikmati lawatan berpandu sepanjang laluan ini.

Kami berharap dengan gabungan pelaburan dalam infrastruktur, tarikan pelaburan dan bakat di samping mempertingkat dan mempromosikan budaya dan warisan kami yang kaya, Greater KL/KV mampu dijadikan sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa yang unik.

GREATER KL/KV MENJANGKA PERTUMBUHAN PENDUDUK DARIPADA 6 JUTA ORANG KEPADA 10 JUTA MENJELANG TAHUN 2020 SEBAGAI HASIL DARIPADA PENINGKATAN KEGIATAN EKONOMI DI KAWASAN INI. BAGAIMANAKAH KERAJAAN MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI MENGHADAPI TEKANAN DARIPADA KENAIKAN PENDUDUK DI GREATER KL/KV?

Jumlah penduduk Greater KL/KV telah meningkat daripada enam juta pada tahun 2010 kepada hampir tujuh juta pada tahun 2013. Ini mencerminkan trend di serata dunia ke arah urbanisasi dan menandakan kepentingan Greater KL/KV sebagai enjin pencetus ekonomi dan magnet tarikan modal insan. Dalam usaha untuk menjadi sebuah bandar raya global, hal ini merupakan satu cabaran dan harus diutamakan oleh Kerajaan untuk mengurus dan menentukan model pertumbuhan yang mampan.

Setelah menjalankan perancangan teliti sejak permulaan makmal Greater KL/KV, kami kini memberi tumpuan kepada peningkatan pergerakan orang ramai melalui pengangkutan awam, membekalkan perkhidmatan berkualiti tinggi dalam bidang pengurusan pembetungan & sisa pepejal, membangunkan inisiatif hijau, dan memanfaatkan aset sungai dan warisan di samping meneruskan tarikan pelaburan yang mampu mencipta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Sembilan EPP dan dua Peluang Perniagaan di bawah NKEA Greater KL/KV diwujudkan untuk menumpukan perhatian kepada bidang-bidang utama tersebut.



GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV) yang berasaskan kawasan geografi ini berbeza sekali daripada NKEA lain yang berasaskan industri. Dinobatkan sebagai pusat pertumbuhan utama negara, kepentingan kawasan ini dari perspektif kewangan dan ekonomi tidak disangkal lagi dan kerana itulah ia memerlukan pelan pembangunan yang komprehensif dan mampan untuk menangani arus pantas urbanisasi.

Hala tuju Greater KL/KV adalah untuk menjadi metropolis yang mencapai kedudukan 20 bandar teratas dalam pertumbuhan ekonomi, seiring dengan hasratnya untuk mencapai kedudukan global 20 teratas bagi bandar berdaya huni menjelang tahun 2020.

Segala usaha ini telah pun menampakkan hasilnya, sebagaimana yang dicerminkan dalam peningkatan kedudukan bandar Kuala Lumpur kepada kedudukan ke-70 daripada jumlah 140 bandar dalam Kedudukan Daya Huni *Economist Intelligence Unit* (EIU) 2014.

Kuala Lumpur melonjak sembilan kedudukan berbanding kedudukannya pada tahun 2010. Ini merupakan lonjakan kedua tertinggi bagi mana-mana bandar dalam tempoh empat tahun yang lepas dan ini adalah bukti usaha gigih yang

telah dilaburkan. Menurut Indeks Kedudukan Daya Huni EIU juga, Kuala Lumpur kini menduduki tangga ketujuh dalam kalangan bandar raya Asia dan tempat kedua di bandar raya ASEAN.

Dalam kedudukan global yang lain, daripada 140 bandar, Kuala Lumpur berada di tempat ke-25 dalam *Financial Times (UK) fDi Global Cities of the Future* dan berada di kedudukan kedua di belakang Seoul dalam *Emerging Market Cities*.

Kedudukan Daya Huni
Global EIU 2014
GKL/KV Ke-7 di Asia

Unjuran Tahunan 2015

Langkah seterusnya adalah untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Greater KL/KV di samping mencetuskan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di mana kedua-duanya adalah asas kepada pembangunan bandar. Hal ini adalah amat penting untuk memastikan kemajuan yang berterusan dapat dicapai oleh 11 NKEA lain di bawah Program Transformasi Ekonomi di mana NKEA Greater KL/KV bertindak sebagai pelonjak pelaburan serta pencetus peluang pekerjaan.

InvestKL telah menetapkan sasaran tahunan yang lebih tinggi untuk menarik sebanyak 15 syarikat MNC bagi tahun 2015, berbanding 13 pada tahun sebelumnya. Ini dijangka akan menyediakan sekurang-kurangnya 600 peluang pekerjaan baharu berpendapatan tinggi di kawasan serantau.

TalentCorp dijangka akan mempergiatkan usaha untuk menambah bakat yang berkualiti di bawah *Returning*

Expert Programme (REP). Tambahan pula, di bawah Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (*Expatriate Services Division*) yang ditubuhkan pada tahun 2014, pengeluaran Proses PAS Pekerjaan disasarkan akan siap dalam tempoh lima hari bekerja berbanding proses semasa yang memakan tempoh satu hingga dua bulan. Ini akan membantu memenuhi sasaran tahun 2015 untuk meluluskan 1,000 permohonan di bawah Program *Residence Pass-Talent* (RP-T).

Projek Pengangkutan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Malaysia ke Singapura dipertingkatkan sebaik sahaja Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang menerajui EPP ini berbincang dengan pihak berkuasa untuk memuktamadkan jajaran trek di Malaysia.

MRT Laluan 1 (Sg Buloh-Kajang), yang terbahagi kepada dua fasa, sedang berjalan mengikut jadual. Fasa Satu dari Sg Buloh ke Semantan dijangka akan beroperasi pada bulan Disember 2016, sementara operasi sepenuhnya dari Sg Buloh ke Kajang akan bermula pada bulan Julai 2017. Pada tahun 2015, usaha-usaha akan ditumpukan kepada Fasa Satu projek tersebut yang melibatkan penyiapan 12 stesen dari segi struktur serta pemantauan dan pencapaian bagi peratusan trek yang terbina. Selain memastikan projek Fasa Satu berjalan lancar, pembaikan berterusan (*continuous improvement*) kepada piawai keselamatan akan diberi perhatian yang tertinggi. Tambahan pula, Perdana Menteri telah pun mengumumkan cadangan MRT Laluan 2 (Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya) semasa membentangkan Bajet 2015. Maklum balas orang ramai mengenai cadangan MRT Laluan 2 dijangka akan diperoleh menjelang suku kedua tahun 2015.



MRT Laluan 1 Sungai Buloh Depot dalam proses pembinaan

Usaha-usaha yang dijalankan di bawah Projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life, RoL*) akan ditumpukan kepada pembersihan dan pengindahan sungai. Pada tahun 2015, di bawah inisiatif pembersihan sungai, pembinaan Loji Rawatan Kumbahan terbesar serantau yang terletak di Bunus dan Jinjang-Kepong akan dimulakan. Kerja-kerja Fasa Dua bagi Sistem Pemintas di sepanjang koridor pengindahan sungai sepanjang 10.7 km akan bermula dan pembinaan Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) di Pasar Borong Kuala Lumpur (dijangka akan menjadi WWTP yang terbesar di Kuala Lumpur) juga bakal disiapkan.

Sehingga kini, semua usaha dan inisiatif yang telah disiapkan di bawah EPP ini, seharusnya menghasilkan pembaikan berterusan kualiti air sungai memandangkan EPP ini sedang berusaha untuk meningkatkan kualiti air kepada standard di mana air boleh digunakan untuk rekreasi (Kelas IIb). Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia), yang menerajui inisiatif pembersihan sungai, bersikap komited dalam memastikan program jangkauan awam (*public outreach programme*) mampu memberi impak kepada beribu-ribu penduduk di sepanjang kawasan-

kawasan tadahan Sg Bunus dan Hulu Sungai Klang.

Kerja-kerja pengindahan sungai sepanjang 10.7 km di pusat bandar dibahagikan kepada 11 pakej yang akan ditenderkan. Fasa Satu, yang bermula pada tahun 2014, ditumpukan kepada Presint 7 atau Pusat Warisan, di mana terletaknya tapak-tapak bersejarah Kuala Lumpur (Masjid Jamek, Bangunan Sultan Abdul Samad, St Mary's Cathedral, Panggung Bandaraya), dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2016. Sebelas pakej selebihnya yang merangkumi kawasan tepian sungai dari Kg Puah di Sentul hingga ke Brickfields, juga akan ditenderkan pada tahun 2015.

Meskipun kemajuan EPP 9: Pengurusan Sisa Pepejal adalah lebih perlahan daripada yang diharapkan, usaha sedang dipergiat untuk memastikan matlamat awal EPP ini dipenuhi. Langkah pertama ke arah tujuan ini adalah untuk melaksanakan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal pada suku pertama tahun 2015. Hasil makmal ini akan digunakan bagi menetapkan hala tuju pengurusan sisa pepejal yang lebih holistik dan mampan.

Analisis KPI Tahun 2014

NKEA ini berjaya mencapai 103 peratus daripada KPInya pada tahun 2014. Sebahagian besarnya adalah berkat kerjasama kukuh dalam kalangan pihak berkepentingan serta pendekatan proaktif pemantauan

yang membolehkan sebarang cabaran ditangani dengan secepat mungkin.

Penilaian usaha bagi ETP yang kini menghampiri titik pertengahan dalam tempoh pelaksanaannya dilakukan tepat pada masanya. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Kuala Lumpur telah bergerak sembilan kedudukan ke tempat ke-70 sejak tahun 2010 dalam Kedudukan Daya Huni Global EIU pada tahun 2014.

Pada tahun 2014, InvestKL telah menarik 14 syarikat MNC untuk melabur di Greater KL, mengatasi sasaran awalnya, iaitu 13 MNC bagi tahun tersebut. Sebanyak 1,241 pekerjaan baharu telah dicipta berbanding jumlah yang ditetapkan oleh KPI, iaitu 600 pekerjaan. InvestKL juga mengatasi sasarannya bagi pelaburan tercapai sebanyak RM378 juta pada tahun 2014 berbanding dengan sasaran RM236 juta.

Dari segi menarik bakat, TalentCorp mengatasi matlamat tahunan dengan meluluskan 1,007 permohonan di bawah Program *Residence Pass-Talent* (RP-T). Sebanyak 12,852 pelatih berjaya ditempatkan di bawah Program Internship Berstruktur berbanding dengan sasaran 2014, iaitu 12,000. Bagi *Returning Expert Programme (REP)*, hanya 604 pemohon telah diluluskan berbanding dengan jumlah sasaran 1,200. Sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penetapan kriteria penilaian yang lebih ketat berkaitan dengan pengalaman pekerjaan, tahap pendapatan dan kesesuaian dengan kemahiran kritikal. Sejumlah 1,006 pemegang biasiswa JPA telah berkhidmat dengan majikan sektor swasta di bawah inisiatif Biasiswa Penarikan & Pengekalan Bakat (STAR) pada tahun 2014. Walaupun jumlah ini jauh daripada jumlah sasaran tahun 2014, iaitu 2,000 pemegang biasiswa, jumlah yang dicapai adalah sekali ganda jumlah pemegang biasiswa pada tahun 2013. Sementara syarikat sektor swasta pula semakin peka dengan manfaat mengakses takungan bakat tahap kemasukan di bawah inisiatif STAR. TalentCorp, berbekalkan kerjasama rapatnya dengan JPA, akan berusaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemegang biasiswa JPA, di dalam negeri dan di luar negeri, tentang ketersediaan peluang pekerjaan di Malaysia.

EPP 3 yang melibatkan perhubungan Kereta Api Berkelajuan Tinggi ke Singapura telah memenuhi KPI 2014 dengan sepenuhnya. Kelulusan Majlis Ekonomi (EC) bagi model kontrak dan struktur projek telah pun diperolehi. Dokumen Visi bagi Fasa Satu Pelan Pembangunan Sosioekonomi juga telah disiapkan. Semasa Sesi Pemukiman Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura 2014, Perdana Menteri Malaysia dan Singapura telah mengesahkan lokasi terminal Malaysia ialah di Bandar Malaysia sementara tiga lokasi cadangan di Singapura ialah di Tuas West, Jurong East dan City Centre. Projek pembinaan Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi juga sedang berjalan lancar di bahagian tertingkat dan di bawah tanah. Kemajuan secara keseluruhannya ialah 59 peratus, yang mendahului jadual penyiapan. Peratusan penyiapan tiang

tertingkat dan kerja-kerja bawah tanah untuk pengorekan stesen juga telah mengatasi sasaran tahunan.

Di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan, (*River of Life, RoL*) kebanyakan KPI pembersihan sungai telah memenuhi sasaran tahunannya:

- Pelepasan air sisa di Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) yang telah siap dibina di Pasar Harian Selayang, Pasar Jln Kelang Lama dan Pasar Air Panas patuh dengan Standard Kelas IIb, serta telah pun disempurnakan pembinaannya, 97 peratus lebih awal dari masanya.
- Enam pakej pembinaan telah ditenderkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.
- Pembinaan 14 pakej di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah siap 99 peratus berbanding dengan sasaran tahunan 95 peratus.

Bagaimanapun, perancangan dan reka bentuk Sistem Pemintas di Presint 7 lewat sedikit daripada yang dijadualkan, iaitu siap setakat 91 peratus.

Kemajuan inisiatif Pengindahan Sungai pula lebih perlahan daripada yang dijangkakan kerana walaupun kerja-kerja di Presint 7 telah dimulakan pada bulan Mac 2014, peratusan siap hanya mencapai

4 peratus berbanding sasaran tahunan 16 peratus. Kelewatan ini berpunca daripada sejumlah isu teknikal dan kontrak yang berkaitan dengan pengantaraan bagi pembinaan sistem pemintas di bawah inisiatif pembersihan sungai.

Pada bulan Ogos 2014, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan DBKL telah memulakan 'Kajian Pemasaran dan Kebolehlaksanaan Tanah Kerajaan yang Dibekukan sepanjang koridor Pengindahan Sungai 10.7 km' sebagai memenuhi inisiatif pembangunan tanah. Kajian ini dijangka akan siap pada penghujung bulan Mac 2015.

EPP Penghijauan Kuala Lumpur yang bertujuan untuk meningkatkan kepadatan kawasan hijau Kuala Lumpur dan diterajui Jabatan Landskap dan Rekreasi DBKL ini telah mengatasi sasaran tahunannya untuk menanam 30,000 batang pokok setelah berjaya menanam sebanyak 39,636 batang pokok. Tambahan pula, penyertaan sektor swasta dalam menyumbang dana bagi penanaman pokok juga amat menggalakkan. Sebanyak 3,950 batang pokok telah disumbangkan oleh 26 buah syarikat swasta berbanding 2,500 batang pokok yang disasarkan sebelum ini.

Bagi EPP 7, Membentuk Tempat dan Tarikan Ikonik, seramai 26,876 pelancong telah menyertai lawatan berpandu Jejak Warisan, mengatasi sasaran tahunannya, iaitu 24,000 pelancong. Empat acara



Loji Rawatan Air Sungai untuk Sg Sering

besar yang dianjurkan di Medan Pasar turut mengatasi sasaran awalnya, iaitu tiga acara dengan lebih banyak acara kecil dianjurkan secara tetap pada sepanjang tahun. Meskipun begitu, usaha untuk menukar operator runcit di Medan Pasar terbukti mencabar kerana hanya dua operator runcit berjaya ditukar berbanding sasaran tahunan, iaitu tiga operator. Sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh perjanjian pajakan sedia ada yang masih berkuatkuasa, kurangnya minat daripada pemilik untuk bertukar penyewa serta pihak yang berminat untuk menyewa pula tidak mendapat lot yang dikehendaki.

Pada tahun 2014, Jabatan Pengangkutan Bandar yang menerajui EPP 8 telah menaiktarafkan 12.7 km laluan pejalan kaki tanpa bumbung di Kuala Lumpur, mengatasi KPI tahunannya, iaitu 12 km. Laluan pejalan kaki yang dinaiktarafkan adalah termasuk rangkaian yang merentas Jalan Tun Ismail, Jalan Tun Razak, Changkat Bukit Bintang dan Changkat Raja Chulan.

Pengurusan Sisa Pepejal menghadapi tahun yang mencabar dan kemajuan membina loji Pencernaan Anaerob untuk sisa makanan adalah lebih perlahan daripada yang dijangkakan

disebabkan oleh suatu halangan utama yang berpunca daripada hal ehwal pengambilan tanah. KPI tahun 2014 yang menyasarkan pemprosesan 2,700 tan sisa Pembinaan & Pemusnahan (*Construction & Demolition, C&D*) di loji Sungai Kertas tidak dipenuhi apabila hanya 2,446 tan sisa diproses. Ini adalah kerana penghantaran sisa C&D ke loji ini belum boleh diwajibkan memandangkan peraturan yang berkaitan dalam Akta 672 daripada Akta Pembersihan Awam dan Pengurusan Sisa Pepejal belum lagi digazetkan dan belum diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah Surat Tunjuk Minat disiapkan untuk MNC melaksanakan aktiviti Ibu Pejabat Serantau/Hab Serantau di Greater KL/KV	13	14	108	●	100	●	1.0	●
	Peluang pekerjaan yang dijana	600	1,241	207	●	100	●	1.0	●
	Merealisasikan pelaburan dari MNC sejak 2011 (RM juta)	236	377.49	160	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Bilangan permohonan diluluskan di bawah Program <i>Returning Expert (REP)</i>	1,200	604	50	●	50	●	0.5	●
	Bilangan permohonan diluluskan di bawah Program <i>Residence Pass-Talent (RP-T)</i>	1,000	1,007	101	●	100	●	1.0	●
	Pemegang biasiswa JPA baharu di bawah Program STAR	2,000	1,006	50	●	50	●	0.5	●
	Jumlah tempat perantisan yang diisi di bawah Program Internship Berstruktur	12,000	12,852	107	●	100	●	1.0	●
	Jumlah peserta baharu di bawah Program GEMS & peningkatan kemahiran	7,000	3,622	52	●	52	●	0.5	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #3	Menyambungkan KL ke Singapura melalui sistem Kereta Api Kelajuan Tinggi: (i) Mendapatkan kelulusan EC bagi kontrak dan struktur projek (ii) Penyiapan Dokumen Visi Pelan Tindakan Pembangunan Sosioekonomi (SEDAP)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Tertingkat: Peratusan penyiapan tiang	90%	90%	100	●	100	●	1.0	●
	Tertingkat: Peratusan penyiapan asas laluan pandu tertingkat	80%	59%	74	●	74	●	0.5	●
	Bawah tanah: Progres penyiapan terowong dibina	12,818 meter	12,305 meter	96	●	96	●	0.5	●
	Bawah tanah: Progres penyiapan penggalan stesen	80%	88%	131	●	100	●	1.0	●
	Jumlah masa hilang bagi kemalangan per juta jam manusia bekerja	2.0%	1.64%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Pematuhan kualiti pelepasan air sisa bagi penyiapan Loji Rawatan Air Sisa Disiapkan (WWTP): Pasar Harian Selayang, Pasar Jln Kelang Lama & Pasar Air Panas	100%	98.6%	99	●	99	●	0.5	●
	Peratus pengurangan tahap pencemaran minyak & gris daripada pemasangan perangkap minyak & gris (KPKT/JKT(MPS/MPAJ)	99%	99.5%	101	●	100	●	1.0	●
	Peratus pengurangan tahap pencemaran minyak & gris daripada pemasangan perangkap minyak & gris KWP/DBKL (JKAS)	99%	99.81%	101	●	100	●	1.0	●
	<i>River of Life</i> (Fasa 1): Peratus siap kerja-kerja pembinaan untuk pengindahan sungai di Presint 7	16%	4.22%	26	●	26	●	0	●
	<i>River of Life</i> (Fasa 2): Peratus kerja-kerja pengindahan sungai di Taman Satu Malaysia (reka bentuk terperinci)	100%	95%	95%	●	95	●	0.5	●
	Kajian Pembangunan Berpotensi Terbaik bagi Tanah Kerajaan yang Dibekukan Sepanjang Koridor Pengindahan Sungai	40%	40%	100	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Peratusan penyiapan 6 pakej pembinaan: (i) Pakej G06 (ii) Pakej G07 (iii) Pakej B21 (iv) Pakej B22 (v) Pakej B20 (vi) Pakej 2	73%	78%	117	●	100	●	1.0	●
	Pengurangan sampah yang dikutip di benteng balak SMART (L1 & L2) berbanding dengan 2010 (Garis asas: 0%)	80%	73.7%	92	●	92	●	0.5	●
	Pembinaan 14 pakej bagi pembersihan sungai	95%	99%	200	●	100	●	1.0	●
	Keputusan kualiti air dari stesen pengawalan mematuhi indeks Kualiti Air (<i>Water Quality index</i>)	57%	63%	100	●	100	●	1.0	●
	Peratusan perancangan dan reka bentuk sistem pemintas di Persint 7	100%	91%	91	●	91	●	0.5	●
EPP #6	Jumlah pokok ditanam	30,000	39,636	132	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pokok disumbangkan oleh Sektor Swasta	2,500	3,950	158	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pokok ditandakan di bawah <i>Global Positioning Index</i> (GPI)	19,206	18,218	95	●	95	●	0.5	●
	Jumlah pokok dipuliharakan	57,618	54,413	94	●	94	●	0.5	●
EPP #7	<i>Countdown Clock</i>	52%	55.32%	106	●	100	●	1.0	●
	Jejak Warisan: Jumlah pengunjung tempatan dan antarabangsa yang melawat	24,000	26,876	112	●	100	●	1.0	●
	Medan Pasar: Penukaran pengusaha runcit yang sesuai	3	2	67	●	67	●	0.5	●
	Medan Pasar: Aktiviti utama dianjurkan	3	4	133	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Mempertingkatkan sistem rangkaian pejalan kaki tidak berbumbung (km)	12	12.7	106	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #9	Pembinaan kemudahan pengomposan anaerob untuk sisa makanan: Keputusan kabinet berdasarkan satu Kertas Kabinet Bersama di antara Kementerian Perumahan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) atau Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	100%	60%	60	●	60	●	0.5	●
	Tanan sisa pembinaan dan pemusnahan diproseskan di fasiliti Sg Kertas (mt)	2,700	2,446	91	●	91	●	0.5	●
BO 3	Pembinaan Rangkaian Paip di Kawasan Petaling Jaya Utara (Pakej D47): Peratusan progres pembinaan	45%	48%	107	●	100	●	1.0	●
	Penyerantauan Loji Rawatan Kumbahan Lot 130 Klang: Peratusan progres pembinaan	100%	99%	96	●	96	●	0.5	●
	Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat & Rangkaian: Reka Bentuk Awal siap sedia	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Projek Pemulihan Pembetulan di Kuala Lumpur, Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya (Pakej G08): Progres Pembinaan (kumulatif)	99%	94%	80	●	80	●	0.5	●
	Penyerantauan Loji Rawatan Kumbahan (STP) di Kajang 2: Progres pembinaan (kumulatif)	63%	65.95%	113	●	100	●	1.0	●
				103%		91%		79%	

Rajah 1.1

- Kaedah 1** Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.
- Kaedah 2** Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
 - Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan
- Kaedah 3** Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
 - Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
 - Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENARIK 100 DARIPADA SYARIKAT PALING DINAMIK DI DUNIA

DALAM SEKTOR KEUTAMAAN

Sehingga kini, InvestKL telah berjaya menarik sebanyak 46 MNC dengan pelaburan diluluskan yang berjumlah RM4 bilion dan komitmen untuk mewujudkan lebih 6,000 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan diluluskan ini, sebanyak RM1 bilion telah dicapai dan lebih 3,000 pekerjaan telah pun diwujudkan. EPP ini sedang berjalan secara lancar untuk mencapai sasarannya untuk menarik 100 MNC terunggul menjelang tahun 2020. Ini pula dipacu oleh daya tarikan GreaterKL/KV sebagai destinasi pelaburan, kemudahan menjalankan perniagaan dan kos sara hidup yang munasabah.

Pada tahun 2014, InvestKL telah menarik 14 MNC untuk melabur di Greater KL/KV, melebihi sasaran

13 MNC setahun. Kesemua MNC ini bakal membuka ibu pejabat serantau, pusat perkhidmatan berkongsi global dan operasi hab utama. Daripada 14 MNC ini, lapan daripadanya berasal dari Eropah, tiga dari Amerika Syarikat dan selebihnya dari rantau Asia-Pasifik. Bidang utama operasi meliputi bidang pendidikan, minyak & gas, penjagaan kesihatan, IT, logistik, perkhidmatan kejuruteraan, perkhidmatan perniagaan, pedagang global dan sektor produk industri.

INTIPATI UTAMA

Dalam memastikan penyertaan MNC Fortune 500 dan Forbes 2,000 untuk melabur di kawasan Greater KL/KV, pelbagai pendekatan telah pun dikenal

pasti. InvestKL akan mengukuhkan lagi kerjasama dengan MIDA untuk menyasarkan peluang perniagaan di samping juga memanfaatkan perhubungan sedia ada di antara kedutaan Malaysia dan komuniti perniagaan di negara di mana mereka berpangkalan.

46 MNC

menarik pelaburan RM4 bilion

EPP
2

MENARIK BAKAT DARI DALAM NEGERI DAN LUAR NEGARA

Talent Corporation Malaysia diberi mandat untuk memastikan bakat yang sedia ada boleh menampung permintaan pasaran di Malaysia. Untuk tujuan ini, TalentCorp akan terus membangunkan dan memudahcarakan inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah, menggalakkan kepelbagaian bakat, melibatkan rakyat Malaysia di luar negara dan memudahcarakan kemasukan bakat asing.

Pada tahun 2014, sebagai sebahagian daripada kerjasama pihak berkepentingan, TalentCorp telah menggiatkan usaha untuk membina perkongsian dengan pihak universiti dan Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran tentang peluang pekerjaan yang

tersedia. Ini telah pun dicapai melalui penyampaian maklumat perkhidmatan kerjaya yang lebih berkesan. Melalui kolaborasi dengan Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, TalentCorp telah menganjurkan dua Dialog Pemimpin Perniagaan pada bulan-bulan April dan Ogos 2014, di antara YAB Perdana Menteri, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat 50 teratas dan Syarikat-syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan untuk memanfaatkan kepelbagaian Malaysia dan memastikan perwakilan yang lebih saksama dari segi jantina, etnisiti dan umur, terutamanya dalam kepimpinan dan pengurusan.

Hasilnya, berkuatkuasa 1 Januari 2015, kesemua syarikat yang tersenarai

dikehendaki mengemukakan dasar kepelbagaian mereka untuk lembaga pengarah, pengurusan dan tenaga kerja dari segi jantina, etnisiti dan umur di dalam laporan tahunan mereka. Dalam usaha bergerak ke arah kepelbagaian dalam pengurusan tertinggi, TalentCorp juga telah menjalinkan perkongsian dengan ICAEW untuk melancarkan program Wanita dalam program Kepimpinan Malaysia (WIL MY) bagi menyediakan pembangunan kepimpinan dan khidmat mentor untuk pengurus kanan wanita.

Returning Expert Programme (REP) telah diperkemas untuk mengambil kira keperluan ekonomi dengan menilai pakar-pakar berdasarkan pengalaman



YAB Perdana Menteri bersama Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat MNC dan ahli dewan perniagaan asing di pelancaran Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat pada 19 Jun 2014

kerja, tahap pendapatan dan juga kesesuaian kemahiran kritikal. Global Malaysians telah dilancarkan pada bulan September 2014 untuk menghubungkan golongan profesional Malaysia yang bekerja di luar negara dengan majikan-majikan utama Malaysia yang berminat untuk memanfaatkan pengalaman dan kemahiran antarabangsa mereka. Sementara syarat insentif *Returning Expert Programme (REP)* yang semakin ketat membawa kepada kemerosotan bilangan permohonan yang diluluskan pada tahun 2014, namun dari segi jangka panjang, ia dijangka akan memudahkan kepulauan rakyat Malaysia yang memiliki pengalaman dan kemahiran yang tepat dan paling sesuai untuk menyumbang kepada transformasi Malaysia.

Program *Residence Pass-Talent (RP-T)* menyaksikan 1,007 kelulusan ekspatriat berkemahiran tinggi pada tahun 2014. Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD) telah ditubuhkan pada 2014 untuk lebih memudahkan kemasukan dan pengekalan bakat asing yang diperlukan oleh ekonomi Malaysia, terutamanya dalam bidang kemahiran kritikal yang mengalami kekurangan. Di samping itu, pihak imigresen akan memberikan komitmen kepada piagam pelanggan yang menjanjikan proses permohonan pas pengajian oleh syarikat yang berdaftar dengan ESD disempurnakan dalam tempoh lima hari bekerja. Piagam pelanggan ini mencerminkan komitmen

Kerajaan dalam memastikan kemudahan menjalankan perniagaan untuk pelabur utama. Transformasi ESD ini telah dilaksanakan melalui kerjasama bersama di antara Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan TalentCorp.

Sejumlah 1,006 pemegang biasiswa JPA telah berkhidmat dengan majikan sektor swasta sebagai melunaskan syarat perlu berkhidmat dengan kerajaan di bawah inisiatif Menarik & Mengekalkan Bakat Biasiswa (STAR) pada tahun 2014. Walaupun tidak mencapai sasaran 2,000 pemegang biasiswa untuk tahun 2014, namun jumlah ini berganda berbanding bilangan pemegang biasiswa pada tahun 2013. Walaupun sektor swasta semakin menyedari manfaat mengakses takungan bakat peringkat permulaan di bawah Inisiatif STAR ini, TalentCorp dalam rangka kerjasama rapatnya dengan JPA, akan melaburkan lebih banyak usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemegang biasiswa JPA yang berada di dalam dan luar negara, mengenai peluang pekerjaan di Malaysia. Pada bulan Oktober 2014, JPA dan TalentCorp telah melancarkan Program JPA-Pengurusan Perantisan (MAP) untuk pemegang biasiswa JPA yang menamatkan pengajian dari universiti-universiti di UK dan AS pada tahun 2014. Inisiatif JPA MAP ini menempatkan pemegang-pemegang biasiswa yang belum mendapat pekerjaan di program perantisan tiga bulan di pelbagai pelabur

dan majikan terkemuka seperti Celcom, First Solar, Strand Aerospace and PwC.

Dalam rangka usaha sama dengan majikan-majikan utama Malaysia, Program Internship Berstruktur ini telah membantu 12,852 siswazah Malaysia yang belajar di dalam negeri untuk memperoleh pengalaman bekerja yang berstruktur dan pendedahan industri dari syarikat yang akan membawa kepada transformasi ekonomi.

Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (*Graduate Employability Management Scheme, GEMS*) merupakan program bagi siswazah yang masih menganggur lebih daripada enam bulan. Siswazah-siswazah ini dilatih, didedahkan dan disediakan untuk memanfaatkan peluang kerjaya masa depan agar boleh menyumbang kepada ekonomi dengan mengurangkan kadar pengangguran negara. Skim ini juga menawarkan Program Peningkatan Kemahiran untuk siswazah yang dikenal pasti sebagai bakat terbaik, yang bertujuan untuk meningkatkan ketersediaan bakat tempatan dan mencipta tenaga kerja kelas dunia di Malaysia dengan membangunkan bakat tahap permulaan yang sedia untuk memasuki industri untuk pekerjaan berkemahiran tinggi. Tahun ini, Skim ini tidak mencapai sasaran 7,000 apabila hanya 3,622 siswazah menjalani program ini, walaupun jumlah berdasarkan Surat

Niat yang dikeluarkan oleh syarikat perekrutan ialah 5,040 siswazah.

INTIPATI UTAMA

Penubuhan Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (*Expatriate Services Division, ESD*) ini perlu dilaksanakan dengan berkesan seiring dengan penekanan kepada pematuhan piagam pelanggan.

Sektor swasta juga seharusnya kekal komited kepada agenda kepelbagaian bagi membolehkan Greater KL/KV menggalakkan ketersediaan modal insan yang cukup untuk menampung permintaan tenaga kerja.

Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat

5 hari bekerja untuk meluluskan pas pekerjaan

EPP
3

MENGHUBUNGI KL KE SINGAPURA

MELALUI SISTEM KERETA API BERKELAJUAN TINGGI

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), yang menerajui EPP ini telah mendapat kelulusan daripada Majlis Ekonomi mengenai model kontrak dan struktur projek bagi Kereta Api Berkelajuan Tinggi ini. Dokumen visi yang berkaitan dengan Fasa Satu Pelan Tindakan Pembangunan Sosioekonomi telah juga dilengkapkan.

Di Sesi Pemukiman Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura 2013, Perdana Menteri Malaysia dan Singapura telah membuat pengumuman bersama mengenai projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Koridor Selatan. Di forum yang sama pada tahun 2014, kedua-dua pemimpin telah mengesahkan lokasi terminal imigresen di Malaysia, iaitu di Bandar Malaysia dan tiga lokasi cadangan di Singapura, iaitu di Tuas West, Jurong East dan City Centre. Di samping itu, satu Kumpulan Kerja Kereta Api Berkelajuan Tinggi di bawah platform Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia dan Singapura telah diwujudkan untuk memastikan projek yang mampu mengubah senario ekonomi Malaysia akan berjalan secara lancar. Perbincangan menerusi kumpulan ini dijangka akan merangkumi pelbagai aspek pelaksanaan seperti reka

bentuk kereta api berkelajuan tinggi dan aspek-aspek operasi, keselamatan dan keperluan imigresen, pembiayaan yang bersesuaian dan rangka kerja tadbir urus. Bagi memudahcarakan perbincangan mengenai projek ini dengan lanjut, Perdana Menteri kedua-dua negara ini bersetuju untuk menempatkan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di lokasi bersama untuk memudahcarakan kemudahan perjalanan sehaluan dengan cadangan menyingkatkan tempoh perjalanan yang dimanfaatkan melalui kemudahan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR).

SPAD juga sedang dalam rangka perbincangan dengan pihak berkuasa negeri dan tempatan bagi memuktamadkan jajaran di pihak Malaysia.

INTIPATI UTAMA

Matlamat utama pembinaan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) ini adalah untuk mengurangkan masa perjalanan di antara Kuala Lumpur dan Singapura kepada 90 minit bagi memperkukuh perhubungan di antara dua kuasa-kuasa ekonomi Asia Tenggara yang paling rancak dan pantas berkembang.

Selain bertujuan untuk menghubungkan kait dan mentransformasikan pergerakan perjalanan ulang-alik rakyat kedua-dua bandar ini dengan lebih pantas, EPP ini adalah juga berkaitan dengan membangunkan koridor ekonomi sepanjang jajaran landasan kereta api yang boleh memanfaatkan ketersediaan Kereta Api Berkelajuan Tinggi. Keadaan sedemikian jelas kelihatan di negara-negara lain di mana terdapat pertumbuhan bandar-bandar baharu di sepanjang jajaran landasan Kereta Api Berkelajuan Tinggi, seperti di Jepun dan Perancis.

Terminal HSR GKL/KV

akan ditempatkan di Bandar Malaysia

MEMBINA SISTEM TRANSIT ALIRAN BERKAPASITI TINGGI

BANDAR YANG BERSEPADU



[MRT Laluan 1] Laluan Sungai Buloh-Kajang

Pembinaan Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) telah dicadangkan untuk mengurangkan kesesakan penumpang dan menyediakan penumpang yang berulang-alik ke pusat bandar dengan mod pengangkutan yang efisien dan lestari. Pembinaan Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan 1 (Sungai Buloh – Kajang) sedang berjalan lancar. Fasa pertama MRT Laluan 1 (Sungai Buloh – Semantan) dijangka akan memulakan operasi penghujung bulan Disember 2016, sementara keseluruhan laluan ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang bulan Julai 2017.

Laluan MRT Laluan 1 sepanjang 51 km, dengan 31 stesen, dijangka akan beroperasi selang masa 3.5 minit. Setiap tren akan mempunyai empat gerabak, dengan kapasiti 1,200 penumpang, di mana bilangan penumpang harian dijangka akan mencecah 400,000 orang. Laluan ini juga akan disepadukan dengan laluan sedia ada sistem kereta api KTM Komuter, LRT dan ERL di pelbagai lokasi contohnya Sungai Buloh, KL Sentral, Kajang, Pasar Seni dan Maluri.

MRT Laluan 2 (Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya), diumumkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2015, akan terus mengubah rangkaian

pengangkutan di Greater KL/KV. Dalam suku kedua tahun 2015, orang awam akan dijemput untuk memberikan maklum balas terhadap cadangan penajajaran yang akan dilancarkan.

Kebanyakan KPI di bawah pembinaan MRT dicapai sebagaimana yang ditetapkan, walau bagaimanapun, peratusan siap bina kerja lalu pandu tertinggi (peratusan sebenar 59 peratus berbanding dengan sasaran 80 peratus) mengalami sedikit penangguhan berpunca daripada prestasi buruk kontraktor. Meskipun begitu, kemajuan keseluruhan pembinaan MRT berjalan dengan baik dan mendahului jadual pada tahap peratusan siap 59 peratus, di mana tahap peratusan siap bahagian tertinggi ialah 49 peratus manakala peratusan siap bahagian bawah tanah ialah 73 peratus.

Kemalangan membawa maut yang melibatkan tiga orang pekerja tapak pembinaan MRT pada bulan Ogos 2014 adalah tragedi yang malang dan memberi penegasan pada hakikat bahawa penambahbaikan dari segi amalan keselamatan harus dilaksanakan. Program Toleransi Sifar turut diperkenalkan oleh Rakan Kerja Penghantaran Projek yang melibatkan lebih banyak kerja penyediaan dan

pemeriksaan keselamatan, lapisan tambahan bagi pengawasan terhadap aktiviti-aktiviti berisiko tinggi, dan pengenalan pasukan berdedikasi tambahan untuk menguatkuasakan piawai keselamatan. Seajar dengan usaha maju ke hadapan, KPI yang ditetapkan bagi EPP ini bukan hanya tertumpu kepada kemajuan Laluan 1, malahan aspek-aspek keselamatan.

INTIPATI UTAMA

Projek MRT merupakan penjana perubahan yang bakal mengubah cara orang bergerak, mencatatkan produktiviti dan kualiti hidup. Dengan kemajuan MRT Laluan 1 berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan Laluan 2 telah diluluskan, perancangan harus dibuat bagi MRT Laluan 3 (Laluan Lingkaran) dalam masa terdekat ini untuk mencapai objektif meningkatkan syer modal pengangkutan umum kepada 40 peratus.

MRT Laluan 1
59% penyiapan pembinaan

MEMULIHKAN SUNGAI KLANG DAN SUNGAI GOMBAK

UNTUK DIJADIKAN PUSAT WARISAN DAN KOMERSIAL



Pemulihan tangga Masjid Jamek

Projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*) yang diperuntukkan bajet RM4.4 bilion telah dimulakan dalam usaha untuk mengubah Sungai Klang dan Sungai Gombak kepada kawasan *waterfront* (tepiian air) yang ceria, berdaya huni, dan tinggi nilai ekonominya. Sasaran ini akan tercapai dengan meningkatkan standard air di Sungai Klang dan Sungai Gombak dan keenam-enam sistem sungainya kepada standard rekreasi (Kelas IIb). Projek Sungai Nadi Kehidupan tertumpu pada tiga bahagian utama: pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia) menerajui inisiatif pembersihan sungai dengan kerjasama daripada lebih 20 agensi merentas Kementerian dan dua pihak berkuasa tempatan di Selangor. Inisiatif pembersihan sungai meliputi 65 pakej dan setakat ini tahap kemajuannya telah mencapai 53 peratus.

Sesetengah pencapaian cemerlang pada tahun ini adalah termasuk penyiapan pemasangan 158 perangkap minyak komunal di kawasan bawah kawalan DBKL, MPAJ dan MPS. Tambahan pula, peluahan air sisa di Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) siap bina di Pasar Harian Selayang, Pasar

Jalan Kelang Lama dan Pasar Air Panas yang juga mematuhi Kelas IIb, 97 peratus pada masanya.

Penanguhan pada tahap awal yang merangkumi pemulaan kerja-kerja sistem pemintas sungai di Presint 7 berpunca daripada isu-isu teknikal yang timbul akibat pertindihan antara kerja-kerja pengindahan sungai-sungai yang sedia ada. Sebaik sahaja siap dibina pada tahun 2016, inisiatif sistem pemintas sungai ini yang merangkumi empat loji rawatan air sisa akan memastikan air sisa dan sisa dagangan dari bengkel, restoran dan premis lain akan dirawat terlebih dahulu sebelum dialirkan ke dalam sungai. Ini setentunya akan meningkatkan kualiti air sungai di kawasan berkenaan.

Projek Sungai Nadi Kehidupan — Program Jangkauan Awam (*RoL-Public Outreach Programme, POP*) bermatlamat untuk mewujudkan sikap dan tingkah laku kumpulan sasaran di kawasan projek RoL yang menghargai usaha penjagaan dan pemuliharaan sungai. Dengan RoL-POP kini memasuki fasa kedua, inisiatif untuk membersihkan dan mempertingkatkan kualiti air kini ditumpukan di kawasan tadahan Sungai Bunus. Kempen 'Sungai

Untuk Kehidupan Anda (Suka)' ini terdiri daripada empat peringkat. Pada tahun 2014, inisiatif Fasa Satu yang tertumpu di kawasan tadahan Hulu Sg Klang diteruskan dan bengkel berkaitan dengan pengurusan sisa dan pengangkatan (*adoption*) sungai turut dianjurkan untuk masyarakat tempatan. Bengkel-bengkel ini turut dihadiri oleh 300 orang peserta dari keenam-enam masyarakat tempatan (Taman Warisan, Eco Melawati, AU3 Keramat, AU2 Keramat, Wangsa Melawati dan Sierra Ukay).

Inisiatif pengindahan sungai diterajui Jabatan Perancangan Fizikal DBKL dan berfokus pada 10.7 km tepian sungai merentas pusat bandar dari Kg Puah ke Brickfields. Fasa Satu bermula pada tahun 2014 dan tertumpu pada Presint 7 atau Pusat Warisan, di mana terletaknya tanda-tanda mercu sejarah utama di Kuala Lumpur (Masjid Jamek, Bangunan Sultan Abdul Samad, St Mary's Cathedral, Panggung Bandaraya). Kerja-kerja Fasa Satu dijangka akan siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2016. Walau bagaimanapun, kemajuannya adalah lebih perlahan daripada yang dijangkakan, di mana peratusan kemajuan pembinaan hanya mencapai 4 peratus berbanding dengan sasaran 16 peratus pada tahun 2014. Kami menghadapi pelbagai cabaran, umpamanya antara muka (*interface*) dengan pembinaan sistem pemintas di bawah inisiatif pembersihan sungai yang harus diselesaikan dari segi teknikal dan kontraktual. Di tapak berkenaan juga terdapat pelbagai tanda mercu bersejarah yang utama dan justeru, kontraktor-kontraktor perlu lebih berhati-hati dengan cara mereka menjalankan pembinaan. Contohnya, pemuliharaan tangga utama Masjid Jamek memerlukan tenaga kerja manual untuk mengekalkan struktur lamanya dengan sebaik mungkin.

Tangga utama ini terdiri daripada reka bentuk masjid asal sejak dari lebih beratus tahun dahulu dan ia merupakan suatu penemuan yang amat penting dan perlu diraikan. Baki 10 pakej pengindahan sungai yang meliputi kawasan tepian sungai dari Puah Pond sehingga ke Brickfields, juga akan ditender pada tahun 2015.

Kerajaan juga berhasrat untuk mendapat semula pelaburan projek RoL berjumlah RM4.4 bilion melalui pembangunan tanah. Pada bulan Ogos 2014, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelaras Pembangunan DBKL telah memulakan 'Kajian Pasaran untuk menentukan penggunaan tertinggi dan terbaik bagi tanah kerajaan yang dikenal pasti di sepanjang koridor pengindahan sungai'. Kajian ini bertujuan mewujudkan model pembangunan paling berdaya maju untuk menjana modal daripada tanah milikan kerajaan di sepanjang 10.7 km koridor tepian

sungai dan dijangka akan siap pada penghujung bulan Mac 2015.

INTIPATI UTAMA

Sesudah siap dibina sepenuhnya pada tahun 2020, projek RoL bakal mentransformasikan pusat bandaraya Kuala Lumpur, sejajar dengan bandaraya global yang juga telah pernah melaksanakan projek-projek sedemikian untuk membersihkan sungai mereka dan membangunkan kawasan *waterfront* (tepi air).

Kerja-kerja pembersihan sungai akan terus dijalankan dan pembinaan dua loji rawatan pembetungan serantau yang terbesar di Bunus dan Jinjang-Kepong akan bermula pada tahun 2015. Fasa Dua bagi Sistem Saliran Pemintas sepanjang selebih 10.7 km koridor pengindahan sungai juga akan dimulakan.

Usaha-usaha pengindahan sungai di sepanjang 10.7 km akan dipergiat lagi

apabila 10 pakej di bawah Fasa Dua ditenderkan pada tahun 2015. Kerangka dasar yang terhasil daripada 'Kajian Pemasaran dan Kebolehlaksanaan Tanah Kerajaan yang Dibekukan sepanjang koridor Pengindahan Sungai 10.7 km' juga akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, penempatan semula setinggan-setinggan akan terus menjadi salah satu daripada fokus utama di bawah inisiatif pembersihan sungai. Usaha kerajaan semata-mata tidak mencukupi dan sokongan orang umum sangat penting dalam mencapai kualiti air Kelas IIb dan mengekalkan kelestarian sungai-sungai yang bersih.

Sorotan Pembersihan Sungai

Pembinaan loji rawatan sisa di Bunus akan bermula pada tahun 2015

EPP
6

PENGIHAUAN GREATER KUALA LUMPUR

UNTUK MEMASTIKAN PENDUDUKNYA MENIKMATI KAWASAN HIJAU YANG MENCUKUPI

EPP ini bertujuan untuk menambah ruang hijau yang terbuka di Kuala Lumpur sejajar dengan aspirasinya untuk menjadi sebuah Bandar Raya Berdaya Huni. EPP ini diterajui oleh Jabatan Landskap dan Rekreasi DBKL. Pada tahun 2014, sebanyak 39,636 batang pokok telah ditanam. Di samping itu syarikat-syarikat swasta turut menyumbangkan sebanyak 3,950 batang pokok tambahan untuk ditanam. Pada tahun yang sama, DBKL telah memulakan proses meletakkan tag pada semua pokok yang ditanam di bawah EPP ini dengan teknologi sistem kedudukan sejagat untuk membolehkan mereka mengenal pasti lokasi pokok-pokok ini dengan mudah bagi kerja pemuliharaan pada masa depan. Sejumlah 18,218 batang pokok telah ditag dan proses ini akan terus dijalankan sepanjang tahun 2015. Matlamatnya adalah untuk memastikan pokok-pokok yang ditanam terus hidup selepas tahun 2020 untuk memberi sumbangan jangka



Pokok-pokok yang ditanam di Tasik Manjalara

panjang yang akan memanfaatkan keadaan cuaca persekitaran kawasan Kuala Lumpur.

Meskipun berjaya mengatasi Pelan Hala Tuju 2020 dengan penanaman 100,000 batang pokok di sekitar bandar raya Kuala Lumpur, DBKL telah memperoleh maklumat bahawa jumlah kawasan hijau per kapita kini semakin merosot.

Pembangunan pesat yang berterusan di pusat bandar Kuala Lumpur telah mengurangkan jumlah kawasan hijau di bandar raya ini. Pada tahun 2010, Kuala Lumpur direkodkan mempunyai 13 m² kawasan hijau per kapita. Pada tahun 2014 pula, kawasan hijau per kapita telah merosot rendah kepada 8.5 m². Hal ini amat membimbangkan kerana ia adalah kurang daripada standard keperluan

9 m² kawasan hijau per kapita yang disyaratkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Sebagai langkah seterusnya, kita akan mempergiat usaha bagi memperbaiki jumlah kawasan hijau per kapita dan meninjau usaha sama dengan syarikat persendirian dan masyarakat sivil untuk meningkatkan tahap kehijauan di sekitar kawasan Greater KL/KV.

INTIPATI UTAMA

EPP ini telah mencapai sasaran Pelan Hala Tuju 2020 untuk menanam 100,000 batang pokok dalam tempoh kurang dari empat tahun. Walaupun ini merupakan sesuatu yang memberangsangkan, banyak lagi penambahbaikan boleh dibuat untuk memastikan penambahan kawasan hijau per kapita di sekitar Greater KL/KV.

26 Syarikat

menyumbangkan 3,950 batang pokok untuk ditanam

EPP
7

MEWUJUDKAN TEMPAT DAN TARIKAN IKONIK

Greater KL/KV mempunyai potensi yang sangat besar dalam memanfaatkan tapak warisan sedia ada yang boleh dikekalkan dan dibangunkan semula bagi memaikan sejarahnya dan menggalas tanggungjawab masa depannya sebagai kota bersifat global. Pembangunan di sekitar Greater KL dilaksanakan secara berperingkat dan mencakupi penambahbaikan *façade* bangunan, kemudahan-kemudahan dan papan tanda arah meningkatkan usaha pemuliharaan dan mempromosi acara-acara seni dan budaya untuk memasarkan kawasan-kawasan ini.

Rentetan pengubahsuaian Medan Pasar menjadi medan bebas kereta pada tahun 2013, inisiatif-inisiatif pada tahun ini merangkumi pemuliharaan bangunan warisan di sekitar kawasan tersebut, mengubah operasi perniagaan dan mempromosi acara-acara seni dan kebudayaan untuk memasarkan arked pejalan kaki ini. Sehingga kini, sebanyak

13 *façade* bangunan telah dicat semula hasil usaha dan kerjasama pihak DBKL dan pemilik bangunan-bangunan tersebut.

Sebanyak empat acara utama telah diadakan di Medan Pasar, melangkaui sasaran asalnya, iaitu tiga acara. Di samping itu, banyak acara kecil telah dianjurkan sepanjang tahun 2014. Dataran Medan Pasar telah dilancarkan secara rasmi pada 13 Disember 2014 oleh Menteri Wilayah Persekutuan sempena Pesta Dram dan Tarian Antarabangsa KL.

Dengan wujudnya Jejak Warisan, beberapa laluan pejalan kaki dengan panduan telah disediakan melalui mercu-mercu tanda seperti Dataran Merdeka, Medan Pasar, Pasar Seni, Taman Warisan Tun Abdul Razak dan Kampung Baru. DBKL telah menyediakan kemudahan maklumat seperti peta laluan, papan tanda maklumat dan peralatan sokongan

di samping menyediakan lawatan berpandu secara percuma. Seramai 26,876 pelancong telah menikmati khidmat lawatan berpandu ini yang telah melangkaui sasaran asalnya, iaitu 24,000 pelancong, dan seterusnya melakarkan kejayaan besar bagi inisiatif Jejak Warisan ini.

INTIPATI UTAMA

DBKL telah merancang untuk membina satu lagi laluan pejalan kaki yang menghubungkan Dataran Merdeka dengan Jalan Parlimen (dikenali sebagai Jejak Warisan 5), yang pada ketika ini sedang direka bentuk dan pembinaannya dijangka akan bermula pada tahun 2015.

Agensi tersebut akan meneruskan usaha membangunkan laluan-laluan baharu di luar zon warisan supaya pengunjung dapat mengalami sendiri suasana kota dengan lebih menyeluruh. Satu Pelan Induk laluan warisan ini, yang merangkumi kesemua tempat menarik di Kuala Lumpur, sedang disediakan dan dijangka akan siap pada tahun 2015.



Medan Pasar

26,876 Pelancong

menikmati lawatan berpandu Jejak Warisan

MEWUJUDKAN RANGKAIAN PEJALAN KAKI YANG MENYELURUH

EPP yang diterajui oleh Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL ini bermatlamat memudahkan pejalan kaki dan mereka yang kurang upaya dengan mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang bersepadu dan tanpa halangan.

Untuk tujuan ini, EPP ini berhasrat untuk menaiktarafkan laluan sepanjang 42 km di sekitar pusat bandar raya bagi membolehkan pengguna di kawasan sesak untuk menggunakan laluan pejalan kaki dengan selamat dan selesa. Laluan-laluan ini mematuhi garis panduan DBKL bagi Konsep Bandar Selamat yang memberi tumpuan kepada penggunaan reka bentuk mudah capai dan pemasangan pagar bagi meminimumkan sebarang kejadian jenayah. Laluan-laluan ini dilengkapi dengan pintu masuk condong untuk memberi akses penggunaan kerusi roda dan pohon-pohon renek hijau yang menyamarkan pagar anti-panjat.

Pada tahun 2014, laluan pejalan kaki sepanjang 12.7 km telah dinaiktaraf dan sehingga hari ini, DBKL telah berjaya mengubah suai laluan pejalan kaki sepanjang 48.87 km berbanding sasaran asalnya, iaitu



Laluan pejalan kaki sepanjang Jalan Tun Perak



Laluan pejalan kaki yang dinaiktarafkan di Jalan Pudu

42 km. Laluan-laluan yang telah diperbaiki ini mewujudkan rangkaian pejalan kaki mesra pengguna yang juga menghubungkan semua hab pengangkutan awam utama.

Walaupun begitu, DBKL kerap berhadapan dengan masalah perbuatan laku musnah kepada laluan pejalan kaki yang telah siap. Penunggang motosikal biasa melanggar undang-undang jalan raya dengan meletakkan motosikal mereka di laluan ini dan menghalang kebolegunaan pejalan kaki. Terdapat juga kejadian di mana kenderaan yang lebih besar meletakkan kereta di susur laluan pejalan kaki menyebabkan keretakan pada permukaan laluan tersebut. Penguatkuasaan yang lebih tegas diperlukan untuk mengelakkan insiden-insiden seperti ini daripada berlaku lagi.

Sebagai langkah seterusnya, pada tahun 2015, DBKL akan menjalankan kajian bagi mendapatkan ukuran kuantitatif berkenaan persepsi orang ramai terhadap keselamatan dan maklum balas awam tentang laluan pejalan kaki yang telah dinaiktarafkan. Sekiranya hasil kajiannya adalah positif, DBKL akan meneruskan usaha untuk

membaik pulih laluan-laluan pejalan kaki bagi mencipta satu rangkaian pejalan kaki yang bersepadu untuk kemudahan rakyat.

INTIPATI UTAMA

Rangkaian laluan pejalan kaki ini mewakili sebahagian daripada pelan hala tuju yang lebih besar bagi mewujudkan akses berkualiti tinggi untuk memudahkan pergerakan orang ramai. Kunci kepada kejayaan yang berterusan adalah penyelenggaraan berkala rangkaian pejalan kaki ini. Walaupun sasaran asal telah dicapai, perbincangan dengan pihak DBKL akan diadakan bagi memungkinkannya usaha selanjutnya.

48.87 km

rangkaian laluan pejalan kaki
dinaiktarafkan

MEMBANGUNKAN SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG EFISIEN



Loji Sisa Pembinaan & Pemusnahan di Sg Kertas, Kuala Lumpur

Meskipun kemajuan EPP 9: Membangunkan Pengurusan Sisa Pepejal yang Efisien, telah bergerak lebih perlahan daripada yang diharapkan, namun kami sedang mempertingkatkan usaha untuk memastikan matlamat awal EPP ini dipenuhi. Langkah pertama bagi memenuhi tujuan ini ialah melaksanakan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal pada suku pertama tahun 2015 untuk menangani isu-isu dan mencari jalan untuk mara ke hadapan. Rancangan untuk melaksanakan reka bentuk terperinci untuk sistem rawatan

bahan larut lesap di Taman Beringin juga sedang dipertimbangkan.

Untuk meningkatkan kadar kitar semula, pengasingan di punca akan dilaksanakan di enam negeri (Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Kedah dan Perlis) dan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula bulan September 2015 dan ini merupakan suatu usaha penting bagi memenuhi aspirasi kami untuk memupuk pendekatan yang mampan bagi pengurusan sisa pepejal kita.

Fasiliti Pemprosesan Semula Sisa Pembinaan dan Pemusnahan (*Construction & Demolition*) Sungai Kertas memulakan operasinya pada bulan Januari 2014 dan mempunyai kapasiti untuk memproses 300 tan sisa C&D sejam. Walaupun fasiliti ini sudah mula memproses sisa, sasaran awalnya untuk memproses 10,800 tan sisa didapati sukar untuk dicapai. Ini adalah kerana penghantaran sisa ke fasiliti ini masih belum boleh diwajibkan memandangkan Peraturan yang berkaitan dalam Akta 672 daripada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam hanya akan digazetkan pada tahun 2015.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pula berada dalam proses menguruskan pengambilan tanah sebelum loji Pencernaan Anaerob di Sungai Besi boleh dibuka. Isu berkaitan tanah merupakan penghalang utama bagi pembukaan loji *Anaerobic Digester* ini dan JPSPN sedang dalam proses menguruskan pengambilan tanah sebelum Loji ini boleh memulakan operasinya. JPSPN sedang berusaha untuk menyelesaikan permasalahan ini melalui perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan. Sebaik sahaja ia beroperasi dengan sepenuhnya, loji ini dijangka akan memproses sisa makanan dan kumbahan perbandaran untuk menghasilkan lebih kurang 48,729 liter gas semula jadi setiap bulan dan 162 metrik tan kompos setiap bulan.

INTIPATI UTAMA

Berdasarkan kadar penjanaaan sisa masa ini, kapasiti tapak pelupusan sampah di Malaysia tidak mampu untuk menampung penghasilan sampah. Oleh itu, usaha-usaha perlu ditingkatkan untuk pelaksanaan program 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula) dan mula mengurangkan serta mengasingkan sisa serta meneroka peluang untuk menjana pendapatan melalui industri ini.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Menyemarakkan Putrajaya

Pusat Pentadbiran Kerajaan, Putrajaya, merupakan bandar satelit yang ideal untuk meraih manfaat daripada pembangunan Greater KL/KV. Akan tetapi, suasana bandar ini kurang ceria dan dinamik meskipun dilengkapi infrastruktur bertaraf dunia. Inisiatif-inisiatif berikut telah dilaksanakan dan hasilnya cukup memberangsangkan:

- Membentuk semula *boulevard* utama – Lebih banyak outlet F&B skala atasan telah dibuka seperti Padi House dan Secret Recipe yang telah memulakan operasi di Galeria Putrajaya dan sehingga kini, 35 outlet baharu telah dibuka sepanjang *boulevard* tersebut.
- Memanfaatkan potensi *waterfront* (tepi air) – Inisiatif *City Trail* Putrajaya Corporation menyediakan kemudahan jejak pejalan kaki dan rekreasi di sepanjang sisiran tasik dari Masjid Putra hingga ke Alamanda Putrajaya. Jejak pejalan kaki ini telah siap pada pertengahan tahun dan hanya menunggu pelancaran rasminya pada tahun 2015.
- Putrajaya kini menjadi pusat pendidikan dengan penubuhan Nexus International School dan Heriot-Watt University Malaysia campus di kawasan ini. Kampus Heriot-Watt University Malaysia yang dibina khas ini dibuka di Putrajaya pada bulan September 2014.
- Mengoptimalkan penggunaan Putrajaya International Convention Centre – Pusat konvensyen ini semakin popular sebagai lokasi penganjuran persidangan dan acara, dan menerima tempahan sepanjang tahun sejak ia diuruskan oleh Perbadanan Putrajaya. Sejumlah 214 persidangan dan 273 acara telah dianjurkan sepanjang tahun 2014.

Tahun ini menyaksikan kejayaan Perbadanan Putrajaya menganjurkan lebih banyak acara peringkat antarabangsa di Putrajaya seperti Floria Putrajaya, Festival Kebudayaan dan Kesenian Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACuF), Festival Cahaya Putrajaya dan perlumbaan Formula E, selain daripada acara berskala sederhana atau kecil yang diadakan sepanjang tahun kalendar. Secara puratanya, seramai 500,000 pelawat telah menghadiri acara-acara utama ini yang berlangsung selama beberapa hari berturut-turut.


3

Perkhidmatan Asas Pembetulan (Non-River)

Sistem pembetulan yang cekap merupakan kemudahan asas bagi sesebuah bandar. Memandangkan penduduk Greater KL/KV dijangka akan bertambah kepada 10 juta menjelang tahun 2020, fasiliti yang sedia ada perlu dinaiktaraf. Matlamat utama ialah untuk melupuskan tanki septik individu dan loji rawatan kumbahan yang kecil (STP) dan maju ke arah rangkaian serantau

yang lebih cekap. Seperti kebanyakan projek infrastruktur asas, pembiayaan Kerajaan yang besar diperlukan untuk menaik taraf dan memulihkan semula 346 km rangkaian paip pembetulan sedia ada, 32 STP serantau dan 1,495 *multi-point* STP, yang kesemuanya tidak memenuhi standard Jabatan Alam Sekitar. Di samping itu, 91 peratus daripada semua STP akan dinaiktaraf kepada Standard A Kategori 1 menjelang tahun 2020. Ini bermakna peluahan efluen kualiti terbaik dari loji rawatan yang menerima air tidak akan mengakibatkan pencemaran sungai.

Terdapat sejumlah 33 pakej kerja dengan dua di peringkat pratender, 30 sedang dalam pembinaan dan hanya satu baru disiapkan. Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) sebagai agensi pelaksana, telah menguruskan projek-projek ini dengan baik dari mula dan tahun ini menghasilkan dua pencapaian dengan kemajuan projek-projek (Kajang 2 STP dan D47 rangkaian pembetulan) mendahului jadual. Yang lainnya berada di peringkat pembinaan yang berbeza dan dijangka akan siap secara progresif menjelang tahun 2020.



Perhatian: BO No.2 (Perumahan) tidak lagi dipantau oleh NKEA Greater KL/KV dan telah dipindahkan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ringkasan NKEA Greater Kuala Lumpur /Klang Valley

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM190 bilion
Pekerjaan Tambahan	0.32 juta
Sasaran kritikal bagi tahun 2015	
• Menarik Syarikat MNC – Jumlah Surat Tunjuk Minat disediakan untuk MNC bagi melaksanakan aktiviti Ibu Pejabat Serantau/Hab Serantau di Greater KL/KV disasarkan pada 15 • Menarik Tenaga Mahir – <i>Returning Expert Programme</i> menasaskan keupayaan 1,200 ekspatriat ke Malaysia – Program STAR berhasrat untuk mendapatkan 2,000 pemegang biasiswa JPA – 70% pengeluaran Proses Pas Pekerjaan akan disediakan dalam tempoh lima hari bekerja • Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) – 100% penyiapan untuk kelulusan bagi penjajaran trek di Malaysia • Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi – Penyempurnaan 80% trek Terowong dan Stesen diserahkan kepada Kontraktor Kerja Sistem – Penyiapan 100% struktur 12 stesen untuk Fasa 1 (Sg. Buloh –Semantan) 100% trek dipasang untuk Fasa 1 (Sg. Buloh –Semantan) – 15 kereta api dihantar dan diuji di Depot Sg. Buloh • Sungai Nadi Kehidupan (<i>River of Life</i>) – Pelaksanaan Bonus STP untuk mencapai 5% progres pembinaan – Pelaksanaan Jinjang-Kepong STP untuk mencapai 3% progres pembinaan – 100% pematuhan kualiti air sisa daripada semua Loji Rawatan Sisa Air (WWTP) kepada Indeks Kualiti Air ≥ 76.5 (Kelas II) • Penghijauan Kuala Lumpur – 30,000 pokok ditanam di bawah <i>Global Positioning Index (GPI)</i>	
– 100% Penyiapan pembinaan Loji Rawatan Sisa Air (WWTP) di Pasar Borong Kuala Lumpur – 100% peluasan efluen dari semua 101 perangkap gris komunal dipasang untuk mematuhi Standard Kualiti Air Negara (lemak, minyak dan gris) – 80% Pengurangan sampah yang terkumpul di benteng balak di SMART (L1 & L2) berbanding dengan keputusan tahun 2010 (0%) – Keputusan analisis kualiti air dari 3 stesen pemantauan kualiti air terpilih mematuhi WQI ≥ 60 – Keputusan analisis kualiti air dari 5 RWTP mematuhi WQI ≥ 76.5 (Kelas II) – Penyempurnaan 50% pembinaan sistem pemintas di Presint 7 – Penyempurnaan 50% kerja-kerja Pengindahan Sungai (Fasa 1) – 100% Penyempurnaan Kerangka Kerja Dasar daripada Kajian Pemasaran dan Kebolehlaksanaan Tanah Kerajaan yang Dibekukan sepanjang koridor RB	
• Tempat Ikonik – Jejak Warisan 5: Penyempurnaan 45% projek	
• Laluan Pejalan Kaki – 100% Penyiapan keputusan laporan penilaian bagi laluan pejalan kaki yang dibina di antara tahun-tahun 2011-2014	
• Pengurusan Sisa Pepejal – 100% penyiapan Reka Bentuk Sistem Rawatan Leachate di Taman Beringin – Peningkatan kadar penggunaan semula: Peraturan bagi pengasingan di sumber akan dipinda pada bulan Ogos – Penyiapan Penggazetan Tanah bagi fasiliti pencernaan Anaerob – Penyiapan Penggazetan peraturan Loji Pembinaan & Pemusnahan (<i>Construction & Demolition</i>)	

MENGUBAH KEHIDUPAN

**Siti Rohani
Mohd Sidek**

Penolong Pengurus,
Pizza Hut

Prospek yang Lebih Cerah untuk Siswazah Baharu dengan GEMS

“Saya menyertai *Skim* Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS) kelolaan TalentCorp selepas beberapa bulan menganggur. Saya lulus dengan nilai CGPA 3.25 dari UITM, dalam pengajian Perniagaan dan Ekonomi pada bulan Mei, 2014. Kawan saya yang banyak mendengar tentang GEMS bercadang untuk menyertai skim ini dan menggesa saya untuk menyertainya juga.

Saya pun meninggalkan kampung saya di Setiu, Terengganu untuk menghadiri latihan pengurusan selama dua minggu dengan TalentCorp, bersama-sama dengan 24 graduan lain yang juga sedang mencari peluang pekerjaan. Pengalaman menjalani latihan ini membantu mendedahkan kami kepada bekerja dalam persekitaran korporat. Latihan ini juga membiasakan kami dengan proses perekrutan, di mana kami mempelajari tatatertib semasa menghadiri temu duga kerja.

Tambahan pula, latihan ini memberikan kami ilmu yang tidak ternilai dalam membantu meningkatkan keyakinan kami, terutamanya apabila berinteraksi dengan orang lain. Kami juga menghadiri kelas bahasa Inggeris, mempelajari mengenai penampilan diri yang bergaya dan bagaimana untuk menulis resume. Sepanjang tempoh latihan ini, kami diberikan elaun bulanan sebanyak RM500.

Selepas menyempurnakan latihan, TalentCorp menganjurkan sesi temu duga dengan beberapa syarikat hos dari industri Barangan Pengguna Laris (FMCG), pelancongan dan hospitaliti, yang membantu saya mendapatkan pekerjaan sebagai penolong pengurus di Pizza Hut, milik QSR Brands, salah satu peneraju pengendali makanan segera di Asia Tenggara. Kebanyakan rakan yang mengikuti kursus yang sama dengan saya juga berjaya mendapat pekerjaan melalui temu duga dengan syarikat hos TalentCorp.

Saya sedang menjalani tempoh percubaan selama enam bulan, dan memandangkan skim ini mensyaratkan kami bertugas dengan syarikat hos kami selama sekurang-kurangnya enam bulan, pekerjaan saya bukan sahaja terjamin, tetapi saya juga dapat membina kemahiran dan pengalaman saya. Majikan saya juga menyediakan tempat tinggal berhampiran dengan outlet di mana saya bekerja. Tugas saya menumpukan kepada bidang perkhidmatan pelanggan, dan saya bersyukur dapat bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab harian saya.

Saya yakin GEMS menyediakan platform yang penting untuk memupuk dan menyediakan pengalaman bagi graduan baru lulus yang berminat untuk memperbaiki kehidupan mereka. Berasal dari Setiu, di mana jumlah syarikat korporat adalah terhad, GEMS juga menyediakan saya dengan akses untuk mendekati lebih banyak syarikat dan meningkatkan peluang saya mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi. Saya berasa terhutang budi kerana GEMS telah menyediakan hala tuju dalam membina karier saya, dan saya yakin bahawa pengalaman ini akan mengukuhkan peluang saya untuk mendaki tangga korporat.”



PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM



Menghidupkan Semula Sungai-sungai Kita

**Dato' Sri Ir. Hj.
Ahmad Husaini Sulaiman**

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia

Bagi Dato' Sri Ir. Hj. Ahmad Husaini Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, ia bukan semata-mata kerja keras yang membolehkan Jabatan ini mencapai KPInya di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley projek *Sungai Nadi Kehidupan*. “Penting bagi kami untuk menguatkan semangat dan terus percaya dengan apa yang kami lakukan. Saya berharap semangat kami ini akan diterjemahkan kepada sungai yang lebih jernih dan persekitaran tebing sungai yang menawarkan pemandangan yang lebih indah untuk dinikmati oleh semua,” kata Dato' Sri Ahmad Husaini.

EPP ini telahpun menunjukkan pencapaian yang signifikan sejak pelaksanaannya, dengan sasaran untuk meningkatkan standard sungai-sungai Klang dan Gombak kepada Kelas IIb (standard rekreasi) hampir dicapai. Projek ini dibahagikan kepada pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan hartanah. Jabatan ini menyelia sebanyak 65 pakej di bawah inisiatif ini, bekerjasama dengan sejumlah pihak berkepentingan DBKL dan

majlis-majlis perbandaran. Pada penghujung tahun 2014, projek ini telah mencapai kemajuan sehingga 53 peratus.

“Kami begitu teliti dari segi strategi dan kerja-kerja yang kami perlu laksanakan untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Kerjasama kukuh sesama pelbagai agensi amat penting. Pasukan Petugas Pembersihan Sungai bermesyuarat setiap bulan untuk membincangkan isu berbangkit dan memantau kemajuan projek,” jelas beliau.

Kebanyakan daripada kemajuan projek ini berjalan tanpa disedari, kerana ia melibatkan usaha yang tersorok daripada pandangan umum, seperti pemasangan perangkap sampah untuk memerangkap bahan-bahan terapung juga pelepasan sisa dari kilang dan kawasan kediaman. Jabatan ini juga sedang memasang sistem pemintas untuk merawat air sisa sebelum ia memasuki laluan air utama.

Meningkatkan kerjasama orang awam untuk mengekalkan sungai-sungai bersih kekal sebagai cabaran utama dalam melaksanakan projek Sungai Nadi Kehidupan. Program Jangkauan Swasta telah dilaksanakan bertujuan untuk menekankan kepada beribu-ribu perniagaan, kedai makanan, kilang

dan penduduk yang duduk berdekatan dengan sungai agar mengekalkan kualiti anak-anak sungai utama di kawasan bandar. “Kita memerlukan kerjasama orang awam tentang kepentingan membersihkan sungai,” kata beliau lagi serta menyatakan bahawa projek ini bukan sahaja boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi, juga mencipta ruangan terbuka bagi orang awam untuk menikmati aktiviti-aktiviti rekreasi.

Beliau juga berharap projek ini akan menjadi katalis bagi sungai-sungai lain di negara ini. “Visi kami bagi Sungai Nadi Kehidupan ialah untuk menyumbang kepada pembangunan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Di samping infrastruktur yang sedang dibina, rakyat perlu menukar pemikiran agar peka terhadap mengekalkan kebersihan sungai-sungai kita. Jika kita berjaya memperbaiki kebersihan sungai-sungai kita, kita akan mencipta tanggapan yang baik mengenai bandar kita dan negara kita secara keseluruhannya,” jelas beliau sambil mengakhiri wawancara ini.



MINYAK, GAS DAN TENAGA



Kerajaan telah mencapai kemajuan dalam memastikan infrastruktur tenaga yang kukuh, mempelbagaikan sumber tenaga, khususnya di dalam sektor tenaga dan berpindah ke arah penetapan harga yang berasaskan pasaran untuk tenaga





**Datuk Seri Panglima
Dr. Maximus Ongkili**
Menteri Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air

S&J

KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI PADA TAHUN 2010 UNTUK MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA MENJADI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. KITA SEKARANG BERADA DI PERINGKAT PERTENGAHAN PELAKSANAANNYA SEBELUM MENJELANG TAHUN 2020. ADAKAH DATUK SERI BERPUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN NKEA INI SETAKAT INI?

Kemajuan Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi adalah berdasarkan ekonomi yang terbuka dan mesra pasaran. Hal ini adalah penting untuk memastikan sektor swasta untuk terus melaksanakan pelaburan dan inovasi yang mendapat galakan daripada sistem pasaran perusahaan bebas. Kerajaan telah mencapai kemajuan dalam (1) memastikan infrastruktur tenaga yang kukuh, (2) mempelbagaikan sumber tenaga dan (3) berpindah ke arah penetapan harga berasaskan pasaran untuk tenaga. Gabungan ketiga-tiga aspek ini membolehkan Malaysia menilai NKEA ini dengan penuh keyakinan sambil kita melangkah maju ke arah tahun 2020.

Pada masa yang sama, Malaysia dikurniakan dengan banyak sumber tenaga, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Kerajaan dan PETRONAS telah bekerja keras sebagai pemegang amanah yang memelihara sumber tenaga negara, dengan meneroka lapangan minyak yang sukar diterokai dan membina simpanan dengan mengekstrak lebih banyak nilai daripada lapangan minyak marginal. Kita juga telah membina industri petrokimia yang lebih meluas dengan pembinaan kompleks-kompleks bersepadu di Johor dan Sabah. Jika ini dilaksanakan dengan betul, ia akan menambah nilai kepada rantaian bekalan tenaga Malaysia dan mentransformasikan negara menjadi hab minyak dan gas.

BAGAIMANAKAH KERAJAAN MEMBANTU MEMPERBAIKI PROJEK KECEKAPAN TENAGA?

Menggalakkan penaiktarafan bangunan-bangunan kerajaan melalui pelaksanaan *Energy Performance Contracting* (EPC) untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan seterusnya mengurangkan pelepasan karbon. Selain itu, seruan untuk merasionalisasikan subsidi yang akan memacu sektor swasta untuk melakukan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga, terutamanya oleh sektor industri.

APAKAH SOROTAN UTAMA DARIPADA PELAKSANAAN NKEA INI?

Malaysia mesti bersedia untuk menjadi pengimport bersih tenaga. Sejak tahun 2014, kita telah bertukar menjadi pengimport minyak mentah dan produk hasil petroleum yang bersih.

Dalam senario yang sedemikian, keselamatan dan kestabilan sistem tenaga diletakkan di kedudukan yang paling utama, dan hanya pasaran terbuka boleh memastikan keselamatan dan kestabilan.

Oleh sebab itu, Kerajaan telah banyak memusatkan usaha dalam penstrukturan semula pasaran tenaga. Namun demikian, langkah-langkah yang diambil adalah secara beransur-ansur agar tidak membebankan rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan campuran penjanaan kuasa yang mampan di negara ini melalui prakarsa kecekapan seperti penggunaan teknologi cekap bahan api dan mesra alam. Berbekalkan visi yang jelas, kerajaan akan memastikan agar negara ini memperoleh bekalan tenaga terjamin dan selamat untuk memenuhi objektif sosioekonomi negara ini.

MINYAK, GAS DAN TENAGA

Minyak, gas dan tenaga adalah berkait rapat dengan segenap ekonomi secara meluas, justeru mendatangkan kesan sistemik pada kebanyakan negara. Hal ini adalah benar terutamanya bagi pengeluar tenaga bersih seperti Malaysia.

Menyedari keadaan ini, Kerajaan mula menggerakkan inisiatif-inisiatif yang digariskan di bawah NKEA ini untuk memastikan keselamatan bekalan tenaga negara. Insentif-insentif ini juga disasarkan untuk mempelbagaikan portfolio sumber tenaga negara dan menggalakkan kecekapan tenaga.

Perlu ditekankan di sini bahawa intensiti tenaga (tenaga yang digunakan per unit KDNK) yang telah menurun sejak sedekad lalu mencerminkan pertumbuhan beransur-ansur sektor perkhidmatan dalam peratusan ekonomi Malaysia. Kenaikan tambahan dalam penggunaan tenaga juga diperoleh melalui amalan kecekapan tenaga dalam bangunan, penggunaan barangan elektrik cekap tenaga di samping juga amalan pengguna industri dan kemudahan awam yang mengguna pakai penjanaan bersama untuk memastikan penggunaan tenaga yang optimum.

Untuk menarik minat pengguna kepada pelbagai tenaga boleh baharu, Kerajaan telah menyemak semula surcaj ke atas bil elektrik daripada 1.0 peratus kepada 1.6 peratus bagi Semenanjung Malaysia dan mula mengenakan surcaj bagi para pelanggan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) untuk menyokong skim Tarif Galakan (FiT) yang telah

diperkenalkan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) pada tahun 2011. Pada masa yang sama, rancangan untuk menambah loji janakuasa telah diumumkan pada tahun ini sebagai sebahagian daripada matlamat Kerajaan untuk memastikan bekalan elektrik yang konsisten dan mencukupi bagi mengemudi pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2014, pelibatan negara dalam sektor hiliran telah mencatatkan satu lagi kejayaan besar. PETRONAS, syarikat minyak nasional negara telah mengumumkan Keputusan Pelaburan Muktamad (FID) bagi pembangunan fasiliti Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan (RAPID), pada awal tahun ini. Projek RAPID ini disasarkan akan meningkatkan volum output petrokimia Malaysia dan memenuhi permintaan Asia Pasifik untuk produk kimia khusus premium.

Selain itu, pihak Kerajaan juga mula melaksanakan langkah-langkah ketara agar harga elektrik dan bahan api lebih berorientasikan pasaran pada tahun 2014. Dengan mengambil kira kesan sistemik sektor minyak, gas dan tenaga kepada ekonomi, penyesuaian-penyesuaian ini akan diterjemahkan kepada manfaat struktur jangka panjang kepada ekonomi.

Unjuran Tahunan 2015

Bagi tahun yang akan datang ini, penganalisis dan agensi-agensi tenaga telah mengurangkan unjuran harga minyak mentah kepada AS\$50-AS\$80, daripada AS\$100 setong. Ini mencetuskan kebimbangan bahawa syarikat tenaga, terutamanya yang terbabit dengan aktiviti hulu, berkemungkinan akan mengkaji dan menilai semula pelaburan mereka di seluruh dunia.

Namun begitu, projek-projek yang telah mencapai peringkat FID, seperti projek RAPID PETRONAS akan diteruskan mengikut jadual. Tambahan pula,

pembangunan air dalam Malaysia yang pertama, iaitu lapangan Gumusut-Kakap telah pun memulakan operasi. Sebaik sahaja ia beroperasi pada kapasiti penuh, platform terapung ini dijangkakan mencapai pengeluaran minyak tertinggi tahunan sekitar 135,000 tong sehari, menurut Shell Malaysia, yang menjalankan operasi projek ini bersama rakan-rakan kongsinya, iaitu ConocoPhillips, Petronas Carigali dan Murphy Sabah Oil.

Perkembangan-perkembangan dalam sektor tenaga hulu dan hiliran Malaysia membolehkan industri ini

memandang ke tahun 2015 dengan penuh optimisme.

Dalam Malaysia terus meluaskan aktiviti-aktiviti ekonominya di dalam sektor hulu dan hiliran minyak, gas dan tenaga, terdapat keperluan yang penting bagi syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Malaysia untuk membangunkan kemahiran, keupayaan dan teknologi yang membolehkan mereka berkembang maju dalam industri global bernilai tinggi.

Analisis KPI Tahun 2014

Secara keseluruhannya, NKEA ini telah pun mencapai semua KPI bagi tahun 2014 berikutan kerjasama rapatnya

dengan pelbagai pihak berkepentingan. Matlamat yang dikomunikasikan dengan jelas dalam mencapai KPI tahun ini telah mendorong agensi yang berkenaan untuk bekerjasama dalam menangani dan mengatasi isu dalam tempoh masa yang agresif.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA MINYAK, GAS DAN TENAGA		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Sumber Tambahan – Juta Tong Tangki Stok (MMstb)	15	37.9	253	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Minyak dan Gas)(kboe/d)	60	87.5	146	●	100	●	1.0	●
	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran [Minyak] - Juta Tong Sehari (kbd)	40	58.3	146	●	100	●	1.0	●
	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran [Gas] - Juta Meter Padu Sehari (MMscfd)	120.3	175.5	146	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Bilangan telaga minyak yang telah diteroka	30	29	97	●	97	●	0.5	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA MINYAK, GAS DAN TENAGA		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #4	Jumlah tambahan kapasiti untuk fasiliti penyimpanan minyak (dalam juta meter padu)	8.7	9.17	105	●	100	●	1.0	●
	Bilangan syarikat perniagaan minyak yang berpangkalan di Malaysia	6	9	150	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Implementasi <i>Third Party Access</i> Persediaan empat rangka kerja undang-undang utama (pemboleh): 1. Pindaan dalam Akta Pembekalan Gas 2. Kod <i>Third Party Access</i> 3. Struktur Tarif 4. Garis Panduan Persaingan	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
	Pengerang-Terminal Penggasing Semula 2 FID	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Penentuan Harga dan Pemasaran Gas-Memuktamadkan GSA pada harga pasaran dengan RAPID & Kuasa COGEN Pengerang	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
EPP #6	Jumlah pelaburan yang dibuat oleh Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) (RM juta)	1,500	1,691	113	●	100	●	1.0	●
	Pelaburan terlaksana oleh Syarikat Pembekal, Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) (RM juta) pada tahun 2014	1,500	826.2	55	●	55	●	0.5	●
EPP #7	Bilangan pembida pertama kali (syarikat) untuk projek antarabangsa di segmen pasaran baharu (termasuk negara baharu atau segmen pasaran baharu dalam negara yang sama)	6	6	100	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Bilangan MNC yang membawa operasi global mereka ke Malaysia atau penggabungan/usaha sama di antara syarikat OGSE tempatan dan MNC global	6	6	100	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Jumlah tambahan kapasiti pemasangan loji tenaga boleh baharu bersambung grid (MW)	250	245.2	98	●	98	●	0.5	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA MINYAK, GAS DAN TENAGA		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP # 11	Penggubalan Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear (NPIDP)	100%	97%	97	●	97	●	0.5	●
	Enakmen Akta Kawal Selia Tenaga Atom baharu yang komprehensif	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
	Penubuhan Malaysia Atomic Energy Regulatory Commission (MAERC): Konsep Struktur Tadbir Urus MAERC	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
EPP #13	Pencapaian Pelan Induk PIPC – struktur PMO yang ditubuh dan dilaksanakan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Pencapaian Pelan Induk PIPC – Pembentukan struktur Perbadanan Pembangunan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Pencapaian Pelan Induk PIPC – Penyiapan projek infrastruktur PIPC yang dirancangan bagi tahun 2014	100%	49.7%	50	●	50	●	0	●
	Penyiapan infrastruktur dalaman dan luaran Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP)	100%	77.8%	78	●	78	●	0.5	●
				108%		92%		76%	

Rajah 2.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENCERGASKAN SEMULA TELAGA SEDIA ADA MENERUSI PEMEROLEHAN MINYAK TERTINGKAT (EOR)

PETRONAS telah mengenal pasti 10 projek EOR di luar pantai Malaysia dan melaksanakan teknologi EOR pertamanya yang memakan belanja sekitar RM10 bilion, di lapangan Tapis di luar pantai Terengganu. Sebagai EOR luar pantai yang terbesar di Asia Tenggara, projek ini bermatlamat untuk memanjangkan hayat lapangan ini selama 25 tahun lagi dan meningkatkan pengeluaran dari lapangan Tapis sehingga 35,000 tong minyak sehari, berbanding pengeluaran semasa, iaitu 3,000-4,000 tong sehari.

INTIPATI UTAMA

PETRONAS menghadapi pelbagai cabaran semasa mengimplimentasikan projek EOR. Pelaksanaan projek-projek sedemikian memakan perbelanjaan yang tinggi serta memerlukan kepakaran khusus memandangkan kekompleksan operasi EOR. Pelaksanaan EOR luar pantai menawarkan cabaran yang lebih besar kerana fasiliti luar pantainya sudah lama dan memerlukan kerja-kerja pemulihan yang meluas.

PETRONAS akan meneruskan usahanya untuk memperbaiki daya maju projek

EOR termasuk memperkenalkan pengaturan petroleum yang sesuai dengan tujuannya seperti EOR PSC dan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia untuk menawarkan insentif istimewa bagi meningkatkan pembangunan EOR. Antaranya termasuk insentif PITA. Jabatan Cari Gali & Teknologi Pengeluaran (EPTD) di PETRONAS, telah ditubuhkan untuk membina keupayaan dalaman mengenai kajian EOR. Sebuah Pusat EOR (EORC) untuk memudahkan dan menyediakan tumpuan kepada projek EOR telah juga ditubuhkan.

EPP
2

MEMBANGUNKAN TELAGA-TELAGA KECIL MELALUI PENYELESAIAN BERINOVASI

Pada tahun ini, PETRONAS telah menganugerahkan Kontrak Perkhidmatan Risiko Telaga Minyak Kecil (SFRSC) kepada EQ Petroleum Developments Malaysia Sdn Bhd (EnQuest) dan Uzma Energy Venture (Sarawak) Sdn Bhd (Uzma) untuk pembangunan dan produksi lapangan Tanjong Baram, yang terletak lebih kurang enam kilometer dari luar pantai Sarawak.

PETRONAS telah menganugerahkan satu lagi SFRSC kepada Ophir Production Sdn Bhd, syarikat usaha sama Octanex Pte Ltd, Scomi D&P Sdn Bhd dan VESTIGO Petroleum Sdn Bhd, untuk pembangunan dan pengeluaran petroleum dari lapangan Ophir yang terletak di luar pantai Semenanjung Malaysia.

INTIPATI UTAMA

Kawasan pinggir yang masih belum diterokai bakal menghadapi cabaran

dari segi teknikal dan komersial. Dari segi teknikal, lapangan ini seringkali tidak mempunyai data yang mencukupi atau data yang bermutu rendah, mempunyai simpanan yang sangat terpisah, berada jauh dari kemudahan yang sedia ada dan memerlukan kos pembangunan yang tinggi. Disebabkan oleh volum yang kecil dan kos pembangunan yang tinggi, lapangan kecil sedemikian seringkali berdepan dengan isu-isu daya maju komersial, dengan nilai potensi yang marginal.

EPP
3

MEMPERHEBATKAN AKTIVITI CARIGALI

Setakat ini, pencarian untuk hidrokarbon menjadi semakin sukar dan usaha penerokaan perlu mencari sasaran hidrokarbon di kawasan yang baharu seperti di kawasan perairan yang lebih mendalam dan zon yang

mempunyai tekanan dan suhu bawah permukaan yang lebih tinggi. Sebagai langkah seterusnya, PETRONAS akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti peluang penerokaan yang baharu di lembangan yang sedia ada dan juga

yang baharu. Teknologi merupakan pemboleh utama dalam pencarian kawasan persekitaran yang lebih mencabar, dari segi pengimejan bawah permukaan serta juga keberkesanan pelaksanaan dan pembangunan.

Justeru, kos penggunaan teknologi, dan pengetahuan mengenai lembangan memainkan peranan penting untuk menjayakan usaha penerokaan.

INTIPATI UTAMA

Untuk mengekalkan tarikan pelaburan, PETRONAS akan memainkan peranan 'pemangkin' yang lebih besar melebihi peranannya sebagai pemilik sumber dan pengurus, dengan meneraju dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurangan risiko secara blok. PETRONAS akan terus memperoleh data seismik proses semula yang sedia ada dan yang baharu untuk mengkaji dengan mendalam dan menguji potensi lembangan di samping mengenal pasti jenis medan (*play*) baharu untuk meningkatkan prospeknya. PETRONAS juga akan mengendalikan pelbagai kajian dalaman berkaitan lembangan

dan kempen penggerudian serta juga jenis medan (*play*) baharu yang matang, petunjuk dan prospek untuk memaksimumkan kemungkinan kejayaan dalam mendapatkan saiz penemuan yang berekonomi.

PETRONAS akan terus merumuskan inisiatif fiskal dan komersial untuk kawasan sempadan dan sumber luar biasa. Sehubungan dengan ini, PETRONAS menawarkan insentif dan terma komersial yang baharu untuk menarik pelaburan dan mempromosikan aktiviti huluan. Insentif PITA Kerajaan mengenai perbelanjaan penerokaan telah menyumbang secara signifikan dalam meningkatkan sikap pengambilan risiko oleh kontraktor dan daya usaha untuk menggalakkan aktiviti penerokaan berperingkat tinggi.

PETRONAS akan terus berikhtiar untuk mempromosikan blok-blok yang sedia ada di Malaysia kepada pemain berkebolehan yang mempunyai prospek menarik dan rangkaian inisiatif yang diterajui oleh PETRONAS untuk mengurangkan risiko.

PETRONAS juga akan menuruti beberapa pengaturan perkongsian yang berlainan untuk memastikan penerokaan dan pengewangan sumber yang berkesan. Padanan portfolio penerokaan domestik dengan pemain yang sesuai juga merupakan suatu prakarsa PETRONAS yang dijalankan secara berterusan untuk memastikan agar peluang yang ada sejajar dengan bidang tumpuan pemain sasaran masing-masing.

EPP
4

MEMBINA HAB PUSAT PENYIMPANAN DAN PERDAGANGAN MINYAK SERANTAU



Terminal Air Dalam Pengerang

Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC) memainkan peranan utama bagi EPP ini melalui usaha kerjasamanya dengan agensi-agensi persekutuan dan negeri untuk

memudahkan dan memantau perkembangan projek utama. Salah satu kemajuan besar di bawah EPP ini ialah bermulanya operasi Pengerang Independent Terminals Sdn Bhd

(PITSB). PITSB merupakan sebuah syarikat perkongsian swasta-umum di antara Dialog Group Berhad, *Royal Vopak N.V. Holland* and Kerajaan Negeri Johor.



Perdana Menteri melancarkan Fasa 1A Pengerang Deepwater Terminal Sdn Bhd



Kapal pertama yang berlabuh di Terminal Air Dalam Pengerang pada bulan April 2014 menandakan permulaan operasinya

Fasa 1A Pengerang Independent Terminals Sdn Bhd telah berjaya disiapkan pada bulan Mac 2014. Terminal yang merangkumi 25 tangki berkapasiti 432,000 meter padu pertama ini telah meraikan ketibaan kapal pertama *MT Vinalines Glory* pada 12 April 2014. Ia telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Razak pada 26 Jun 2014. Sejak itu, sehingga bulan Disember 2014, 93 buah kapal telah pun berlabuh di terminal ini. Fasa 1B seterusnya memulakan operasinya pada bulan Oktober 2014 dengan tambahan 25 tangki berkapasiti 432,000 meter padu simpanan produk bersih petroleum. Fasa 1C pula dijangka siap pada penghujung tahun 2014 dan akan mula beroperasi pada suku pertama tahun 2015. Apabila siap secara sepenuhnya, terminal ini bakal menyediakan 1.3 juta meter padu simpanan. Pencapaian ini membentuk sebahagian daripada langkah-langkah ke arah merealisasikan visi negara bagi memajukan Pengerang sebagai hab minyak dan gas.

INTIPATI UTAMA

Dalam persekitaran yang semakin kompetitif ini, perkongsian menang-menang perlu dipupuk di antara syarikat-syarikat Malaysia dan syarikat antarabangsa ternama yang mempunyai rangkaian perdagangan global untuk memudahcarakan pemindahan pengetahuan dan membina perhubungan industri yang kukuh.

EPP
5

MEMBUKA PERMINTAAN GAS PREMIUM TERPENDAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bermulanya operasi di Terminal Pengelasan Semula (RGT) LNG PETRONAS Gas Bhd (PGB) di Sungai Udang, Melaka telah membantu menangani kekurangan bekalan gas asli di Semenanjung Malaysia dan juga

membantu negara bersedia menghadapi permintaan gas yang bertambah di masa hadapan. Di samping itu, cadangan pindaan kepada Akta Bekalan Gas (GSA) 1993 oleh Suruhanjaya Tenaga juga sedang berjalan, selari

dengan usaha-usaha di bawah EPP ini untuk menggalakkan *Third Party Access* (TPA) dan memudahcarakan kemasukan pemain industri baharu serta membolehkan penetapan harga gas yang kompetitif.

INTIPATI UTAMA

Walaupun Kerajaan dan PETRONAS telah pun mencapai kemajuan dalam menangani kekurangan bekalan gas asli melalui Terminal Penggasan Semula PGB, ternyata masih ada keperluan untuk meliberalisasikan lagi pasaran dalam usaha untuk menarik penyertaan pemain-pemain baharu. Ini seterusnya akan menjurus kepada kecekapan ekonomi yang lebih besar, kepastian dalam pasaran dan penetapan harga yang kompetitif, yang akhirnya akan memanfaatkan para pengguna.

Bagi pemain-pemain baharu, peralihan kepada liberalisasi dalam sektor ini akan diterjemahkan kepada persekitaran pelaburan yang menarik tanpa halangan pentadbiran yang tidak berputeran.

Pengenalan harga gas yang dikawal selia akan melemahkan kemampuan dan keselamatan bekalan gas di Semenanjung Malaysia dalam jangka masa panjang. Takat herotan harga akan menggalakkan penggunaan berlebihan gas dan tidak akan menggalakkan pembekalan kerana insentif yang sedikit kepada pengguna untuk mengguna gas dengan berhemah dan cekap, dan juga bagi pembekal gas untuk mencari bekalan gas memandangkan ia kurang menarik dari segi ekonomi.

Prospek kebergantungan pada import kini semakin meningkat memandangkan pengeluaran domestik semakin merosot secara berterusan dan penemuan baharu pula menjadi semakin kecil dan lebih mahal. Ditambah dengan keperluan untuk volum tambahan yang dibeli pada harga pasaran antarabangsa, dorongan kepada pembaharuan harga gas menjadi lebih kukuh.

Bebanan subsidi tahunan yang disebabkan oleh jurang perbezaan harga tidak boleh bertahan sekiranya gas dibekalkan secara tidak komersial. Hal ini akan menyebabkan keselamatan bekalan gas jangka panjang negara dan keberkesanan ekonomi yang tidak mampan.

Sesungguhnya, keperluan untuk pembaharuan pasaran gas dan rasionalisasi subsidi telah pun diiktiraf oleh Kerajaan dan diperincikan secara jelas dalam Dasar Tenaga Baharu di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (10MP). Kerajaan juga telah meluluskan implementasi mekanisme harga gas dua tingkat sebagai mekanisme untuk membentuk harga gas berasaskan pasaran penuh dalam negara—satu langkah penting untuk memastikan kebolehlaksanaan liberasi pasaran.

Dengan adanya liberalisasi pasaran, ia akan memudahkan kemasukan pemain industri yang baharu di samping membolehkan penentuan harga gas yang kompetitif, menggalakkan penggunaan yang lebih berhemah serta meningkatkan ketersediaan bekalan gas—semuanya akan membantu menyediakan asas yang lebih kukuh bagi keselamatan tenaga negara dan lantas kepada keselamatan ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

CABARAN UTAMA – PERJANJIAN BEKALAN GAS (GSA) UNTUK RAPID

Cabaran utama dalam memuktamadkan GSA *Term Sheet* bagi PETRONAS Refinery and Petrochemical Corporation's

Refinery Complex (PRPC RC) dan *Utility Facilities* (PRPC UF) adalah ketidakpastian garis masa bagi liberisasi pasaran, iaitu pelaksanaan *Third Party Access* (TPA) serta juga ketidaksediaan kerangka kerja kawal selia bagi TPA. Untuk meringankan ketidakpastian ini, peruntukan telah disisipkan di dalam *Term Sheet* untuk memberi keflexibelan kepada Penjual dan Pembeli tatkala TPA ini dikuatkuasakan.

CABARAN UTAMA – GSA UNTUK PENERANG COGEN POWER (PCP)

Cabaran utama dalam memuktamadkan GSA dengan PCP adalah perubahan dinamik dalam keperluan pembeli tenaga PCP, iaitu *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB). Perubahan-perubahan ini akan seterusnya menjejaskan pembekalan gas PETRONAS kepada PCP, yang akan memerlukan GSA yang boleh menepati keperluan PETRONAS dan PCP. Pada masa yang sama, GSA masih sedang memuktamadkan terma komersial yang lain seperti penentuan harga pasaran bagi komponen bekalan gas kepada PCP, lantas membawa kepada kekompleksan selanjutnya terhadap pemuktamadkan GSA.



MENG GALAKKAN PELABURAN DALAM INDUSTRI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK DAN GAS (OGSE)

Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) mencatat kemajuan besar dalam mewujudkan hubungan antarabangsa dengan pelbagai agensi antarabangsa seperti *UK Trade and Investment (UKTI)*, *Scottish Development International (SDI)*, *Energy Industries Council (EIC)*, *Greater Stavanger Economic Development* dan *Korea Trade-Investment Promotion Agency (KOTRA)*. Dengan perhubungan ini, lebih banyak kerjasama dan peluang perniagaan boleh diperoleh bagi memanfaatkan industri ini secara umumnya dan meningkatkan status Malaysia sebagai pusat aktiviti minyak dan gas.

MPRC juga menganjurkan rundingan dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk memudahkan pemahaman

industri mengenai geran yang tersedia. Bagaimanapun, perkembangan pesat industri ini masih mengajukan cabaran-cabaran utama. Ini termasuk keperluan pembangunan modal insan. Dalam usahanya untuk memberi respons kepada keperluan industri, MPRC kini bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (MoE) melalui program Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE). Untuk tujuan ini, MPRC sedang mempromosikan lebih banyak perhubungan universiti dengan industri dan menyertai lebih banyak forum untuk memacu minat pelajar agar menyertai industri ini.

Untuk memastikan akses yang lebih baik kepada dana, MPRC juga bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk memudahkan

rundingan di antara sektor perbankan dan syarikat-syarikat minyak dan gas.

INTIPATI UTAMA

Membangunkan kluster yang bertenaga memerlukan kewujudan pelbagai perhubungan antara pemain yang berbeza, tidak kira dari sektor swasta, awam, tempatan dan luar negara, sama ada di dalam atau di luar industri.

Sempadan semula jadi kluster industri bersifat dinamik dan akan beranjak dari semasa ke semasa selari dengan anjakan dalam teknologi, aliran modal antarabangsa, geopolitik serta penetapan harga secara relatif untuk sumber tenaga berbeza.



EPP
7

MEMBAWA SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK DAN GAS TEMPATAN

KE PENTAS GLOBAL

Usaha-usaha di bawah EPP ini yang diterajui oleh MPRC, menumpukan kepada membantu pembekal perkhidmatan dan pengeluaran minyak dan gas untuk meneroka peluang di luar Malaysia. Seiring dengan usaha ini dan untuk meningkatkan profil Malaysia di pentas antarabangsa, MPRC telah mempromosikan syarikat-syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas Nasional (OGSE) kepada enam buah negara. MPRC juga menjadi hos kepada *Pavilion Malaysia* di *Offshore Technology Conference (OTC)* di Houston, Texas dan membawa *OTC Asia* ke Kuala Lumpur. Melalui usaha-usaha MPRC, Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai *World Energy City* oleh *World Energy Cities Partnership (WECP)*.

INTIPATI UTAMA

Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam penyertaan syarikat-syarikat minyak dan gas Malaysia di rantau Asia, hanya segelintir sahaja yang berjaya mencipta kehadiran global dalam bidang tenaga. Dengan itu,



wujud suatu keperluan bagi pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memudahkan pertumbuhan pemain-pemain tempatan. Ini adalah penting terutamanya bagi syarikat-syarikat yang memiliki kesedaran jenama yang terhad.

Oleh itu, saluran pemasaran seperti pameran perdagangan diperlukan untuk mewujudkan perhubungan di antara pengeluar OGSE tempatan dan syarikat-syarikat asing.

EPP
8

MENARIK MINAT MNC UNTUK MENUBUHKAN OPERASI DI MALAYSIA

DAN MENJALANKAN PERKONGSIAN DENGAN FIRMA TEMPATAN

Bagi tahun ini, Atlas Hall telah membentuk usaha sama dengan Oiltools AS, yang membolehkan Atlas Hall memasarkan dan menghantar perkhidmatan dan produk Oiltools di Malaysia dan rantau ASEAN. Tahun 2014 juga menyaksikan usaha sama

antara D&P Services dan peneraju penyedia ujian batang gerudi Australia, Farley Riggs. Usaha-usaha sama lain yang telah ditandatangani termasuk perjanjian Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (TLP), syarikat milik Johor Corporation dengan Oilfields

Supply Center Ltd dari Dubai untuk pembinaan, pengurusan dan operasi pangkalan bekalan pengguna bersama di Tanjung Langsat Port, Johor dan TH Heavy Engineering dan McDermott International Inc.



Pavilion MPRC University di MOGSEC 2014

INTIPATI UTAMA

Kejayaan EPP ini sebahagian besarnya adalah kerana penjajaran dasar dan peraturan untuk menggalakkan pertumbuhan. Perumusan Program Insentif Global untuk Perdagangan

(GIFT) untuk mempromosi Malaysia sebagai hab perdagangan adalah penting untuk menarik syarikat perdagangan global dalam petroleum dan produk-produk petroleum untuk memulakan operasi di Malaysia.

Diterajui oleh MPRC, program ini dirumuskan bersama-sama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

EPP
9

MENINGKATKAN KECEKAPAN TENAGA

Di bawah program *Government Lead by Example* (GLBE) oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, usaha giat sedang dijalankan untuk melaksanakan peningkatan dan naik taraf bangunan kerajaan dalam rangka tindakan untuk menjadikan bangunan-bangunan tersebut lebih cekap tenaga dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Lebih banyak peralatan cekap tenaga telah memasuki pasaran, berikutan kesedaran yang semakin meningkat terhadap kaedah menjimat tenaga yang dicipta oleh Program Kelestarian Tercapai Melalui Kecekapan Tenaga (SAVE).

INTIPATI UTAMA

Inisiatif rasionalisasi subsidi yang sedang berjalan akan membolehkan

harga elektrik mencapai kos pengeluaran sebenar, yang seterusnya akan menggalakkan program berkaitan dengan kecekapan tenaga dijalankan di peringkat pengguna. Bagaimanapun, untuk membolehkan Malaysia benar-benar mencapai kecekapan tenaga sebenar, program kesedaran tentang merit kecekapan tenaga perlu diperkukuhkan.

EPP
10

MEMBANGUNKAN KAPASITI TENAGA ALTERNATIF DAN TENAGA SOLAR

EPP ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan, dengan kapasiti terpasang tenaga boleh baharu mencapai 245 megawatt pada tahun 2014.

Di bawah EPP ini, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah menjalankan cabutan undi terbuka yang julung-julung kalinya

diadakan bagi permohonan Kelulusan Tarif Galakan (FiA) fotovolta solar bagi pemohon bukan individu untuk kapasiti terpasang sehingga 425 kW.

INTIPATI UTAMA

Kadar Tarif Galakan (FiT) perlu ditetapkan pada kadar yang cukup tinggi pada peringkat awal untuk menggalakkan

pelaburan. Bagaimanapun, kadar FiT akan menurun berdasarkan situasi pengguna dan pelabur yang semakin membiasakan diri dengan proses menjana tenaga boleh baharu dan perubahan dalam teknologi, yang seterusnya akan mengurangkan kos tenaga boleh baharu.

EPP
11

MENGGUNAKAN TENAGA NUKLEAR UNTUK PENJANAAN KUASA

Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Kuasa Nuklear telah menyiapkan Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear, dalam Malaysia meneroka sumber tenaga untuk penjana tenaga. Kerajaan sedia maklum keperluan untuk mencari keseimbangan yang tepat dalam campuran tenaga optimum untuk negara di samping memiliki sumber tenaga yang selamat.

INTIPATI UTAMA

Mencapai keseimbangan yang tepat dan menerokai campuran tenaga yang ideal adalah sesuatu yang mencabar. Dalam mengambil kira pelaksanaan kuasa nuklear, apa yang penting ialah pertimbangan sewajarnya harus diberikan apabila membuat keputusan tentang campuran tenaga yang bakal

diguna pakai. Berdasarkan impaknya yang meluas pada alam sekitar dan masyarakat, industri tenaga nuklear memerlukan persetujuan umum dan kesepakatan yang sepenuhnya untuk membuat keputusan yang termaklum.

EPP
12

MEMANFAATKAN POTENSI HIDROELEKTRIK

EPP ini meneraju penggunaan hidroelektrik di negara ini untuk membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan memastikan bekalan tenaga yang selamat dan mampan untuk negara, dan dari segi potensinya, juga untuk rantau ASEAN. Untuk mencapai visi ini, pelbagai agensi di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia telah ditugaskan untuk memastikan potensi hidroelektrik dimanfaatkan dengan cara yang

bertanggungjawab, mampan dan optimum.

Sehingga akhir tahun 2014, kapasiti terpasang untuk hidro kecil di bawah program Tarif Galakan ialah 15.70 MW, yang menyumbang kepada lebih 154,597 MWh tenaga terkumpul yang dijana. Sarawak dan Sabah juga sedang mengembangkan kapasiti penjana hidro masing-masing secara aktif dengan pembangunan pelbagai projek

seperti empangan hidro Baram — 1,200 MW (utara Sarawak), empangan hidro Baleh — 1,285 MW (tengah Sarawak) dan pembangunan kuasa hidro kecil yang berpotensi di 17 buah tapak yang telah pun dikenal pasti di Sabah dengan gabungan kapasiti terpasang dianggarkan berjumlah 432 MW.

MENINGKATKAN OUTPUT PETROKIMIA

Lembaga Pengarah PETRONAS telah meluluskan Keputusan Pelaburan Mukhtamad (FID) untuk pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) yang merangkumi fasiliti Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan (RAPID) dan fasiliti-fasiliti lain yang berkaitan. RAPID dijangka menelan belanja sekitar AS\$16 bilion sementara fasiliti-fasiliti yang berkaitan melibatkan pelaburan sekitar AS\$11 bilion.

Fasiliti yang terletak di Johor ini—yang merangkumi kilang penapisan minyak mentah dengan kapasiti 300,000 tong sehari dan kompleks petrokimia dengan gabungan kapasiti pengeluaran 7.7 tan metrik setahun bahan kimia khusus seperti getah tiruan dan polimer hijau—berlokasi strategik untuk akses mudah kepada pasaran permintaan tinggi seperti di Korea Selatan, China dan India.

Projek ini juga bakal menyaksikan sejumlah pembangunan fasiliti yang berkaitan, iaitu projek bekalan air mentah, kilang penjanaan bersama, terminal penggasan semula gas asli cecair (LNG) serta fasiliti sampingan yang lain. Pada kemuncak pembinaannya, Projek PIC ini dijangkakan mempunyai tenaga kerja seramai lebih kurang 70,000 orang dengan kemahiran dan disiplin yang berbeza-beza. Pada peringkat operasinya, PIC memerlukan 4,000 pekerja. Selain itu, Jawatankuasa Permandu Projek Pusat bagi Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara juga telah ditubuhkan untuk memantau semua projek infrastruktur pelbagai agensi di dalam PIPC dan memastikan kerja-kerja infrastruktur ini disiapkan tepat pada masanya.

INTIPATI UTAMA

Kejayaan EPP ini bergantung kepada kerja-kerja yang disempurnakan tepat pada masanya, juga interaksi rapat pelbagai agensi-agensi Negeri dan Pusat bersama-sama dengan pelabur dalam memastikan kesemua kerja-kerja pembangunan dijangkakan. Untuk tujuan ini, Pejabat Pengurusan Program (PMO) telah ditubuhkan oleh Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor untuk memantau dengan teliti kesemua projek di samping juga mengenal pasti faktor-faktor saling bergantung untuk meminimumkan kemungkinannya berlaku kelewatan projek.

Ternyata lebih banyak komunikasi bersifat interaktif diperlukan, terutamanya dengan masyarakat tempatan di Pengerang bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang pelbagai peluang yang dicipta di bawah PIPC.



Pandangan dari atas kemajuan tapak Kompleks Bersepadu Pengerang (setakat bulan Disember 2014)

PELUANG PERNIAGAAN

1

Penambahbaikan Proses

Penambahbaikan proses dalam mengendalikan kemudahan penapisan dan petrokimia sejajar dengan amalan terbaik global yang mempunyai potensi besar untuk menjana manfaat ekonomi.

2

Pertumbuhan Ekonomi

Sektor minyak, gas dan tenaga (OGE) dijangka berkembang seiring dengan anggaran pertumbuhan tiga peratus dalam penggunaan tenaga Malaysia, yang dijana oleh pertumbuhan

ekonomi negara dan kelas pertengahan yang semakin berkembang. Ini bakal mewujudkan permintaan tambahan bagi semua jenis tenaga, dan seterusnya memerlukan pelaburan tambahan.

PEMANGKIN

Inovasi teknologi telah membuka era baharu pertumbuhan sektor minyak dan gas di seluruh dunia. Kemajuan dalam teknologi penggerudian, geologi dan pengimejan baharu telah membantu penemuan takungan hidrokarbon yang terletak beribu kaki di bawah permukaan.

Sementara kemajuan teknologi membantu syarikat memanfaatkan nilai potensi mereka, perubahan dramatik dalam keadaan pasaran dan teknologi telah mencipta cabaran dalam kejayaan takungan bakat dengan keperluan pasaran yang khusus. Sebagai industri yang berasaskan pengetahuan,

pemangkin utama bagi NKEA OGE Malaysia ialah modal insan, di mana tenaga kerja yang diperlukan berjumlah 52,300 menjelang tahun 2020.

Bagaimanapun, tawaran gaji yang lebih baik dan persaingan yang meningkat dari pasaran global telah membawa kepada aliran keluar profesional yang mahir ke negara-negara lain dan menyebabkan kekurangan bakat di Malaysia. Keadaan ini menjadi semakin rumit dengan segmen besar tenaga kerja Malaysia menghampiri umur persaraan dan kekurangan graduan berkemahiran dari universiti-universiti di Malaysia.

Oleh kerana itu, pelbagai inisiatif telah mula dilaksanakan secara seiring oleh PEMANDU, MPRC dan TalentCorp untuk membina tenaga kerja yang kukuh dalam usaha untuk mengekalkan pertumbuhan. Untuk memastikan wujudnya bakat yang mencukupi dalam jangka masa panjang, MPRC, syarikat-syarikat minyak dan gas bersama-sama dengan pihak universiti akan bekerjasama dalam memupuk pembangunan keupayaan individu.

Selain itu, dalam usaha menarik bakat ekspatriat bertaraf dunia, TalentCorp dan MPRC telah mengambil pendekatan yang disatukan untuk memikat ekspatriat dengan tawaran pas pemastautin jangka panjang dan faedah cukai.


Ringkasan NKEA Minyak, Gas dan Tenaga

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM131.4 bilion
Pekerjaan Tambahan	52,300

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Pelancaran Euro4M RON97 dan penggazetan Euro5 untuk petrol dan diesel
- Pelaksanaan *Third Party Access* untuk bekalan gas
- Meningkatkan tenaga tambahan yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu
- Meningkatkan pelaburan oleh syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak & gas di Malaysia

WAWANCARA: PEMANGKIN INDUSTRI



Menempa Jalinan Strategik dalam Perlumbaan ke Puncak

Ir. Dr. Shahreen Madros

Pengarah Eksekutif Perbadanan
Sumber Petroleum Malaysia

Dalam usaha Malaysia memecut untuk menjadi pemain tenaga terulung di Asia menjelang tahun 2020, ia menyedari bahawa memperkukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara pengeluar tenaga utama adalah amat penting, dengan mengambil kira landskap tenaga yang pantas berubah seiring dengan persekitaran geopolitik global yang kian berubah-ubah.

Visi Malaysia ini menerima sokongan WECP, sebuah organisasi bukan untung yang mengumpulkan 22 ibu negara antarabangsa, termasuk Stavanger, Aberdeen, Houston, Doha, Rio de Janeiro dan Perth. WECP bertujuan untuk mengumpulkan pusat-pusat tenaga di seluruh dunia untuk memudahkan pembangunan perniagaan di samping juga menggalakkan pemindahan teknologi dan pengetahuan.

“Salah satu tonggak utama dalam strategi tenaga Malaysia adalah untuk menjadi hab serantau minyak & gas bagi Asia Pasifik. Keahlian [Kuala Lumpur] dalam WECP sepadan dengan strategi ini,” kata Dr Shahreen Madros, Pengarah Eksekutif di Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia yang menyokong Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg Datuk Seri Hj Ahmad Phesal bin Hj Talib dalam percubaan Kuala Lumpur untuk diiktiraf sebagai Bandar Tenaga Dunia. WECP ini terikat dengan perjanjian kerjasama yang ditandatangani oleh datuk-datuk bandar dari setiap bandar dan Presiden WECP ini disokong oleh pejabat Sekretariat yang beribu pejabat di Houston, AS.

Beliau menambah, sebagai bandar Asia Tenggara pertama yang menerima pengiktirafan sebagai Bandar Tenaga Dunia, Kuala Lumpur dibayangkan akan meningkatkan jalinan dan mengukuhkan hubungan dengan negara lain-lain di ASEAN.

“Pengiktirafan yang diberikan kepada Kuala Lumpur oleh WECP tepat pada masanya kerana tahun 2015 merupakan tahun yang penting bagi Malaysia atas dasar kedudukannya sebagai pengerusi semasa ASEAN dan ini adalah masa yang tepat untuk Malaysia mengukuhkan kerjasama serantau dengan jiran-jiran ASEAN seperti Indonesia, Vietnam, Thailand dan Myanmar,” kata beliau.

“Ini bukan sahaja bakal membantu kita mencapai aspirasi Kuala Lumpur untuk menjadi peneraju bandar tenaga dunia. Ia juga akan meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN.”

Perkongsian dengan WECP juga menawarkan peluang kepada lebih 4,400 penyedia perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) dalam Malaysia untuk memanfaatkan rangkaian industri perkhidmatan sokongan sedunia dan kerjasama penyelidikan dan pembangunan di antara WECP dan universiti sekutu. Ini penting bagi merealisasikan sasaran Malaysia untuk merangsang keupayaan dan skala penyedia OGSE tempatan agar menjadi pemain serantau dan bertaraf dunia.

“Dalam menghadapi landskap tenaga yang semakin kompetitif, OGSE tempatan perlu menukar set minda mereka dan berkembang di luar lapangan tempatan. Semakin kita berhubung dengan hab-hab tenaga lain, lebih banyak pintu akan terbuka. Dengan itu, kita berharap penyedia OGSE tempatan akan memanfaatkan jalinan dengan syarikat teknologi di bandar-bandar ahli WECP dan menjalin perkongsian strategik.”



WAWANCARA: PEMANGKIN INDUSTRI



Menonjolkan Tenaga Boleh Baharu dalam Kesedaran Umum

**Dato' Dr. Ali Askar
Sher Mohamad**

Ketua Pegawai Operasi
SEDA Malaysia

Penjanaan tenaga boleh baharu mampu membantu Malaysia menguruskan pelepasan karbon, memenuhi matlamat pembangunan lestari dan mempelbagaikan campuran tenaga nasional, selain memperbaiki keselamatan tenaga dan autonomi tenaga negara. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia perlu meningkatkan dan membangunkan modal insannya, iaitu tanggungjawab yang dipikul oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) dalam landskap tenaga boleh baharu di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga.

“Kemajuan kami dalam sesi Melatih Pelatih (TtT) amat memberangsangkan, iaitu setelah melantik sekumpulan pelatih untuk Kursus Latihan Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem Solar Fotovolt Tersambung Grid (GCPV),” kata Dato’ Dr. Ali Askar Sher Mohamad, Ketua Pegawai Operasi di SEDA Malaysia.

Di samping solar PV, SEDA Malaysia juga menunjukkan kemajuan yang baik dalam mempertingkatkan dan membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan dan menangani loji janakuasa kecil. “Sesi latihan dan bengkel baharu sedang dirancang, kerana matlamat kami adalah untuk membangunkan modal insan memandangkan peranan mereka yang penting dalam memastikan kelestarian sebarang projek tenaga boleh baharu,” tambah beliau.

“Matlamat utama SEDA Malaysia ialah untuk menonjolkan tenaga boleh baharu dalam kesedaran umum. Walaupun kami telah memulakan perbincangan dengan jawatankuasa perancangan penjana tenaga agar kapasiti tenaga boleh baharu diterapkan dalam campuran tenaga nasional, tenaga kerja juga perlu dilengkapi untuk memastikan kelestarian jangka panjang projek-projek tenaga boleh baharu.”

Usaha SEDA Malaysia telah menunjukkan kemajuan positif dalam tahun-tahun sejak pelancaran ETP ini. Tenaga boleh baharu, yang termasuk solar PV, hidro kecil, dan biomass/ biogas hari ini mencakup lebih kurang 1 peratus daripada jumlah campuran tenaga Malaysia selepas pengenalan mekanisme Tarif Galakan, yang membenarkan elektrik yang dihasilkan secara tempatan dijual kepada syarikat utiliti pada premium tetap untuk tempoh yang khusus. Kini, untuk terus membina kapasiti tenaga boleh baharu negara, Dato’ Ali berkata, SEDA Malaysia akan memperkenalkan rangka kerja meter tenaga bersih baharu, di mana syarikat-

syarikat yang menggunakan sistem solar PV akan boleh menggunakan tenaga yang dijana untuk penggunaan sendiri.

“Rangka kerja baharu ini akan meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu dengan tambahan 2,000 MW dalam tahun-tahun yang akan datang ini. Ini kemudiannya akan menyaksikan tenaga boleh baharu menyumbang kepada bahagian yang lebih besar daripada campuran tenaga nasional,” beliau menambah.

Namun, jalan ke arah memacu tenaga boleh baharu agar lebih menonjol dalam kesedaran umum menghadapi pelbagai cabaran. “Ia sesuatu yang penting untuk memastikan kelestarian jangka panjang projek-projek tenaga boleh baharu yang dilaksanakan. Untuk mencapai ini semua, kami perlu memastikan yang kami terus menganjurkan program meningkatkan kemahiran bagi mengekalkan takungan bakat berkemahiran dan kebolehkendalian [tenaga boleh baharu],” kata Dato’ Ali.

Sebagai langkah seterusnya, Dato’ Ali berkata usaha-usaha akan digerakkan untuk mengenal pasti sumber tenaga boleh baharu yang baharu seperti kuasa angin dan geoterma, bagi mempelbagaikan portfolio tenaga boleh baharu.



PERKHIDMATAN KEWANGAN



Sebagai salah satu daripada industri perkhidmatan kewangan yang paling maju di rantau ini, saya yakin industri kita berada di landasan yang kukuh untuk meneruskan sumbangan kepada pembangunan negara





**Dato' Seri Ahmad Husni
Mohamad Hanadzlah**
Menteri Kewangan II

S&J

BAGAIMANAKAH PENTINGNYA INDUSTRI PERKHIDMATAN KEWANGAN DALAM EKONOMI MALAYSIA?

Industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah berkembang maju sehingga menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini menjadi sumber asas kepada sektor swasta dalam mendapatkan pembiayaan kewangan untuk menjalankan aktiviti perniagaan, lantas berterusan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru itu, adalah semakin penting untuk industri perkhidmatan kewangan berkembang maju seiring dengan proses transformasi dan aspirasi Malaysia dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sebagai salah satu daripada industri perkhidmatan kewangan yang paling maju di rantau ini, saya yakin industri kita berada di landasan yang kukuh untuk meneruskan sumbangan kepada pembangunan negara, di samping menyokong keperluan rakyat dari segi perlindungan kewangan dan penjana pendapatan yang berterusan.

APAKAH PENCAPAIAN-PENCAPAIAN PENTING INDUSTRI INI PADA TAHUN 2014?

Pada tahun 2014, Bursa Malaysia merupakan destinasi pilihan utama di rantau ini dalam penjana dana. Pencapaian ini jelas membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam mempertingkatkan dan memperluaskan lagi kerancakan pasaran modal negara. Kejayaan ini diperkukuhkan lagi oleh kedudukan Malaysia selaku peneraju terbitan sukuk global, lantas memperakukan status negara sebagai peneraju utama sistem kewangan Islam dunia.

Kita juga telah berjaya menerokai pasaran kewangan serantau, berikutan usahasama Bank Negara Malaysia dan rakan-rakan ASEAN yang telah mewujudkan Kerangka Kerja Pengintegrasian Perbankan ASEAN (*ASEAN Banking Integration Framework*). Kerangka tersebut yang telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh semua Gabenor Bank Pusat ASEAN pada 31 Disember 2014, akan merangsang peluasan dan pengintegrasian perbankan serantau.

APAKAH FOKUS UTAMA KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN INDUSTRI KEWANGAN NEGARA KEKAL BERDAYA SAING?

Satu aspek yang amat penting ialah memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial dan memperluaskan akses rakyat kepada perkhidmatan kewangan. Sehubungan dengan itu, NKEA ini giat meluaskan perkhidmatan perlindungan insurans dan berterusan mendorong pertumbuhan industri persaraan swasta dalam menyediakan perlindungan kewangan persaraan yang mencukupi kepada rakyat.

Inovasi produk dan perkhidmatan kewangan yang berterusan adalah penting dalam meningkatkan daya saing institusi kewangan, lebih-lebih lagi dengan wujudnya persaingan hebat serantau. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan persekitaran yang sesuai untuk menggalakkan pertumbuhan berterusan industri kewangan negara. Perkara ini adalah penting memandangkan pelbagai cabaran dalam ketidakpastian ekonomi dunia.

APAKAH SEKTOR PERTUMBUHAN UTAMA DALAM NKEA PERKHIDMATAN KEWANGAN TATKALA ETP SEMAKIN MARA KE TAHAP AKHIR PELAKSANAAN?

Industri Kewangan Islam kekal menjadi pemacu penting yang merangsang pertumbuhan industri kewangan negara. Malaysia akan berterusan memanfaatkan peranannya selaku pelopor awal yang merintis pertumbuhan kewangan Islam, bagi memajukan lagi industri perkhidmatan kewangan secara keseluruhan baik di dalam dan luar negara.

Tambahan lagi, semakin kita bergerak ke arah negara berpendapatan tinggi, dengan PNK yang kian meningkat setiap tahun, kita dapati terdapat peluang pertumbuhan yang signifikan dalam sektor pengurusan harta dan kekayaan. Dengan pelbagai produk pengurusan harta dan kekayaan yang semakin banyak ditawarkan dan mudah diakses oleh rakyat melalui cara-cara yang inovatif dan kos efektif, segmen ini mampu berkembang dengan lebih jauh lagi.



PERKHIDMATAN KEWANGAN

Sebagai sebuah negara bersaiz sederhana dan bercirikan ekonomi terbuka, Malaysia secara semulajadi memiliki sektor kewangan yang peka dengan trend global. Berdasarkan kecenderungan ini, industri kewangan negara dikawal selia oleh peraturan berhemat yang direka bentuk untuk sentiasa memastikan kestabilan makroekonomi dan sistem kewangan negara.

Malaysia juga menuruti aliran trend global ke arah pengantarabangsaan perkhidmatan kewangan, yang seterusnya membawa kepada kewujudan tabungan kecairan di pusat-pusat kewangan. Sebagai contoh, Malaysia kini muncul sebagai peneraju pasaran bagi penerbitan sukuk.

Sebagaimana industri kewangan global, Malaysia juga sedang mengalami perkembangan dalam peranan penyedia perkhidmatan kewangan, di mana lebih banyak fokus ditumpukan kepada penyediaan khidmat nasihat. Perkembangan ini dipacu oleh keperluan institusi kewangan untuk mempelbagaikan asas hasil mereka, di dalam persekitaran pasaran yang mengalami margin faedah yang semakin kecil. Ini sebahagiannya berpunca daripada peningkatan persaingan dalam pasaran dan persekitaran yang telah sekian lama mencatat kadar faedah rendah yang berterusan, yang terutamanya dipacu oleh usaha-usaha negara maju untuk merangsang ekonomi mereka berikutan Krisis Kewangan.

Antara contoh usaha-usaha ini ialah tiga pusingan Pelonggaran Kuantitatif di AS dan perbelanjaan stimulus di Jepun.

Selain itu, pergerakan modal telah menjadi semakin mudah, hasil daripada kos dan proses transaksi kewangan antarabangsa yang semakin rendah dan ringkas. Hal ini telah mewujudkan peluang pelaburan yang lebih luas untuk para pelabur, selain mencipta kepelbagaian sumber pembiayaan untuk pelbagai projek.

Dengan mengambil kira landskap yang sentiasa berubah bagi industri perkhidmatan kewangan, Malaysia berada di landasan yang betul dalam mencapai sasaran NKEA Perkhidmatan Kewangan untuk mengembangkan sumbangan PNK kepada RM180.2 bilion dan mencipta 275,400 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, masih terdapat peluang yang signifikan dalam bidang penetapan kos risiko, peningkatan persaingan dalam pengurusan saluran dan secara umumnya, menurunkan kos transaksi. Secara kolektifnya, peluang-peluang tersebut bukan sahaja membolehkan industri kewangan terus berkembang, malah menikmati kejayaan ekonomi Malaysia yang luas.

Unjuran Tahunan 2015

Industri kewangan diunjurkan akan mencatat pertumbuhan pada tahun 2015, dipacu oleh pertumbuhan ekonomi secara amnya, serta peningkatan permintaan dalam pengumpulan aset. Integrasi yang lebih kukuh dalam rantau ASEAN

dijangka akan mewujudkan peluang pasaran baharu. Selain itu, pasaran insurans juga dijangka mengalami pertumbuhan progresif, di mana skim pelaburan alternatif untuk persaraan seperti Skim Persaraan Swasta (PRS)

yang menyediakan peluang baharu dan lebih mudah untuk orang ramai meningkatkan kekayaan mereka dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan pasaran pelaburan.

Analisis KPI Tahun 2014

Walaupun latar belakang pasaran kewangan yang tidak menentu berikutan jangkaan perubahan dalam regim Pelonggaran Kuantitatif AS, dan juga dengan kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) kepada 3.25 peratus untuk pertama kalinya dalam tempoh tiga tahun pada bulan Julai 2014, NKEA Perkhidmatan Kewangan telah melepasi sasaran KPInya.

Bagi sasaran di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti, ia telah dicapai berdasarkan unjuran analisis yang memenuhi inisiatif yang dirancang bagi keseluruhan tahun pelaksanaan. Sementara itu, kerjasama efisien antara Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan rakan-rakan sejawat ASEAN telah membawa kepada perumusan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Bursa Malaysia, yang juga pemilik EPP bagi NKEA ini telah merumuskan dan melaksanakan strategi yang sesuai, seperti memperkenalkan produk-

produk baharu, bagi EPP di bawah seliaannya.

Kemajuan NKEA ini pada tahun 2014 menunjukkan bahawa pihak berkepentingan dalam perkhidmatan kewangan Malaysia mempunyai keupayaan yang tepat untuk mentransformasikan landskap kewangan. Pentadbiran autonomi Bank Negara Malaysia juga memudahkan pertumbuhan industri ini, sebagaimana yang telah dirangka oleh Pelan Induk Sektor Kewangan.



Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PERKHIDMATAN KEWANGAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Pelancaran platform <i>crowdfunding</i>	100%	80%	80	●	80	●	0.5	●
	Peningkatan nilai penyenaraian baharu. Sasaran Permodalan Pasaran (RM bil)	18	17.33	96	●	96	●	0.5	●
	Bilangan produk dan penawaran baharu	5	6	120	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Peratusan penyiapan kerangka kerja bagi produk asas insurans hayat dan takaful keluarga melalui saluran langsung	100%	80%	80	●	80	●	0.5	●
EPP #6	Program pendidikan dan kesedaran pelabur bagi Skim Pencen Swasta (PRS): (i) Aset di bawah pengurusan PRS (RM juta) (ii) Jumlah pencarum	100%	250.7%	251	●	100	●	1.0	●
EPP #9 & 10	Peratus penyiapan bagi Kerangka Kerja Pengintegrasian Perbankan ASEAN (ABIF) melalui pasukan petugas untuk pengendorsan di mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
				121%		93%		75%	

Rajah 3.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENCERGASKAN SEMULA PASARAN EKUITI MALAYSIA



Invest Malaysia New York pada 24 September 2014, bersama Maybank Kim Eng dan Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn Bhd menyampai dan mempromosikan 2014 Malaysia Story House, *Malaysia: On the Move Towards Developed Market Status* kepada pengurus dana dan pemacu pasaran modal yang berpangkalan di AS

Pada tahun 2014, sejajar dengan matlamat negara untuk membina pasaran yang mampan, Bursa Malaysia telah meneruskan usahanya dengan memanfaatkan kekuatan asas Malaysia, termasuk menerokai potensi yang ditawarkan oleh golongan belia yang bekerja dan berpelajaran tinggi, di samping membuat penyesuaian kepada cabaran dan peluang yang diwujudkan oleh Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015 dan integrasi negara-negara ASEAN.

Bursa Malaysia telah pun memulakan program jangkauan intensif untuk melibatkan, mendidik dan mengembangkan penyertaan pelabur runcit tempatan, terutamanya pelabur muda. Salah satu inisiatif utama dalam program ini ialah pelancaran *Bursa Marketplace* pada 28 April 2014, yang merupakan portal dalam talian sehenti untuk semua pedagang dan pelabur. *Bursa Marketplace* merupakan pasaran

mayu pertama seumpamanya, yang mencipta pengalaman pengguna yang unik, direka bentuk untuk menyediakan pemahaman pasaran, maklumat harga masa nyata dan pendidikan pelabur. Matlamat inisiatif ini adalah untuk mencipta eKomuniti yang aktif dan rancak untuk meningkatkan perdagangan dan kefahaman kewangan. Untuk lebih mendekati pelabur runcit, Bursa Malaysia juga telah menganjurkan persidangan pelabur, program pendidikan dan program jangkauan belia.

Untuk mengukuhkan kedudukan Bursa Malaysia sebagai pemain utama di rantau ASEAN, Bursa Malaysia telah memperkenalkan perkhidmatan *ASEAN Post Trade* pada 26 Ogos 2014. Sebagai sambungan kepada Rangkaian Dagangan ASEAN, perkhidmatan *ASEAN Post Trade* akan memudahkan penjelasan dan penyelesaian untuk dagangan keluar yang dilaksanakan

dalam bursa masing-masing, termasuk penyimpanan sekuriti yang didagangkan. Bursa Malaysia akan menjadi titik hubungan tunggal bagi penjelasan, penyelesaian dan penjagaan sekuriti asing berkaitan dengan dagangan keluar mereka yang dilaksanakan dalam mana-mana Bursa ASEAN yang mengambil bahagian.

Untuk mencapai kedudukan yang setanding dengan pasaran maju dan untuk terus menarik minat pelabur baharu menyertai pasaran, Bursa Malaysia telah menambah dan meluaskan tawaran-tawaran produk. Tambahan terbaharu yang dibuat pada tahun 2014 termasuk pelancaran *MyETF MSCI Malaysia Islamic Dividend*, *RBD Palm Olein Futures Contract (FPOL)* yang mengurus niaga dalam mata wang dolar AS dan pelancaran Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun (FMG 5) yang dipertingkatkan. Selain itu, jumlah saham yang tersedia untuk



Bursa Bull Charge: Satu lagi usaha oleh Bursa Malaysia bagi mendorong kerjasama pasaran modal untuk meningkatkan taraf kemampanan, keterangkuman dan peringkat keusahawanan dalam komuniti kita

Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti juga telah meningkat daripada 171 kepada 227, manakala Macquarie Capital telah dilibatkan dalam rangka usaha peningkatan penerbitan waran berstruktur.

Perkembangan penting yang membezakan Bursa Malaysia daripada Bursa-bursa Asia yang lain pada tahun 2014 ialah pengenalan Indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) pada bulan Disember. Ini merupakan suatu pencapaian yang penting, di mana ia menggambarkan komitmen Malaysia untuk membangun dan menggalakkan syarikat berkualiti tinggi yang komited terhadap memperbaiki amalan ESG mereka. Di samping berhadapan dengan landskap pasaran modal yang semakin kompetitif, pelabur kini semakin peka dengan isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan ketelusan. Impak yang terus dialami hasil daripada penambahbaikan ini adalah melonjakkan profil Malaysia dalam lingkungan radar dana Pelaburan Tanggungjawab Sosial (SRI). Sebagai langkah seterusnya, pembangunan dan pengekalan ciri-ciri ini sebagai faktor yang menarik minat pihak Syarikat-syarikat Korporat Malaysia akan membantu meningkatkan profil dan minat dalam pasaran modal Malaysia dalam tempoh jangka panjang.

Bursa Malaysia juga sedang menumpukan usaha untuk menggembelng potensi terpendam kadar tabungan domestik Malaysia

yang tinggi dengan komuniti pelaburan tempatan yang terdiri daripada generasi muda dan kaum wanita. Di samping itu, terdapat juga peluang yang lebih besar daripada para pelabur serantau ASEAN melalui impak integrasi ASEAN. Dalam mencapai objektif ini, sepanjang tahun 2014, Bursa Malaysia telah meneruskan aktiviti-aktiviti promosi pelabur institusi dan program keterlibatan, di samping menjalankan program jangkauan dengan broker-broker yang turut mengambil bahagian di KL, Tokyo, Hong Kong, London dan New York di bawah siri *Invest Malaysia*.

Memandang ke hadapan pada tahun 2015, Bursa Malaysia akan terus memanfaatkan kepimpinan Syariahnya dan membina pasaran yang mampan dengan memanfaatkan potensi ASEAN sambil mengekalkan tumpuan dan inisiatif domestik dalam keterlibatannya dengan para pelabur runcit.

Berikutan pengenalan rangka kerja konsep bagi platform dalam talian pertama Malaysia bagi dagangan tidak tersenarai dan produk pelaburan alternatif (MyULM) pada tahun 2013, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah membangunkan rangka kerja pengawalseliaan bagi Penajaan Dana Masyarakat bagi Ekuiti (*Regulatory Framework for Equity Crowdfunding*, ECF) untuk memperbaiki akses pasaran dan meluaskan rangkaian pelaburan dan produk penajaan modal dalam memenuhi keperluan spektrum yang lebih lebar bagi penerbit dan pelabur.

Walaupun ECF menawarkan potensi untuk merapatkan jurang modal bagi syarikat permulaan dan syarikat kecil, ia juga mempunyai risiko kewangan yang tertentu bagi pelabur sebagaimana produk-produk pelaburan lain. Dengan itu, adalah penting untuk rangka kerja pengawalseliaan disediakan untuk membolehkan ruang pasaran berfungsi dengan berkesan, di samping menyediakan perlindungan yang selamat bagi penerbit dan pelabur dalam proses penyediaan modal.

Pada tahun 2014, SC telah membangunkan draf konsep rangka kerja pengawalseliaan bagi Platform ECF, melaksanakan pelibatan yang berterusan dengan operator berpotensi dan menerbitkan kertas perundangan awam pada 21 Ogos 2014, bagi mendapatkan maklum balas mengenai rangka kerja yang dicadangkan. SC telah pun menerima komen dan maklum balas daripada operator-operator berpotensi, usahawan, syarikat modal teroka, institusi kewangan dan orang ramai. Setelah mengkaji komen dan maklum balas yang diterima, pengubahsuaian kepada rangka kerja yang dicadangkan telah diterbitkan melalui Kertas Respons Awam pada 25 September 2014.

Berikutan ini, pindaan perundangan yang diperlukan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) untuk membolehkan ECF beroperasi telah dirancang untuk dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang.

INTIPATI UTAMA

Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN yang dirancang pada penghujung tahun 2015 akan meningkatkan persaingan dalam pasaran ekuiti apabila bursa-bursa di rantau ini bersaing untuk menarik pelabur dan penyenaraian. Bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang terpilih, Malaysia harus terus meningkatkan bilangan produk pelaburan yang ditawarkan di samping meningkatkan kebolehcapaian kepada pasaran.

Usaha juga mesti diteruskan untuk menarik pelabur generasi baharu dan membuka pasaran untuk pelaburan runcit.

EPP
2

MEMPERKUKUH DAN MEMPERLUASKAN PASARAN BON

Pasaran bon meningkat kepada RM1.09 trilion setakat 30 September 2014, 5.83 peratus lebih tinggi berbanding tahun 2013. Bon korporat bernilai RM89.3 bilion telah diterbitkan pada tiga suku pertama tahun ini. Malaysia juga kekal sebagai peneraju dunia dalam penerbitan sukuk pada tahun 2014 dengan RM203.6 nilai kertas Islam ditawarkan yang menyumbang sekitar 65.8 peratus jualan global.

Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar di dunia untuk sukuk pada tahun 2014, dengan penawaran sukuk

korporat meningkat sebanyak 37.8 peratus kepada RM53.4 bilion dalam tiga suku pertama tahun ini.

Dalam pengumuman Bajet 2015 pada bulan Oktober, YAB Perdana Menteri mencadangkan penyenaian dan perdagangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sukuk (ETBS), dan juga lanjutan atas potongan bagi perbelanjaan yang ditanggung hasil daripada penerbitan sukuk berdasarkan prinsip ljarah dan Wakalah sehingga tahun penilaian 2018. Langkah-langkah ini bertujuan

membangunkan sukuk dan pasaran bon dengan meningkatkan terbitan dan menggalakkan perdagangan.

INTIPATI UTAMA

Pasaran bon Malaysia telah muncul sebagai antara yang paling maju dan cair di Asia dan terus kekal sebagai peneraju dalam pasaran sukuk global. Langkah-langkah dalam menarik pelaburan runcit dalam bon seharusnya diteruskan untuk meningkatkan keluasan dan kedalaman pasaran.

EPP
3

MENTRANSFORMASIKAN INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (IKP)

Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP) memainkan peranan yang penting dalam memastikan sokongan yang berterusan kepada sektor ekonomi utama yang strategik. Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) telah digubal untuk menyediakan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang komprehensif untuk memastikan pengurusan IKP yang selamat dan mantap.

Salah satu daripada aspek utama AIKP adalah untuk memastikan peranan, objektif dan aktiviti IKP adalah konsisten dengan matlamat nasional Kerajaan dan peranan yang telah dimandatkan ini dilaksanakan dengan cara yang berkesan dan efisien.

Dengan mengambil kira persekitaran kewangan dan operasi yang berubah, AIKP sedang dipinda untuk

menguatkan kapasiti dan keupayaan IKP. Ini adalah untuk memastikan IKP akan terus menyediakan sokongan pembiayaan kepada sektor strategik

sebagaimana yang dimandatkan oleh Kerajaan, terutamanya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perniagaan mikro.



Pindaan yang dicadangkan termasuk:

- Menumpukan kepada pengukuhan tadbir urus korporat, termasuk meningkatkan peranan lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk memikul tanggungjawab dan akauntabiliti yang lebih besar. Lembaga pengarah juga akan memainkan peranan pemantauan dalam menyediakan hala tuju strategik untuk IKP.
- Mengukuhkan lagi amalan pengurusan risiko IKP.
- Mempertingkatkan tahap perlindungan pengguna dan ketelusan sambil memastikan IKP mengamalkan tingkah laku pasaran perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional.

- Memasukkan keperluan Syariah untuk memberi panduan kepada IKP yang terlibat dalam aktiviti perniagaan Kewangan Islam.

Pada penghujung tahun 2014, Bank Negara Malaysia (BNM) telah meminta maklum balas orang ramai mengenai draf rang undang-undang untuk meminda AIKP. Dalam tempoh maklum balas ini, responden yang mewakili IKP, Kementerian yang berkepentingan, dewan perniagaan, persatuan perdagangan dan agensi kerajaan yang berkaitan telah menghantar maklum balas secara dalam talian di mana secara amnya, responden menyokong pindaan yang dicadangkan.

INTIPATI UTAMA

Peranan IKP dalam memberi khidmat kepada sektor khusus adalah penting untuk menyokong matlamat sosioekonomi Malaysia, sambil melengkapi pasaran kewangan yang luas. IKP bagaimanapun seharusnya mengikuti perkembangan keperluan pasaran, terutamanya dalam menyokong bidang pertumbuhan baharu dengan memudahkan jangkauan pembiayaan kepada sektor-sektor tersebut, termasuklah juga sektor pertanian.

EPP
4

MEWUJUDKAN EKOSISTEM PEMBAYARAN BERSEPADU

Setelah menyedari potensi penjimatan kos dan peningkatan dalam kecekapan ekonomi yang boleh meningkatkan daya saing negara, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan strategi e-pembayaran dengan memanfaatkan Interbank Giro (IBG) bagi menggantikan penggunaan cek dan kad debit yang sebelum ini menggantikan penggunaan wang tunai.

Pada tahun 2014, BNM telah memperkenalkan beberapa langkah untuk menggalakkan penggunaan IBG.

Struktur harga bertingkat telah dilaksanakan untuk menyediakan lebih banyak insentif bagi pelanggan untuk menggunakan saluran pembayaran yang berkesan dari segi kos, di mana bayaran dikenakan atas saluran dalam talian, transaksi yang dibuat di Mesin Teler Automatik (ATM) dan transaksi melalui kaunter (OTC). Bayaran IBG yang dikenakan atas saluran dalam

talian adalah paling rendah (dihadkan pada 10 sen), diikuti dengan transaksi yang dibuat di mesin ATM (dihadkan pada 30 sen), dan akhirnya, transaksi melalui kaunter (dihadkan pada RM2).

Sejajar dengan pengenaan bayaran pemprosesan cek sebanyak 50 sen, BNM telah mengeluarkan rangka kerja Dana Insentif e-Pembayaran (ePIF). Di bawah rangka kerja ini, bank akan menyalurkan bayaran pemprosesan cek 50 sen kepada insentif pembangunan bagi menggalakkan pelanggan mereka untuk menerima pakai e-pembayaran, seperti pengecualian bayaran token keselamatan dan bayaran penyelenggaraan bulanan untuk perkhidmatan perbankan Internet.

Bagi mempromosikan penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos, BNM juga telah mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran

yang antara lain akan memastikan kos menerima kad pembayaran adalah adil dan berpatutan. Di samping itu, pelbagai langkah telah dirangka untuk menangani herotan (*distortion*) dalam pasaran kad pembayaran. Langkah-langkah ini akan menambah baik isyarat harga dan memberikan hak kepada peniaga untuk menerima kad pembayaran yang berkesan dari segi kos.

INTIPATI UTAMA

Sejak beberapa tahun yang lepas, industri kewangan telah membuat pelbagai penambahbaikan kepada perkhidmatan e-pembayaran untuk mempercepatkan peralihan sistem pembayaran negara kepada e-pembayaran. Penambahbaikan ini bertujuan menggalakkan pelanggan menggunakan kaedah pembayaran yang berkesan dari segi kos untuk menghasilkan penjimatan dan kecekapan kos.

MENGINSURANSKAN HAMPIR SEMUA, JIKA TIDAK SEMUA, PENDUDUK MALAYSIA



Berikutan pengeluaran kertas konsep mengenai Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga, BNM telah menerima maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk persatuan-persatuan insurans dan takaful, pengantara, ahli industri, bank, wakil pengguna dan orang ramai. Sepanjang tahun 2014, banyak pertemuan dengan pihak berkepentingan utama telah diadakan untuk memastikan pelaksanaan efektif inisiatif yang dicadangkan di bawah rangka kerja dan untuk memastikan kepentingan pelbagai pihak berkepentingan dijangka akan dipelihara. Rangka kerja ini dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2015.

Hasil daripada beberapa siri pertemuan, industri insurans ini telah secara umumnya bersetuju untuk memperkenalkan inisiatif saluran langkung sebagai salah satu daripada

langkah-langkah jangka pendek yang perlu dilaksanakan oleh industri untuk mempelbagaikan saluran pengedaran bagi meluaskan jangkauan. Garis masa bagi pelaksanaan oleh setiap individu bergantung kepada tahap kesediaan individu yang berkenaan.

Selanjutnya, bagi menangani keperluan perlindungan segmen berpendapatan rendah dan golongan yang kurang diberi perhatian, BNM, melalui kerjasama dengan syarikat insurans dan operator takaful telah melaksanakan dua projek perintis insurans dan takaful mikro. Produk yang pertama adalah untuk menyediakan perlindungan kewangan asas untuk kemalangan, penyakit atau kematian, sementara produk yang berikutnya memberi perlindungan kerosakan harta benda bagi penduduk di kawasan pedalaman. Pengalaman yang diraih daripada projek perintis

ini akan menjadi asas kepada kertas konsep mengenai produk-produk insurans dan takaful mikro.

INTIPATI UTAMA


Mengambil kira keadaan di mana pendapatan semakin meningkat dan keperluan pengguna yang pelbagai, sektor insurans dan takaful akan terus berubah, serta akan mengemukakan tawaran nilai yang semakin kukuh, untuk terus menepati keperluan pelanggan.

Penembusan insurans dan takaful keluarga mencatat penembusan pada 54 peratus, dan ini menunjukkan peluang dan potensi yang boleh diraih dalam pasaran tempatan kita sendiri.

MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI PENCEN SWASTA

Pengenalan tonggak pencen sukarela dalam landskap pencen di Malaysia semasa suku akhir tahun 2012 adalah penting, relevan dan tepat pada masanya. Fungsi PRS sangat penting ketika simpanan persaraan tidak mencukupi dan tidak boleh bertahan untuk berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat serta jangkaan umur yang lebih panjang, serta dalam situasi kadar kelahiran yang semakin menyusut. Tonggak ketiga dalam pencen sukarela ini bertindak sebagai platform tambahan bagi semua rakyat Malaysia untuk menampung tabungan persaraan bagi memastikan mereka mampu menyara diri secara berkekalan serta untuk perlindungan bagi masa depan mereka.

Pecahan Dana PRS Konvensional dan Islam
(RM juta)




Rajah 3.2: Pecahan Dana PRS Konvensional dan Islam pada 31 Oktober 2014



Bagi memupuk budaya mengamalkan simpanan persaraan dalam kalangan demografi yang lebih muda, Kerajaan, dalam Bajet 2014, telah mengumumkan sumbangan PRS sekali sahaja sebanyak RM500 kepada penyumbang dalam lingkungan umur 20 hingga 30 yang menyertai skim PRS ini dengan pelaburan terkumpul minimum

RM1,000 dalam setahun. Insentif ini sah bermula dari 1 Januari 2014 bagi tempoh lima tahun.

Sejak diumumkan, insentif ini berkesan dalam menarik golongan belia untuk melabur dalam PRS. Pada bulan Oktober 2014, terdapat 21,086 belia atau 20 peratus daripada jumlah penyumbang PRS berbanding hanya 3,218 belia atau 8 peratus daripada jumlah penyumbang PRS pada bulan Oktober 2013. Juga pada bulan Jun 2014, seramai 10,220 daripada demografi belia layak untuk menyertai insentif ini.



Sumber: Pentadbir Pencen Swasta

Rajah 3.3: Kumpulan umur penyumbang PRS pada 31 Oktober 2014

Sebagai saluran alternatif pelaburan, PRS membolehkan orang ramai dari pelbagai peringkat masyarakat untuk mengakses pasaran modal untuk keperluan persaraan mereka. Ia direka bentuk agar boleh diakses, mampu milik dan berdaya tahan. Dalam mewujudkan keterangkuman, individu-individu kini diberikan peluang yang mencukupi dalam penciptaan kekayaan dan pengekalan nilai. Sebagai skim yang bersifat sukarela, ia meletakkan kuasa di dalam tangan setiap individu untuk merancang sendiri simpanan persaraan mereka berdasarkan apa yang mereka mampu, matlamat dan kesanggupan mereka untuk mengambil risiko.

Sejumlah sebelas Skim dengan 44 dana persaraan telah dilancarkan oleh lapan Pembekal PRS sejak ia mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2012. Dalam tempoh 23 bulan, bilangan pemegang akaun berjumlah 105,431 dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) mencapai RM573.1 juta, di mana 30 peratus adalah dana patuh Syariah. Sehubungan itu, pengenalan PRS turut menyumbang kepada peluasan kelas aset yang tersedia dalam pasaran modal Malaysia.

Industri PRS telah mencatat trajektori positif tahun-ke-tahun dalam aset di bawah pengurusan (AUM) dan bilangan

ahli sejak penubuhannya. AUM bagi PRS berkembang sebanyak 91 peratus dari penghujung tahun lepas ke bulan Oktober 2014, sementara bilangan ahli baharu meningkat 138 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013.

Menyedari sifatnya sebagai pelan persaraan swasta yang mencipta nilai dalam tempoh jangka panjang, SC menyedari keperluan untuk memastikan langkah-langkah perlindungan disediakan untuk memastikan industri

PRS yang rancak dan mampan. Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Pentadbir Pencen Swasta (PPA) bertindak secara proaktif melaksanakan siri inisiatif pemasaran, komunikasi dan pendidikan mengenai perancangan persaraan dan PRS yang melibatkan pelbagai medium, termasuk menganjurkan pameran umum PRS dan menyertai lawatan jelajah penerangan ke seluruh negara, untuk memainkan peranan peneraju dalam menggalakkan penyertaan rakyat ke PRS dan juga meningkatkan kadar kesedaran umum.

INTIPATI UTAMA

Meskipun sambutan terhadap PRS sejak pelancarannya adalah amat memberangsangkan, kesemua pihak berkepentingan perlu meluaskan jangkauan PRS agar rakyat berpeluang menikmati persaraan yang selesa di samping mengurangkan beban Kerajaan menyediakan bantuan kewangan kepada golongan pesara yang memerlukan.

EPP
7

MEMESATKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI PENGURUSAN KEKAYAAN

Bilangan individu bernilai bersih tinggi (HNWI) di Malaysia meningkat 6.6 peratus kepada 65,800 pada tahun 2013, dengan jumlah kekayaan mereka bertambah sebanyak 9 peratus kepada RM1.4 trilion¹.

Industri pengurusan kekayaan Malaysia yang baru tumbuh ini berpotensi untuk berkembang menjadi pusat kekayaan global, sama seperti negara jiran Singapura yang muncul sebagai

hab pengurusan kekayaan dunia yang berkembang paling pantas di dunia. Walau bagaimanapun, saluran pengedaran di Malaysia masih tidak disepadukan sementara produk dan perkhidmatan pengurusan kekayaan yang lebih meluas juga tidak tersedia.

INTIPATI UTAMA

Bagi menambah tarikan kepada dana milik HNWI Malaysia dan untuk lebih

memenuhi keperluan HNWI ini, penyedia pengurusan kekayaan lebih menumpu kepada penaiktarafan khidmat nasihat mereka. Pendidikan dan latihan bagi pengurus kekayaan juga adalah amat penting bagi menyokong usaha ini.

¹ Asia-Pacific Wealth Report 2014 oleh Capgemini and RBC Wealth Management, Oktober 2014

EPP
8

MEMPERCEPAT DAN MENGEKALKAN INDUSTRI PENGURUSAN ASET PENTING

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menyuntik RM3.4 bilion kepada pengurus dana luaran, yang mana daripada jumlah tersebut AS\$350 juta (RM1.106 bilion) disalurkan ke dalam mandat ekuiti global dan AS\$300 juta untuk mandat sukuk global.

Setakat ini, pendedahan KWSP yang diuruskan oleh pengurus dana luaran ialah 12.77 peratus, merentasi ekuiti dan instrumen pendapatan tetap bagi mandat domestik dan global.

Pada bulan Ogos 2014, pihak berkuasa kewangan di Malaysia, Singapura dan Thailand mengumumkan pelancaran Skim Pelaburan Kolektif (CIS), suatu usaha yang membolehkan pengurus dana mereka untuk mengedarkan produk pelaburan di tiga buah negara tersebut. CIS akan menyediakan pelabur dengan rangkaian produk yang luas sementara pengurus dana pula boleh memanfaatkan pasaran yang lebih luas untuk menawarkan produk mereka.

INTIPATI UTAMA

Kesalinghubungan serantau yang semakin berkembang memerlukan pengurus aset untuk mencari cara yang lebih inovatif dalam menghadapi persaingan yang lebih sengit dan margin keuntungan yang lebih sempit. Disamping meningkatkan kemahiran pengurus aset, usaha-usaha dalam pendidikan pelabur juga mesti diteruskan untuk menyokong pertumbuhan pengurusan aset di Malaysia.

MELAHIRKAN JAGUH BANK SERANTAU

Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN yang telah diluluskan oleh semua Gabenor Bank Pusat ASEAN, akan membuka jalan ke arah peluasan dan integrasi perbankan serantau, termasuk untuk bank-bank Malaysia. Rangka Kerja ini menyasarkan untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- Memastikan pengantaraan bagi dana serantau yang lebih cekap dan berkesan bagi menyalurkan semula lebih simpanan kepada pelaburan produktif pada kos yang lebih rendah dengan kepelbagaian risiko yang diperbaiki dan meningkatkan akses kepada pembiayaan
- Memudahkan usaha sama yang lebih meluas dalam memelihara kestabilan kewangan

untuk mengurus dan memberi respons yang lebih baik terhadap risiko

- Mencapai kemewahan yang boleh dikongsi agar saling memperkuat untuk membebaskan potensi pertumbuhan di rantau ini

Bank-bank Malaysia juga mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk meneroka pasaran luar negara pada tahun 2014, ini termasuk persetujuan perkongsian strategik antara RHB Investment Bank dan Espirito Santo Investment Bank di Portugal pada bulan Januari, yang membuka peluang kemasukan RHB ke pasaran Eropah. RHB Capital Berhad juga menubuhkan subsidiari pertamanya di Lao People's Democratic Republic

pada bulan Jun. CIMB Group Berhad juga telah membuka cawangan pertamanya di Laos pada bulan Ogos, manakala Malayan Banking Group pula telah diberikan lesen operasi perbankan asing di Myanmar pada bulan Oktober.

INTIPATI UTAMA

Walaupun Kerajaan Malaysia menyokong persekitaran yang kondusif bagi bank-bank Malaysia meluaskan operasi ke luar negara, ia mengakui bahawa aktiviti-aktiviti ini berpandukan situasi pasaran, dan bergantung kepada keperluan perniagaan bank tersebut dan juga persekitaran pengawalseliaan negara yang bakal diterokai.




MENJADI HAB KEWANGAN GLOBAL ISLAM YANG UNGGUL

Malaysia terus mendahului sebagai pasaran kewangan Islam². Sebagai pasaran kewangan Islam global yang maju, setakat penghujung tahun 2013, aset kewangan Malaysia terdiri daripada 25 peratus (AS\$423 bilion) daripada jumlah aset kewangan Islam global. Dalam Malaysia sendiri, sehingga suku ketiga tahun 2014, sektor perbankan Islam telah mencapai perkongsian pasaran sebanyak 25 peratus daripada jumlah aset dalam sistem perbankan secara keseluruhannya. Aset mata wang asing dalam sektor ini juga semakin meningkat, yang menonjolkan pertumbuhan perniagaan kewangan Islam yang merentas sempadan.

Pada tahun 2014, pencapaian Malaysia dalam industri kewangan Islam global termasuk:

- Pasaran sukuk Malaysia menguasai 56.9 peratus terbitan sukuk global; dan 64.9 peratus terbitan baharu sukuk global berjumlah AS\$61.4 bilion. Institusi kewangan Islam Malaysia juga berperanan aktif sebagai pengurus utama bagi beberapa terbitan nasional dan korporat dari luar negara.
- Pengurusan aset Islam di bawah pengurusan (AUM) di Malaysia dilaporkan berjumlah RM109 bilion. Pada tahun 2013 sahaja, 52 peratus daripada dana Islam baharu yang dilancarkan di peringkat global adalah dari Malaysia, sementara pertumbuhan penyertaan pelabur asing dalam industri meningkat dua kali ganda dalam tempoh 2009 – 2013.



Lebih daripada 40 peratus pelajar baharu yang mendaftar dengan *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF) adalah pelajar asing dari 80 buah negara. INCEIF merupakan sebuah universiti korporat global yang menumpukan kepada pengajian kewangan Islam, yang menawarkan program pengajian profesional, pasca siswazah dan Ph.D. dalam kewangan Islam. Di samping itu, Malaysia juga secara aktif menyediakan bantuan teknikal kewangan Islam kepada negara-negara lain yang antaranya termasuk United Kingdom, Luxembourg, Hong Kong dan Jepun.

INTIPATI UTAMA

Berbekalkan dimensi antarabangsa Malaysia yang semakin berkembang, kewangan Islam memainkan peranan yang penting dalam memudahcarakan perdagangan dan aliran pelaburan serantau dan merentasi sempadan. Selain itu, kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan untuk mengantarabangsakan kewangan Islam adalah penting untuk sentiasa dipertingkatkan.

² *The Islamic Finance Development Indicator 2013* oleh Islamic Corporation for the Development of the Private Sector dan Thomson Reuters.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Pemacu pertumbuhan utama Perbankan Pelaburan termasuk:

- **Meningkatkan jumlah IPO:** Sejak tahun 2011, Papan Utama Bursa Malaysia dan Pasaran ACE menyaksikan 74 penyenaian baharu. Pada tahun 2014 sahaja, Bursa Malaysia menyaksikan 12 penyenaian baharu setakat 11 Disember 2014, dengan dana RM5.87 bilion diperolehi, dan permodalan pasaran awal mencatat RM20.02 bilion.
- **Meningkatkan aktiviti penggabungan dan pemerolehan:** Dari tahun 2011 hingga 2013, lebih 2,000 transaksi M&A telah dicatatkan di Malaysia bernilai lebih AS\$70 bilion, walaupun data sejarah tiga tahun menunjukkan trend menurun.

2

Segmen lain termasuk IKP

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, bidang-bidang yang berikut telah merangsang pertumbuhan yang selanjutnya:

- Ekuiti persendirian dan modal teroka bagi inovasi dan pembiayaan hijau, terutamanya dalam bidang tenaga boleh baharu seperti *biofuel*: Pengenalan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) pada tahun 2010, yang setakat ini telah membiayai sehingga RM2 bilion dengan penyertaan daripada semua institusi komersial, Islam dan pembangunan. Pengenalan rangka kerja Pelaburan Mampun dan Bertanggungjawab (SRI) pada bulan Ogos 2014 oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan memudahkan pembiayaan inisiatif pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab.

- Peningkatan rantaian nilai ekuiti persendirian dan firma-firma modal teroka.
- Perubahan daripada perniagaan peminjaman wang dan peremitan wang tidak formal kepada peminjaman wang dan peremitan wang yang rasmi.
- Anjakan kepada aktiviti yang lebih produktif dan bernilai tambah yang lebih tinggi oleh institusi kewangan hasil daripada pemusatan aktiviti pentadbiran dan pengurusan.

3

Perbankan Komersial

Kadar pertumbuhan tahunan yang diramalkan pada 7 peratus sehingga tahun 2020 bagi sektor perbankan komersial ini akan dipacu oleh:

- Penginovasian saluran penyampaian melalui model perniagaan baharu yang meneroka segmen yang kurang diberi perhatian dan penggunaan format cawangan baharu seperti perbankan tanpa cawangan. Pengenalan perbankan ejen pada tahun 2012 telah meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada golongan yang kurang diberi perhatian dengan 92.5 peratus daerah mendapat akses kepada perkhidmatan (setakat penghujung tahun 2013) berbanding 46.4 peratus daerah yang menerima perkhidmatan (setakat penghujung tahun 2011).
- Peningkatan rangkuman kewangan melalui program literasi kewangan nasional.
- Perkhidmatan untuk PKS Malaysia yang semakin berkembang, kebanyakannya menerima perkhidmatan kewangan terutamanya daripada SME Bank, Malaysian

Industrial Development Finance Bhd dan Malaysian Green Technology Corporation.

- Perkembangan pesat dalam segmen kewangan individu, yang meningkat sebanyak 20 peratus dalam tempoh 2010-2012. Pertumbuhan pada tahun-tahun 2013-2014, bagaimanapun, menunjukkan trend menurun akibat pengenalan langkah-langkah berhemat yang bersifat makro oleh Bank Negara Malaysia.

4

Insurans dan Takaful

Pasaran insurans dan takaful dijangka akan mendapat manfaat daripada sejumlah peluang perniagaan termasuk:

- Pelibatan awam dalam insurans yang menunjukkan peningkatan positif, dengan data terkini menunjukkan hanya 60 peratus rakyat Malaysia diinsuranskan.
- Jangkaan penyatuan dan rasionalisasi dalam industri, dengan industri insurans Malaysia menyaksikan penyempurnaan 17 perjanjian penggabungan dan pemerolehan (M&A) yang bernilai sekitar RM15 bilion di antara tahun 2010 dan bulan Jun 2014. Penyatuan industri dan kemasukan pemain global adalah melalui penggabungan dan pemerolehan. Ini bukan sahaja membantu penggabungan yang selanjutnya, yang bertujuan mengukuhkan lagi industri insurans, ia juga menggalakkan pembangunan lebih banyak inovasi produk, penetapan harga dan kemahiran pengurusan risiko di samping pengedaran pelbagai saluran, termasuk pengedaran digital.

5

Daya maju yang semakin berkembang bagi Insurans Mikro, Pengurusan Aset dan Kekayaan

Pengintegrasian pasaran modal serantau yang semakin meningkat: *ASEAN Capital Markets Forum (ACMF)* mengumumkan pengoperasian Rangka Kerja ASEAN bagi penawaran skim pelaburan kolektif rentas sempadan (CIS) di Malaysia, Singapura dan Thailand. Rangka kerja ini membolehkan pengurus dana yang beroperasi dalam bidang kuasa ahli untuk menawarkan CIS, seperti dana unit amanah, terbentuk dan diluluskan dalam bidang kuasa tersebut kepada pelabur runcit dalam bidang kuasa ahli yang lain di bawah proses pengesahan yang diselaraskan. Pengumuman ini mengikuti pemeterian Memorandum Kesefahaman bagi Rangka Kerja CIS ASEAN oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), *Monetary Authority of Singapore (MAS)* dan *Securities and Exchange Commission, Thailand (SEC Thailand)* pada bulan Oktober 2013.

Peluang perniagaan yang berikut dijangkakan menyumbang kepada pertumbuhan berterusan industri

pengurusan aset dan kekayaan:

- Dana bernilai RM500 juta untuk permulaan yang telah diumumkan semasa Bajet 2015.
- Dana Inovasi Mudharabah telah diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia ke-10.
- Peluang penyumberan luar yang terbit daripada dana perkongsian awam-swasta berjumlah RM20 bilion yang ditubuhkan untuk menyokong Rancangan Malaysia ke-10.
- Permintaan yang lebih besar untuk perkhidmatan pengurusan aset dan kekayaan seiring dengan rakyat Malaysia yang semakin kaya selari dengan strategi di bawah EPP 7 dan 8.
- Permintaan yang lebih tinggi bagi unit amanah, dana bersama dan perkhidmatan pengurusan kekayaan daripada pekerja-pekerja asing dan rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara.
- Meningkatkan kesedaran dan jisim genting untuk *retail aggregators* seperti Fund Supermart, yang boleh merundingkan bayaran yang lebih rendah bagi unit amanah.

6

Perbankan Islam

Industri perbankan Islam negara terus menikmati pertumbuhan ketara dengan mencatatkan pencapaian yang signifikan:

- Malaysia kekal sebagai penerbit sukuk ternama di dunia, merangkumi hampir dua pertiga daripada pasaran hutang Islam global.
- Bank-bank Islam di Malaysia memegang aset bernilai AS\$120 bilion (2012) dan dijangka berkembang kepada lebih AS\$390 bilion menjelang tahun 2018 dengan kadar kompaun pertumbuhan tahunan (CAGR) enam tahun sebanyak 21 peratus.
- Kerjasama antara CIMB Islamic Bank dan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dalam menubuhkan pusat penyelidikan untuk kajian perbankan Islam.
- Maybank Islamic Bhd telah menjana hampir RM1 bilion pertumbuhan deposit dalam enam bulan untuk Akaun Premier Mudharabah.

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Kewangan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM121.5 bilion
Pekerjaan Tambahan	275,400

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Meluaskan saluran pembiayaan – Pelancaran platform penajaan dana masyarakat ekuiti Islam.
- Peningkatan dalam nilai penyenaraian baharu.
- Produk dan penawaran baharu bagi pasaran ekuiti Malaysia
- Pindaan kepada Akta Institusi Kewangan 2002 dalam mentransformasikan pembangunan DFI
- Penukaran Lesen Insurans Komposit dan Takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA)

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN



NKEA ini akan meneruskan tumpuan kepada usaha-usaha menyediakan persekitaran ekonomi yang boleh menyokong sektor swasta untuk memperbaiki dan mempertingkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara





**Dato' Sri
Hasan Malek**

Menteri Perdagangan
Dalam Negeri, Koperatif
dan Kepenggunaan

S&J

APAKAH PANDANGAN DAN PENILAIAN DATO' SRI TENTANG KEMAJUAN NKEA PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN SEMENJAK PERMULAAN ETP?

Sektor Pemborong dan Peruncitan telah terus berkembang dan memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi Malaysia. Selain daripada memenuhi permintaan dalam negeri, kemajuan NKEA Pemborong dan Peruncitan semakin penting dari segi menggalak perbelanjaan pelancong luar selaras dengan pengiktirafan negara sebagai salah sebuah destinasi membeli-belah yang terunggul di dunia.

Justeru, saya yakin NKEA ini telah mencapai kejayaan yang patut dipuji dan dibanggakan semenjak pelaksanaan ETP pada tahun 2010, dan kini berada dalam landasan yang kukuh untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada pencapaian KDNK.

BAGAIMANAKAH NKEA PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN BOLEH BERTERUSAN MENDORONG PERTAMBAHAN DALAM PENGGUNAAN DOMESTIK, TERUTAMANYA KETIKA PERSEKITARAN EKONOMI PENUH DENGAN KETIDAKPASTIAN DISEBABKAN OLEH PENGARUH SERTA KESAN FAKTOR-FAKTOR LUARAN?

NKEA ini akan meneruskan tumpuan kepada usaha-usaha menyediakan persekitaran ekonomi yang boleh menyokong sektor swasta untuk memperbaiki dan mempertingkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Kami juga akan meneliti bidang baharu yang boleh menggalak pertumbuhan yang melengkapkan perniagaan tradisi sedia ada, misalnya melalui pembukaan pusat penjagaan kesihatan dan bazar makan, yang menyediakan pelbagai aneka hidangan dan produk makanan kepada pelanggan dalam sebuah kompleks yang besar.

APAKAH IMPAKNYA KEPADA NKEA PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN AKIBAT PELAKSANAAN GST PADA TAHUN 2015?

Meskipun penggunaan akan mengecut dalam jangka masa pendek disebabkan pengguna cuba menyesuaikan perbelanjaan dengan pengenaan jenis percukaian baharu, iaitu Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), namun kami tidak menjangka penggunaan domestik akan kekal mengecut dalam jangka masa panjang. Ini adalah kerana kadar cukai GST tidak melebihi kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang dikenakan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun adalah penting bagi pengguna untuk menuruti dan mengetahui perkembangan dalam pelaksanaan GST dan pihak kerajaan akan memastikan saluran komunikasi sentiasa terbuka bagi membantu meningkatkan kesedaran pengguna tentang percukaian baharu ini.

Bagi pihak pembekal, meskipun syarikat terpaksa melaraskan proses pengeluaran masing-masing dengan sistem baharu ini, kami yakin pihak Kerajaan sudahpun memberi sokongan dan latihan yang memadai kepada sektor swasta untuk melaksanakan GST pada tahun ini. Rentetan itu, kami yakin perniagaan pemborong dan peruncitan tidak akan menghadapi sebarang gangguan yang boleh menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan perniagaan mereka dengan pelaksanaan GST.



PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

Industri pemborongan dan peruncitan terus mencakupi bahagian yang besar dalam ekonomi Malaysia, menyumbang 12.7 peratus kepada KDNK negara. Pada suku kedua tahun 2014, industri mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 8.88 peratus.

Sejak permulaan ETP, indeks volum perdagangan pemborongan telah meningkat daripada 99.8 mata pada akhir tahun 2009 kepada 132.2 mata pada akhir tahun 2013, manakala perdagangan peruncitan meningkat daripada 103.6 mata kepada 132.3 mata dalam tempoh yang sama. Pada tahun 2013, nilai jualan pemborongan dan peruncitan meningkat sebanyak 43 peratus kepada RM13.3 bilion daripada RM9.3 bilion pada tahun 2009¹.

AT Kearney menempatkan Malaysia ke tangga kesembilan dalam Indeks Pembangunan Peruncitan Global 2014, naik empat tangga dari tahun 2013 dan berada pada kedudukan tertinggi sejak tahun 2007, sebelum bermulanya ETP. Pasaran Malaysia juga digambarkan sebagai kukuh dan stabil disebabkan oleh pendapatan per kapita yang tinggi dan penduduk muda, walaupun keseluruhan penduduknya agak kecil. Kedudukan negara ini meletakkannya dalam kalangan 10 negara yang paling menarik bagi peruncitan dan menjadikannya satu-satunya negara Asia, selain China, dalam senarai 10 teratas.

Seperti yang dinyatakan oleh Indeks Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia 2014-2015, cabaran kompetitif utama Malaysia adalah untuk meningkatkan kesediaan teknologinya. Dari segi industri pemborongan dan peruncitan, kekurangan ini boleh menjadi ketara

dalam pelaksanaan sistem untuk persediaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang berkuat kuasa pada bulan April 2015.

Namun begitu, industri memperoleh kekuatannya daripada penyertaan sektor swasta yang kukuh dalam EPP Pemborongan dan Peruncitan, dan dijangka akan terus mencatat pertumbuhan PNK dan peluang pekerjaan yang ketara menuju ke arah matlamat tahun 2020.

Analisis KPI Tahun 2014

NKEA Pemborongan dan Peruncitan telah memenuhi semua KPI untuk tahun 2014, dengan kerjasama yang kukuh daripada pihak berkepentingan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sektor swasta rakan EPP dan peruncit sedia ada.

¹ Jabatan Perangkaan: Statistik Sektor Perdagangan Edaran, Suku Kedua Tahun 2014

Unjuran Tahun 2015

Perdagangan pemborongan dan peruncitan dijangka berkembang sebanyak 7.1 peratus pada tahun 2015, didorong oleh perbelanjaan domestik yang kukuh dan jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi².

Walau bagaimanapun, penggunaan domestik akan terjejas sedikit dengan pengenalan GST. Sebarang kenaikan kepada Kadar Dasar Semalaman (OPR) juga akan meningkatkan tekanan ke atas isi rumah untuk melaraskan hutang isi rumah, sekaligus mengurangkan penggunaan domestik.

Bidang-bidang kerjasama mencakupi perbincangan strategik dan pelibatan yang berterusan, dan juga dalam memudah cara pemain ETP dengan insentif daripada MIDA dan dana pemudahan bagi perhubungan akhir dari UKAS (Unit Kerjasama Awam Swasta).

Semua KPI dalam NKEA ini telah tercapai meskipun terdapat landskap yang mencabar bagi penggunaan domestik disebabkan oleh peningkatan dalam harga petrol dan titik kenaikan asas 25 mata dalam kadar faedah bagi membendung tekanan inflasi. Tragedi MH370 dan MH17 juga memberikan kesan buruk kepada hasil pelancongan dan menjejaskan perbelanjaan pengguna pada tahun ini.

Pada suku ketiga tahun 2014, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) mengendalikan 19.9 juta pergerakan penumpang di lapangan terbangnya, mencatat penurunan sebanyak 2.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Pergerakan antarabangsa dan domestik masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.8 peratus dan 3.4 peratus. Pada suku ketiga tahun 2014, jumlah penumpang juga lebih rendah daripada suku sebelumnya sebanyak 3.7 peratus.

Kerjasama Kerajaan dengan sektor swasta adalah penting bagi memastikan

kejayaan berterusan NKEA ini. Pasukan NKEA akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri sedia ada dan Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) di KPDNKK untuk merancang EPP ini agar kekal relevan kepada keperluan industri.

Dengan ETP ini berada di peringkat pertengahan perjalanannya, sesetengah EPP mungkin perlu diperkemas untuk memastikan kemampanan dengan menumpukan kepada kualiti rakan kongsi EPP, di mana penekanan awal akan ditempatkan pada membina skala rakan kongsi EPP. Pelaksanaan proses tertentu, seperti latihan untuk peserta-peserta Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Pemodenan Bengkel Automatif (ATOM) juga akan diperbaiki.



² Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan 2014-2015

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah pasar raya hiper baharu	5	5	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pasar raya besar baharu	6	6	100	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah kedai runcit yang dimodenkan di bawah Program TUKAR	300	305	102	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Jumlah bengkel yang telah dimodenkan di bawah Program ATOM	200	208	104	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Penggunaan ruang runcit di Tapak Bazar Makan <i>Oasis Square</i>	70%	89%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Peningkatan dalam Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan (CIF) bagi 328 barangan siap import terpilih (RM bilion)	7.037	6.972	99	●	99	●	0.5	●
EPP #10	Mines Waterfront Business suites (MWBS): Peratusan penyiapan tahap pembinaan struktur	20%	27%	135	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Jumlah subsektor yang terlibat dalam Jualan Bersepadu 1Malaysia bersama Tourism Malaysia	60	60	100	●	100	●	1.0	●
EPP #12	Penggunaan ruang peruncitan Gateway Mall di KLIA2.	70%	76%	100	●	100	●	1.0	●
	Penggunaan ruang peruncitan di KLIA2	70%	98%	100	●	100	●	1.0	●
				104%		100%		95%	

Rajah 4.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENINGKATKAN BILANGAN KEDAI FORMAT BESAR

Lima pasar raya hiper dan enam pasar raya besar baharu telah dibuka di seluruh Malaysia oleh pemain-pemain asing dan tempatan di bawah EPP ini pada tahun 2014.

Pasar Raya Hiper dan Pasar Raya Besar Dilancarkan Pada Tahun 2014.



Rajah 4.2: Pasar raya hiper dan pasar raya besar dilancarkan pada tahun 2014.

PASAR RAYA HIPER

No.	Operator	Lokasi Tapak
1	The Store	Taiping, Perak
2	Mydin	Bertam, Pulau Pinang
3	Mydin	Tmn Rintang, Johor
4	Mydin	Parit Buntar, Perak
5	Tesco	IOI City Mall, Putrajaya

PASAR RAYA BESAR

No.	Operator	Lokasi Tapak
1	Mydin	Semenyih, Selangor
2	Econsave	PSK, Klang Utama, Selangor
3	Econsave	Segamat, Johor
4	Econsave	Klebang, Perak
5	Giant (Cold Storage)	Seksyen 14, Selangor
6	Tesco	Jitra, Kedah

Walaupun kedai format besar memberikan pengguna pilihan produk yang lebih luas pada harga yang kompetitif, pembukaan kedai-kedai ini bergantung kepada keperluan pasaran. Pertumbuhan kedai format besar mungkin terhad disebabkan projek infrastruktur besar memerlukan masa untuk dibina dan pembiayaan yang besar.

Dengan pelaksanaan GST pada bulan April 2015, operator pasar raya hiper masih menilai implikasi struktur cukai baharu ke atas perniagaan mereka. Oleh sebab itu, operator masih bersikap berhati-hati dalam meluaskan operasinya sehinggalah cukai ini dilaksanakan.

INTIPATI UTAMA

Setakat ini masih terdapat pembangunan berterusan Pertumbuhan Kedai-kedai Format Besar di kawasan bandar dan separa bandar. Juga, kerjasama yang berterusan dengan pemain sektor swasta dan Kementerian yang berkaitan akan diperlukan untuk memudahkan pertumbuhan kedai format besar di seluruh negara.

EPP
2

PEMODENAN MELALUI PROGRAM TRANSFORMASI KEDAI RUNCIT KECIL (TUKAR)

Sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan termasuk DMO, pembiaya dan pakar runding terus menjadi pemangkin transformasi kedai format kecil.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 305 kedai runcit telah ditransformasikan di seluruh Malaysia. Ini membawa jumlah


kedai yang ditransformasikan oleh program TUKAR kepada 1,914 sejak ia mula dilancarkan pada tahun 2011.

Bagi tahun 2014, fokus yang lebih besar diberikan dalam melatih peserta TUKAR untuk menyediakan pemilik kedai dalam menghadapi pelaksanaan GST. Sejumlah 20 sesi latihan dua fasa telah diadakan

di seluruh negara oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Lebih 1,500 orang telah menghadiri sesi ini.

Tahun 2014 juga menyaksikan Jawatankuasa Pemandu NKEA Pemborongan dan Peruncitan bersetuju untuk membenarkan pembiayaan

Kedai TUKAR mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik tahun 2014



Rajah 4.3: Gambaran peserta program TUKAR di Malaysia

tambahan untuk peserta TUKAR yang berjaya sama ada untuk meluaskan kedai sedia ada mereka atau membuka cawangan baharu. Jawatankuasa juga meminta penyertaan giat anak-anak muda dengan mengurangkan syarat setahun beroperasi bagi anak-anak muda.

Bagaimanapun, dengan ETP yang berada di peringkat pertengahan perjalanannya, program ini menjangkakan kadar penyertaan kedai runcit baharu akan memperlahan disebabkan oleh penepuan pasaran. Dengan pengenalan GST pada tahun 2015, penekanan lebih akan diletakkan pada memastikan

kemampuan peserta TUKAR sedia ada dengan menyediakan latihan yang menumpukan kepada GST dan kursus ulang kaji perniagaan.

INTIPATI UTAMA


Program TUKAR ini secara asasnya ialah program keusahawanan yang memerlukan peserta memainkan peranan aktif dalam memastikan daya maju dan kejayaan perniagaan mereka sendiri. Inovasi memainkan peranan penting dalam memastikan kemampuan peserta TUKAR. Pekedai perlu kekal mahir dan responsif terhadap keperluan pengguna untuk mencapai pertumbuhan perniagaan.

Dengan hanya seorang perunding TUKAR di Sabah dan Sarawak buat masa sekarang, program ini mengalami kekangan keupayaan untuk mendorong kemajuan di kedua-dua negeri ini. Di samping itu, kedai-kedai di Sabah dan Sarawak didapati beroperasi di bawah pelbagai struktur yang memerlukan pendekatan yang disesuaikan. Kerajaan dengan itu sedang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencari jalan bagi menyegarkan program TUKAR dalam menangani senario-senario ini.

EPP
4

TRANSFORMASI BENGKEL AUTOMOTIF (ATOM)

Kedai ATOM Mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik Tahun 2014



Rajah 4.4: Gambaran peserta program ATOM di Malaysia

Permintaan untuk program ATOM kekal kukuh berbekalkan sokongan aktif semua pihak berkepentingan termasuk Pejabat Negeri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, perunding dan koperasi.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 208 bengkel automatik telah diubah di seluruh Malaysia, mengatasi sasaran yang dikaji semula kepada 200 bagi

tahun ini. Ini membawa jumlah kedai yang diubah oleh program ATOM kepada 577 sejak ia mula dilancarkan pada tahun 2011.

INTIPATI UTAMA

Faktor pacuan utama kejayaan program ATOM ini adalah keupayaannya untuk menyediakan pembiayaan bagi pemilik bengkel untuk alat dan perkakasan yang membolehkan bengkel menawarkan

lebih banyak perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan untuk pelanggannya.

Kajian semula syarat dan keperluan program ini sedang dijalankan untuk memperbaiki program dan memenuhi keperluan pemilik bengkel.

EPP
5

MEMBANGUNKAN BAZAR MAKAN

Pelaksanaan EPP ini berjalan lancar pada tahun 2014 dan maju sebagaimana yang dijangkakan. Bazar Makan kedua selepas Bazar Makan *Mall of Medini* di Nusajaya telah dibangunkan oleh Brunsfield International. Bazar Makan *Oasis Square* di Ara Damansara, Selangor, telah mendedikasikan 97,996 kaki persegi kepada ruang runcit dan F&B daripada ruang pajakan bersih pembangunan ini seluas 141,567 kaki persegi.

Bazar Makan telah membina reputasi sebagai destinasi setempat yang benar-benar unik dan rancak untuk menikmati masakan tempatan dan

antarabangsa. Penggemar makanan boleh memilih daripada pelbagai pilihan hidangan yang luas, sesuai dengan selera dan bajet mereka. Di pusat destinasi makanan inilah terletak *Oasis Piazza*, yang menempatkan 15 buah kedai makanan dan minuman yang dikelilingi ciri-ciri pencahayaan lembut dan hiasan air limpah; kawasan yang cukup luas untuk penganjuran acara; dan hiburan sepanjang tahun. Di bahagian utara *Piazza* ini terletak *Oasis Village*, pusat gaya hidup bersaiz kecil yang memuatkan beberapa buah kedai F&B, pusat kesihatan, pusat penjagaan kanak-kanak dan kedai serbaneka lain. Mengapit *Piazza* di sebelah timur dan utara ialah hampir sedozen pilihan


tempat makan yang dibuka hasil kejayaan Bazar Makan menarik minat pengunjung.

Kesemua ini menjadi kenyataan berbekalkan strategi yang diamalkan oleh pengurusan hartanah profesional Brunsfield International yang memilih operator F&B dan penyewa menggunakan kriteria yang ketat berpanduan matlamat jangka panjang untuk memilih dan mengawal kuisin lazat dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan bersih. Hasil daripada itu, Bazar Makan *Oasis Square* telah mengalami pertumbuhan organik sepanjang tahun lepas dan kini merangkumi lebih 300,000 kaki persegi ruang F&B (ditambah dengan yang sedia ada seluas 97,996 kaki persegi) yang terdiri daripada masakan tempatan terkemuka sehinggalah masakan antarabangsa.

Buat masa sekarang, populasi pekerja di situ berjumlah 12,000 dan dijangka akan terus berkembang dengan ruang kosong pejabat dan kedai diisi dengan pantas, dan pembangunan baharu berdekatan yang dijangka siap dalam masa terdekat.

INTIPATI UTAMA

Kemampuan projek Makan Bazaar bergantung kepada penyediaan khidmat dan barangan yang tepat di satu lokasi.



Bazar Makan *Oasis Square* di Ara Damansara

EPP
6

GEDUNG 1MALAYSIA

EPP ini merupakan satu daripada projek yang lebih mencabar di bawah NKEA Pemborongan dan Peruncitan memandangkan projek ini dilaksanakan di luar negara, yang mengehendkan usaha memudah cara serta campur tangan Kerajaan.

Faktor luaran seperti iklim ekonomi yang lemah di rantau ini dan ringgit yang lemah membuatkan syarikat kurang cenderung untuk meneroka pasaran luar negara untuk menubuhkan projek seperti ini.

INTIPATI UTAMA

PEMANDU dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang dalam proses menilai semula EPP ini sebagai respons kepada keperluan pasaran dan keadaan masa kini.

EPP
7

GEDUNG MAYA

Pasaran membeli-belah dalam talian dijangka mengalami pertumbuhan bernilai RM5 bilion pada tahun 2014 dengan kebanyakan pembelian dibuat melalui laman web tempatan, disokong dengan populariti peranti mudah alih, penawaran perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dan masyarakat yang lebih menerima dan selesa menjalani aktiviti membeli-belah dalam talian.

Walaupun demikian, EPP ini membuat pemerhatian bahawa trend membeli-belah dalam talian di Malaysia setia kepada laman web dengan kategori produk yang mempunyai fokus yang terhad, contohnya, laman web Zalora menumpukan kepada fesyen dan Lazada pula menumpukan kepada barangan elektronik.

Peluasan untuk mencakupi pelbagai kategori produk merupakan keputusan komersial yang diambil oleh pemain setelah mempertimbangkan risiko-risiko terlibat, pengetahuan mereka terhadap produk dan juga permintaan pengguna terhadap barangan baharu yang berkaitan. Usaha sedemikian juga menghadapi masalah syarat-syarat ketat pinjaman komersial dan pinjaman Kerajaan bagi pembangunan perniagaan mereka memandangkan peluasan yang sedemikian biasanya memerlukan dana bagi pemasaran, promosi dan sokongan logistik bahagian belakang dan bukan



sekadar pembangunan laman web sahaja.

INTIPATI UTAMA

PEMANDU dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kini sedang dalam

proses meninjau semula EPP ini agar ia sejajar dengan trend pasaran bagi kategori produk fokus tunggal/berbilang dan juga untuk mempertimbangkan potensi Kerajaan memberi galakan kepada pelibatan sektor swasta dalam pasaran peruncitan dalam talian.

EPP
8

MEMUDAH CARA PENIAGA TEMPATAN

UNTUK MEMPEROLEH PEGANGAN DALAM PERNIAGAAN RUNCIT ASING

Kemajuan dalam EPP ini amat perlahan memandangkan usaha memadan dan mencari sasaran pemeroleh yang sesuai bagi peruncit-peruncit Malaysia dipacu oleh strategi perniagaan peruncit masing-masing.

INTIPATI UTAMA

Syarikat-syarikat tempatan kurang berminat memiliki perniagaan luar negara, sebaliknya lebih cenderung menceburi perniagaan dengan perjanjian perlesenan yang rendah risiko dengan kos yang lebih rendah kepada perniagaan.

PEMANDU dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kini sedang dalam proses meninjau semula EPP ini untuk mewujudkan satu persekitaran yang lebih kondusif bagi pemerolehan sedemikian dan mempertimbangkan sama ada elemen pembangunan jenama tempatan premium boleh dimasukkan ke dalam EPP ini.

EPP
9

MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA BEBAS CUKAI

Nilai Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan (CIF) bagi 328 barangan yang telah diumumkan bebas cukai sejak bulan Januari 2011 adalah berjumlah RM6.972 bilion setakat bulan Disember 2014 dipacu oleh peningkatan berterusan dalam kekuatan penggunaan domestik.


Dengan pengenalan GST pada tahun 2015, EPP menjangkakan penurunan sedikit dalam aliran barangan ke dalam negara sebelum kembali ke angka-angka pra-GST.

INTIPATI UTAMA

Polisi bebas cukai telah meningkatkan jumlah barangan bebas cukai masuk ke dalam negara. Langkah seterusnya, kerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan EPP ini.

Nilai CIF bagi 328 barangan yang telah diumumkan bebas cukai telah meningkat dari tahun ke tahun sejak perubahan dasar diperkenalkan pada tahun 2010

Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan 2010 – Disember 2014
RM bilion



Rajah 4.5: Nilai CIF 2010 - 2014

EPP
10

MEMBANGUNKAN PUSAT PERANGINAN KESIHATAN

MINES Wellness City (MWC), yang telah dibangunkan oleh Country Heights, mencatatkan kemajuan yang baik. Pembangunan tersebut bakal dinobatkan sebagai Hab Kesejahteraan dan Kesihatan Tergabung pertama di Malaysia dan destinasi pelancongan kesihatan utama di Asia Tenggara.

Sebagai pemangkin sosioekonomi utama bagi kawasan selatan Kuala Lumpur, MWC terletak secara strategik di antara Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia merupakan pembangunan pertama bagi rantau ini yang menumpukan kepada industri kesejahteraan dan penjagaan kesihatan yang dianggap semakin penting.

Kawasan pembangunan MWC, yang meliputi 120 ekar, dijangka menempatkan 36 juta kaki persegi pembangunan baharu yang terdiri daripada hospital, klinik pakar, kemudahan penjagaan bagi orang tua, pusat pemeriksaan kesihatan, unit kediaman, ruang pejabat dan kedai runcit, dan mempunyai GDV anggaran RM11 bilion dengan peluang Pelaburan Langsung Asing (FDI) melebihi RM3.1 bilion.

MWC merupakan kawasan hijau di tengah-tengah Kuala Lumpur, disokong oleh komuniti yang sudah matang, sistem trafik yang mudah dan rangka kerja infrastruktur yang lengkap. Kawasan 20 minit radius di sekeliling MWC mempunyai jumlah penduduk 2.1 juta orang. Pembangunan ini juga digazetkan sebagai Zon Kesejahteraan Khas oleh Kerajaan di mana pemaju, pengusaha, pengurus dan promoter yang menyediakan kemudahan-kemudahan atau perkhidmatan berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan layak menerima insiatif cukai yang disediakan.

Projek yang dilancarkan di MWC dari tahun 2014-2016 termasuk: *MINES Waterfront Suites* yang terdiri daripada pejabat perubatan dan perniagaan; *Aqualis*—pembangunan gabungan di hadapan tasik; *Palace Residence Suites* yang meliputi suite kediaman hotel lima bintang; dan *Trousdale*—kediaman penjagaan warga emas profesional dan moden bagi golongan bersara. Pemain EPP yang lain adalah termasuk *Senja Aman Integrated Wellness Resort* di



Pemandangan waktu senja di Mines Wellness Hotel di sekitar Mines Wellness City

Pulau Pinang dan *The Chateau* di Bukit Tinggi, Pahang.

INTIPATI UTAMA

Memandangkan EPP ini saling menyilang, melibatkan komponen pelancongan, hospitaliti dan kesihatan, kerjasama berterusan dengan Pelancongan Malaysia dan Kementerian Kesihatan diperlukan untuk memudahkan kerja penyelarasan rakan niaga EPP yang sedia ada dan masa depan kelak.

EPP
11

MENGANJURKAN JUALAN BERSEPADU 1MALAYSIA

Usaha penyelarasan yang dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) menyaksikan 60 subsektor secara kolektif menganjurkan Jualán Bersepadu 1Malaysia pada tahun 2014, meningkat dari 55 pada tahun 2013. Dianjurkan bersama-sama dengan Pelancongan Malaysia, jualan berkenaan diadakan sempena Jualán Mega Malaysia pertengahan tahun sejajar dengan rancangan menyelaraskan masa bagi tempoh kedua-dua jualan. Tempoh jualan adalah dari 28 Jun 2014

hingga 1 September 2014. Sejumlah 942 buah syarikat dan 8,702 kedai turut menyertai jualan ini.

Berdasarkan Laporan Pembayaran Elektronik Bank Negara Malaysia, perbelanjaan kad kredit sebanyak RM18.6 bilion dan kad debit sebanyak RM2.5 bilion direkodkan sepanjang tempoh jualan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 9 peratus dan 25 peratus masing-masing berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013.

INTIPATI UTAMA

Pelancongan Malaysia sedang meninjau semula kesan ketiga-tiga Jualán Mega Malaysia yang dianjurkan sepanjang tahun untuk meningkatkan keberkesanan Jualan. Bergantung kepada hasil kajian, Jualán Bersepadu 1Malaysia akan diselenggarakan dengan sewajarnya.

EPP
12

MENTRANSFORMASIKAN KLIA MENJADI HAB PERUNCITAN



Hab Peruncitan KLIA2

Berikutan bermulanya operasi KLIA2 pada bulan Mei 2014, kadar penggunaan KLIA2 dan ruang peruncitan Gateway@KLIA2 berjaya mencapai 98 peratus dan 76 peratus masing-masing. EPP ini juga dimanfaatkan daripada dorongan kuat

oleh Lapangan Terbang Malaysia untuk menyiapkan pembinaan lapangan terbang ini dan menarik masuk penyewa runcit untuk memenuhi ruang peruncitan yang kosong dalam masa yang singkat.

EPP ini bakal memanfaatkan kunjungan penumpang-penumpang di KLIA dan KLIA2, yang mempunyai jumlah kapasiti 70 juta orang penumpang setahun. Sehingga penghujung bulan September 2014, walaupun pergerakan penumpang pada keseluruhannya dikesan semakin menurun di lapangan terbang kendalian MAHB (setakat suku tahun ketiga 2014), KLIA sendiri berjaya mencatat pertumbuhan setinggi 5 peratus, sementara penggunaan KLIA2 pada masa pelancaran turut menarik 25 juta penumpang.

INTIPATI UTAMA

Pembangunan selanjutnya seluas 45 ekar di sekitar KLIA yang dimiliki oleh MAHB bergantung pada permintaan dan keperluan pasaran.

EPP
13

KEDAI RUNCIT BERSEPADU BESAR (BIG BOX BOULEVARDS)

Pembangunan Kedai Runcit Bersepadu Besar (*Big Box Boulevards*) yang dimajukan oleh Sime Darby-Brunfield di Ara Damansara berjalan lancar pada tahun 2014, dengan komponen seperti Bazar Makan dan pasar raya Tesco mula beroperasi. Pembinaan *Auto City* tetap dijalankan seperti dijadualkan, sementara sambungan LRT yang akan menyediakan perkhidmatan di kawasan itu juga sedang berjalan. Syarikat berkenaan juga merancang untuk membina penghubung dari LRT ke pelbagai komponen pembangunan dan kawasan sekitar dengan laluan pejalan kaki berbumbung dan jambatan pejalan kaki bagi akses yang lebih luas.

Selain itu, usaha telah dibuat untuk menghubungkan pemain dengan Pesta MATTa dan pengusaha

pelancongan dalam membantu membawa lebih banyak laluan ke kawasan ini, manakala Brunfield terus berurusan dengan peruncit-peruncit untuk memantapkan operasi mereka di Kedai Runcit Bersepadu Besar (*Big Box Boulevards*). Pemain EPP yang lain adalah termasuk *Nilai 3 Wholesale City* oleh Hatia Group dan *Nilai Integrated Wholesale and Retail Big Box Boulevard* oleh KLLC Park Sdn. Bhd.

INTIPATI UTAMA

Walaupun pasukan NKEA bekerja rapat dengan pemain-pemain untuk membangunkan EPP ini, ia tetap menjadi inisiatif pacuan sektor swasta yang bergantung kepada keperluan pasaran dan strategi rakan niaga EPP.



Lakaran artis Oasis Corporate Park (Meritus)

PELUANG PERNIAGAAN

Seiring dengan pertumbuhan dasar, peluang perniagaan di NKEA Pemborongan dan Peruncitan dijangka menyumbang RM45.2 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan mewujudkan 226,000 peluang pekerjaan tambahan menjelang tahun 2020. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh tiga pemacu ekonomi yang memerlukan RM187.6 bilion dari segi penajaan dan pelaburan sektor swasta agar dapat memodali peluang perniagaan ini.

Pemacu-pemacu ekonomi terdiri daripada:

- Perbelanjaan runcit per kapita yang lebih tinggi kerana Pendapatan Negara Kasar (GNI) per keluarga yang meningkat menjelang tahun 2020.
- Kesan urbanisasi, daripada perpindahan desa ke bandar, yang dijangkakan akan mewujudkan permintaan lebih

tinggi terhadap barangan dan perkhidmatan, termasuk produk tambah nilai yang lebih tinggi.

- Pertumbuhan jumlah penduduk Malaysia diramalkan akan mengakibatkan permintaan barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Ringkasan NKEA Pemborongan dan Peruncitan

	Sasaran tahun 2020
Peningkatan impak GNI	RM55.4 bilion
Pekerjaan tambahan	454,190

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- EPP1: 6 buah pasar raya baharu dan 5 buah pasar raya besar
- EPP2: 300 kedai TUKAR
- EPP4: 180 bengkel ATOM
- EPP5: Satu tapak Bazar Makan baharu
- EPP9: 5% peningkatan nilai CIF berbanding dengan nilai tahun 2014
- EPP11: 60 subsektor menyertai Jualan Bersepadu 1Malaysia
- EPP13: 20% kemajuan pembangunan *Oasis Autocity*

MINYAK SAWIT DAN GETAH



Industri sawit dan getah
digalakkan untuk meneroka
pengeluaran makanan hiliran
dan produk nilai tambahan
oleo kimia





**Dato' Sri Amar Douglas
Uggah Embas**
Menteri Perusahaan Perladangan
dan Komoditi

S&J

SEBAGAI SALAH SATU PENGELUAR TERBESAR MINYAK SAWIT DUNIA, BAGAIMANAKAH KERAJAAN MEMBANTU MENGURANGKAN KESAN NAIK TURUN HARGA DAN MENYOKONG PEMILIK KEBUN KECIL KELAPA SAWIT?

Pada masa sekarang, 88 peratus daripada pengeluaran minyak sawit tempatan dieksport. Pada tahun 2014, Malaysia telah menyumbang 42 peratus daripada perdagangan minyak sawit dunia. Sebagai komoditi berorientasikan eksport, ia tertakluk kepada senario bekalan dan permintaan dunia. Sejak suku ketiga tahun 2014, berpunca daripada kelembapan ekonomi dunia, terutamanya di negara-negara pengimport utama seperti China dan Kesatuan Eropah, dan peningkatan bekalan dari minyak sayuran saingan lain, harga purata CPO bagi tempoh bulan Januari hingga Februari 2015 ialah RM2,276 setan, berbanding dengan harga purata RM2,383 setan pada tahun 2014.

Untuk memperkukuh harga CPO, langkah-langkah telah diambil termasuk melaksanakan adunan biodiesel yang lebih tinggi daripada B5 (adunan lima peratus metil ester dengan 95 peratus diesel fosil) kepada B7 (adunan tujuh peratus metil ester dengan 93 peratus diesel fosil) bermula bulan November 2014. Ini akan menyumbang kepada penggunaan tahunan 575,000 tan CPO setiap tahun.

Di samping itu juga, Kementerian sedang merujuk kepada pihak berkepentingan yang berkenaan tentang kemungkinan pelaksanaan program B10. Ini bakal menyumbang penggunaan tahunan kepada 1.2 juta tan di pasaran tempatan.

Tambahan pula, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara, industri ini digalakkan untuk meneroka pengeluaran makanan hiliran dan produk nilai tambahan oleo kimia. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan geran kepada industri di mana peruntukan sebanyak RM543 juta telah disediakan bagi tempoh tahun 2011-2015. Walaupun begitu, Kementerian melalui perbincangan dengan industri akan terus meneroka langkah-langkah baharu, termasuk memperkukuh eksport ke pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu untuk mengeksport produk-produk minyak sawit.

KERAJAAN TELAH MELANCARKAN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI PADA TAHUN 2010 BERTUJUAN MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA MENJADI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. SEKARANG KITA SUDAH SAMPAI KE TITIK PERTINGGAHAN. ADAKAH DATO' SRI BERPUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN NKEA SETAKAT INI?

NKEA Minyak Sawit dan Getah merangkumi beberapa Projek Permulaan (EPP) termasuk program penanaman semula dan program penanaman baharu bagi pekebun kecil, mencipta fitonutrien bernilai tinggi dan meningkatkan produktiviti sektor hulu. Kedua-dua sektor ini disasarkan akan memberi sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM230.9 bilion menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2014, kedua-dua sektor ini telah menyumbangkan sebanyak RM60.5 bilion kepada PNK. Kami akan terus mengorak langkah-langkah baharu untuk memperkukuh pelaksanaan NKEA Minyak Sawit dan Getah bagi memastikan sasaran tahun 2020 dicapai. Justeru, baru-baru ini kami telah mengendalikan sebuah Makmal untuk meninjau semula pelaksanaan NKEA ini dan beberapa langkah yang disyorkan ke arah mencapai sasaran tahun 2020 akan dilaksanakan.

BAGAIMANAKAH KERAJAAN MEMBANTU MENINGKATKAN HASIL PRODUKTIVITI GETAH ASLI?

Kerajaan akan meneruskan pemberian geran untuk penanaman semula pokok-pokok yang tua dan tidak produktif oleh pekebun kecil. Bagi tempoh tahun 2012-2014, peruntukan berjumlah RM529.66 telah disediakan untuk penanaman semula 113,675 hektar pokok getah oleh pekebun kecil. Bagi penanaman baharu, jumlah peruntukannya ialah RM271 juta untuk menanam 38,575 hektar.

Selain itu, Kementerian, melalui Lembaga Getah Malaysia (MRB) akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti dari tahap semasa 1,400 tan sehektar setahun kepada 2,000 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020. Ini termasuk penyampaian pengetahuan mengenai amalan pertanian yang baik dan penggunaan bahan-bahan penanaman yang akan memberikan hasil pengeluaran yang tinggi.



MINYAK SAWIT

Keperluan dunia terhadap minyak sawit dijangka terus meningkat bagi tahun-tahun yang akan datang kerana pengeluaran minyak sayuran yang lain tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan dunia¹. Maka pelaburan yang lebih tinggi di negara-negara penghasil minyak kelapa sawit utama seperti Malaysia diperlukan untuk meningkatkan hasil bagi memenuhi permintaan minyak sawit masa depan.

Tambahan pula, dengan semakin berkembangnya kelas pertengahan di negara yang sedang membangun dan maju, ia akan meningkatkan permintaan untuk makanan kesihatan dan produk mesra alam yang terhasil daripada minyak sawit.

Dalam konteks Malaysia, NKEA ini telah merumuskan strategi-strategi utama, terutamanya dalam peluasan aktiviti hiliran oleokimia bernilai tinggi yang akan memastikan negara menjadi peneraju pengeluaran dan eksport minyak sawit global. Dorongan ke arah pembinaan kapasiti hiliran dan peralihan kepada segmen produk bernilai tinggi adalah penting dalam merealisasikan transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Meskipun pelbagai kemajuan telah dicapai dalam memenuhi matlamat NKEA ini, masih banyak yang perlu dilakukan. Syarikat perladangan perlu terus mengambil langkah untuk meluaskan aktiviti hiliran dalam rangkaian nilai ke arah penghasilan oleokimia dan produk makanan dan kesihatan bernilai tinggi. Pembinaan keupayaan dalam sektor ini akan menjadi benteng kepada ketidaktentuan pasaran komoditi, di samping mengurangkan kebergantungan kepada segmen hulu.

Analisis KPI Tahun 2014

Tahun 2014 merupakan tahun mencabar untuk minyak sawit berikutan ketidaktentuan harga komoditi. Minyak sawit mentah mencatat purata bulanan tertinggi pada RM2,855 satu tan, sebelum ia merudum kepada RM2,095 satu tan, tahap paling rendah pernah tercatat sejak bulan Disember 2012. Meskipun begitu, naik turun dalam harga tidak pernah melunturkan minat dalam komoditi ini.

Secara keseluruhannya, NKEA ini telah memenuhi KPI tahun 2014 walaupun menghadapi ketidaktentuan harga minyak sawit. Harga mencapai tahap paling tinggi dalam tempoh 18 bulan pada bulan Mac berlatarbelakangkan ramalan cuaca *El-Nino* yang akan menjejaskan pengeluaran. Bagaimanapun, harga merudum pada tahap terendah dalam tempoh lima tahun pada bulan September disebabkan cuaca kering ditambah pula dengan prospek hasil tanaman soya yang luar biasa tingginya sebagai tanaman saingan bagi minyak sawit di pasaran eksport yang sama. Di bawah skim penanaman semula Kerajaan, kawasan untuk penanaman semula dan penanaman baharu oleh petani kecil dan pekebun kecil persendirian telah mencapai 79,737 hektar dari bulan Januari 2011 sehingga kini, kerana pemantauan aktif dalam projek-projek penanaman semula dan penanaman baharu yang berkaitan dengan pekebun kecil persendirian.

¹ Thomas Mielke, Pengarah Eksekutif ISTA Mielke, *Oil World, Global Market Research on Oilseeds, Oils and Meals*

Unjuran Tahunan 2015

Trend penurunan harga minyak sawit dijangka akan berakhir. Kemarau teruk pada pertengahan pertama tahun 2014 di kawasan pengeluaran minyak sawit utama di Semenanjung Malaysia dan kepulauan Sumatra di Indonesia dijangka mengurangkan bekalan minyak sawit bagi tahun 2015. Apabila bekalan minyak sawit menjunam, permintaan dijangka meningkat hasil daripada peningkatan permintaan minyak sayuran dari China di samping juga langkah Malaysia meningkatkan campuran biodiesel daripada lima peratus kepada tujuh peratus pada lewat tahun 2014 untuk meningkatkan penggunaan dan melonjakkan harga.

Sejak lewat tahun lepas, Malaysia telah mengamalkan polisi eksport bebas

cukai untuk minyak sawit. Hal ini telah membantu mengurangkan stok simpanan minyak sawit. Indonesia, negara pengeluar saingan turut melaksanakan langkah yang sama.

Tahun 2015 juga bakal menyaksikan 10 negara-negara ASEAN bergerak ke arah komuniti ekonomi bersepadu dengan tujuan menggalakkan aliran dagangan dan pelaburan yang merentas sempadan di rantau yang mempunyai bilangan penduduk lebih 600 juta orang.

Sekalipun negara-negara ASEAN memupuk hubungan dagangan yang kukuh dalam produk makanan utama dengan negara-negara lain, namun dagangan dalam kalangan anggota negara ASEAN itu sendiri masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Komuniti

ekonomi bersepadu ini, menurut Bank Pembangunan Asia, boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi sehingga 7 peratus dan berpotensi membawa kepada peningkatan permintaan dan dagangan produk utama seperti minyak sawit dan getah.

Semakin negara-negara Asia Tenggara ini bergerak ke arah komuniti ekonomi bersepadu, ia akan membuka pintu kepada Malaysia dan Indonesia untuk bekerjasama dengan lebih rapat dan berbincang tentang kerjasama yang boleh dijalinan dengan dua negara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia.

Bagi tahun ini, NKEA ini telah melalui proses holistik untuk meningkatkan hasil minyak sawit, yang memabitkan pemantauan bulanan buah tandan segar (BTS) melalui koperasi pekebun kecil dan penyediaan perkhidmatan kredit dan khidmat nasihat apabila diperlukan. Ini adalah sebahagian daripada usaha mencapai hasil BTS nasional sebanyak 26.2 tan metrik per hektar menjelang tahun 2020.

Segmen hiliran menyaksikan peningkatan dalam pelaburan sektor swasta pada tahun ini, terutamanya di Sabah. Sehingga bulan Disember 2014, jumlah pelaburan yang bakal dilaburkan pemain industri bagi oleokimia berasas minyak sawit bernilai tinggi, segmen makanan dan kesihatan berjumlah RM934.61 juta, terutamanya kerana pelaburan berjumlah RM489.78 juta

yang agak besar oleh Genting Plantation Bhd di Sabah dan pelaburan RM100 juta oleh Kuala Lumpur Kepong Bhd di di Pulau Indah.

Manakala penerimaan sabit bermotor CANTAS™ menghadapi cabaran permintaan pasaran. Sebagai tindakan proaktif, MPOB telah mengadakan Peraduan Antarabangsa Penjenteraan Minyak Sawit untuk menghasilkan idea yang baharu dan berani dalam pemungutan buah terlerai, penuaian, penjagaan tanaman dan pemindahan BTS.

Akhir sekali, dengan pelaksanaan ETP pada tahun ini telah sampai di pertengahan jalan ke arah matlamatnya pada tahun 2020, ia menjadi kritikal bagi semua EPP untuk kekal untuk menepati jadual dan mencapai sasaran yang akan

mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Untuk tujuan ini, NKEA ini sedang menajamkan pendekatannya dalam setiap EPP untuk mencapai jumlah RM178 bilion dalam PNK tahunan menjelang tahun 2020. Pada bulan Januari 2015, PEMANDU akan menganjurkan makmal yang memabitkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (MRB), untuk mengenal pasti penyelesaian ke arah mengukuhkan pelaksanaan EPP dan mengambil peluang daripada peluang baharu yang muncul sejak tahun 2010.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA MINYAK SAWIT DAN GETAH		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	(i) Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil yang diluluskan;	100%	105.4%	105		100		1.0	
	(ii) Kawasan penanaman semula dan baharu yang dilaksanakan oleh pekebun kecil								
EPP #2	Jumlah BTS yang dijual kepada kilang oleh semua koperasi	6,000 MT	14,215.11 MT	237		100		1.0	
	Kawasan baharu ladang/pekebun kecil patuh MPOB CoGAP/NSGAP/RSPO/MSPO (hektar)	220,000	239,689.43	109		100		1.0	
	Hasil Purata Nasional (tan/hektar/tahun)	19.971	18.63	93		93		0.5	
	Pengeluaran BTS nasional (MT)	98 mil	96.07 mil	98		98		0.5	
EPP #3	Jumlah CANTAS diguna oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil	600	390	65		65		0.5	
EPP #4	Jumlah Kilang Minyak Sawit yang diperakukan oleh Kod Amalan Baik MPOB dan pensijilan antarabangsa lain	25	25	100		100		1.0	
	Peningkatan Pengekstrakan Minyak Nasional (OER)	21.05%	20.62%	98		98		0.5	
EPP #5	Kemajuan pembinaan lapan kilang biogas	100%	112.25%	112		100		1.0	
	Kemajuan pembinaan 2 kilang biogas yang akan disambungkan ke grid atau pengguna luar	100%	150%	150		100		1.0	

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA MINYAK SAWIT DAN GETAH		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #6	Kadar pemanfaatan dana untuk derivatif oleo kimia dan pengambilalihan berasaskan bio	100%	83.03%	83	●	83	●	0.5	●
EPP #8	Kadar pemanfaatan dana untuk produk-produk makanan dan kesihatan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9.1	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil (hektar)	50,000	52,151	104	●	100	●	1.0	●
	Eksport Malaysia bagi Getah Asli dan Getah Kompaun (juta tan)	1.4	1.22	87	●	87	●	0.5	●
EPP #9.2	Pendapatan eksport Malaysia daripada Produk Lateks (RM bil)	13.5	12.03	89	●	89	●	0.5	●
EPP #9.3	Pengeluaran Ekoprena dan Pureprena (tan)	1,000	717	72	●	72	●	0.5	●
				106%		93%		75%	

Rajah 5.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MEMPERCEPATKAN PENANAMAN SEMULA DAN PENANAMAN BAHARU KELAPA SAWIT



Sime Darby Plantation. Gambar foto ihsan Sime Darby

Pada tahun ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran tinggi sebanyak 35,000 hektar untuk diluluskan dan 20,000 hektar untuk penanaman baharu dan penanaman semula oleh pekebun kecil persendirian untuk menggantikan pokok sawit tua berhasil rendah dengan anak benih baharu yang berhasil tinggi.

Sebanyak 36,482 telah diluluskan dan 21,313 hektar daripada sasaran ini telah dipenuhi. Ini tercapai melalui pengenalan proses baharu yang telah mendorong agensi-agensi untuk memperbaiki pelaksanaan di Sarawak. Ini merupakan langkah ke hadapan yang besar bagi EPP kerana perkembangan EPP pada tahun 2013 terhalang terutamanya kerana isu-isu pemilikan tanah dan kesesuaian tanah di Sarawak.

INTIPATI UTAMA

Bagi memastikan perubahan, pendekatan yang lebih proaktif mula diguna pakai dalam memastikan inisiatif penanaman semula dan penanaman baharu berada di landasan yang betul untuk menyumbang ke arah bekalan mampan komoditi ini kepada operator minyak sawit hiliran di dalam dan di luar rantau ini.

MENINGKATKAN HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS)

Sehingga kini, 30 koperasi yang telah ditubuhkan sejak permulaan ETP ini membolehkan pekebun kecil menikmati diskaun pukal bagi pembelian input pertanian dan harga yang lebih tinggi bagi hasil jualan mereka kepada pengilang minyak sawit. Sasaran 6,000 tan telah ditetapkan bagi tahun ini untuk jumlah BTS yang dijual kepada kilang minyak sawit bagi 10 daripada koperasi ini. Sejumlah 14,215 tan telah dijual kepada mereka.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah berunding dengan Agro Bank Bhd untuk melanjutkan kemudahan overdraf kepada 10 koperasi untuk membiayai modal kerja mereka.


Usaha yang dilaksanakan di bawah EPP ini juga termasuk pensijilan amalan-amalan industri terbaik, seperti Peraturan Tatakelakuan MPOB (MPOB *Code of Practice*) amalan pertanian terbaik dan Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Lestari (*Roundtable on Sustainable Palm Oil*, RSPO) di tanah perladangan Malaysia. Daripada 5.2 juta hektar tanah ladang kelapa sawit di Malaysia, lebih kurang 1.4 juta hektar tanah ladang yang dimiliki oleh pekebun kecil dan syarikat perladangan telah diperakui. Pada tahun 2014, sebanyak 239,689 hektar telah diperakukan berbanding sasaran 220,000 hektar. Pada masa akan datang, dijangkakan semua pekebun kecil dan firma akan memohon pensijilan

Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSP0), yang memerlukan syarikat mematuhi amalan pertanian lestari di samping juga perlindungan alam sekitar dan pekerja.

INTIPATI UTAMA

Mengambil kira kepentingan koperasi sebagai platform meningkatkan purata hasil nasional, pemilik berkepentingan EPP akan mengenal pasti inisiatif untuk koperasi sedia ada agar kekal relevan di samping membantu meningkatkan prestasi perniagaan.

Buah Tandan Segar (BTS) yang diterima oleh Kilang (Tan)



Rajah 5.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PEKERJA

Untuk menangani penerimaan sabit bermotor Cantas™ MPOB yang kurang memberangsangkan, MPOB sebagai pengawal selia industri telah menganjurkan Pertandingan Antarabangsa Penjenteraan Minyak Sawit selama sembilan bulan dalam tiga peringkat dari bulan Mac hingga bulan November 2014. Penyertaan telah diterima dari institusi pendidikan tempatan dan luar negara, individu dan syarikat. Daripada 69 penyertaan yang diterima, 60 adalah penyertaan tempatan dan sembilan penyertaan asing. Ini adalah selari dengan matlamat EPP untuk meneroka dan memperkenalkan teknik penuaian baharu kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan dan mengurangkan kebergantungan segmen hulu kepada buruh kasar.

INTIPATI UTAMA

Semakin terhad tanah pertanian di Malaysia, wujudnya dorongan untuk meningkatkan produktiviti hasil tanah pertanian sedia ada. Dengan itu, adalah penting untuk memupuk kerjasama yang lebih mendalam antara agensi awam dan institusi swasta untuk membangunkan produk-produk inovatif dalam meningkatkan produktiviti hulu di samping mengurangkan kos pengeluaran.

Pertandingan Antarabangsa Penjenteraan Minyak Sawit

Pertandingan Antarabangsa Penjenteraan Minyak Sawit yang dilancarkan pada bulan Mac 2014, bertujuan mempromosikan pembangunan teknologi seperti robotik yang akan meningkatkan tahap penjenteraan dalam sektor hulu. Pertandingan ini, yang menerima 69 penyertaan daripada pereka cipta tempatan dan asing, telah dibahagikan kepada empat kategori — teknologi penuaian, pemungutan buah kelapa sawit terlerai, pengangkutan BTS dan penjagaan tanaman. Pereka cipta kemudiannya dinilai berdasarkan reka bentuk, daripada persembahan 3D kepada prototaip berfungsi.

Dalam kategori teknologi penuaian, pereka cipta diminta membangunkan alat penuaian yang boleh memotong

BTS dari pelbagai ketinggian pokok sementara dalam segmen buah terlerai, alat yang menang perlu mendemonstrasikan bahawa ia boleh memungut buah kelapa sawit yang bertaburan di atas keadaan permukaan tanah yang pelbagai, dengan kandungan sampah kurang daripada 10 peratus.

Sementara itu dalam kategori teknologi pengangkutan BTS, peserta perlu membina mesin yang berupaya mengendali dalam keadaan permukaan tanah yang sukar untuk memungut dan memindahkan BTS. Pereka cipta bagi teknologi penjagaan tanaman diminta mencipta mesin untuk penyenggaraan tanaman dan lapangan, seperti mengendali, membuang rumpai, kawalan perosak dan penyenggaraan jalan.




Salah satu peserta dalam Pertandingan Antarabangsa Penjenteraan Minyak Sawit (ICOPM)

EPP
4

MENINGKATKAN KADAR PENGEKSTRAKAN MINYAK (OER)

Kadar OER Nasional



Rajah 5.3

Kadar Pengekstrakan Minyak (OER) nasional bertambah baik pada tahun ini, dengan statistik menunjukkan pembaikan sebanyak 0.37 peratus kepada 20.62 peratus pada tahun 2014 daripada 20.25 peratus pada tahun 2013.

Perkembangan ini berikutan penguatkuasaan ketat yang membenarkan hanya buah tandan segar berkualiti tinggi dan matang untuk diterima dan diproses di kilang minyak sawit.

Pada penghujung tahun 2014, sejumlah 205 buah kilang telah diperakui di bawah kod amalan MPOB dan pensijilan antarabangsa yang lain. Pada masa

yang sama, MPOB telah menambah 32 pegawai penguatkuasa tambahan pada tahun ini untuk memantau dan menilai prestasi OER. Ini membawa jumlah keseluruhan pegawai penguatkuasa MPOB bagi penguatkuasaan kilang kepada 326 pegawai, termasuk 46 pegawai penguatkuasa peronda.

INTIPATI UTAMA

Peningkatan OER nasional memerlukan program kesedaran yang berterusan dan aktiviti-aktiviti pelibatan sepanjang rantai nilai—pengilang, pekebun kecil dan syarikat perladangan—untuk meningkatkan OER kepada 23 peratus menjelang tahun 2020.

EPP
5

MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN BIOGAS DI KILANG MINYAK SAWIT

Sektor minyak sawit sentiasa mencari cara untuk meningkatkan kemampuannya dan mengurangkan pelepasan karbon yang terhasil daripada pemprosesan minyak sawit. Langkah yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) membantu sektor ini mengehadkan pelepasan gas rumah hijau. Di bawah struktur tarif baharu oleh SEDA, kilang minyak sawit yang ingin dihubungkan dengan grid kuasa elektrik di samping juga kilang yang berhasrat untuk membina fasiliti biogas untuk menjana kuasa elektrik di ladang-ladang kelapa sawit akan layak menerima tarif bonus lapan sen.



Loji biogas di Bintulu. Gambar foto ihsan conbio.info

Penggunaan biogas yang dijana daripada kilang minyak sawit kini terhad kepada sesetengah penggunaan seperti sambungan kepada grid, membekalkan kuasa elektrik ke kawasan pedalaman, penyalan api, penggunaan dalaman dan seterusnya. Kesemua penggunaan ini bergantung kepada lokasi kilang dan kawasan berhampiran grid atau kawasan komersial dan perumahan. Bagi meluaskan aplikasi penggunaan biogas, Palm Oil & Rubber Makmal 2.0 telah mengusulkan projek Bio-CNG (Gas Asli Termampam). Kilang-kilang

yang terletak berhampiran kawasan komersial boleh memanfaatkan teknologi Bio-CNG untuk membekal gas asli termampam sebagai pengganti gas asli petroleum kepada entiti perdagangan. Pembinaan loji induk di Sungai Tengi, Selangor akan beroperasi pada tahun 2015.

INTIPATI UTAMA

Mulai tahun 2014, Kerajaan telah memandatkan kilang minyak sawit baharu dan kilang minyak sawit

yang sedang menambahkan kapasiti mereka untuk memasang fasiliti penghindaran metana dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan meningkatkan usaha-usaha kemampaman sektor ini. Bagaimanapun, ini akan memerlukan usaha bersepadu oleh pihak pemilik kilang. Untuk tujuan ini, perundingan yang meluas perlu dilaksanakan bagi mematuhi sasaran pengurangan gas rumah hijau.

EPP
6

MEMBANGUNKAN DERIVATIF OLEO KIMIA DAN BAHAN KIMIA BERASASKAN BIO BERNILAI TINGGI



Loji Oleochemical di Teluk Panglima Garang. Gambar foto ihsan DPW Consultancy

Usaha-usaha di bawah EPP ini memperlihatkan kejayaan dalam merencanakan aktiviti-aktiviti hiliran bernilai tinggi melalui pelaburan oleh syarikat-syarikat perladangan utama seperti United Plantation Bhd, Kuala Lumpur Kepong Bhd, Genting Plantation Bhd, Felda Global Ventures

Holdings Bhd, IOI Corporation Bhd dan Emery Oleochemicals (M) Sdn Bhd.

Pemusatan pelaburan oleokimia bernilai tinggi di Semenanjung Malaysia telah mendorong pihak Kerajaan melaksanakan usaha bersepadu dalam menggalakkan

pertumbuhan terangkum di seluruh negara yang menyaksikan pelabur mula mengalakan fokus mereka ke Sabah dan Sarawak sebagai destinasi pelaburan untuk kilang oleokimia bernilai tinggi.

Pada tahun ini, EPP ini telah memperoleh pelaburan berjumlah RM489.78 juta di Sabah di mana kilang dan fasiliti akan mengeluarkan produk hiliran bernilai tinggi. Projek ini merupakan satu usahasama di antara Genting dan Elevance Renewable Sciences Inc., sebuah syarikat kimia khusus yang berpangkalan di AS, untuk membina kilang penapisan bio metatesis 240,000-tan untuk olefin dan kimia khusus yang lain di Sabah.

Rancangan juga sedang dilaksanakan di antara Sime Darby Plantation dan sebuah syarikat berpangkalan di AS, Verdezyne Inc, untuk menubuhkan kilang pemprosesan pertama dunia di Nusajaya, Johor untuk asid dodecanedioic (DDDA) yang dihasilkan daripada bahan mentah boleh baharu. Pengeluaran kimia mesra alam ini, yang ditemui dalam nilon berprestasi tinggi, pelincir, acuan resin, bakal bersaing dengan industri petrokimia

dan berpotensi untuk memenuhi permintaan yang cukup besar di pasaran global pasaran DDDA.

INTIPATI UTAMA

Walaupun berbekalkan potensi pulangan dan prospek pertumbuhan, oleokimia bernilai tinggi hiliran bukanlah segmen yang tanpa cabaran. Aktiviti teroka hiliran selalunya berintensifkan modal besar tetapi pengeluaran produk bernilai tinggi

memberikan aliran pendapatan yang lebih lumayan per unit pada kadar sekitar 41 peratus lebih tinggi berbanding output dari segmen huluan.

Syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby, IOI, KLK dan United Plantation telah berjaya meletakkan diri dalam segmen oleokimia bernilai tinggi, namun bagi syarikat-syarikat kecil, ia lebih mencabar dari sudut keperluan modal.

Dengan itu, wujudnya keperluan untuk menyediakan bantuan pembiayaan dan menggalakkan perkongsian di antara pemain yang lebih kecil dan rakan kongsi asing yang lebih mantap untuk memacu Malaysia menjadi pengeluar unggul oleokimia bernilai tinggi di rantau ini.

EPP
7

PENGGOMERSIALAN BIOBAHAN API GENERASI KEDUA

Pada tahun ini, EPP ini menyaksikan pelancaran Lahad Datu Biomass JV Cluster Bhd dan penambahan syarikat-syarikat hiliran bagi kluster usaha sama biojisim. Pembangunan ini menyusul pembentukan kluster tersebut pada tahun 2013, yang terdiri daripada kumpulan lapan buah syarikat perladangan—Teck Guan Group, Bell Group, Genting Plantations Bhd, Kelas Wira Sdn Bhd and Golden Elate Sdn Bhd—yang secara kolektif memiliki lebih 20 kilang di Lahad Datu dengan kapasiti pengeluaran lebih daripada 400,000 tan biojisim.

Berbekalkan momentum dari tahun 2013 di mana pengeluar pelet biojisim sawit Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan syarikat-syarikat dari China dan Korea Selatan untuk bekalan pelet biojisim, tahun 2014 menyaksikan Korea Selatan meluluskan undang-undang import biojisim minyak sawit termasuk dari Malaysia. Ini menjadi dorongan utama bagi industri ini untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran.

Satu lagi kejayaan inisiatif biojisim yang dimudahcarakan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) merupakan pencapaian pelaburan oleh Brooke Renewables –



Pelet tenaga yang diperbuat daripada buah tandan kosong.
Gambar foto ihsan Biomass Systems Resources

sebuah konsortium syarikat terkemuka tempatan dan global—untuk mencipta Hab Pemprosesan Biojisim pertama di Asia Tenggara bertempat di Sarawak yang boleh membantu kerajaan negeri menjana RM20 bilion pendapatan tambahan. Pelaburan ini juga akan membantu mencipta 10,000 pekerjaan baharu dan lebih RM20 bilion dalam pelaburan berasaskan biojisim menjelang tahun 2023, sambil memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pemprosesan biojisim di rantau ini.

Hab Pemprosesan Biojisim ini bakal merangkumi Kilang Bioetanol (2G) komersial generasi kedua menggunakan teknologi dan penyelesaian enzim dari Beta Renewables, rakan kongsi konsortium Brooke Renewables, pemilik dan penyedia teknologi Kilang Bioetanol 2G pertama dunia di Crescentino, Itali dan pengeluar enzim terbesar dunia Novozymes.

INTIPATI UTAMA

Memastikan komitmen syarikat-syarikat Malaysia untuk menghidupkan

rantaian bekalan sektor ini memerlukan usaha bersepadu di pihak AIM dan agensi Kerajaan dan Kementerian untuk menyediakan insentif dan bertindak sebagai pemudahcara kepada syarikat-syarikat yang hendak menukar biojisim menjadi bahan api atau kimia. EPP ini juga menunjukkan bahawa penciptaan platform dan model mobilisasi yang berbeza adalah penting untuk memastikan kos yang kompetitif di peringkat global di samping memudahkan penyertaan oleh pemilik dan syarikat hiliran biojisim.

EPP
8

MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN PRODUK MAKANAN

DAN KESIHATAN DALAM SEGMENT HILIRAN

Pembangunan pengeluaran tokotrienol adalah asas kepada EPP ini. Usaha-usaha yang dilaburkan untuk mempromosikan pengeluaran fitonutrien berasaskan minyak sawit yang juga merupakan sebahagian daripada keluarga Vitamin E, telah diperkukuhkan berikutan penemuan positif berdasarkan ujian klinikal yang dikendalikan di Malaysia, universiti perubatan luar negara dan hospital.

Hasil kajian menunjukkan bahawa nutrien boleh memainkan peranan yang penting dalam mencegah strok, melawan penyakit hati berlemak, dan menyediakan sokongan kardiovaskular. Pada tahun ini, hasil daripada kajian rintis yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik, termasuk Pramod Khosla, dari Wayne State University, menunjukkan bahawa tokotrienol berpotensi setanding dengan jenis nutrien lain sebagai alat untuk memperbaiki profil dalam pesakit yang menjalani haemodialisis. Bagi menyokong ujian klinikal dalam bidang

ini, MPOB telah menganugerahkan geran bernilai RM8.06 juta kepada Wayne State, yang merupakan sekolah perubatan di AS, untuk meneroka manfaat tokotrienol kepada pesakit yang menghidap penyakit renal peringkat akhir.

Kajian kesan pengambilan tokotrienol juga sedang dijalankan oleh Ohio State University dengan pendanaan daripada MPOB sebanyak RM3.4 juta. Penemuan awal menunjukkan bahawa tokotrienol boleh memperlambatkan kemaraan penyakit hati peringkat akhir, atau membolehkan pesakit mengurangkan terapi yang perlu dijalani.

EPP ini juga telah ditugaskan untuk mengkomersialkan fitonutrien berasaskan minyak sawit pada tahun 2014, di samping menyaksikan pelaburan sebanyak RM430.51 juta oleh FGV Lipid Venture Sdn Bhd bagi menghasilkan fitonutrien bernilai tinggi dan membina kilang minyak sawit olein merah di Sabah. Kilang

FGV ini dijangka siap pada penghujung tahun 2016. Sementara itu, Sarawak Palm Oil Bhd telah memberi komitmen sebanyak RM80 juta untuk membina loji fitonutrien di Bintulu, Sarawak.

INTIPATI UTAMA

EPP ini mempunyai hala tuju yang tepat melalui langkah mempromosi dan mengkomersialkan tokotrienol dalam pelbagai penggunaan farmaseutikal dan penjagaan kesihatan. Namun masih terdapat keperluan untuk pembaikan dalam usaha mempercepatkan pertumbuhan dalam segmen ini. Justeru, langkah seterusnya termasuk mengenal pasti kajian dan peluang pelaburan bagi fitonutrien berasaskan minyak sawit untuk produk-produk nutraseutikal dan kosmoseutikal—produk kosmetik yang mengandungi bahan-bahan biologi aktif—sebagai bidang fokus baharu.

GETAH

Harga getah asli yang menuruti pergerakan pasaran komoditi global, semakin menurun dengan kebimbangan berterusan tentang pertumbuhan perlahan ekonomi negara pembeli getah utama, iaitu China. Namun walaupun pasaran getah lemah, minat terhadap aktiviti huluan penanaman getah semakin berkembang, terutamanya di kawasan pedalaman Sarawak.

Kerajaan, melalui agensi-agensinya pelaksana seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan

Tanah Persekutuan (FELCRA), telah menggalakkan penanaman semula dan penanaman baharu dalam kalangan pekebun kecil dengan menawarkan geran dalam lingkungan RM9,000 hingga RM14,000 setiap hektar untuk memastikan masa depan industri getah dan pekebun-pekebun kecil dalam negara.

Unjuran Tahunan 2015

Permintaan untuk getah dijangkakan stabil pada tahun 2015 dan akan membantu memperkukuh harga getah asli bagi tahun-tahun yang akan datang². Dari perspektif penawaran, usaha penanaman semula yang dilaksanakan oleh Kerajaan di Malaysia dan negara-negara pengeluar getah yang lain di rantau ini akan mengakibatkan bekalan yang terhad dan penetapan harga serta aktiviti lindung nilai.

Pada tahun 2015, belanjawan baharu bernilai RM96.71 juta telah diperuntukkan untuk penanaman semula dan RM110.08 untuk penanaman baharu di seluruh negara. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menyasarkan lebih kurang 24,000 hektar penanaman semula dan penanaman baharu. Agensi yang melaksanakan projek ini termasuk RISDA, LIGS dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Di Semenanjung Malaysia, RISDA dipertanggungjawabkan dengan penanaman semula dan penanaman baharu bersama LIGS di Sabah.

Sementara itu di Sarawak, JPS terlibat dalam penanaman baharu manakala RISDA dalam penanaman semula.

Lebih banyak pelaksanaan penanaman semula dijangkakan juga pada tahun 2015, berikutan insentif produktiviti getah berjumlah RM100 juta untuk membantu pekebun kecil getah yang mengalami kerugian akibat harga komoditi yang rendah. Mulai 1 Januari 2015, pekebun-pekebun kecil akan layak menerima bantuan jika harga jatuh di bawah RM4.60 sekilogram harga FOB bagi Getah Malaysia Standard Malaysia 20 (SMR20). Di samping itu, sebanyak RM206.8 juta diperuntukkan untuk aktiviti penanaman semula dan penanaman baharu di seluruh negara pada tahun 2015.

² World Rubber Industry Outlook, International Rubber Study Group

MEMASTIKAN KEMAMPUAN INDUSTRI HULUAN GETAH



Penanaman semula pokok getah. Gambar foto ihsan Rabani HMA

Pada tahun 2014, lebih kurang 51,629 hektar penanaman semula dan penanaman baharu getah yang telah dilaksanakan di seluruh negara, meningkat 6.4 peratus berbanding angka tahun lepas, iaitu 48,546 hektar.


Penanaman semula dan penanaman baharu getah dijalankan oleh tiga

agensi pelaksana utama di seluruh Malaysia terutamanya RISDA, LIGS dan JPS. RISDA, yang menumpukan terutamanya kepada penanaman semula getah di seluruh negara, telah menanam sebanyak 39,864 hektar sepanjang tahun. Manakala penanaman baharu mencecah 11,765 hektar di Sabah dan Sarawak.

INTIPATI UTAMA


EPP ini berada di landasan yang tepat dan secara konsisten sentiasa mengatasi sasaran sejak pelancarannya pada tahun 2012, dengan kelompok pertama pokok getah yang ditanam dijangka mula mengeluarkan hasil seawalnya pada tahun 2017. Pada masa akan datang, EPP ini akan dikekalkan, sesudah mengambil kira impaknya terhadap pekebun kecil di kawasan luar bandar dan produktiviti huluan masa depan. Dalam aspek yang berkaitan, harga getah asli sedang mengalami trend menurun akibat bekalan yang mengatasi permintaan. Perbincangan berterusan sedang dijalankan mengenai impak EPP ini pada harga masa depan, yang akan menentukan hala tuju masa depan EPP ini.

Penanaman Semula Getah Di Bawah NKEA (ha)



Rajah 5.4

Penanaman Baharu Getah Di Bawah NKEA (ha)



Rajah 5.5

EPP
9.2

MENINGKATKAN EKUITI DALAM PASARAN SARUNG TANGAN GETAH DUNIA

KEPADA 65 PERATUS MENJELANG TAHUN 2020

Malaysia merupakan peneraju pembuat sarung tangan getah dunia. Bagaimanapun, industri ini menghadapi kekurangan tenaga kerja dan bekalan getah. Untuk tujuan ini,

industri telah memulakan automasi untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh kasar disamping melabur dalam memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan.

Bagi tahun ini, jumlah pendapatan eksport produk getah Malaysia, yang mana sarung tangan getah menjadi penyumbang besar, telah dicatatkan pada RM12.03 billion pada tahun 2014.



Mutu sarung tangan getah keluaran Malaysia bertaraf dunia. Gambar foto ihsan MREPC

INTIPATI UTAMA

Pada tahun 2014, PEMANDU telah menjalinkan kerjasama dengan Hartalega dalam pembangunan Kompleks Pembuatan Sarung Tangan Bersepadu Generasi Baru (NGC) di Sepang. Pelbagai isu yang membabitkan kemudahan awam dan peraturan telah diselesaikan dan pengeluaran komersial dijangka akan bermula pada bulan Januari 2015.

EPP
9.3

MENGGOMERSIALKAN EKOPRENA DAN PUREPRENA (GETAH HIJAU)

MRB telah memacu industri getah asli domestik untuk berada setapak di hadapan persaingan serantau dengan mengambil peluang daripada kesedaran alam sekitar yang semakin meningkat, yang telah mencipta minat pelanggan terhadap bahan asli dan bahan boleh baharu berbanding produk sintetik. Ini telah mendorong Malaysia untuk menghasilkan getah khusus seperti getah asli *epoxidised* (Ekoprena) dan getah asli *deproteinised* (Pureprena) yang boleh digunakan untuk tayar mesra alam dan produk kejuruteraan berprestasi tinggi.

Untuk menggalakkan penerimaan Ekoprena, MRB akan melaksanakan projek percubaan dengan Bas Rapid Prasarana Bhd di Lembah Klang menggunakan tayar Ekoprena. Ujian atas jalan ini dijangka bermula pada suku pertama tahun 2015 dan kejayaan tayar mesra alam ini bergantung kepada parameter seperti penggunaan bahan api, lelasan tayar dan jumlah penumpang.

INTIPATI UTAMA

Pengeluaran dan pemasaran Ekoprena sedang berdepan dengan pelbagai cabaran. Tahun ini, Jawatankuasa Pemandu NKEA telah meluluskan geran pembangunan untuk Kilang Ekoprena di FELDA Palong 8 untuk memperbaiki kecekapan pengeluaran. Dalam menangani cabaran pemasaran pula, projek percubaan dengan Bas Rapid Prasarana Bhd diharapkan akan meningkatkan imej Ekoprena.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Perluasan Bank Tanah Perladangan

Kawasan tanah pertanian yang semakin berkurangan untuk penanaman kelapa sawit di kawasan utama yang menghasilkan minyak sawit di Asia Tenggara telah mendorong syarikat-syarikat perladangan utama untuk bertukar arah ke pedalaman Sabah dan Sarawak, Myanmar, Filipina juga Papua New Guinea dan negara-negara Afrika Barat.

2

Pembangunan Aktiviti Hiliran Sedia Ada

Malaysia kini bergantung kepada kecenderungan menggunakan bahan kimia mesra alam, fitonutrien berasaskan minyak sawit untuk maju ke arah industri hiliran bagi menghasilkan produk akhir sebagai sebahagian daripada perancangan untuk meningkatkan pertumbuhan industri ini secara keseluruhan.

3

Pembangunan Aktiviti Biodiesel Negara

Di samping membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, campuran biodiesel yang lebih tinggi—daripada lima peratus kepada tujuh peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum menjelang penghujung tahun ini—akan meningkatkan penggunaan minyak sawit, mengurangkan stok sawit dan menaikkan harga.

Program biodiesel B5 telah dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2011 di seluruh Malaysia. Menjelang bulan Julai 2012, Kerajaan telah memberi mandat pelaksanaan program tersebut secara penuh dan menyeluruh di seluruh negara. Setakat bulan November 2013, Kerajaan dan syarikat petroleum yang turut mengambil bahagian telah membuka 35 depot di seluruh negara dengan fasiliti campuran *in-line*. Setakat bulan Mei 2014, sebanyak 21 loji biodiesel telah dibuka semenjak tahun 2006 dengan kapasiti jumlah pengeluaran 2.96 juta tan setahun.

Mulai bulan November 2014, Kerajaan telah melaksanakan program biodiesel B7 (adunan tujuh peratus biodiesel sawit dengan 93 peratus diesel petroleum) di Semenanjung Malaysia. Biodiesel B7 akan dibekalkan ke Semenanjung Malaysia secara berperingkat dan meliputi 2,952 stesen minyak, pusat nelayan, dan pelbagai bentuk pengangkutan yang lain bermula bulan Disember 2014. Pelaksanaan B7 di Semenanjung akan menggunakan sebanyak 439,000 tan biodiesel setahun yang boleh menjimatkan 508 juta liter diesel setahun. Pelaksanaan program B7 dijalankan di Sabah dan Sarawak pada bulan Disember secara berperingkat. Ini disusuli dengan kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan program bagi sektor pengangkutan dan perikanan secara berperingkat pada 17 Oktober 2014.

Manakala bagi Sabah dan Sarawak, pelaksanaan program biodiesel B7 akan bergantung akan kesediaan 15 depot petroleum yang dipasang fasiliti mengadun biodiesel di Malaysia Timur dan seluruh Malaysia dijangka akan menggunakan B7 pada bulan Mac 2015. Bagi Sabah dan Sarawak, program biodiesel B7 akan menambah penggunaan biodiesel sebanyak 137,000 tan dengan penjimatan diesel sebanyak 159 juta liter diesel setahun. Secara keseluruhan, program biodiesel B7 di seluruh Malaysia akan menggunakan 576,000 tan biodiesel dan membawa penjimatan diesel sebanyak 6.7 juta liter setahun untuk sektor perikanan dan pengangkutan.

Pembangunan Kegiatan Biodiesel Negara melalui adunan biodiesel minyak sawit dalam bekalan diesel negara merupakan bahagian pelengkap dalam dasar ini. Selain membantu mengurangkan lepasan gas rumah hijau, campuran biodiesel yang lebih tinggi—dari lima peratus hingga tujuh peratus biodiesel minyak sawit dengan 95 peratus diesel petrol pada akhir tahun ini—akan meningkatkan penggunaan minyak sawit, mengurangkan bekalan minyak sawit di samping menaikkan harganya.

Ringkasan NKEA Minyak Sawit dan Getah

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM230.9 bilion
Pekerjaan Tambahan	41,600

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

Minyak Sawit

- Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil persendirian diluluskan dan dilaksanakan bagi 8,550 hektar dan 20,000 hektar masing-masing
- Memastikan 10 koperasi berupaya menjual minimum 12,000 tan metrik buah tandan segar
- Program Kebun Kecil Terurus berpotensi yang menyediakan penyelesaian alternatif untuk pekebun kecil persendirian yang tidak menjalankan pengoperasian ladang mereka sendiri
- Kutipan ses CPO berpotensi berdasarkan pengekstrakan minyak kilang
- Menggalakkan kilang biogas menyertai program Tarif Galakan
- Pengkomersialan berpotensi loji Bio-CNG
- Membangunkan insentif fiskal RMK11 dan Dana Strategik Pelaburan Domestik MIDA untuk aktiviti-aktiviti hiliran minyak sawit

Getah

- Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil persendirian kepada 24,000 hektar
- Memperbaiki eksport getah asli dan getah kompaun kepada 1.4 juta tan metrik
- Memperbaiki pelaksanaan dan penguatkuasaan standard dan peraturan getah

PELANCONGAN



Menerusi platform NKEA, Kementerian akan menjadi terbuka kepada pelbagai peluang perkongsian swasta-awam dalam usaha untuk mencatat pertumbuhan dalam sektor yang dinamik dan pantas bergerak ini





**Dato' Seri Mohamed Nazri
Abdul Aziz**
Menteri Pelancongan
dan Kebudayaan

S&J

SEBAGAI SALAH SATU PEMACU PERTUMBUHAN UTAMA NEGARA, APAKAH USAHA YANG AKAN DIAMBIL UNTUK MENERUSKAN MOMENTUM INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA?

Kami telah merancang Tahun Pesta Malaysia 2015 (MyFest 2015) untuk meneruskan dan mengekalkan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2014. MyFest 2015 akan menampilkan aneka budaya kita yang kaya menerusi pelbagai sambutan pesta perayaan sepanjang tahun. Oleh yang demikian, dalam menekankan kepelbagaian budaya Malaysia sebagai tarikan pelancong, inisiatif di bawah NKEA juga penting ke arah menyerlahkan potensi penuh industri pelancongan, dan usaha untuk menyokong inisiatif ini akan diteruskan. Beberapa pendekatan dan idea yang progresif telah dimulakan untuk membangunkan produk baharu yang inovatif dan juga menjenamakan semula serta menambah nilai produk tradisional. Selain itu, dasar dan strategi semasa diberikan perhatian yang mendalam, antara lainnya menambah baik penawaran pelancong, infrastruktur dan perkhidmatan, memudahkan visa dan juga mempertingkatkan kesalinghubungan dengan pasaran utama dalam sektor pelancongan untuk menarik segmen yang menjana pendapatan tinggi pada masa hadapan. Saya berharap kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015 dan penurunan nilai ringgit akan membantu merangsang ketibaan pelancong di Malaysia.

APAKAH CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI OLEH INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA?

Pemulihan ketibaan pelancong dari China merupakan perkara yang penting dan perkara yang kami berikan perhatian segera. Sebagai sebuah pasaran pesat berkembang yang perlu ditarik oleh Malaysia, penting bagi kita untuk menggandakan usaha untuk menarik kedatangan pelancong China pada tahun yang akan datang. Sejajar dengan itu, kami juga akan menggalakkan industri untuk membangunkan produk pelancongan baharu dan menambah baik kualiti pelbagai penawaran pelancongan sedia ada. Sesungguhnya menerusi usaha-usaha inilah kita dapat melihat ke arah pertumbuhan yang seterusnya dalam perbelanjaan pelancong, yang secara langsung akan membantu menetapkan kedudukan ekonomi negara.

APAKAH FAKTOR KEJAYAAN PENTING BAGI INDUSTRI PELANCONGAN?

Meskipun Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, bersama-sama dengan Tourism Malaysia akan terus mewujudkan persekitaran yang menyokong bagi pelancongan, usaha perlu dipacu oleh sektor swasta. Kerjasama antara pihak berkepentingan industri pelancongan adalah penting untuk memastikan industri pelancongan ini terus berkembang pesat. Perkongsian awam-swasta yang strategik akan membolehkan kita mempamerkan yang terbaik yang kita miliki dalam bergerak ke arah mencapai sasaran yang dihasratkan. Menerusi platform NKEA, Kementerian akan menjadi terbuka kepada pelbagai peluang perkongsian swasta-awam dalam usaha untuk mencatat pertumbuhan dalam sektor yang dinamik dan pantas bergerak ini. Kita perlu mempelbagaikan produk dan pakej pelancongan semasa untuk menawarkan

bersambung



sambungan muka surat sebelum

pelbagai penawaran pelancongan yang meluas. Oleh itu, sektor pelancongan perlu merekayasa secara berterusan dan menyesuaikan model perniagaannya untuk memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan. Ini boleh dilakukan dengan memastikan bahawa dasar pelancongan, pembangunan produk, penawaran produk, kesalinghubungan dan strategi pemasaran adalah sejajar dengan trend global yang mempengaruhi dan mengubah tingkah laku pelancong masa hadapan.

APAKAH YANG BOLEH DIJANGKAKAN OLEH PELANCONG PADA TAHUN 2015?

Pelbagai festival yang menarik bertemakan *Endless Celebrations*, sejumlah 50 acara kebudayaan dan pesta telah dikenal pasti sebagai tarikan kebudayaan yang penting di Malaysia. Pelancong boleh mengharapkan untuk menyertai pelbagai pesta kebudayaan di seluruh Malaysia seperti Pesta Nenek Moyang Mah Meri, Pesta Nasi Ambeng, Citrawarna Malaysia, Rumah Terbuka Malaysia, dan acara bertema seperti Festival Kasut Antarabangsa Malaysia, Festival Muzik Dunia Pulau Pinang, Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia dan Pesta Wau Antarabangsa Kelantan, antara beberapa contoh yang menarik. MyFEST 2015 juga akan menghidangkan acara baharu seperti Skyride Festival Park (sepanjang tahun) di Putrajaya, Festival Orang Asli Antarabangsa, Festival Topeng Antarabangsa dan Iftar@KL. Di samping itu, dengan memanfaatkan seruan Perdana Menteri untuk meningkatkan kekerapan jualan mega di seluruh negara dan memanjangkan masa beli-belah, Kementerian kini bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan sektor swasta untuk memperhebat beli-belah bebas cukai. Pembukaan ruang niaga premium kedua di Malaysia pada tahun ini akan melengkapi pelbagai penawaran runcit semasa yang disediakan oleh negara. Landskap pelancongan yang pelbagai, gabungan budaya dan warisan yang unik, kemewahan biodiversiti, kepelbagaian sajian, kesenian, kraf tangan dan seni bina senantiasa meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai destinasi global yang mesti dikunjungi.



PELANCONGAN

Pelancongan merupakan penyumbang keenam tertinggi kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2014. Negara terus menyaksikan rekod baharu dicatat susulan peningkatan pertambahan pelancong sebanyak 6.7 peratus kepada 27.4 juta dan perolehan pelancongan berjumlah RM 72 bilion berbanding dengan RM 65.4 bilion pada tahun 2013.

Pencapaian ini secara langsungnya berpunca daripada promosi secara agresif dan komitmen Kementerian Pelancongan & Kebudayaan (MoTAC) dan Pelancongan Malaysia bersempena dengan sambutan Tahun Melawat Malaysia 2014 (VMY 2014). Tahun 2014 menyaksikan pelbagai acara dan aktiviti istimewa diadakan sepanjang tahun hasil kerjasama erat dengan pihak berkepentingan industri.

Keberhasilan yang dicapai membuktikan daya tahan industri pelancongan meskipun negara dilanda tragedi penerbangan pada separuh pertama tahun 2014. Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan industri yang dinamik ini, dengan memperhebat promosi ke pasaran lain dalam usaha mengimbangi penurunan permintaan daripada pasaran China. Malaysia giat mengambil bahagian dalam pelbagai pameran pelancongan antarabangsa yang penting sepanjang tahun 2014 termasuk ITB Berlin dan World Travel Market.

Kempen taktikal yang kukuh dalam pasaran sasaran terpilih turut terbukti berkesan. Misalnya, pelibatan Malaysia dalam Vietnam Travel Mart 2014 menghasilkan peningkatan 21.2 peratus dalam jumlah ketibaan pelancongan dari Vietnam. Hasil daripada usaha-usaha ini secara keseluruhan, negara ASEAN menyumbang peningkatan sebanyak 6.8 peratus, manakala negara jarak sederhana seperti Korea dan India turut menyumbang pertumbuhan ketara masing-masing sebanyak 40.5 peratus dan 18.3 peratus.

Memandangkan sifat pelancongan yang dinamik, langkah yang wajar perlu diambil untuk menangani permintaan sektor yang berubah-ubah. Sejajar dengan ini, MoTAC terus mengadakan rundingan yang kerap dengan pihak berkepentingan industri untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk merancakkan industri ini.

Pada tahun 2014 ini, Kementerian turut memacu momentum yang positif terhadap Projek Permulaan (*Entry Point Project*, EPP) utamanya, pada masa yang sama meningkatkan pakej holistik dan kualiti penawaran secara proaktif. Matlamat Malaysia untuk menyasarkan pelancong yang lebih arif disesuaikan dengan trend besar industri utama yang akan terus mendorong pertumbuhan sektor utama ini.

Organisasi Pelancongan Dunia (*World Tourism Organisation*, UNWTO) telah mengunjurkan purata pertumbuhan industri sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun pada peringkat global sehingga tahun 2030. Rantau Asia Pasifik dijangka menerajui trend ini dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.9 peratus. Sekiranya Malaysia berhasrat menjadi penerima manfaat utama pertumbuhan ini, kerjasama berterusan diperlukan daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan penekanan terhadap prakarsa yang diterajui sektor swasta untuk memacu negara ke arah matlamat besar untuk mencapai ketibaan pelancong sebanyak 36 juta menjelang tahun 2020.

Unjuran Tahun 2015

Pada peringkat global, segmen pelancongan akan terus menikmati pembangunan dan pempelbagaian, malah akan kekal sebagai sektor yang mencatat pertumbuhan paling tinggi dalam ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, landskap sektor yang semakin dinamik ini menghendaki peserta industri untuk beralih keluar daripada peranan tradisional untuk memenuhi permintaan yang berubah-ubah terhadap produk yang seiring dengan keperluan gaya hidup pelancong moden. Malaysia menasaskan untuk meningkatkan usaha pemasaran dan promosi untuk mewujudkan pembedaan produk yang lebih besar dengan penawaran pengalaman yang menghasilkan identiti budaya yang unik dan nilai yang lebih ketara.

Pelancongan Malaysia menasaskan untuk memperhebat kempen

promosi dan taktikal untuk memenuhi perkembangan trend besar pelancongan yang dapat diperhatikan, khususnya di platform digital, iaitu dengan menggerakkan promosi yang lebih terarah bagi kumpulan berkepentingan tertentu. Pelancongan Malaysia telah melancarkan pelan untuk menasaskan sfera digital negara China secara agresif sebagai sebahagian rancangan pemulihan bagi pasaran sumber ini.

Langkah seterusnya, produk kebitaraan seperti pelancongan pelayaran persiaran dan golf menawarkan sinergi strategik yang ampuh dengan lokasi alam semula jadi, pelancongan perniagaan dan tarikan beli-belah sedia ada yang ditawarkan oleh Malaysia. Malaysia akan menetapkan sasaran untuk memanfaatkan pertumbuhan pasaran pelayaran persiaran serantau sedia ada, yang mencatat purata pertumbuhan

14 peratus sejak 10 tahun yang lalu. Selain itu, tahun 2015 bakal mencipta peluang yang sesuai bagi pelancongan golf Malaysia untuk memanfaatkan pengiktirafan sebagai destinasi golf terbaik Asia yang julung-julung kalinya dianugerahkan oleh *World Golf Awards 2014*.

Untuk merancakkan momentum positif yang telah dibina setakat ini, Pelancongan Malaysia telah menetapkan tahun 2015 sebagai Tahun Festival Malaysia (*Malaysia Year of Festivals, MyFest 2015*). Acara ini akan mempamerkan dan meraikan aneka budaya dan pesta di Malaysia, sekaligus meneruskan usaha melonjakkan sektor pelancongan untuk memastikan industri pelancongan Malaysia terus kukuh selepas berakhirnya kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 (VMY 2014).

Analisis KPI Tahun 2014

Secara keseluruhan, NKEA Pelancongan mencapai 132 peratus KPI bagi EPP NKEA ini. Sasaran ini berjaya dicapai hasil kerjasama erat dan usaha berterusan antara MoTAC, Kementerian Pengangkutan (MoT), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), agensi Kerajaan yang lain serta sektor swasta.

Pencapaian penting termasuklah pencapaian MyCEB (Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia) bagi EPP 7 dan EPP 10, yang keberhasilan KPI secara langsung berpunca daripada usaha gigih oleh unit Malaysia Major Events (MME) dan unit Business Events (BE). Agensi-agensi ini terus giat berinteraksi dengan pelbagai

persatuan industri dan penganjur acara untuk membangunkan industri dengan penganjuran acara menarik bertaraf dunia sepanjang tahun 2014, merangkumi 47 acara antarabangsa dan 152 acara perniagaan.

Pada tahun 2014, syarikat penerbangan Malaysia terhalang daripada mencapai sasaran KPI tempat duduk minggunya yang tinggi susulan tragedi udara yang menarik perhatian media global. Namun, meskipun menghadapi rintangan ini, terdapat peningkatan ketara dalam kesalinghubungan jarak sederhana pada tahun 2014, sebanyak 19,223 tempat duduk mingguan kepada 129,015 tempat duduk sepanjang tahun, melepasi pencapaian tahun 2013, iaitu pertambahan 17,921 tempat duduk mingguan.

Walaupun bagaimanapun, perbelanjaan beli-belah pelancong dalam EPP1 menerima kesan langsung daripada

penurunan bilangan pelancong dari negara China. China ialah pasaran sumber yang diiktiraf antarabangsa sebagai kuasa utama yang memacu perolehan pelancongan, dan matlamat Malaysia bagi tahun 2015 adalah untuk memulihkan kegagalan sementara ini.

Memandangkan sifat sektor pelancongan, momentum pertumbuhan yang berterusan bukan sahaja bergantung pada MoTAC dan Pelancongan Malaysia, bahkan juga pada bantuan dan pelibatan berterusan oleh badan pengawalseliaan, agensi penguatkuasaan, majlis tempatan dan pihak berkepentingan industri daripada sektor swasta.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PELANCONGAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Perbelanjaan beli-belah bagi setiap pelancong (RM)	924	787	85	●	85	●	0.5	●
EPP #2	Pendapatan runcit setiap kaki persegi (RM/kp)	1,600	1,597	100	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Mewujudkan Pusat Ruang Perniagaan Kedua di Malaysia Peratusan pembinaan disiapkan (Pembinaan disiapkan pada tahun 2013: 20%)	80%	80%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Jumlah pengujung ke Hab Biodiversiti Mega Malaysia (MMBH)	700,000	875,694	125	●	100	●	1.0	●
	Penyerahan reka bentuk konseptual RDC dan pelan pelaksanaan oleh sektor swasta	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Bilangan ketibaan pelayaran persiaran antarabangsa di enam terminal (Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Langkawi, Melaka, Kota Kinabalu, Kuching)	340	356	105	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Bilangan penonton antarabangsa di Acara Antarabangsa yang disokong oleh MyCEB	63,400	110,899	175	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Bilangan premis hiburan dan gaya hidup khas yang diluluskan	1	3	300	●	100	●	1.0	●
EPP #9a	Bilangan pakar terapi spa terlatih/ menjalani latihan	250	250	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9b	Pendapatan yang dijana daripada pelancongan golf (RM juta)	310	312	101	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA PELANCONGAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #10	Bilangan hari perwakilan untuk acara yang dianjurkan (perwakilan antarabangsa sahaja)	230,000	362,280	158	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Penambahan kapasiti tempat duduk mingguan ke negara keutamaan (China, Jepun, India, Taiwan, Australia, Korea Selatan)	22,500	19,223	85	●	85	●	0.5	●
EPP #12	Ketersediaan bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang yang baharu	4,000	4,039	101	●	100	●	1.0	●
				126%		98%		92%	

Rajah 6.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENEMPATKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI BELI-BELAH BEBAS CUKAI

UNTUK BARANGAN PELANCONG

Sekretariat Shopping Malaysia (SSM) memperhebat promosi Malaysia sebagai destinasi bebas cukai sebagai sebahagian daripada kempen keseluruhan VMY 2014. SSM bekerjasama erat dengan industri termasuk Persatuan Pelancongan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Center (BBKLCC), Persatuan Peruncit Malaysia (MRA), Persatuan Rantai Peruncit Malaysia (MRCA) dan Persatuan Peruncit Batu Road (BRRA) untuk menjayakan prakarsa ini.

Ruang niaga dan pusat beli-belah memaparkan promosi Karnival Jualan Mega 1Malaysia (1MMSC) dan Jualan Akhir Tahun 1Malaysia (1MYES) dan bahan kempen secara besar-besaran pada tahun 2014 ini. Dengan kerjasama Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM), SSM turut melancarkan sebuah buku mewah (coffee table book) untuk menyokong kempen promosi luar.

Untuk menjana keterlihatan media bagi Kuala Lumpur sebagai destinasi beli-belah terkemuka, SSM menggunakan platform inovatif berbentuk program realiti TV yang dipanggil *Fit for Fashion*, yang menampilkan lokasi beli-belah di



Pelancaran Jualan Grand Prix 1Malaysia di Sunway Pyramid

Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Langkah ini melengkapi usaha untuk memanfaatkan pelbagai acara fesyen yang diadakan di Kuala Lumpur seperti KL Fashion Week dan Fashion TV.

Meskipun usaha-usaha ini dilaksanakan oleh SSM, penurunan mendadak ketibaan pelancong dari pasaran China menyebabkan perbelanjaan pelancong yang lebih rendah untuk beli-belah. Usaha SSM dalam pasaran sumber utama yang lain seperti ASEAN dan Timur Tengah berjaya mengimbangi sebahagian kekurangan ini, dengan perolehan akhir sebanyak RM787

bagi setiap pelancong hasil langsung daripada inisiatif ini.

INTIPATI UTAMA

SSM akan meneruskan kempen pemasaran inovatif untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi beli-belah yang menarik. Usaha silang oleh Pelancongan Malaysia turut menyasarkan pemulihan trajektori asal perbelanjaan beli-belah dan merencanakan semula pasaran sumber China pada tahun 2015.

EPP
2

MENJADIKAN KAWASAN BUKIT BINTANG-KUALA LUMPUR CITY CENTRE

SEBAGAI PRESINT PRESINT BELI-BELAH YANG MERIAH

Presint BBKLCC meraih pengiktirafan tambahan sebagai destinasi beli-belah bertaraf dunia pada tahun 2014. Laman web maklumat pelancongan dalam talian yang terkemuka, TripAdvisor, menarafkan Kuala Lumpur sebagai

antara 12 bandar pelancong terbaik dunia dari segi kualiti sepadan harga (*value-for-money*). Penghormatan ini merencanakan momentum sejak tahun 2012, apabila Kuala Lumpur dinamai sebagai Destinasi Beli-belah

Kedua Terbaik di Asia Pasifik oleh *Globe Shopper Index* dan penyenaaran Malaysia sebagai destinasi Beli-belah Terbaik Dunia untuk dua tahun berturut-turut oleh CNN pada tahun-tahun 2012 dan 2013.

Persatuan Pelancongan BKKLCC meneruskan usaha untuk meningkatkan kemeriahan presint beli-belah ini dengan mengadakan beberapa aktiviti termasuk pelancaran Jualan Grand Prix Malaysia dan Jualan Akhir Tahun 1Malaysia. Dengan aneka penawaran runcit merentas spektrum pasaran, presint ini kekal menjadi daya tarikan beli-belah terhebat, bagi pelancong luar negara dan tempatan.

Untuk membantu mengukuhkan daya tarikan keseluruhan presint beli-belah BKKLCC sebagai destinasi mesra pelancong, dua kempen Pembersihan BKKLCC telah diadakan, iaitu pada bulan April dan Oktober 2014. Inisiatif yang dikendalikan oleh beberapa agensi ini bertujuan memperkukuh penguatkuasaan kesalahan trafik di kawasan ini dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan mesra untuk para pelancong.

Agensi penguatkuasaan yang terlibat termasuklah Polis Diraja



Perhiasan lampu gantri sempena Krismas di Jalan Bukit Bintang

Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

INTIPATI UTAMA

Langkah seterusnya, Persatuan Pelancongan BKKLCC akan terus memperkemas dan memfokuskan semula keutamaan organisasinya untuk mengukuhkan elemen penting dalam pengalaman beli-belah yang membolehkan kawasan BKKLCC menjadi destinasi beli-belah utama pelancong.

EPP
3

MEWUJUDKAN RUANG PERNIAGAAN PREMIUM DI MALAYSIA

Pusat ruang perniagaan mewah kedua di negara ini yang menjual barangan premium, *Mitsui Outlet Park* (MOP) memulakan pembinaan pada bulan Januari 2014. Terletak berhampiran KLIA, pembangunan MOP KLIA bakal menjadikannya kompleks ruang perniagaan terbesar di Asia Tenggara. Pusat perniagaan ini merupakan usaha sama antara Mitsui Fudosan dengan Malaysia Airports Holdings Bhd. Pembinaan dijangka siap pada awal tahun 2015 manakala pembukaan rasminya dijangka diadakan pada pertengahan tahun.

2014 merupakan ulang tahun ketiga operasi *Johor Premium Outlets*®, iaitu usaha sama antara Genting Plantations Bhd dengan Simon Property Group. Merangkumi ruang seluas 290,000 kaki persegi, *Johor Premium Outlets*®

menampilkan sejumlah 130 gedung ruang perniagaan barangan berjenama dan dikunjungi ramai pembeli antarabangsa dan tempatan. Projek ini telah berjaya mewujudkan lebih 3,000 peluang pekerjaan sekaligus membantu Johor membangunkan dan mengekalkan modal insan, memupuk bakat tempatan dan mencipta nilai ekonomi.

INTIPATI UTAMA

Kerajaan akan terus memainkan peranan sebagai pemudah untuk menyokong penyiapan MOP KLIA mengikut jadual. MoTAC akan turut memperhebat aktiviti pemasaran dan promosi untuk memastikan pusat ruang perniagaan Malaysia diuar-uarkan dengan sepenuhnya kepada pelancong antarabangsa.



Acara pecah tanah Mitsui Outlet Park pada 29 April 2014

MEMARTABATKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB BIODIVERSITI MEGA

Untuk melonjakkan profil Malaysia sebagai hab biodiversiti, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah membangunkan sistem pemantauan, maklum balas dan pengawasan pengawalseliaan yang menyeluruh.

Satu garis panduan untuk penarafan dan pensijilan lokasi eko Malaysia, iaitu program Kriteria & Penunjuk (*Criteria & Indicators*, C&I) telah diwujudkan untuk memudahkan pemeliharaan alam sekitar dan penaiktarafan lokasi yang berterusan, untuk membantu menaik taraf lokasi eko di Malaysia sebaris dengan standard global bagi pelancongan berasaskan alam semula jadi. Kini dirintis di tiga lokasi, C&I sedang dalam proses disepadukan dengan standard Jaminan Kualiti MoTAC (MoTAC's *Tourism Quality Assurance*, MyTQA) untuk pentadbiran

yang lebih kemas dan pelaksanaan yang lebih menyeluruh bagi persediaan pembangunan di semua lokasi pelancongan berasaskan alam semula jadi di seluruh negara.

Sementara itu, statistik pelawat MMBH terus dikesan dan angka pelawat menunjukkan trend terkawal yang positif, dengan bilangan pelawat keseluruhan berjumlah 875,694 pada tahun 2014. Pemantauan berterusan ini akan turut membantu mengukur daya tarikan penawaran Malaysia selain mengenal pasti trend pertumbuhan.

EPP ini turut menyasarkan pewujudan Pusat Penerokaan Hutan Hujan (*Rainforest Discovery Centres*, RDC) untuk dijadikan hab pelawat yang mudah diakses bagi tujuan pendidikan dan promosi rangkaian

biodiversiti Malaysia. Meskipun pada awalnya sukar mendapatkan lokasi sesuai yang memenuhi semua kriteria yang dikehendaki, pembangunan RDC yang pertama telah dimulakan di rizab hutan bakau Sepang Kecil oleh Sepang GoldCoast Sdn Bhd. Apabila siap dan beroperasi sepenuhnya, pusat ini akan turut menyumbang kepada usaha pemuliharaan di lokasi ini.

INTIPATI UTAMA

Sinergi C&I dan MyTQA dijangka meningkatkan penerimgunaan dan amalan pemasaran dan pengurusan taman yang bertanggungjawab. Kementerian Sumber Asli dan Alam menetapkan sasaran untuk terus memperkemas pelaporan pengesanan pelawat untuk membantu Pelancongan Malaysia menyusun dan memasarkan daya tarikan MMBH kepada khalayak sasaran.

Langkah EPP ini yang seterusnya ialah membangunkan penyegerakan (*synchronization*) yang lebih rapat antara usaha pemasaran dengan promosi Pelancongan Malaysia, pemantauan lokasi MMBH oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta pengurusan lokasi melalui Lembaga Interim MMBH. Usaha akan turut dilakukan untuk mengenal pasti hab RDC yang sesuai di Malaysia Timur.



Lakaran artis Jeti Pelancong RDC

MEMBANGUNKAN RESORT BERSEPADU

MoTAC telah memudahkan dua pembangunan bersepadu yang baharu di Malaysia, iaitu projek *Melaka Gateway* dan *The Two* di Rawang.

Projek Melaka Gateway oleh KAJ Development Sdn Bhd menyasarkan pewujudan sebuah pulau pelancongan yang dijangka akan dilancarkan pada

tahun 2015 bersama-sama dengan tarikan Malaysia Eye. Projek ini telah mengesahkan usaha sama dengan Prometheus Marine Pte Ltd bagi pembangunan *Melaka Gateway Marina*; dan Royal Caribbean Cruise Liners (RCCL) bagi pembinaan dan pengendalian Melaka *International Cruise Terminal*, yang merupakan

pelaburan sulung syarikat tersebut di rantau ini. Komponen ini akan membentuk fasa kedua projek Melaka Gateway dengan perancangan fasa seterusnya merangkumi pembangunan hotel terkemuka, peruncitan sokongan dan daya tarikan gaya hidup yang lain.



Lakaran artis projek TWO di Rawang

Susulan pelancaran rasmi oleh YAB Perdana Menteri dan Ketua Menteri Melaka pada bulan Februari 2014, penebusgunaan tanah bagi projek ini telah mencatat kemajuan yang ketara, dengan penyelesaian penebusgunaan tanah bagi pulau yang pertama.

Projek *The Two* di Rawang oleh DA Land Sdn Bhd merupakan pembangunan

baharu yang merangkumi arena konsert berkapasiti tinggi yang disasarkan untuk memenuhi keperluan Lembah Klang yang semakin meningkat bagi lokasi yang mampu menganjurkan acara antarabangsa pada skala besar.

Tampil gah dan mudah diakses dari Lebuh Raya Utara Selatan, projek *The Two* ini akan turut merangkumi

pembangunan taman tema luar dan dalam yang disokong oleh penawaran runcit dan hotel. Pembangunan ini akan disiapkan secara berfasa dari tahun 2017 sehingga 2019, dan dijangka terus memacu pertumbuhan dan kedinamikan di wilayah utara Greater Kuala Lumpur.

INTIPATI UTAMA

Kerajaan akan terus menilai pembangunan bersepadu yang baharu di Malaysia dan memudahkan pembangunan yang berkaitan dengan keupayaan untuk memberikan nafas baharu kepada penawaran pelancongan, menarik pelancong dan menjadikan negara ini destinasi pelancongan yang terkemuka.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Sabah terus giat berusaha untuk memudahkan pembangunan yang dirancang oleh Karambunai Corp Bhd (KCB) untuk menyiapkan kerja-kerja asas yang diperlukan bagi usaha sama pelabur swasta. Oleh sebab ini merupakan proses yang berterusan kerana pelaksanaan projek terus diperkemas, Kerajaan Negeri Sabah akan terus memainkan peranan sebagai perunding dan pemudah cara sebelum semua komitmen dimuktamadkan.

EPP
6

MEMBANGUNKAN PELANCONGAN PELAYARAN PERSIARAN

Pelancongan pelayaran persiaran antarabangsa berkembang pada purata 14 peratus setahun* sejak sedekad lalu. Untuk menguasai pasaran yang kian berkembang ini, EPP 6 menyokong pembangunan berterusan rangkaian pelayaran persiaran yang berdaya maju dengan menggunakan koridor pelayaran yang strategik di sepanjang Selat Melaka yang bersejarah dan pulau Borneo yang eksotik.

Malaysia merupakan antara penggerak awal yang melaksanakan pembangunan infrastruktur kapal pelayaran persiaran besar di rantau Asia Tenggara. Sepanjang beberapa tahun lalu,

Malaysia telah menyaksikan aktiviti pelayaran persiaran yang konsisten dan melabur dalam usaha naik taraf yang berterusan untuk mengekalkan dan menguasai sebahagian daripada industri yang diunjurkan bernilai AS\$2 bilion di rantau Asia Tenggara (2013).

Pada tahun ini, Pantai Timur menerima fokus baharu susulan peningkatan kepentingan strategiknya bagi syarikat pelayaran persiaran antarabangsa yang sedang membangunkan sektor Asia Timur. Sejajar dengan ini, pelabuhan Kuantan telah menyertai kumpulan enam pelabuhan utama yang mula-mula dikenal pasti pada tahun 2011: Pulau

Pinang, Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu, Langkawi, Melaka dan Kuching.

Kemunculan Kuantan sebagai terminal penumpang pelayaran persiaran khusus menyokong unjuran peningkatan trafik pelayaran persiaran ke negara-negara di sepanjang pantai timur Asia Tenggara, Hong Kong dan Taiwan. Pada tahun 2014, *Superstar Gemini* milik Star Cruises singgah di pelabuhan ini untuk ke Asia Timur dan Vietnam, dengan purata dua persinggahan sebulan.

* Kertas Putih Persatuan Pelancongan Pelayaran Persiaran mengenai Industri Pelayaran Persiaran di Asia 2013

Selain meningkatkan daya tarikan pelancong, kemudahan dan kapasiti labuhan di enam pelabuhan utamanya, Malaysia turut menambah kapasiti pelabuhan utamanya dengan terminal pelayaran persiaran yang bakal dibangunkan oleh sebuah syarikat swasta di Melaka. MoU telah ditandatangani antara *Royal Caribbean International* dan *Melaka Gateway*, dan terminal ini dijadualkan memulakan operasi pada awal tahun 2017. Pelan termasuklah kapasiti berlabuh untuk sehingga tiga kapal pelayaran persiaran di jeti yang berukuran 900 meter.



Lakaran artis *Melaka Gateway*

Malaysia terus mencatat angka persinggahan yang tekal, sekaligus mencerminkan trend industri untuk menggunakan kapal yang lebih besar dengan pengurangan bilangan persinggahan. Antara peristiwa penting termasuklah rancangan *Royal Caribbean* untuk melayarkan *Quantum of the Seas* ke negara-negara ASEAN pada bulan Jun 2015, belayar merentasi Dubai, Muscat, Cochin, Pulau Pinang; Singapura dan Pelabuhan Klang, Shanghai dan Ho Chi Minh serta Hong Kong dan Xiamen.

Rancangan ini merupakan tambahan kepada pelayaran *Legend of the Seas* dan *Mariner of the Seas* selama setahun ke Singapura/Malaysia yang dirancang mulai tahun 2015. *Azamara Cruises* turut melancarkan pelayaran *Azamara Journey* ke rantau ini pada akhir tahun 2014.

INTIPATI UTAMA

Kerajaan mengiktiraf perancangan jangka panjang bersepadu yang diperlukan

bagi EPP ini kerana industri lazimnya merancang pelayaran kapal persiarannya sehingga dua tahun lebih awal. Antara cabarannya ialah komitmen besar untuk menaik taraf infrastruktur pada masa hadapan untuk memenuhi penambahan kapasiti labuhan berikutan peralihan peserta industri yang besar kepada kapal pelayaran persiaran mega.

Dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Agung MoT dan MoTAC, Majlis Pelayaran Persiaran Malaysia (*Malaysia Cruise Council, MCC*) terus memantau dan menggalakkan naik taraf infrastruktur terminal pelayaran persiaran untuk memenuhi ketibaan sekali ganda penumpang pelayaran persiaran yang diunjurkan menjelang tahun 2020.

Pelancongan pelayaran persiaran kekal menjadi fokus MoTAC sejajar dengan strategi untuk menarik dan memenuhi keperluan pasaran pelancongan premium. Kumpulan kerja petugas

meneruskan usaha untuk menambah baik pengalaman yang lancar dan selesa bagi pelancongan pelayaran persiaran di pelabuhan-pelabuhan Malaysia, dan Kerajaan akan terus memudahkan peserta sektor swasta menyediakan perkhidmatan dalam sektor yang pesat berkembang ini.

Pelibatan dengan syarikat pelayaran persiaran diteruskan dengan penyertaan aktif di acara industri yang penting seperti *Cruise Shipping Asia-Pacific 2014*. Inisiatif berterusan lain termasuklah kerjasama dengan agensi tempatan untuk mempromosikan pakej pelayaran persiaran di antara Singapura, Malaysia dan Phuket, pelayaran membiasakan diri untuk syarikat pelayaran persiaran, media dan ejen; dan penerbitan *Malaysia Cruise Brochure 2014*, iaitu sebuah rujukan lengkap mengenai kemudahan pelabuhan dan daya tarikan berhampiran.

EPP
7

MENYASARKAN LEBIH BANYAK ACARA ANTARABANGSA

Tahun 2014 merupakan tahun yang sibuk dan mencabar bagi Malaysia Major Events (MME), iaitu sebuah unit di bawah Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (*Malaysia Convention & Exhibition Bureau, MyCEB*) yang memudah cara pembangunan acara antarabangsa di Malaysia. Menerusi

inisiatif MME, beberapa acara yang disokong meningkat daripada 32 pada tahun 2013 kepada 47 pada tahun 2014. Pelancongan Malaysia meraih faedah yang nyata, dengan peningkatan penyertaan peserta antarabangsa sebanyak 14.1 peratus daripada 97,211 (2013) kepada 110,899 (2014).

Pada tahun 2014, Malaysia menganjurkan cabaran Ironman, yang dianggap sebagai ujian daya tahan sehari paling sukar di dunia dan dianggap sebagai acara kemuncak sukan. Sejumlah 1,374 peserta dari 56 negara mengambil bahagian dalam *Ironman Malaysia 2014*, Langkawi. Seramai 40 peserta

yang terbaik daripada acara tersebut layak menyertai Kejohanan Ironman Dunia 2015.

Selain itu, satu Ironman 70.3 yang unik turut dianjurkan di Putrajaya. Acara pengenalan ini merupakan acara yang pertama seumpamanya, yang memperkenalkan pontun terapung yang inovatif di tasik Putrajaya yang indah.

Acara penting pada tahun 2014 merangkumi Kejohanan Muaythai Dunia IFMA 2014, Konsert A.R. Rahman *Infinite Love Malaysia* dan *Temptation Reloaded—Shah Rukh Khan Live in Malaysia 2014*. Manakala pencapaian dalam negara, Viper Challenge Malaysia 2014 berjaya dianjurkan buat tahun kedua dan dijangka akan diperhebat pada tahun 2015.

Pada tahun ini, MME mengukuhkan peranannya dalam memupuk dan memangkinkan industri acara di Malaysia, dengan menganjurkan Simposium Acara Antarabangsa yang menampilkan sesi perkongsian ilmu yang berimpak tinggi oleh golongan profesional industri berpengalaman daripada pasaran

yang lebih membangun. Simposium ini memberikan dapatan berguna kepada penganjur acara tempatan tentang isu pembangunan lalu, trend dan amalan terbaik industri acara antarabangsa.

Pengelompokan acara sekitar Grand Prix F1 dan MotoGP terus melonjakkan bilangan penonton. Meskipun acara agak hambar pada tahun ini disebabkan tragedi penerbangan yang berlaku, Sepang Grand Prix masih berjaya menarik sejumlah 92,550 penonton. Bilangan pengunjung ke MotoGP mencatat rekod terbanyak dengan kehadiran seramai 85,000 penonton, dengan 35 peratus disumbangkan oleh penonton luar negara.

INTIPATI UTAMA

Membawa standard industri acara Malaysia ke taraf dunia kekal merupakan tanggungjawab yang mencabar, dengan matlamat yang tinggi ditetapkan untuk MME bagi tahun 2015. Usaha akan ditumpukan untuk mengenal pasti acara penting yang berpotensi tinggi untuk melengkapi MyFest 2015 selain mempertingkatkan pelibatan sektor swasta untuk membida



Patrick Nilsson dari Sweden melintasi garisan penamat untuk muncul juara Ironman Langkawi

lebih banyak acara antarabangsa. Bersama-sama dengan MoTAC, MME akan terus mengekalkan usaha untuk memantapkan komunikasi antara pihak berkepentingan dalam kalangan pemain industri, agensi dan Kementerian.

EPP
8

MEWUJUDKAN ZON HIBURAN KHAS (DEZ)



Salah satu lokasi DEZ yang dikenal pasti: Restoran Three Sixty^o Sky Bar di Pulau Pinang

Tiga ruang perniagaan baharu di Pulau Pinang telah ditetapkan sebagai DEZ pada tahun 2014, iaitu restoran *QEII On-The-Sea* yang menawarkan ruang makan mewah tepian air, restoran putar panoramik Three Sixty^o dengan bar atas bumbung al fresco terbesar di Malaysia dan Hotel Hard Rock ikonik di Batu Feringghi.

EPP 8 turut memudahkan peralihan DEZ pertamanya, Zouk KL, ke lokasi baharu. Bakal dikenali sebagai TREC KL, ia akan dipindahkan ke Jalan Tun Razak dengan penawaran yang lebih segar untuk menyediakan pengalaman

bertaraf dunia sekaligus memenuhi jangkaan pelawat antarabangsa.

INTIPATI UTAMA

MoTAC akan terus memantau lokasi yang telah dikenal pasti, mengesan bilangan pelawat untuk memperoleh data pasaran yang lebih tepat bagi

promosi khusus oleh Pelancongan Malaysia. EPP ini akan terus memudahkan penambahan dan peningkatan kualiti penawaran, dengan matlamat untuk mengukuhkan reputasi dunia hiburan malam di Malaysia.

EPP
9a

MEMBANGUNKAN KEPAKARAN TEMPATAN DAN PENGAWALSELIAAN INDUSTRI SPA YANG LEBIH BAIK

Penarafan dan pentauliah spa di Malaysia merupakan inisiatif nasional yang disasarkan untuk menaik taraf dan mengawal selia industri spa yang semakin berkembang. Bilangan spa yang diberikan penarafan telah meningkat daripada 196 pada tahun 2013 kepada 226 pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, 88 ialah spa bertaraf empat dan lima bintang.

Sebagai sebahagian daripada strategi Kementerian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di spa yang diberikan penarafan rasmi, lima Pusat Kecemerlangan (*Centres of Excellence*, CoE) yang diluluskan telah diberi tanggungjawab untuk melatih juruterapi bertauliah untuk membantu memenuhi keperluan sumber manusia industri spa yang kian berkembang.

Program Latihan Juruterapi Spa MOTAC bukan hanya berperanan mewujudkan peluang pekerjaan dengan prospek pembangunan kerjaya jangka panjang bagi kumpulan berpendapatan rendah, malah turut meningkatkan profesion, mencipta peluang untuk meningkatkan kemahiran dan kemajuan sendiri dalam industri ini. Direka bentuk secara menyeluruh, keperluan program ini termasuklah penempatan pekerjaan bagi juruterapi spa yang menjalani latihan di spa yang bertauliah di Malaysia selain menyediakan pengalaman praktikal yang sangat berharga.

Pada tahun 2014, lima CoE (*Energy Academy*, *Stella-In Beauty Academy*, *Langkawi International Spa Academy*, *Jari Jari Academy* dan *Beaubelle Academy*) telah merekrut sejumlah 250 juruterapi spa tempatan untuk Malaysia.

Susulan perbincangan yang terperinci, dua CoE lagi telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2014, iaitu YTL International College of Hotel Management dan Karisma Merdu. CoE ini akan memulakan perekrutan pada tahun 2015.

Industri spa dan kesejahteraan merupakan komponen pelengkap yang

penting dalam strategi pelancongan untuk menarik pelancong yang menjana pulangan tinggi. MoTAC telah meningkatkan usaha untuk mempromosikan industri ini dengan kerjasama Pelancongan Malaysia menerusi kerjasama erat dengan media dan agensi berkaitan untuk memupuk kesedaran yang positif dalam kalangan orang ramai tentang industri ini dan menepis tanggapan awal yang negatif terhadap profesional industri.

Manfaat yang jelas dan pembangunan ekonomi yang positif telah berjaya disebarkan secara meluas melalui akhbar, majalah dan temu bual



Latihan yang dijalankan di Akademi Latihan Jari Jari Spa

radio; selain disokong oleh interaksi yang berterusan dengan pihak berkepentingan industri.

Dalam inisiatif berkaitan, pembangunan *Signature Malaysian Massage* sedang diwujudkan. Produk yang dibezakan secara unik ini akan mengukuhkan penjenamaan dan promosi industri spa Malaysia. Hasilnya ialah terapi yang menggabungkan dan menyatukan elemen terbaik daripada urutan Melayu turun-temurun, pendekatan perubatan tradisi Cina, teknik urutan

India dan kaedah Malaysia timur sekaligus menghasilkan penawaran Malaysia yang khusus lagi unik.

INTIPATI UTAMA

Untuk memenuhi unjuran permintaan industri selepas tahun 2016, EPP ini akan terus menambah bilangan juruterapi spa terlatih tempatan. Kerjasama pada masa hadapan sedang dirancang dengan beberapa agensi yang menganjurkan program latihan serupa atau berkaitan, untuk mengoptimalkan lagi Program Juruterapi Spa sedia ada.

Pembangunan dan pelaksanaan urutan unik Malaysia yang sedang dijalankan akan mewujudkan identiti utama yang boleh dibanggakan bagi industri spa Malaysia yang boleh dikembangkan secara beransur-ansur bagi penggunaan yang lebih meluas untuk membangunkan produk yang menguntungkan di samping penggunaan maksimum oleh pihak berkepentingan industri.

EPP
9b

PELANCONGAN GOLF

Perolehan golf meningkat sebanyak 2.6 peratus kepada RM312 juta pada tahun 2014, diterajui oleh usaha yang dijalankan oleh Pelancongan Malaysia dan Persatuan Pelancongan Golf Malaysia (MGTA). Inisiatif Pelancongan Malaysia dan MGTA turut menghasilkan pencapaian penting yang besar bagi Malaysia, dengan penganugerahan Destinasi Golf Terbaik di Asia oleh edisi sulung *World Golf Awards* pada tahun 2014, setelah mengatasi saingan hebat yang diberikan oleh Thailand dan Indonesia.

World Golf Awards 2014 merupakan subset khusus *World Tourism Awards* berprestij yang baru saja dilancarkan. Anugerah tambahan bagi Els Club yang baharu di Teluk Datai Langkawi, sebagai Lapangan Golf Baharu Terbaik di dunia, mengukuhkan lagi pengiktirafan penawaran Malaysia.

Penghargaan ini merupakan hasil usaha berterusan MGTA dengan kerjasama Persatuan Pengendali Jelajah Golf Antarabangsa (*International Association of Golf Tour Operators*, IAGTO) untuk meletakkan lapangan golf dan kelab golf Malaysia di peta dunia. Kehadiran MGTA di pelbagai acara golf penting seperti Konvensyen Pelancongan Golf Asia (*Asia Golf Tourism Convention*, AGTC) dan International Golf Travel

Mart (IGTM) menyumbang kepada keterlihatan Malaysia.

MGTA turut giat menjalankan kempen *Play Malaysia Golf* dengan mempromosikan banyak destinasi golf di Malaysia selain kepelbagaian pakej yang ditawarkan oleh pengendali jelajah golf Malaysia. Di samping itu, Malaysia menganjurkan CIMB Classic dan Sime Darby LPGA, yang membantu meningkatkan keterlihatan kepada khalayak golf antarabangsa yang lebih besar.

INTIPATI UTAMA

Langkah seterusnya, cabaran Malaysia bukan hanya untuk mengekalkan daya saing sebagai destinasi golf, bahkan meningkatkan taraf untuk menambah baik kedudukannya. MGTA dengan kerjasama Pelancongan Malaysia akan terus membangunkan strategi yang memanfaatkan pengiktirafan antarabangsa terbaharu Malaysia untuk memacu pelancongan golf Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.



Malaysia meraih kemenangan di acara tahunan *World Golf Awards* yang pertama kali diadakan

MEMARTABATKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN PERNIAGAAN

YANG UTAMA



Kongres Persekutuan Juruukur Antarabangsa (FIG) 2014 diadakan di Kuala Lumpur dari 16 ke 21 Jun 2014

Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) telah ditubuhkan untuk memperluas segmen Acara Perniagaan (*Business Events*) (pelancongan yang berkaitan dengan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) dan untuk menempatkan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang terkemuka dalam sektor yang menjana pulangan tinggi dan kian berkembang ini.

Pada tahun 2014, inisiatif MyCEB bersama-sama dengan rakan industri telah menjana sejumlah 362,280 hari perwakilan, melepasi KPI sasaran iaitu 230,000 hari perwakilan (*delegate days*). Angka ini dicapai dengan penganjuran beberapa konvensyen besar, kumpulan

insentif dan pameran berjumlah 152 acara yang telah diperolehi atau disokong sepanjang tahun 2014.

Antara acara penting pada tahun 2014 yang disokong oleh MyCEB termasuklah Kongres Persekutuan Juruukur Antarabangsa ke-25 2014 (*25th International Federation of Surveyors (FIG) Congress 2014*) yang telah dihadiri oleh 2,500 perwakilan dari 99 buah negara dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia; *Perfect China Annual Conference 2015* yang dihadiri oleh 3,500 perwakilan dari China pasca-MH370; dan *Toastmaster World Convention 2014* - yang diadakan buat kali pertama di luar Amerika

Utara – yang mencatat kehadiran lebih 2,700 perwakilan dari lebih 100 buah negara.

Sementara itu, bida terbesar yang dimenangi pada tahun 2014 merangkumi Kongres Dunia Persekutuan Hemofilia Dunia (*World Federation of Hemophilia, WFH*) untuk tahun 2020, dengan jangkaan 3,400 perwakilan, Forum Bandar Dunia ke-9 2018 (*World Urban Forum 2018, WUF9*) dengan jangkaan 10,000 perwakilan dan *Cityscape Malaysia 2015*, yang bakal menjadi acara harta tanah antarabangsa terbesar yang diadakan di Malaysia, dengan unjuran bilangan perwakilan luar negara seramai 5,000 orang.

Di samping acara yang disokong dan telah diperoleh ini, MyCEB telah melaksanakan banyak usaha dalam pelibatan industri, khususnya memfokuskan pemupukan dan pembangunan persatuan-persatuan setempat, iaitu prasyarat penting untuk meningkatkan kesediaan Malaysia untuk menarik dan menganjurkan persidangan dan konvensyen antarabangsa.

Inisiatif ini termasuklah pelancaran Minggu Acara Perniagaan Malaysia

(*Malaysia Business Events Week*) yang pertama pada bulan Ogos 2014, iaitu forum industri yang menyaksikan 12 penceramah antarabangsa dan 21 penceramah industri tempatan berkongsi wawasan dan kepakaran mereka dengan 300 perwakilan daripada pelbagai sektor di Malaysia; untuk membantu merangsang pembangunan industri BE tempatan.

INTIPATI UTAMA

Memandangkan sektor acara perniagaan kini semakin kompetitif pada peringkat

global, MyCEB perlu memperhebat usaha untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi acara perniagaan yang terkemuka di rantau Asia. Rancangan yang bakal dilaksanakan termasuklah program Pembangunan Profesional Acara Perniagaan selain langkah-langkah aktif untuk melengkapi persatuan kebangsaan dengan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan profil mereka pada tahap global untuk membida dan menganjurkan acara perniagaan antarabangsa dengan jayanya.

EPP
11

MENINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN DENGAN PASARAN JARAK SEDERHANA KEUTAMAAN

Trajektori pertumbuhan sektor penerbangan berada pada trend menaik pada tahun 2014, khususnya bagi enam negara jarak sederhana sasaran, iaitu Australia, China, India, Korea, Jepun dan Taiwan. Jumlah kapasiti kesalinghubungan ke negara-negara ini yang disediakan oleh syarikat penerbangan Malaysia (Air Asia, Air Asia X, Malindo dan Malaysia Airlines) mencatat peningkatan sebanyak 19,223 tempat duduk mingguan, kepada sejumlah 129,015 tempat duduk bagi tahun 2014. Sumbangan terbesar datangnya daripada pertumbuhan yang ketara bagi Australia, India, Korea dan Jepun.

Trend pertumbuhan keseluruhan kekal memberangsangkan, dengan peningkatan kumulatif 52,791 tempat duduk ke negara-negara sasaran sejak tahun 2011. Angka ini melepasi unjuran asal yang meramalkan peningkatan kumulatif sebanyak 48,960 tempat duduk bagi tempoh tersebut. Pemudahan berterusan oleh Kementerian Pengangkutan untuk rancangan pengembangan

syarikat penerbangan Malaysia telah memainkan peranan sokongan yang besar dalam berdepan cabaran berikutan penurunan kesalinghubungan ke China pada tahun 2014 ini.

Usaha Pelancongan Malaysia pada tahun 2014 termasuklah memudahkan penerbangan carter ke China, Korea Selatan, Jepun, Taiwan, Kazakhstan dan Finland. Promosi bersama turut diadakan dengan beberapa ejen pelancongan di China, Timur Tengah, India, Australia dan beberapa negara Eropah.

Inisiatif ini telah membuahkan hasil. Contohnya, promosi pada tahun 2014 di UK menyaksikan lebih 10,000 pakej terjual. Pelbagai kempen taktikal yang dilaksanakan oleh Pelancongan Malaysia ke negara sasaran turut menghasilkan peningkatan 40 peratus dalam penerbangan carter berbanding dengan tahun 2013; dan lebih 240,000 pakej dijual di seluruh dunia, khususnya di negara jarak sederhana sasaran, Timur Tengah dan Eropah.

INTIPATI UTAMA

Prospek untuk kesalinghubungan pada tahun 2015 kekal optimis dengan syarikat penerbangan Malaysia kini menilai respons optimum mereka terhadap prospek pasaran ke arah pemulihan. Sementara itu, MoT akan terus memudahkan permintaan untuk mendapatkan pengembangan ke negara sasaran.

Pelancongan Malaysia akan memainkan peranannya, dengan terus mengadaptasi kepada industri pelancong global yang pesat berubah dengan kempen yang menyasarkan pemulihan pasaran China selain penerokaan dan pembangunan pasaran baharu. Rancangan bagi tahun 2015 termasuklah inisiatif digital yang bertujuan memberikan nafas baharu kepada platform Pelancongan Malaysia yang sedia ada, menyesuaikan dengan jangkaan yang kian berubah dalam pasaran pengembara dan pelancong yang semakin arif.

MENAMBAH BAIK KADAR, JENIS DAN KUALITI HOTEL

Antara strategi NKEA Pelancongan untuk menarik pelancong yang menjana pulangan yang tinggi termasuklah menggalakkan pembangunan jenis dan kualiti hotel yang optimum, selain penyampaian perkhidmatan bertaraf tinggi.

Sebanyak 4,039 hotel baharu bertaraf empat dan lima bintang telah siap dibina pada tahun 2014 dengan agihan yang sekata di seluruh negara di bandar-bandar utama iaitu Alor Setar, Ulu Kinta, Kuching, Johor Bahru, Pulau Pinang,

Pulau Carey, Melaka dan Miri. Projek penting yang disiapkan termasuklah Double Tree by Hilton Hotels bertaraf 5 bintang yang mempunyai 335 bilik di Johor Bahru, Best Western Premier bertaraf lima bintang dengan 497 bilik di Ulu Kinta, Perak dan Boulevard Imperial Hotel bertaraf empat bintang dengan 325 bilik di Kuching.

Sejumlah 11,277 bilik disiapkan antara tahun 2011-2013, dan jumlah semasa ialah 15,316 bilik empat dan lima bintang bagi tahun 2014. Didorong oleh

usaha Kerajaan untuk melanjutkan Elaun Cukai Pelaburan sedia ada sehingga akhir tahun 2016, trajektori pertumbuhan kekal mengikut jadual untuk mencapai sasaran 37,000 bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang menjelang tahun 2020.

INTIPATI UTAMA

MoTAC akan terus membantu dan menggalakkan pembangunan hotel sejajar dengan keperluan yang diunjurkan di Malaysia.



Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Dr Ong Hong Peng di majlis perasmian Hotel Vivatel Kuala Lumpur

PELUANG PERNIAGAAN

1

Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman

Peluang dalam pasaran makanan dan minuman tersedia dalam kebanyakan EPP Pelancongan. Sumbangan kepada PNK dijangka berkembang seiring dengan peningkatan dalam ketibaan pelancong dan peralihan kepada pelancong yang menjana pulangan tinggi.

2

Pengangkutan Setempat

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan terus menangani isu dan menyediakan peluang untuk memudahkan penambahbaikan terhadap industri teksi di Malaysia.

3

Segmen Pengendali Lawatan

Pada tahun 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mencatat peningkatan sebanyak 10.2 peratus dalam bilangan pemandu pelancong (pemandu pelancong bandar dan alam semula jadi) kepada 12,144. Bilangan pemandu pelancong bandar meningkat daripada 8,455 kepada 9,228 sementara pemandu pelancong alam semula jadi meningkat daripada 2,563 kepada 2,916. Bilangan pengendali lawatan di dalam negara juga telah meningkat. Berdasarkan lesen perniagaan yang diluluskan untuk Pengendali Pelancongan dan Agensi Pengembaraan, sejumlah 4,984 lesen dikeluarkan pada tahun 2014 berbanding dengan 4,563 lesen pada tahun 2013.

Pengendali lawatan perlu menghadiri dan menyempurnakan Kursus Pengurusan Pengembaraan & Lawatan (*Travel &*

Tour Management Course, TTMC) bagi lesen baharu dan Kursus Peningkatan Pengembaraan & Lawatan (*Travel & Tour Enhancement Course, TTEC*) sebelum mereka membaharui lesen operasi masing-masing. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan mencadangkan agar kursus ini diadakan dengan lebih kerap untuk memudahkan pengendali lawatan yang semakin meningkat bilangannya.

Ringkasan NKEA Pelancongan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK tambahan	RM66.7 bilion
Pekerjaan Tambahan	497,000

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Penyiapan Pusat Ruang Perniagaan kedua, *Mitsui Outlet Park* KLIA
- Pembinaan Pusat Penerokaan Hutan Hujan
- Penyiapan Malaysia Eye; fasa pertama *Melaka Gateway*
- Pemudahan di seluruh negara bagi ketibaan kapal pelayaran persiaran antarabangsa ke Malaysia
- Peningkatan truput juruterapi terlatih dari Pusat Kecemerlangan
- Kempen promosi bersepadu ke negara jarak sederhana sasaran
- Pembinaan lebih banyak hotel bertaraf empat dan lima bintang

MENGUBAH KEHIDUPAN



Hole-In-One Industri Golf Malaysia

Ng Eu Shen
President, MGTA

“Malaysia sudah lama dianggap sebagai syurga permainan golf di Asia, dan kami di Persatuan Pelancongan Golf Malaysia (MGTA) berasa bangga dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan pembangunan industri golf di sini dan mempromosikan negara sebagai destinasi golf yang terkemuka, sekali gus memberikan sumbangan kepada usaha di bawah NKEA Pelancongan.

Di bawah ETP, MGTA telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan usaha yang dibuat oleh pihak berkepentingan berkaitan yang terdiri daripada pemilik padang golf, resort golf dan media golf, antara lainnya untuk mempromosikan dan menempatkan Malaysia sebagai destinasi golf yang mempunyai kepelbagaian kepada pelancong golf antarabangsa.

Kami sedar sejak dari awal lagi bahawa usaha bersepadu diperlukan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi golf dan pada masa yang sama, menjana persekitaran yang mengujakan tentang pengalaman bermain golf di Malaysia. Secara realistik, tidak ada mana-mana kelab golf secara bersendirian dapat mencetuskan kempen pemasaran yang sedemikian meluas.

Selain mempromosikan dan memasarkan pelancongan golf kepada pelancong global, tanggungjawab MGTA juga merangkumi pengauditan ahli kelab golf dan padang golf untuk menentukan sama ada mereka bersedia untuk eksport, ataupun dianggap sebagai mempunyai kemudahan yang mencukupi dan akses bagi pelancong golf antarabangsa.

Sesungguhnya kita berasa amat gembira apabila usaha kita menerima pengiktirafan daripada World Golf Awards 2014, yang menamai Malaysia sebagai Destinasi Golf Terbaik Asia. Anugerah ini akan memberikan peluang yang lebih banyak bagi pelancongan golf di Malaysia. Kami yakin bahawa segmen ini mempunyai potensi untuk menjadi penjana pendapatan utama bagi industri pelancongan.

Pada tahun 2014, perolehan pelancongan daripada aktiviti golf secara langsung mencecah RM310 juta, meningkat daripada sekadar RM300 juta pada tahun 2013. Jumlah dan angka yang dikemukakan oleh Pelancongan Malaysia adalah menggalakkan memandangkan bahagian pelancongan golf telah meningkat dalam tempoh empat tahun yang lepas. Sekiranya kita mengambil kira perkhidmatan kecil-kecilan, saya yakin bahawa peranan sektor golf sebagai penjana pendapatan utama bagi pelancongan Malaysia adalah sangat berkesan.

Penghargaan daripada World Golf Awards juga hadir pada ketika prospek yang semakin bertambah baik bagi golf di rantau Asia dengan penambahan tiga acara kejohanan yang dijadualkan bagi tahun 2015 di Asia - Malaysia, Thailand dan India oleh European Tour Malaysia, dengan lebih 200 padang golfinya yang terdiri daripada padang golf ladang besar kepada laluan layar di pusat utama hutan hujan, dan padang golf bersaiz kejohanan, hanya akan meraih lebih banyak manfaat daripada perkembangan ini. Kita telahpun menempatkan kedudukan kita sebagai tuan rumah yang luar biasa menerusi acara golf utama yang diadakan setiap tahun di dalam negara, iaitu Maybank Malaysia Open, CIMB Classic, Sime Darby LPGA dan Iskandar Johor Open.

Kita tidak mungkin berada pada kedudukan yang kita raih pada hari ini tanpa bimbingan daripada Pelancongan Malaysia dan juga sokongan daripada industri tempatan. Langkah seterusnya, kami akan bekerjasama erat dengan Pelancongan Malaysia untuk mengelompokkan pakej lawatan golf sekitar acara golf dan festival utama bagi tahun yang akan datang.”



ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK



Industri E&E kekal menjadi pemacu utama dalam perkembangan ekonomi Malaysia, dengan sumbangan signifikan kepada jumlah pengeluaran industri pembuatan negara, peluang pekerjaan, pelaburan dan eksport





Dato' Sri Mustapa Mohamed

Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan
Industri

S&J

BAGAIMANA PANDANGAN YB DATO' SRI TENTANG PRESTASI KEMAJUAN NKEA ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK SEMENJAK ETP DILANCARKAN?

Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) kekal menjadi pemacu utama dalam perkembangan ekonomi Malaysia, dengan sumbangan signifikan kepada jumlah pengeluaran industri pembuatan negara, peluang pekerjaan, pelaburan dan eksport. Kehadiran syarikat perkhidmatan pengeluaran yang utama menyediakan banyak peluang kepada firma tempatan untuk membentuk perkongsian, lantas membolehkan firma Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) tempatan untuk mengembang dan memajukan kebolehan serta perkhidmatan dari tahap reka bentuk lengkap-hingga-pembuatan.

Namun, ini tidaklah bermakna tiada halangan dan cabaran yang harus ditangani. Kemunculan beberapa kuasa mega akibat liberalisasi dan globalisasi, telah melahirkan pasaran global yang sangat kompetitif. Untuk Malaysia mampu bersaing dalam persekitaran ekonomi sebegini, Kerajaan haruslah, menerusi NKEA, memberi sokongan kuat kepada usaha syarikat tempatan untuk berkembang menjadi syarikat besar yang mampu melibatkan diri dalam kegiatan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan bernilai tinggi. Memang kita patut berasa bangga kerana pelabur asing memilih Malaysia sebagai lokasi ideal bagi menjalankan kegiatan ekonomi bernilai tinggi. Pelaburan dalam sektor ekonomi ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

BAGAIMANAKAH KEMAJUAN INDUSTRI E&E PADA TAHUN LALU?

Pengembangan kukuh dalam industri hiliran sepanjang tahun lalu telah membolehkan sektor E&E ini berterusan maju untuk mencapai sasaran PNK (GNI) menjelang tahun 2020. Pada tahun 2014, nilai sektor E&E berjumlah RM44.1 bilion daripada PNK berbanding dengan RM38.7 bilion dalam tahun 2013. Trend pencapaian ini menggambarkan usaha padu dan menyeluruh industri E&E untuk terus maju serta bergerak daripada kegiatan bernilai rendah kepada aktiviti bernilai tinggi, seterusnya kekal mampu bersaing dalam ekonomi global. Peningkatan aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan kemasukan pelaburan asing membolehkan sektor E&E menyumbang bahagian yang besar kepada pertumbuhan PNK negara, sebanyak 14 peratus, pada tahun 2014.

Sektor E&E juga berjaya mencapai satu kejayaan besar pada tahun lalu, apabila Malaysia muncul sebagai hab ujian dan pengukuran di rantau ini, berikutan penubuhan beberapa fasiliti perkhidmatan ujian dan pengukuran baharu diterajui oleh syarikat-syarikat multinasional yang besar. Ini dijangka akan meningkatkan jumlah industri sokongan seperti logistik, pembuatan secara kontrak dan reka bentuk industri.

SETERUSNYA, APAKAH JENIS PELUANG YANG ADA BAGI INDUSTRI E&E UNTUK TERUS BERKEMBANG?

Kebolehsaingan dengan kepesatan evolusi teknologi adalah faktor penting yang akan membolehkan sektor E&E bersaing terutamanya dalam pasaran serantau. Tambahan pula, permintaan global terhadap pengeluaran E&E melalui *Internet of Things* dan nanoteknologi akan mengubah industri menjadi penjana perubahan di samping memungkinkan pertumbuhan dalam sektor-sektor yang lain. Terdapat banyak peluang yang disediakan bagi sektor-sektor lain untuk mengamalkan teknologi canggih berikutan peningkatan teknologi dalam E&E yang seterusnya akan mendorong produktiviti. Trend global ini bakal mencipta peluang pertumbuhan baharu dalam kegiatan segmen hulu dan hiliran industri E&E. Inilah cara dan jalan bagi firma tempatan untuk terus maju ke hadapan.



**Datuk Dr Ewon Ebin**Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi

BAGAIMANAKAH KEMAJUAN NKEA ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK (E&E) SEJAK PELANCARAN ETP?

NKEA E&E telah memasuki fasa kedua implementasi dengan penuh vitaliti, dengan jumlah eksport kasar produk pengeluaran elektronik yang menandakan kedudukan Malaysia yang lebih kukuh di pasaran serantau dan antarabangsa. Setakat ini, nilai eksport industri E&E dan semikonduktor berada dalam lebihan RM250 bilion. Pada tahun 2014, PNK bagi sektor E&E berjumlah RM44.1 bilion. Perkembangan ini mencerminkan keputusan positif ETP yang kini mencapai tahap yang lebih matang.

MIMOS Bhd yang merupakan agensi utama MOSTI dalam E&E telah mula mempergiat ekosistem dengan kemahiran teknologi, manakala penubuhan Advanced Shared Facilities serta fasiliti lain yang disediakan oleh SIRIM Berhad dan National Instruments telah menjadi penjana perubahan dalam memudahkan kegiatan bernilai tambah yang lebih tinggi oleh firma Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam industri E&E. Bukan sahaja fasiliti ini menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan industri seperti penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan malahan ia juga membantu meningkatkan kemahiran tenaga kerja semasa bagi E&E di samping membantu mencungkil bakat baharu melalui pembelajaran berdasarkan kemahiran untuk penuntut universiti dan graduan baharu.

APAKAH PENGAJARAN YANG DIPEROLEH DARIPADA PELAKSANAAN NKEA E&E INI?

Sinergi yang mantap dalam kalangan agensi-agensi kerajaan di bawah MOSTI, MITI, EPU dan PEMANDU dalam berganding bahu mencapai dan menepati hasil projek telah membantu mempercepatkan proses dokumentasi selepas projek diluluskan oleh Jawatan Kuasa Pemandu. Saya menyifatkan kejayaan kita ini adalah hasil daripada daya usaha pasukan NKEA, yang mengawasi dan menguruskan setiap tahap projek dengan teliti untuk memastikan agar kesemua kegiatan berjalan mengikut jadual. Bagi projek yang diuruskan oleh MIMOS, kami menerima sokongan padu daripada PEMANDU dan MITI semasa penyampaian dan justifikasi EPU.

Kami juga telah mempertingkatkan model operasi bagi *Advanced Shared Facilities* untuk memenuhi keperluan firma PKS, di samping itu kami juga melihat minat yang tidak dijangka oleh institusi pengajian tinggi untuk mengguna kemudahan bagi penuntut, pensyarah dan penyelidik, yang bakal membentuk bakat modal insan masa depan bagi industri E&E. Akhir sekali, kami juga menyedari tentang keperluan untuk mengenal pasti dan menjalankan program pemboleh berdasarkan situasi global yang kian berubah. Pada masa yang sama, kami juga perlu berani meramalkan keperluan program pemboleh masa depan untuk menyokong perkembangan ekonomi jangka masa panjang.

SAMBIL ETP INI MENGORAK LANGKAH KE TAHAP TERAKHIR MENUJU TAHUN 2020, APAKAH BIDANG-BIDANG NKEA E&E YANG AKAN DIBERIKAN TUMPUAN OLEH MOSTI?

MOSTI akan meneruskan usaha untuk mendorong transformasi sektor E&E. Penubuhan Advanced Shared Facilities akan terus menyediakan sumber yang berkesan kos dan menyeluruh kepada industri dan badan-badan akademik, menambah dan menginovasikan nilai kepada industri sementara mencipta ekosistem yang bertenaga dan berdaya tahan dalam negara. Melalui beberapa program pemboleh dan pemangkin, MOSTI bersama agensi-agensinya akan terus memainkan peranan utama dalam pemajuan industri E&E di Malaysia di samping menyokong pencapaian sasaran PNK sebanyak RM90 bilion menjelang tahun 2020.

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Malaysia kekal menjadi salah sebuah negara utama pengeluar produk Elektrikal dan Elektronik (E&E) di rantau ASEAN, dengan pembuatannya diterajui oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC). Pelabur asing berterusan memilih Malaysia sebagai destinasi ideal untuk membuat pelaburan dalam aktiviti pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi disebabkan oleh asas yang kukuh dan kepelbagaian merentasi banyak industri.

Kemampuan negara untuk terus bersaing dalam industri E&E terbukti dengan pengaliran masuk pelaburan asing yang berterusan dan semakin meningkat sepanjang tahun 2014. Walaupun ekonomi global mengalami banyak ketidakpastian, pelaburan yang berterusan daripada pelabur asing ternyata amat menggalakkan serta patut dibanggai.


Pada tahun 2014, buat pertama kali, Malaysia berjaya menduduki tangga ke-20 dalam kalangan 144 buah negara dalam Indeks GCI Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum's Global Competitive*

Index, GCI), semenjak metodologi ini diperkenalkan pada tahun 2006. Secara keseluruhan, Malaysia mendahului negara China, Republik Korea dan negara-negara Asia yang sedang berkembang maju, tetapi berada di belakang negara Singapura dan Taiwan. Laporan tersebut juga meletakkan Malaysia di tangga ke-4 dalam perkembangan pasaran kewangan, lantas memudahkan syarikat-syarikat E&E mencari dan memperoleh modal. Malaysia juga berada di tangga ke-10 dari segi insentif untuk melabur dan tangga ke-10 dari segi prosedur serta syarat dan peraturan untuk dipatuhi sebelum memulakan perniagaan bagi syarikat-syarikat E&E.

No.	Faktor-faktor daya saing yg memacu industri E&E	Kedudukan di Dunia				
		Singapura	Taiwan	Malaysia	Republik Korea	China
1	Infrastruktur	2	11	25	14	46
2	Keberkesanan pasaran buruh	2	32	19	86	37
3	Insentif untuk menggalak pelaburan	4	33	10	106	44
4	Kadar cukai rendah	27	58	65	30	13
5	Bilangan prosedur bagi memulakan bisnes	10	10	10	32	13
6	Perkembangan pasaran kewangan	2	18	4	80	54
	Kedudukan keseluruhan	2	14	20	26	28

Sumber: *The Global Competitiveness Report 2014-2015*, World Economic Forum

Kedudukan Negara berdasarkan Mudah Menjalankan Perniagaan 2014



Sumber: Menjalankan Perniagaan 2015, Edisi ke-12, Kumpulan Bank Dunia

Rajah 7.1

Tambahan lagi, Indeks Mudah Menjalankan Perniagaan 2014, Bank Dunia meletakkan Malaysia di tangga ke-18, berdasarkan persekitaran kawalan dan peraturan yang lebih memudahkan syarikat dan perniagaan dalam sektor E&E beroperasi, berbanding dengan keadaan persekitaran yang lebih ketat di negara China dan Taiwan.

Namun, Malaysia menghadapi persaingan daripada negara jiran serantau seperti

Singapura dan Negara Thai yang mana selama 30 tahun negara bersiang hebat dengan kedua-dua negara jiran tersebut bagi menarik kemasukan pelaburan asing. Pengaliran masuk pelaburan asing amat penting bagi membolehkan Malaysia bersaing dengan negara-negara serantau dalam industri E&E kerana syarikat-syarikat multinasional mendominasi bidang pembuatan dan pengeluaran beraneka jenis komponen elektrik dan elektronik.

Trend industri memperlihatkan syarikat multinasional berterusan mengembangkan operasi secara mendatar dan meluaskan integrasi menegak operasi masing-masing dengan cara memasukkan aktiviti bernilai tinggi, khususnya dalam sektor penyelidikan maju dan kerja-kerja pengembangan dan reka bentuk. Aktiviti sedemikian mencipta peluang bagi bakat-bakat tempatan untuk melibatkan diri dalam usaha reka bentuk serta mengembangkan produk baharu dan mencipta teknologi maju yang terkini dan bernilai tinggi. Di samping memberi manfaat positif kepada ekonomi Malaysia, dalam bentuk peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, perkembangan ke arah aktiviti bernilai tinggi ini juga meningkatkan penggunaan kemudahan prasarana tempatan, perkhidmatan kewangan, teknologi maklumat dan perkhidmatan kemudahan asas serta perkhidmatan logistik.

Demi memacukan lagi pertumbuhan industri E&E dalam ekonomi Malaysia, khususnya mendorong pelibatan sektor swasta dan perkembangan syarikat-syarikat kecil, EPP 1 – 4 di bawah NKEA E&E, telah diletakkan di bawah satu kluster semikonduktor, dengan MIDA

Unjuran Tahun 2015

Industri E&E dijangka akan terus berkembang pada tahun 2015. Perkembangan berterusan akan dirangsang oleh pelbagai kegiatan dalam pengeluaran produk pintar dan pertambahan pelaburan yang semakin meningkat dalam industri E&E. Tambahan pula, para pelabur dijangka akan menyelaraskan pengeluaran produk dan perkhidmatan dengan trend perkembangan ekonomi global.

Antara trend tersebut termasuklah kemunculan IoT (*Internet of Things*) dan nanoteknologi, yang akan mencipta peluang-peluang baharu bagi pertumbuhan segmen aktiviti peringkat hulu dalam industri E&E, seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta juga segmen aktiviti peringkat hiliran, seperti pemasaran, pengedaran dan penjualan. Justeru, syarikat dalam industri E&E di Malaysia mesti sentiasa mengikuti

dan mengetahui perkembangan teknologi terkini agar kekal dapat bersaing dalam pasaran ekonomi global.

Bagi nanoteknologi, Nano Malaysia Berhad, sebagai agensi utama untuk EPP 20, akan berterusan memudahkan projek-projek nano dilaksanakan dengan cara membantu syarikat-syarikat swasta mereka bentuk prototaip bagi mendapat kelulusan konsep. Tindakan ini adalah persediaan yang dibuat bagi membolehkan negara bergerak ke peringkat selanjutnya dalam perkembangan nanoteknologi di Malaysia, yang memfokus kepada mengkomersialkan nanoteknologi dan menggalakkan pengeluaran berskala besar.

Di bawah NKEA ini, usaha-usaha dalam teknologi IoT dibuat menerusi EPP 12, 13 dan 17. Tahun ini menjangkakan syarikat-syarikat EPP memperluas aktiviti dalam IoT, seperti membuat peralatan

lebih bersaling hubung sejajar dengan objektif nanoteknologi.

Walau bagaimanapun, industri panel solar mungkin menghadapi cabaran kerana kemungkinan negara Amerika berancang melakukan siasatan memintas terhadap produk solar buatan Malaysia, jika didapati komponen dalam produk solar keluaran negara ini mengguna komponen-komponen dari negara China dan Taiwan. Tindakan ini adalah ekoran keputusan muktamad Bahagian Perdagangan Amerika terhadap duti anti-buangan yang dikenakan ke atas negara China dan Taiwan pada bulan Disember 2014. Hal ini boleh memberi kesan mudarat kepada pertumbuhan industri panel solar Malaysia jika duti yang sama dikenakan ke atas produk solar dari Malaysia.

dan MIMOS Berhad berganding bahu untuk mengembang suatu program yang memfokus kepada memajukan lagi industri semikonduktor, dan memastikan pelbagai penyelesaian relevan dari mula-hingga-akhir disediakan di Malaysia.

Pertumbuhan berterusan industri E&E di Malaysia bergantung kepada pelibatan yang lebih besar daripada sektor swasta yang terlibat dalam aktiviti peringkat hulu. Pelibatan berkenaan amat penting dalam meningkatkan nilai tambah industri E&E di Malaysia selaras dengan usaha transformasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Inisiatif-inisiatif lain yang penting dan diperlukan ialah pembangunan perkongsian di antara syarikat multinasional dan vendor tempatan serta galakan bagi pertumbuhan firma-firma reka bentuk litar bersepadu (IC).

Analisis KPI Tahun 2014

Tahun 2014 memperlihatkan perkembangan hebat dalam industri peringkat hiliran yang telah membantu kemajuan industri E&E dalam usahanya mencapai sasaran PNK menjelang tahun 2020 kelak. Nilai PNK bagi industri E&E bernilai sekitar RM44.1 bilion bagi tahun 2014 berbanding dengan RM38.7 juta bagi tahun 2014, dan nilai PNK memperlihatkan peningkatan rancak pada kadar 14 peratus.

Prestasi ini amat menggalakkan kerana PNK bagi 12 NKEA secara keseluruhan telah berkembang pada kadar 7.8 peratus manakala PNK negara pula berkembang pada kadar 8.4 peratus. Pertumbuhan yang menggalakkan juga diperlihatkan dari segi perkembangan pekerjaan berpendapatan tinggi dalam industri E&E, iaitu tumbuh pada kadar 17 peratus bagi tempoh bulan-bulan Januari-Julai 2014, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013. Pertumbuhan dalam pekerjaan berpendapatan tinggi industri E&E dari tahun 2012 hingga tahun 2013 adalah sebanyak 19 peratus.

Pada tahun ini, pelaburan yang diluluskan berjumlah RM8.9 bilion berbanding sasaran sebanyak RM5.1 bilion, manakala pelaburan kumulatif yang diluluskan bagi tempoh tahun-tahun 2012-2014 sebanyak RM38.26 bilion dijangka akan mula menunjukkan hasil mulai tahun 2015. Beberapa kemudahan baharu yang disediakan seperti perkhidmatan reka bentuk industri, pengujian dan pengukuran serta pengujian semikonduktor, juga akan mengurangkan halangan dan memberi sokongan kepada kemasukan pelaburan baharu.

Sejumlah 18 projek berimpak tinggi dikenal pasti untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dengan 11 buah projek telah diluluskan.


Pelaksanaan MEPS (Piawai Prestasi Penggunaan Minimum Tenaga) yang dilaksanakan pada bulan Jun 2014 akan meningkatkan permintaan bagi LED, yang dapat menggantikan penggunaan lampu pijar dan mentol LED bermutu

rendah, seterusnya mengurangkan dan menghentikan pengeluaran lampu-lampu ini di seluruh negara. Ini dijangka akan mendorong pertumbuhan yang seterusnya dalam industri E&E.

Seterusnya, NKEA berjaya mencapai prestasi yang melebihi sasaran KPI dengan kadar 104 peratus untuk tahun 2014. Sasaran EPP 11 menjelang tahun 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab pengujian dan pengukuran juga tercapai pada tahun ini, enam tahun lebih awal daripada tarikh dijangka siap. Kejayaan ini adalah kerana terdapat bilangan dan pelbagai fasiliti ujian dan pengukuran yang disediakan untuk industri E&E.

Sokongan daripada agensi-agensi berkaitan kerajaan adalah penting dalam menentukan pencapaian sasaran KPI NKEA bagi tahun ini. Ini adalah termasuk Institut Automotif Malaysia (*Malaysian Automotive Institute*, MAI), Perbadanan Perkembangan Multimedia (*Multimedia Development Corp*, MDeC), NanoMalaysia Berhad (NMB), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (*Land Public Transport Commission*, SPAD), dan Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (*Malaysia Green Tech Corp*, MGTC). Aktiviti peringkat hiliran yang diusahakan masing-masing telah membantu merangsangkan permintaan bagi aktiviti peringkat hulu. MIDA (*Malaysian Investment Development Authority*) juga memainkan peranan yang penting dalam merangsang pertumbuhan dengan menarik kemasukan pelaburan dalam sektor R&D bernilai tinggi.

Pertumbuhan PNK Tahun 2013 dan 2014



Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah syarikat E&E yang menggunakan Makmal Pengujian Wafer	5	9	180	●	100	●	1.0	●
	Penggunaan Makmal Pengujian Wafer	60	66	110	●	100	●	1.0	●
	Penubuhan Makmal Analisis Kegagalan Tahap 3	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Penyiapan pembinaan Loji Rawatan Air	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
EPP #3	Penyiapan sampel kejuruteraan bagi <i>Green Motion Controller</i>	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Syarikat Pencahayaan Keadaan Pepejal (SSL) yang menembusi pasaran global:	100%	118%	118	●	100	●	1.0	●
	(i) Jumlah jualan tahunan daripada Program <i>Green</i> /SSL syarikat tempatan LED (RM juta)	(i) 80	(i) 84.2						
	(ii) Bilangan produk LED baharu oleh Program <i>Green</i> /SSL untuk diperakui secara antarabangsa	(ii) 20	(ii) 26						
EPP #11	Meningkatkan eko-sistem tempatan T&M: Pengenalan produk baharu	20	20	100	●	100	●	1.0	●
	Pelaksanaan program <i>Agilent Life Science</i> dengan 1 rakan reka bentuk tempatan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #13	Jumlah projek automasi yang baharu oleh PKS dalam reka bentuk sistem, prototaip, bukti konsep dan penempahan khusus sistem di NI-AIN	25	20	80	●	80	●	0.5	●
	Penyiapan projek AMD dengan perlantikan 3 syarikat automasi M&E.	100%	99%	99	●	99	●	0.5	●
EPP #17	Jumlah projek sistem tertanam baharu yang diluluskan di bawah hala tuju Digital Malaysia.	4	4	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah projek sistem tertanam baharu yang dikenal pasti dan diterima di bawah hala tuju Digital Malaysia.	2	2	100	●	100	●	1.0	●
EPP #18	Jumlah syarikat yang diluluskan untuk mengeluarkan bateri bagi kenderaan elektrik	100%	150%	150	●	100	●	1.0	●
	(i) Peratusan pembinaan loji bateri Li-on (MAI)	(i) 50%	(i) 100%						
	(ii) Kelulusan lesen untuk pengeluaran bas EV (MAI)	(ii) 1	(ii) 1						

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #20	Pembangunan dan pengeluaran teknologi pengurusan termal bagi aplikasi LED	100%	75%	75	●	75	●	0.5	●
EPP #1 – 20	Penggunaan Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian (EIDC): Membekalkan perkhidmatan prototaip pantas	100	121	121	●	100	●	1.0	●
	Menghasilkan produk Eko-Perindustrian:	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	(i) Projek reka bentuk eko-perindustrian menggunakan EIDC	(i) 3	(i) 3						
	(ii) Program bersama dengan universiti	(ii) 2	(ii) 2						
	Realisasi pelaburan yang diluluskan sejak tahun 2011	60%	60%	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk E&E (RM bil)	5.1	8.9	175	●	100	●	1.0	●
	Projek NKEA E&E bermutu tinggi yang diluluskan	18	11	61	●	61	●	0.5	●
	Penggunaan QAV Penang: Empat kali ganda bilangan model yang diuji mengikut standard antarabangsa	48	48	100	●	100	●	1.0	●
	Penubuhan fasiliti dan akreditasi makmal pengujian QAV LED & Fasiliti Pengujian Automotif di Subang, Selangor.	100%	33%	33	●	33	●	0	●
				104%		92%		83%	

Rajah 7.3

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

PELAKSANAAN STRATEGI PENGGUNA BESTARI

UNTUK FABRIKASI TEKNOLOGI MATANG

Penggunaan makmal pengujian wafer di MIMOS Berhad telah mencapai 66 peratus sepanjang tahun 2014, melebihi sasaran purata sebanyak 60 peratus bagi industri E&E. MIMOS juga telah membuka Makmal Analisis Kegagalan (FA) Tahap 3 yang baharu pada tahun 2014, bertujuan untuk membolehkan analisis pada peringkat bahan, dan ini melengkapkan rangkaian penuh perkhidmatan analisis kegagalan yang disediakan.

Sebanyak lima daripada enam projek yang diberikan kepada MIMOS kini sudah siap terlaksana, iaitu Menaik taraf Kualiti Kuasa Fabrikasi Wafer Tahap 2 dan pembukaan empat makmal serba lengkap dan canggih di MIMOS. Fasiliti yang disediakan oleh MIMOS bertujuan memainkan peranan sebagai pemboleh (*enablers*) kepada

industri semikonduktor. Pada tahun 2014, sembilan buah syarikat telah menggunakan kemudahan pengujian wafer yang disediakan oleh MIMOS.

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) juga membantu dalam kemajuan pembinaan fasiliti proses merawat bahan sisa di Kulim Hi-Tech Park, yang kini sudah siap 90 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2015.

Selepas perbincangan bertahun-tahun tentang pelepasan saham kepada pihak asing, hala tuju yang baharu bagi SilTerra ialah untuk beroperasi sebagai sebuah syarikat milikan majoriti Malaysia. Ia akan membolehkan pihak pengurusan menjalankan usaha sama strategik jangka panjang dengan pemain industri

untuk mengukuhkan pegangan SilTerra di ruang *More than Moore* dalam bidang fabrikasi wafer.

INTIPATI UTAMA

Makmal-makmal ini menawarkan perkhidmatan komprehensif dan kos secara efektif yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat E & E dan badan-badan akademik. Pengetahuan dan kemahiran komuniti E&E juga dapat dipertingkatkan melalui program-program latihan pengembangan kemahiran anjuran MIMOS untuk para pelajar universiti dan graduan baharu.

Sejak tahun 2012, MIMOS telah melatih 186 orang jurutera dan bakal jurutera, dan 145 syarikat telah menikmati manfaat kemudahan yang disediakan oleh MIMOS.

EPP
2

MEMBANGUNKAN PEMASANGAN DAN PENGUJIAN

MENGGUNAKAN TEKNOLOGI PEMBUNGKUSAN MODEN

Tahun 2014 memperlihatkan kemasukan pelaburan baharu dalam sektor pembungkusan berteknologi tinggi ekoran keputusan SanDisk Corporation untuk membina kilang pembuatan dan kemudahan R&D di Malaysia. Operasi baharu SanDisk ini jelas akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu pusat utama bagi pembuatan keluaran semikonduktor berteknologi tinggi.

Sebuah lagi syarikat EPP, iaitu Carsem Malaysia Sdn Bhd, juga telah memperluaskan fasiliti kilangnya pada tahun 2014. Projek SanDisk dan perluasan kilang Carsem Malaysia menyumbang kepada pencapaian

sasaran 18 projek E&E baharu bermutu tinggi bagi tahun 2014.

SANDISK CORPORATION

SanDisk Corporation, sebuah syarikat pengeluar utama alat simpanan ingatan dan firma bertaraf Fortune 500 yang beribu pejabat di California, bermatlamat mahu mengukuhkan kedudukannya di rantau Asia, dengan cara membuka sebuah kilang baharu di Batu Kawan, Pulau Pinang. Kilang baharu itu yang dijangka akan mula beroperasi pada suku pertama tahun 2015, akan mengeluarkan alat simpanan ingatan kilat dengan menggunakan wafer yang diimport dari Jepun. Kedua-dua pakej sistem ingatan integrasi (SIP) litar NAND dan simpanan

ingatan kilat SIP yang lebih maju ini merupakan salah satu pemacu utama bagi perkembangan proses teknologi dalam pengeluaran semikonduktor. SanDisk juga akan membina sebuah pusat R&D bagi menggalakkan usaha memajukan pembungkusan dan sistem pengujian ingatan kilat litar bersepadu (IC) NAND dan pemacu pepejal SSD (*solid-state drivers*).

CARSEM MALAYSIA

Carsem Malaysia ialah sebuah firma tempatan dan merupakan pembekal utama bagi penyediaan pembungkusan dan perkhidmatan pengujian dalam industri semikonduktor. Carsem menduduki tangga ke-10 di dunia dalam

senarai firma luar yang menyediakan kilang semikonduktor dan pusat pengujian (OSAT) dan telah membina tiga kilang berteknologi tinggi.

Seiringan dengan perubahan peranan OSAT, Carsem telah bergerak daripada hanya mengeluarkan cip kepada menyediakan penyelesaian pembungkusan. Baru-baru ini, Carsem telah memperkenalkan pembungkus alat simpan ingatan X3 MLP (*Micro Lead Frame Package*) yang sangat kecil, dan ini merupakan pembungkus


terkecil dalam pengeluaran MLP. Pengembangan ke dalam sektor ini adalah ekor dari peningkatan taraf dalam teknologi dan aktiviti R&D yang dijalankan dalam pembungkusan dan pengujian semikonduktor yang lebih maju. Carsem menawarkan penyelesaian SIP yang menggabungkan komponen pasif atau *multiple die* dalam pemasangan kerangka tembaga, manakala penyelesaian yang lebih canggih menggabungkan cip flip dalam kerangka tembaga (FCOL), cip COL dan teknologi klip /pembalut tembaga.

INTIPATI UTAMA

MIDA memainkan peranan penting dari segi merangsang kemasukan pelaburan dalam sektor ini, melalui pelbagai aktiviti. Tambahan pula, semakin banyak syarikat mula berminat untuk melibatkan diri dalam EPP ini. Justeru itu, Malaysia telah menyediakan suatu ekosistem semikonduktor yang maju, sebahagian besarnya hasil daripada usaha ETP untuk memacu perjalanan NKEA ke arah tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai.

EPP
3

MEMBANGUNKAN FIRMA REKA BENTUK LITAR SEPADU



Peranti sistem logik kuasa ultra rendah Efinix dalam pembungkusan bentuk yang amat kecil, menggunakan separuh kuasa pada ketumpatan logik yang sama dengan pesaing terdekatnya

Contoh cip kejuruteraan dalam GMC (*Green Motion Controllers*) telah pun disiapkan oleh MIMOS dan kini ditawarkan dan boleh digunakan secara komersial kepada syarikat-syarikat yang berminat. GMC akan membolehkan penggunaan tenaga secara kos yang efektif misalnya, dalam enjin kenderaan elektrik hibrid dan peralatan rumah. MIMOS juga sedang berusaha mereka bentuk satu demo GMC.

Sebuah syarikat reka bentuk yang baharu, Efinix Technology (M) Sdn Bhd (ETSB), yang menghasilkan reka bentuk litar sepadu (IC), telah pun menerima kelulusan bagi aplikasi rekaannya pada tahun 2014. ETSB merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Efinix, Inc. Efinix ialah sebuah syarikat

pengeluar sistem program logik yang menawarkan penyelesaian FPGA (*Field-Programmable Gate Array*) kepada syarikat pengeluar semikonduktor dan Pengeluar Peralatan Asli (*Original Equipment Manufacturers*, OEM), dengan menggunakan teknologi asas Efinix Inc, iaitu EFabric.

EFabric ialah suatu paten baharu FPGA yang dapat mengoptimumkan perjalanan litar. Ini merupakan suatu pembaharuan teknologi dalam FPGA dari segi kuasa, prestasi, ketumpatan get, himpunan logam dan tempoh tamat. Teknologi terbaharu ini akan ditawarkan dalam bentuk pembungkusan litar bersepadu (IC) berteknologi tinggi seperti 3D TSV IC dan 2.5D TSV IC, yang merupakan pembungkusan pertama di Malaysia.

Suatu trend baharu mula muncul dalam kalangan syarikat semikonduktor *fabless* dan *fablite*, iaitu fasiliti R&D disediakan di kilang pembuatan dan ini membolehkan syarikat semikonduktor memanfaatkan sepenuhnya kemampuan reka bentuk IC. Kehadiran firma-firma reka bentuk IC ini mengukuhkan lagi ekosistem semikonduktor dan membolehkan industri memanfaatkan pasaran LED tempatan yang kian berkembang pesat. Namun begitu, lebih banyak lagi firma reka bentuk IC dan syarikat *fabless* diperlukan bagi menyediakan teknologi dan produk baharu yang lebih luas.

Peningkatan pelaburan oleh syarikat semikonduktor *fabless* di Singapura telah membuka peluang kepada syarikat OSAT serta foundri di Malaysia untuk memula dan menambah projek-projek tempatan, sejajar dengan pertumbuhan rancak industri semikonduktor global yang juga memperluaskan peluang bagi syarikat multinasional dan PKS di negara ini. Oleh kerana Malaysia dan Singapura sama-sama menghadapi persaingan yang semakin kuat daripada negara China dan Taiwan, maka kedua-dua negara haruslah memanfaatkan dengan sepenuhnya ekosistem sedia ada dan mencari cara-cara yang boleh memenuhi kekurangan dalam ekosistem dan rantai pembekalan.



Pasukan Efinix

INTIPATI UTAMA

Terdapat peluang-peluang bagi Malaysia dan Singapura untuk bekerjasama dalam memajukan ekosistem semikonduktor yang kukuh. Antara sektor yang perlu diberi tumpuan termasuklah mengatasi kekurangan dalam ekosistem semikonduktor seperti *wafer bumping*, perkhidmatan IC, pengujian dan pembungkusan. Malaysia juga perlu mencari dan meningkatkan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan Singapura dalam aspek latihan kemahiran untuk tenaga kerja yang terlibat dalam industri E&E.

EPP
4

MENYOKONG PERTUMBUHAN PENGILANG SUBSTRAT

DAN INDUSTRI BERKAITAN

Dua projek baharu bermutu tinggi yang menyokong pertumbuhan sektor pengilang substrat dijalankan pada tahun 2014: QDos Interconnect yang menggunakan teknologi *Molded Interconnect Substrate* (MIS) dan usaha Ilden Electronics untuk membuat Papan Pendawaian Bercetak (*Printed Wiring Boards*) berteknologi tinggi bagi kegunaan industri telekomunikasi. Kedua-dua projek tersebut menyumbang kepada pencapaian sasaran 18 projek baharu E&E bermutu tinggi pada tahun 2014.

QDOS INTERCONNECT

QDos ialah peneraju dalam pengeluaran Litar Bercetak Fleksible (*Flexible Printed Circuits*, FPC) di Malaysia dan mengkhusus dalam reka bentuk FPC, fabrikasi prototaip, pengeluaran besar-besaran dan penyelesaian *Teknologi Surface Mount* (SMT). Dengan latar belakang FPC yang kukuh, QDos telah memperkenalkan penggunaan teknologi baharu, iaitu *Molded Interconnect Substrate* melalui syarikat QDos Interconnect Sdn Bhd.

Paten dan lesen teknologi MIS dimiliki oleh Advanpack Solutions Pts Ltd (APS), sebuah syarikat R&D yang bertempat di Singapura. Dengan pemindahan

pengetahuan dan teknologi daripada APS dan integrasi sinergi dengan teknologi FPC, QDos akan dapat memperkukuh kedudukannya selaku pengeluar semikonduktor substrat.

MIS merupakan teknologi baharu yang berkemampuan mengganti substrat kerangka tembaga dan *Ball Grid Array* (BGA). Penggunaan teknologi yang dipertingkatkan dan penemuan baharu dalam pembuatan polimer asas telah membolehkan teknologi MIS mengeluarkan litar amat halus dan memungkinkan aplikasi berprestasi tinggi, khususnya yang berkaitan dengan 4G, gangguan bunyi yang rendah dan keperluan frekuensi tinggi.

IBIDEN ELECTRONICS MALAYSIA

Ilden Electronics Malaysia Sdn Bhd, syarikat pengeluar elektronik dan produk seramik Jepun yang terkemuka, telah meluaskan operasinya di Malaysia pada tahun 2014, dengan membina loji keduanya di Taman Sains Pulau Pinang. Pengeluaran Volum Tinggi di loji kedua tersebut tertumpu kepada pembuatan litar pendawaian bercetak teknologi maju (*advanced technology printed wiring boards*, PWB) dengan prestasi tinggi dan *free via stacked structure* (FVSS) untuk

memenuhi permintaan dunia untuk telefon pintar dan produk elektronik yang lain serta peningkatan dalam perluasan jaringan 4G. Teknologi terbaharu ini akan memungkinkan penghasilan model generasi baharu pelbagai lapisan.

Produk ini akan dieksportkan ke seluruh dunia dan pelaburan berterusan dalam syarikat ini akan mencipta peluang pekerjaan baharu serta peluang peningkatan kerjaya dalam industri E&E.

INTIPATI UTAMA

Hala Tuju ETP mengenal pasti keperluan bagi mengembang empat lagi syarikat pengeluar substrat di bawah EPP 4. Sehubungan dengan ini, adalah amat penting untuk memantau kemajuan syarikat-syarikat yang telah diluluskan oleh MIDA, bagi memastikan syarikat berjaya mencapai sasaran masing-masing dan pertumbuhan industri ini berterusan. Sambil syarikat-syarikat ini membekalkan produk masing-masing kepada syarikat lain dalam ekosistem E&E, pada masa yang sama, pengilang substrat mesti terus menjalankan penyelidikan R&D untuk mencipta aplikasi baharu yang akan memanfaatkan keseluruhan industri.

EPP
5

MENINGKATKAN JUMLAH PENGELUAR SILIKON

Loji silikon polikristalin milik Tokuyama Corp yang bernilai RM3.72 bilion di Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu, sekarang telah mendapat kelulusan dan telah beroperasi mulai bulan Januari tahun 2015. Loji berkenaan merupakan yang kedua di Malaysia, dengan kemampuan jumlah pengeluaran tahunan berjumlah 20,000 tan bagi kedua-dua loji.

Syarikat lain yang turut dibangunkan melalui EPP 5 ini adalah termasuk Elpion Silicon Sdn Bhd dan Cosmos Petroleum & Mining Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat ini masing-masing mengeluarkan silikon metalurgikal di Banting dan polisilikon di Bintulu.

Kapasiti maksimum loji Elpion ialah 100,00 metrik tan manakala Cosmo berupaya menghasilkan 12,000 metrik tan menjelang tahun 2020.

Sebagai taman perindustrian yang baharu, Samalaju menghadapi kekangan infrastruktur seperti pembangunan kawasan perumahan yang tidak mencukupi. Bagi menangani masalah tersebut, SCORE (*Sarawak Corridor of Renewable Energy*) akan mengkaji dan merangsang pembangunan kawasan perumahan di Taman Perindustrian Samalaju.

Tarif elektrik yang lebih tinggi di Semenanjung Malaysia juga menjadi

suatu cabaran kepada beberapa syarikat pengeluar kerana tarif elektrik yang lebih tinggi meningkatkan kos pengeluaran. Perbincangan masih berterusan di antara MIDA dan Tenaga Nasional Berhad untuk mengatasi isu tersebut.

INTIPATI UTAMA

Untuk mencapai sasaran pengeluaran tahunan silikon berjumlah 170,000 tan menjelang tahun 2020, MIDA akan terus berusaha menggalakkan pengeluar silikon serta menawarkan pelbagai pakej insentif yang menarik termasuk insentif cukai untuk mendorong pengeluar silikon utama ke Malaysia.

EPP
6

MEMBANGUNKAN PENGELUAR WAFER DAN SEL

Malaysia ialah salah satu pengeluar PV (fotovolta) terbesar di dunia dengan kapasiti pengeluaran berjumlah 4,800 MW (megawatt) bagi wafer dan sel pada tahun 2014, peningkatan dua kali

ganda berbanding jumlah pengeluaran tahun 2013.

Enam syarikat pengeluar wafer dan sel di seluruh negara — AUO Crystal,

SunEdison, Panasonic, AUO SunPower, Hanwha QCells dan TS Solartech — telah disertai oleh pengeluar ketujuh, iaitu Comtec Solar International (M) Sdn Bhd. Sebuah syarikat baharu wafer dan



Penarik kristal di Comtec Solar

sel baharu dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,000 MW, Comtec Solar telah memulakan pengeluaran percubaan berjumlah 10 MW di Kuching, Sarawak pada tahun 2014.

INTIPATI UTAMA

Untuk mencapai matlamat menjadi pengeluar kedua terbesar sel solar di dunia menjelang tahun 2020, dengan kapasiti pengeluaran berjumlah 23 GW (gigawatt), MIDA akan menumpukan usaha untuk menarik lebih banyak syarikat tempatan dan antarabangsa yang bermutu tinggi untuk pengeluaran wafer/sel. Pengeluar-pengeluar sedia ada dijangka akan meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing pada tahun 2015, tertakluk kepada kelulusan MIDA.



Ingot dan wafer

EPP
7

MENAMBAH PENGELUAR MODUL SOLAR

Kapasiti pengeluaran modul solar Malaysia yang mencapai jumlah 2,540 MW, pada tahun 2014 merupakan pertambahan agak besar, iaitu 41 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya. Sebahagian besar daripada jumlah kapasiti pengeluaran modul solar telah dihasilkan oleh pelaburan asing secara langsung pada tahun 2014. Kini, terdapat tujuh buah syarikat pengeluar modul solar yang beroperasi di Malaysia — First Solar, Flextronics, MSR, SolarTif, PV HiTech, Panasonic Energy dan EXT.

Namun begitu, ada kemungkinan negara Amerika akan menjalankan siasatan memintas terhadap produk solar yang dihasilkan oleh pengeluar Malaysia, jika didapati komponen dalam produk solar berasal dari negara China dan Taiwan. Tindakan sedemikian ekoran daripada tarif awal anti-pembuangan yang dikenakan ke atas negara China dan Taiwan pada bulan Disember tahun 2014.

Siasatan memintas boleh dilakukan dengan beberapa cara dan mengeksploitasikan aspek-aspek anti-pembuangan dan sistem timbal balas yang berlainan. Aktiviti pemintasan yang dijalankan adalah termasuk:

- pemasangan bahagian-bahagian di Malaysia
- pemasangan bahagian-bahagian di negara ketiga
- eksport barang melalui satu atau lebih negara ketiga
- persetujuan antara pengeksport; dan
- pengelakan bayaran cukai dan duti yang dikenakan

Dengan adanya siasatan memintas ini, berkemungkinan pengeluar-pengeluar Malaysia dikehendaki terlibat dalam siasatan ini untuk membuktikan bahawa syarikat mereka adalah pengeluar yang sah dan tidak terlibat

dalam apa jua aktiviti memintas. MITI dan MIDA sedang mencari jalan untuk mengurangkan kekangan ini dari perspektif industri serta polisi pengeluaran.

INTIPATI UTAMA

Untuk mencapai sasaran jumlah pengeluaran sebanyak 12.9 GW menjelang tahun 2020, MIDA sedang berusaha menarik lebih banyak syarikat pengeluar modul solar bermutu tinggi. Pengeluar sedia ada juga digalakkan membuat pembesaran operasi pengeluaran masing-masing pada tahun 2015, tertakluk kepada kelulusan MIDA. Walau bagaimanapun, demi mengembangkan rantai nilai solar, Malaysia mesti menerokai potensi penubuhan sebuah badan akreditasi dan perakuan tempatan bagi produk solar.

EPP
8

MEMBANGUNKAN OPERASI BAHAGIAN HADAPAN LED

Philips Lumileds Lighting Company Sdn Bhd di Pulau Pinang sedang menjalankan projek pengembangan yang melibatkan aktiviti R&D bagi melancarkan aliran proses peringkat permulaan dalam pengujian wafer/kepingan logam LED serta pengujian cip filem tipis. Ini akan melibatkan pemindahan teknologi daripada Kumpulan Philips Lumileds di Singapura dan Amerika Syarikat.

Aktiviti R&D yang baharu ini akan mencipta peluang bagi Malaysia

mencuba kegiatan lain yang lebih rumit lagi mencabar, dan pada masa yang sama kekal meneruskan usaha melengkapkan ekosistem LED di Malaysia bagi sektor pembuatan bahagian hadapan LED.

INTIPATI UTAMA

MIDA akan meneruskan usaha bagi memperkukuhkan segmen ini dengan cara mendorong syarikat pengeluar supaya memajukan proses pembuatan bahagian hadapan LED. Agensi ini mahu

menarik syarikat yang mempunyai projek bermutu tinggi dalam operasi bahagian hadapan LED seperti syarikat pembekal substrat atau pengeluar epitaksi. Pada masa yang sama, MIDA juga menjangkakan syarikat pengeluar sedia ada akan berterusan melakukan pengembangan dan peningkatan dalam pengeluaran pada tahun 2015.

EPP
9

MENGEMBANGKAN PEMBUNGKUSAN DAN PERALATAN LED

Philips Lumileds sedang menjalankan projek pembesaran dan naik taraf teknologi bagi cip dan peralatan LED dan proses pencahayaan LED dengan menggunakan kepingan logam pasang

siap warna putih. Syarikat ini juga akan melaksanakan aktiviti R&D termasuk pengujian cip flip filem tipis dan aliran proses pembinaan prototaip.

INTIPATI UTAMA

Semua pengembangan akan membantu memajukan serta meningkatkan kapasiti pengeluaran syarikat tempatan dan menambah banyak pengeluaran komponen penting.

EPP
10

MEWUJUDKAN JUARA PENCAHAYAAN KEADAAN PEPEJAL

Program pengembangan keupayaan pengeluaran yang diusahakan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp), yang membantu 10 buah syarikat anggota Konsortium LED Malaysia (MLC Malaysia), dalam enam bidang sokongan perakuan dan peraturan, memajukan satu hala tuju teknologi, pengurusan rantai bekalan, implementasi strategi pemasaran, pencarian jenama dan rakan kongsi baharu, telah memasuki

fasa kedua pada tahun 2014, membantu MLC mencapai sasaran jualan bernilai RM84.2 juta bagi tahun 2014.

Tahun ini memperlihatkan penghasilan 26 produk LED baharu oleh anggota Konsortium LED Malaysia (MLC) yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa termasuklah negara Afrika, rantau Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Kejayaan ini mengatasi kejayaan sasaran misi pemasaran yang dijalankan

oleh SME Corp. Syarikat-syarikat LED juga menikmati manfaat daripada Program Pengembangan Perniagaan SME Corp dan Program Pembiayaan Dana bagi peralatan dan pensijilan.

Meskipun kejayaan besar diperolehi dalam menerokai pasaran baharu dan pensijilan produk, syarikat-syarikat pengeluar Malaysia masih menghadapi cabaran dari segi menembusi pasaran asing, khususnya di negara-negara

Eropah, dan tempoh masa yang lama untuk mendapat pensijilan. Secara purata, tempoh masa bagi mendapat satu pensijilan ialah sembilan bulan.

Pada tahun 2014, satu projek berimpak besar telah diluluskan dan projek berkenaan menyumbang kepada pencapaian sasaran 18 projek baharu E&E bermutu tinggi bagi tahun 2014. Projek berkenaan ialah pertambahan pelaburan oleh syarikat NationGate Solution (M) Sdn Bhd, bagi menaik taraf tiga kilang pengeluaran yang terdapat di Kawasan Perindustrian Prai, Pulau Pinang pada tahun ini. Firma tempatan yang menjadi pengeluar kontrak ini telah mempelbagaikan pengeluarannya kepada pembuatan produk LED dan menjangkakan jualan lampu LED jenama sendiri ini akan meningkat dua kali ganda, dengan pengeluaran 1,800 tiub lumen dan 2,600 tiub lumen LED untuk mendorong pertumbuhan segmen ini. Tiub LED yang baharu dilengkapi pemacu digital yang khas, direka bentuk sendiri, dengan jangka hayat selama 50,000 jam, berbanding dengan tiub LED di pasaran

yang menggunakan pemacu analog, dengan jangka hayat selama 8,000 jam. Pemacu berfungsi untuk menjana tenaga elektrik bagi menghidupkan modul LED. Tiub LED kebanyakannya diguna dalam pencahayaan komersial, industri, koridor dan di kawasan luar.

Pada masa sekarang, setengah daripada produk LED yang dihasilkan oleh NationGate dieksport ke Singapura, Thailand dan Vietnam, manakala bakinya dijual di pasaran tempatan. Dengan pertambahan pengeluaran yang dijangka, ekor pertambahan dalam pelaburan, NationGate mensasarkan peningkatan dalam jualan eksport akan dapat menembusi pasaran baharu termasuk Australia dan New Zealand.

Selain produk LED, syarikat ini juga membuat penerima isyarat bagi kegunaan firma IT Amerika, sistem digital multimedia bagi kegunaan dalam kereta penumpang yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat pengeluar automotif di Eropah, komponen elektrik bagi syarikat telekomunikasi Amerika, peralatan dan

radas perubatan, termasuk meter air dan alat menganalisis kandungan darah dalam gula bagi pengguna di Eropah dan Jepun.

Setakat ini, NationGate, yang mempunyai tenaga kerja sebanyak 2,000 orang, telah melabur kira-kira RM100 juta di ketiga-tiga kilangnya yang terletak di Pulau Pinang.

INTIPATI UTAMA

Syarikat pengeluar Malaysia perlu menembusi pasaran tempatan untuk terus maju di dalam industri SSL. Penerokaan pasaran luar yang sesuai memerlukan misi pemasaran yang boleh membuka peluang-peluang baharu bagi syarikat-syarikat Malaysia. Justeru, SME Corp akan melaksanakan usaha mengantarabangsakan Program Pembangunan Perniagaan dan Peningkatan Kapasiti Pengeluaran untuk syarikat-syarikat SSL, di samping membantu dalam peruntukan pembiayaan bagi peralatan dan pemberian pensijilan.

EPP
11

MEMBINA HAB UJIAN DAN PENGUKURAN



FDM 400MC: Komponen yang dihasilkan adalah untuk bentuk dan pemasangan, ilustrasi produk dan corak induk



SLS P110: Mesin ini boleh menghasilkan prototaip berfungsi yang sesuai untuk komponen tahan lasak dan tahan suhu tinggi

Dua buah syarikat—CEEDTec dan Myreka—kini mempunyai kemampuan penuh bermula dari reka bentuk-hingga-mengeluarkan peralatan untuk menyokong pelaksanaan ujian dan pengukuran. Kedua-dua syarikat berkenaan juga telah berjaya mencipta sejumlah 33 harta intelektual (IPs)—18 milik CEEDTec dan 15 kepunyaan Myreka. Kedua-dua syarikat turut menghasilkan dan memperkenalkan lebih 20 produk baharu, termasuk di pasaran luar, menerusi jenama Keysight, keluaran sampingan daripada syarikat Agilent Technologies.

CEEDTec telah memperluaskan operasi pengeluaran dengan kenaikan tiga kali ganda dalam bilangan tenaga berkemahiran tinggi, iaitu daripada 79 orang kepada 229 orang. Semenjak tahun 2012, hasil pendapatan juga berlipat tiga kali ganda dan pada penghujung tahun

2014, dijangka akan mencapai angka RM50 juta dalam hasil pendapatan dan unjuran peningkatan hasil pendapatan menjelang tahun 2024 akan mencapai RM350 juta.

Myreka pula telah menambah lebih dua kali ganda bilangan tenaga kerja, daripada 19 kepada 47 orang. Hasil pendapatan syarikat daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada Keysight dijangka mencapai angka RM7 juta pada tahun 2014. Menjelang tahun 2024, jumlah hasil pendapatan syarikat dijangka akan mencecah RM30 juta.

Pertumbuhan kedua-dua syarikat CEEDTec dan Myreka turut merangsang pertumbuhan vendor tempatan tahap kedua yang menyediakan teknologi bagi menyokong sektor seperti PCBA, kerja-kerja peralatan logam berketepatan tinggi serta alat transformer berketumpatan tinggi.

Sehingga hari ini, CEEDTec dan Myreka telah bekerjasama dengan tujuh buah syarikat PKS tempatan dan mencipta lebih 200 jenis peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

Sekarang sudah ada beberapa buah firma yang memberi perkhidmatan reka bentuk, pembangunan dan pensijilan di dalam negara, antara yang besar ialah EIDC, NI-AIN dan QAV.

SYARIKAT QAV

Berikutan kejayaan fasiliti Pengukuran dan Pensijilan bagi loji pengeluaran di Kawasan Ekonomi Koridor Utara, syarikat QAV telah membangunkan sebuah lagi fasiliti pengujian bertempat di Subang. Syarikat QAV juga menyumbang kepada jumlah eksport produk LED dan pada akhir tahun 2013, berjaya mendapat akreditasi daripada *American National Standards Institute* (ANSI) bagi berkemampuan membuat pengujian dalam ketenteraan dan penerbangan.

PUSAT REKA BENTUK EKO-PERINDUSTRIAN (EIDC)

Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian (EIDC) bernilai RM6.5 juta yang ditubuhkan oleh SIRIM merupakan satu



SLA 7000: Mesin ini menghasilkan komponen yang digunakan untuk selitan dai dan acuan, jigs dan kelengkapan. Komponen ini adalah sesuai untuk keadaan persekitaran yang bersuhu tinggi



Connex 350: Mesin ini mengeluarkan prototaip yang berfungsi. Bahagian aplikasi yang biasa adalah selitan dai dan acuan dan prototaip atas acuan

inisiatif di bawah NKEA E&E. Pusat tersebut bertempat di SIRIM Bukit Jalil dan menyediakan bantuan kepada industri tempatan untuk menghasilkan produk E&E yang mesra alam melalui eko-inovasi. Pusat EIDC ini akan mencipta suatu kumpulan pereka bentuk industri yang bakal lahir hasil daripada program pembangunan bakat kreatif yang dikelolakan bersama-sama dengan beberapa buah institut latihan tempatan.

EIDC juga menjalankan latihan bagi Penilaian Kitar Hayat (*Life Cycle Assessment*, LCA) dan menawarkan khidmat rundingan serta perakaunan kos gas rumah hijau (juga dikenali sebagai penghitungan kesan karbon).

Setakat ini, pusat EIDC telah memberi sejumlah 100 Perkhidmatan Prototaip Pantas kepada sekurang-kurangnya lima sektor industri selain sektor elektrik dan elektronik. Pusat berkenaan juga telah digunakan oleh Straits Design Sdn Bhd untuk reka bentuk lampu LED bagi tiga buah projek reka bentuk industri eko, Starlite Electrical Industries Sdn Bhd bagi pembuatan papan suis dengan prestasi mesra alam yang tinggi, dan Basis Bay untuk menentukan pengukuran kriteria bagi pusat pengumpulan data hijau.

Sejumlah 14 buah firma PKS telah menikmati manfaat daripada Perkhidmatan Rundingan InovasiEko (*EcolInnovation Consulting Services*). Sebanyak 33 bengkel EcolInnovation telah diadakan untuk firma PKS, agensi kerajaan dan golongan akademik sementara enam perkhidmatan EIDC bagi penilaian kemampuan produk berdasarkan LCA telah digunakan.

EIDC juga telah bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan dan institusi seperti Universiti Tun Hussein Onn, Segi University and Ensearch Malaysia.

INTIPATI UTAMA

SIRIM akan terus bekerjasama dengan *National Instruments* untuk menyediakan perkhidmatan reka bentuk industri yang komprehensif dan serba lengkap kepada PKS. Kedua-dua badan tersebut juga akan membantu SME Corp untuk meningkatkan kesedaran tentang kemudahan mereka dalam kalangan firma PKS untuk memastikan mereka dapat menjalankan projek masing-masing dengan lancar bermula dari peringkat reka bentuk, penyediaan prototaip, bukti konsep sehinggalah ke peringkat penempahan khusus sistem.

MENGEMBANGKAN KOMUNIKASI WAYARLES

DAN PENGECAMAN FREKUENSI RADIO (RFID)

Pusat Kebangsaan bagi Kecemerlangan Teknologi Sensor (*National Centre of Excellence for Sensor Technology*, NEST) bertempat di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia, dengan kerjasama MIMOS, Kontron dan Intel, telah menganjurkan bengkel bukti konsep dalam teknologi rangkaian wayarles bagi kepersisian pertanian pada tahun 2011. Semenjak itu, pelaburan tersebut telah mendorong:

- Automasi dalam Pertanian
 - Sistem Rumah Hijau Pintar (projek perintis) dengan kerjasama Kementerian Perikanan dan Industri Asas Tani
- Inovasi dalam Teknologi Wayarles
 - Sistem Pendebungaan Pintar Kelapa Sawit (secara komersial) dengan Felda
 - Sistem Pengurusan Kolam Peliharaan Udang (projek perintis) dengan Blue Archipelago
 - Sistem Pembiakan Ikan Jenis Mahal (projek perintis) dengan Aqua Grow
 - Sistem Integrasi Pengurusan Algae (projek perintis) dengan Algaetech International

INTIPATI UTAMA

Teknologi ini kini berterusan diguna pakai oleh industri-industri di Malaysia, dan kemungkinan peluang baharu yang semakin bertambah, seperti dalam kerja-kerja pemantauan pencemaran air dan sungai, penuaian kelapa sawit dan pemantauan lereng bukit yang curam. Di samping itu, MIMOS sedang berganding bahu dengan rakan industri dalam sekurang-kurangnya empat projek berimpak tinggi yang akan memperlihatkan produk Rangkaian Sensor Wayarles (*Wireless Sensor Network*) digunakan secara komersial.

MEMBANGUNKAN PEMBUATAN PERALATAN AUTOMASI

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah bekerjasama dengan 12 syarikat bagi memperkenalkan produk automasi tempatan ke dalam operasi AMD pada tahun 2014. Dua belas syarikat berkenaan telah berjaya melebihi sasaran memperkenalkan tiga syarikat M&E tempatan ke dalam operasi AMD. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

1. SEMI Integration
2. Silkrom Technologies
3. Vitrox Technologies
4. Walta Engineering
5. TTVision Technologies
6. Polytool Technologies
7. Waftech
8. Xlent Innovator
9. FAS Integration
10. Wintech
11. R&M Electronic
12. JSI System

NUKLEUS INOVASI DAN AKADEMI NATIONAL INSTRUMENTS (NI-AIN)

NI-AIN terletak di Taman Teknologi Malaysia dan ditubuhkan khusus untuk membantu syarikat PKS. Akademi ini menyediakan prasarana teknologi yang boleh dikongsi bersama dalam aspek pembangunan modal insan (menerusi latihan, pensijilan dan pempupukan serta pembangunan bakat), tempoh masa pembentukan syarikat PKS yang baharu (menerusi reka bentuk, integrasi sistem, penempahan khusus dan perkhidmatan kejuruteraan), penciptaan hak harta intelektual PKS dan pengkomersialan.

Antara manfaat yang dinikmati oleh firma PKS dalam menggunakan fasiliti NI-AIN termasuklah penjimatan kos pelaburan

permulaan dan akses kepada peralatan teknologi. Fasiliti ini juga berperanan selaku hab jaringan dan platform pemboleh perniagaan untuk firma PKS berhubung dengan klien berpotensi, rakan kongsi serta agensi kerajaan.

National Instruments bekerjasama dengan lapan buah syarikat untuk menjalankan 20 projek automasi baharu dalam reka bentuk sistem dan prototaip. Kesemua projek dilakukan di pusat kemudahan NI-AIN yang dikongsi bersama. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

1. Virtual Instrument & System Innovation
2. iRadar
3. Advenxus Solution
4. P&P Tech
5. GoAutomate

6. Avialite
7. Infineon Technologies
8. Creative Precision Engineering

Meskipun begitu, bilangan projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 telah jatuh sedikit daripada sasaran 25 projek automasi baharu. National Instruments akan bekerjasama dengan SME Corp untuk mencipta kesedaran dalam kalangan PKS tentang kemudahan yang disediakan.

Berhubungan dengan ini, tahun 2015 dijangka memperlihatkan pertumbuhan rancak dalam kerjasama syarikat automasi M&E tempatan dengan firma multinasional dari segi automasi proses. Sementara itu, projek automasi AMD akan memperlihatkan sejumlah 22 projek siap terlaksana oleh 12 buah syarikat M&E tempatan.

INTIPATI UTAMA

Untuk merangsang pertumbuhan sektor automasi, syarikat-syarikat tempatan digalakkan supaya bekerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional yang lain. National Instruments juga sedang bekerjasama dengan SIRIM untuk melengkapkan perkhidmatan reka bentuk industri yang disediakan, agar EIDC dan NI-AIN mampu memberi perkhidmatan serba lengkap untuk kegunaan PKS.

EPP
14

MEMBANGUNKAN SYARIKAT TRANSMISI DAN PENGEDARAN

Toshiba Transmission & Distribution Systems Asia Sdn Bhd (TTDA) telah memperluaskan operasi perniagaan kepada pembuatan peralatan pengedaran dan transmisi serta perkhidmatan kejuruteraan yang penting, dengan menambah tenaga kerja kepada 340 orang berbanding 150 orang tiga tahun yang lalu. Syarikat juga mencatat penambahan dua kali ganda dalam hasil pendapatan daripada pengeluaran gear suis voltan sederhana, panel kawalan dan papan pengagihan, yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti negara-negara Timur Tengah, Australia, Thailand, Kemboja, Singapura dan Indonesia.

Pada masa yang sama, secara berasingan, sebuah syarikat tempatan sedang berusaha sama dengan syarikat perkhidmatan pengujian litar pintas (*circuit testing liaison*, STL) yang mempunyai akreditasi antarabangsa untuk menubuhkan pusat pengujian dan akreditasi bagi peralatan voltan tinggi. Pusat tersebut, yang masih menunggu kelulusan, akan menjadi pemboleh penting untuk memajukan pertumbuhan syarikat pengedaran dan transmisi, selanjutnya menyumbang kepada nilai tambah yang tinggi berserta pemindahan teknologi kepada syarikat tempatan di Malaysia.

Penghasilan produk pengedaran dan transmisi seperti alat suis, papan pengagihan, panel kawalan, transformer, kabel dan konduktor yang memerlukan pensijilan daripada makmal STL yang diperaku bagi penerimaan pasaran antarabangsa akan membolehkan produk tempatan mendapat sambutan pasaran antarabangsa. Pusat ini juga akan mencipta peluang bagi Malaysia menarik minat syarikat yang memerlukan perkhidmatan pengujian dan pensijilan pada bayaran kos lebih murah berbanding kos pengujian dan pensijilan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat di Eropah atau Jepun.

INTIPATI UTAMA

Sejajar dengan matlamat EPP ini, TTDA mahu menjadi syarikat ulung dalam menyediakan sistem transmisi dan pengagihan di rantau Asia Tenggara, dan menumpukan perhatian kepada perniagaan teras dalam:

- Pembuatan peralatan transmisi voltan sederhana dan pengagihan peralatan (T&D)
- Kontraktor bagi Kejuruteraan, Pemerolehan dan Pembinaan (*Engineering, Procurement & Construction Contractor*, EPCC) untuk projek-projek T&D

- Kawalan jaringan kuasa dan sistem automasi
- Sistem penyelesaian tenaga menyeluruh (tenaga boleh baharu, simpanan grid tenaga)

Sebuah makmal Grid Pintar yang tertumpu kepada projek perintis infrastruktur meter berteknologi tinggi, dasar serta perkembangan industri yang diterajui oleh Suruhanjaya Tenaga telah dijalankan pada bulan April tahun 2014. Beberapa hasil daripada penubuhan makmal ini termasuklah pembentukan persatuan syarikat industri Grid Pintar, dan pembentukan struktur kawalan yang bersesuaian, di bawah pimpinan Kerajaan dan wakil-wakil persatuan industri, untuk mengkaji Grid Pintar. Semua langkah tersebut akan bertindak sebagai pemboleh bagi pengeluaran komponen Grid Pintar dan penyediaan perkhidmatan integrasi sistem, khususnya dalam pengeluaran dan penggunaan meter pintar.

EPP
15

MEMBANGUNKAN PUSAT PENGELUARAN PERALATAN ELEKTRIK RUMAH DAN RANGKAIAN PENGEDARAN ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2014, Pensonic telah bekerjasama dengan beberapa rakan kongsi teknologi untuk menghasilkan peralatan telefon mudah alih model baharu yang dapat dipasarkan ke 50 buah negara. Di samping itu, pembinaan bangunan R&D di Pulau Pinang hampir 93 peratus siap dan syarikat Pensonic dijangka berpindah masuk menjelang awal tahun 2015. Fasilitas ini akan menjadi ibu pejabat

operasi baharu yang menempatkan bahagian R&D serta bahagian-bahagian operasi yang lain.

INTIPATI UTAMA

Pada tahun 2015, fokus utama EPP 15 ialah untuk memantapkan lagi jenama Pensonic di samping memastikan Jaringan Pengedaran Antarabangsa Pensonic akan mencipta peluang-

peluang bagi memasarkan peralatan keluaran syarikat ke banyak lagi pasaran asing. Ini juga akan membuka pintu bagi jenama tempatan lain untuk memasarkan keluaran mereka di pasaran antarabangsa. Bagi tahun kewangan 2015, Pensonic mensasarkan rekod hasil jualan mencecah RM380 juta kenaikan 1.7 peratus daripada tahun kewangan 2014.

EPP
16

PERKEMBANGAN *BALANCE OF SYSTEMS* UNTUK SOLAR FOTOVOLTA (PV)

MIDA telah meluluskan satu lesen pengeluaran kepada sebuah syarikat untuk mengeluarkan produk *Balance of Systems* (BoS) untuk solar fotovolta. Ini diklasifikasikan sebagai salah satu daripada projek-projek MIDA yang berkualiti tinggi.


MATRADE akan terus bekerjasama lebih erat dengan *Malaysian Photovoltaic Industry Association* (MPIA) dan beberapa firma tempatan yang menyediakan perkhidmatan integrasi sistem bagi menghasilkan penyelesaian PV, yang boleh dieksport menerusi misi perdagangan antarabangsa ke

negara-negara seperti Myanmar, Kemboja dan Qatar.

Balance of Systems merangkumi semua komponen dalam sistem PV selain panel PV, iaitu termasuklah inverter, penyimpanan bateri dalam sistem luar grid, sistem pengurusan kuasa, kabel, alat kawalan dan struktur tapak.



Ladang solar di Tok Bali, Kelantan



Rajah 7.4: Inverter, alat kawalan, meter pintar dan simpanan bateri, adalah beberapa produk komponen PV BOS, yang boleh dipasarkan dalam pasaran industri solar.

INTIPATI UTAMA

EPP ini akan memfokuskan perbincangan dengan syarikat-syarikat terpilih dan memajukan lagi aktiviti pertengahan dan hiliran dalam industri solar. Agensi-agensi yang berkaitan seperti *Sustainable Energy Development Authority of Malaysia* (SEDA Malaysia), *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC), MIDA dan SME Corp

juga akan bekerjasama untuk mengenal pasti peluang-peluang tambahan yang boleh memanfaatkan keberkesanan tenaga dan program penggunaan tenaga bagi kegiatan hiliran ekosistem dalam industri solar.

Fokus ditumpukan kepada mencari penyelesaian hubungan antara luar

grid sebagai infrastruktur asas luar bandar. SEDA akan mengusaha dan mengaturkan program Bumbung Solar bagi 20,000 unit rumah, manakala MPIA pula akan meneroka dan mencadangkan amalan terbaik dalam *net metering* kepada KeTTHA untuk pertimbangan selanjutnya.

EPP
17

MEMBANGUNKAN INDUSTRI SISTEM TERTANAM

Sistem tertanam merupakan blok pembinaan yang penting bagi IoT yang boleh merangsang transformasi kreatif dalam perkembangan industri. Alat-alat moden mesti menjadi semakin 'pintar' dan kepintaran ini harus tersisip dalam sistem tertanam – perkakasan dan perisian saling berintegrasi dengan ketat yang direka bentuk bagi menjalankan fungsi khusus masing-masing.

EPP ini akan menjadi pemangkin bagi kemunculan peluang baharu ini dan terus memajukan sistem tertanam dalam industri E&E sebagai sumber baharu pertumbuhan, seiringan dengan pertumbuhan rancak sistem tertanam dalam pasaran dunia. Matlamat ini dapat tercapai dengan memanfaatkan ekosistem elektronik Malaysia yang mantap dan firma-firma sistem tertanam tempatan yang mahir.

Setakat ini, sejumlah 14 projek sistem tertanam telah diluluskan sejak tahun 2012, termasuk tiga projek baharu pada tahun 2014, iaitu Automotif, Pemantauan Vessel & Aset, serta Kit Robotik Pendidikan (*Automotive, Vessel & Asset Monitoring, and Educational Robotic Kits*).

Inisiatif yang dikenal pasti di bawah EPP ini adalah termasuk:

- Membangunkan projek sistem tertanam yang menghasilkan produk sistem tertanam dalam negeri untuk bersaing di pasaran antarabangsa atau memenuhi peluang pasaran tertentu
- Memajukan ekosistem industri sistem tertanam melalui kerjasama industri dengan peneraju teknologi sistem

tertanam dan sistem tertanam lain yang mempunyai kaitan dengan parti ekosistem untuk membangunkan keupayaan tempatan dalam industri ini.

EPP ini dipacu oleh kedua-dua sektor swasta dan awam, dan diterajui oleh MDeC, dengan sokongan daripada rakan kongsi teknologi yang terkemuka, khususnya, Intel, National Instruments, Altera, CISCO dan Wind River, bersama-sama pihak ekosistem yang utama termasuklah MIDA, MATRADE, NCIA, MIMOS, Penang Skills Development Centre, SIRIM, SME Corp, CREST dan TalentCorp.

Motorola, firma pembekal perkhidmatan dan penyelesaian bagi *mission-critical* dalam komunikasi kepada pelanggan syarikat swasta

dan badan kerajaan, telah membuka pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang baharu di Pulau Pinang, bernama 'Innoplex'. Dilengkapi dengan makmal serba lengkap, termoden lagi canggih dan kemudahan rekabentuk dan pengembangan produk pusat ini akan memfokus kepada memaju dan menghasilkan produk generasi baharu yang pintar dalam Radio Mudah Alih Darat (*Land Mobile Radio*, LMR), peralatan jalur lebar LTE dan penyelesaian sistem bagi pelanggan Motorola di serata dunia.

Innoplex kini merupakan pusat fasiliti R&D terbesar milik Motorola di luar Amerika Syarikat, dan akan membantu menyatukan semua operasi syarikat di Pulau Pinang ke satu tempat yang sama.

Tambahan lagi, pusat reka bentuk setempat ini akan mencipta peluang pekerjaan bagi 1,200 orang jurutera dan

kakitangan sokongan di tempat ini, dan juga menerima pasukan tenaga kerja daripada pelbagai bidang termasuklah reka bentuk industri, perisian, jurutera elektrik dan elektronik, jurutera mekanikal dan pengurusan program.

Makmal di pusat ini dilengkapi peralatan pengujian termaju bagi menjalankan pengujian keserasian produk komunikasi radio dan mencipta produk baharu. Pusat Innoplex juga akan membantu syarikat untuk menggabung semua fungsi R&D, lantas mewujudkan persekitaran unggul bagi meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan keberkesanan operasi.

INTIPATI UTAMA

Cabaran utama yang dihadapi oleh sektor ini ialah pasaran tempatan yang kecil, kurang kesedaran tentang produk dan perkhidmatan dalam

sistem tertanam serta pilihan lebih kepada produk asing. Bagi menangani cabaran-cabaran ini, pelbagai program dan perbincangan diperlukan dan yang dapat mewujudkan peluang perniagaan yang sepadan antara syarikat sistem tertanam dan pengguna/pembeli di pasaran.

Untuk memajukan lagi segmen ini, projek peringkat kebangsaan yang memberi kesan besar harus dirancang dengan mengguna teknologi sistem tertanam industri, dan yang mempunyai potensi pasaran dunia yang besar, misalnya produk-produk penjagaan kesihatan, pertanian dan tenaga hijau. Sokongan dan dasar Kerajaan juga perlu ada untuk menggalakkan penggunaan sistem tertanam dalam sektor menegak, agar menjadi rujukan yang membantu menasarkkan pasaran eksport.

EPP
18

MEMANGKIN PEMBUATAN KOMPONEN KENDERAAN ELEKTRIK

Pada tahun 2014, GO Automobile Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan, telah mendapat lesen untuk mengeluarkan kenderaan elektrik (EV) yang pertama. Langkah ini selaras dengan sasaran untuk memula, membangun serta memajukan industri pembuatan EV tempatan di bawah Dasar Automotif Kebangsaan (*National Automotive Policy*).

Sementara itu, syarikat tempatan, Eclimo Sdn Bhd, yang membuat skuter elektrik, sedang meningkatkan pengeluaran kerana permintaan yang semakin meningkat untuk skuter elektrik, terutamanya digunakan dalam syarikat perkhidmatan penghantaran (kurier) dan industri pelancongan.



Bas elektrik BYD digunakan sebagai pengangkutan awam di bandar Melaka

Teknologi Eclimo menjamin hampir tiada langsung pembaziran tenaga dan menggunakan bateri ion litium terkini dalam pembuatan skuter elektriknya.

Institut Automotif Malaysia (MAI), ARCA Corporation Sdn Bhd, AutoCRC Ltd dan Universiti Swinburne telah menandatangani satu perjanjian MoU pada tahun 2014, bertujuan untuk membangun dan menghasilkan bas elektrik, bateri ion litium, dan sistem mengesan kenderaan komersial. Kumpulan Penyelidik Kenderaan Elektrik dari Universiti Swinburne merupakan salah satu kumpulan penyelidik terkemuka di dunia dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) kenderaan elektrik, pembentukan dasar dan pendidikan. Kepakaran dan ilmu pengetahuan kumpulan penyelidik Universiti Swinburne termasuklah teknologi dan pengurusan bateri, teknologi *drivetrain* dan motor elektrik, reka bentuk lampu pencahayaan dan badan kenderaan. Untuk menyokong kemajuan dan pembangunan industri baharu ini di Malaysia, amalan terbaik serta teknologi asing akan terus dikongsi

bersama oleh MAI, MGTC dan semua pihak yang terbabit dalam industri EV.

Kilang membuat bateri Li-ion bagi kenderaan elektrik (EV) akan dapat beroperasi selepas prototaip bateri siap dihasilkan pada tahun 2015. Rancangan terdekat ialah untuk membentuk konsortium yang boleh melaksanakan pendekatan reka bentuk berintegrasi dan pembuatan. MAI akan memudahkan proses ini bersama GO Automobile Sdn Bhd dan ARCA Corporation Sdn Bhd sebagai rakan pelabur sektor swasta untuk menubuhkan loji tersebut menjelang tahun 2016.

Bas elektrik BYD-K9 dengan 29 tempat duduk akan dipasang di dalam negara oleh syarikat AMDAC (M) Sdn Bhd. Bas-bas elektrik ini boleh bergerak sejauh 250-300 km bagi setiap satu kali cas. Bateri litium ion fosfat yang digunakan untuk menjana kuasa bagi bas elektrik mempunyai jangka hayat kira-kira 6,000 cas, bermakna sebuah bas elektrik boleh digunakan selama 16 tahun.

Di samping itu, Prasarana Malaysia Bhd akan melancarkan perkhidmatan 15 buah bas elektrik di laluan Sunway Bus Rapid Transit (BRT) pada suku kedua tahun 2015. Panorama Melaka Sdn Bhd pula akan memperkenalkan perkhidmatan 40 buah bas elektrik pada tahun 2015 bagi menambah bilangan kenderaan dan juga diguna untuk aktiviti pelancongan di Melaka.

INTIPATI UTAMA

Pelancaran bas elektrik di jalan raya akan menjadi pemangkin bagi industri kenderaan elektrik (EV) di Malaysia, khususnya dalam reka bentuk dan penghasilan kenderaan elektrik dan komponen elektronik. Menjelang tahun 2020, sebanyak 2,000 buah bas elektrik disasarkan untuk beroperasi di jalan raya.

EPP
19

MENYOKONG PERKHIDMATAN MRO REL

SERANTAU MELALUI PEMBUATAN KOMPONEN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2014, SPAD telah melantik sebuah firma rundingan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan Perkhidmatan MRO Rel Kebangsaan (termasuklah penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih MRO) dengan tumpuan khusus kepada aspek ekonomi makro, kesan ekonomi dan keperluan kewangan dalam industri pengangkutan kereta api elektrik untuk negara. Inisiatif ini akan diteruskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang akan memastikan

pertumbuhan dan perkembangan EPP ini.

Hasil kajian kebolehlaksanaan akan menjadi asas bagi membangun dan memajukan komponen E&E bagi kegunaan dalam perkhidmatan MRO rel. Di samping itu, kajian ini juga akan membuka jalan kepada vendor dan firma pengintegrasian sistem untuk menyediakan perkhidmatan membaiki dan pengembangan produk yang berkaitan dengan komponen elektrikal dan elektronik dan sistem.


INTIPATI UTAMA

National Instruments akan menerokai dan menyediakan perkhidmatan kongsi bersama kepada vendor dan firma pengintegrasian sistem supaya dapat memaju dan menguji reka bentuk E&E, integrasi sistem dan tempah suai, dan penciptaan IP dalam perkhidmatan MRO rel. Semua ini dijangka dapat meningkatkan ekosistem dan rantaian nilainya dalam pengeluaran komponen elektronik untuk kereta api elektrik dan perkhidmatan yang berkaitan.

MEMANGKIN INDUSTRI MELALUI NANOTEKNOLOGI

Pembangunan dan pelancaran teknologi pengurusan terma dalam penggunaan LED telah siap 75 peratus pada bulan Disember 2014, dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2015. Perkembangan dan penggunaan teknologi ini tergendala pada mulanya kerana isu pembiayaan dan rundingan dana, yang kini sudah pun selesai dan dipersetujui.

Nano Malaysia pula telah mengenal pasti sektor LED sebagai titik permulaan bagi teknologi penenggelam haba tiub nano karbon-tembaga (Cu-CNT). Nano Malaysia menandatangani Perjanjian Lesen Teknologi dengan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) pada bulan Mac 2014, dan perjanjian kerjasama dengan Hans System Design Sdn Bhd, sebuah firma reka bentuk dan pengeluar LED/SSL tempatan, untuk memaju dan melancarkan pengurusan teknologi terma dalam aplikasi LED. Pada bulan Oktober 2014, UTP telah membekalkan bancuhan nanokomposit (Cu-CNT) untuk pengeluaran acuan dengan jumlah yang kecil. Menjelang bulan Disember 2014, pengintegrasian reka bentuk dan pengujian tiub LED dalam pengaliran



Rajah 7.5: Rangka-kerja Kerjasama Platform iNanovation

elektrik terma dan keselamatannya telah siap dilaksanakan.

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah menyiapkan suatu kajian tentang graphene pada bulan Mei 2014, termasuk juga kajian tentang aplikasi bahan ini dalam industri E&E. Terdapat dua projek penting dalam penggunaan graphene, iaitu untuk meningkatkan mutu bateri Li-ion dan membentuk platform pengeluaran bagi teknologi *conductive inks*.

INTIPATI UTAMA

Rangka kerja kerjasama baharu Nano Malaysia, iaitu Platform iNanovation, yang dilancarkan pada awal tahun 2014, akan membantu memupuk kerjasama lebih erat di antara institut penyelidikan, institut pengajian tinggi, Kerajaan dan sektor industri elektrik dan elektronik untuk menjamin pengkomersialan yang berjaya.



Pelapik asas Cu-CNT yang digabungkan ke dalam modul LED dengan kerjasama Hans System Design Sdn Bhd boleh mengawal haba kuat yang dihasilkan oleh sumber cahaya LED, lantas menjadikannya lebih efisien dan tahan lama

Ringkasan NKEA Elektrikal dan Elektronik

	Sasaran Tahun 2020
Kesan Peningkatan PNK	RM53.4 bilion
Pertambahan pekerjaan	157,000

Sasaran Kritikal bagi tahun 2015

- Pelaburan sebanyak RM6.5 bilion diluluskan untuk sektor E&E
- 65% daripada pelaburan diluluskan bagi sektor E&E sejak tahun 2011 direalisasikan
- 18 projek bermutu tinggi akan diluluskan
- 20 aplikasi Reka Bentuk Eko diterima oleh syarikat/organisasi dengan mengguna kemudahan Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian (EIDC) yang dikongsi bersama
- Proses memasarkan secara komersial nanokomposit Cu-CNT bagi pengurusan terma dalam industri LED berjaya dilaksanakan
- Dua buah syarikat sedang mengusahakan pembuatan prototaip komersial (bagi Bateri Litium dan Dakwat Konduktif) di bawah Rancangan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 (NGAP 2020)
- Jumlah jualan tahunan produk LED keluaran tempatan di bawah rancangan peningkatan jualan SME Corp, mencecah RM110 juta
- 30 produk baharu LED mendapat perakuan antarabangsa
- Dua syarikat menghasilkan cip *Green Motion Controller* (GMC) bagi mendapat pengesahihan dan kelulusan pra-komersial
- 30 Perkhidmatan Analisis Tinggi disediakan oleh firma rundingan tempatan kepada industri
- 50 jurutera terlatih dan pelajar dilatih dalam membuat Analisis Kegagalan (*Failure Analysis*, FA) dan Analisis Bahan (*Material Analysis*, MA)
- Lima perkhidmatan pengujian wafer disediakan untuk syarikat tempatan E&E
- 30 projek mengguna fasiliti Makmal Metrologi



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



NKEA ini terus kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2014, lantas menjadikannya di antara bidang yang paling cepat membangun di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP)





Dato' Sri Richard Riot
Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia

S&J

BOLEHKAH DATO' NYATAKAN BEBERAPA SOROTAN PENTING DALAM NKEA PERKHIDMATAN PERNIAGAAN PADA TAHUN INI?

NKEA ini terus kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2014, lantas menjadikannya di antara bidang yang paling cepat membangun di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Antara sorotan penting pada tahun 2014 termasuklah pelancaran Dasar Teknologi Hijau Negara yang bertujuan untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat dalam sektor teknologi hijau yang telah menarik pelaburan mencecah RM2 bilion pada tahun 2014.

Malah, Malaysia semakin menempa nama sebagai hab perkhidmatan perniagaan apabila Malaysian Data Centre Alliance (MDCA) memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama dengan Majlis Pusat Data Jepun, yang bakal menyaksikan perkongsian amalan terbaik sesama mereka di samping membina jalinan kerjasama untuk program-program promosi.

Selain itu, enam buah pusat data di Malaysia telah berjaya memperoleh pentauliahian sijil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pengurusan tenaga, keselamatan data dan pengurusan perkhidmatan. Dalam perkembangan yang lain, Hab Penyumberan Luar Teknologi Maklumat Automotif Antarabangsa milik Goldbury turut dilancarkan, dengan menyasarkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM113 juta.

BERLATARBELAKANGKAN TRAGEDI DAN CABARAN YANG MELANDA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS), APAKAH KESANNYA TERHADAP INDUSTRI PENYENGGARAAN, PEMBAIKAN DAN BAIK PULIH (MRO), DAN APAKAH PULA INISIATIF YANG SEDANG DIUSAHAKAN UNTUK MEMPERKUKUH INDUSTRI AEROANGKASA?

Kami begitu sedih dan terkesan akan rentetan tragedi yang melanda MAS sepanjang tahun lepas, namun, kami akan terus mempamerkan sokongan jitu kepada syarikat kebanggaan negara ini. Kami yakin bahawa MAS akan terus gagah mempelopori sektor penerbangan negara dan berupaya menyumbang kepada pertumbuhan industri penerbangan berdasarkan pegangan pasaran Malaysia yang kini menduduki tangga kedua di peringkat ASEAN.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif penting bagi memacu negara ke arah status peneraju bidang aeroangkasa serantau menjelang tahun 2030. Antara inisiatif tersebut ialah Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 yang dibangunkan oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) yang bakal dilancarkan pada Mac tahun depan.

Sementara itu, kami juga telah mewujudkan sebuah EPP baharu iaitu 'Menjadikan Malaysia sebuah Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara'. EPP baharu ini disasarkan akan menyumbang RM1.1 bilion kepada GNI di samping menjana pelaburan bernilai RM1.9 bilion dan bakal mewujudkan 3,368 pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2020.

APAKAH CABARAN YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN SEKTOR PERKHIDMATAN PERNIAGAAN? BOLEHKAH DATO' JELASKAN BAGAIMANA CARANYA UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT DI MALAYSIA KEKAL KOMPETITIF WALAUPUN BERDEPAN DENGAN CABARAN TERSEBUT?

Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran terbesar yang kita hadapi ialah persaingan sengit daripada khalayak jiran serantau kita. Apatah lagi dengan wujudnya Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang bakal direalisasikan penubuhannya pada 2015 sudah pasti menjadikan saingan dalam kalangan negara serantau semakin sengit. Oleh hal yang demikian, syarikat-syarikat di Malaysia wajar menitikberatkan usaha yang berterusan untuk beranjak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi sehingga berupaya menawarkan produk serta perkhidmatan yang bukan sahaja inovatif malah yang tiada tolok bandingnya di pasaran.



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan perniagaan terus berkembang pada trajektori pertumbuhan yang kukuh, didorong oleh perkembangan pemain utama industri yang aktif meluaskan perniagaan mereka.

Berdasarkan senario tersebut, sektor perkhidmatan perniagaan mengalami pertumbuhan pada kadar 9.9 peratus pada tahun lepas, menjadikannya antara NKEA yang paling pantas berkembang dengan mengambil kira sumbangan pendapatan berjumlah RM39.9 bilion, bersamaan dengan 3.9 peratus Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Sektor perkhidmatan perniagaan merupakan sektor kedua paling pesat berkembang di Malaysia dalam dekad yang lepas, malah, sektor terpilih seperti teknologi hijau dan pusat data mencatatkan kadar pertumbuhan dua digit. Bersandarkan perkembangan tersebut, NKEA ini berada tepat pada landasan untuk merealisasikan sasaran PNK berjumlah RM78.7 bilion menjelang 2020, berpandukan Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompaunkan (CAGR) sebanyak 12 peratus. Namun begitu, perhatian khusus perlu ditumpukan terhadap inisiatif yang menyasarkan pembangunan industri dalam beberapa bidang bernilai tinggi agar berupaya mengangkat kedudukan Malaysia di rantau ini.

Dalam sektor perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO), Malaysia mengekalkan kedudukan di tangga ke-3 dalam senarai indeks lokasi SSO terbaik di dunia seperti yang diumumkan dalam laporan Global Location Services Index 2014 terbitan AT Kearney. Pencapaian tersebut telah diraih oleh Malaysia selama 10 tahun berturut-turut. Sementara itu, Malaysia menduduki tangga ke-2 dalam bidang aeroangkasa rantau Asia Tenggara berpandukan pegangan dalam pasaran sektor

tersebut. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif penting telah dilancarkan untuk melonjakkan negara sebagai peneraju dalam sektor aeroangkasa di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2030.

Meskipun NKEA perkhidmatan perniagaan berjaya mencatatkan prestasi yang baik secara amnya, beberapa sektor di bawah NKEA ini mengharungi cabaran yang dicetuskan oleh faktor luaran yang turut memberi kesan kepada keseluruhan industri. Cabaran yang paling ketara ialah rentetan tragedi yang melanda Sistem Penerbangan Malaysia, persaingan yang semakin sengit di peringkat rantau ASEAN dan Asia Pasifik terutamanya yang melibatkan penawaran perkhidmatan berkos rendah, serta cabaran pembangunan modal insan.

Dalam pada itu, beberapa pelan strategik baharu telah dibangunkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan daya saing negara dalam sektor perkhidmatan perniagaan. Antara lain, Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 yang dibangunkan oleh MIGHT yang menyasarkan Malaysia sebagai negara peneraju aeroangkasa terbaik di Asia Tenggara dalam tempoh 15 tahun dari sekarang. Selain itu, Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) yang dibangunkan oleh MGTC pula menggariskan strategi yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus berbanding kadar pada tahun 2005, di samping menyasarkan peningkatan sumbangan industri teknologi hijau kepada KDNK sebanyak RM70 bilion menjelang tahun 2030.

Unjuran Tahun 2015

Sektor perkhidmatan perniagaan dijangka mengalami pertumbuhan kukuh susulan daripada perkembangan terkini dalam industri ini, selain pasaran baharu yang berjaya diterokai. Namun, adalah wajar bagi memastikan industri ini beranjak ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi memandangkan saingan sengit yang bakal ditampilkan oleh negara serantau. Hal ini dikatakan demikian berikutan daripada dasar yang akan dilaksanakan pada 2015 untuk menjadikan ASEAN sebuah pasaran tunggal yang akan menyaksikan sekatan dagangan antara negara-negara serantau disingkirkan.

Dengan kehadiran pusat perkhidmatan berkos rendah di negara serantau seperti Filipina, Vietnam dan Thailand yang menawarkan aktiviti berkos rendah dalam sektor aeroangkasa, penyumberan luar dan teknologi maklumat, syarikat tempatan harus meningkatkan penawaran perkhidmatan dalam rantaian nilai yang lebih tinggi. Hal ini penting bagi mendepani persaingan yang dicetuskan oleh negara-negara tersebut yang dapat mengakibatkan migrasi aktiviti sepertinya keluar dari Malaysia.. Oleh kerana sektor Perkhidmatan Perniagaan agak bergantung pada permintaan antarabangsa, kadar pertumbuhan sektor ini akan turut terkesan berpandukan permintaan di peringkat global dan serantau berlatarkan persekitaran ekonomi dunia yang semakin mencabar.

Kemajuan teknologi dalam industri MRO juga turut mendatangkan impak, seperti penggunaan bahan komposit dalam pembikinan pesawat yang mempunyai daya tahan yang lebih lama dan pembikinan pesawat moden yang mempunyai tempoh kitaran penyenggaraan yang lebih lama. Syarikat-syarikat PKS dalam sektor aeroangkasa perlu dinaiktaraf bagi mendapatkan pensijilan industri, pengiktirafan OEM dan pakej kerja bagi membolehkan mereka turut serta dalam rantaian bekalan di peringkat global. Sementara itu, PKS yang terlibat dalam bidang kejuruteraan dan reka bentuk dilihat akan menyasarkan perkembangan selanjutnya menerusi kerjasama dengan OEM bertaraf global.

Dalam sektor penyumberan luar proses perniagaan (BPO) pula, industri ini akan ditumpukan terhadap bidang yang bernilai tinggi seperti kewangan, perakaunan, penjagaan kesihatan dan perundangan. Sementara itu, sektor pusat data pula akan memfokuskan perkhidmatan bernilai tinggi seperti *cloud computing* serta memacu penambahbaikan dalam aspek keberkesanan operasi dan penggunaan tenaga. Usaha untuk mengeksport perkhidmatan pusat data ke luar sempadan Malaysia serta menarik penglibatan syarikat *cloud computing* terkemuka dunia ke Malaysia juga akan dititikberatkan. Namun demikian, kos langganan bagi jalur lebar dan bekalan tenaga masih merupakan faktor yang

mengekang daya saing sektor pusat data di peringkat serantau.

Sektor teknologi hijau dijangka terus berkembang pada kadar 10-15 peratus selepas pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Hijau yang akan merealisasikan inisiatif yang dijanjikan dalam Pelan tersebut. Sektor perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi juga dijangka berkembang berlatarkan peningkatan kapasiti dan perluasan tumpuan EPP ini kepada sektor lain, antaranya, penjagaan kesihatan serta minyak dan gas.

Selanjutnya, sektor pembinaan dan pembaikan kapal juga dijangka mengalami pertumbuhan berpandukan peningkatan rangka kerja pengawalseliaan, perhatian yang lebih khusus daripada Kerajaan dan fokus yang berterusan terhadap pembangunan keupayaan tempatan untuk pembuatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV). Namun demikian, kejatuhan harga minyak di pasaran global bermungkinan menjejaskan permintaan ke atas pembinaan OSV baharu, justeru turut memberi impak yang ketara terhadap pembangunan sektor ini.

Analisis KPI Tahun 2014

Sasaran ke atas penciptaan peluang pekerjaan dan hasil pendapatan dalam sektor perkhidmatan perniagaan berjaya dicapai secara amnya, disokong oleh pertumbuhan hasil yang kukuh dan pengembangan perniagaan oleh sesetengah pihak dalam industri. Namun, terdapat beberapa sasaran KPI yang tidak berupaya dicapai disebabkan

unjuran yang terlalu optimistik, walaupun secara umumnya, sektor ini telah menyaksikan pertumbuhan. Faktor lain yang turut memberi kesan termasuklah kekangan bajet daripada Kerajaan serta faktor di luar kawalan seperti tragedi yang menimpa Sistem Penerbangan Malaysia yang memberi kesan kepada sektor penerbangan secara keseluruhannya.

Dalam pada itu, sektor perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) terus berkembang kukuh.

Hasil eksport ke luar negara bagi tahun 2014 mencecah RM2.02 bilion, mengatasi sasaran awal sebanyak RM1.83 bilion, didorong oleh banyak syarikat yang mengekalkan penawaran perkhidmatan bernilai tambah kepada golongan pelanggan yang menjadi sasaran utama mereka. Sementara itu, sebanyak 13,953 pekerjaan baharu diwujudkan dalam tempoh yang sama berbanding dengan sasaran awal sebanyak 13,839 yang merupakan peningkatan 16 peratus daripada bilangan pekerjaan baharu yang dicipta

pada tahun lepas iaitu 12,034. Walau bagaimanapun, perkembangan industri SSO yang semakin menjurus kepada penciptaan pekerjaan bernilai tinggi yang menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk bakal pekerja dijangka menyebabkan pertumbuhan pekerjaan lebih perlahan dalam sektor ini.

Sektor MRO pula mencatatkan hasil yang lebih rendah pada tahun 2014,

iaitu RM5.27 bilion berbanding dengan sasaran awal RM5.5 bilion. Pertumbuhan industri ini dari setahun ke setahun boleh dikatakan mendatar, yakni 3-5 peratus setahun. Dalam hal ini, meskipun terdapat syarikat yang berkembang kukuh dalam sektor ini, cabaran ketara yang terpaksa diidepani oleh pemain utama dalam industri MRO, iaitu MAS Aerospace Engineering (MAE), anak syarikat

Sistem Penerbangan Malaysia yang menyumbang kira-kira 40 peratus kepada jumlah keseluruhan hasil dalam sektor MRO telah menjejaskan perkembangan sektor ini. Lantaran cabaran tersebut, MAE kini distruktur semula berdasarkan strategi pemulihan Malaysia Airlines.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PERKHIDMATAN PERNIAGAAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Pendapatan daripada perkhidmatan MRO (RM juta)	5,500	5,270	96	●	96	●	0.5	●
EPP #2	Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC) - bilangan pengguna	150,000	130,661	87	●	87	●	0.5	●
	Pusat Data Sektor Awam - bilangan agensi	49	49	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pekerjaan baharu yang diwujudkan	13,839	13,953	101	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan hasil jualan luar negara (RM juta)	1,831	2,015.5	110	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Jumlah pendapatan perkhidmatan Pusat Data (RM juta)	785	795.5	101	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Pendapatan yang dijana daripada segmen utama contohnya RE/EE/SWM/GTFS (RM juta)	2,271	1,443.2	64	●	64	●	0.5	●
	Pelaburan baharu yang direalisasikan (RM juta)	2,000	2,591	130	●	100	●	1.0	●
	Bilangan projek hijau yang diluluskan oleh bank	35	45	129	●	100	●	1.0	●
	Nilai pinjaman yang diluluskan institusi kewangan di bawah GTFS (RM juta)	400	438.4	110	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA PERKHIDMATAN PERNIAGAAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Bilangan jurutera baharu yang dilantik	224	159	71	●	71	●	0.5	●
	Pendapatan oleh syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta): (i) SAM (ii) DESB (iii) Lain-lain	60	54.25	90	●	90	●	0.5	●
	Pelaburan oleh syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta): (i) SAM (ii) DESB (iii) Lain-lain	25	10.39	42	●	42	●	0	●
EPP #6	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	240	262	109	●	100	●	1.0	●
				96%		89%		75%	

Rajah 8.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MENGEMBANGKAN PERKHIDMATAN PENYENGKARAAN, PEMBAIKAN DAN BAIK PULIH PESAWAT (MRO)

DALAM INDUSTRI PENERBANGAN

Pertumbuhan hasil dalam EPP ini tidak mencecah tahap yang dijangkakan ekoran daripada cabaran ketara yang menghimpit syarikat utama dalam industri penerbangan negara – Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Sayap kejuruteraannya, MAS Aerospace Engineering (MAE), turut menerima impak sehingga membawa kepada penstrukturan semula unit itu pada tahun 2014. Langkah yang serius tersebut telah memberi kesan kepada pertumbuhan industri MRO secara keseluruhannya, justeru, hasil yang dicatatkan pada tahun 2014 ialah RM5.27 bilion, iaitu 96 peratus daripada sasaran awal untuk tahun 2014 sebanyak RM5.5 bilion. Industri ini secara amnya menyaksikan pertumbuhan tahunan yang sederhana, iaitu 3-5 peratus setahun.

Namun demikian, sektor MRO di Malaysia disuntik nafas baharu dengan kehadiran dua pemain utama yang telah memulakan operasi mereka, sekali

gus mengangkat keterserlahan dan kewibawaan Malaysia dalam sektor ini. Airbus, syarikat pesawat antarabangsa yang tersohor, telah memulakan operasi pusat perkhidmatan pelanggannya pada Februari 2014 dan menjadikannya sebagai pintu masuk kepada semua pelanggan Airbus di rantau ini. Fasilitas tersebut menawarkan kepakaran kejuruteraan baik pulih pesawat dan pembaikan badan pesawat.

Selain Airbus, SR Technics, syarikat MRO yang berpangkalan di Switzerland juga melancarkan operasi perkhidmatan pesawatnya di Shah Alam pada tahun 2014. Fasilitas SR Technics ini berupaya menampung kira-kira 1,200 komponen pesawat selain berperanan sebagai pusat perkhidmatan pelanggannya. Di samping itu, fasilitas tersebut menjadi tapak pengedaran komponen untuk pelanggannya yang memerlukan perkhidmatan komponen bersepadu (ICS) pada peringkat rantau Asia Pasifik

dan pusat pengurusan bagi bekalan komponen.

Dalam perkembangan yang lain, pada bulan Mac 2014, EPP ini menyaksikan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) yang mencatatkan transaksi bernilai RM415 juta melibatkan sebuah syarikat pengeluar komponen berkegiatan tinggi milik tempatan sepenuhnya, iaitu UPECA Technologies Sdn Bhd. Pengambilalihan UPECA Technologies oleh syarikat pengeluar kerangka pesawat dan autokomponen Britain, Senior Plc telah membuka mata syarikat antarabangsa untuk meyakini kualiti kejuruteraan MRO tempatan.

Industri ini turut menyaksikan jalinan usaha sama antara institusi latihan penerbangan negara, Asia Pacific Flight Training (APFT) Bhd dan penyedia latihan juruteknik penerbangan yang terunggul di Jerman, Lufthansa Technical Training



Bengkel Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 yang diadakan di Hotel Everly Putrajaya



Gambaran artis untuk Asia Aerospace City

(LTT), bertujuan untuk memberikan latihan juruteknik penerbangan kepada sekurang-kurangnya 400 pelajar dalam tempoh lima tahun akan datang. Jalinan ini merupakan nadi penting dalam usaha untuk memperhebat pembangunan modal insan dalam sektor MRO, sekali gus menyumbang secara signifikan terhadap keperluan modal insan dalam industri yang semakin berkembang ini.

Bagi meneruskan usaha untuk memperkukuh sektor MRO, Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 turut dibangunkan dengan menyasarkan Malaysia sebagai negara peneraju aeroangkasa terbaik di Asia Tenggara dalam tempoh 15 tahun lagi. Pelan tindakan ini menyaksikan pembabitan lebih 100 pemegang berkepentingan dalam industri dan memperlihatkan sasaran, strategi dan inisiatif bagi memacu negara ke arah matlamat yang ditetapkan. Pelan tersebut dijangka pelancarannya sewaktu Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada bulan Mac 2015.

Dalam pada itu, kajian semula ke atas peraturan dan perundangan penerbangan awam di negara telah siap

dilaksanakan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA). DCA sedang merangka pindaan yang sewajarnya bagi mengangkat tahap perundangan dan pengawalseliaan penerbangan di negara ke standard yang diiktiraf antarabangsa.

Berdasarkan perkembangan dalam EPP1, sebuah EPP baharu telah dibangunkan, iaitu EPP7 – Menjadikan Malaysia sebuah Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara, yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), SMECORP dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT). Inisiatif ini menyasarkan sumbangan sebanyak RM1.1 bilion kepada PNK, komitmen pelaburan bernilai RM1.9 bilion dan bakal mencipta 3,368 pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020. EPP 7 akan dibangunkan di *Asia Aerospace City* yang dimiliki oleh M-Aerotech Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari MARA. Bandar Aeroangkasa Asia akan menempatkan Pusat Kecemerlangannya di Subang Nexus yang akan dilengkapi

dengan kemudahan dan infrastruktur bertaraf dunia, termasuklah fasiliti bagi inkubasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), kampus pendidikan dan pusat pembangunan profesional.

INTIPATI UTAMA

Pelancaran EPP 7 serta pelaksanaan strategi yang dibangunkan dalam Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 dijangka mencetuskan impak yang signifikan kepada industri MRO. Namun begitu, usaha penambahbaikan dalam pembangunan modal insan perlu dilakukan bagi menyelaraskan pihak pengawalselia, pemain industri dan institusi pendidikan tinggi (IPT). Hal ini penting bagi mewujudkan modal insan negara yang selaras dengan kehendak industri yang memerlukan tenaga kerja mahir dalam industri MRO, sekali gus melonjakkan industri ini. Selain itu, pelbagai strategi baharu juga diperlukan bagi memperkukuh subsektor pembuatan dalam industri ini, di samping merancang pembangunan PKS tempatan serta mempertingkatkan kehadiran syarikat OEM di Malaysia. Kesemua usaha tersebut berupaya memperluas kemampuan dan kapasiti industri MRO negara.

MEMBINA PIHAK PEMBEKAL PERKHIDMATAN PERKONGSIAN

DAN PENYUMBERAN LUAR YANG BERDAYA SAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Usaha yang telah digiatkan oleh industri ini untuk mempertingkatkan penerokaan perkhidmatan bernilai tambah, termasuklah dalam penyumberan luar proses berdasarkan pengetahuan (KPO), telah membuahkan kejayaan. Hasil pendapatan yang dicapai pada 2014 ialah RM2.02 bilion, melepasi sasaran awal RM1.83 bilion. Peningkatan hasil eksport didorong oleh usaha berterusan daripada syarikat-syarikat penyumberan luar di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan bernilai tambah kepada pelanggan mereka, serta usaha penggabungan dan pengambilalihan dengan pemain industri penyumberan luar yang terkemuka di dunia.



Pejabat Goldbury Communications Sdn Bhd yang bertempat di Medini, Iskandar

Sementara itu, KPI bagi pewujudan pekerjaan baharu berjaya dicapai berdasarkan 13,953 pekerjaan yang dicipta berbanding dengan sasaran awal iaitu 13,836. Walau bagaimanapun, pewujudan peluang pekerjaan dalam bidang ini dijangka semakin mendatar selari dengan usaha yang dilaksanakan untuk beranjak ke rantaian nilai yang lebih tinggi di samping perhijrahan lebih banyak aktiviti untuk dikendalikan secara robotik dan proses automasi dalam EPP ini. Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Outsourcing Malaysia (OM) merupakan pihak berkepentingan yang menerajui inisiatif ini untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan penyumberan luar ke tahap nilai yang lebih tinggi.

Sementara itu, inisiatif yang dipertanggungjawabkan kepada MAMPU untuk menerajui penyumberan luar bagi perkhidmatan Kerajaan telah mencapai sasaran sebanyak 49 agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan pusat data luaran. Akan tetapi, kekangan peruntukan dalam usaha mengembangkan perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC) menyebabkan bilangan

pengguna yang beralih ke sistem tersebut berkurangan pada tahun 2014. Hanya 130,661 pengguna baharu yang beralih untuk menggunakan 1GovUC, berbanding dengan sasaran awal iaitu 150,000 pengguna. Walau bagaimanapun, sasaran awal KPI ini, iaitu memindahkan 200,000 pengguna menjelang tahun 2014 tetap dicapai berpandukan saiz 254,330 pengguna yang sudah beralih ke 1GovUC setakat ini.

Malaysia mengekalkan daya saing sebagai destinasi pilihan dalam penyumberan luar perkongsian perkhidmatan (SSO) apabila tersenarai di tangga ke-3 dalam indeks lokasi SSO terbaik di dunia mengikut laporan Global Location Services Index 2014 terbitan AT Kearney. Pencapaian tersebut telah diraih oleh Malaysia selama 10 tahun berturut-turut. Bahkan, VADS, iaitu syarikat penyumberan luar proses perniagaan (BPO) yang terkemuka di Malaysia telah diiktiraf sebagai penyedia penyelesaian perniagaan terbaik di peringkat antarabangsa dan Asia Pasifik pada majlis VMware Partner Network Awards 2014.

Pencapaian yang ditempa merupakan deretan kedudukan kukuh yang

dicatatkan dalam sektor ini pada 2013, antara lain, syarikat perisian Silverlake Axis Ltd memenangi anugerah "Best Of The Best" daripada Forbes Asia dan syarikat penyelesaian internet, MyBiz tersenarai dalam Gartner's Magic Quadrant. Malah, MyBiz turut mencatat rekod sebagai pembekal Asia yang pertama disenaraikan dalam penarafan Strategic Sourcing Application Suites.

Dengan menyedari bahawa daya saing industri bukan sahaja perlu dikekalkan, malah perlu diperkasakan, EPP ini telah dikaji semula oleh MDeC dan OM pada Suku Ketiga 2014. Bengkel yang dilaksanakan menyaksikan pembabitan lebih 50 syarikat dan memfokuskan penilaian ke atas strategi sedia ada di samping membangunkan inisiatif yang bersifat 'game-changer' yang baharu.

Usaha tersebut berjaya mencetuskan beberapa inisiatif yang diperbaiki dan memberikan tumpuan terhadap program yang berupaya memacu agenda transformasi bagi sektor ini. Program yang disasarkan berpaksikan empat matlamat utama iaitu, peningkatan skala, peningkatan nilai perniagaan, pengukuhan ekosistem SSO dan

pengukuhan akses pasaran bagi sektor-sektor terpilih.

Kejayaan seterusnya yang disaksikan dalam EPP ini ialah penggabungan dan pengambilalihan (M&A) yang membabitkan salah sebuah syarikat BPO yang terbesar di Malaysia, Symphony House Bhd, dengan nilai transaksi mencecah US\$6.6 juta. Symphony telah diambil alih oleh syarikat antarabangsa, Aegis, yang merupakan antara penyedia BPO terbesar di dunia. Penggabungan tersebut menempa sejarah sebagai transaksi yang tertinggi nilainya di Malaysia bagi aktiviti M&A untuk syarikat BPO setakat ini. Dalam hal ini, kecenderungan permintaan industri serta keperluan pasaran menjadi faktor yang mempengaruhi aktiviti M&A.

Dengan matlamat untuk menyemarakkan kecemerlangan industri ini, Majlis Anugerah Cemerlang Penyumberan Luar Malaysia 2014 telah dianjurkan buat kali keempat, bersempena dengan Smart Sourcing Summit 2014 dan berjaya menarik penyertaan kira-kira 160 wakil industri. Di samping itu, MDeC turut menganjurkan sebuah persidangan bertajuk Procurement BPO pada bulan Jun yang menyasarkan pihak pegawai Kerajaan dan mengumpulkan golongan pembuat dasar dan pengurusan kanan dalam sebuah platform yang membincangkan perancangan dan memperluaskan pengetahuan dalam

bidang ini. Menerusi persidangan tersebut, adalah diharapkan agar peserta lebih peka akan potensi pasaran BPO yang bernilai US\$2 bilion dan peranan pemain industri BPO tempatan.

Dalam bulan November, Hab Penyumberan Luar Teknologi Maklumat Automotif yang dibangunkan oleh syarikat Goldbury telah dilancarkan sebagai sebuah projek di bawah EPP ini dengan menyasarkan sumbangan RM113 juta kepada PNK, menjanjikan 450 peluang tenaga kerja berkepakaran tinggi dan membabitkan pelaburan sebanyak RM4.2 juta sehingga tahun 2020. Hab Goldbury terletak di Medini Iskandar, Nusajaya dan menawarkan penyelesaian automotif bersandarkan modul sistem, aplikasi dan produk (SAP). Projek ini berupaya memenuhi keperluan 100,000 pengguna SAP di serata dunia, sekali gus berpotensi menempatkan Goldbury sebagai pemain utama dalam perkhidmatan automotif di peringkat global.

INTIPATI UTAMA

Bagi memastikan sektor penyumberan luar di Malaysia kekal kompetitif di peringkat global, beberapa cabaran utama perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, kebanyakan syarikat tempatan masih menawarkan perkhidmatan sokongan nilai rendah, yang bukan sahaja kian pudar tarikkannya dalam kalangan pelanggan, malah sudah dianggap tidak

cukup komprehensif dalam penawaran perkhidmatan yang disediakan. Pada masa yang sama, perkhidmatan bernilai rendah semakin cenderung dipindahkan kepada penggunaan automasi. Hal ini bermakna Malaysia perlu menawarkan perkhidmatan bernilai tinggi dengan melebarkan kapasiti industri, contohnya, dengan menawarkan perkhidmatan analitik dan tidak terbatas kepada perkhidmatan pusat panggilan semata-mata. Selain itu, banyak syarikat tidak cenderung untuk mengembangkan perniagaan ke pasaran global kerana masih menganggap bahawa mereka belum bersedia meneroka pasaran antarabangsa.

Pembabitan negara dalam sektor penyumberan luar merentasi pelbagai bidang perniagaan. Oleh sebab itu, Malaysia memerlukan pendekatan khusus yang lebih tertumpu di samping mengenal pasti bidang tumpuan dan subsektor yang mampu dikuasai negara. Serentak dengan usaha tersebut, golongan majikan juga perlu memainkan peranan dalam pembangunan modal insan (HCD) bagi menarik minat graduan tempatan dalam sektor SSO. Ketika ini, pembangunan modal insan tidak dititikberatkan kerana majikan menganggapnya sebagai kos tambahan. Dalam perkara ini, majikan perlu sedar bahawa pembangunan modal insan ialah pelaburan yang akan menguntungkan perniagaan mereka dalam jangka masa panjang.

EPP
3

MENEMPATKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB PUSAT DATA BERTARAF DUNIA

Industri Pusat Data (DC) terus memperlihatkan pertumbuhan hasil pendapatan yang kukuh pada 2014 berlatarkan hasil yang dicatatkan sebanyak RM795 juta berbanding dengan sasaran awal sebanyak RM785 juta. Hal ini bererti bahawa sasaran KPI telah merekodkan pencapaian 101 peratus pada tahun 2014 dan industri DC di Malaysia berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan sebanyak 40 peratus untuk tiga tahun berturut-turut, sekali gus mengatasi kadar pertumbuhan yang

dicatatkan di peringkat Asia Pasifik, iaitu 16 peratus.

Tahun 2014 turut menyaksikan perkembangan yang berterusan dalam kalangan syarikat DC tempatan, didorong oleh peranan Malaysian Data Centre Alliance (MDCA) sebagai pemudah cara untuk merangsang pelibatan sesama entiti perniagaan ('B-to-B') dan penganjuran bengkel kerja bagi tujuan pembangunan industri. Sehubungan dengan itu, Malaysia menganjurkan

Kongres Pusat Data Asia Tenggara dan Cloud di Iskandar, Johor pada bulan Mac, sementara MDCA pula melangsungkan Persidangan Pusat Data yang julung kalinya pada bulan November. Kedua-dua program tersebut berperanan penting dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman berkenaan industri serta membuka peluang bagi menjalinkan rangkaian kerja dan membina platform yang dapat memberikan pendedahan terhadap sektor ini di peringkat negara dan global.



Pusat Data yang keempat milik NTT Communications dilancarkan di Cyberjaya pada Mei 2014

Sementara itu, industri ini terus menyusun langkah untuk memperbaiki standard penyampaian perkhidmatannya. Antara lain, MDCA memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama dengan Majlis Pusat Data Jepun pada bulan April dan bakal menyaksikan perkongsian amalan terbaik serta aktiviti pemasaran dan promosi digiatkan sesama mereka. Selain itu, program Pensijilan Organisasi Pusat Data anjuran MDeC menyaksikan enam pusat data menerima sijil yang diiktiraf antarabangsa dalam bidang pengurusan tenaga, keselamatan data dan pengurusan perkhidmatan. Pengiktirafan tersebut semakin membuktikan kredibiliti yang dipunyai oleh DC tempatan dengan mengambil kira 21 sijil yang telah dikeluarkan sejak 2012.

Pembangunan dalam aspek infrastruktur rangkaian turut berkembang tahun ini, termasuklah pelancaran Rangkaian Antara Pusat Data yang operasinya dijangka bermula pada Suku Pertama 2015. Inisiatif yang diterajui oleh MDeC ini bertujuan untuk menambah baik kesalinghubungan dan daya tahan infrastruktur untuk dimanfaatkan oleh DC yang berlokasi di Cyberjaya. DC yang menyertai rangkaian tersebut akan dibekalkan dengan fiber gelap secara kontrak pajak. Di samping itu, rangkaian sistem kabel dasar laut antarabangsa juga akan diperluas bagi menampung

permintaan lebar jalur di Malaysia yang sedang meningkat dengan pantas, dengan jangkaan kapasiti 141 terabit sesaat (Tbps) menjelang tahun 2016.

EPP ini turut menyaksikan langkah M&A berimpak tinggi menerusi jalinan usaha sama antara Malaysia dan Jepun, yang melibatkan pengambilalihan dua buah syarikat tempatan, iaitu Freenet Business Solutions dan Powerware Systems oleh Hitachi Sunway. Kesan daripada penggabungan tersebut, Hitachi kini memiliki dua buah pusat data yang berlokasi di Cyberjaya dan Kuala Lumpur, dengan jumlah keluasan ruang lantai 18,500 kaki persegi. Malah, kedua-dua pusat tersebut telah diiktiraf dengan pensijilan ISO dan mencapai taraf Pusat Data Tahap 3.

Strategi M&A berupaya mengangkat pembangunan kapasiti dan peningkatan skala, justeru mengupayakan pemain tempatan agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, kejayaan dalam usaha menarik firma Jepun ke Malaysia turut didorong oleh tumpuan khusus terhadap pasaran Jepun, yang diusahakan di bawah program anjuran MDeC.

Pada bulan Mei, NTT Communications melancarkan pusat datanya yang keempat. Pusat data ini menampilkan keluasan

42,000 kaki persegi dan menyasarkan untuk memenuhi permintaan daripada pasaran Asia Tenggara yang semakin meningkat di samping menawarkan penyelesaian perniagaan yang baharu dalam bidang pemulihan bencana, pengurusan perkhidmatan dan latihan profesional.

INTIPATI UTAMA

Malaysia berdepan dengan persaingan yang semakin sengit dalam usaha untuk memperluas ruang Pusat Data. Bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif di peringkat serantau, faktor kos dalam pengurusan perniagaan perlu diberi perhatian, terutamanya harga langganan jalur lebar dan bekalan tenaga elektrik. Kadar harga jalur lebar bagi *dedicated server hosting* boleh mencecah 57 kali ganda lebih mahal jika dibandingkan dengan kadar di Singapura. Selain itu, tarif pembekalan tenaga elektrik pula semakin meningkat, manakala tarif bagi harga komersial yang lebih tinggi berbanding tarif industri bagi sektor pembuatan mengundang cabaran yang sengit untuk pengusaha industri pusat data.

Selain itu, jalinan kerjasama antara agensi turut memainkan peranan yang amat penting dalam industri ini, khususnya apabila melibatkan pelaburan berskala besar. Fasilitasi dan kepakaran merangkumi pelbagai aspek daripada pelbagai pihak berkepentingan diperlukan sebelum memutuskan lokasi yang sesuai untuk pusat data. Usaha terhadap peningkatan kerjasama antara agensi ini telah diperkukuh susulan pembentukan Jawatankuasa Kerja Pusat Data yang menggabungkan MIDA, MDeC dan PEMANDU.

Pada masa yang sama, Jawatankuasa ini dilihat mampu menarik lebih ramai pengamal industri *cloud computing* bertaraf global ke Malaysia bagi mengurangkan jurang yang wujud dalam ekosistem kandungan dan perkhidmatan digital dalam negara. Dalam hal ini, sekiranya Malaysia mengehos lebih banyak kandungan Internet dan *cloud*, aliran masuk trafik digital ke Malaysia di peringkat serantau juga akan meningkat. Malah, hal tersebut akan membantu negara mencapai ekonomi skala dari segi kesalinghubungan digital di peringkat antarabangsa.

MELONJAKKAN INDUSTRI TEKNOLOGI HIJAU YANG DINAMIK

Sokongan agresif Kerajaan dari segi insentif dalam sektor teknologi hijau berjaya menjadikan industri ini berkembang pesat pada 2014. Skim insentif yang dimaksudkan ini termasuklah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), Sijil Indeks Bangunan Hijau dan Program Pengurangan Kadar Tarif. Sehubungan dengan itu, sasaran KPI sebanyak RM2 bilion bagi pelaburan dalam sektor ini berhasil direalisasikan berpandukan pelaburan yang dicatatkan bernilai RM2.59 bilion. Akan tetapi, hasil pendapatan yang diperoleh iaitu RM1.44 bilion adalah jauh lebih rendah daripada sasaran awal sebanyak RM2.27 bilion. Hal ini berpunca daripada cabaran yang membabitkan kutipan data serta masalah yang terus dihadapi daripada khalayak orang awam yang rata-rata masih kurang berminat untuk menerapkan penyelesaian berasaskan teknologi hijau.

Namun begitu, industri ini terus memperlihatkan potensi pertumbuhan yang cerah dengan mengambil kira peluang yang semakin bertambah bagi membolehkan syarikat-syarikat terbabit mengaplikasikan teknologi hijau berasaskan kaedah keberkesanan kos, bukan sahaja dalam pembuatan produk dan perkhidmatan mereka, malah dalam penghasilan produk teknologi hijau juga. Bahkan, institusi kewangan dilihat semakin yakin untuk membiayai projek teknologi hijau berskala besar jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Di samping itu, pembangunan teknologi hijau turut disokong oleh mekanisme GTFS. Skim yang dilancarkan pada 2010 ini berperanan penting untuk mencergaskan penawaran dan penggunaan teknologi hijau. Di bawah skim ini, Kerajaan memberikan subsidi 2 peratus daripada jumlah kadar faedah dan jaminan 60 peratus daripada jumlah pembiayaan menerusi Credit Guarantee Corporation.

Pada 2014, sejumlah 45 projek bernilai RM438 juta telah diluluskan dengan jumlah pelulusan projek sejak tahun 2010 sehingga kini mencecah nilai RM2.02

bilion. Projek yang diluluskan berserta nilai pembiayaan disenaraikan di bawah, dengan mengikut tahun:

- 2010: 13 projek diluluskan, bernilai RM164.3 juta
- 2011: 22 projek diluluskan, bernilai RM394.6 juta
- 2012: 45 projek diluluskan, bernilai RM508.8 juta
- 2013: 43 projek diluluskan, bernilai RM513.3 juta

Tahun ini juga menyaksikan beberapa langkah penting diambil dalam usaha penambahbaikan sektor pengurusan sisa untuk menerima pakai teknologi hijau. Dalam hal tersebut, projek Loji Rawatan Sisa Pepejal di Kepong sudah memasuki fasa permohonan cadangan. Pada ketika ini, penilaian terperinci berkaitan impak ke atas alam sekitar (EIA) sedang dijalankan, dan serentak dengan itu, empat buah cadangan yang sudah diterima berkaitan pelaksanaan loji tersebut sedang dinilai.

Loji yang disasarkan siap pada 2017 ini akan mempunyai kapasiti untuk memproses sehingga 1,000 tan sisa pepejal sehari. Projek ini bertujuan untuk mengatasi beberapa isu yang ketara melibatkan pengurusan sisa pepejal, antaranya, menyelesaikan pengurusan sisa pepejal di Lembah Klang yang sudah mencecah tahap kritikal, melanjutkan jangka hayat kawasan pelupusan sampah di Malaysia, mengurangkan kebergantungan pada kaedah pengurusan sisa yang memusnahkan alam sekitar dan meningkatkan bilangan fasiliti pengurusan 'sisa ke tenaga' (WTE) di negara.

Dalam perkembangan yang lain, 1Progres Consortium yang merupakan salah sebuah projek utama dalam EPP ini telah menandatangani MoU bersama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk melaksanakan sistem pemulihan sisa alternatif (WARAS) dengan ciri inovatif merentasi lima bandar di negeri Kedah. Sistem yang mengaplikasikan kaedah Wongpanit dari Thailand ini



Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin di majlis pelancaran Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Kelima (IGEM)

akan membina suatu ekosistem kitar semula berasaskan komuniti. Projek ini menyasarkan sumbangan bernilai RM471 juta kepada PNK dan membuka 16,077 peluang pekerjaan menjelang 2020, berlandaskan kapasiti sistem tersebut yang akan memproses 2.6 juta tan metrik sisa yang boleh dikitar semula pada setiap tahun.

Sementara itu, Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) yang diumumkan buat pertama kalinya pada 2014 dijangka akan dilancarkan pada awal 2015. Pelan yang dibangunkan oleh MGTC ini menggariskan kaedah bagi merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Dasar Teknologi Hijau Negara dalam lima sektor utama, iaitu sektor tenaga, air, pengurusan sisa, bangunan dan pengangkutan. Strategi yang digariskan dalam pelan ini bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus (berbanding dengan kadar pelepasan pada tahun 2005), di samping menyasarkan agar industri ini meningkatkan sumbangan kepada KDNK kepada RM70 bilion menjelang tahun 2030.

INTIPATI UTAMA

Memandangkan teknologi hijau ialah sektor yang sedang membangun, pertumbuhannya banyak bergantung pada sokongan berterusan daripada Kerajaan, selain peruntukan kewangan. Berlatarkan tempoh permohonan bagi GTFS yang akan tamat pada 31 Disember 2015, inisiatif yang sedia ada sewajarnya disemak semula bagi memastikan pembiayaan tidak terbatas hanya kepada fasiliti semasa. Selain itu, program kesedaran berkenaan teknologi hijau perlu diteruskan kepada institusi kewangan bagi menggalakkan suntikan modal kepada syarikat teknologi hijau. Hal ini dikatakan demikian berdasarkan keberkesanan program tersebut yang menyumbang kepada pembiayaan dalam perniagaan teknologi hijau yang masih dianggap baharu.

Penambahbaikan dalam aspek penyelarasan antara agensi serta pengurusan secara holistik menjadi salah satu isu penting untuk diberikan perhatian kerana teknologi hijau melibatkan pelbagai sektor dan industri.

Pada ketika ini, penyelarasan sesama agensi masih boleh diperbaiki - sebagai contoh, pengurusan sisa dalam negara adalah di bawah bidang kuasa enam Kementerian, bergantung pada jenis sisa. Hal tersebut menyebabkan inisiatif bagi pembangunan teknologi hijau tidak dapat diselarasakan.

Sementara itu, usaha perlu dipergiat untuk memupuk kesedaran berkenaan pengasingan sampah berasaskan sumber "waste separation at source", selain penguatkuasaan terhadap peraturan yang ditetapkan. Bahkan, program pendidikan juga harus dipergiat bagi mendorong anjakan minda dalam khalayak ramai untuk beralih daripada kaedah pelupusan sampah kepada kaedah pengurusan sisa secara bersepadu dan mengaplikasikan strategi penjanaan sisa kepada sumber pendapatan (waste to wealth). Pengasingan sampah pada tahap permulaan bukan sahaja mampu memperbaiki pengkategorian sisa, malah berupaya mengurangkan kos bagi proses pengasingan di pusat pungutan sisa dan mewujudkan lebih banyak peluang bagi teknologi kitar semula.

EPP
5

MEMBANGUNKAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN PENGKHUSUSAN TINGGI



Dato' Sri Richard Riot sedang mencuba kenderaan yang dinamakan ZET 3 wheeler ketika mengunjungi DreamEDGE Sdn Bhd pada 14 Ogos 2014

Dalam sektor perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi, pertumbuhan yang dicatatkan telah disumbangkan oleh kemajuan yang dicapai dalam sektor aeroangkasa, di samping peningkatan hasil pendapatan dan pengembangan perniagaan yang diraih oleh pemain utama dalam EPP ini. Namun demikian, KPI yang disasarkan untuk hasil pendapatan, peluang pekerjaan dan pelaburan tidak dapat direalisasikan berikutan dua faktor iaitu, penyelarasan terhadap kaedah kutipan data dan model baharu melibatkan pengambilan pelatih atau perantis yang telah diperkenalkan oleh Strand, iaitu salah sebuah syarikat dalam EPP ini. Strand bukan hanya

meletakkan syarat yang lebih ketat, malah mewajibkan latihan khusus dalam industri ini sebelum pelatih layak direkrut sebagai pekerja baharu. Dalam pada itu, KPI yang disasarkan untuk pelaburan tidak dapat direalisasikan kerana syarikat-syarikat terbabit lebih menumpukan pemasaran dan pembangunan produk baharu lantas menangguhkan pelaburan mereka ke tahun 2015. Sehubungan dengan itu, pelaburan dalam EPP ini dijangka meningkat dengan signifikan pada tahun akan datang.

Selain itu, prestasi yang dicatatkan oleh dua pemain utama dalam industri ini - DreamEDGE dan Strand - telah berjaya mengekalkan pertumbuhan hasil pendapatan dalam sektor ini.

DreamEDGE merekodkan permintaan yang tinggi terhadap produk dan perkhidmatannya yang inovatif, bahkan, berjaya memperoleh sebuah projek kejuruteraan pertahanan daripada sebuah syarikat yang berpangkalan di UK. Selain itu, DreamEDGE turut diberikan projek 'turnkey' untuk mereka bentuk dan menyiapkan bahagian eksterior untuk kereta *hatchback* edisi khas di Jepun.

Sementara itu, kedudukan teguh yang dipelopori oleh Strand sebagai penyedia keupayaan reka bentuk kejuruteraan aeroangkasa yang terunggul di Malaysia semakin mantap. Sehubungan dengan itu, Strand akan berperanan sebagai peneraju dalam projek Asia Aerospace City dan menyumbang kepada ekosistem

tempat agar mampu melonjakkan penyertaan syarikat aeroangkasa antarabangsa di Malaysia.

INTIPATI UTAMA

Meskipun sektor aeroangkasa dan kejuruteraan automotif menampakkan pertumbuhan yang signifikan, perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi wajar dikembangkan kepada bidang kejuruteraan yang lain, contohnya dalam sektor rel, perancangan bandar dan pembuatan. Di samping itu, pelan tindakan dan inisiatif yang digariskan pada tahun 2010 perlu disemak semula bagi mengenal pasti aspek yang mungkin memerlukan penambahbaikan untuk memastikan pelan dan inisiatif tersebut masih relevan.

EPP
6

MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN KAPAL



Dato' Sri Richard Riot bersama-sama pemain industri pembinaan dan pembaikan kapal ketika kunjungannya ke Miri

Penciptaan peluang pekerjaan di bawah EPP ini mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada 2014, didorong oleh permintaan tenaga kerja tempatan yang membantu memastikan sasaran peluang pekerjaan dalam KPI 2014 tercapai. Dalam tahun 2014, sejumlah 262 tenaga kerja baharu telah dicipta

di bawah EPP ini, berbanding dengan sasaran awal iaitu 240 bagi tahun ini.

Dalam hal tersebut, dua pemain utama industri - Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) dan Shin Yang Shipping Corporation (Shin Yang) - meningkatkan bilangan tenaga

kerja dalam syarikat masing-masing untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat yang disaksikan dalam pasaran antarabangsa. Di samping itu, program jalinan kerjasama anjuran MIGHT-METEOR iaitu program Pakar Teknologi dalam Bidang Kepakaran Khusus (*Technology Specialist in Specific Domain*)



Dato' Sri Richard Riot mempengerusikan sesi perbincangan bersama dengan pemain industri

Expertise) dan program *X-Pert Marine* berperanan penting dalam memastikan agar keperluan tenaga kerja mahir dan tenaga buruh yang diperlukan oleh industri dapat dipenuhi. Program tersebut membuka peluang kepada pelajar untuk mengikuti latihan dua aliran secara berstruktur menerusi pembabitan pihak industri. Seiring dengan matlamat ini, ramai pelajar telah diambil bekerja di syarikat yang menyertai program tersebut sejourus mereka menamatkan latihan.

Salah satu pencapaian penting dalam EPP ini ialah kejayaan BHIC yang kini sudah berada pada tahap terakhir dalam penciptaan reka bentuk Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) Malaysia yang pertama. Projek yang dibangunkan dengan usaha sama Pusat Teknologi Marin–Universiti Teknologi Malaysia (MTC-UTM) turut menyaksikan pembabitan MIGHT yang bekerjasama rapat dengan BHIC untuk memastikan kejayaan projek tersebut. BHIC menjangka akan mula menerima pesanan untuk reka bentuk OSV tersebut pada awal 2015, walaupun reka bentuk yang terperinci bagi OSV ini hanya akan siap pada April 2015.

Pembangunan dasar dalam beberapa aspek turut dilihat dalam EPP ini, dengan MIGHT berperanan sebagai pemudah cara terhadap pembentukan dasar tersebut. Salah satu usaha penting adalah melibatkan projek Pengorekan Saluran Air di Kuala Baram untuk mengatasi masalah pergelodakan di kuala Sungai Baram. Projek yang dibangunkan oleh Pelan Pembangunan Sungai Baram ini menjadi mangkin yang akan menggerakkan pembangunan ekonomi di Miri dan komuniti yang berurus niaga di kawasan sekitar. Malah, hasil terkumpul daripada pelan tersebut berserta dengan inisiatif lain yang akan diusahakan diunjurkan mencecah RM554 juta menjelang tahun 2020.

Bagaimanapun, masalah pergelodakan itu telah menjejaskan perkembangan industri pembinaan dan pembaikan kapal di Miri. Hal ini dikatakan demikian kerana kuala Sungai Baram ketika air surut terlalu cetek, hanya mencecah 1 meter, sehingga menyebabkan operasi di Pelabuhan Miri dan limbungan sepanjang sungai terjejas teruk. Oleh hal yang demikian, pelan pembangunan yang dirancang

ditangguhkan dahulu sehinggalah isu teknikal tersebut diselesaikan.

Dalam pada itu, cadangan bagi mengatasi isu kecekatan di kuala Sungai Baram dan perkembangan selanjutnya bagi industri pembinaan dan pembaikan kapal di kawasan tersebut akan dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak kepada Jemaah Menteri Sarawak pada 2015 bagi mendapatkan kelulusan bagi cadangan tersebut.

Pada masa yang sama, MIGHT sedang bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan berkenaan cadangan membabitkan pengeluaran Lesen Perkapalan Domestik (DSL) yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri pembinaan dan pembaikan kapal dalam kalangan syarikat tempatan. Dalam hal ini, MIGHT giat mengatur usaha bersama dengan semua pihak industri bagi memastikan suara mereka didengar untuk kepentingan semua pihak.

MIGHT juga mempunyai matlamat untuk mengarusperdanakan industri

pembinaan dan pembaikan kapal sebagai suatu agenda negara. Hal tersebut penting kerana industri ini tidak lagi tergolong sebagai sektor yang diketengahkan dalam agenda negara bagi melayakkannya menerima insentif pelaburan daripada Kerajaan. Pakej insentif ini perlu disediakan bagi menggalakkan pelaburan dalam pembuatan peralatan marin, latihan serta pembinaan dan pembaikan (MRO) kapal. Selain itu, insentif juga berkesan untuk merangsang pertumbuhan dalam perniagaan reka bentuk dan kejuruteraan marin bernilai tinggi, meningkatkan kepelbagaian fasiliti di limbungan dan mendorong penerapan teknologi automasi terkini menerusi pelaburan langsung domestik dan pelaburan langsung asing.

INTIPATI UTAMA

Sungguhpun insentif yang diperuntukkan oleh Kerajaan memberikan impak yang kukuh terhadap industri ini dalam usaha merencanakan pertumbuhannya, lebih banyak usaha diperlukan bagi

meningkatkan prestasi industri ini demi merealisasikan sasarannya menjelang 2020. Kesan tekanan akibat kemurungan ekonomi global dan penurunan harga minyak amat mempengaruhi industri perkapalan dan hal tersebut jelas terbukti apabila dagangan daripada sektor perkapalan jatuh merudum kesan daripada krisis ekonomi global pada 2008. Kejatuhan harga minyak sejak kebelakangan ini juga berisiko menjejaskan pertumbuhan industri ini, terutama apabila syarikat-syarikat minyak dan gas mengurangkan permintaan untuk OSV baharu.

Memandangkan perkara tersebut, pemain dalam industri pembinaan dan pembaikan kapal perlu beralih kepada produk yang bernilai tambah bagi membolehkan mereka kekal berdaya saing dalam pasaran global. Pemain tempatan juga perlu agresif dari segi pemasaran produk di samping berusaha mendapatkan kontrak pembinaan baharu tanpa bergantung pada pihak ketiga. Mereka juga

seharusnya memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas yang dimeterai oleh negara agar mampu menerobos pasaran serantau dan global.

Dalam pada itu, MIGHT akan meneruskan jalinan kerjasama dengan semua kerajaan negeri, dengan memberikan tumpuan terhadap usaha penambahbaikan dalam aspek komunikasi dan penyelarasan inisiatif daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Hal yang demikian ini bertujuan untuk melicinkan pelaksanaan projek dan memudahkan perancangan masa hadapan bagi industri ini. Bantuan Kerajaan yang diberikan menerusi Kementerian serta agensi berkaitan merupakan nadi penting dalam usaha mewujudkan landskap yang cergas bagi merealisasikan sumbangan terhadap pertumbuhan industri pembinaan dan pembaikan kapal.

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Perniagaan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM78.7 bilion
Pekerjaan Tambahan	245,000

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Menarik 1 Pelaburan Langsung Asing (FDI) berimpak tinggi sebagai pelaburan bagi Pusat Data
- 15% peningkatan hasil daripada jualan luar negara dalam Sektor Perkongsian Perkhidmatan Dan Penyumberan Luar (SSO)
- RM44 juta nilai pelaburan untuk Sektor Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi
- RM2.5 bilion nilai pelaburan terealisasi untuk inisiatif Teknologi Hijau
- Pembangunan dan Perlaksanaan pelan tindakan di bawah EPP yang baharu, iaitu EPP 7 - Menjadikan Malaysia sebuah Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara, dengan mencipta 350 pekerjaan tambahan dan menjana RM550 juta hasil tambahan

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI



Peranan CCI bukan hanya setakat pemangkin kepada industri-industri lain, malah ia akan turut meledak membawa kepada pertumbuhan baharu untuk negara dan dunia sejagat



**Dato' Sri Ahmad
Shabery Cheek**
Menteri Komunikasi
dan Multimedia



S&J

BOLEHKAH DATO' SRI HURAIKAN PERANAN PENTING YANG DIMAINKAN OLEH INDUSTRI KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI (CCI) SERTA SUMBANGAN SEKTOR INI DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH EKONOMI YANG BUKAN HANYA BERPENDAPATAN TINGGI MALAH MAMPU BERDIRI DI PERINGKAT GLOBAL?

Strategi transformasi Malaysia yang digagaskan menjelang 2020 sudah menghampiri titik penting yakni pertengahan tempoh pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan industri CCI menjadi kunci yang akan mendukung bidang-bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang lain seperti Elektrikal dan Elektronik, Perkhidmatan Kewangan, Pelancongan, Penjagaan Kesihatan dan Pendidikan memandangkan potensi untuk perkembangan ekonomi setiap NKEA tersebut bergantung pada kemandapan infrastruktur komunikasi yang disediakan. Dalam persekitaran perniagaan global, pihak industri yang menerima pakai infrastruktur komunikasi yang baharu akan mendapat manfaat peluang untuk melebarkan sayap perniagaan mereka, sama ada dalam aspek penawaran produk baharu atau pun menggalakkan industri-industri ini meneroka pasaran global yang lebih luas.

Dalam dunia hari ini yang menghubungkan jaringan manusia tanpa batas, industri CCI kini berkembang pantas ke arah konvergensi sehinggakan tidak lama lagi, komunikasi dan kandungan mungkin sudah tiada bezanya antara satu sama lain. Lantaran itu, peranan CCI bukan hanya setakat pemangkin kepada industri-industri lain, malah ia akan turut meledak membawa kepada pertumbuhan baharu untuk negara dan dunia seagat. Bahkan, bersandarkan saiz pasaran global untuk industri hiburan filem dan permainan video yang kini mencecah USD158.9 bilion (berdasarkan Laporan PriceWaterhouseCoopers bertajuk *Global Entertainment and Media Outlook 2014-2018*) dan juga inisiatif penting dan terarah oleh NKEA CCI yang menyasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan bagi perfileman mampu melonjakkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi sekali gus diiktiraf di peringkat global.

DALAM MEMBINCANGKAN ASPEK PERNIAGAAN, NKEA INI MEMEGANG PERANAN PENTING SEBAGAI PEMANGKIN YANG BERUPAYA MENDORONG PERTUMBUHAN NKEA LAIN, MISALNYA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN, SEBAGAI CONTOH. NAMUN, APAKAH ERTI PERANAN TERSEBUT DARI SUDUT PANDANGAN RAKYAT? BAGAIMANAKAH CIRI INI MENYUMBANG KEPADA USAHA UNTUK MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA KE ARAH STATUS BERPENDAPATAN TINGGI?

Peranan yang dimainkan oleh NKEA CCI iaitu sebagai pemangkin yang mendorong peningkatan aktiviti ekonomi dalam industri-industri lain dalam negara membawa maksud bahawa NKEA ini berupaya mencetuskan impak kepada warga Malaysia, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Dengan bersandarkan infrastruktur komunikasi yang dilengkapi teknologi moden dan canggih, tentunya pihak industri dapat menumpukan fokus mereka terhadap peluang strategik yang terbentang luas di samping berusaha untuk mengintai peluang dalam pasaran yang sedang membangun. Hal yang demikian ini mampu merangsang ledakan inovasi serta mengukuhkan perkembangan modal insan yang mampu mendorong pertumbuhan ekonomi negara.

NKEA ini turut menyaksikan pelaburan berskala besar yang sekali gus menjanjikan peluang pekerjaan dan pelaburan. Kita lihat Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI) sebagai contoh. Peningkatan syarikat penerbitan luar negara yang memilih Malaysia sebagai lokasi penerbitan dan pascaproduksi mereka telah diterjemahkan kepada pelibatan rakyat Malaysia dalam penerbitan filem di negara, sekali gus mencetuskan kesan lanjutan yang positif. Dalam hal tersebut, rakyat Malaysia berpeluang untuk memanfaatkan pemindahan ilmu pengetahuan tentang proses pembikinan filem justeru meningkatkan keupayaan tenaga kerja di Malaysia. Kesan lanjutan seterusnya pula ialah impak positif yang signifikan terhadap peningkatan pendapatan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila Malaysia menjadi tumpuan mata dunia sebagai sebuah destinasi perfileman, pastinya sektor penerbitan atau pembekal infrastruktur antarabangsa akan terpicat untuk meneroka peluang perniagaan di Malaysia. Perkembangan tersebut akan turut menyumbang kepada industri-industri bukan kreatif lain yang terbabit seperti logistik, hospitaliti dan pembinaan tapak penggambaran, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.

bersambung

sambungan muka surat sebelum

ETP SUDAH MENGHAMPIRI PERTENGAHAN JALAN. BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK MEMASTIKAN PERTUMBUHAN DALAM NKEA INI TERUS MAMPAN PADA WAKTU AKAN DATANG?

NKEA ini akan meneruskan matlamat terasnya iaitu memperluas capaian jalur lebar kerana akses Internet merupakan sandaran asas dalam usaha untuk mengukuhkan tahap sosioekonomi negara. Sehubungan dengan itu, saya yakin bahawa segmen LTE, HSBB dan SUBB akan meraih pelaburan yang lebih tinggi pada tahun-tahun yang akan datang di samping lebar jalur Internet antarabangsa yang bakal menyaksikan penambahbaikan pada 2015, dengan mengambil kira kabel dasar laut antarabangsa yang akan dilaksanakan pada 2015. Sementara itu, usaha untuk memperluas kesalinghubungan jalur lebar kebangsaan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan juga Sarawak seperti yang disasarkan oleh Sistem Kabel Rakyat 1 Malaysia (SKR1M) juga akan diberikan penekanan yang khusus.

Serentak dengan itu, kami juga yakin bahawa industri kreatif akan terus menjanakan pertumbuhan secara mampan memandangkan Malaysia sudah berjaya meraih nama sebagai lokasi penerbitan filem yang menarik, justeru kedudukan Malaysia di dalam industri penerbitan di peringkat global sudah diyakini. Kejayaan tersebut dilihat akan turut memberi manfaat kepada segmen hospitaliti, pelancongan dan logistik berdasarkan kesan limpahan yang positif. Selain itu, gandingan mantap beberapa faktor iaitu fokus yang disasarkan oleh industri ini terhadap pengeksporan kandungan dan perkhidmatan kreatif, usaha berterusan untuk mempertingkatkan kemahiran menerusi program *Creative Industry Lifelong Learning* (CILL) yang diperakui oleh pemain industri serta ketersediaan infrastruktur yang baik dalam industri ini diyakini mampu merangsang industri ini agar kekal mampan.

Dalam pada itu juga, peranan kandungan yang telah dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan yang baharu terhadap ekonomi akan memerlukan suatu perancangan transformasi yang strategik dalam ekosistemnya. Content Malaysia, suatu konsep yang mencakup semua pihak yang berperanan membangunkan kandungan di bawah satu bumbung dan matlamat, akan membantu memanfaatkan sumber dan meraih peluang sebaik mungkin di peringkat tempatan dan antarabangsa. Langkah untuk memfokuskan kandungan kepada hanya satu entiti tempatan bukan hanya membantu penjenamaan semula bagi kandungan di Malaysia serta perkhidmatannya, malahan ia mampu mengurangkan duplikasi dan berupaya memperbaiki ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Selanjutnya, saya juga yakin bahawa pelaksanaan *Digital Terrestrial Television Broadcasting* pada 2016 kelak akan memacu pelaburan dalam kalangan pemain dalam industri, selain mempertingkatkan kemahiran teknikal dan penggunaan peralatan dengan mengambil kira bilangan penerbitan yang semakin bertambah di Malaysia.

DATO' SRI TELAH PUN MEMBERI GAMBARAN YANG JELAS TENTANG PERKEMBANGAN PENTING YANG BAKAL DILIHAT PADA 2015. BOLEHKAH DATO' SRI HURAikan JUGA KESAN LIMPAHAN YANG DIRAIH DARIPADA PERKEMBANGAN TERSEBUT DARI SEGI MANFAATNYA KEPADA RAKYAT?

Internet merupakan satu wahana yang menjanjikan penjana potensi yang amat besar kepada rakyat Malaysia. Perancangan infrastruktur di bawah NKEA ini menjamin akses Internet yang lebih pantas dan boleh diharap, justeru, perkembangan ini akan menguntungkan baik perniagaan besar mahupun pengguna individu serta usahawan yang baru menceburi perniagaan secara kecil-kecilan. Pada waktu yang sama, rakyat akan turut mendapat tempian manfaat ini, bukan setakat perkhidmatan e-Kerajaan yang diperluas, bahkan, interaksi rakyat bersama dengan sektor Kerajaan juga bertambah baik selari dengan akses Internet yang dipertingkatkan. Hal yang demikian ini jelas apabila 70 peratus perkhidmatan e-Kerajaan sudah tersedia dalam talian dan boleh diakses di segenap lokasi menerusi pelbagai jenis peranti. Selain itu, NKEA ini juga mengatur usaha untuk memperbaiki sistem e-Penjagaan Kesihatan dengan menyasarkan lebih banyak fasiliti kesihatan untuk melaksanakan aplikasi e-Penjagaan Kesihatan, dan pada waktu yang sama, usaha turut digiatkan untuk mempertingkatkan sistem e-Pembelajaran agar transformasi ke atas kaedah penyampaian pendidikan akan kekal mampan.

Kerajaan sememangnya amat komited dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan sektor komunikasi, kandungan kreatif dan multimedia. Bagi menyokong kemajuan industri dan teknologi, kita perlu memastikan bahawa bakat tempatan di Malaysia mampu berdepan dengan persekitaran yang kian berubah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah melancarkan program latihan secara berterusan termasuklah CILL, Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) dan *Integrated Content Development Programme* (ICON) yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran pemain industri. Usaha tersebut akan melahirkan bakat tempatan yang berkemahiran malah mampu menyumbang kepada industri kreatif negara yang sedang giat berkembang.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

Di sebuah pentas global yang kini menyaksikan perkongsian maklumat serta jalinan perhubungan berlaku hanya dengan menekan 'klik', infrastruktur komunikasi yang mantap, pantas dan mudah diakses oleh semua rakyat di sesebuah negara menjadi suatu teras penting.

Malah, kemapanan dan ketersediaan infrastruktur inilah yang menjadi tunjang kepada pembangunan dunia perniagaan, pendidikan, penjagaan kesihatan serta hiburan sesebuah negara yang bersandarkan jalinan infrastruktur tersebut.

Sehubungan dengan itu, sepanjang tahun lepas, Malaysia telah berusaha memperluas ketersediaan akses jalur lebar kepada rakyat dan kini, penembusan jalur lebar isi rumah sudah berada pada tahap 67.3 peratus. Kadar ini secara relatifnya adalah lebih tinggi daripada kebanyakan negara ASEAN yang lain. Kadar penembusan teknologi jalur lebar Evolusi Jangka

Panjang (LTE) juga mencatatkan tahap yang memberangsangkan, iaitu 25 peratus, dan dijangka mencecah 50 peratus menjelang 2017.

KONVERGENS KANDUNGAN KREATIF

Trend yang ketara dilihat kini ialah trend konvergensi, yakni perkhidmatan yang menyatukan aspek kandungan kreatif dan komunikasi. Hal ini boleh diperhatikan daripada usaha pemain dalam sektor komunikasi yang ternama di dunia, seperti Verizon dan ComCast, yang bukan sahaja menawarkan akses pada kelajuan tinggi, bahkan turut menyediakan kandungan kreatif menerusi IPTV.



Pengagihan netbook kepada sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar dapat membantu pelajar untuk mengakses maklumat pembelajaran yang lebih luas

Malaysia juga tidak mahu ketinggalan, justeru, para penyedia komunikasi dan kandungan tradisi bergabung tenaga dalam perkhidmatan IPTV seperti HyppTV, Astro On-The-Go dan Tonton. TV. Kini, hanya dengan satu sentuhan butang, pelbagai muzik, video, filem dan lain-lain lagi sudah dapat dinikmati.

Sejak pelaksanaan ETP, cakupan digital Malaysia kepada rangkaian global semakin pantas, disokong oleh lebar jalur antarabangsa dengan kapasiti 3.2 Tbps. Sementara itu, tahun 2014 turut menyaksikan kejayaan Konsortium Rangkaian Serantau mengurangkan kos pembelian lebar jalur antarabangsa secara pukal sebanyak 34 peratus.

M e n g i k u t L a p o r a n PriceWaterhouseCoopers bertajuk *Global Entertainment and Media Outlook 2014-2018*, saiz industri kreatif dalam pasaran global mencecah AS\$158.9 bilion. Menyedari potensi tersebut, Kerajaan turut menyusun langkah untuk meraih sebahagian daripada hasil tersebut.

Dari segi eksport kandungan kreatif pula, penerbitan animasi menjadi salah satu penyumbang utama dalam hasil yang diraih. Laporan terkini mencatatkan peningkatan hasil eksport daripada industri ini melonjak lebih dua kali ganda kepada RM608.7 juta pada akhir 2014, berbanding dengan kira-kira RM200 juta sebelum pelaksanaan ETP. Selari dengan perkembangan tersebut, pelbagai program, antaranya, *KL Converge*, *MyCC4dWorld* dan *Skim Dana Pembiayaan Harta Intelek* di bawah *Malaysia Debt Ventures* telah dilancarkan tahun ini bertujuan memperkukuh kualiti dan kebolehpasaran kandungan kreatif Malaysia.

Sementara itu, Insentif Perfilemen di Malaysia (FIMI) yang terus diperuntukkan berjaya mengekalkan momentum perbelanjaan untuk penerbitan dalam negara, daripada RM149 juta pada 2013 kepada kira-kira RM335 juta pada 2014. Pembukaan Pinewoods Iskandar Studio Malaysia turut membuktikan gagasan dan keupayaan Malaysia yang sememangnya mampu menggamit minat penerbitan bertaraf antarabangsa, contohnya, blockbuster *Marco Polo*.

WAWASAN MASA DEPAN

Sebagai galakan bagi memupuk bakat tempatan dalam sektor kandungan kreatif, program CILL yang diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah ditawarkan kepada ahli profesional yang berhasrat untuk mempertingkatkan kemahiran atau mengasah semula bakat mereka dalam bidang kreatif. Dalam perkembangan lain, pelajar di seluruh negara turut menerima manfaat daripada pelaksanaan ETP setelah 90 peratus sekolah yang disasarkan kini mempunyai akses jalur lebar berkelajuan tinggi (2-10Mbps).

Industri penjagaan kesihatan, urus tadbir dan perniagaan juga memanfaatkan infrastruktur komunikasi yang ditambah baik. Setakat ini, 95 peratus daripada fasiliti kesihatan yang disasarkan mempunyai capaian jalur lebar berkelajuan tinggi. Hal yang demikian ini adalah suatu kemajuan yang ketara memandangkan hanya lebih kurang 580 fasiliti yang mempunyai capaian Internet dengan kelajuan minimum, sebelum pelancaran ETP.

Saban hari, perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia semakin berganjak kepada khidmat secara digital, selari dengan perkembangan negara-negara maju yang lain. Ekoran itu, pada tahun ini, lebih 70 peratus perkhidmatan Kerajaan sudah tersedia dalam talian manakala lima lagi agensi telah menerapkan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS).

Penguasaan '*Big Data*' atau Data Raya, akan diberikan fokus yang lebih terarah pada tahun-tahun akan datang. Hal ini demikian kerana *Big Data* ialah komponen penting yang memberi manfaat dalam era informasi tanpa had dan sempadan kini. Sekiranya dimanfaatkan secara berkesan, *Big Data* berupaya mempertingkatkan kaedah pencegahan jenayah, mencipta model yang kukuh bagi pencegahan penyakit, malah mampu memperbaiki pemahaman corak dan tabiat pengguna.

Oleh hal yang demikian, penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

berperanan penting dalam memastikan agar maklumat peribadi khalayak rakyat Malaysia tidak disalahgunakan oleh sebarang individu atau badan yang tidak bertanggungjawab.

Secara umumnya, pencapaian NKEA CCI akan dipacu secara signifikan bukan hanya oleh industri telekomunikasi semata-mata, bahkan, sektor kandungan juga dilihat akan menyumbang kepada keberhasilan NKEA ini.

Analisis KPI Tahun 2014

NKEA CCI telah berjaya melepasi kebanyakan daripada sasaran KPI pada 2014. Kejayaan yang dilakar termasuklah daripada kejayaan Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI) yang menarik sejumlah 21 penerbitan sejak dilancarkan pada tahun 2013, di mana 16 daripadanya dari luar negara, justeru melonjakkan reputasi Malaysia sebagai sebuah destinasi penerbitan ekoran ketersediaan infrastruktur yang baik serta kehadiran modal insan di negara ini yang berupaya dimanfaatkan oleh penggiat industri antarabangsa.

Akan tetapi, perkembangan ini memerlukan penambahbaikan proses Kerajaan agar berupaya menyempurnakan urusan kemasukan penerbitan berskala sederhana atau lebih besar ke negara ini.

Inisiatif penting yang turut menjayakan aktiviti promosi bagi tujuan pembangunan dan pemasaran kandungan kreatif di dalam dan luar negara termasuklah program *KL Converge*, yang turut mencakupi inisiatif lain seperti *Content Malaysia*. Acara tersebut telah dimanfaatkan oleh pembekal komunikasi, penerbit dalam industri kandungan dan golongan pelabur yang berkongsi pandangan sewaktu sesi perbincangan, bengkel dan seminar diadakan.

Dalam pada itu, kerjasama yang dijalin dengan beberapa agensi Kerajaan terbabit juga semakin baik, justeru, beberapa kekangan yang timbul

Unjuran Tahunan 2015

Tahun yang mendatang menjanjikan potensi pertumbuhan yang begitu besar dalam industri kandungan kreatif khususnya dengan peranan FIMI yang aktif bergerak dan memperhebat momentum untuk menambah baik pembangunan agensi berkaitan seperti yang telah dimulakan oleh Kerajaan.

Selanjutnya, permintaan bagi kandungan kreatif dijangka melonjak seiring dengan capaian Internet yang bertambah baik (HSBB2, SUBB, LTE, SKR1M) serta penggunaan teknologi penyiaran televisyen terestrial digital (DTTB) yang semakin meluas. Tahun 2015 juga bakal menyaksikan portal dalam talian *MyCC4dWorld* berusaha lebih gigih untuk menjual kandungan kreatif, justeru portal tersebut akan menjadi tapak urus niaga bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dalam hal ini, usaha terhadap perkembangan kandungan kreatif haruslah berlatarkan matlamat untuk meneroka pasaran luar, bukan setakat menembusi pasaran dalam negara semata-mata. Hal ini demikian kerana pertumbuhan industri kreatif akan terhambat sekiranya penerbit hanya menumpukan perhatian kepada pasaran tempatan. Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk memulakan usaha baharu yakni memperkenalkan sebuah organisasi pusat bagi menambah baik pengendalian agensi-agensi yang terlibat dalam membangunkan kandungan kreatif, termasuklah sebuah badan khusus yang bertanggungjawab untuk memperoleh dana Kerajaan bagi tujuan ini.



Bagi sektor e-Penjagaan Kesihatan pula, tahun 2015 dijangka lebih rancak berikutan pengumuman bajet baru-baru ini yang menyasarkan pelaksanaan e-Penjagaan Kesihatan di 200 fasiliti kesihatan Kerajaan.

Dalam pada itu, proses dalaman Kerajaan dijangka turut menyaksikan peningkatan keberkesanan pada tahun depan melihat kepada penambahan 10 kementerian yang telah menyusul dalam pengaplikasian Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS).

Penggunaan perkhidmatan Kerajaan dalam talian juga akan menyaksikan lonjakan pada tahun hadapan, bersandarkan sasaran peningkatan 10 peratus dalam kadar penggunaannya merentasi Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan.

Prestasi setiap projek di bawah NKEA ini akan terus dipantau melalui Mesyuarat Operasi dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang diadakan setiap bulan demi memastikan pelaksanaan NKEA ini berjalan lancar.

dalam pelaksanaan projek DDMS dan juga HSBB2 telah dapat dikenal pasti lalu diselesaikan. Hal yang demikian ini berupaya memastikan kedua-dua projek tersebut berjalan lancar dalam tahun-tahun yang akan datang.

Selain itu, Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia (CCAM) dan Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) akan mempergiat lagi usaha untuk

menjalinkan hubungan sesama pemegang berkepentingan dalam industri kreatif. Usaha ini bertujuan untuk menjana peningkatan pendapatan daripada hasil eksport kandungan kreatif serta menarik penerbitan luar negara untuk melabur di Malaysia.

Selanjutnya, usaha akan ditumpukan untuk menjayakan pelan pelaksanaan negara dan pemasangan kabel

antarabangsa agar berupaya memperluas kapasiti antarabangsa untuk menampung permintaan baharu.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	600	608.71	101	●	100	●	1.0	●
	Anggaran jumlah yang dibelanjakan untuk penerbitan di bawah Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI)	200	335.03	168	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Peratusan sekolah dengan sambungan Internet berkelajuan tinggi dengan kelajuan minimum mencecah 4Mbps dan menepati syarat dalam Perjanjian Tahap Perkhidmatan	100%	99.9%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Agensi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS) (unit)	1	2	200	●	100	●	1.0	●
	Penggunaan Portal myGovernment - Jumlah 'log-in' (unit)	300,000	352,709	118	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Peratusan siap dalam pelaksanaan peluasan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi untuk Tahun 1	25%	0%	0	●	0	●	0	●
	Akses jalur lebar wayarles LTE bekalan (% cakupan penduduk)	25%	25%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Jumlah tapak program baharu yang telah dikomisyenkan (unit)	1,250	1,225	98	●	98	●	0.5	●
EPP #10	Peratusan pelaksanaan bagi pemasangan kabel dasar laut (menghubungkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia)	100%	15%	60	●	60	●	0.5	●
	Peratusan penurunan harga lebar jalur yang dibeli secara borong (%)	20%	34%	170	●	100	●	1.0	●
	Perkembangan pelan pelaksanaan negara untuk kabel antarabangsa	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
				110%		86%		77%	

Rajah 9.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MEMUPUK KANDUNGAN KREATIF MALAYSIA

Berlatarkan nilai industri kreatif yang kini mencecah RM18.7 bilion, bukan sahaja industri multimedia kreatif Malaysia berupaya membuahakan imbuhan yang lumayan, bahkan, ia juga berpotensi untuk berkembang kukuh dengan bersandarkan cakupan digital yang semakin pantas dan berkitar dengan begitu mudah di seluruh dunia.

Pencapaian yang paling ketara pada tahun ini ialah acara *KL Converge* yang julung kali diadakan dan berjaya mengumpulkan pelabur, usahawan dan penggiat kandungan kreatif dalam sebuah persidangan yang berlangsung selama tiga hari. Acara ini telah berjaya menonjolkan Malaysia sebagai sebuah hab yang mampu menarik syarikat penerbitan tempatan dan luar negara untuk menjalankan perfileman, penerbitan serta pascapenerbitan mereka di Malaysia, lantas menjadikannya suatu pengalaman yang unik berbanding dengan acara-acara lain yang pernah diadakan di pentas antarabangsa.

Acara yang berlangsung selama tiga hari tersebut mengetengahkan tokoh-tokoh seperti Naib Presiden Eksekutif

dan Ketua Operasi Telenor Asia, Sigve Brekke; Dekan Carnegie Mellon, Ramayya Krishnan; dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Shahril Tamizi, yang berkongsi pandangan tentang pendekatan yang boleh diambil oleh pelbagai pemegang berkepentingan untuk membina masa depan yang pastinya akan menyaksikan infrastruktur dalam industri kreatif dan komunikasi terjalin bersama.

Bulan September 2014 turut menyaksikan pelancaran *MyCC4dWorld* yang menawarkan sebuah portal kepada golongan penerbit untuk menjual hasil karya kreatif mereka secara terus kepada pelanggan menerusi laman web yang disediakan. Pada ketika ini, laman terbabit menawarkan khidmat percuma kepada pengguna yang ingin mendapatkan bahan daripada agensi Kerajaan, FINAS, Bernama, RTM dan juga Arkib Negara. Laman ini menyasarkan matlamat untuk berperanan sebagai pusat sehati bagi pencipta kreatif – meliputi agensi berita sehinggalah khalayak biasa – untuk menjual bahan gambar, filem, dokumentari dan imej kepada golongan pelajar, pengiklan, penyelidik dan juga penyiar.

Selain itu, pada tahun ini, filem komedi animasi komputer 3D terbitan KRU International dengan usaha sama rakan luar negara iaitu *Ribbit* telah mengekori kejayaan yang dilakar oleh filem *War of the Worlds: Goliath*. Filem *Ribbit* telah ditayangkan di lebih 80 buah negara sejak Julai 2014. Malah, *Ribbit* turut meraih anugerah Filem Keluarga Terbaik sewaktu tayangan perdana antarabangsa yang berlangsung di *Niagara Integrated Film Festival 2014*.

FIMI telah berjaya menarik 11 penerbitan dengan nilai mencecah RM335 juta, kebanyakannya daripada penerbitan luar negara, sekali gus merealisasikan suatu peningkatan pelaburan untuk Malaysia. Sementara itu, setakat Disember 2014, hasil yang dijana daripada eksport kandungan kreatif mencecah RM608.7 juta, mengatasi pendapatan yang diperoleh pada tahun-tahun sebelumnya.

ICON (Integrated Content Development Programme) yang dilancarkan pada 2009 adalah bertujuan untuk mengkhususkan penciptaan aplikasi telefon pintar dengan menyediakan latihan dan sesi mentor kepada peserta yang terlibat membangunkan aplikasi ini. Setakat Disember 2014, seramai 1,193 peserta telah memanfaatkan dana ICON dan hasil jualan bernilai RM1.67 juta telah berjaya diraih. Program ICON telah mencetuskan pelbagai kejayaan tahun ini, dan antara yang paling membanggakan ialah kejayaan Gain Secure yang melakar nama setelah melancarkan aplikasi mudah alih AirAsia Windows Phone pada 2013. Bertitik tolak daripada kejayaan itu, selain memanfaatkan latihan daripada ICON, Gain Secure berjaya melancarkan buat pertama kalinya, sebuah permainan bercirikan Edutainment dan berasaskan pengguna, yang diberi nama 'Mathgician' pada Jun 2014. Deretan kejayaan yang dilakar oleh syarikat ini merupakan faktor penting yang berupaya meningkatkan nilai syarikat di samping hasil jualan yang diperoleh.



Naib Presiden Bahagian Creative Multimedia (MDEC), Dato' Kamil Othman dalam sesi interaksi bersama dengan penerima geran CILLP

Respons daripada program *Creative Industry Lifelong Learning* (CILLP) didapati begitu memberangsangkan melihat kepada jumlah peserta yang telah memanfaatkan program tersebut melebihi 672 orang setakat Disember 2014. Malah, program CILL turut menampilkan ahli profesional seperti peguam dan akauntan yang tidak ramai menyertai program tersebut sebelum ini.

Sementara itu, laman data milik Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) terus berkembang dengan mengambil kira keanggotaannya yang kini melebihi 5,863 pengamal industri dan lebih 228 ahli bertauliah setakat Disember 2014. Ahli bertauliah ini merangkumi golongan daripada pelbagai kluster termasuklah penerbitan media, penulisan kreatif, VFX dan animasi, jurusolek serta jurutera rakam bunyi.

Fokus yang ditetapkan oleh CCIG bagi tahun hadapan adalah mempertingkatkan bilangan ahli bertauliah kepada 600 orang berlatarkan kluster yang berbeza agar ekosistem industri kreatif dapat disokong

sepenuhnya. Projek lain yang sudah pun terlaksana di bawah EPP ini termasuklah *Digital Live Transit TV* oleh Asia Media dan *Hospitality IPTV* oleh Select-TV.

INTIPATI UTAMA

Sejajar dengan tema konvergensi yang kini menguasai pentas industri kandungan kreatif, pendekatan secara holistik akan terus disasarkan bagi membangunkan industri ini. Langkah ini termasuklah pewujudan sebuah agensi berpusat yang akan menguruskan permohonan bagi mendapatkan dana Kerajaan. Berdasarkan model holistik tersebut, agensi ini akan berperanan sebagai pusat tunggal antara pihak Kerajaan dan penerbit, sekali gus melicinkan proses membabitkan permohonan.

Berlatarkan kejayaan yang telah ditempa oleh FIMI, adalah jelas bahawa industri ini perlu meneruskan usaha meneroka pasaran dunia bagi mendapatkan pembiayaan serta meningkatkan pendapatan. Pada masa yang sama, sebuah direktori yang menyenaraikan

takungan bakat di Malaysia juga dianggap perlu bagi memastikan kelangsungan industri ini agar terus menempa kejayaan. Antara cabaran utama yang terpaksa didepani oleh FIMI ialah kekangan peruntukan yang mengakibatkan beberapa projek tidak diberikan pembiayaan. Namun, isu membabitkan peruntukan sudah berjaya diatasi, justeru pelulusan bagi projek di bawah FIMI dijangka akan berjalan lancar selepas ini. Dalam pada itu, penambahbaikan perlu dipertingkatkan di tahap Kementerian dan agensi, apatah lagi melibatkan bidang kuasa FINAS-FIMI dan PUSPAL, bagi memastikan pemprosesan melibatkan permohonan penerbitan kandungan kreatif berjalan licin tanpa sebarang halangan.

Laman data CCIG turut memainkan peranan penting bagi pelbagai pemain dalam industri kreatif. Serentak dengan itu, Perjanjian Persefahaman antara CCIG dan JPK-MoHR, serta dengan badan-badan akreditasi bertaraf dunia berupaya memperkukuh peranannya dalam industri kreatif.

EPP
3

MENGHUBUNGKAN 1MALAYSIA

Inisiatif utama yang dilancarkan pada tahun 2014 ialah Projek Telematics yang merupakan sebuah jalinan usaha sama antara Telekom Malaysia Berhad dan Milan Utama. Projek ini melibatkan pelaksanaan sebuah Platform Perkhidmatan Telematics (TSP) yang berperanan sebagai sebuah platform dan ruang urus niaga untuk digunakan oleh pembekal kandungan serta pembekal penyelesaian bagi membolehkan mereka berhubung dengan pemandu/pemilik kenderaan.

Antara kejayaan yang diketengahkan oleh Projek Telematics ini ialah Sistem Lokasi Kenderaan Automatik (AVLS) yang telah dilancarkan dan mendapat sambutan lebih 800 pelanggan, dan Sistem Anti-Kecurian Kereta yang berhasil disempurnakan. Di samping itu, platform TFP 'back-end' Tahap 1, yang

merupakan suatu platform 'back-end service delivery' juga berjaya disiapkan pada 2014.

Pada 2015, projek ini akan memfokuskan aplikasi 'front-end' bagi sistem sewa kereta yang melibatkan pembangunan dan lokalisasi sebuah unit yang ditempatkan dalam kereta dan dilengkapi dengan skrin paparan dan sistem dalam talian. Aplikasi ini dibangunkan untuk tujuan pelaporan dan melayari maklumat seperti status tempahan, keadaan kereta dan mengesan lokasi menerusi sistem GPS, sekali gus menyumbang kepada program perkongsian kereta elektrik (Vehicle Car Sharing) yang diwujudkan di Malaysia buat pertama kalinya. Aplikasi tersebut akan dihubungkan kepada platform TFP 'back-end' dan turut menawarkan perkhidmatan 'remote firmware update'.

Di bawah Projek Digital Malaysia, MdeC telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuklah penambahbaikan ke atas e-Pembayaran dan e-Pembekal untuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Kedua-dua inisiatif ini bertujuan merancakkan lagi pasaran e-Dagang yang buat masa ini hanya dimanfaatkan oleh 28 peratus PKS. Inisiatif tersebut kini dipantau di bawah NKEA CCI untuk tujuan pelaporan.

Namun, prestasi kedua-dua projek tersebut mencatatkan hasil yang lebih rendah daripada sasaran awal, juga mengambil kira RM48.4 juta yang disasarkan daripada hab e-Pembekal. Meskipun projek ini memperoleh RM26.4 juta dan menambat minat jenama yang terkemuka seperti Robinsons, Swarovski, Anakku dan Eu Yan Sang,

namun, pengunduran salah satu pemegang kontrak yang utama serta isu pemerolehan tanah yang menyebabkan pelaksanaan e-Pembekal ini tertangguh, telah menjejaskan pencapaian sasaran projek tersebut.

Matlamat e-Pembayaran adalah untuk melaksanakan sejumlah 123,282 perkhidmatan penyelesaian e-Pembayaran untuk dimanfaatkan oleh PKS menjelang akhir 2014, yang disasarkan akan menterjemah kepada nilai transaksi sebanyak RM1.07 juta pada akhir tahun. Setakat Disember 2014, 135,000 perkhidmatan penyelesaian e-Pembayaran

telah dicatatkan, bersamaan dengan RM1.83 juta nilai transaksi.

INTIPATI UTAMA

Aktiviti promosi yang tidak banyak dijalankan ketika program e-Dagang mula-mula dilancarkan menyebabkan tidak ramai PKS yang turut serta dalam program ini. Namun demikian, situasi ini kian berubah ekoran daripada kempen dan pameran yang kerap diadakan oleh MDec yang menampakkan peningkatan pelibatan daripada kalangan PKS. Malah, lebih banyak PKS dijangka akan turut serta dalam projek ini pada tahun hadapan.

Dalam usaha menterjemahkan nilai e-Pembayaran kepada hampir RM1 juta menjelang akhir tahun, EPP ini berdepan dengan cabaran memastikan terminal penyelesaian e-Pembayaran diagihkan dalam jumlah yang banyak kepada PKS di seluruh Malaysia. Berikutan itu, Kerajaan memberikan subsidi kepada PKS dan perusahaan mikro bagi pembelian terminal penyelesaian sekali gus menggalakkan penggunaan e-Pembayaran dalam kalangan mereka.

EPP
4

MEWUJUDKAN E-PEMBELAJARAN

UNTUK PELAJAR DAN PEKERJA



Para pelajar sedang menggunakan ICT untuk pembelajaran di sekolah

Matlamat yang disasarkan pada 2014 adalah memastikan bahawa semua sekolah yang telah dibekalkan dengan akses Internet pada kelajuan minimum 4Mbps mendapat capaian secara konsisten. Dengan mengambil kira saiz sampel yang meliputi lebih 4,000 sekolah dalam setiap tinjauan, sekurang-kurangnya 99% sekolah didapati telah mencapai kriteria tersebut.

Sebelum ini, EPP telah merealisasikan sasarannya agar pelajar di sekolah rendah dan menengah memperoleh akses Internet berkelajuan tinggi melalui program 1BestariNet. Program ini menyediakan sekolah-sekolah terbabit dengan capaian 4G serta akses kepada Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) Frog. Dalam hal ini, lebih 8,000 sekolah telah dibekalkan dengan

capaian Internet berkelajuan tinggi, iaitu 2Mbps–10Mbps dalam tempoh dua tahun setengah yang lepas, berbanding dengan inisiatif sebelum ini, yang memakan masa lima tahun hanya untuk menyediakan Internet kepada sekolah.

Dapatan yang diperoleh daripada kadar penggunaan VLE begitu

memberangsangkan. Dengan mengambil kira sampel dengan saiz purata 94,000 pelajar, 51 peratus daripada mereka didapati mendaftar masuk atau 'log in' ke laman tersebut untuk tempoh melebihi 30 minit. Secara perbandingan, jumlah ini melepasi sasaran awal yang menjangkakan hanya 30 peratus pelajar akan mendaftar masuk dan menumpukan sekurang-kurangnya 30 minit untuk VLE. Pencapaian ini menjadi asas sandaran kepada Kementerian Pendidikan (KPM) untuk menilai kadar penggunaan VLE sebenar oleh para pelajar, justeru membantu KPM untuk memantapkan program

yang ditawarkan agar bersesuaian dengan kadar penggunaan VLE. Hal ini bertujuan menggalakkan penggunaan VLE dalam kalangan pelajar, guru dan ibu bapa.

Pada tahun 2014, sasaran yang ditetapkan ialah pewujudan 10,000 laman sumber pelajaran untuk dimuat naik ke VLE. Namun, setakat ini, sebanyak 11,500 laman sudah terdapat di platform VLE.

INTIPATI UTAMA

Berikutan kejayaan membekalkan sekolah dengan akses Internet pada

tahap kelajuan minimum 4Mbps, tahun 2015 akan merangkumi usaha yang difokuskan terhadap peningkatan penggunaan VLE oleh para pelajar, guru dan ibu bapa menerusi pelbagai program agar mampu menarik 1 juta pelajar untuk mengakses VLE selama lebih daripada 30 minit.

Sementara itu, EPP ini akan terus berusaha untuk meningkatkan kelajuan Internet di sekolah bagi memperbaiki manfaat yang dinikmati oleh para penggunanya, di samping membuka lebih banyak potensi untuk penggunaan e-Pembelajaran.

EPP
5

MELANCARKAN E-PENJAGAAN KESIHATAN

Di bawah EPP ini, capaian Internet disasarkan di fasiliti kesihatan terpilih sebagai salah satu usaha dalam projek 1Gov*Net yang diurus oleh MAMPU dan Rangkaian Telekomunikasi ICT Bersepadu Kerajaan (GiTN).

Setakat Disember 2014, hampir 3,000 fasiliti kesihatan telah dinaik taraf dan kini dilengkapi dengan capaian Internet pada kelajuan antara 2Mbps–10Mbps. Pemantauan dan pengoptimuman terhadap penggunaan e-Penjagaan Kesihatan di fasiliti berkaitan menjadi fokus EPP ini pada 2014. Oleh hal yang demikian, fasiliti kesihatan yang tidak memanfaatkan lebar jalur yang sudah disediakan akan dikurangkan kelebaran jalurnya, manakala fasiliti yang meningkatkan penggunaan lebar jalur dengan penggunaan aplikasi online untuk memanfaatkan perkhidmatan ini akan dibekalkan dengan lebar jalur tambahan.

Bersandarkan jumlah peruntukan untuk aplikasi e-Penjagaan Kesihatan

yang telah diperuntukan dalam Bajet 2015, sasaran jumlah aplikasi *Pharmacy Hospital Information System* (PHIS) di fasiliti kesihatan dijangka meningkat di samping sasaran untuk menaik taraf fasiliti kesihatan yang sedang menggunakan aplikasi *Tele-Primary Care* (TPC) dan *Hospital Information System* (HIS).

INTIPATI UTAMA

Biarpun pelbagai usaha telah dilanjutkan bagi tujuan penambahbaikan kepada sistem e-Penjagaan Kesihatan, namun masih terdapat beberapa rintangan yang menghambat pelaksanaan teknologi baharu ini. Antaranya ialah penjenisan sistem yang berbeza dari satu fasiliti ke fasiliti yang lain. Oleh hal yang demikian, berlaku kesukaran untuk menyepadukan aplikasi sistem yang berbeza kerana di fasiliti masing-masing sudah terdapat sistem yang tidak sama. Cabaran yang turut dihadapi ialah permasalahan infrastruktur serta ketidakseragaman dasar dan proses

antara fasiliti kesihatan masing-masing yang menyebabkan usaha untuk mereplikakan dan menambah baik sistem ICT menjadi rumit.

Isu lain yang dihadapi ialah kekurangan ahli profesional yang mempunyai kepakaran untuk mengurus dan memanfaatkan sistem ICT berkaitan penjagaan kesihatan. Gabungan kedua-dua isu tersebut – kepakaran dan kekurangan kelengkapan infrastruktur – telah melambatkan kadar penerapan teknologi baharu ini.

Berikutan itu, Program Transformasi ICT oleh Kementerian Kesihatan yang dijangka siap untuk dilaksanakan pada pertengahan 2015, akan membincangkan permasalahan tersebut. Sungguhpun fokus awal ditujukan kepada penerapan sistem ini di fasiliti awam, namun sasaran pada masa depan adalah untuk menghubungkan sistem tersebut dengan fasiliti swasta.

MEMPERDALAMKAN E-KERAJAAN



'Hari NKEA' Negeri Sembilan yang dianjurkan oleh MAMPU bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian dan inisiatif lain yang tersedia untuk rakyat

Tahun ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan telah menerapkan pengaplikasian DDMS, menjadikan jumlah agensi Kerajaan yang telah berhijrah kepada penggunaan sistem ini kepada lima. Kesemua Kementerian yang telah berhijrah kepada DDMS telah mengklasifikasikan dokumen mereka kepada bentuk digital, dan dokumen mereka yang berbentuk kertas sudah dilupuskan menurut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Arkib Negara. Proses yang agak rumit tersebut merupakan salah satu faktor utama yang telah melewati pengaplikasian DDMS.

Sementara itu, Portal *myGovernment* setakat ini sudah mencatatkan lebih 352,000 daftar masuk atau 'log in', memperlihatkan peningkatan dua kali ganda daripada sasaran yang dibuat pada 2014. Hal yang demikian ini turut mencerminkan pemanfaatan portal ini sebagai laman utama yang menyediakan perkhidmatan Kerajaan dalam talian. Dalam pada itu, program kesedaran perlu dititikberatkan dalam usaha mendidik

sektor awam mengenai manfaat yang ditemukan daripada perkhidmatan dan kemudahan dalam talian.

Kini, dianggarkan 77 peratus perkhidmatan Kerajaan sudah tersedia dalam talian manakala 65 premis Kerajaan Persekutuan di Putrajaya kini mempunyai capaian Putrawifi, iaitu akses Internet yang terbuka kepada kakitangan Kerajaan dan juga orang ramai.

Dalam pada itu, Sistem Pensijilan Fitosanitari Negara (NPCS) dan eCert dijangka siap pada akhir 2014. Apabila sistem ini siap kelak, semua jabatan pensijilan akan dilengkapi dengan sistem pensijilan fitosanitari bagi tujuan pengeksportan produk pertanian di samping membolehkan data fitosanitari diterima bagi produk import.

Projek-projek lain dalam perancangan di bawah e-Kerajaan setakat ini termasuklah *1GovAppStore*, iaitu pewujudan sebuah direktori khas yang diyakini, untuk menyimpan semua aplikasi mudah alih yang berkaitan dengan urusan Kerajaan. Projek

seperti ini turut berperanan sebagai mangkin untuk membangunkan aplikasi berkaitan urusan Kerajaan pada masa akan datang.

INTIPATI UTAMA

Kesedaran orang awam berkenaan kemudahan perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh Kerajaan, seperti Portal *myGovernment*, masih di tahap rendah. Ekoran itu, sebuah pelan komunikasi sedang dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran awam dan pelan tersebut mencakupi aspek pemantauan di peringkat pentadbiran bagi mengawasi penggunaan perkhidmatan dalam talian.

Tahun ini merupakan tahun yang memberangsangkan bagi penerapan DDMS. Setelah berjaya mengatasi permasalahan awal yang melewati penerapan DDMS, 10 lagi agensi disasarkan akan mengaplikasikan sistem ini pada 2015. Sekiranya tiada aral melintang melibatkan pembiayaan, DDMS dijangka akan diaplikasikan dengan lancar pada tahun hadapan.

MEMASTIKAN JALUR LEBAR UNTUK SEMUA

Dalam era yang memperlihatkan betapa akses kepada maklumat menjadi faktor penentu kepada kemajuan sosioekonomi negara, ketersediaan akses jalur lebar kepada semua rakyat Malaysia adalah suatu kewajaran yang tidak boleh dinafikan. Dalam hal ini, setakat Suku Pertama 2014, penembusan jalur lebar isi rumah sudah mencapai tahap 67.3 peratus.

Pelaksanaan HSBB2, iaitu fasa kedua untuk projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi yang bertujuan untuk memperluas

cakupan digital di kawasan bandar dan persekitaran bandar, telah berdepan dengan masalah kelewatan disebabkan beberapa isu berkaitan proses dalaman sesama kementerian terbabit. Hal ini hanya diselesaikan setelah Mesyuarat Penyelesaian Masalah yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri memutuskan perkara tersebut. Berikutan itu, kerja-kerja asas membabitkan pelaksanaan HSBB2 akan bermula pada 2015 dan sebilangan stesen pangkalan yang disasarkan dijangka siap pada hujung 2015.

Perkhidmatan tanpa wayar Evolusi Jangka Panjang (LTE) kini sudah mencakup 25 peratus penduduk negara. Bahkan, angka ini dijangka meningkat kepada 30 peratus pada 2015 apabila pihak pembekal telekomunikasi yang tertakluk di bawah peraturan dan penguatkuasaan pengawal selia menggiatkan usaha untuk mencapai sasaran tersebut.

EPP ini terus menggiatkan usaha untukewartakan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 yang mewajibkan pemaju untuk menyediakan infrastruktur komunikasi, contohnya penyaluran dalaman dan luaran untuk pembangunan perumahan dan komersial yang baharu. Hal ini penting bagi memastikan akses Internet lebih universal dalam kehidupan rakyat.

Pada 2014, Pahang menyusul negeri-negeri lain yang sudah punewartakan

UBBL, yang kini berjumlah lapan negeri. Negeri Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan masih belumewartakan UBBL. Dalam pada itu, pewartaan UBBL di Sabah dan Sarawak masih memakan masa kerana undang-undang kecil bangunan di kedua-dua negeri tersebut adalah berbeza.

INTIPATI UTAMA

Kadar penembusan jalur lebar yang sudah mencatatkan 67.3 peratus bererti bahawa penembusan sudah hampir mencecah garis tepu, justeru, pertumbuhan dalam aspek ini dijangka kekal pada tahap mendatar pada tahun-tahun berikutnya. Lagi pula, cakupan daripada perkhidmatan jalur lebar mudah alih, termasuklah 3G dan LTE, akan memberikan akses Internet yang begitu meluas di rumah, tempat kerja, malah di mana-mana sahaja.

Sementara itu, pelaksanaan HSBB2 yang berdepan dengan kelewatan telah menjejaskan garis masa yang disasarkan lebih awal. Namun demikian, susulan pemutusan isu terbabit menerusi Mesyuarat Penyelesaian Masalah yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, projek tersebut dijangka berjalan lancar selepas ini. Namun demikian, projek HSBB2 akan dipantau rapi pada waktu akan datang bagi memastikan projek ini siap menurut garis masa yang telah ditetapkan.



Antara tapak telekomunikasi yang didirikan untuk perkhidmatan tanpa wayar seperti 3G dan LTE

MEMPERLUAS JANGKAUAN

Dalam merealisasikan matlamat untuk memperluas jangkauan jalur lebar ke kawasan luar bandar, sebanyak 89 Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), 973 Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan 163 unit menara telekomunikasi luar bandar dibina pada tahun 2014. Bahkan,

sejak pelaksanaan EPP ini, lebih 4,000 KTW1M, 400 PI1M dan 1,100 menara telekomunikasi sudah terbina di kawasan luar bandar.

Di samping itu, pada tahun ini, EPP ini lebih cenderung menitikberatkan

kualiti perkhidmatan berbanding dengan kuantiti. Hal ini bererti bahawa pelulusan bagi tapak KW1M dikenakan syarat yang lebih ketat, justeru, bilangan tapak juga berkurangan. Syarat baharu tersebut meluluskan tapak baharu untuk KW1M hanya jika terdapat PI1M yang sudah



Kanak-kanak menikmati kemudahan di PI1M

mantap untuk memastikan kelicinan perkhidmatan dan kualiti di KW1M tersebut.

INTIPATI UTAMA

Cabaran utama yang terpaksa ditangani dalam EPP ini ialah kelewatan yang timbul akibat proses membuat keputusan di peringkat dalaman. Setelah isu ini berjaya diselesaikan, inisiatif ini tidak dijangka akan berdepan lagi dengan sebarang kelewatan. Malah, sebanyak 950 tapak

dijangka dapat diluluskan pada tahun 2015 (500 daripadanya ialah tapak KTW1M). Akan tetapi, musim monsun mungkin menghambat pembinaan tapak tersebut.

Kerajaan turut peka akan permintaan terhadap kadar penembusan yang lebih laju, yakni, daripada 385 Kbps pada tahun 2011 kepada 4 Mbps pada tahun 2014, justeru, model pelaksanaan yang baharu diperlukan untuk menunaikan permintaan ini.

Namun begitu, memandangkan kemajuan negara semakin pesat selain cakupan rangkaian digital yang semakin membangun di kawasan-kawasan terbabit, inisiatif ini tidak lagi memainkan peranan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana kualiti capaian jalur lebar berwayar dan wayarless pasti akan meningkat, malah ditawarkan pada harga yang berpatutan.

EPP
9

MENAWARKAN RANGKAIAN PINTAR

EPP ini berjaya mencapai matlamatnya untuk memastikan ketersediaan pelbagai pakej jalur lebar yang menawarkan keperluan khusus pengguna. Oleh hal yang demikian, EPP ini tidak memerlukan sebarang projek baharu untuk dilaksanakan pada tahun 2014.

INTIPATI UTAMA

Sebagai langkah ke hadapan, EPP ini akan terus memantau hasil yang dijana daripada pakej jalur lebar, serta bilangan dan harga pakej-pakej yang ditawarkan dalam pasaran. Maklumat yang

terkumpul akan dikongsikan bersama di forum pengguna yang terdapat di laman web <http://www.consumerinfo.my/>.

MEMPERLUAS RANGKAIAN SERANTAU

Tahun ini menyaksikan kejayaan Konsortium Rangkaian Serantau (KRS) mendapatkan persetujuan daripada pemegang-pemegang sahamnya untuk menampung permintaan sebanyak 20 Gbps bagi internet lebar jalur antarabangsa borong. Kejayaan KRS telah membawa kepada penurunan harga bagi lebar jalur antarabangsa borong sebanyak 34 peratus.

Sistem Kabel Rakyat 1 Malaysia (SKR1M) adalah satu lagi inisiatif yang dilaksanakan untuk menambah baik kesalinghubungan jalur lebar di seluruh negara, baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak, serta disediakan pada harga yang berpatutan.

Setakat Disember 2014, pemasangan kabel dasar laut di bawah inisiatif ini telah siap 15 peratus sungguhpun

berlaku sedikit kelewatan disebabkan proses dalaman, yang kini berjaya diselesaikan. Susulan itu, proses pembidaan juga telah selesai dan tahun 2015 berkemungkinan menyaksikan projek ini diteruskan mengikut jadual asal. Kabel ini dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2017.

Dalam perkembangan lain, pelan pelaksanaan kabel Internet kebangsaan, sebuah inisiatif yang mula dibangunkan pada tahun ini dijangka berupaya membina suatu hala tuju dan strategi yang diperlukan bagi memastikan lebar jalur antarabangsa dibekalkan kepada semua rakyat pada harga yang kompetitif.

Kerajaan pada tahun 2015 adalah untuk memperoleh penurunan harga pukal bagi lebar jalur antarabangsa dengan memantau perkembangan konsortium ini. Hal ini demikian bagi membolehkan rakyat menikmati kos akses yang lebih rendah.

Tumpuan pada 2015 turut merangkumi pemantauan ke atas pelaksanaan SKR1M dan pelan pelaksanaan kebangsaan, agar pemasangan kabel dasar laut mampu siap pada tahap 50 peratus menjelang tahun hadapan.

INTIPATI UTAMA

Oleh sebab KRS dilihat begitu efektif, matlamat utama yang disasarkan oleh



Kapal yang digunakan khas untuk memasang kabel dasar laut

JEJAK DAN KESAN



Proses mematerikan kontena yang membolehkan pengesanan dengan RFID

Kedua-dua projek di bawah EPP ini – proses penjelasan keselamatan yang diterajui oleh SMTrack Berhad, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan SKMM, dan Sistem Jejak dan Kesan Sarang Burung Walit yang diterajui oleh SKMM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar – kedua-duanya sedang beroperasi namun tidak diwajibkan dalam industri masing-masing.

INTIPATI UTAMA

Penggunaan teknologi Pengenalpastian Frekuensi Radio (RFID) tidak dikembangkan secara aktif pada tahun ini. Sejak 2012, sebanyak 29,000 penanda RFID telah digunakan bagi tujuan keselamatan dan urusan perdagangan, justeru projek ini dianggap kukuh dan tidak lagi memerlukan fasilitasi oleh EPP ini. Berikutan itu, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia akan menentukan pelaksanaan dan perkembangan teknologi ini.

Begitu juga halnya dengan Sistem Jejak dan Kesan Sarang Burung Walit yang tidak menjadi syarat wajib dalam industri tersebut. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek tersebut akan bergantung pada permintaan para peniaga, sama ada mereka menganggapnya suatu keuntungan kepada urusan niaga mereka, atau sebaliknya.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Perkhidmatan Talian Tetap

Seiring dengan unjuran peningkatan dalam aplikasi dan kandungan Internet yang canggih dan sarat maklumat, permintaan bagi jalur lebar berkelajuan tinggi yang kebanyakannya disediakan melalui perkhidmatan talian tetap juga akan bertambah dengan ketara.

Unjuran dalam peningkatan langganan untuk perkhidmatan jalur lebar bertalian tetap adalah pada kadar pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR) setinggi 10.5 peratus dan peningkatannya dipacu oleh perkhidmatan IPTV, permainan dan muzik dalam talian. Talian data tetap diunjurkan mencapai CAGR sebanyak 2.6 peratus kerana lebih banyak syarikat akan memerlukan rangkaian dalaman mereka sendiri.

2

Perkhidmatan Mudah Alih

Serentak dengan ledakan populariti telefon pintar dan peningkatan penggunaannya sebagai alat utama bagi pengaksesan Internet, perkhidmatan mudah alih dijangka akan melonjak sehingga langganan untuk jalur lebar mudah alih diunjurkan mencecah 10.5 peratus CAGR.

Pelanggan baharu untuk talian suara juga dijangka meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 2.7 peratus CAGR.

Peluang paling besar untuk pembekal perkhidmatan adalah dalam hal pengeluaran lesen spektrum bagi Evolusi Jangka Panjang (LTE) kerana LTE membolehkan mereka membuat tawaran yang menghasilkan peningkatan pendapatan purata setiap pengguna (ARPU). Trend yang lahir akan memberi kesan limpahan lantas membuka peluang pekerjaan berkaitan dengan menara telekomunikasi, penyepaduan perkhidmatan dan pembangunan aplikasi.

Trend baharu yang menyaksikan pembekal perkhidmatan mudah alih menyepadukan operasi menara mereka juga memberikan peluang baharu untuk pelbagai pengusaha dalam rangkaian perkhidmatan ini. Peluang ini akan dikecapi melalui skala ekonomi hasil daripada operasi penyepaduan tersebut.

3

Kurier, Pos dan Penyiaran

Kebolehterimaan umum yang semakin berkembang terhadap sistem e-perdagangan dijangka akan mempertingkatkan pertumbuhan sektor pos dan kurier. Hal ini demikian kerana sektor tersebut membekalkan sokongan logistik kepada peniaga dalam talian yang semakin ramai. Sektor ini juga menawarkan perkhidmatan lain termasuk memenuhi transaksi komersial, pergudangan, pengurusan inventori, perancangan permintaan bagi pengilang dan perkhidmatan pemasangan.

Kepopularan perkhidmatan IPTV atau televisyen berbanding dengan Internet juga semakin meluas sehingga ramai pembekal IPTV yang berebut untuk menceburi lapangan ini, termasuklah pembekal baharu. Bidang penyiaran pula akan menyaksikan suatu teknologi baharu mula disediakan oleh pembekal dan penyiar apabila terlaksananya sistem Penyiaran Televisyen Terestrial Digital (DTTB) nanti.

Hal yang demikian ini akan memperhebat persaingan dalam industri lantaran pembaikan kemudahan penyiaran yang dilakukan oleh pembekal sedia ada. Pelbagai siaran merangkumi siaran analog, siaran digital serta saluran Definisi Tinggi (HD) akan ditawarkan. Gabungan sumbangan dari sektor kurier, pos dan penyiaran dijangka tumbuh pada kadar 5.2 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun akan datang.

4

Operasi Serantau

Malaysia terletak dalam rantau yang paling pesat berkembang di dunia. Lantaran itu, syarikat telekomunikasi Malaysia senantiasa mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka di pasaran serantau.

Dengan terlaksananya liberalisasi terhadap sektor telekomunikasi di Malaysia, sudah tiada lagi penghalang bagi perkembangan serantau. Syarikat yang berminat kini boleh berunding berdasarkan syarat yang sama dengan syarikat lain yang sebanding mereka di negara sasaran.

Kejayaan yang diraih oleh syarikat seperti Axiata telah membuka ruang untuk industri ini menerobos pasaran serantau. Sebagai contoh, aplikasi mudah alih boleh dibekalkan merentas rangkaian Axiata untuk memenuhi keperluan pengguna di pelbagai negara.

PEMANGKIN

Sebagai industri yang berlandaskan pengetahuan dan kemahiran tinggi, modal insan menjadi pemangkin utama bagi NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi, dan memerlukan sebanyak 43,162 tenaga kerja menjelang tahun 2020.

Daripada jumlah ini, 25,899 pekerja akan diperlukan untuk menyokong kesemua EPP ini manakala peluang-peluang perniagaan yang sedia ada memerlukan tambahan seramai 17,263 pekerja. Kebanyakan pekerjaan baharu akan tergolong sebagai pekerjaan berpendapatan tinggi kerana 67 peratus daripadanya bergaji lebih RM4,000 sebulan dan memerlukan kelayakan tinggi.

Oleh hal yang demikian, beberapa inisiatif telah diambil bagi memastikan

kemampuan aliran modal insan dan pertumbuhan industri. Dalam sektor telekomunikasi, pendekatan bersepadu antara PEMANDU, TalentCorp dan Kementerian Pendidikan telah dimulakan untuk memastikan bahawa bilangan graduan yang diperlukan dalam bidang telekomunikasi dan kejuruteraan akan dipenuhi menjelang tahun 2020.

Sebagai tanda sokongan terhadap sektor kandungan kreatif dan multimedia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah mengambil alih pelaksanaan program *Creative Industry Lifelong Learning* (CILLP) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi agensinya, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) berserta kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Program ini membantu pelajar yang terpilih untuk mengikuti program pengajian tinggi dalam kandungan kreatif di universiti atau pusat pendidikan tempatan atau luar negara. Program ini juga menyediakan bantuan kewangan untuk golongan profesional dalam sektor kandungan kreatif untuk mengikuti kelas lanjutan yang diterajui pengusaha terbaik dalam industri ini.

Seperkara lagi, Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) akan memperkenalkan sistem akreditasi untuk bakat kreatif bagi meningkatkan taraf profesionalisme dalam industri. Usaha tersebut bertujuan menganjakkan industri ini kepada kategori pendapatan yang lebih tinggi, sekali gus menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk meneroka kerjaya dalam sektor kandungan kreatif.

Ringkasan NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM35.7 bilion
Pekerjaan Tambahan	43,163
Sasaran kritikal bagi tahun 2015	
- Untuk mencatat hasil setinggi RM600 juta melalui eksport kandungan kreatif - Untuk menarik RM400 juta melalui keseluruhan perbelanjaan produksi di bawah FIMI - Untuk memastikan 7,000 sekolah mendapat perkhidmatan Internet pada kelajuan antara 4Mbps - 10 Mbps - Untuk memastikan 200 fasiliti kesihatan dilengkapi dengan aplikasi e-Penjagaan Kesihatan - Untuk memastikan 10 agensi baharu mengaplikasikan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS) - Untuk memastikan peningkatan penggunaan perkhidmatan dalam talian membabitkan urusan Kerajaan mencecah sekurang-kurangnya 10% di Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan	- Untuk menyediakan akses jalur lebar di ibu kota dan bandar utama dengan kelajuan maksimum 100 Mbps dengan penyediaan 40,000 stesen pangkalan HSBB baharu - Untuk menyediakan akses jalur lebar di kawasan pinggir bandar dengan kelajuan maksimum 50 Mbps dengan penyediaan 25,000 stesen pangkalan SUBB baharu - Untuk memastikan liputan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar LTE bagi penduduk mencapai 30% - Untuk mengkomisyen 950 tapak program yang baharu, iaitu Kampung Tanpa Wayar, Pusat Internet 1Malaysia dan Time3 Tower - Untuk memastikan pelaksanaan projek pembinaan kabel dasar laut mencapai 45% (menghubungkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia) (SKR1M) - Untuk memastikan pelaksanaan kabel antarabangsa mencapai 50%

PENDIDIKAN



Kehadiran sebuah tenaga kerja yang mantap dengan pekerja berkemahiran khusus dan bernilai tinggi berupaya mempertingkatkan inovasi dan produktiviti industri yang sudah tentu memainkan peranan penting bagi mendukung usaha mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020





Tan Sri Dato' Hj.
Muhyiddin
Mohd Yassin
Menteri Pendidikan

Dato' Seri
Idris Jusoh
Menteri
Pendidikan II

S&J

APAKAH BIDANG PERTUMBUHAN UTAMA DI BAWAH NKEA PENDIDIKAN SERTA TREND INDUSTRI INI?

Sebenarnya, setiap EPP di bawah NKEA Pendidikan menyediakan lambakan peluang bagi memacu pertumbuhan NKEA ini. Antara lain, penawaran pendidikan yang berkualiti tinggi dan bertaraf dunia yang menarik minat pelajar antarabangsa untuk belajar di negara kita. Pada waktu yang sama, institusi-institusi pengajian tempatan tetap memainkan peranan penting terhadap para pelajar kita dan harus meneruskan usaha untuk mempertingkatkan standard perkhidmatan mereka.

Kami menjangkakan pembabitan sektor swasta yang lebih rancak dan semakin meluas dalam NKEA Pendidikan pada masa akan datang, baik dari segi penawaran pendidikan atau pun jalinan usaha sama yang dibina bersama dengan institusi pendidikan dengan tujuan untuk menyediakan kumpulan siswazah yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang lebih tinggi berasaskan asas kemahiran yang tepat. Dalam pada itu, sektor swasta juga dijangka untuk memainkan peranan bagi membantu mengetengahkan kepentingan usaha sama dalam bidang penyelidikan serta meningkatkan kewajaran program-program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

SEJAUH MANAKAH KEPENTINGAN SEKTOR TVET DARI ASPEK SUMBANGANNYA TERHADAP USAHA UNTUK MEREALISASIKAN SASARAN NKEA PENDIDIKAN?

Program TVET membuka laluan yang penting, iaitu dengan mempertingkatkan kemahiran para pelajar kita yang mungkin kurang cenderung ke arah jurusan pendidikan yang bersifat tradisional. Berasaskan pemerhatian tersebut, kami amat menitikberatkan usaha bagi menyokong pertumbuhan institusi TVET selain memperkemaskan program berkaitan dalam sektor TVET demi memastikan pertumbuhan dalam sektor ini dicapai secara terfokus, apatah lagi memandangkan banyak organisasi menampakkan minat yang tinggi untuk mengambil pekerja yang mempunyai tahap kemahiran profesional yang menepati keperluan mereka. Kehadiran sebuah tenaga kerja yang mantap dengan pekerja berkemahiran khusus dan bernilai tinggi berupaya mempertingkatkan inovasi dan produktiviti industri yang sudah tentu memainkan peranan penting bagi mendukung usaha mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

SEDANG KITA MENGHAYUN LANGKAH KE FASA TERAKHIR DALAM PELAKSANAAN ETP, APAKAH MANFAAT SERTA KELEBIHAN YANG BOLEH RAKYAT DAN INDUSTRI DI NEGARA INI HARAPKAN DARIPADA NKEA PENDIDIKAN?

Kerajaan akan terus mengangkat peranan NKEA Pendidikan bagi memastikan bahawa pendidikan yang ditawarkan mampu mengisi keperluan sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi dan kompetitif di peringkat global. Justeru, sokongan berterusan daripada pemain industri sektor swasta demi menyerlahkan matlamat sektor pendidikan menjelang 2020 adalah amat penting di samping membantu untuk memacu transformasi sektor ini. Kehadiran badan pendidikan bertaraf dunia di Malaysia turut membuka peluang kepada pelajar tempatan untuk memperoleh pendidikan yang berkualiti pada kos yang lebih rendah berbanding dengan kos belajar di luar negara. Sehubungan dengan itu, NKEA Pendidikan akan terus memacu pertumbuhan industri pendidikan dan berperanan sebagai pemangkin bagi melahirkan takungan bakat yang diperlukan oleh NKEA yang lain agar kita mempunyai modal insan yang cukup untuk memastikan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia kekal mampan.



PENDIDIKAN

Usaha yang dipergiat oleh NKEA ini untuk memperkasakan Malaysia sebagai salah sebuah hab pendidikan terbaik di persada dunia telah membuahkan hasil yang ketara. Kejayaan yang disasarkan oleh NKEA ini adalah untuk membangunkan sektor pendidikan negara, bermula daripada penjagaan kanak-kanak ke tahap tertiri, malah menjangkau ke tahap yang lebih tinggi.

Kini, bukan sahaja sektor pendidikan negara memberi manfaat kepada pelajar tempatan, malah turut menarik minat ramai pelajar dari luar negara.

Sehubungan dengan itu, fokus utama serta pencapaian yang ditempa pada tahun lepas ialah pemantapan reputasi Malaysia sebagai hab pendidikan di pentas dunia. *Education Malaysia Global Services (EMGS)* berperanan besar dalam menyumbang kepada kejayaan ini menerusi aktiviti pemasaran dan penjenamaan Malaysia kepada khalayak dunia di samping memastikan pelajar antarabangsa mudah belajar di Malaysia dan juga dapat menyesuaikan diri dengan lancar.

Pada ketika ini, terdapat lebih 135,502 pelajar antarabangsa dalam negara, malah bilangan ini dijangka meningkat sejajar dengan sasaran NKEA ini untuk menarik 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

Penubuhan lebih daripada 100 sekolah antarabangsa yang telah melepasi sasaran 87 buah sekolah adalah suatu petanda baik yang membuktikan peningkatan permintaan daripada golongan ekspatriat serta warga Malaysia yang kembali dari luar negara. Permintaan daripada ibu bapa rakyat Malaysia yang mahukan kurikulum antarabangsa untuk pendidikan anak-anak mereka turut melonjakkan perkembangan sektor ini.

Selari dengan perkembangan ini, pengukuhan jalinan kerjasama dengan universiti-universiti antarabangsa serta hab pendidikan, contohnya *EduCity@Iskandar*, merupakan asas bagi melonjakkan reputasi Malaysia di arena global. Tahun ini, kampus universiti luar negara, termasuklah *Heriot Watt University* dan *University of Southampton* telah memperluas penawaran program mereka manakala *EduCity* pula telah menambah baik prasarana serta kemudahan bagi mempertingkatkan kualiti hidup pelajar, selari dengan perkembangan bilangan pelajar di situ.

Dalam perkembangan lain, standard TVET di Malaysia semakin meningkat dan hal ini terbukti daripada prestasi negara yang begitu memberangsangkan sewaktu menyertai Pertandingan Kemahiran Peringkat Asean yang menyaksikan Malaysia menduduki tempat kedua selepas Vietnam. Malah, Malaysia turut terlibat dalam membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) untuk Vietnam.

Perkembangan dan kejayaan yang disaksikan ini membuktikan kemunculan Malaysia sebagai sebuah model pendidikan yang sedang membangun di rantau ini, justeru memantapkan lagi kedudukannya untuk menjadi sebuah hab pendidikan yang bertaraf global.



Unjuran Tahunan 2015

Pada tahun hadapan, usaha akan diteruskan untuk memfokuskan peningkatan reputasi Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan yang berkualiti, memperluas jalinan perkongsian serta meneroka bidang baharu yang berpotensi, khususnya dalam kluster pembangunan permainan video, penjagaan kesihatan, hospitaliti dan pelancongan.

Dalam pada itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan EMGS akan memainkan peranan utama demi memastikan kemapanan kualiti institusi pendidikan, program yang ditawarkan serta kualiti para pelajar kekal tinggi. Sebagai kesinambungan kejayaan EMGS pada tahun 2014, ia akan memperluas perkhidmatannya bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa yang berkualiti, di samping menambah baik prasarana serta kursus-kursus yang ditawarkan di Malaysia. Selain itu, MQA telah memperketat garis panduan bagi mempertingkatkan standard pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kepada pelajar antarabangsa.

Sementara itu, tahun hadapan juga bakal menyaksikan inisiatif pemasaran yang lebih kukuh dan berfokus, manakala kluster disiplin yang berpotensi tinggi seperti TVET, pembangunan permainan video, hospitaliti dan pelancongan akan diberi lebih banyak sokongan.

TVET kini dilihat sebagai sektor pertumbuhan yang begitu penting, malah berpotensi menjana berjuta-juta ringgit apabila mencapai tahap tertinggi yang disasarkan kelak. Pendapatan yang bakal dijana oleh bidang TVET dianggarkan bernilai RM100,000 daripada setiap pelajar, dengan mengambil kira 2,700 pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti kursus TVET sekarang.

Moratorium selama dua tahun yang dikuat kuasa sejak tahun 2013 ke atas penubuhan institusi baharu akan disemak semula pada Februari 2015 bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta sekali gus memastikan standard kampus yang tinggi

dikekalkan. Meskipun moratorium tersebut telah berhasil memperkukuh sektor pendidikan tertiar, namun, sebagai suatu usaha lanjutan, semakan semula wajar dilakukan bagi mendorong pertumbuhan sektor ini. Dalam hal tersebut, lesen bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang baharu hanya akan diluluskan untuk institusi yang benar-benar terpilih dan berkualiti.

Dalam pada itu, usaha sama Perkongsian Awam-Swasta (PPP) merupakan faktor yang amat penting bagi memastikan kejayaan NKEA ini, dan hal ini ketara dengan berdasarkan Bajet 2015 yang menggalakkan jalinan perkongsian yang mantap (*smart partnership*). Namun begitu, kerjasama tersebut perlu diperkukuh dengan mempertingkatkan pelibatan antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sektor swasta, khususnya dalam hal berkaitan pembangunan dasar dan kerjasama dengan pihak industri.

Analisis KPI Tahun 2014

Secara keseluruhannya, NKEA Pendidikan berjaya mencapai kebanyakan sasaran agresif yang telah ditetapkan pada tahun 2014. Bersandarkan kerjasama yang dijalin bersama-sama pihak berkepentingan serta usaha promosi yang lebih rancak terhadap penawaran pendidikan di Malaysia, sasaran-sasaran tersebut berjaya direalisasikan. Pada pertengahan tahun, beberapa sasaran telah disemak semula bagi mencerminkan perubahan trend yang berlaku, pertumbuhan industri yang kelihatan optimistik serta untuk memastikan pelibatan yang lebih kukuh daripada sektor swasta bagi membangunkan graduan yang berkualiti untuk menampung keperluan modal insan di Malaysia.

Antara pencapaian yang paling memberangsangkan pada tahun ini telah diperolehi oleh EPP 1, yakni peluasan pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang masing-masing mencatatkan pencapaian 87 peratus dan 100 peratus

daripada sasaran KPI di bawahnya tercapai. Dalam hal ini, enrolmen di prasekolah swasta (kanak-kanak berumur 4+ dan 5+) menyumbang kepada 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan enrolmen prasekolah di seluruh negara pada tahun 2014, kurang daripada sasaran enrolmen 55 peratus yang ditetapkan. Selain itu, enrolmen bagi pusat penjagaan kanak-kanak swasta menyumbang 72.7 peratus daripada jumlah enrolmen pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara yang berada pada kadar 10 peratus. Oleh hal yang demikian, NKEA ini berdiri kukuh atas landasan sasarannya untuk menyumbang secara signifikan dengan tahap 97 peratus enrolmen prasekolah dan 25 peratus enrolmen pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara, menjelang tahun 2020.

Kluster-kluster disiplin pendidikan turut meraih kejayaan besar pada tahun ini, dipacu oleh prestasi yang diperlihatkan oleh EPP 7 iaitu kluster disiplin pendidikan kewangan dan perniagaan Islam, sehingga mampu mencecah 128 peratus daripada KPInya. Prestasi ini dicapai menerusi usaha yang diperhebat untuk mempromosi program Kewangan

dan Perniagaan Islam, dan hal ini terbukti daripada enrolmen sebanyak 13,607 pelajar yang mengikuti bidang tersebut di pelbagai IPT, serta penyertaan 91 pengamal dan pendidik dalam bidang ini sebagai ahli *International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE)*. Kejayaan ini selari dengan aspirasi Malaysia untuk bangkit sebagai sebuah pusat pendidikan kewangan dan perniagaan Islam yang unggul dengan berlatarkan pensijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, kluster disiplin perakaunan serta kluster disiplin hospitaliti dan pelancongan turut berkembang kukuh, dengan masing-masing mencapai sasaran KPI sebanyak 100 peratus dan 126 peratus.

Perkembangan enrolmen pelajar dalam program hospitaliti dan pelancongan di IPTS berjaya melepasi sasaran awal sebanyak 16,000 pelajar. Malah, pada tahun lepas, enrolmen bagi program hospitaliti dan pelancongan dalam sektor swasta melonjak kira-kira 99 peratus (FY2013:12,063), menandakan bahawa pelibatan sektor swasta ialah

faktor penting bagi memastikan bilangan output personel dalam bidang hospitaliti mencecah 50,000 orang setiap tahun menjelang tahun 2020. Malah, enrolmen pelajar yang tinggi di bawah EPP ini turut menyumbang kepada sasaran NKEA Pelancongan untuk mengembangkan industri pelancongan sehingga tiga kali ganda menjelang 2020.

Sasaran KPI yang tinggi daripada kluster pembangunan permainan video (EPP 14) telah memperlihatkan hasil yang begitu ketara apabila berjaya mencecah 104 peratus daripada sasaran yang ditetapkan. Hal ini dikatakan demikian berdasarkan 499 enrolmen pelajar di IPTS yang turut serta dalam bidang kluster ini. Prestasi yang diperlihatkan oleh EPP ini merupakan hasil kerjasama antara wakil industri, institusi pendidikan swasta dan juga awam. EPP ini sertaindustri pembangunan permainan video amnya menjanjikan masa depan yang cerah.

Selari dengan perkembangan ini juga, EPP 11 iaitu EduCity@Iskandar turut menyaksikan prestasi yang hebat pada

tahun ini, dengan mencapai 113 peratus daripada sasaran KPI 2014 apabila berjaya meningkatkan enrolmen pelajar sebanyak 63 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya. Perkembangan ini akan mendorong EduCity untuk menambah baik infrastruktur dan usaha pemasaran bersama dengan institusi-institusi lain dalam kawasan EduCity, dan Education Malaysia bagi meneruskan agenda untuk melonjakkan nama Malaysia sebagai hab pendidikan bertaraf premier.

Berlatarkan enrolmen pelajar antarabangsa yang mencecah 135, 502 pada tahun 2014, EMGS membuktikan bahawa ia telah berjaya membina dan menjenamakan Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan serantau. Namun, angka catatan enrolmen tersebut bukan satu-satunya kejayaan yang dilakar oleh EMGS, malah, ia turut mengangkat namanya sebagai pusat sehati yang berperanan memacu enrolmen pelajar antarabangsa, mempergiatkan aktiviti pemasarannya di serata dunia untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan pendidikan dan memperkukuh proses penyaringan

akademik bagi mengenal pasti pelajar antarabangsa yang memasuki Malaysia bukanlah tergolong daripada mereka yang mempunyai niat sebaliknya.

Tatkala ETP gagah melangkah menghampiri separuh jalannya yang terakhir, sumbangan NKEA Pendidikan dalam memastikan pencapaian sasarannya dilihat begitu penting demi merealisasikan matlamat ETP secara keseluruhannya. Sebarang cabaran yang timbul telah diutarakan sekali gus diselesaikan menerusi mesyuarat khas dan platform yang tersedia seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Pendidikan yang diadakan secara tetap dan dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan II.

Sehubungan dengan itu, KPM terus komited untuk membangunkan kesemua EPP di bawah NKEA ini dengan mengambil pendekatan penyelesaian bersama dengan pemilik-pemilik projek demi memastikan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang kukuh dalam sektor Pendidikan Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PENDIDIKAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Enrolmen pelajar di prasekolah swasta (termasuk NGO) (umur 4+ dan 5+ sahaja)	485,232	421,863	87	●	87	●	0.5	●
	Enrolmen kanak-kanak di pusat penjagaan swasta (umur 0 -4)	145,785	145,265	100	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Bilangan enrolmen guru prasekolah dalam perkhidmatan untuk kursus pengajian diploma	700	209	30	●	30	●	0	●
EPP #5	Jumlah pelajar yang berkeelayakan SKM dari pusat swasta yang bertauliah	33,000	42,526	129	●	100	●	1.0	●
	Peratusan program kemahiran yang diperakui berasaskan Kod Amalan Akreditasi Program Kemahiran (COPSPA)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelajar antarabangsa TVET baharu yang sedang belajar di Malaysia	500	1,355	271	●	100	●	1.0	●

sambungan

sambungan muka surat sebelum

NKEA PENDIDIKAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Bilangan graduan dengan kemahiran Tahap 3, 4 dan 5 SKM	30%	30.1%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Program Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam:								
	(i) Jumlah enrolmen pelajar dalam program Kewangan dan Perniagaan Islam di IPT	(i) 8,200	(i) 13,607	128	●	100	●	1.0	●
	(ii) Jumlah keanggotaan berdaftar dengan International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE)	(ii) 100	(ii) 91						
EPP #10	Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan:								
	(i) Jumlah enrolmen pelajar dalam program hospitaliti dan pelancongan di IPT dengan perhubungan kluster	(i) 2,500	(i) 3,314	126	●	100	●	1.0	●
	(ii) Jumlah enrolmen pelajar dalam program hospitaliti dan pelancongan di IPTS	(ii) 20,000	(ii) 23,972						
EPP #11	Jumlah enrolmen pelajar di EduCity Iskandar Malaysia	2,500	2,822	113	●	100	●	1.0	●
EPP #12	Enrolmen Pelajar Antarabangsa:								
	(i) Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa	(i) 110,000	(i) 135,502	108	●	100	●	1.0	●
	(ii) Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa pasca siswazah di IPT	(ii) 30,000	(ii) 27,812						
EPP #13	Jumlah enrolmen pelajar di bawah inisiatif <i>buying places</i> di sekolah/ institusi terpilih	1,000	1,300	130	●	100	●	1.0	●
EPP #14	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS dengan perhubungan kluster	480	499	104	●	100	●	1.0	●
EPP #17	Jumlah enrolmen pelajar yang terbabit dalam program kerjasama antara Sunway TES dan IPTA	261	262	100	●	100	●	1.0	●
				116%		94%		89%	

Rajah 10.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

PERLUASAN PUSAT PENJAGAAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (ECCE) SWASTA



Kanak-kanak, ibu bapa dan para guru pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) turut serta dalam acara 'ECCE Walk-cum-Hunt' sempena Minggu Kebangsaan ECCE 2014 untuk meraikan para pendidik prasekolah, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan ECCE dan menggalakkan interaksi sesama pendidik awal kanak-kanak, pihak keluarga, komuniti dan Kerajaan.

Tahun ini telah menyaksikan penubuhan sejumlah 411 prasekolah dan 586 pusat penjagaan kanak-kanak swasta baharu.

Walau bagaimanapun, penambahan kuantiti prasekolah dan pusat penjagaan hendaklah dilakukan tanpa mengabaikan kualiti pendidikan. Dalam hal tersebut, sistem Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) telah diperkukuh pada tahun ini untuk mempertingkatkan tahap penilaian sekaligus memantapkan kualiti prasekolah di Malaysia. Pengukuhan ini dilaksanakan dengan menjadikan sistem penilaian SKPK ini lebih sesuai dan seimbang bagi kegunaan kedua-dua prasekolah awam dan swasta. Versi sistem yang sudah dipertingkatkan ini akan dilancarkan pada tahun 2015.

Dalam perkembangan yang lain, ekoran permintaan yang tinggi daripada ibu bapa, kedua-dua KPM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) telah memberikan kelulusan lesen operasi kepada pusat ECCE yang menyediakan khidmat penjagaan

kanak-kanak (umur 0-4 tahun) dan pendidikan prasekolah (umur 4+ dan 5+) di premis yang sama, dengan syarat garis panduan tersebut dipatuhi.

Hal yang demikian dapat menangani satu cabaran besar yang berpunca daripada pengusaha ECCE swasta yang menggunakan model "integrasi" yang menyediakan kedua-dua khidmat penjagaan kanak-kanak dan pendidikan prasekolah tanpa garis panduan yang jelas agar pengusaha ECCE boleh mendapatkan lesen operasi.

Sektor swasta telah memberikan sumbangan penting dalam usaha NKEA Pendidikan yang menyasarkan peningkatan enrolmen prasekolah di Malaysia ke tahap universal. Hal ini ketara daripada jumlah enrolmen kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ di prasekolah swasta yang mencecah 421,863, pada tahun 2014, mencakupi 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan enrolmen prasekolah di seluruh negara.

Pada tahun yang sama, enrolmen kanak-kanak berumur 0-4 tahun di pusat penjagaan kanak-kanak swasta adalah sebanyak 145,625 merangkumi 72.7 peratus daripada jumlah enrolmen di kesemua pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara (sehingga 5 Disember 2014).

Selain itu, pada tahun 2014, Kerajaan masih komited untuk membantu kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah untuk mendapat khidmat prasekolah dan penjagaan kanak-kanak swasta. Oleh hal yang demikian, bantuan yuran kepada golongan tersebut diteruskan dan telah dimanfaatkan oleh 41,109 kanak-kanak prasekolah swasta dan 1,103 kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak swasta, masing-masing berjumlah RM36.78 juta dan RM3,145,868 juta.

Dalam pada itu, geran permulaan telah dimanfaatkan oleh 251 pengusaha prasekolah swasta dengan jumlah

RM4.23 juta untuk mendorong penubuhan prasekolah swasta yang berupaya menyediakan pendidikan yang berkualiti.

INTIPATI UTAMA

Pada tahun ini, EPP ini menumpukan usaha bagi menambah baik kualiti prasekolah, khususnya dengan pemantapan sistem penilaian sendiri dalam talian dan peningkatan bilangan prasekolah yang turut serta dalam sistem tersebut. Pengukuhan sistem ini didasarkan bagi membolehkan KPM dan Majlis ECCE menilai prestasi prasekolah swasta dengan lebih berkesan, justeru latihan dan bimbingan boleh disalurkan kepada prasekolah yang berprestasi rendah agar standard sekolah berkenaan boleh dipertingkatkan.

Bantuan yuran yang disediakan oleh Kerajaan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana memastikan kanak-kanak daripada golongan ini terus memperoleh khidmat prasekolah swasta yang berkualiti. Pada masa yang sama, langkah ini turut mendorong pengusaha prasekolah yang tidak berdaftar dengan KPM agar mendaftarkan sekolah mereka di samping menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini.

Untuk terus memajukan sektor ini, KPM akan terus mempertingkatkan usaha bagi mengenal pasti prasekolah yang tidak berdaftar lalu membolehkan mereka memohon mendapatkan lesen operasi. Bagi merealisasikan matlamat ini, KPM telah menganjurkan kempen kesedaran "Program Jom Daftar" untuk menarik golongan pengusaha prasekolah terbabit agar mendaftarkan sekolah-sekolah yang mereka usahakan. Kempen ini mengetengahkan pelbagai agensi yang terlibat dalam proses pendaftaran termasuklah pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk memberikan penjelasan kepada golongan sasaran.

EPP
2

PENAMBAHBAIKAN LATIHAN PENJAGAAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (ECCE)

Pada tahun 2014, EPP ini menyasarkan sebanyak 700 enrolmen daripada guru dalam perkhidmatan untuk meneruskan pengajian diploma ECCE. Bagi membantu guru-guru ini, KPM telah meneruskan pembiayaan subsidi untuk elaun sara hidup sebanyak RM1,000 setahun kepada para guru dalam perkhidmatan yang meneruskan pengajian mereka, sekurang-kurangnya, ke peringkat diploma.

Sungguhpun begitu, hanya 361 permohonan sahaja yang diterima pada 2014 dan daripada jumlah tersebut, hanya 209 yang layak menerima subsidi ini. Hal ini disebabkan beberapa faktor, namun punca utama adalah disebabkan oleh pihak institusi swasta sendiri yang tidak melihat sebarang kepentingan untuk mendaftarkan guru mereka untuk kursus tersebut. Faktor yang turut menimbulkan masalah ialah ketidakmampuan ramai guru untuk meluangkan masa untuk mengikuti kursus tersebut.

Dalam perkembangan yang lain, projek pembinaan hab bersepadu ECCE yang diusahakan oleh SEGi University Group di bawah inisiatif Kerjasama Awam-Swasta (PPP) sedang berjalan lancar setelah KPM meluluskan syarat teknikal yang sudah pun dipatuhi oleh SEGi University Group. Buat masa ini, projek tersebut sedang menunggu pemuktamadan harga yang sedang dirundingkan dengan Unit PPP (UKAS). Bagi pihak SEGi, pembiayaan projek yang bernilai RM398 juta ini telah dicadangkan, dengan syarat-syarat kewangan akan dimuktamadkan dalam perjanjian di antara SEGi dan pihak Kerajaan kelak. Apabila siap kelak, hab ECCE bersepadu yang bertempat di Kota Kemuning, Selangor ini akan menawarkan semua fasiliti yang diperlukan untuk mendidik bakal profesional ECCE.

INTIPATI UTAMA

Kekurangan guru bertauliah yang mengajar di institusi-institusi ECCE swasta masih merupakan suatu cabaran. Namun, KPM sedar bahawa faktor yang mengekang sebahagian daripada guru daripada mengikuti kursus Diploma ini antara lain berpunca daripada syarat kelayakan guru yang langsung tidak mewajibkan sebarang kelayakan rasmi. Sehubungan dengan itu, KPM sedang mengkaji pelaksanaan dasar bagi mempergiatkan bilangan guru prasekolah yang berkecayaan rasmi.

Di samping itu, pembinaan hab ECCE di Kota Kemuning dijangka berupaya meningkatkan kapasiti penyediaan kursus latihan guru dan dengan yang demikian itu, mengangkat standard golongan pendidik ECCE.

EPP
3

PERLUASAN SEKOLAH ANTARABANGSA

Sejumlah 106 sekolah antarabangsa kini beroperasi di Malaysia, melepasi sasaran awal iaitu 87 sekolah antarabangsa menjelang tahun 2020. Prestasi yang begitu memberangsangkan ini antara lain disumbangkan oleh kadar enrolmen pelajar tempatan di sekolah antarabangsa yang kian meningkat. Bahkan, daripada 45,050 jumlah enrolmen pelajar di sekolah antarabangsa di seluruh Malaysia, seramai 25,014 mencakupi pelajar tempatan manakala 20,036 merangkumi pelajar antarabangsa.

Bertitik tolak daripada peningkatan sekolah antarabangsa yang sudah mengatasi sasarannya, fokus EPP ini seterusnya adalah untuk meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa. Pada 2014, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Swasta (NAPEI) meneruskan aktiviti promosi dan pemasaran bersama-sama dengan Bahagian Pendidikan Swasta, KPM di negara-negara sasaran termasuklah Vietnam dan Indonesia bagi mempertingkatkan kadar enrolmen pelajar antarabangsa di Malaysia.

INTIPATI UTAMA

Pembinaan sekolah antarabangsa dilihat semakin meningkat di Malaysia ekoran permintaan yang tidak putus-putus daripada pelajar tempatan dan antarabangsa. Namun, cabaran yang dihadapi pada ketika ini adalah mengekalkan momentum peningkatan enrolmen pelajar, di samping memastikan standard pendidikan tetap berkualiti tinggi.

EPP
4

PERLUASAN LATIHAN GURU SWASTA

Pelbagai usaha kukuh terus dipergiat pada tahun ini untuk melatih guru baharu dan meningkatkan kemahiran guru yang sedia ada, khususnya dalam subjek Bahasa Inggeris, yang menampakkan kekurangan dari segi kualiti dan kuantiti guru. Pada tahun 2014, perkembangan 200 guru pelatih subjek Bahasa Inggeris yang sedang dilatih di institusi-institusi pengajian tinggi swasta terus dipantau. Setakat ini, guru pelatih yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan selama empat tahun ini sudah pun tamat Semester ke-4 mereka. Semua guru terlibat telah menduduki peperiksaan

International English Language Testing System (IELTS) pada akhir tahun 2014, dan keputusan mereka akan diketahui pada April 2015.

Antara cabaran yang dihadapi oleh EPP ini adalah penarikan semula lesen operasi salah sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang menyediakan kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Akibatnya, seramai 126 guru pelatih yang sedang mengikuti pengajian terpaksa dipindahkan ke beberapa institusi pendidikan guru (IPG) di bawah KPM untuk melanjutkan kursus mereka. Namun, perkara ini dijangka

tidak akan berulang ekoran audit dan pemeriksaan yang menyeluruh daripada pihak KPM.

INTIPATI UTAMA

EPP ini akan memfokuskan usaha terhadap institusi pengajian tinggi swasta agar menyediakan latihan kepada guru untuk pasaran sekolah swasta/ antarabangsa. Hal yang demikian ini memandangkan permintaan yang semakin meningkat daripada sekolah-sekolah antarabangsa untuk mengambil guru-guru tempatan yang berkebolehan mengajar kurikulum sekolah antarabangsa.

EPP
5

PERLUASAN PERUNTUKAN LATIHAN KEMAHIRAN SWASTA

Pada tahun lepas, bukan sahaja peningkatan yang mendadak disaksikan dari segi jumlah enrolmen pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus TVET yang mencecah 1,328 orang, bahkan, mutu program yang dibangunkan juga dilihat semakin mantap. Buat masa ini, enrolmen bagi pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti program TVET telah mencecah 2,700 orang. Sasaran EPP ini pada tahun 2015 adalah untuk mendapatkan enrolmen tambahan seramai 800 pelajar bagi mencapai sasaran 16,000 pelajar menjelang 2020.

Dalam pada itu, Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM832 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Dana tersebut disalurkan kepada pusat swasta yang bertauliah, yakni mencapai tahap penarafan berpanduan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Pemberian pinjaman di bawah tabung PTPK adalah suatu contoh pembiayaan berasaskan prestasi, justeru ia berkait rapat dengan keputusan penarafan bintang yang dijalankan oleh JPK. Pinjaman ini disasarkan kepada pengajian yang dilanjutkan dalam bidang fokus kritikal seperti sektor NKEA berasaskan keperluan ekonomi dan pelajar yang berhasrat mendapatkan kelayakan yang lebih tinggi, iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 hingga 5. Pembiayaan berasaskan prestasi ini merupakan suatu mekanisme yang meningkatkan kualiti institusi latihan kemahiran yang bertauliah. Pada masa ini, 370 pusat swasta telah memperoleh taraf tiga bintang dan ke atas di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

SKILLSMALAYSIA INVITE

Suatu ketika dahulu, latihan vokasional merupakan bidang pengajian pilihan

terakhir para pelajar, namun kini, latihan vokasional dilihat sebagai batu loncatan kepada bakal usahawan dan golongan yang berminat untuk berkecimpung dalam sektor pertumbuhan pesat; yang mempunyai permintaan yang tinggi untuk menjadi pekerja mahir. Bagi meningkatkan bilangan penyertaan pelajar antarabangsa, JPK adalah dalam proses menyelaraskan pelaksanaan program SkillsMalaysia INVITE (SMI). Program SMI diwujudkan dengan tujuan menarik minat pelajar antarabangsa untuk mempelajari kursus TVET di Malaysia agar mereka boleh memanfaatkan dan mengembangkan kemahiran dan kefahaman dalam disiplin teknikal dan vokasional secara komprehensif.

Program SMI memuatkan standard yang tinggi serta beberapa aspek manfaat yang lain agar mampu menarik pelajar dari pasaran yang berpotensi seperti Sri Lanka, Myanmar, India



Dato' Haji Ismail Abdul Muttalib (Timbalan Menteri Sumber Manusia) bersama dengan para delegasi Malaysia sewaktu majlis penyampaian hadiah Pertandingan Kemahiran Peringkat ASEAN di Hanoi, Vietnam. Malaysia berjaya merangkul sembilan pingat emas, lima perak dan empat gangsa. Kejayaan ini merupakan pencapaian terbaik sejak pertandingan diadakan buat pertama kalinya pada 1995

dan Indonesia. Antara ciri tersebut termasuklah:

- Program latihan kemahiran berkualiti tinggi yang disediakan oleh Pusat Bertauliah yang telah diakreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), dilengkapi dengan kemudahan moden dan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman.
- Kelayakan yang diiktiraf oleh badan-badan pensijilan Malaysia dan antarabangsa.
- Kurikulum latihan kemahiran berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).
- Latihan industri yang berstruktur dan sistematik di syarikat-syarikat yang diiktiraf di Malaysia bagi membolehkan para pelatih menggilap kemahiran mereka dalam persekitaran kerjaya yang sebenar.
- Program yang dibangunkan mempunyai hubungan yang kukuh dengan rakan industri.
- Kursus bermodul (modular) yang dibangunkan oleh JPK yang membenarkan pelajar antarabangsa mengikuti kursus TVET sama ada di dalam atau di luar negara berlandaskan kesesuaian dan permintaan di negara asal pelajar.

Selain daripada aktiviti promosi yang dipergiatkan oleh JPK di Myanmar, Sudan, Vietnam dan Medan, Indonesia, JPK turut mengadakan bengkel untuk International Accredited Centre (IAC) yang bertujuan untuk mempertingkatkan standard program latihan serta meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa yang dibawa masuk menjalani latihan TVET di negara ini, khususnya daripada khalayak pasaran ASEAN.

PERTANDINGAN KEMAHIRAN PERINGKAT ASEAN

Negara kita telah menyumbangkan impak yang positif dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) ke-10 yang bertempat di Hanoi, Vietnam dari 19-29 Oktober 2014. Pertandingan ini dianjurkan setiap dua tahun secara bergilir-gilir oleh negara ASEAN. ASC memberi peluang kepada negara-negara yang bertanding untuk mempertingkatkan tahap daya saing dalam bidang pembangunan sumber manusia dan saling bertukar pengalaman dalam membangunkan bidang latihan vokasional, mengaplikasikan model latihan yang moden, kemahiran terkini, penggunaan bahan serta teknologi baharu.

Dalam pertandingan tahun ini, Malaysia berjaya merangkul sembilan pingat emas, lima perak dan empat gangsa, dan kejayaan ini merupakan pencapaian terbaik sejak penganjuran ASC buat pertama kalinya pada tahun 1995.

Tahun	Tuan Rumah	Bil. negara yang bertanding	Pencapaian Malaysia				Jumlah Pingat
			Emas	Perak	Gangsa	Pingat Kecemerlangan	
2008	Malaysia	10	6	7	5	7	25
2010	Thailand	10	1	2	5	7	15
2012	Indonesia	9	3	4	4	14	25
2014	Vietnam	10	9	4	4	17	34

Pencapaian Malaysia di Pertandingan Kemahiran ASEAN (2008 - 2014)

INTIPATI UTAMA

Meskipun masih berada pada peringkat awal, bidang TVET bakal mengalami pertumbuhan penting pada tahun-tahun akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana *ASEAN Economic Community (AEC) 2015* akan bermula justeru mendorong mobiliti dalam kalangan pekerja berkemahiran dari negara-negara jiran sekali gus menggalakkan penubuhan institusi TVET.

Susulan daripada potensi yang memberangsangkan pada 2014, tahun 2015 bakal menyaksikan lebih banyak program TVET dibangunkan serta diperluas penawarannya kepada pelajar antarabangsa. Hal ini memerlukan jalinan kerjasama khususnya sesama

Industri-Akademia (IAC) dan institusi swasta serta menambah baik Badan Peneraju Industri (ILB) agar mampu mempertingkatkan peranannya sebagai perunding dalam bidang ini.

Bagi mendorong penambahbaikan standard dan proses dalam sektor TVET, JPK akan mempercepat proses pelantikan badan peneraju industri (ILB), yang dipertanggungjawabkan dengan tiga peranan:

- Menjadi badan penghubung antara industri, JPK dan pusat bertauliah
- Memastikan agar standard yang dibangunkan oleh JPK selaras dengan keperluan industri

- Membuat kajian berkaitan latihan kemahiran yang diperlukan oleh sektor yang diterajunya serta mempromosi latihan kemahiran dalam kalangan peserta sektor tersebut

Bagi mempertingkatkan standard dan kualiti institusi TVET swasta, pada tahun hadapan, JPK akan melaksanakan penilaian taraf bintang buat kali ketiga ke atas semua institusi bertauliah untuk menentukan taraf bintang setiap institusi terbabit. Penilaian tersebut merupakan langkah dwitahunan bagi memastikan pusat kemahiran swasta bertauliah menghasilkan lebih ramai graduan yang berkualiti.

EPP
7

MEMBANGUNKAN KLUSTER DISIPLIN PENDIDIKAN KEWANGAN DAN PERNIAGAAN ISLAM

Fokus EPP ini pada tahun 2014 adalah terhadap penubuhan *International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE)*, sebuah badan profesional bagi warga pendidik sektor kewangan dan perniagaan Islam bertaraf global yang bertujuan menstandardkan pendidikan kewangan dan perniagaan Islam di seluruh dunia. ICIFE telah dilancarkan pada 22 Ogos 2014 bersandarkan keanggotaan seramai 91 warga perintis dengan sokongan Bank Negara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua institusi pendidikan tinggi dalam negara.

Sebelum pelancarannya, kurikulum pendidikan kewangan dan perniagaan Islam yang terdapat di seluruh dunia telah terlebih dahulu disemak dan dipertingkatkan dalam sebuah persidangan meja bulat (GRTD) yang dihadiri oleh pakar kewangan Islam terkemuka dunia dengan tujuan

menetapkan suatu standard yang bertaraf profesional dalam pendidikan dan pembelajaran perbankan dan kewangan Islam.

Satu cabaran besar dalam usaha melaksanakan EPP ini adalah meraih sokongan dan pengiktirafan yang sewajarnya bagi ICIFE dan juga standard kurikulum yang dibangunkannya. Oleh hal yang demikian, pendekatan yang diputuskan pada 2015 adalah mempergiatkan usaha mempromosi dan memperoleh usaha sama secara terarah dan sistematik bagi meraih pengiktirafan dunia terhadap ICIFE.

Sehubungan dengan itu, usaha akan dipergiatkan untuk memperoleh akreditasi bagi program yang ditawarkan, bermula daripada pentauliah daripada institusi tempatan dan kemudian beralih kepada peringkat ASEAN dan akhirnya disusuli pentauliah

kursus di peringkat antarabangsa. Selari dengan perkembangan ini, EPP ini juga akan berusaha untuk menarik pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian Pendidikan Kewangan dan Perbankan Islam di samping mengeksport pakar kewangan tempatan ke luar negara bagi memperluas takungan bakat Malaysia di peringkat global. Langkah ini akan menempatkan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan kewangan dan perniagaan Islam di persada antarabangsa.

INTIPATI UTAMA

Sokongan yang kukuh akan diberi kepada EPP ini bagi memperoleh dan mengkaji data yang lebih tepat berkaitan permintaan dan bekalan tenaga kerja untuk memastikan keberhasilan daripada EPP ini adalah bersandarkan data dan kesesuaian industri.

EPP
8

MEMBANGUNKAN KLUSTER DISIPLIN SAINS KESIHATAN

EPP ini pada awalnya ditangguhkan sementara waktu bagi membolehkan kajian semula dilakukan ke atas pelan pembangunan Hospital Universiti UCSI. Namun, pada September 2014, hospital yang dapat memuatkan 1,000 katil ini telah diteruskan pembinaannya dengan fasa pertama merangkumi pembinaan 130 katil bagi tujuan pembedahan, obstetrik dan ginekologi, pediatrik dan juga pembedahan kardiologi/kardiotorasik.

Pembinaan hospital ini dibuat berasaskan matlamat untuk menjadikannya pusat yang bakal menerajui sektor penjagaan kesihatan serantau. Ia akan memuatkan kelengkapan bagi pembedahan kardiologi/kardiotorasik, neurologi/neurosurgery, perubatan kanser/onkologi, pembedahan tidak invasif, pembedahan robotik, penjagaan bagi warga emas, perubatan regeneratif dan 'precision'.

Hospital pendidikan ini dijangka berupaya menampung seramai 1,000 siswazah perubatan dan 2,000 pascasiswazah perubatan, termasuklah

pelajar bidang pergigian, radiografi, kejururawatan, paramedik dan pengurusan hospital serta pelajar yang melanjutkan kursus pascasiswazah menerusi penyelidikan.

EPP ini akan turut menyasarkan jalinan usaha sama dengan hospital-hospital di kawasan setempat bagi menampung keperluan dan permintaan bagi sektor pelancongan kesihatan, berdasarkan trend epidemiologi dan demografi semasa.

Di samping itu, hospital ini bakal dilengkapi dengan prasarana satelit yang terdiri daripada:

- Makmal khusus bagi tujuan penyelidikan dan mengangkat tahap pemahaman dan pengetahuan pelajar dalam bidang sains asas, penterjemahan, epidemiologi dan sains pelaksanaan;
- Pusat pameran dan konvensyen yang mengemukakan teknologi terbaharu yang mempengaruhi masa depan sektor perubatan;

- Hotel khas untuk tujuan pemulihan pesakit dan bagi menempatkan keluarga pesakit;
- Perkhidmatan jagaan bagi penduduk di kawasan sekitar hospital tersebut; dan
- Kemudahan persaraan yang turut menyediakan kemudahan perubatan segera bagi pesakit akut (acute) dan memerlukan jagaan jangka panjang.

INTIPATI UTAMA

Pembinaan hospital UCSI kini kembali dijalankan mengikut jadual setelah ia ditangguhkan bagi membolehkan kajian semula dilaksanakan ke atas pelan pembangunan dan kluster kesihatan premier yang merupakan teras EPP ini. Hospital ini dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2016. Sehubungan dengan itu, projek ini akan dipantau rapi bagi memastikan ia terlaksana mengikut jadual.

EPP
9

MEMBANGUNKAN KLUSTER DISIPLIN KEJURUTERAAN TERMAJU, SAINS DAN INOVASI

EPP ini dibangunkan bagi mewujudkan sebuah hab usaha sama yang berasaskan peluang pengkomersialan dan keperluan industri untuk mempertingkatkan sektor disiplin

kejuruteraan termaju, sains dan inovasi. Walau bagaimanapun, oleh sebab penubuhan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) pada 2010 yang bermatlamatkan pencapaian objektif dan sasaran yang

serupa dengan EPP 9, KPI di bawah EPP ini telah diletakkan di bawah skop pemantauan AIM dan tidak lagi dipantau oleh NKEA Pendidikan.

MEMBANGUNKAN KLUSTER DISIPLIN HOSPITALITI DAN PELANCONGAN



YB P.Kamalanathan P. Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II (kiri) merasmikan pelancaran Politeknik Merlimau sebagai ketua kluster MyCenTHE yang kelima. Bersama beliau ialah Dato' Peter Ng, pengasas Universiti UCSI dan juara EPP 10 (kanan) dan YB Datuk Wira Hj. Yunus bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi untuk Kerajaan Negeri Melaka (tengah)

Pada tahun 2014, *Malaysia Centre for Tourism and Hospitality Education* (MyCenTHE) terus melakar kejayaan EPP ini menerusi jalinan kerjasama dengan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) bertujuan untuk merapatkan jurang dalam sektor hospitaliti dan pelancongan di samping mengatasi masalah ketidakpadanan kerja yang berlaku. Langkah ini dapat membantu meningkatkan kebolehgajian graduan berbekalkan bimbingan dan nasihat yang disediakan kepada mereka. Pada ketika ini, 11 institusi pendidikan (swasta dan awam) bekerjasama di bawah seliaan MyCenTHE, manakala beberapa institusi lagi telah dikenal pasti dan akan memulakan jalinan kerjasama mereka pada 2015.

Bersandarkan sokongan daripada MAH, MyCenTHE akan berusaha memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan pihak hotel bertujuan membangunkan kualiti modal insan. Hal yang demikian ini adalah ekoran komitmen yang dijanjikan oleh MAH untuk memberikan sokongannya kepada MyCenTHE untuk menyediakan peluang dalam program

Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning*-“WBL”). Selain itu, MAH turut menyatakan sokongannya untuk membantu menangani isu berlanjutan termasuklah gaji yang rendah atau tiada bayaran elaun kepada pelajar serta minat yang hambar daripada industri hotel untuk mempertingkatkan tenaga kerja yang sedia.

Kerjasama antara MyCenTHE dan MAH menerusi sebuah platform bersama diharap berupaya meningkatkan jalinan kerjasama antara ahli dan peneraju kluster, sekali gus memperhebat aktiviti pemasaran untuk meningkatkan kesedaran tentang bidang hospitaliti dan pelancongan. Malah, akses dan penempatan bagi institusi dan graduan dalam sektor ini juga dijangka akan meningkat.

MyCenTHE mengarahkan fokus yang khusus untuk mengembangkan program WBL dalam bidang hospitaliti dan pelancongan agar mampu beranjak menjangkau batasan tradisi. Dalam hal ini, MyCenTHE disokong

oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selain mendapat input daripada MQA. Program WBL ini berperanan sebagai hubungan sinergi antara pihak industri dan institusi pengajian agar para graduan dibekalkan dengan pendedahan industri yang relevan demi memastikan mereka diperkenalkan kepada kemahiran dan latihan yang diperlukan bertepatan dengan kehendak industri.

Setakat ini, 4 program WBL yang telah diperkenalkan ialah:

- Diploma dalam Pengurusan Hotel
- Diploma dalam Pengurusan Pelancongan
- Diploma dalam Seni Kulinari
- Sarjana Muda Disiplin Hospitaliti dan Pentadbiran

Entiti perniagaan juga diberi insentif untuk turut serta dalam pendidikan hospitaliti dan pelancongan menerusi program latihan amali. Di bawah Bajet

2015, latihan amali berstruktur (SIP) yang dibangunkan oleh Talent Corp kini diperluas kepada pelajar jurusan diploma. Langkah ini akan melayakkan hotel yang terlibat untuk memperoleh potongan cukai berganda, justeru mendorong majikan untuk menawarkan elaun kepada para pelatih. Dasar ini menjurus ke arah menggalakkan pembabitan pengusaha hotel untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dalam sektor hospitaliti dan pelancongan di Malaysia.

Berlatarkan sokongan daripada MAH dan peluasan yang diberikan terhadap program SIP, MyCenTHE akan mempergiat usaha untuk memastikan pembangunan bakat dalam EPP ini

dipertingkatkan dari segi kuantiti pelajar dan kualiti.

INTIPATI UTAMA

EPP ini diuji dengan beberapa cabaran sebelum ini ketika berusaha melaksanakan program WBL dengan pihak industri. Oleh hal yang demikian, insentif SIP serta beberapa insentif lain yang ditawarkan diharap berwujud menambah baik keberkesanan program ini.

Bagi memajukan sektor ini di masa depan, badan pendidikan hospitaliti dan pelancongan akan digalakkan untuk menjalin kerjasama dalam industri ini serta berusaha menarik pelajar dari luar Malaysia. Hal ini adalah bagi

mengelakkan mereka daripada terlalu bergantung pada pasaran pelajar yang terhad di Malaysia.

Peranan MyCenTHE sebagai juara EPP ini telah dipertingkatkan melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa kerja untuk meneraju inisiatif dalam bidang hospitaliti dan pelancongan di peringkat negara dan serantau. Selari dengan matlamat tersebut, sebuah jawatankuasa pengurusan bebas yang dipengerusikan oleh Dato' Peter Ng, pengasas dan pengerusi Kumpulan UCSI akan berperanan memantau perkembangan MyCenTHE dan menetapkan KPI dalaman bagi setiap peneraju kluster untuk mendorong peningkatan keahlian.

EPP
11

EDUCITY@ISKANDAR

EduCity ialah hab pertama yang dibangunkan khusus untuk pendidikan, seiring dengan usaha mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan bertaraf antarabangsa. EduCity terletak di Iskandar, Johor dan kini menyaksikan pembangunan yang rancak sejak beberapa tahun kebelakangan untuk merealisasikan matlamat sebagai kawasan selatan Semenanjung Malaysia yang paling maju.

EduCity berperanan menyumbang kepada agenda Malaysia yang menasaskan enrolmen 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020. Dalam perkembangan ini, EduCity telah berjaya memperoleh peningkatan enrolmen pelajar sebanyak 63 peratus, iaitu daripada 1,733 pelajar pada tahun 2013 kepada 2,822 pelajar pada tahun 2014. Pada tahun 2014, Universiti Multimedia (MMU) melancarkan program Sarjana Muda Seni Sinematik (Kepujian) dengan kerjasama University of Southern California (USC) yang telah melahirkan tokoh-tokoh seperti Jeffrey Katzenberg, George Lucas dan Steven Spielberg yang juga merupakan ahli majlis USC. Setakat ini, enrolmen 75 pelajar telah mendaftar dalam kursus ini.

Tahun 2014 juga menyaksikan kampus University of Southampton di EduCity@ Iskandar yang kini telah memasuki tahun ketiga dengan enrolmen pelajar seramai 75 orang. Jumlah enrolmen dijangka meningkat apabila Program Asasi dimulakan pada April 2015 dan Program Sarjana Kejuruteraan (MEng) dalam jurusan Aeronautik, yang kini menanti kelulusan, bakal dilaksanakan pada September 2015.

Selain itu, University of Southampton telah mula berbincang dengan Iskandar Investment Berhad tentang kemungkinan untuk menubuhkan

kampus universiti miliknya sendiri memandangkan enrolmen pelajar yang dijangka meningkat pada masa hadapan.

Sementara itu, fasiliti di *International Students' Village* telah dipertingkatkan, malah dikemaskini dengan kelengkapan sistem Wi-Fi yang baharu serta ruang makan umum di kawasan penempatan pelajar bagi memperbaiki suasana tempat tinggal untuk pelajar di EduCity. Namun, usaha penambahbaikan di kawasan sekitar EduCity perlu diteruskan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan serta daya huni pelajar.



Kompleks Sukan EduCity memuatkan sebuah stadium serba canggih dengan kapasiti sebanyak 6,000 tempat duduk, dilengkapi dengan trek larian yang moden, Pusat Akuatik (dengan kolam renang bersaiz Olimpik) dan Gelanggang Tertutup

Pada ketika ini, sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pihak EduCity dan institusi-institusi di kawasan EduCity sedang diwujudkan, disokong oleh KPM yang berperanan sebagai orang tengah. Langkah ini bertujuan memastikan agar sebarang isu atau cabaran yang timbul pada masa akan datang diselesaikan secara kolektif. Malah, pembentukan pasukan petugas ini berupaya mengeratkan kerjasama sesama pihak berkepentingan EduCity sehingga mencapai potensi maksimum

hab tersebut, iaitu menjadikannya hab pendidikan bertaraf antarabangsa. Pasukan petugas ini dijangka akan mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada Suku Pertama Tahun 2015.

INTIPATI UTAMA

EduCity sedang menyusun langkah untuk menerima lebih ramai pelajar menerusi pengukuhan jalinan kerjasama dengan institusi-institusi berkaitan agar dapat bersama-sama

mengatasi isu berkaitan mutu dan gaya hidup pelajar dan memperluas penawaran kursus.

Selain itu, pihak pentadbiran EduCity kini mempelawa para usahawan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan, antaranya, outlet F&B, pusat hiburan dan kedai-kedai lain seperti kedai menjual dan membaiki telefon mudah alih dan kedai alat tulis bagi menambah baik kualiti hidup di EduCity.

EPP
12

MENERAJU PENDIDIKAN MALAYSIA SEBAGAI JENAMA ANTARABANGSA

Education Malaysia Global Services (EMGS) ditubuhkan demi mendukung aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah hab pendidikan antarabangsa dan matlamat utamanya termasuklah menguruskan permohonan, pemprosesan dan pembaharuan visa pelajar antarabangsa di pusat IPTS bagi mempertingkatkan hal ehwal kebajikan serta hal berurusan dengan pelajar antarabangsa.

EMGS telah menerima sejumlah 84,018 permohonan baharu daripada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) Malaysia. Pada 2014, 54,728 permohonan diterima daripada pelajar dari 147 negara untuk melanjutkan pengajian mereka di 238 IPTS Malaysia, iaitu peningkatan 87 peratus berbanding dengan tahun 2013. Semua permohonan dibuat kepada EMGS dalam talian menerusi Sistem Permohonan dan Pendaftaran Pelajar (STARS). Daripada keseluruhan permohonan yang diterima, sejumlah 47,564 Surat Kelulusan Visa atau *Visa Approval Letters (VAL)* dikeluarkan, melepasi sasaran pada tahun 2014 iaitu 36,000 VAL.

Dalam pada itu, EMGS telah melaksanakan beberapa langkah signifikan melibatkan pengendalian perkhidmatannya agar sasaran tahun ini dapat direalisasikan. Antara lain:

Pengesanan Permohonan Dalam Talian: Pelajar dapat mengesan status

permohonan mereka secara langsung, bermula dari tarikh permohonan sehinggalah selesai, hanya dengan memasukkan nombor passport mereka dan negara asal.

Penyerahan Laporan Kesihatan Dalam Talian: Laporan penyaringan kesihatan pelajar diserahkan dalam talian oleh panel klinik yang diluluskan oleh EMGS. Langkah ini dimulakan bagi meningkatkan kecekapan pengendalian serta memastikan keselamatan maklumat yang sulit. Malah, kaedah ini berjaya memendekkan proses penyerahan kepada tiga hari berbanding dengan lapan hari sebelum ini.

Jabatan Imigresen Malaysia memulakan operasi di EMGS untuk meningkatkan keberkesanan pusat sehentinya: Tempoh pemprosesan Pas Pelajar berhasil dipendekkan dengan begitu ketara, iaitu kepada lapan hari bekerja berbanding dengan 18 hari sebelum ini.

Pelancaran iKad kepada pelajar antarabangsa: iKad telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada Julai 2014 bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan dan kebajikan pelajar antarabangsa. iKad ialah kad pengenalan bagi pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen menerusi pusat sehati EMGS, malah diiktiraf oleh semua agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia. Pelajar tidak perlu lagi membawa passport

mereka sepanjang masa, justeru, mengurangkan risiko kecurian atau kehilangan passport. iKad ini perlu diperbaharui setiap tahun berserta Pas Pelajar.

Memperluas Akses Khidmat Perubatan: EMGS telah memperbanyak bilangan klinik panel di bawahnya, iaitu daripada 30 buah pada tahun 2013 kepada 95 pada tahun 2014, justeru memperluas akses kepada pelajar antarabangsa untuk mendapatkan penyaringan kesihatan. Malah, di bawah perlindungan insurans yang diselenggarakan oleh EMGS, pelajar yang memerlukan khidmat kesihatan boleh mengunjungi lebih 2,000 hospital dan klinik yang tersenarai di bawahnya.

Pusat Bertauliah Antarabangsa (IAC): Pada Jun 2014, EMGS telah memperluas rangkaian perkhidmatannya kepada pelajar yang memohon masuk ke pusat-pusat kemahiran di bawah Pusat Bertauliah Antarabangsa, iaitu badan yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia. Setakat 31 Disember 2014, sebanyak 1,913 permohonan baharu telah dibuat menerusi portal STARS.

Dashboard Analitik untuk Kecerdasan Perniagaan: Pada Oktober 2014, EMGS melancarkan sebuah dashboard analitik yang memuatkan statistik dan analisis data yang dipetik dari portal STARS. Dashboard ini membolehkan IPTS mengakses maklumat yang diperlukan untuk dimanfaatkan dalam aktiviti pemasaran mereka.

INTIPATI UTAMA

Kejayaan yang dilakar oleh EMGS terserlah bukan setakat daripada peningkatan permohonan daripada pelajar luar negara, malah daripada penambahbaikan ke atas pelbagai aspek teknologi dan juga pemprosesan yang berhasil dilaksanakan pada tahun ini.

Berikut dinyatakan penambahbaikan yang dijadualkan untuk tahun 2015:

- Memperluaskan perkhidmatan EMGS kepada Pusat Bahasa dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) – masing-masing dijadualkan bermula pada 1 Mac 2015 dan 1 April 2015.
- Mempertingkatkan aplikasi mudah alih yang dilancarkan pada Suku Keempat Tahun 2014 yang membolehkan pelajar melihat status permohonan, status Pas Pelajar dan tarikh luput bagi iKad mereka melalui telefon bimbit. Malah, pelajar boleh menerima pemberitahuan terkini dan menghantar sebarang pertanyaan kepada EMGS hanya dengan menggunakan telefon bimbit mereka.
- Menubuhkan Pusat Ketibaan Pelajar di KLIA1 dan KLIA2, dua lokasi ketibaan yang paling besar bagi pelajar antarabangsa, menjelang Suku Kedua Tahun

2015. Pewujudan pusat ini mengembangkan lagi penawaran khidmat EMGS termasuklah menyambut ketibaan pelajar, sesi taklimat bagi pelajar serta bantuan sokongan yang berkaitan.

- Menubuhkan dua pusat pemprosesan baharu di daerah utara dan selatan Semenanjung Malaysia, masing-masing dijadualkan pada Suku Kedua dan Suku Ketiga Tahun 2015. Pusat ini akan memproses permohonan daripada IPT yang bertempat di kedua-dua daerah tersebut dan langkah ini dijangka akan memendekkan lagi tempoh pemprosesan secara amnya.

EPP
13

MEMPERKENALKAN PERKONGSIAN AWAM-SWASTA BAGI PENDIDIKAN ASAS

Teach for Malaysia (TFM) ialah sebuah organisasi *not-for-profit* dengan misi untuk merapatkan jurang ketidaksetaraan pendidikan yang masih wujud di negara ini. Ia memfokuskan kepada menarik minat warga muda Malaysia yang cerdik pandai untuk bersama-sama mencetuskan gerakan kebangsaan ini menerusi sebuah program *fellowship* selama dua tahun yang disasarkan untuk mempertingkatkan standard sekolah yang daif dan rendah prestasinya. Pada ketika ini, TFM dibiayai oleh Kerajaan dan juga sektor swasta.

Sebagai usaha untuk memperkukuh perkongsian awam-swasta untuk TFM, ia telah diluluskan sebagai inisiatif di bawah EPP ini pada Disember 2014.

Pada 2015, inisiatif ini akan memperhebat usaha untuk meraih sumbangan sektor swasta, menambah bilangan warga pendidik dalam Alumninya dan menjadikan sektor perguruan sebagai suatu kerjaya pilihan.

Dalam pada itu, sebuah lagi inisiatif di bawah EPP 13 iaitu program 'buying-of-seats' khusus untuk pelajar berkeperluan pendidikan khas (SEN) diteruskan pada 2014. Di bawah inisiatif ini, sebanyak 18

tempat di Berjaya University College of Hospitality (UCH) di Pulau Pinang dan 53 tempat di Berjaya UCH Kuala Lumpur telah diperolehi, manakala 42 tempat pula diperolehi di Asian Tourism International (ATI) College dengan kerjasama Sabah Chesire Home.

KPM juga meneruskan program tersebut di bawah Bahagian Pendidikan Khas dan telah memperoleh sejumlah 400 tempat pada tahun 2014.

Dalam pada itu, KPM turut menyalurkan peruntukan bagi menempatkan sejumlah 1,300 pelajar menerusi program 'buying-of-seats' di institusi swasta yang menyediakan pelbagai kursus vokasional. Program ini merupakan suatu langkah keberkesanan kos bagi menempatkan lebih ramai pelajar untuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional. Hal ini memandangkan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan untuk menyediakan kesemua kursus atau kursus dalam bidang ini di bawah sebuah institusi semata-mata. Selain itu, kos yang tinggi bagi mendapatkan peralatan serta kepakaran khusus bagi menyediakan beberapa kursus tertentu berisiko mengekang pencapaian ekonomi skala.

INTIPATI UTAMA

Memandangkan pihak Kerajaan dan sektor swasta saling melengkapi antara satu sama lain dalam usaha untuk membangunkan modal insan, perkongsian awam-swasta (PPP) ini pada hakikatnya adalah suatu langkah yang perlu diusahakan.

Menerusi PPP, hasil pembelajaran yang dicapai oleh pelajar mampu dipertingkatkan bersandarkan kepakaran penyedia pendidikan dari sektor swasta yang dapat dimanfaatkan untuk menyuntik pengalaman, kaedah serta sumber yang diperlukan ke dalam sistem pendidikan sekolah kerajaan di Malaysia. Dalam hal ini, para pelajar di seluruh negara berupaya mendapatkan pendidikan yang berkualiti dengan akses yang lebih luas.

Kerajaan juga perlu mengambil langkah proaktif untuk menambah baik usaha dalam memperoleh sokongan serta merencanakan lagi pelibatan sektor swasta. Pada ketika ini, KPM sedang menyiapkan sebuah rangka kerja PPP yang dijangka akan dilaksanakan pada 2015, dengan tujuan untuk membantu pemain dalam sektor swasta bergerak ke arah menjalinkan PPP serta mempercepatkan jalinan PPP tersebut dengan pihak Kerajaan.

MEMBANGUNKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PERMAINAN VIDEO



Para penceramah jemputan di Pesta Antarabangsa Animasi dan Permainan Video ANIMEX Asia Tenggara 2014 bersama dengan YB Tuan P. Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II dan Prof.Khong Yoon Loong, Naib Canselor Universiti KDU di majlis pelancaran

Tahun ini menyaksikan pelbagai aktiviti begitu rancak diusahakan oleh MyGameDev yang dilaksanakan bagi memupuk bakat dalam kalangan pelajar sekolah menengah, pelajar peringkat tertiar serta lepasan universiti.

Rentetan itu, inisiatif MyGameDev telah memperluas jangkauan aktiviti luar sekolah yang dianjurkan sehingga mencakup kawasan di luar Lembah Klang, bahkan, pertandingan *Tabletop2014* yang lazimnya dianjurkan di KDU University College bagi mendorong reka bentuk permainan jenis 'board', telah diadakan di Melaka buat pertama kalinya, dinamakan *Tabletop2014 Melaka Edition*, dan disasarkan kepada pelajar berumur 15 hingga 17 tahun.

Universiti Teknikal Melaka (UTeM), salah satu ahli kluster MyGameDev, merupakan penyumbang utama program *Tabletop2014* di Melaka. Malah, UTeM turut menganjurkan Program Kesedaran Kaunselor yang disasarkan kepada sekolah-sekolah

menengah di Melaka. Program tersebut berjaya menarik sejumlah 21 sekolah menengah di Melaka dengan kehadiran warga kaunselor sekolah-sekolah tersebut. Program ini bertujuan untuk mendidik dan mencetuskan kesedaran dalam kalangan kaunselor agar berupaya membangkitkan inspirasi pelajar untuk mempertimbangkan industri ini sebagai kerjaya mereka.

Tahun ini turut menyaksikan pelancaran versi awal portal MyGameDev dalam talian yang berperanan penting untuk mengetengahkan bakat-bakat Malaysia kepada studio-studio antarabangsa dan membuktikan bahawa bakat Malaysia mampu membangunkan permainan yang diiktiraf oleh negara serantau. Portal ini turut berperanan sebagai landasan untuk membuka mata khalayak dunia tentang inisiatif sektor ini pada masa akan datang.

Portal ini bukan hanya disasarkan kepada pelabur dan pelajar, malah, ia terbuka kepada sesiapa sahaja yang

berminat dalam bidang pembangunan permainan video di Malaysia seperti studio, universiti serta agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor ini dengan memuatkan pelbagai maklumat berkenaan situasi pembangunan permainan video di Malaysia.

Selain itu, EPP ini turut melakar kejayaan penting tahun ini susulan pelancaran Pesta Antarabangsa Animasi dan Permainan Video ANIMEX Asia Tenggara 2014 (*Animex International Festival for Animation and Computer Games South East Asia 2014*) di KDU University College. Pesta yang diadakan di Malaysia mengukir sejarah tersendiri apabila diadakan di luar England buat pertama kalinya sejak ia mula-mula dilancarkan. Festival ini berjaya meningkatkan kesedaran tentang prospek Malaysia dalam arena pembangunan permainan video di Asia Tenggara dan menjadi pentas untuk pelajar tempatan di peringkat tertiar serta pembangun permainan bebas mempamerkan bakat mereka.

Festival yang berlangsung selama dua hari ini telah berjaya mengumpulkan 414 peserta terdiri daripada ahli-ahli industri, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah-sekolah menengah. Acara tersebut turut diserikan dengan kehadiran tokoh-tokoh terkemuka seperti pakar animasi, Ed Hooks, pereka bentuk permainan video tersohor, Alex Towers, penerbit animasi Yoshiya Ayugai dan Jennifer Clixby, penerbit siri Fable keluaran Microsoft Lionhead yang berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan mereka dalam industri ini.

Selain itu, tahun 2014 turut mengemukakan acara *Game Jam Malaysia* (Kuala Lumpur/Selangor) anjuran KDU dengan kerjasama Persatuan Pembangun Permainan Video Antarabangsa (IGDA) Malaysia dan MyGameDev. Acara yang diadakan pada 23–25 Januari ini adalah bersempena Global Game Jam (GGJ), sebuah program tahunan di bawah naungan IGDA. *Global Game Jam* mengetengahkan pembangun permainan video dari seluruh dunia untuk bertanding dalam tempoh 48-jam untuk mencipta permainan video berpandukan tema yang diberikan.

Serentak dengan acara tersebut, sebuah program lain iaitu *Gamedev Bootcamp 2014* turut dianjurkan oleh KDU University College dan Multimedia Development Corporation (MDeC) untuk pelajar sekolah menengah yang berminat mendalami kaedah asas untuk membangunkan permainan video. Program ini telah dimanfaatkan oleh 100 pelajar yang didedahkan kepada kaedah asas 'digital sculpting', 'pixel art' dan 'game design'.

INTIPATI UTAMA

Cabaran yang masih menghambat perkembangan EPP ini ialah persepsi ramai mengenai industri pembangunan permainan video yang rata-rata masih dilihat hanya sebagai suatu hobi, bukannya kerjaya. Hal ini turut dilihat dalam kalangan sekolah menengah berdasarkan respons kaunselor, malah, daripada ibu bapa juga, terhadap program luar sekolah yang disasarkan.

Sehubungan dengan itu, MyGameDev akan terus menggiatkan usaha untuk menganjurkan program-program luar sekolah dalam negara dan terus membangunkan portal dalam talian miliknya bagi mengeratkan jalinan sesama komuniti yang terbabit sekaligus menarik pelaburan.

Pemodelan Karakter Animasi 3D oleh Pelajar Tahun 2 Andrejo Chong Carreon



Pertandingan MyGameDev Table Top Board Game. Pelajar pelbagai sekolah menengah di Melaka bergambar kenangan bersama-sama para hakim dari industri dan guru sekolah. Universiti Teknikal Melaka (UTeM) menjadi tuan rumah dengan kerjasama MyGameDev dan KDU

EPP
15

PENUBUHAN KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI LUAR NEGARA

Pada September 2014, Heriot Watt University (HWU) telah memulakan operasinya di kampus yang baharu di Putrajaya. Jumlah enrolmen pelajar telah mencecah 454, dengan 18 peratus daripadanya terdiri daripada pelajar

antarabangsa. Laporan terbitan *QS World University Rankings* pada tahun 2014 telah menyenaraikan Heriot Watt University (yang berpangkalan di Edinburgh) dengan menduduki tangga teratas di Scotland, tangga ke-3

di United Kingdom dan tangga ke-47 pada peringkat universiti antarabangsa dalam kategori *Top 50 under 50*, 2014, berdasarkan penilaian ke atas 50 universiti terbaik dunia yang telah ditubuhkan dalam tempoh 50 tahun yang

lalu. Pada ketika ini, HWU menawarkan 21 program berbanding hanya enam pada tahun 2013, dan kini menunggu kelulusan untuk memulakan beberapa program baharu pada 2015.

Sebagai usaha untuk menggalakkan enrolmen pelajar-pelajar cemerlang, HWU Malaysia melancarkan skim biasiswa berasaskan merit pelajar. Skim ini berjaya meraih enrolmen yang disasarkan, dengan 46 peratus pelajar Asasi yang terdiri daripada mereka yang memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah dipilih sebagai penerima biasiswa tersebut. Bagi pelajar Sarjana Muda pula, seramai 40 peratus pelajar yang memperoleh gred sekurang-kurangnya AAB atau setarafnya dalam peperiksaan A-Levels turut dianugerahkan biasiswa tersebut.

HWU turut mengukir kejayaan apabila berjaya memenangi geran penyelidikan buat pertama kalinya daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bernilai RM111,867. Geran yang diperuntukkan di bawah Program Kerjasama Penyelidikan Media Berangkaan (NMRC) ini dianugerahkan kepada Dr. Ke Guek Nee, Professor Madya di Fakulti Sains Hayat HWU untuk mengkaji masalah ketagihan internet.

INTIPATI UTAMA

HWU telah meraih pertumbuhan yang baik pada tahun 2014. Dengan bersandarkan kursus baharu yang akan dilancarkan pada 2015, termasuk beberapa kursus yang sedang menanti kelulusan, HWU berdiri kukuh untuk menyaksikan peningkatan enrolmen pelajar pada 2015.

Namun, secara amnya, EPP ini berdepan dengan cabaran untuk menggigit minat

lebih banyak universiti luar negara untuk penubuhan IPTS, disebabkan oleh moratorium yang dikenakan ke atas permohonan lesen baharu, justeru membataskan penubuhan kampus cawangan baharu di Malaysia. Namun, apabila moratorium ini disemak semula pada tahun 2015, lebih banyak kampus dijangka berpeluang meningkatkan standard mereka agar selaras dengan syarat yang dituntut oleh KPM untuk penubuhan kampus cawangan yang baharu.



Sidang VIP di majlis pelancaran kampus Heriot-Watt University di Malaysia. Dari kiri ke kanan: Professor Robert Craik, Y Bhg Dato' Seri Ir Dr. Zaini Ujang, Frances Cairncross, Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Aseh Haji Che Mat, Professor Steve Chapman, YB Dato' Seri Idris Jusoh, HE Vicki Treadell, Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Yeoh Tiong Lay, Y Bhg Datuk Azlan Abdul Karim, Y Bhg Tan Sri Abdul Rahman Arshad, Y Bhg Datuk Ishak Imam Abas dan Y Bhg Datuk Dr Hamzah Kassim

EPP
16

PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN *NOT-FOR-PROFIT*

Susulan penolakan permohonan oleh KPM pada April 2014, Projek Asian Women Leadership University (AWLU) telah meneruskan usaha perbincangan bersama dengan KPM bagi menilai pilihan terbaik untuk mendapatkan lesen penubuhan kampus AWLU di Malaysia dengan Status Universiti.

Projek AWLU kini mempertimbangkan untuk mengemukakan permohonan baharu bagi memperoleh lesen sejurus selepas tamat tempoh moratorium

yang menyekat penubuhan kampus IPTS baharu, iaitu selepas Februari 2015. Namun, pada waktu yang sama, AWLU turut dinasihati oleh KPM untuk mempertimbangkan kemungkinan untuk memperoleh lesen bertaraf 'Kolej Universiti' daripada institusi pengajian tinggi swasta yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, pihak AWLU telah memulakan rundingan dengan sebuah pihak pemegang lesen yang sedia ada dan juga pihak KPM pada akhir tahun 2014.

Dalam tempoh rundingan tersebut, usaha untuk mengenal pasti dan mempertimbangkan pemilihan lokasi kampus diteruskan oleh pihak AWLU, selain merencanakan strateginya untuk mendapatkan sumber dana daripada badan korporat tempatan.

INTIPATI UTAMA

Berlatarkan tempoh moratorium yang berkuat kuasa ke atas penubuhan berstatus 'Universiti', permohonan

oleh pihak AWLU untuk mendapatkan lesen baharu untuk menubuhkan sebuah universiti yang berlokasi di Pagoh atau EduCity@Iskandar tidak akan dilanjutkan, walaupun moratorium itu tidak terpakai di kedua-dua lokasi tersebut. Oleh hal yang demikian, alternatif yang lebih baik bagi AWLU adalah untuk memperoleh lesen berstatus 'Universiti Kolej' yang sedia ada.

Namun begitu, proses untuk memperoleh lesen yang sedia ada ini turut diuji masalah disebabkan ketidakpadanan yang timbul antara konsep dasar AWLU dengan latar belakang pelajar, fakulti dan kurikulum di institusi berkenaan. Sehubungan dengan itu, kelulusan daripada KPM melibatkan lesen sedia ada ini merupakan faktor utama untuk

membolehkan pelaksanaan projek AWLU. Buat ketika ini, projek AWLU ditangguhkan sementara perbincangan dilakukan dalam kalangan pihak berkepentingan terbabit bagi memastikan langkah yang seterusnya untuk projek ini.

EPP
17

MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB PERAKAUNAN TERULUNG

EPP yang diterajui oleh Sunway TES Sdn Bhd ini berhasrat untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah hab perakaunan. Pada tahun 2014, peneraju EPP 17 ini iaitu Sunway TES, menyaksikan 262 graduan tamat pengajian dalam kursus perakaunan profesional, malah, bilangan tersebut disasarkan meningkat kepada 700 pelajar pada tahun 2015. Menjelang 2020, EPP yang merangkumi beberapa penyedia kursus perakaunan profesional ini dijangka melahirkan 7,000 akauntan profesional baharu di Malaysia.

Kerjasama yang terjalin antara Sunway TES dan universiti-universiti yang menawarkan program ijazah perakaunan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM) membolehkan pelajar jurusan perakaunan mengikuti kursus perakaunan profesional seperti ACCA dan ICAEW serentak dengan pengajian mereka di universiti tersebut. Bahkan, hasil sokongan industri yang diperoleh daripada perkongsian dengan lima firma perakaunan terunggul di Malaysia akan membolehkan para

graduan yang mengikuti program ini mendapat jaminan penempatan kerja agar kemahiran mereka dapat dimanfaatkan sejurus sesudah mereka tamat pengajian.

Selain kerjasama yang dibina bersama-sama universiti awam tempatan, Sunway TES turut mengorak langkah penting menerusi kerjasama yang diwujudkan dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB). Langkah ini menyaksikan seramai 173 pelajar Bumiputera yang berpotensi tinggi diberikan sokongan bagi melanjutkan pengajian mereka dalam bidang perakaunan.

INTIPATI UTAMA

Salah satu cabaran utama yang didepani oleh EPP ini adalah meyakinkan universiti awam yang lain untuk menjalin kerjasama dengan Sunway TES. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan universiti awam yang tidak merasakan perlu untuk membentuk sebarang perkongsian memandangkan mereka mungkin sudah mempunyai program latihan perakaunan tersendiri.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2015, EPP ini akan berusaha untuk mempromosikan Sunway TES sebagai pendidikan perakaunan ACCA berskala Platinum, sekali gus memperlihatkan hasil yang akan diraih daripada jalinan perkongsian antara universiti awam dan Sunway TES. Kaedah ini bertujuan mengetengahkan kepentingan dan manfaat yang dapat digarap oleh pelajar perakaunan secara langsung daripada perkongsian tersebut.

Tahun depan, EPP ini akan mengetengahkan kaedah yang lebih holistik terhadap pendidikan perakaunan sebagai usaha untuk menyerlahkan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab perakaunan tersohor di rantau ini. Dalam hal tersebut, elemen lain seperti program pemikiran keusahawanan, kreativiti dan kepimpinan akan dimuatkan ke dalam program yang ditawarkan agar golongan siswazah perakaunan negara diterapkan dengan daya kepimpinan dan keusahawanan.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Kluster Disiplin untuk Menyokong NKEA

NKEA Pendidikan dipacu oleh pelbagai kluster disiplin yang menyumbang kepada ETP berlandaskan kehendak industri global dan trend semasa. Disiplin ini termasuklah kewangan Islam,

sains kesihatan, kejuruteraan termaju, hospitaliti dan pelancongan, teknologi permainan video dan juga perakaunan. Terdapat juga peluang untuk menawarkan perkhidmatan pendidikan dalam bidang lain seperti minyak dan gas serta keusahawanan bagi menyokong permintaan industri dalam sektor-sektor utama ini.

2

Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Bahasa

Terdapat jurang dalam pembangunan yang berkualiti bagi pusat-pusat bahasa yang mengkhusus dalam bahasa Inggeris, sedangkan potensi yang besar wujud dalam bidang ini khususnya dari dua ekonomi yang sedang pesat berkembang, iaitu China dan India. Sehubungan dengan itu, Malaysia mampu memanfaatkan kedudukannya sebagai sebuah negara pelbagai budaya dan bahasa di Asia Tenggara untuk merapatkan jurang ini.

PEMANGKIN

PENINGKATAN KUALITI MELALUI PEMBAHARUAN PENGAWALSALIAAN

Pemangkin ini bertujuan meminda rangka kerja dasar untuk mendorong kolej dan institusi dari sektor swasta untuk mempertingkatkan program mereka. Salah satu inisiatif utama ialah pelaksanaan *Malaysia Quality Evaluation System for Private Colleges* (MyQuest) untuk menilai pencapaian semasa bagi kolej-kolej swasta di Malaysia. Penilaian ini bertujuan untuk merangsang penambahbaikan bagi mencapai pendidikan berkualiti menerusi pembangunan, penarafan dan penilaian sendiri.

KPM turut menggunakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (D-SETARA). D-SETARA menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam berasaskan Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat ijazah pertama) untuk pelbagai disiplin akademik di universiti dan kolej universiti. Pengklasifikasian penarafan tersebut dibahagikan kepada enam

tahap (*Tiers*), dengan *Tier 1* sebagai yang paling rendah (Lemah) dan *Tier 6* sebagai tahap tertinggi (Terbilang). Keputusan D-SETARA yang diperolehi telah melayakkan Taylor's University di *Tier 6* dan Universiti Teknologi MARA di *Tier 5* untuk disiplin Hospitaliti dan Pelancongan, sementara Universiti Malaya ditempatkan pada *Tier 5* (terbaik dalam senarai) untuk disiplin Perubatan, Pergigian dan Farmasi. Maklumat lanjut berkenaan sistem penarafan ini boleh didapati dari laman web MQA, di www.mqa.gov.my

ANJAKAN KE ARAH PEMBIAYAAN BERASASKAN PERMINTAAN DAN PRESTASI

Pemangkin ini bertujuan untuk menggalakkan pembiayaan institusi pendidikan berasaskan permintaan dan prestasi termasuklah skim bantuan yuran untuk prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak serta dana tambahan untuk institusi TVET berasaskan kaedah Penarafan Bintang.

MELANCARKAN PROSES KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

Pemangkin ini membantu meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa dalam sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Pemangkin ini juga berperanan mengenal pasti pelajar lepasan ijazah yang berprestasi tinggi untuk ditawarkan bekerja di industri-industri strategik tertentu dalam negara serta memperkemas pas visa bagi pelajar asing, termasuklah pelajar yang mengikuti kursus TVET. Bagi pelajar yang beroleh keputusan cemerlang dalam bidang sektor utama, TalentCorp akan membuka peluang kepada mereka untuk menyertai sektor pekerjaan berkaitan sejour tamat pengajian.

Pada bulan Oktober 2011, Kerajaan telah memperkenalkan pas pekerja yang dikenali sebagai *Employment Pass II* yakni suatu inisiatif bagi membolehkan graduan asing yang telah berjaya menamatkan pendidikan tertiar di Malaysia dengan cemerlang serta warga profesional asing untuk

mendapatkan pekerjaan di Malaysia. Namun, inisiatif ini menetapkan syarat yang ketat dan perlu dipatuhi bagi melayakkan pemohon tersebut memperoleh *Employment Pass II*:

- Permohonan berjaya ketika menjalani proses saringan graduan di syarikat yang mempunyai reputasi yang baik
- Pemohon sedang mengikuti pengajian sarjana muda/sarjana di institusi yang diiktiraf sebagai Tier 5 di bawah proses SETARA
- Pemohon merupakan graduan cemerlang dengan pencapaian sekurang-kurangnya Kelas Kedua Atas (atau yang setaraf dengannya)

Sementara itu, beberapa syarat wajib turut ditetapkan terhadap syarikat yang ingin mengambil pemohon asing tersebut untuk bekerja:

- Syarikat yang memohon merupakan syarikat multinasional yang diiktiraf, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat yang bertapak di Malaysia dan berkedudukan kukuh
- Kerja yang ditawarkan mempunyai ciri nilai tambah yang lebih tinggi
- Semua permohonan oleh syarikat tersebut mestilah dibuat kepada Jabatan Imigresen

Maklumat lanjut berkenaan Employment Pass II boleh didapati dari laman web TalentCorp di www.talentcorp.com.my.

MEMPERMUDAHKAN URUSAN PERNIAGAAN

Tumpuan pemangkin ini adalah untuk meliberalisasikan proses penubuhan perniagaan oleh institusi pendidikan swasta di Malaysia. Dengan dasar liberalisasi yang sudah dilaksanakan terhadap subsektor pendidikan, sekolah antarabangsa, pusat latihan kemahiran swasta dan institusi pengajian tinggi swasta kini boleh menjalankan operasi berasaskan 100 peratus pemilikan asing. Justeru, entiti asing kini dibenarkan mengendalikan perniagaan di Malaysia tanpa sebarang keperluan untuk peratusan pemilikan minimum oleh rakyat tempatan.

Ringkasan NKEA Pendidikan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM33.6 bilion
Pekerjaan Tambahan	535,000

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Fokus yang berterusan untuk meningkatkan peratusan enrolmen kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah
- Membantu untuk mempertingkatkan pengalaman pelajar antarabangsa menerusi kerjasama dengan EMGS, Jabatan Imigresen dan agensi-agensi lain yang berkaitan
- Menambah baik usaha pemasaran di peringkat antarabangsa bagi universiti dan kursus yang terdapat di Malaysia agar dikenali sebagai destinasi pendidikan bertaraf global, menerusi sokongan daripada EMGS serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan
- Memacu pertumbuhan TEVT dengan mencetuskan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan pelajar tentang peluang kerjaya yang wujud dalam TEVT serta melakukan penjenamaan semula kepada bidang TEVT sebagai suatu laluan kerjaya yang unggul
- Mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian antara industri dan pusat latihan kemahiran dan institusi dari sektor swasta untuk memastikan graduan mempunyai kebolehgajian yang tinggi

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM



Meningkatkan Kebolehgajian Melalui Pembangunan Kemahiran

**Datuk Dr. Pang
Chau Leong**

Ketua Pengarah Jabatan
Pembangunan Kemahiran (JPK)

Sebagai pemilik NKEA Pendidikan EPP 5: Penskalaan ke atas Penyediaan Latihan Kemahiran Swasta, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) boleh berbangga dengan pencapaiannya setakat ini. Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Pang Chau Leong, jabatan ini telah melepasi sasaran tahunannya bagi pemegang Sijil Kemahiran Malaysia – SKM secara konsisten setiap tahun sejak pelaksanaan EPP ini pada tahun 2011.

“Secara keseluruhannya kita boleh berpuas hati kerana kita telah mengatasi pencapaian kebanyakan daripada KPI kami, terutamanya dalam latihan/penyampaian kemahiran. Kita boleh menyaksikan bahawa sektor latihan kemahiran terus memainkan peranan tambahan yang penting kepada sektor awam,” kata Datuk Dr. Pang.

40,005 pemegang SKM telah lulus dari penyedia latihan kemahiran pada tahun 2014, mengatasi sasaran Jabatan sebanyak 33,000 bagi tahun tersebut. Ini diikuti pula dengan 42,483 pemegang sijil yang direkodkan pada 2013, berbanding dengan sasaran 31,700, dan 38,602 pada tahun 2012 (sasaran 2012: 26,900). Dalam tahun pertama, EPP ini merekodkan 33,722 pemegang sijil, melepasi sasaran 21,100.

“Bukan aspek kuantitatif sahaja yang penting. Apa yang kami telah berjaya capai selama beberapa tahun yang kebelakangan ini adalah penekanan kepada kualiti dan prestasi [dalam penyediaan latihan kemahiran swasta]. Ini adalah sesuatu yang sangat penting bagi pembangunan kemahiran kerana tidak lama dahulu, wujud persepsi bahawa latihan vokasional swasta tidak menyediakan latihan yang berkualiti tinggi. Dengan itu, masyarakat umum tidak mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap sistem latihan kemahiran negara ini,” kata Datuk Dr. Pang, memberikan pengamatannya.

Dalam usaha untuk menangani isu ini, JPK telah mewajibkan program latihan untuk mematuhi dengan sepenuhnya kod amalan bagi akreditasi program kemahiran, yang dibangunkan bersama-sama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sekali lagi, respons yang diterima amat menggalakkan. Berbanding dengan sasaran 300 program yang mematuhi kod ini pada tahun 2011, 904 program didapati patuh. Menjelang penghujung tahun 2014, bilangan program yang patuh terus melepasi sasaran tahunan Jabatan.

“Ini bermakna kita kini amat yakin bahawa program yang diakreditasi oleh JPK memenuhi standard yang amat tinggi dari segi penyampaian. Kami juga telah memperkenalkan penarafan Bintang bagi semua pusat yang diakreditasikan. Untuk menegaskan bahawa kami amat menekankan kualiti, program yang tidak ditarafkan dengan sekurang-kurangnya 3 Bintang tidak layak untuk menerima sokongan Dana Pembangunan Kemahiran. Pencapai yang rendah prestasi juga disyaratkan untuk menghadiri klinik pembaikan/pembangunan di mana kami membantu untuk memperbaiki kualiti penyampaian mereka,” beliau menerangkan.

Beliau menambah bahawa dorongan untuk meningkatkan sistem latihan kemahiran ditujukan kepada kemahiran meletakbetulkan sebagai kerjaya profesional pilihan. Usaha juga telah diambil untuk meningkatkan kesedaran awam dan memperbaiki persepsi tentang kepentingan latihan

kemahiran melalui inisiatif Kemahiran Malaysia anjuran Jabatan ini, sementara pemain industri juga telah dijemput untuk menyertai latihan.

“Hasil utama bagi latihan kemahiran ini ialah kebolehgajian; membolehkan graduan menerima pilihan pekerjaan yang lebih baik, pampasan yang lebih tinggi dan memperbaiki mobiliti karier mereka,” menurut Datuk Dr. Pang.

Secara kolektif, usaha-usaha ini memberikan petanda yang baik kepada pembangunan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi, yang menyaksikan negara mensasarkan setengah daripada guna tenaganya terdiri daripada pekerja berkemahiran menjelang tahun 2020.

“Perkara yang hampir pasti ialah pekerjaan-pekerjaan baharu yang dicipta memerlukan tahap kecekapan dan kemahiran yang lebih tinggi, terutamanya dalam pelbagai sektor nilai tambah, berteknologi tinggi di mana wujudnya penggunaan teknologi, operasi dan proses kerja bertahap lebih tinggi.

“Ini amat menguntungkan tenaga kerja yang berkecayaan teknikal dan vokasional. Kerana itulah kita perlu menyokong latihan kemahiran dan karier berasaskan kemahiran ini diterima oleh masyarakat sebagai pilihan karier yang menawarkan prospek yang lebih cerah,” tegas Datuk Dr. Pang, mengakhiri wawancara ini.



PERTANIAN



Pewujudan integrasi rantai nilai dengan menggunakan model yang berdasarkan kekuatan syarikat peneraju sudah berjaya mengurangkan kos perniagaan, sekali gus merendahkan harga yang ditawarkan kepada pengguna





**Datuk Seri Ismail
Sabri Yaakob**
Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani

S&J

BOLEHKAH DATUK SERI HURAIKAN BAGAIMANA NKEA PERTANIAN MENYUMBANG KEPADA ASPIRASI NEGARA KE ARAH MENCAPAI STATUS NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI?

NKEA Pertanian telah memberikan sumbangan yang begitu penting berdasarkan peranannya dalam mengupayakan pemain berskala besar, di samping memperkasa penggiat kecil-kecilan. Gabungan faktor tersebut telah memacu pelibatan sektor swasta dalam industri ini sekali gus menyokong kerancangan aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

Bagi syarikat peneraju yang turut serta, NKEA ini berperanan sebagai pemudah cara untuk membantu syarikat tersebut untuk berkembang, bukan sahaja di pasaran serantau, malah di peringkat global sehingga syarikat-syarikat ini mampu melonjakkan pegangan pasarannya. Dalam pada itu, penggiat industri berskala kecil pula memperoleh jaminan beli balik daripada syarikat peneraju selain berpeluang memanfaatkan aspek lain, termasuklah pemindahan teknologi pertanian. Dengan cara yang demikian, pemain berskala kecil berpotensi untuk menggarap kemahiran dan kepakaran yang diperlukan bagi membolehkan mereka mengembangkan operasi sekali gus beranjak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Kaedah ini berupaya memperkasa pemain berskala kecil kerana kini, mereka boleh meletakkan harga yang lebih tinggi untuk hasil yang dikeluarkan lantas menjana pendapatan yang lebih tinggi.

APAKAH PENDAPAT DATUK SERI MENGENAI PENCAPAIAN NKEA PERTANIAN SEJAK PELAKSANAAN ETP?

NKEA Pertanian telah mencatatkan komitmen sumbangan RM9.68 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK), membuka 30,839 peluang pekerjaan dan meraih jumlah pelaburan sebanyak RM7.81 bilion.

NKEA ini juga memberikan sumbangan yang cukup penting dalam menjayakan Dasar Agromakanan Negara dari segi sasaran yang telah dicapai, termasuklah makanan yang selamat, membangunkan sektor pertanian yang bernilai tinggi serta menarik pelaburan swasta sebagai pemangkin transformasi ke arah sektor pertanian moden.

Sehubungan dengan itu, saya yakin bahawa NKEA ini telah memainkan peranannya sebagai nadi penggerak momentum yang kukuh bagi mencapai sasaran negara menjelang 2020.

APAKAH PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH NKEA INI BAGI MERANGSANG PENINGKATAN MUTU HIDUP RAKYAT?

Pewujudan integrasi rantai nilai dengan menggunakan model yang bersandarkan kekuatan syarikat peneraju sudah berjaya mengurangkan kos perniagaan, sekali gus merendahkan harga yang ditawarkan kepada pengguna. Selain itu, kaedah ini juga menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi kepada penggiat kecil-kecilan.

Di samping itu, pelaksanaan dasar piawaian yang melibatkan aktiviti-aktiviti pertanian, termasuklah MyGAP telah berhasil meningkatkan kualiti produk makanan serta berupaya menawarkan pilihan produk yang lebih baik kepada golongan pengguna.

Namun, sumbangan yang paling penting oleh NKEA ini ialah kejayaannya dalam menjamin sumber bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat serta aspek jaminan keselamatan bagi sumber makanan negara, tanpa perlu bergantung pada hasil pertanian import.

APAKAH HARAPAN DAN ASPIRASI DATUK SERI TERHADAP NKEA INI MEMANDANGKAN MALAYSIA SEMAKIN HAMPIR UNTUK MEREALISASIKAN TRANSFORMASI KE ARAH MENCAPAI STATUS NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI?

Saya ingin melihat pelibatan yang lebih besar oleh sektor swasta dalam industri pertanian dan mahu menyaksikan lebih banyak syarikat peneraju mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang telah diwujudkan oleh NKEA ini. Saya juga berharap agar lebih ramai penggiat kecil dalam industri memanfaatkan program di bawah NKEA ini, seterusnya mengangkat sektor pertanian untuk menjadi sumber pendapatan yang menjamin pulangan perniagaan yang lebih lumayan.



PERTANIAN

Sejak pelaksanaan ETP, NKEA Pertanian telah berjaya menginstitusikan industri herba menerusi Bahagian Pembangunan Herba yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA).

Langkah tersebut akan menyaksikan produk herba Malaysia memperoleh status ubat-ubatan botanikal buat pertama kalinya setelah ujian klinikal ke atas produk tersebut siap pada Disember 2014. Ujian klinikal ini dilakukan atas kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi mendorong perkembangan pasaran herba, sebuah taman penanaman herba berskala besar yang pertama di Malaysia telah dibuka di Pasar Raja, Terengganu pada Jun 2014.

Pada masa yang sama, usaha bagi memperkukuh teras sektor ini turut dipergiatkan. Hal ini memandangkan tercetusnya beberapa isu utama dalam industri penternakan akua dan pengeluaran buah-buahan yang masih terlalu bergantung pada produk hulu, kerugian besar yang berulang kali melibatkan padi dituai serta ketandusan tanah berskala besar yang sesuai dan terletak bersebelahan satu sama lain untuk tujuan penanaman padi. Oleh hal yang demikian, isu-isu tersebut akan diberikan tumpuan sewajarnya. Penyelesaian isu-isu tersebut menuntut pelaksanaan beberapa kaedah termasuklah peningkatan produktiviti pertanian di tanah yang sedia ada, membangunkan lebih banyak produk hiliran, mencetuskan anjakan fokus dalam kalangan pemain industri agar lebih cenderung kepada pemprosesan produk 'ex-farm' yang lebih bernilai tinggi, memperbaiki kaedah pengenpastian

sumber makanan serta pematuhan kepada piawaian global.

Syarikat peneraju yang besar turut memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada rantaian nilai industri pertanian. Hal ini terbukti daripada kejayaan yang diraih oleh syarikat tenusu tempatan, Allied Dairy Sdn Bhd, yang kini menguasai 35 peratus daripada pasaran susu tempatan. Kejayaan ini bukan sahaja membolehkannya mengawal harga pasaran, malah membayar harga yang lebih tinggi kepada pembekal susu di bawahnya yang terdiri daripada penternak kecil-kecilan. Hal yang sama turut dialami oleh penternak udang kecil-kecilan di Setiu, justeru membuktikan bahawa kejayaan syarikat-syarikat besar turut memberi manfaat kepada penggiat kecil-kecilan.

Sementara itu, perkembangan yang dicatatkan oleh pemain industri dalam beberapa sudut lain berjaya mengimbangi cabaran yang timbul dalam NKEA ini. Secara keseluruhannya, komitmen untuk mencapai Pendapatan Negara Kasar (PNK) peserta-peserta NKEA ini mencecah RM9.68 bilion setakat ini, berbanding dengan sasaran PNK RM28.9 bilion menjelang tahun 2020. Komitmen peluang kerja sudah mencapai 30,839 berbanding dengan sasaran sebanyak 109,335 menjelang tahun 2020. Selain itu, komitmen pelaburan sehingga kini adalah RM7.813 bilion, berlatarkan sasaran pelaburan sebanyak RM16.984 bilion menjelang 2020.



Unjuran Tahun 2015

Hasil tani yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat peneraju di bawah NKEA ini dijangka akan meningkat pada tahun 2015 kerana kebanyakan syarikat peneraju akan memasuki peringkat pengeluaran pada tahun 2015. Namun, penyertaan projek dan syarikat baharu di bawah NKEA ini dijangka akan berkurangan akibat isu ketidakcukupan tanah serta kekurangan pemain industri berskala besar yang bersedia untuk terlibat sama dalam program ini.

Dalam pada itu, permintaan untuk produk hasil tani dijangka terus meningkat pada kadar yang mantap pada 2015. Sumbangan hasil subsektor pertanian (perikanan, asas tani dan penternakan) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 3.2 peratus pada tahun 2013, berbanding dengan 3.17 peratus yang dilaporkan pada tahun 2012. Sumbangan keseluruhan industri pertanian (termasuk kelapa sawit) kepada KDNK dalam tahun 2013 adalah 7.1 peratus, sedikit susut berbanding sumbangan 7.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2012. Berikut dinyatakan pecahan sumbangan subsektor hasil tani kepada KDNK:

- Perikanan: 1.05 peratus pada tahun 2012 kepada 1.02 peratus pada tahun 2013
- Tanaman: 1.26 peratus pada tahun 2012 kepada 1.3 peratus pada tahun 2013
- Penternakan: 0.85 peratus pada tahun 2012 kepada 0.88 peratus pada tahun 2013

Di pentas global, pengeluaran hasil tani, yang mencakup hasil kelapa sawit dan komoditi yang tidak tercakup dalam NKEA ini diunjurkan meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 1.5 peratus sehingga tahun 2022. Kadar ini adalah lebih perlahan berbanding dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 2.1 peratus yang dicatatkan pada dekad sebelum ini. Kelesuan pertumbuhan ini dijangka merebak kepada semua sektor penanaman dan penternakan berpunca daripada kenaikan kos, ketandusan tanah yang menyekat peluasan aktiviti pertanian, sumber yang semakin terhad serta isu alam persekitaran yang semakin menekan. Kesemua faktor tersebut diramalkan akan menjejaskan pengeluaran.

Walau bagaimanapun, negara-negara membangun yang telah melabur di dalam sektor pertanian dijangka memperlihatkan peningkatan pengeluaran ekoran pelaburan yang telah dilakukan. Selain itu, negara dengan teknologi sedia ada turut berpotensi untuk merapatkan jurang pengeluaran dengan negara ekonomi maju rentetan peningkatan produk pertaniannya. Jangkaan ini dibuat berdasarkan laporan *OECD-FAO Agricultural Outlook 2013-2022*.

Selari dengan perkembangan ini, output pertanian yang disumbangkan oleh negara dengan ekonomi yang sedang muncul di persada global dijangka meningkat dalam tempoh sederhana-panjang (5-10 tahun), manakala permintaan produk

pertanian dijangka meningkat pada kadar yang tinggi dalam kalangan negara membangun. Hal ini berikutan permintaan yang didorong oleh peningkatan populasi dan pendapatan, anjakan ke arah urbanisasi serta corak pemakanan yang kian berubah. Penggunaan per kapita diunjurkan paling cepat meningkat di Eropah Timur dan Asia Tengah.

Masalah kekurangan tanah bererti bahawa sektor pertanian terpaksa memperingkat produktiviti walaupun tanpa penerokaan tanah baharu, atau hanya bersandarkan tanah baharu yang bersaiz kecil. Sementara itu, faktor lain, seperti kekurangan pemain industri berskala besar untuk memacu pertumbuhan dan berdepan dengan ketidakpastian bakal memberi kesan kepada prospek perkembangan NKEA ini pada tahun 2015.

Sungguhpun begitu, kewujudan faktor lain seperti penggunaan teknologi baharu, proses mekanisasi, benih yang lebih bermutu serta pengurusan kaedah pertanian yang telah ditambah baik dilihat berupaya mengembangkan sektor ini pada tahun 2015. Selain itu, usaha untuk meningkatkan produk yang bernilai tambah melalui pemprosesan produk hiliran juga berupaya memacu pertumbuhan sektor ini.

Analisis KPI Tahun 2014

Secara amnya, KPI 2014 di bawah NKEA ini telah tercapai, hasil daripada pemantauan berterusan dan penyelesaian pantas terhadap isu-isu yang berbangkit. Malah, NKEA ini berjaya melepasi sasaran PNK untuk tahun 2020 iaitu RM47.28 bilion, apabila menyumbang sebanyak RM57.8 bilion kepada PNK pada tahun 2014. Berhubung dengan peningkatan ini, sumbangan PNK daripada sektor pertanian telah mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 9.6 peratus sejak tahun 2010.

Huraian	2005	2010	2013
	SSL (%)		
Beras	80.58	71.39	72.25
Buah-buahan	74.06	65.75	68.45
Lembu	21.15	28.65	29.77
Sayur-sayuran	46.23	41.17	48.61
Susu	4.59	4.88	5.23

Self-Sufficiency Level (SSL) bagi setiap industri yang berkaitan di bawah NKEA Pertanian

Tahun ini menyaksikan prestasi yang memberangsangkan daripada EPP 1: Produk Herba Bernilai Tinggi, EPP 6: Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu untuk Menembusi Pasaran Udang Premium, EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-

sayuran untuk Pasaran Premium, EPP 8: Taman Pengeluaran Makanan, EPP 10: Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA dan EPP 13: Membangunkan Kluster Tenusu.

Sementara itu, paras *Self-Sufficiency Level* (SSL) dalam industri terkait dengan NKEA ini turut meningkat sejak ETP ini dilancarkan pada tahun 2010 walaupun SSL bagi beras dan buah-buahan belum melepasi paras yang dicatatkan pada tahun 2005.

Prestasi baik yang dicatatkan dalam NKEA pada tahun 2014 walau bagaimanapun berdepan dengan beberapa sasaran yang tidak tercapai yang berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya, isu yang di luar kawalan seperti cuaca dan penyakit, 'buy-in' dari China, masalah membabitkan hak milik dan penggunaan tanah dan juga isu keselamatan syarikat-syarikat yang beroperasi di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

Dalam perkembangan lain, prestasi yang begitu ketara telah diperlihatkan oleh jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dalam NKEA ini menerusi pencapaian KPI yang dilaporkan. Prestasi tersebut ialah kesan langsung daripada SOP (Tatacara Operasi Standard) yang dibangunkan oleh PEMANDU yang kemudiannya diterapkan oleh jabatan-jabatan terlibat. Oleh hal yang demikian, penekanan dan pemantauan adalah dua perkara yang perlu dititikberatkan bagi memastikan SOP tersebut terus dipatuhi.

Selain itu, pelaksanaan NKEA ini wajar diinstitusikan dalam MoA bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan mampu dicapai menurut jadual. Sehubungan dengan itu,

langkah yang dibuat oleh kebanyakan peneraju EPP untuk menubuhkan pasukan petugas yang lengkap dan mapan di bawah urus tadbir masing-masing membuktikan kesungguhan mereka untuk melihat kesemua projek ini terhasil.

Menyentuh tentang ETP yang sudah tiba di separuh jalan kini, usaha untuk menerapkan elemen disiplin bagi menilai tahap kemajuan serta mengenal pasti isu-isu berbangkit akan terus dilakukan pada setiap bulan. Justeru, petunjuk prestasi bagi setiap EPP yang dicatat di Dashboard Eksekutif MoA akan dikemukakan kepada pihak pengurusan atasan bagi memastikan kebertanggungjawaban serta tindakan pantas setiap pihak yang terbabit.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PERTANIAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah ujian praklinikal dan klinikal yang akan dijalankan (ubat-ubatan nutraseutikal dan <i>cosmeceutical</i>)	6	6	100	●	100	●	1.0	●
	Pusat Kecemerlangan yang dimobilisasi untuk menjalankan penyelidikan bagi pembangunan produk	7	4	57	●	57	●	0.5	●
EPP #2	Jumlah eksport produk Sarang Burung Walit Boleh Dimakan (EBN) (mt)	170	145	85	●	85	●	0.5	●
	Jumlah premis berdaftar baharu	3,000	2,551	85	●	85	●	0.5	●
EPP #3	Peratusan peningkatan produktiviti (hektar/tahun)	30%	10.4%	35	●	35	●	0	●
	Peratusan penternak yang menerima persijilan GaqP di bawah program kluster	20%	28.2%	141	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Jumlah pengeluaran ikan ternak oleh syarikat peneraju (mt)	6,500	9,335.91	144	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Peratusan peningkatan kadar pembiakan lembu oleh syarikat peneraju	15.8%	12.9	82	●	82	●	0.5	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

NKEA PERTANIAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #6	Jumlah pengeluaran udang oleh syarikat peneraju (mt)	29,000	30,081.04	104	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Jumlah pengeluaran dari TKPM dan syarikat peneraju (mt)	40,000	45,404	114	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Peratusan peningkatan jualan produk oleh PKS di bawah syarikat peneraju	10%	47.45%	475	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Jumlah padi wangi yang dikeluarkan (mt)	2,500	2,026.52	81	●	81	●	0.5	●
	Jumlah kawasan penanaman (ha)	1,000	1,051.22	105	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Peratusan peningkatan pendapatan bagi petani di bawah projek penggabungan MADA	5%	7.3%	146	●	100	●	1.0	●
	Jumlah kawasan tanah baharu selepas digabungkan (ha)	5,000	5,137.49	103	●	100	●	1.0	●
	Reka bentuk rinci dan perencanaan dokumen perjanjian bagi Sistem Tertiar (Blok)	21	30	143	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Jumlah pengeluaran dari tanah yang digabungkan (mt)	32,000	36,911.77	115	●	100	●	1.0	●
	Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (ha)	6,200	6,347.43	102	●	100	●	1.0	●
EPP #13	Jumlah susu segar yang dihasilkan (juta liter)	17	16.6	98	●	98	●	0.5	●
EPP #14	Jumlah perjanjian usaha sama yang dimeterai antara CMDV dan industri	5	5	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah 'outgrowers' yang telah dilantik dan dilatih	50	50	100	●	100	●	1.0	●
EPP #17	Jumlah tapak Pasar Komuniti (PAKAR) yang beroperasi	1	0	0	●	0	●	0	●
				120%		92%		81%	

Rajah 11.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

PRODUK HERBA BERNILAI TINGGI



Fasiliti Pemprosesan Herba menurut Amalan Pengilangan Baik (GMP) di Biotropics Malaysia Bhd.

Beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan tahun ini, termasuklah sebuah Bidang Pengkhususan Prioriti dalam Penyelidikan (PRFA) yang merangkumi sumber data bagi setiap tumbuhan herba yang telah dikaji. Inisiatif ini membantu memprioritikan aspek komersial bagi herba berkaitan. Penyelidikan tersebut akan dijalankan oleh beberapa universiti terpilih di bawah penyeliaan Pejabat Pembangunan Herba. Pada masa yang sama, syarikat swasta dan institusi penyelidikan akan bekerjasama untuk membangunkan produk tersebut.

Selain itu, EPP ini telah diperkukuh dengan jalinan kerjasama antara universiti penyelidikan dan syarikat swasta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertujuan memperluas penawaran produk herba yang telah diselidik dan memendekkan tempoh untuk memasarkan produk tersebut.

Hal ini demikian kerana hasil penyelidikan terhadap kegunaan komersial sesuatu herba yang dilanjutkan kepada ujian praklinikal/ klinikal ke atasnya mampu melonjakkan nilai produk herba tersebut. Menurut data daripada industri ini, ekstrak herba Tongkat Ali setelah proses standardisasi mampu mencecah harga

RM2,800 sekilo, berbanding dengan harga Tongkat Ali mentah yang hanya berharga RM2 sekilo. Bahkan, nilai herba tersebut turut melambung dalam rantai produk, daripada RM30 sekotak sekiranya ia berbentuk pemakanan biasa, kepada RM500 sebotol setelah disahkan sebagai ubatan botanikal.

Sementara itu, Taman Penanaman Herba Pasir Raja di Terengganu telah memulakan operasinya pada bulan Jun setelah mengalami kelewatan pada tahun lepas. Taman ini dijangka memberikan hasilnya yang pertama pada tahun 2015. Taman ini turut melakar nama di arena antarabangsa sebagai taman penanaman herba berskala besar yang pertama di dunia.

Lima buah syarikat baharu iaitu Tenaga Jati Bumi, Platinum Herbs Sdn Bhd, Nutratix Biotech, Proliv Sciences Sdn Bhd dan Orchidlife Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat peneraju EPP ini pada tahun 2014.

Dalam perkembangan lain, lapan produk di bawah EPP 1 ini menjalani ujian praklinikal pada tahun 2014, sementara enam produk pula berjaya mendapatkan peserta untuk menjalani ujian klinikal di Mesir, Hungary dan Amerika Syarikat. Di samping itu, empat Pusat Kecemerlangan

Sorotan Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)

CRC berperanan membantu golongan profesional perubatan untuk menyediakan daftar klinikal pesakit dalam bidang terapeutik masing-masing manakala setiap pasukan klinikal pula akan menjadi pemilik daftar tersebut dan mereka juga yang bertanggungjawab mengendalikannya. CRC dilengkapi dengan kemudahan peralatan dan teknologi yang sofistikated di samping kepakaran yang terdiri daripada pengurus projek yang berkemahiran tinggi, ahli epidemiologi, pakar statistik dan teknologi maklumat serta kakitangan sokongan teknikal yang mahir dalam bidang data klinikal dan pengendalian daftar.

Kepakaran tersebut disalurkan kepada pasukan-pasukan CRC yang merangkumi bidang klinikal epidemiologi, statistik penjagaan kesihatan, biostatistik, bibliografi dan ICT.

CRC telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berikut:-

- 1) Pembiayaan menerusi sebuah geran khusus yang disalurkan melalui Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), KKM
- 2) Sokongan teknikal untuk membantu penyediaan daftar, khususnya kepakaran teknikal dalam bidang sains pendaftaran. Sebagai contoh- epidemiologi klinikal, ekonomi klinikal, biostatistik dan maklumat perubatan.
- 3) Pengawalseliaan bagi memastikan semua daftar ujian klinikal mencatatkan keputusan yang selayaknya dan mematuhi garis panduan etika dan amalan terbaik yang ditetapkan khususnya dalam aspek ketelusan pengendalian daftar, keselamatan maklumat dan akses kepada data yang diperlukan dalam penyelidikan.

dipilih untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan pembangunan produk. Berlatarkan perkembangan 17 produk yang sedang menjalani ujian praklinikal atau tahap pertama ujian klinikal setakat ini, sasaran untuk memuktamadkan ujian klinikal ke atas 10 produk menjelang tahun 2020 boleh dikatakan positif.

Namun demikian, EPP ini berdepan dengan cabaran membabitkan pemberian kelulusan dan pengagihan sumber yang efisien kerana terpaksa melibatkan agensi dari Kementerian yang berbeza. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Herba telah membangunkan beberapa strategi dan program bagi mempertingkatkan kerjasama antara pelbagai agensi yang terlibat menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

- a) Menyediakan kemudahan khidmat nasihat (*window facility*) di MoH
- b) Mewujudkan kerjasama dengan Perbadanan Bioteknologi Malaysia

c) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Industri Herba

INTIPATI UTAMA

Bagi memastikan kesinambungan prestasi EPP ini pada masa akan datang, setiap usaha yang diambil wajar digerakkan secara bersepadu, yakni, dengan menggabungkan keseluruhan komponen dalam rantai bekalan produk, merangkumi komponen hulu, pertengahan dan juga hiliran.

Di samping itu, syarikat-syarikat terbabit dalam EPP ini harus menitikberatkan usaha untuk mengekstrak kegunaan herba-herba ini dari sudut komersial agar nilai yang diperoleh adalah jauh lebih tinggi. Pada waktu yang sama, pelibatan syarikat-syarikat yang sudah mapan dalam sektor ini berupaya memendekkan tempoh antara tarikh penyelidikan dan tarikh pengkomersialan produk.

Kisah Kejayaan Syarikat Peneraju

Ikhtiar selama 17 tahun untuk membangunkan produk herba yang berkualiti kini membuahkan hasil bagi N.L. Phang, pemilik Novalab. Pada Disember 2014, produk beliau muncul sebagai produk pertama yang menyiapkan ujian klinikal di Malaysia di bawah EPP ini untuk diiktiraf sebagai ubat botanikal.

EPP
2

MENGEMBANGKAN PENGELUARAN SARANG BURUNG WALIT (EBN)

Bagi tahun 2014, eksport EBN mencecah 145 tan dan premis burung yang berdaftar berjumlah 2,551 buah, menjadikan keseluruhan premis burung yang berdaftar setakat ini 7,046 buah. Namun, pendaftaran premis burung masih berdepan dengan cabaran kerana sesetengah pemilik premis tidak menunjukkan minat untuk mendaftar disebabkan kekurangan insentif yang ditawarkan.

Selain itu, 15 loji pemprosesan EBN untuk dieksport ke China sehingga hari ini masih menunggu status lulus daripada pihak berkuasa China. Hal ini adalah di luar bidang kuasa Malaysia. Namun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan meneruskan usaha untuk mendapatkan semula status lulus untuk loji-loji yang terbabit daripada pihak berkuasa China agar pengeksportan EBN dapat dipertingkatkan pada 2015.



Pendaftaran premis burung walit giat dijalankan

INTIPATI UTAMA

Prestasi EPP ini bergantung pada dua faktor utama iaitu prosedur import yang disyaratkan oleh negara pengimport dan kesediaan pemilik premis untuk

mematuhi peraturan yang diwajibkan oleh negara pengimport ke atas loji pemprosesan sarang EBN. Dalam pada itu, fokus EPP ini sudah mula terarah kepada produk hiliran bagi membolehkannya mendapat akses

yang lebih luas. Sehubungan dengan itu, pelbagai aktiviti telah dirancang di bawah program Majlis Eksport Makanan dan Pertanian (FACE) untuk dilaksanakan di Milan, Jepun dan Hong Kong pada tahun 2015.

EPP
3

ESTET PERTANIAN MINI UNTUK RUMPAI LAUT

EPP yang dibangunkan dengan tujuan meneroka peluang pengkomersialan bagi pertanian rumput laut di Universiti Malaysia Sabah kini dipantau oleh Jabatan Perikanan Sabah. Hal ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah pemilikan tanah dan mempercepat proses-proses yang berkaitan dalam EPP ini.

Disebabkan isu pemilikan tanah yang masih berpanjangan, syarikat estet pertanian mini berdepan dengan masalah sehingga menjejaskan perkembangan

EPP ini. Oleh hal yang demikian, syarat hak milik dan tempoh pemajakan tanah telah dilonggarkan bagi memudahkan syarikat menyertai EPP ini. Kini, dengan berbekalkan Lesen Pengoperasian Sementara untuk tempoh 3 tahun daripada Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat yang berminat berpeluang menyertai EPP ini.

Di samping itu, sebuah program kluster yang menggabungkan penternak kecil-kecilan telah dimulakan bagi

membantu meningkatkan pengeluaran memandangkan hasil pengeluaran syarikat estet mini telah terjejas. Program ini turut disasarkan bagi membangunkan penternak kecil-kecilan dalam industri ini. Pada tahun 2014, produktiviti tahunan purata daripada estet mini dan program kluster mencatatkan pertumbuhan iaitu 5.52 tan per hektar berbanding dengan 5 tan per hektar pada tahun 2013.

Malahan, bagi tahun 2014, program kluster mencatatkan pengeluaran



Pekerja melabuhkan tali yang telah diikat dengan benih rumput laut di blok penternakan Kluster Merotai, Sabah

rumpai laut sebanyak 553 tan, berbanding dengan estet mini yang hanya mampu mengeluarkan 101 tan rumpai laut dalam tempoh yang sama.

Pengeluaran yang rendah oleh estet mini juga berpunca daripada lokasi tanah yang diperuntukkan untuk aktiviti pertanian rumpai laut yang kebanyakannya bertempat di Semporna. Daerah Semporna dikawal ketat bagi memastikan keselamatan maritim di kawasan ESSCOMM tetapi penguatkuasaan tersebut turut memberi kesan kepada EPP ini.

INTIPATI UTAMA

Isu pemilikan hak tanah wajar diatasi kerana hal tersebut penting bagi memastikan pertumbuhan industri rumpai laut. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan Sabah (JPS) akan terus mengusahakan langkah-langkah



Mengikat benih rumpai laut menggunakan Meja Pengikat Bibit, suatu ciptaan berinovasi bagi mengurangkan masa di laut. Kaedah ini lebih cepat, mudah dan mengurangkan risiko benih rosak

proaktif termasuklah melonggarkan syarat bagi tempoh pemajakan tanah iaitu dari 10 tahun ke tiga tahun, mewartakan sebuah Zon Industri Akuakultur yang

diurus secara khusus oleh JPS dan membangunkan lebih banyak program kluster di lokasi pertanian rumpai laut yang sudah sedia ada.

EPP
4

PENTERNAKAN AKUAKULTUR MELALUI SISTEM SANGKAR YANG BERSEPADU

Bagi tahun 2014, sejumlah 9,336 tan ikan ternak berjaya dihasilkan, melepasi sasaran KPI pada tahun ini iaitu 6,500 tan. Namun demikian, syarikat peneraju sedia ada dijangka akan mencapai tahap pengeluaran maksimum pada tahun 2016 dan trajektori penghasilan tersebut diunjurkan berterusan sehingga tahun 2020.

Bagi mendorong penambahbaikan dalam pelaksanaan EPP ini, program kluster yang menggabungkan penternak ikan kecil-kecilan akan diwujudkan di samping mengkaji semula skop pembiayaan bagi projek ini.

INTIPATI UTAMA

Sebagai usaha untuk terus membangunkan EPP ini, Jabatan Perikanan (DoF) akan mengenal pasti



Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu milik Prima Bumisetia Sdn Bhd

kehendak industri agar sokongan yang diperlukan dapat disediakan. Antara lain, kaedah dan model pembiayaan

untuk projek akan dinilai dan disemak semula bagi membolehkan lebih banyak syarikat turut serta dalam EPP ini.

EPP
5

PENTERNAKAN LEMBU

DI LADANG KELAPA SAWIT

Sejumlah 5,676 ekor lembu telah dibekalkan kepada 21 syarikat antara tahun 2012 dan 2013. Pada tahun 2014, semua syarikat tersebut berhasil meningkatkan kadar pembiakan lembu sebanyak 12.9 peratus sekali gus meningkatkan jumlah lembu kepada 6,077 ekor setakat bulan Oktober 2014.

Susulan penyepaduan EPP 12 dan EPP 16 dalam program Rantaian Nilai Penuh di bawah EPP 5, sebanyak 2,380 ekor lembu telah dibekalkan kepada Felcra Bhd, Espek Livestock Sdn Bhd dan Ihsan Permata pada tahun 2013, sekali gus menjadikan jumlah lembu dalam program Rantaian Nilai Penuh sebanyak

2,984 ekor. Maka, setakat akhir tahun 2014, jumlah keseluruhan lembu yang telah ditenak secara integrasi di ladang kelapa sawit adalah 9,061 ekor.

Akan tetapi, kadar kesuburan yang rendah dalam beberapa jenis lembu telah menjejaskan perkembangan EPP ini. Sebagai contoh, kadar pembiakan purata bagi lembu jenis Brahman hanyalah 26 peratus, iaitu jauh lebih rendah daripada purata yang dilaporkan di peringkat nasional iaitu 45 peratus. Sementara itu, kadar pembiakan purata lembu jenis Kedah-Kelantan dalam EPP ini hanyalah 54.9 peratus, justeru lebih rendah daripada purata nasional iaitu 65

peratus. Bukan setakat isu kesuburan, malah, syarikat-syarikat dari Sarawak berdepan dengan beberapa masalah lain termasuklah memperoleh jumlah lembu jantan yang cukup untuk ditenak, mengawal penyakit yang membawa kepada keguguran lembu yang bunting serta masalah pengurusan yang tidak cekap.

Walau bagaimanapun, tiga syarikat iaitu Aqil Berjaya Enterprise, Laka Temin Silaj Sdn Bhd dan Felcra Sahabat 35 (Produk Ladang Felcra) telah mencapai kadar pembiakan lembu masing-masing sebanyak 93 peratus, 48 peratus dan 49 peratus untuk lembu jenis Brahman, bahkan berjaya melepasi purata 45 peratus yang dicatatkan di peringkat negara.

Sementara itu, sebuah syarikat baharu iaitu Evergreen Livestock Sdn Bhd telah dipilih untuk menjalankan proses permanian beradas di barat Sabah.

INTIPATI UTAMA

Pelaksanaan EPP ini membuktikan bahawa projek penternakan lembu secara ini bukanlah suatu usaha yang menguntungkan di Malaysia. Oleh hal yang demikian, strategi bagi penternakan lembu wajar disemak semula.



Lembu yang ditenak di Ladang Sawit Kinabalu, di bawah EPP 5

EPP
6

MEREPLIKASI MODEL PENTERNAKAN AKUAKULTUR YANG BERSEPADU

UNTUK MENEMBUSI PASARAN UDANG PREMIUM

Pada tahun 2014, Oasis Aquaculture Sdn Bhd dan SBH Perak Agro Aquaculture Sdn Bhd telah dipilih sebagai syarikat peneraju dalam EPP ini. Dalam pada itu, syarikat-syarikat peneraju yang sedia ada berjaya mengeluarkan 30,081 udang

ternakan pada tahun 2014, didorong oleh penggunaan teknologi yang berhasil meningkatkan produktiviti.

Pengeluaran yang tinggi ini mampu dicapai walaupun EPP ini diuji dengan

ancaman keselamatan di zon ESSCOM dan penyakit Early Mortality Syndrome (EMS) yang mengganggu pengeluaran udang daripada beberapa syarikat di Semenanjung Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama pada tahun ini.



Taman Akuakultur Udang Bersepadu (iSHARP) milik Blue Archipelago Bhd. di Setiu, Terengganu

Kisah Kejayaan Syarikat Peneraju

Sejak EPP 6 dilancarkan pada 2011, 14 syarikat peneraju telah mengusahakan tanah seluas 5,713 hektar untuk penternakan udang, dengan komitmen pelaburan berjumlah RM2.6 bilion dan menyediakan 8,040 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Salah satu syarikat peneraju tersebut, iaitu Blue Archipelago Berhad telah membuka 350 peluang pekerjaan di pusat penternakan udang miliknya di Taman Akuakultur Udang Bersepadu Fasa 1 (iSHARP), Setiu, Terengganu. Malah, 93 peratus pekerja iSHARP terdiri daripada masyarakat Terengganu. Apabila siap kelak, iSHARP (Fasa 1&2) bakal membuka kira-kira 700 peluang pekerjaan mencakupi tenaga kerja pengurusan, tenaga mahir dan separa mahir.

Namun, syarikat-syarikat tersebut berpeluang mengeluarkan udang ternakan lebih awal dan berupaya memperoleh harga yang lebih tinggi.

Berdasarkan harga udang ternakan sekilogram di Malaysia yang lebih tinggi daripada harga di pasaran eksport sepanjang tahun ini, permintaan bagi udang premium dilihat adalah paling tinggi dalam pasaran tempatan berbanding dengan pasaran eksport.

INTIPATI UTAMA

Syarikat-syarikat besar yang terlibat dalam EPP ini menjadi mangkin yang merancakkan serta menerajui industri ini apabila mereka membeli udang ternakan syarikat-syarikat kecil ketika pasaran udang dilanda kelesuan. Hal ini membuktikan impak kukuh yang dimainkan oleh syarikat besar dalam memacu pertumbuhan industri ini.

EPP
7

BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN UNTUK PASARAN PREMIUM

Pada tahun ini, syarikat Rompin *Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd* berjaya memulakan penanaman nanas jenis MD2 dalam projek yang melibatkan masyarakat orang Asli sebagai penanam kontrak.

Selain itu, tahun ini turut menyaksikan pengeluaran hasil yang pertama dari projek *21st Century Village*, iaitu 224 tan betik yang dituai pada bulan Mei. Projek ini merupakan suatu usaha sama antara MoA dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Di samping itu, penanaman telah dilaksanakan di 85 ekar tanah di tapak projek di Chemomoi, Pahang yang diterajui oleh Exotic Star Sdn Bhd setakat bulan Oktober 2014.



Tapak projek *21st Century Village* di Chemomoi, diterajui oleh Exotic Star Sdn Bhd



Tapak projek 21st Century Village di Chemomoi, diterajui oleh Exotic Star Sdn Bhd

Dalam perkembangan lain, 6,105 hektar tanah telah dijadikan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dengan pelibatan 453 petani. Daripada jumlah tersebut, 171 petani telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka melebihi RM3,000 sebulan.

Jumlah pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran premium dari TKPM dan syarikat-syarikat peneraju pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- TKPM: 33,517 tan
- Exotic Star: 3,015 tan

- Far East: 4,688 tan
- Kia Shing: 1,861 tan
- KC Kwang: 1,464 tan
- Fresh Momentum: 682 tan
- Ergobumi: 177 tan

Namun demikian, pembinaan tapak baharu bagi TKPM telah berdepan dengan kelewatan yang berpunca daripada proses memperoleh kontrak tender yang berlarutan serta musim kemarau yang menghambat penanaman buah dan sayur.

INTIPATI UTAMA

Pengeluaran produk buah-buahan dan sayur-sayuran premium amat bergantung pada penggunaan teknologi penanaman serta pengurusan hasil tani yang dipertingkatkan. Selain itu, kesesuaian spesies buah dan sayur yang ditanam mestilah dititikberatkan bagi memastikan hasil pengeluaran berkualiti tinggi.

Selari dengan faktor tersebut, segmen hiliran juga perlu diusahakan di samping memperluas akses dalam pasaran buah dan sayur premium.

EPP 8

TAMAN PENGELUARAN MAKANAN

Empat syarikat peneraju baharu telah dilantik di bawah EPP ini pada tahun 2014, yang terdiri daripada DMS Resources Sdn Bhd, The Holstein Milk Co Sdn Bhd, Top Fruits Sdn Bhd dan Ramly Food Processing Sdn Bhd.

Dalam pada itu, jumlah jualan yang dicatatkan bagi tahun 2014 adalah RM230 juta yang telah mengatasi sasaran pada tahun ini, iaitu RM171 juta. Jualan daripada 64 PKS yang dibangunkan di bawah program ini

menyumbang kira-kira RM34.316 juta dalam hasil jualan. Hal ini bererti bahawa pendapatan bulanan purata bagi setiap PKS adalah kira-kira RM44,600. Dengan mengambil kira perkembangan tersebut, Bahagian Industri Asas Tani di bawah MoA akan merencanakan usaha dalam melakukan pepadanan bentuk perniagaan antara kedua-dua pihak PKS dan syarikat peneraju bertujuan untuk memacu aktiviti dalam EPP ini.



Kedai milik Ramly Food Processing Sdn Bhd



Kilang pengeluaran milik Zinon Food Industries Sdn Bhd

INTIPATI UTAMA

Bagi melonjakkan perkembangan EPP ini ke tahap yang lebih tinggi, segmen produk hiliran perlu diberikan penekanan kerana cara ini berupaya memanjangkan tempoh simpan produk makanan sekali gus mempertingkatkan nilai produk dalam pasaran.

EPP
9

PENANAMAN BERAS WANGI

DI KAWASAN BUKAN JELAPANG PADI

Tiga buah syarikat baharu, iaitu National Farmers Organisation (NAFAS), Bio One Tech Sdn. Bhd. dan Ceria Alliance Sdn Bhd, telah dilantik menjadi syarikat peneraju bagi EPP ini.

Sehingga kini, sebanyak 2,118 hektar tanah telah disatukan bagi tujuan penanaman beras wangi berlatarkan sasaran pengurusan secara perladangan seluas 18,800 hektar menjelang 2020. Sementara itu, pengeluaran padi beras wangi di bawah EPP ini berjaya mencecah 2,026.5 tan metrik pada tahun 2014.

Meskipun berdepan dengan musim kemarau yang berlanjutan pada awal tahun dan kesukaran mendapatkan tanah serta musibah banjir besar pada hujung tahun 2014, EPP ini masih mampu mencatatkan pengeluaran pada tahun ini. Walau bagaimanapun, perkembangan industri ini terbatas disebabkan usia industri tanaman padi wangi di Malaysia yang masih awal justeru pengeluaran beras oleh syarikat persendirian masih belum mantap dan memerlukan bimbingan dan dorongan kuat dari



Dato' Haji Raihan bin Sharif, Timbalan Ketua Setiausaha MoA mengiringi EXCO Pertanian Pulau Pinang sewaktu mengunjungi tapak projek sambil diiringi oleh ketua projek EPP 9

pihak kerajaan. Selain itu, kilang khusus untuk mengisar beras wangi masih kurang sekali gus menyebabkan kenaikan kos dan membuatkan tempoh proses pengisaran lebih lama. Hal yang demikian ini mengakibatkan mutu beras yang dikeluarkan jatuh merosot.

INTIPATI UTAMA

Cabaran yang terpaksa didepani dalam EPP ini mencetuskan kewajaran untuk menyemaknya semula sebagai usaha untuk menambah baik pelaksanaan projek ini.

EPP
10

MEMPERKUKUH DAN MENAMBAH BAIK PRODUKTIVITI PENANAMAN PADI DI KAWASAN MADA



Pemandangan padi sewaktu musim menuai di projek NKEA Padang Besar Selatan

Program pengurusan penanaman padi secara estet telah berhasil menyatukan tanah padi seluas 20,186 hektar, iaitu lima kali ganda saiz Putrajaya dan melibatkan 8,817 pesawah. Pendekatan secara estet ini dilihat sebagai faktor signifikan yang menyumbang kepada peningkatan hasil pesawah yang terlibat, bahkan, terdapat beberapa pesawah yang berupaya meningkatkan pengeluaran padi lebih dua kali ganda dan menyaksikan pendapatan purata mereka meningkat 19 peratus semenjak menyertai program ini.

Penyatuan tanah padi seluas 20,186 hektar setakat ini adalah dengan mengambil kira 5,000 hektar tanah yang disatukan pada tahun 2014, berlatarkan

sasaran penyatuan sebanyak 50,000 hektar tanah menjelang tahun 2020. Sementara itu, penanaman padi di tanah yang disatukan di kawasan Muda, yang menjangkau sempadan Kedah dan Perlis, telah menghasilkan 243,200 tan padi pada tahun 2014.

Akan tetapi, kelak, penghasilan padi oleh pesawah yang telah menyertai program ini selama lima musim mungkin akan merosot berikutan syarat EPP ini yang tidak menyediakan insentif kepada para pesawah selepas lima musim penanaman padi. Besar kemungkinan mereka yang terkesan dengan penanaman insentif ini akan menarik diri dan kembali kepada kaedah penanaman secara tradisional.

Dalam perkembangan yang lain, pembinaan infrastruktur pengairan terpaksa ditangguhkan ekoran perbincangan yang membabitkan pembelian tanah daripada pesawah-pesawah terlibat masih belum mencapai kata putus. Walaupun proses pemerolehan tanah telah dipendekkan kepada tempoh sembilan bulan berbanding dengan 24 bulan (setelah pelaksanaan Program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam), peneraju EPP ini iaitu MADA masih perlu memastikan bahawa tanah yang dibeli daripada pesawah-pesawah terlibat dijual pada harga yang berpatutan. Namun demikian, sasaran MADA dan MoA untuk menyiapkan pelan pembinaan 30 blok infrastruktur pengairan berjaya dilaksanakan menurut jadual dan akan disusuli dengan proses pemerolehan tanah pada tahun hadapan.

INTIPATI UTAMA

EPP ini telah berjaya mengurus kaedah pendekatan para pesawah sehingga berupaya mencapai ekonomi skala dan mempertingkatkan pengeluaran padi. Akan tetapi, para pesawah harus didorong supaya mampu melihat EPP ini sebagai sebuah usaha perniagaan, justeru tidak terlalu bergantung pada bantuan kerajaan semata-mata.

EPP
11

MEMPERKUKUH DAN MENAMBAH BAIK PRODUKTIVITI PENANAMAN PADI DI KAWASAN PENGAIRAN YANG LAIN

Sebanyak 15 syarikat baharu dilantik sebagai syarikat peneraju EPP ini pada tahun 2014. Sehingga kini, tanah yang

telah disatukan untuk penanaman padi adalah seluas 13,361 hektar dengan hasil pengeluaran sebanyak 36,991 tan

padi, dengan sasaran untuk penyatuan tanah seluas 77,232 hektar dan hasil pengeluaran sebanyak 433,936 tan padi

pada akhir pelaksanaan projek ini pada tahun 2020.

Kerja-kerja pengairan dan infrastruktur saliran pembangunan untuk IADA baharu (Batang Lupa, Kota Belud, Pekan dan Rompin) dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja tersebut dalam ucapan belanjawan 2015 dan Kabinet telah meluluskan penubuhan empat IADA tersebut pada 10 Disember 2014.

Sepanjang pelaksanaan program ini, EPP ini telah mencatatkan peningkatan produktiviti dengan purata hasil 4.3 – 4.5 metrik tan sehektar yang dilaporkan

pada tahun 2013 berbanding 3.5-3.8 tan sehektar yang direkodkan pada tahun 2012.

INTIPATI UTAMA

Program ini telah mencetuskan impak yang ketara dalam usaha untuk mendorong pesawah mencapai ekonomi skala dan meningkatkan pengeluaran mereka. Akan tetapi, perkembangan di masa akan datang bergantung pada anjakan sikap para pesawah yang wajar berubah dan melihat program ini sebagai suatu bentuk perniagaan.

Pengeluaran padi di kawasan jelapang yang sedia ada akan dapat ditingkatkan jika pengairan yang mencukupi dan infrastruktur saliran dapat dibangunkan



Majlis penyerahan insentif kepada pesawah di bawah EPP 11, pada Mei 2014

dan ditambah baik di kawasan yang terlibat. Kadar SSL bagi beras dijangka meningkat pada tahun 2020 disebabkan oleh inisiatif yang dilaksanakan ini.

EPP
13

MEMBANGUNKAN KLUSTER TENUSU

Golden Difference sudah tidak tersenarai sebagai syarikat peneraju dalam EPP ini berikutan ia diambil alih oleh sebuah firma luar. Dalam perkembangan seterusnya, untuk tahun 2014, syarikat-syarikat peneraju yang lain telah berhasil mengeluarkan 18.12 juta liter susu.

Pada ketika ini, 281 penternak terlibat dalam EPP ini sementara 198 daripada mereka tergolong sebagai penggiat kecil-kecilan (memiliki kurang daripada 30 lembu). Berikut ialah pendapatan purata penternak yang terlibat setakat Oktober 2014:

Pendapatan Bulanan Purata	Bilangan Penternak
< RM1,000	50 (18%)
RM1,000 – RM2,999	39 (14%)
RM3,000 – RM4,000	18 (6%)
> RM4,000	174 (62%)

*Pendapatan dijana berdasarkan andaian harga susu seliter @ RM2.00

Kisah Kejayaan Syarikat Peneraju

Allied Dairy, syarikat yang memiliki jenama Farm Fresh, kini menguasai 35 peratus pasaran susu segar tempatan setelah menyertai EPP 13. Kemunculan Allied Dairy meletakkannya sebaris dengan jenama susu yang dikenali ramai seperti Dutch Lady dan Marigold. Malah, syarikat ini telah

berperanan membangunkan 35 penternak sehingga pendapatan purata mereka melonjak 32 peratus berbanding dahulu. Antaranya ialah Chelliah & Son, yang berjaya meningkatkan pengeluaran susu lebih dua kali ganda setelah menyertai EPP ini, malah, pendapatan bulanan turut melonjak daripada RM2,657 sebulan kepada RM10,864 sebulan.



Ruang kelengkapan untuk pemerah lembu milik Evergreen Livestock Sdn Bhd

Akan tetapi, permintaan bagi susu segar tempatan kian merosot akibat persaingan dengan kemasukan susu import yang ditawarkan pada harga yang lebih murah. Hal ini menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh EPP ini. Sehubungan dengan itu, harga pasaran runcit bagi susu segar dan juga dasar pengimportan susu wajar dikawal bagi

memastikan syarikat tempatan tidak terketepi dalam sektor ini.

INTIPATI UTAMA

EPP ini muncul sebagai suatu model yang cemerlang untuk dicontohi oleh syarikat-syarikat peneraju, apatah lagi, ia mampu mendorong sinergi sesama

penternak kecil-kecilan dan berjaya memperoleh sokongan kerajaan. Sehubungan dengan itu, EPP ini berhasil memperkukuh pasaran susu tempatan menerusi pengurusan kawalan ke atas dasar import dan penyediaan bantuan logistik bagi membangunkan pemain industri di peringkat global.

EPP
14

MEMBANGUNKAN INDUSTRI PEMBENIHAN

Tahun 2014 menyaksikan EPP ini menarik penyertaan syarikat penerajunya yang pertama, Green World Genetics. Semenjak menyertai EPP ini pada bulan Julai 2014, syarikat ini telah melatih seramai 50 orang *outgrowers* dan dijangka melatih 100 lagi pada tahun 2015. Dalam pada itu, bagi mengatasi masalah kekurangan tanah untuk tujuan latihan *outgrowers* ini, ia turut menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pertanian Malaysia dan

Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) untuk menggunakan tanah di bawah penyeliaan kedua-dua agensi tersebut.

Sementara itu, makmal Centre for Marker Discovery and Validation (CMDV) di bawah MARDI telah memeterai lima perjanjian usaha sama dengan pelbagai pemain industri dan agensi Kerajaan pada tahun lepas sebagai usaha untuk membangunkan dan

mengenal pasti penanda pembiakan yang bermutu tinggi bagi produk lain termasuklah ikan haruan, kelapa dan udang air tawar.

INTIPATI UTAMA

Sungguhpun industri ini masih baharu, ia berpotensi tinggi untuk berkembang maju dengan memanfaatkan sumber biodiversiti Malaysia yang teramat kaya.



Outgrowers yang dilatih oleh Green World Genetics di Bukit Tangga

PASAR KOMUNITI (PAKAR)



Pelanggan membeli barangan segar di PAKAR Mersing yang dibuka setiap Jumaat

Setakat ini, laman tapak PAKAR sudah beroperasi di Manjung, Medan Niaga Satok, Jengka, Bera, Paroi, Kota Belud, Mersing dan Pekan.

Akan tetapi, KPI EPP ini pada tahun 2014 tidak tercapai, iaitu pembinaan serta permulaan operasi tapak PAKAR di Kuala Kedah. Kelewatan pembinaan ini berpunca daripada keadaan cuaca yang tidak mengizinkan di samping masalah laluan keluar masuk akibat kehadiran peniaga Pasar Tani yang berniaga terlalu hampir dengan pintu masuk tapak tersebut. Namun, tapak ini dijangka siap dan mula beroperasi pada suku pertama tahun 2015.

Dalam perkembangan seterusnya, sebuah kajian oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berkaitan hasil pendapatan yang dijana oleh peserta PAKAR di Manjung, Bera, Jengka dan Mersing

mendapati bahawa para peniaga rata-rata berjaya melonjakkan pendapatan mereka sehingga 32.7 peratus, iaitu daripada RM3,041 kepada RM4,035 setelah memanfaatkan khidmat PAKAR. Namun, masih terdapat peniaga Pasar Tani dan Pasar Malam yang enggan berniaga di PAKAR atas alasan tidak mahu berpindah tapak sedangkan bayaran yang dikenakan oleh PAKAR hanyalah RM7 untuk setiap sesi, dan bayaran itu digunakan sebagai kos menyelenggara tapak tersebut.

INTIPATI UTAMA

Pembinaan tapak-tapak baharu bagi projek PAKAR sewajarnya didahului dengan kajian kebolehlaksanaan bagi memastikan tapak tersebut mempunyai kelebihan dari segi akses bagi aktiviti perniagaan, lokasi yang strategik dan juga sokongan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan.

Kisah Kejayaan PAKAR

Suhaimi Mohd Zain, seorang peniaga mi udang, menyertai program PAKAR di Paroi pada Januari 2014. Sejak berniaga sepenuh masa di tapak niaga kekal yang disediakan oleh PAKAR, beliau telah berjaya melonjakkan jualan bulanan kepada RM17,420/ sebulan, berbanding hanya RM1,200/sebulan dahulu.

PELUANG PERNIAGAAN

NKEA ini menyelia Peluang Perniagaan yang tercatat seperti berikut (berikutan pemindahan tiga Peluang Perniagaan yang sudah dilaksanakan menjadi EPP):

3

Penternakan Ikan Hiasan

Memperkuh penjenamaan dan saluran pasaran untuk eksport ikan hiasan Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan pada negara lain

4

Pengilangan Makanan untuk Akuakultur

Penubuhan kilang untuk penghasilan makanan akuakultur

5

Pusat Eksport Akuakultur

Membangunkan pusat untuk pengeksportan akuakultur

6

Industri Snek

Menambahkan pengeluaran snek daripada buah-buahan segar dan buah-buahan kering keluaran tempatan

7

Ternakan Ayam Kampung

Menembusi pasaran ayam kampung bernilai tinggi

8

Pertanian Cendawan Butang

Mengembangkan pengeluaran cendawan butang bagi memenuhi pasaran tempatan dan eksport

10

Pelaburan Langsung Asing dalam Produk Herba

Menarik syarikat asing menjalankan kajian ke atas herba Malaysia dan menubuhkan fasiliti pembuatan di Malaysia

11

Industri Makanan Snek / Fasiliti Makanan Negara

Memindahkan fasiliti pemprosesan makanan beku dan hidangan sedia dimakan dari Singapura ke Malaysia

PEMANGKIN

Berikut adalah faktor-faktor pemangkin utama yang telah dikenal pasti akan menyokong pelaksanaan EPP dan Peluang Perniagaan di bawah EPP ini:

- Menyediakan insentif untuk syarikat peneraju melalui pelaksanaan prosedur NKEA Pertanian yang diperkenalkan pada tahun 2011
- Mengukuhkan penerimaan Amalan Pertanian Baik (GAP)
- dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) untuk meningkatkan akses pasaran — semua syarikat peneraju digalakkan untuk berbuat demikian melalui perjanjian yang mereka meterai dan telah dikuatkuasakan pada tahun 2012
- Menambah baik peraturan dan dasar, sebagai contoh, pembangunan Akta Benih di bawah EPP 14
- Mengukuhkan infrastruktur logistik. Usaha ini akan diperkukuhkan lagi dalam fasa seterusnya
- Memastikan aliran modal insan yang mencukupi. Pemangkin ini sudah mula dilaksanakan melalui program yang membantu meningkatkan kesedaran tentang peluang dalam perniagaan asas tani dan melalui penubuhan Unit Usahawan Muda dalam MoA

Ringkasan NKEA Pertanian

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM28,9 bilion
Pekerjaan Tambahan	109,335

Sasaran kritikal bagi tahun 2015


- 10 ujian praklinikal dijalankan untuk produk ubat-ubatan nutraseutikal dan *cosmeceutical*
- RM3.5 juta hasil daripada produk herba di bawah EPP 1
- 200 tan jumlah eksport produk Sarang Burung Walit Yang Boleh Dimakan (EBN)
- 11,500 tan pengeluaran ikan yang ditenak oleh syarikat peneraju di bawah EPP 4
- 35,000 tan jumlah pengeluaran udang di bawah EPP 6
- 55,000 tan jumlah pengeluaran oleh TKPM dan syarikat peneraju di bawah EPP 7
- RM200 juta dijana daripada penjualan syarikat dan PKS di bawah EPP 8
- 21 PKS baharu yang dibangunkan oleh syarikat peneraju di bawah EPP 8
- 254,600 tan jumlah pengeluaran beras dari tanah yang disatukan, di bawah EPP 10
- 83,570 tan jumlah pengeluaran beras yang dihasilkan dari tanah yang disatukan, di bawah EPP 11
- 23 juta liter jumlah susu segar yang dihasilkan di bawah EPP 13

PENJAGAAN KESIHATAN



Kami sedang mewujudkan suasana yang kondusif untuk memperkembangkan sektor penjagaan kesihatan di negara.

Malah, kami turut memfokuskan peningkatan kualiti bagi kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan demi kemaslahatan rakyat



Dato' Seri Dr.
S Subramaniam
Menteri Kesihatan



S&J

BOLEH DATO' SERI KONGSIKAN TENTANG BEBERAPA SUMBANGAN UTAMA OLEH NKEA PENJAGAAN KESIHATAN TERHADAP PEMBANGUNAN INDUSTRI PENJAGAAN KESIHATAN DI MALAYSIA?

Dalam sektor produk farmaseutikal, kami melihat betapa pelaburan daripada syarikat-syarikat swasta meningkat sejak pelaksanaan ETP berbanding dengan sebelumnya. Kami turut menyaksikan usaha daripada syarikat-syarikat tempatan untuk menghasilkan lebih banyak produk baharu menerusi jalinan usaha sama dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC). Malah, pada tahun lepas, beberapa MNC telah mengembangkan sayap bagi pembuatan produk farmaseutikal mereka ke Malaysia buat pertama kalinya dan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk pengeksporan produk mereka.

Perkembangan tersebut telah berjaya melonjakkan eksport produk farmaseutikal pada tahun lepas sekali gus memastikan agar trend pertumbuhan dalam sektor ini terus kukuh sejak pelancaran ETP. Selain itu, kordinasi rapat antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam mempromosikan produk kita ke pasaran eksport turut menyumbang kepada peningkatan eksport produk farmaseutikal.

Buat pertama kalinya juga, kami telah berjaya mengumpulkan data lengkap yang merangkumi saiz pasaran industri farmaseutikal negara di peringkat kebangsaan, walhal hanya beberapa negara sahaja di dunia yang menyimpan data seperti ini. Rekod tersebut berupaya dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang berhasrat untuk melabur atau menjual produk farmaseutikal mereka di Malaysia.

APAKAH BIDANG BAHARU YANG SEDANG BERKEMBANG DAN AKAN DIBANGUNKAN OLEH NKEA PENJAGAAN KESIHATAN?

Bersandarkan Projek-projek Permulaan (EPP) yang telah dilaksanakan di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan, beberapa bidang baharu yang sedang mengalami pertumbuhan dalam industri ini semakin diperkembangkan. Sebagai contoh, usaha yang kami giatkan terhadap pembangunan sektor farmaseutikal turut membuka peluang untuk membangunkan penyelidikan klinikal di Malaysia, selari dengan usaha kami untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam menjalankan ujian klinikal yang dibiayai oleh pihak industri. Dengan menarik lebih banyak syarikat farmaseutikal untuk menghasilkan produk mereka di Malaysia, mereka juga akan lebih cenderung untuk menjalankan ujian klinikal mereka di sini.

Ini akan mencetuskan kesan berganda yang berimpak tinggi kepada negara kita. Bukan sahaja doktor-doktor tempatan berpeluang untuk berperanan sebagai penyelidik ke atas ujian klinikal yang dijalankan, malah mereka akan meraih pengiktirafan serta diberikan imbalan kerana menjalankan ujian-ujian klinikal tersebut. Selain itu, para pesakit pula berupaya memanfaatkan ketersediaan akses kepada ubat-ubatan dan teknologi terkini.

Kami menasaskan 1,000 ujian klinikal untuk dijalankan di Malaysia menjelang tahun 2020. Setakat tahun 2014, gabungan ujian klinikal baharu dan yang sedang dijalankan telah mencecah 400, justeru menandakan potensi yang cerah bagi pertumbuhan pasaran sektor ini.

BOLEHKAH DATO' SERI KONGSIKAN SEDIKIT TENTANG PENCAPAIAN YANG PALING SIGNIFIKAN YANG TELAH DICATAT OLEH NKEA PENJAGAAN KESIHATAN SETAKAT INI?

Pada tahun 2014, kami berjaya merangka dua undang-undang yang amat penting. Akta Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta yang digubal oleh Kerajaan merupakan julung kalinya suatu usaha untuk mengawal selia jagaan penjagaan warga emas dan penyenggara, malah mempertingkatkan kualiti penjagaan yang disediakan di rumah jagaan orang tua dilakukan secara spesifik. Hal ini amat penting kerana, berlatarkan unjuran ke atas populasi menua yang semakin meningkat, kita wajar memastikan agar warga emas dan ahli keluarga mampu berdepan dengan keperluan mereka yang kian berubah. Di sini, kami membantu mewujudkan sebuah rangka kawal selia yang sewajarnya demi memastikan perkhidmatan serta kemudahan yang terbaik diberikan dalam penjagaan warga emas.

Namun, perlu saya tegaskan di sini bahawa kami bukannya menggalakkan masyarakat mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap orang tua dalam keluarga. Sebaliknya, kami ingin memastikan agar pihak yang mengambil pilihan tersebut akan diberikan penjagaan yang mereka perlukan dan selayaknya mereka terima sebagai warga emas.

Sementara itu, sebagai usaha lanjut terhadap kawalan kualiti dan keselamatan dalam industri peranti perubatan, kami telah mengambil langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan Akta Peranti Perubatan. Sehubungan dengan itu, semua peranti perubatan baharu yang ditempatkan di Malaysia wajib didaftarkan sebelum bulan Julai 2015, selaras dengan standard global yang diperkenalkan dalam Akta ini. Penguatkuasaan tersebut adalah demi menyahut seruan penggiat industri peranti perubatan yang sememangnya mengalu-alukan pelaksanaan Akta ini.

BERDASARKAN PELAKSANAAN ETP YANG SUDAH HAMPIR TIBA KE PENGHUJUNGNYA, APAKAH HARAPAN DATO' SERI DARIPADA PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM NKEA PENJAGAAN KESIHATAN?

Saya ingin melihat kordinasi yang lebih rapat antara agensi-agensi terbabit, khususnya KKM, MITI, MIDA dan PEMANDU. Saya yakin, dengan memanfaatkan kekuatan masing-masing dan memperkukuh kerjasama secara sinergi, kita semua dapat menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor penjagaan kesihatan di Malaysia.

PENJAGAAN KESIHATAN

Tahun 2014 menyaksikan pencapaian yang signifikan dalam bidang penjagaan kesihatan di Malaysia berbanding eksport produk farmaseutikal yang semakin meningkat, selesainya beberapa inisiatif penting untuk membangunkan industri penjagaan warga emas, penganugerahan status EPP kepada lima projek dan peningkatan syarikat multinasional (MNC) yang menjalinkan kerjasama dengan syarikat pengeluar tempatan untuk menghasilkan sesetengah produk mereka di Malaysia.

Pertumbuhan setinggi 9 peratus yang dilaporkan bagi hasil eksport produk farmaseutikal berjaya melepasi sasaran awal sebanyak 5 peratus untuk tahun 2014. Malah, jumlah eksport farmaseutikal Malaysia mencecah RM611 juta, berbanding dengan RM561 juta yang diperoleh pada tahun 2013.

Pertumbuhan ini telah didorong oleh usaha yang semakin rancak oleh Kerajaan dan Organisasi bagi Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI) bagi membantu pengeluar produk farmaseutikal tempatan menembusi pasaran luar negara. Sepanjang tahun lepas, Kerajaan bekerjasama dengan MOPI untuk menjalankan sebuah kajian penting berkaitan halangan yang timbul membabitkan isu dagangan dan bukan-dagangan. Antara negara yang telah dikenal pasti sebagai negara sasaran baharu dan paling penting ialah Thailand, Vietnam, Turki, Kazakhstan dan Australia.

Dalam perkembangan lain, Kerajaan telah menyiapkan prosedur-prosedur berhubung dengan perjanjian *OffTake* (OTA) yang meliputi produk farmaseutikal dan juga peranti perubatan dengan tujuan untuk mendukung usaha terhadap pengeluaran dan penggunaan produk kesihatan buatan Malaysia. Selain itu, pewujudan perjanjian OTA ini mampu mendorong syarikat multinasional (MNC) serta pengeluar yang lain untuk menempatkan lokasi pengeluaran mereka di Malaysia kerana mereka kini ditawarkan dengan kontrak bertempoh tiga tahun untuk membekalkan produk mereka kepada Kerajaan. Bahkan, kontrak

tersebut akan dilanjutkan selama dua tahun lagi sekiranya syarikat-syarikat tersebut mematuhi syarat eksport yang ditetapkan. Hal yang demikian ini adalah suatu peningkatan berbanding dengan kontrak dua tahun sebelum ini.

Berhubung dengan undang-undang penjagaan kesihatan pula, draf akhir bagi Akta Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta sudah pun siap dan akan dibentangkan kepada sidang Jemaah Menteri tidak lama lagi. Dalam pada itu, usaha yang sedang digiatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi merangka peraturan dan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan turut menyaksikan pengusaha penjagaan warga emas swasta yang mencakupi rumah jagaan berlesen serta rumah jagaan orang tua rata-rata berpuas hati dengan peraturan serta standard yang diwajibkan oleh undang-undang baharu ini.

Selain itu, langkah turut digiatkan bagi mempertingkatkan kemahiran pengasuh dan penjaga dengan membangunkan sukatan pelajaran yang merangkumi subjek Pengendalian, Urus Tadbir dan Pengurusan bagi Pusat Jagaan Orang Tua. Sukatan tersebut dirangka oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berbanding Standard Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan (NOSS). NOSS menggariskan beberapa kemahiran khusus yang diperlukan oleh seseorang pekerja yang berkecimpung dalam jenis pekerjaan yang tertentu di Malaysia. Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan kini sedang menyemak semula pakej insentif khas yang dibangunkan bersama dengan Lembaga

Unjuran Tahun 2015



Perjanjian OTA yang akan dilaksanakan kelak akan mencetuskan lebih banyak jalinan usaha sama antara syarikat MNC dan syarikat pembuat tempatan bagi menghasilkan produk MNC terbabit di Malaysia untuk tujuan eksport mereka. Perkembangan ini dijangka melonjakkan standard produk farmaseutikal dan juga peranti perubatan tempatan setanding dengan standard antarabangsa, di samping memperkenalkan teknologi baharu kepada pembuat tempatan sekali gus mendorong peningkatan kemampuan mereka.

Berhubung dengan hal ini, penyertaan dua pembuat produk farmaseutikal



dan peranti perubatan – Biocon dan Fresenius, yang akan menubuhkan tapak pembuatan baharu mereka, masing-masing di Johor dan Bandar Enstek, dijangka akan meningkatkan eksport produk farmaseutikal dan peranti perubatan pada 2015. Malah, kedua-dua syarikat tersebut akan membuka 889 peluang pekerjaan apabila memulakan operasi mereka pada tahun 2015.

Bersandarkan rangka kerja untuk pengawalseliaan terhadap pelesenan dan pendaftaran produk peranti perubatan yang telah siap, tahun ini bakal menyaksikan lebih banyak usaha difokuskan bagi memastikan agar

produk peranti perubatan didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), sebelum Julai 2015. Produk yang belum didaftarkan dengan MDA selepas bulan Julai 2015 tidak akan dibenarkan berada dalam pasaran.

Dalam pada itu, usaha juga akan dipergiatkan bagi menangkis tanggapan umum kononnya produk tempatan adalah substandard atau tidak berkualiti dengan menyasarkan usaha terhadap penjenamaan produk. Kerajaan juga akan memperhebat ikhtiar dalam memastikan agar pembelian produk tempatan lebih diutamakan berbanding dengan produk import. Di samping itu, Kerajaan akan turut menjalinkan kerjasama yang lebih kukuh dengan beberapa agensi terbabit demi menyokong pengeluaran tempatan untuk mengeksport produk mereka.

Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk ditawarkan kepada pengusaha dan pengendali baharu yang berkecimpung dalam sektor kemudahan dan perkhidmatan jagaan ini.

Pada awalnya, NKEA ini menyasarkan penajaan Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM35.5 bilion dan pewujudan 181,000 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Kini, terdapat 41 projek yang menyediakan 25,633 pekerjaan berserta komitmen pelaburan yang dijangka mencecah RM4.96 bilion menjelang tahun 2020. Sektor penjagaan kesihatan juga telah meraih 28.8 peratus daripada sasaran pelaburan sebanyak RM17.2 bilion yang ditetapkan dalam hala tuju ETP menjelang tahun 2020.



Analisis KPI Tahun 2014

Secara amnya, NKEA ini berjaya mencapai KPI yang disasarkan pada tahun 2014 meskipun berdepan dengan penangguhan beberapa projek yang berpunca daripada isu mendapatkan kelulusan. Eksport produk farmaseutikal meningkat 9 peratus pada tahun 2014, berbanding hanya 2 peratus pada tahun 2013. Sementara itu, semakin banyak syarikat MNC telah mengalihkan operasi mereka ke Malaysia, manakala beberapa syarikat MNC yang lain sedang dalam perancangan yang sama.

Jumlah ujian klinikal yang dilakukan di fasiliti KKM juga meningkat pada tahun ini, iaitu 125 ujian, berbanding dengan 79 pada tahun 2011. Selain itu, berhubung dengan industri penjagaan warga emas dalam sektor swasta, pihak-pihak berkepentingan telah memberikan maklum balas yang positif.

Selari dengan perkembangan tersebut, lima projek dianugerahkan dengan status EPP dan dijangka menawarkan 528 pekerjaan baharu, menjana pendapatan berjumlah RM52.8 juta dan menarik pelaburan bernilai RM201.2 juta. Lima projek yang dimaksudkan ini ialah Eden on the Park di Kuching, Econ@Cheras, Toshiba Medical System Malaysia, Steripack Asia Sdn Bhd dan Olipro Biotechnology.

Namun begitu, sektor ini turut berdepan dengan beberapa cabaran, termasuklah industri pelancongan kesihatan yang agak lesu berbanding dengan jangkaan awal, isu-isu pokok membabitkan penubuhan MDA, pertumbuhan ujian klinikal yang agak mendatar serta penangguhan projek Metropolis Kesihatan Universiti Malaya disebabkan oleh kelewatan memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa negeri dan tempatan. Di samping itu, projek Nexus Perkhidmatan Diagnostik juga terjejas akibat tercetusnya isu-isu melibatkan pengurusan, sistem dan model kewangan yang diguna pakai.

Berhubung dengan industri pelancongan kesihatan pula, ketibaan pelancong Indonesia yang dicatatkan menurun disebabkan oleh skim insurans kesihatan yang baru diperkenalkan di negara tersebut serta proses pilihan raya yang diadakan. Hal yang demikian ini memberi kesan kepada pelancongan kesihatan di Malaysia memandangkan pelancong Indonesia menguasai pasaran yang terbesar dalam sektor ini. Malah, ketibaan pelancong Indonesia pada tahun 2014 menurun kepada hanya 377,815 berbanding dengan 437,157 pada tahun 2013.

Di samping itu, MDA yang baru saja ditubuhkan terus berdepan dengan isu berkaitan dengan pelesenan dan pendaftaran. Hal ini berpunca daripada lambakan produk serta produk peranti perubatan yang didaftarkan oleh pelbagai syarikat, rangka dasar yang kurang jelas serta bilangan Lembaga Penilaian Kesesuaian (CAB) yang terlalu terhad.



Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. S. Subramaniam (keempat dari kiri) selepas mengumumkan empat projek baharu yang bakal menyumbangkan RM45.9 juta kepada PNK menjelang tahun 2020 sambil mewujudkan 490 pekerjaan baharu

Petunjuk Prestasi Utama 2014

NKEA PENJAGAAN KESIHATAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Peratusan pekerja asing yang dilindungi insurans kesihatan (kecuali pembantu rumah dan pekerja ladang)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah ujian klinikal baharu yang dijalankan	224	202	90	●	90	●	0.5	●
	Jumlah kumulatif penyelidikan yang sudah dimulakan (bermula, sedang berjalan dan baharu)	695	673	97	●	97	●	0.5	●
	Ujian klinikal baharu di fasiliti KKM	79	125	158	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Peratusan Cadangan Offtake yang siap diproses dalam tempoh 100 hari bekerja seperti yang tertera dalam SOP yang diluluskan oleh MoF (diproses bererti Lembaga Perolehan A telah memutuskan cadangan tersebut dan permohonan dianjutkan kepada Perbendaharaan)	100%	N/A	N/A		N/A		N/A	
	Pertumbuhan bagi eksport produk farmaseutikal (RM juta)	594.68	610.71	103	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Hasil yang dijana daripada pelancongan kesihatan (RM juta)	724	685.58	95	●	95	●	0.5	●
EPP #6	Mendapatkan kelulusan bagi Perintah Pembangunan daripada MBPJ untuk memulakan pembinaan UMHM	100%	N/A	N/A		N/A		N/A	
EPP #15 – 17.1	Mendapatkan keputusan Jemaah Menteri membabitkan Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
				105%		96%		71%	

Rajah 12.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP
1

MEWAJIBKAN INSURANS KESIHATAN SWASTA UNTUK PEKERJA ASING

EPP ini berlatarkan pendekatan dua serampang, iaitu memastikan pekerja asing dilindungi dengan khidmat perubatan memandangkan sebahagian besar daripada mereka tidak mampu mendapatkan rawatan sebagai pesakit dan mengurangkan bil tertunggak yang tidak dijelaskan oleh pekerja asing apabila menggunakan kemudahan KKM, justeru membantu menurunkan kos penjagaan kesihatan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mewajibkan semua pekerja asing untuk mendaftarkan diri dalam Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) sejak tahun 2011, dengan bayaran premium tahunan sebanyak RM120.

Sejak pelancaran SPIKPA, lebih 1.7 juta pekerja asing telah diinsuranskan di seluruh negara. Setakat ini, jumlah pekerja asing yang didaftarkan paling tinggi di empat buah negeri iaitu Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang, dengan mencatatkan 1.3 juta pekerja kesemuanya.

Kebanyakan pekerja asing yang dilindungi di bawah skim ini terangkum dalam empat industri utama – pembuatan (943,000), pembinaan (346,000), perkhidmatan (303,000) dan pertanian (116,000). Skim insurans ini disediakan oleh 24 syarikat insurans berdaftar dalam skim ini.

Dengan tujuan untuk melicinkan pelaksanaan skim SPIKPA, Jemaah Menteri telah mempersetujui cadangan supaya pendaftaran bagi Pentadbir Tuntutan Pihak Ketiga (TPCA) untuk skim ini dipantau oleh Bank Negara Malaysia (BNM) agar selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Akta Insurans 1996 dan Peraturan-peraturan Insurans 1996.

INTIPATI UTAMA

SPIKPA telah membawa banyak manfaat kepada pekerja asing dalam aspek perlindungan kesihatan di samping melegakan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan di Malaysia.

EPP
2

MEWUJUDKAN EKOSISTEM YANG MENYOKONG PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN KLINIKAL

Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) telah melebarkan sayap pembangunan penyelidikan klinikalnya melalui sebuah perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai dengan Universiti UCSI. Selain itu, CRM kini dalam usaha perbincangan bersama-sama Prince Court Medical Centre, Institut Jantung Negara (IJN), Insitutit Kanser Nilai, UPM dan UiTM Sungai Buloh bertujuan untuk membina sebuah pangkalan data yang menyenaraikan maklumat penyelidikan bagi membantu pembangunan industri ini.

Tahun 2014 turut menyaksikan pembangunan jalinan kerjasama antara Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) bagi pihak KKM dan CRM, dan Quintiles yang dimeterai menerusi perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU). Perjanjian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran golongan

koordinatar kajian dan juga penyelidik. Dalam perkembangan yang sama, CRM berjaya melaksanakan sembilan 9 kursus Amalan Klinikal yang Baik (GCP) termasuk 1 kursus penataran GCP pada tahun ini.

Program *Mentor-Mentee* pula telah diperluas ke Pantai Timur di daerah utara dan ke sekitar daerah tengah. Secara perbandingan, program tersebut kini mempunyai 17 Mentor dan 64 Mentee di tiga buah daerah, berbanding dengan 14 Mentor dan 41 Mentee pada tahun 2013.

Sektor ujian klinikal walau bagaimanapun tidak mencatatkan kadar kemajuan seperti yang dijangkakan walaupun cadangan untuk membangunkan bidang ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Hal ini demikian kerana bilangan doktor yang berminat dalam kepakaran penyelidikan klinikal tidak ramai di samping data peserta dalam

CRM yang ingin mengambil bahagian dalam penyelidikan klinikal juga terlalu terhad.

Namun, ujian klinikal bagi peranti perubatan dialisis peritoneal automatik yang telah dilancarkan buat pertama kalinya oleh Lucenxia di Malaysia merupakan suatu pencapaian penting yang telah dilakar pada tahun ini. Bersandarkan kerjasama yang dijalin dengan lapan buah hospital setakat ini, Lucenxia telah memperoleh enrolmen 73 peserta untuk ujian klinikalnya, sementara 29 ujian klinikal sudah pun siap.

INTIPATI UTAMA

Sebagai usaha untuk merancakkan sektor ini, bilangan fasiliti KKM yang berupaya menyediakan ujian klinikal akan ditambah, di samping memperhebatkan program promosi untuk menarik lebih banyak ujian klinikal.

FARMASEUTIKAL MALAYSIA

Pendapatan yang dijana daripada pengeksporan produk farmaseutikal mencatatkan pertumbuhan 9 peratus tahun ini, mengatasi sasaran 5 peratus pada awalnya.

Perkembangan positif turut disaksikan dalam pembangunan fasiliti pembuatan produk farmaseutikal oleh syarikat multinasional (MNC) di Malaysia menerusi perjanjian usaha sama dengan rakan kongsi tempatan. Sehingga kini, sebanyak 11 projek diiktiraf dengan status EPP di bawah EPP3, terdiri daripada Hovid Bhd, Biocon Ltd, CCM, Kotra Pharma, A.J. Biologics, Impian Eksekutif Sdn Bhd, Servier, Ranbaxy, AFT Pharma dan BioCare.

Dalam pada itu, AFT Pharmaceuticals, sebuah syarikat persendirian yang beroperasi di Australia dan New Zealand telah mengikat persetujuan dengan sebuah pengeluar tempatan untuk mengeluarkan ubat *orphan* di Malaysia. Perkongsian ini dijangka mampu melonjakkan imej pengeluar ubat farmaseutikal tempatan.

Di samping itu, Kerajaan Malaysia berserta MOPI meluluskan Kajian mengenai Halangan Perdagangan (Trade Barrier Study) bagi mendalami strategi pengeksporan produk farmaseutikal ke lima negara sasaran: Thailand, Vietnam, Turki, Australia dan Kazakhstan.

Objektif kajian tersebut adalah membuat penilaian terhadap lima negara prioriti yang akan memberi pulangan terbaik bagi pengeksporan produk farmaseutikal buatan tempatan. Selain itu, kajian ini akan membolehkan MOPI membangunkan pasaran yang meluas bagi produk farmaseutikal di negara-negara sasaran di samping memahami peraturan dan juga proses yang terlibat dalam pengeksporan produk tersebut. Sementara itu, hasil kajian turut berperanan sebagai strategi untuk membolehkan syarikat tempatan menembusi masuk serta memperluas pasaran pengeksporan produk mereka ke negara lain menggunakan aspek kritikal yang wajib dipatuhi sebagai syarat kemasukan produk.

INTIPATI UTAMA

Usaha untuk melonjakkan pengeluaran dan jualan produk farmaseutikal mencerminkan peri pentingnya pengaruh tempoh masa yang diambil untuk mendaftarkan sesuatu produk, yang bukan sahaja memberi kesan malah berperanan sebagai faktor pendorong untuk sektor ini. Ekoran itu, proses pendaftaran produk farmaseutikal telah dipercepatkan tempohnya, iaitu dari 18 bulan ke 60 hari untuk semua syarikat EPP. Usaha ini telah menggalakkan pengeluar produk melancarkan produk baharu sekali gus merangsang aktiviti pembuatan tempatan.

Jelasnya, industri ini sedang berkembang maju seperti yang diharapkan, namun, usaha selanjutnya perlu dilaksanakan bagi memastikan sektor ini terus meneroka dan menembusi pasaran baharu. Bagi merealisasikan matlamat ini, sokongan kukuh daripada agensi-agensi Kerajaan yang terbabit adalah amat penting sekali gus berupaya membawa kejayaan kepada EPP ini.



Ruang pempakejan di fasiliti pembuatan produk biofarmaseutikal milik Biocon yang dibina buat pertama kalinya di luar negara, bertempat di Bio-Xcell

MENCERGASKAN SEMULA PELANCONGAN KESIHATAN

Sektor pelancongan kesihatan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh iaitu pada purata 25 peratus setiap tahun sejak tahun 2010. Bahkan, sektor ini terus berkembang dengan merekodkan pertumbuhan dua digit dari aspek penjana pendapatan serta bilangan pelancong kesihatan.

Bilangan hospital yang berdaftar dengan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) terus meningkat, daripada 34 hospital pada awal EPP ini kepada 74 kini. Hal yang demikian ini membuktikan minat yang tinggi dalam kalangan pemain industri yang berhasrat memperluaskan perkhidmatan mereka di samping meneroka pasaran baharu. Antara hospital yang terlibat dalam EPP ini adalah enam buah hospital KPJ (Pasir Gudang Specialist Hospital, KPJ Klang Specialist Hospital, Pahang Specialist Hospital, Perlis Specialist Hospital, Sabah Medical Centre dan Bandar Dato Onn Specialist Hospital), dua buah hospital Ramsay Sime Darby (Sime Darby Park City dan Sime Darby Ara Damansara) dan Hospital Amanjaya Specialist Centre.

Di samping itu, tiga pejabat MHTC yang ditubuhkan di Jakarta, Dhaka dan Hong Kong kini dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan promosi dan meraih pasaran negara Asia sekali gus memastikan industri ini kekal mampan.

Selain daripada aktiviti promosi bagi meraih pasaran luar negara, MHTC



Dua buah Concierge and Lounge MHTC telah dibuka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

turut melaksanakan program kesedaran (Familiarisation Programme, FAM) bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan khidmat perubatan dan fasiliti kesihatan yang beroperasi di Malaysia. Program tersebut mengetengahkan golongan doktor, pegawai kerajaan, wakil fasiliti kesihatan, syarikat insurans dan wakil media. Hasilnya ketara daripada catatan 80 peratus pelancong kesihatan yang memasuki Malaysia adalah dari negara Asia (2012-2013).

Sementara itu, MHTC terus mendukung pembangunan industri pelancongan kesihatan menerusi program pempakejan perubatan untuk pelancong, bengkel fasilitator pelancongan kesihatan, program PHTE, Minggu Media Sosial, program jalinan kerja sesama pihak berkepentingan dan penyertaan MHTC dalam persidangan APHM.

Pada tahun ini, industri ini meraih RM685 juta berbanding dengan RM724 juta yang disasarkan. Sasaran pertumbuhan dalam industri ini terpaksa dikurangkan pada tahun ini berbanding dengan sasaran awal iaitu RM793.5 juta, ekoran penguncupan pelancong Indonesia yang begitu ketara.

Penguncupan tersebut menandakan perlunya strategi baharu diwujudkan bagi memperluas dan juga mempelbagaikan pasaran pelancong luar negara. Sehubungan dengan itu, MHTC kini melaksanakan usaha penstrukturan dan pemerkasaan terhadap strateginya bagi memastikan sasaran menjelang tahun 2020 industri ini akan terealisasi.

MEWUJUDKAN NEXUS PERKHIDMATAN DIAGNOSTIK

Konsortium swasta, iaitu Diagnostic Services Nexus Sdn Bhd (DSN) berdepan dengan cabaran untuk melanjutkan projeknya disebabkan

kekurangan pakar radiologi dan kurang komitmen jangka masa panjang daripada klien DSN. Lantaran itu, konsortium yang menggabungkan

rakan operasi termasuklah General Electric Healthcare kini mengkaji semula pelan projek yang asal bagi mengatasi isu-isu tersebut.

EPP
6

MEMBANGUNKAN METROPOLIS KESIHATAN:

SEBUAH KAMPUS PENJAGAAN KESIHATAN DAN BIOSAINS BERTARAF DUNIA

Sehingga kini, projek Metropolis Kesihatan yang ingin dibangunkan oleh UM Holdings Sdn Bhd (UMH) belum dapat diteruskan kerana masih berdepan dengan isu bersabit perancangan dan teknikal serta kebimbangan yang disuarakan oleh penduduk setempat khususnya impak lalu lintas di kawasan setempat sehingga menyebabkan kelulusan bagi perancangan projek ini tertangguh. Laporan Penilaian Impak Trafik telah

dikemukakan oleh UMH seperti yang diminta oleh Kerajaan Negeri Selangor dan isu ini sedang menunggu semakan daripada pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ).

Sementara itu, Kerajaan Negeri Selangor juga mensyaratkan sebuah Laporan Penilaian Impak Sosial untuk dilakukan oleh UMH. Perubahan pada tampuk pimpinan Kerajaan Negeri Selangor baru-

baru ini turut mengakibatkan kelewatan kepada projek ini kerana pentadbiran baharu menuntut penangguhan masa untuk mempertimbangkan projek tersebut.

Sehubungan dengan kelewatan ini, UMH akan meneruskan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga MBPJ bagi memastikan projek ini dapat diteruskan.

EPP
7

MEMPERTINGKATKAN INDUSTRI IVD DI MALAYSIA

– MEDIVEN & OLIPRO

Olipro Biotechnology yang ditubuhkan pada 2006 adalah sebuah syarikat berstatus Bionexus yang mengeluarkan kit uji yang mematuhi standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Malaysia. Dua jenis kit yang dihasilkannya adalah kit uji cepat *Olipro HIV 1/2* untuk mengesan dan mengenal pasti HIV jenis 1 dan 2, dan kit *Olipro Bloodcheck LF* untuk mengesan jangkitan *transfusion transmissible infection* (TTI) yang berkemungkinan berlaku sewaktu proses derma darah atau ujian darah.

Projek ini dijangka menyumbang sebanyak RM6.83 juta dalam PNK dengan komitmen pelaburan bernilai RM900,000 di samping menawarkan 38 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Pada ketika ini, Olipro sedang membina sebuah fasiliti pembuatan produknya yang baharu. Tahun ini menyaksikan penghasilan enam produk baharu Olipro yang berjaya memasuki pasaran,

yang turut bertindak memperkukuhkan portfolio produknya. Selain itu, Olipro turut berjaya memperluaskan pasaran produknya ke Indonesia dan Brunei.

Namun begitu, sebuah lagi syarikat di bawah EPP ini iaitu Mediven yang menghasilkan produk untuk mengesan patogen, penyakit genetik dan penyakit lain-lain di peringkat awal tidak berupaya mengembangkan perniagaannya seperti yang dijangkakan. Ini disebabkan oleh

kekurangan pakar profesional dalam industri *in-vitro diagnostic*.

Rentetan itu, Mediven perlu meneruskan kerjasama dengan pihak berkuasa terbabit (antara lain, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dan KKM) bagi memastikan produk perubatan yang dihasilkannya menepati standard yang disyaratkan untuk pasaran tempatan dan juga eksport.

Kit *Olipro Bloodcheck LF* untuk mengesan jangkitan *transfusion transmissible infection* (TTI) sewaktu proses derma darah atau ujian darah



Mediven memberi keterangan produk di gerai pameran mereka sewaktu Hari AIDS Sedunia 2014

EPP
8

MEMPAMERKAN KEBOLEHAN MALAYSIA DALAM PENGHASILAN PRODUK TERAS PERANTI PERUBATAN PAKAI BUANG (SUD)

Vigilenz, sebuah pembuat produk pembedahan berjaya mengembangkan rangkaian senarai produknya dengan penghasilan produk baharu, termasuklah



Seluruh rangkaian produk sutur Vigilenz untuk keperluan pengguna yang berbeza

produk bagi seluruh rangkaian sutur, sutur Hernia (dengan bahan komposit PP/PTFE), produk pengurusan luka, bahan bio untuk pembinaan semula tisu/ *electrospinning*, hemostat dan dresing tidak melekat. Pengembangan rangkaian produk tersebut memerlukan pembinaan kilang baharu. Justeru, Vigilenz kini membina sebuah infrastruktur dengan keluasan 700,000 kaki persegi, yakni empat kali ganda lebih besar daripada keluasan sekarang, dan dijangka siap menjelang Suku Kedua Tahun 2015.

Dalam pada itu, sebuah lagi pembuat peranti perubatan iaitu Karl Mueller Scientific Sdn Bhd (KMS) telah berjaya mendaftarkan produk buatan tempatan

mereka di Indonesia dan dijangka akan memperluaskan pendaftaran produk mereka ke Filipina dan Thailand pada tahun 2015. Bahkan, KMS telah mengukir nama apabila dianugerahkan dengan pensijilan ISO 13485, GDP dan GMP daripada QS Zurich AG.

Walau bagaimanapun, selaku pemain baharu dalam industri tempatan, KMS memerlukan sokongan lanjut daripada pihak berkuasa untuk membantunya menembusi pasaran tempatan. Sehubungan dengan itu, KMS kini bekerjasama dengan beberapa pembuat tempatan bagi meningkatkan tahap penerimaan produk buatan Malaysia di kalangan pengguna tempatan.

EPP
9

MENJADI HAB UNTUK PEMBUATAN KONTRAK PERANTI PERUBATAN BERNILAI TINGGI



Proses melekatkan glu ke atas peranti penyingkir udara buatan Steripack untuk pembedahan kardioraks

Malaysia akan menjadi satu-satunya pengeluar produk untuk mengubati kecederaan kebakaran yang serius bagi jenama Smith & Nephew apabila Steripack Asia memulakan operasinya pada tahun 2015. Steripack Asia, sebuah syarikat baharu di bawah EPP ini akan menerokai pasaran baharu di Malaysia iaitu industri pembuatan peranti perubatan dan farmaseutikal secara hibrid.

Steripack Asia akan memindahkan tapak pembuatan secara kontrak miliknya di Amerika Syarikat ke Malaysia. Cadangan ini dibuat dengan tujuan untuk memanfaatkan kemudahan pembuatan berbentuk hibrid yang unik ini iaitu penghasilan kedua-dua peranti perubatan dan farmaseutikal di tapak

SteriPack

yang sama. Fasilitas Steripack Asia untuk mengeluarkan produk dresing khusus bagi kecederaan kebakaran yang serius kini sedang dibina di Malaysia.

Projek ini dijangka menjana RM2.8 juta PNK menjelang tahun 2020, menyumbang komitmen pelaburan bernilai RM2 juta dan mewujudkan 133 pekerjaan baharu.

Medical Device Corporation (MDC), yang mengumumkan perancangannya untuk menubuhkan hab pengeluaran secara kontrak bagi produk peranti perubatan dan farmaseutikal, telah memeterai perjanjiannya bersama Lucenia selama tiga tahun. Perjanjian tersebut adalah untuk pengeluaran produk dialisis peritoneal yang bernilai RM30 juta.

Sementara itu, MDC turut memeterai perjanjian NDA dengan SG Meditech dengan tujuan pembangunan sebuah peranti baharu berpaten bagi kutipan darah tali pusat. Perjanjian bagi pengeluaran secara kontrak ini akan membolehkan MDC membuat peranti bagi kutipan dan penyimpanan darah sekali gus menyumbang kepada pembangunan teknik penyemperitan *PVC film* dan operasi tetiub.

EPP
10

MEWUJUDKAN PENERAJU PERANTI KLINIKAL MALAYSIA

- SIMA MEDICAL

Sima Medical, project EPP 10 dengan pelaburan sebanyak RM7.7 juta dan penajaan PNK sebanyak RM131.81 juta pada tahun 2020 kini menjalankan penstrukturan dan penyusunan semula

terhadap model perniagaannya. Langkah penstrukturan dan penyusunan termasuk menukar rakan kongsi perniagaan dan mengeluarkan produk peranti perubatan

jenama sendiri supaya tidak terlalu bergantung kepada pengeluaran produk peranti perubatan secara kontrak.

EPP
11

PENYELARASAN RANTAIAN BEKALAN PERALATAN PERUBATAN

- KUMPULAN SYARIKAT UWC



UWC (*Unique, Wisdom, Competent*-Unik, Bijak, Cekap).
Bakat mencetuskan semangat kerja

Pada tahun ini, UWC Holdings berjaya mengembangkan portfolio produknya, di mana mereka berjaya memindahkan pengeluaran peralatan diagnostik kanser yang sebelum ini di Amerika Syarikat ke Malaysia. Pam difusi milik mereka di Amerika Syarikat dan Kanada turut dipindahkan ke Malaysia. Namun begitu, UWC menghadapi pelbagai halangan untuk menembusi segmen pasaran baharu yang termasuk isu tenaga kerja yang masih kurang berkemahiran dalam bidang ini. Peningkatan keupayaan dan kemahiran tenaga kerja memerlukan gabungan usaha yang berterusan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak-pihak berkenaan perlu mengadakan lebih banyak sesi dialog dan perbincangan bersama-sama pihak universiti bagi meneroka peluang untuk menyediakan latihan, R&D, ujian serta pembangunan produk baharu. Hal ini penting bagi memastikan tenaga kerja di Malaysia memperoleh keupayaan yang sewajarnya untuk mengendalikan peranti perubatan berteknologi tinggi ini.

EPP
12

HAB PEMBUATAN PERANTI PERUBATAN BERNILAI TINGGI



Kilang milik Toshiba di Pulau Pinang

Toshiba Medical System Malaysia telah menubuhkan kilang pembuatan sistem mesin ultrabunyi (*Ultrasound*), *transducer*, *printed wired board* dan produk-produk lain yang berkaitan di Pulau Pinang untuk tujuan pengeksporan ke luar negara. Kilang Toshiba di Pulau Pinang mempunyai keluasan sebanyak 7,800 meter persegi dan sudah memulakan operasi pada Disember 2014. Projek ini dijangka akan menjana PNK berjumlah RM51 juta, RM56 juta pelaburan baharu serta membuka 200 peluang pekerjaan baharu.

Penubuhan kilang Toshiba di Pulau Pinang merupakan suatu lakaran penting dalam industri ini memandangkan Toshiba merupakan syarikat pertama di Malaysia yang terlibat dalam pembuatan mesin ultrabunyi (*Ultrasound*) serta sistemnya. Toshiba turut menyasarkan Malaysia sebagai hab eksportnya yang utama di Asia kerana kedudukannya yang strategik, iaitu berdekatan dengan negara ASEAN, negara-negara Timur Tengah serta pasaran Eropah.

EPP
13

MEMBANGUNKAN KLUSTER PERKAKASAN DAN PERABOT PERUBATAN

— LKL

LKL Advance Metaltech Sdn Bhd meneruskan kejayaannya dengan meraih projek dan pesanan yang banyak bagi bekalan perabot perubatannya yang bermutu tinggi untuk kegunaan hospital dan fasiliti kesihatan di Malaysia dan luar negara. Selain daripada projek yang sedia ada, LKL turut mendapat projek baru termasuklah pembekalan perabot perubatan untuk Hospital Gleneagles Sabah dan Johor, UiTM Puncak Alam dan Thomson Medical Centre Pte Ltd.



Fasiliti baharu milik LKL untuk menampung permintaan perabot perubatan buatannya yang semakin meningkat

EPP
14

PRODUK RAWATAN SAKIT BUAH PINGGANG

– FRESENIUS, LUCENXIA, PROLIGEN

Fresenius Medical Care, merupakan pembekal cecair dialisis global dan juga pemain industri utama untuk produk rawatan sakit buah pinggang secara hemodialisis dan dialisis peritoneal, berjaya meningkatkan pengeluaran konsentrat untuk rawatan hemodialisis di kilang pembuatannya yang terletak di Bandar Enstek, Nilai. Penghasilan daripada syif ke-2 ini telah mewujudkan lebih banyak peluang kerja dalam bidang tersebut.

Fresenius baru sahaja menyiapkan tapak untuk pengeluaran produk baharunya iaitu Citrosteril. Pengeluaran ini akan bermula sebaik sahaja peraturan yang disyaratkan diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Proligen Sdn Bhd telah membangunkan pembinaan fasiliti pembuatannya di Tanjung Malim, Perak dan bukan di Gambang, Pahang seperti yang dicadangkan awal. Hal ini berikutan kualiti bekalan air yang lebih bersih di Tanjung Malim. Produk pendialisis dijangka akan dimulakan penghasilannya pada akhir 2015, dan akan diikuti oleh eksport produk tersebut yang dijangka akan bermula pada 2016. Perancangan

bagi pengeksportan produk dialisis ini mencetus potensi tokokan pelaburan bernilai lebih RM120 juta kepada Proligen. Selain itu, Proligen kini dalam usaha melaksanakan projek baharu untuk membina mesin dialisis bersama-sama KKM.

Lucenxia (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan INTELLIS yang direka untuk pesakit buah pinggang

yang kronik, telah meraih pelaburan terealisasi sebanyak RM17.07 juta pada tahun 2014. Lucenxia kini menjalankan ujian klinikal di Malaysia. Sungguhpun berdepan dengan kelewatan projek yang berpunca daripada bilangan peserta yang terlalu terhad dalam ujian klinikal ini, Lucenxia tetap berhasil membuka 16 peluang pekerjaan, bersamaan dengan 64 peratus daripada sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014.



Van *Dialysis at Home* milik Lucenxia yang menawarkan perkhidmatan untuk rawatan dialisis dalam bentuk program rawatan di rumah, menjanjikan keselesaan kepada pesakit

EPP
15

PERKHIDMATAN KESIHATAN BERGERAK

Perkhidmatan kesihatan bergerak boleh dikira masih baharu dalam pasaran tempatan justeru belum ramai pihak yang peka akan kewujudannya. Perbincangan kini diadakan antara pihak NKEA dengan pihak-pihak terbabit supaya perkhidmatan ini atau perkhidmatan penjagaan di rumah disediakan untuk warga pesara dan

juga mengembangkan perkhidmatan ini di luar sempadan Lembah Klang.

Pada waktu yang sama, KKM kini dalam usaha untuk meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 agar perkhidmatan kesihatan bergerak turut termaktub di bawah Akta ini, yang sehingga

kini masih belum terangkum dalam sebarang undang-undang di Malaysia. Hal ini kerana penguatkuasaan daripada pihak berkuasa diperlukan untuk memastikan perkhidmatan ini diiktiraf dan dikawal selia oleh undang-undang sebagai salah satu jenis perkhidmatan kesihatan.

EPP
16

INSTITUSI PENJAGAAN ORANG-ORANG TUA

ECON Medicare Centre and Nursing Home Sdn Bhd merupakan subsidiari Econ Healthcare Group yang diasaskan pada 1987. Kumpulan ini diberi Pengiktirafan bagi Inovasi Perkhidmatan Warga Emas di Majlis Anugerah Inovasi Perkhidmatan Warga Emas peringkat Asia Pasifik 2013. Di Majlis yang sama, Econ turut memenangi hadiah Anugerah Khas Fasiliti Jagaan Warga Emas bagi pusat penjagaannya di Taman Perling.

Di bawah EPP ini, ECON@Cheras berhasrat untuk menyediakan sebuah fasiliti unik yang menggabungkan kampung persaraan dan fasiliti jagaan

warga tua di Cheras. Fasiliti ini akan menyediakan penghuninya dengan kemudahan harian, perkhidmatan perubatan, kesihatan dan juga aktiviti rekreasi. Peneraju projek ini telah membeli sebidang tanah dengan sebuah bangunan kosong di atasnya berkeluasan 5,598 m persegi di Cheras. Pembinaan fasiliti ini dijangka bermula pada pertengahan tahun 2015. Apabila fasiliti ini beroperasi pada 2017 kelak, ECON@Cheras ini akan membuka kira-kira 434 peluang pekerjaan di Malaysia.

Projek ini merupakan projek pertama di Malaysia di mana kampung persaraan dan pusat jagaan warga tua terletak

di tapak yang sama. Fasiliti seperti ini sudah wujud di negara-negara maju seperti Australia dan Amerika. Oleh hal yang demikian, pembinaan sebuah penempatan yang khusus menyediakan semua perkhidmatan bagi penjagaan orang-orang tua di Malaysia berupaya meningkatkan kualiti dan standard sektor ini. Rentetan itu, ECON@Cheras menawarkan lebih banyak pilihan kepada pelanggan sekali gus menangkis stigma sosial yang negatif dan sering kali dikaitkan dengan rumah penjagaan orang tua.



Pusat Penjagaan ECON yang terbaharu di Taman Perling memenangi hadiah Anugerah Khas untuk Fasiliti Jagaan Warga Emas di Majlis Anugerah Inovasi Perkhidmatan Warga Emas peringkat Asia Pasifik 2013

EPP
17

KAMPUNG PERSARAAN

Eden-on-the-Park Sdn Bhd bertujuan membangunkan sebuah kampung persaraan bagi komuniti warga emas dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan warga tua perkhidmatan

penjagaan kesihatan di Kuching agar kemudahan ini menjadi satu tarikan kepada rakyat Malaysia juga meningkatkan standard dan kualiti sektor ini di Malaysia.

Pembinaan kampung persaraan oleh Eden-on-the-Park merupakan perintis dalam industri yang masih baru di Malaysia. Apabila siap kelak, projek ini akan menyediakan lebih banyak pilihan

bagi warga emas dan juga mencetus pembinaan kampung seumpamanya yang lebih banyak di Malaysia.

Projek ini akan menjana PNK sebanyak RM18.5 juta, pelaburan baharu bernilai RM120.1 juta dan 112 pekerjaan baharu. Bahkan, berlatarkan fasiliti bersepadu yang menyediakan tempat tinggal warga emas dan dilengkapi dengan penjagaan kesihatan di dalam fasiliti bercirikan 'gaya hidup aktif' dan 'menua di kawasan kediaman', projek Eden ini merupakan projek yang julung kali seumpamanya dibangunkan di Malaysia.

Projek ini meliputi dua blok (104 unit) yang dibina berasaskan gaya hidup aktif dan bebas, 14 unit villa satu tingkat dan sebuah blok dengan 72 bilik/bilik studio yang memuatkan 144 katil.

Tempat penginapan warga emas ini akan dikendalikan bersama-sama rakan kongsi Eden dalam projek ini, sebuah syarikat yang berpangkalan di Melbourne. Setakat ini, pembinaan projek yang dimulakan pada tahun 2013 tersebut sudah siap 20 peratus



Fasiliti perkhidmatan penjagaan kesihatan milik Eden-on-the-Park yang sedang dibina

pada tahun 2014. Proses pengezonan sedang dilaksanakan pada masa yang sama untuk membina sebuah rumah rawatan dan jagaan orang tua di tapak tersebut.

Projek ini sudah diluluskan oleh UKAS sebagai penerima Dana Mudahcara susulan perjanjian yang ditandatangani pada 27 Oktober

2014 antara Kerajaan Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Eden-on-the-Park Sdn Bhd.

Ringkasan NKEA Penjagaan Kesihatan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	RM35 bilion
Pekerjaan Tambahan	181,000

Sasaran kritikal bagi tahun 2015

- Akta Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta akan diluluskan di Parlimen dan peraturan kawal selia siap menjelang 2015
- Eden-on-the-Park: Komponen penjagaan kesihatan akan mula menawarkan perkhidmatan menjelang April 2015
- Eksport produk farmaseutikal meningkat 10% daripada pencapaian tahun 2014
- Sekurang-kurangnya 40% ujian klinikal dijalankan di fasiliti Kerajaan
- Ketibaan pelancong kesihatan meningkat 15% daripada pencapaian tahun 2014

PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM



Memacu Pertumbuhan dalam Pembuatan Peranti Perubatan

Zamane Abdul Rahman

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengaruh ekoran rakyat yang semakin mewah dan populasi negara yang semakin pesat dalam beberapa tahun kebelakangan telah merancakkan perbelanjaan dalam industri penjagaan kesihatan di Malaysia. Hal yang demikian ini membawa kepada lambakan pelbagai peranti perubatan ke dalam negara, daripada alat mudah seperti termometer hinggalah peranti yang lebih kompleks seperti defibrilator, perentak jantung dan *arterioscopes* tanpa sebarang pematuhan khusus kepada peraturan industri.

Namun, situasi tersebut telah berubah. Pada 2013, sebagai usaha untuk memastikan agar kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pembuatan peranti perubatan di Malaysia terus terpelihara, Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) telah diluluskan oleh badan perundangan negara sebagai langkah kawal selia ke atas sektor ini – dengan mewajibkan pendaftaran oleh sebarang syarikat yang mengimport, mengeksport atau menempatkan peranti perubatan dalam pasaran, dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) terlebih dahulu – suatu langkah yang dialu-alukan oleh pemain industri kerana ia bakal mengangkat standard produk kesihatan yang berjenama 'Buatan Malaysia' sekali gus mendorong pelaburan daripada firma peranti perubatan asing.

Selain itu, pembuatan peranti perubatan juga dikenal pasti sebagai salah satu bidang fokus utama di Malaysia dan kian beranjak ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi dalam

penghasilan produk peranti perubatan. Bersandarkan pengawalseliaan serta pelaburan yang semakin kukuh, Malaysia dilihat bakal mengukir nama sebagai sebuah hab pembuatan peranti perubatan serantau pada tahun-tahun akan datang, sejajar dengan matlamat yang digagaskan oleh NKEA Penjagaan Kesihatan.

“Penguatkuasaan Akta 737 bererti industri ini membuka peluang sama rata kepada peserta industri. Syarikat-syarikat terbabit kini perlu mendapatkan lesen sebelum dibenarkan mengimport, mengeksport atau menempatkan produk peranti perubatan mereka dalam pasaran. Dengan itu, kami dapat membezakan syarikat yang *bona fide* daripada yang bukan *bona fide*,” ujar Zamane Abdul Rahman, ketua eksekutif di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urus industri peranti perubatan serta pemain dalam industri ini di Malaysia.

Menyentuh tentang permohonan yang diterima daripada syarikat-syarikat untuk memasarkan dan mengedarkan peranti perubatan, Zamane menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah menerima lebih 1,700 permohonan daripada syarikat yang mahu mendapatkan lesen permulaan yang diwajibkan ke atas syarikat peranti perubatan sejak pelesenan syarikat peranti perubatan dilancarkan pada Julai 2013. Setakat ini, Pihak Berkuasa tersebut telah memproses lebih 1,400 permohonan dan berjaya mengeluarkan lesen dalam tempoh yang sewajarnya.

Namun demikian, Zamane turut menambah bahawa Pihak Berkuasa Peranti Perubatan berdepan dengan cabaran teknikal dari aspek pendaftaran peranti perubatan yang terdapat dalam pasaran. “Sejumlah 70,000 produk kini berada dalam pasaran, merangkumi produk Kelas A kepada Kelas D, dan angka ini dijangka mencecah 100,000 pada tahun-tahun berikutnya. Bagi mengatasi perkara ini, kami bertindak untuk

mengecualikan beberapa produk yang tersenarai di bawah kategori A, iaitu produk berisiko rendah seperti pembalut kasa. Maka, hanya produk Kelas A yang aktif, steril dan berfungsi sebagai alat pengira, serta produk Kelas B hinggalah Kelas D wajib didaftarkan.”

Sementara itu, Malaysia juga telah meraih kemajuan yang ketara dalam usaha untuk memastikan peraturan dan standard peranti perubatan adalah selaras dengan tanda aras yang diterima pakai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Menurut Zamane, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan memperakui kaedah ujian yang dijalankan oleh pembuat peranti perubatan dan proses kelulusan yang digunakan oleh pengimport yang mematuhi standard antarabangsa serta arahan yang dipersetujui oleh negara serantau, khususnya *ASEAN Medical Device Directive* (AMDD). 10 negara anggota ASEAN kini sedang berusaha mencapai kata sepakat dalam melaksanakan arahan peranti perubatan yang diselaraskan sesama negara anggota dengan tujuan memudahkan pendaftaran peranti perubatan untuk manfaat pemain industri justeru mempertingkatkan pelaburan serta aliran barangan perubatan dalam kalangan negara-negara serantau.

Hal yang demikian ini ialah perkembangan yang amat penting, malah berpotensi untuk membuka laluan kepada pembuat peranti perubatan di Malaysia agar turut menguasai sebahagian pasaran dalam rantau ASEAN, apatah lagi pasaran ASEAN merupakan antara pasaran pengguna yang paling pesat berkembang di dunia. Berlatarkan pengawalseliaan yang telah diperkukuh ke atas industri peranti perubatan, keyakinan yang semakin mendalam terhadap industri ini sudah semestinya menjanjikan masa depan yang lebih cerah bagi golongan pembuat peranti di Malaysia, demikian menurut Zamane.





INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK

MENINGKATKAN DAYA SAING MALAYSIA

Pada 5 Julai 2011, Kerajaan Malaysia mengumumkan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), komponen kedua terpenting dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) di samping 12 lagi NKEA, bagi meningkatkan daya saing Malaysia. ETP tersebut diilhamkan dengan dua teras utama untuk meningkatkan PNK, pekerjaan dan pelaburan melalui kesemua 12 NKEA serta mengukuhkan daya saing yang akan dicapai menerusi SRI.

Terdapat enam SRI iaitu Kewangan Awam; Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan; Pembangunan Modal Insan; Penyampaian Perkhidmatan Awam; Persaingan, Standard dan Liberalisasi; Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera)

Keenam-enam SRI ini adalah berdasarkan 37 langkah-langkah yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) daripada 51 yang dicadangkan. Langkah-langkah yang lain kini diserapkan ke dalam NKEA dan juga Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Kesemua SRI tersebut adalah hasil daripada rundingan yang berlangsung selama enam minggu di enam bengkel sepanjang tahun 2011 yang melibatkan 500 orang dari sektor awam dan swasta.



**PERSAINGAN, STANDARD
DAN LIBERALISASI**



**PEMBAHARUAN
KEWANGAN AWAM**



**MERAPATKAN JURANG
KETAKSAMAAN**



**PERANAN KERAJAAN
DALAM PERNIAGAAN**



**PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI



Tidak diragui lagi bahawa
liberalisasi sektor
perkhidmatan merupakan
satu ledakan kepada
ekonomi negara





Sejak Akta Persaingan 2010 dilaksanakan pada 1 Januari 2012, Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau MyCC semakin giat menjalankan siasatan bagi pelbagai kes yang berkaitan.

Pendekatan serampang dua mata yang diambil oleh MyCC untuk menguatkuasakan undang-undang, melalui pendekatan advokasi dan penyiasatan, telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sejak penubuhannya, MyCC telah mengendalikan secara purata kira-kira 30 program sokongan setiap tahun kepada sektor awam dan juga swasta.

Peningkatan bilangan aduan yang diterima oleh MyCC daripada lapan aduan pada tahun 2012 kepada 72 aduan pada tahun 2014 merupakan bukti berlakunya peningkatan kesedaran terhadap undang-undang dan implikasinya. Sejak tahun 2011 hingga 2014, MyCC telah mengeluarkan 27 nasihat dasar kepada agensi-agensi Kerajaan.

Berbeza dengan program advokasi, proses penyiasatan pula mengambil masa yang agak lama. Sebagai badan penghakiman, MyCC wajar dan sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan proses pengadilannya, dan sangat teliti ketika menganalisis dan mengumpulkan bukti, bagi memastikan fakta kes adalah jelas menunjukkan berlakunya pelanggaran terhadap Akta.

Oleh yang demikian, proses membuat keputusan untuk kes yang mudah pun kadangkala mengambil masa sehingga setahun, manakala kes yang lebih rumit pula mungkin memakan masa bertahun-tahun. Namun, walaupun organisasi ini masih baharu, penyelesaian lapan kes sememangnya adalah amat mengagumkan jika dibandingkan dengan bidang kuasa baharu yang lain, yang sesetengahnya mengambil masa hampir empat tahun sebelum sesuatu kes dapat diselesaikan.

Saya amat berpuas hati dengan usaha yang dilakukan oleh MyCC dan kita seharusnya sama-sama menyokong Suruhanjaya. Matlamat jangka panjang pengenalan undang-undang ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang berdaya saing, menggalakkan inovasi dan mempertingkatkan produktiviti. Kesemua sektor awam dan swasta harus berusaha untuk mencapai matlamat ini.



**Datuk Dr. Ewon Ebin**Menteri Sains,
Teknologi dan
Inovasi**Dato' Sri Mustapa
Mohamed**Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan
Industri

Mesej penting yang ingin disampaikan tentang aspek ini adalah untuk menjadikan kualiti melalui pematuhan standard sebagai faktor utama apabila mempertimbangkan mana-mana produk dan perkhidmatan.

Hasrat saya adalah agar pematuhan standard menjadi faktor penentu pilihan pengguna mengatasi faktor harga.

Walau bagaimanapun, saya berharap syarikat dapat menekankan bahawa penyumbang utama kejayaan produk dan perkhidmatan mereka ialah pematuhan standard. Ini juga bakal menerajui pengkomersialan produk R&D kerana pematuhan standard akan meningkatkan kebolehpasaran dan keyakinan pengguna terhadap produk-produk sedemikian.

Kejayaan pelancaran Program Pematuhan Standard Kebangsaan (NSCP) oleh YAB Perdana Menteri pada 4 Jun 2014 ialah penanda aras pencapaian kita serta kemajuan yang besar pada tahun 2014. NSCP diilhamkan untuk mewujudkan industri peka kualiti yang akan menerapkan standard sebagai pemangkin untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti. Ini dijangka menyebabkan penerimaan yang lebih baik bagi produk dan perkhidmatan tempatan di pasaran dalam negeri dan luar negara, selain meningkatkan daya saing negara untuk membina kekayaan yang akan menyumbang kepada peningkatan kedudukan rantaian nilai ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Usaha untuk mengemaskini peraturan dan mengurangkan halangan birokrasi telah memudahkan dan menggalakkan persekitaran mesra perniagaan di Malaysia. Langkah-langkah sokongan yang telah dilaksanakan termasuk mengurangkan kos untuk memulakan perniagaan dan menubuhkan Pusat Sehenti bagi memudahkan pemprosesan dokumen serta prosedur pentadbiran.

Usaha Malaysia yang berterusan untuk menjadikan negara ini sebagai tempat yang menarik untuk menjalankan perniagaan telah diiktiraf dengan sewajarnya dan kedudukannya bertambah baik dari tangga ke-20 ke tangga ke-18 berdasarkan laporan *Doing Business 2015* oleh Bank Dunia terbitan bulan Oktober 2014. Ini telah meletakkan Malaysia di hadapan negara-negara maju seperti Taiwan, Switzerland dan Jepun. Malaysia juga turut meraih kedudukan pertama di kalangan negara-negara membangun Asia Timur.

Tidak diragui lagi bahawa liberalisasi sektor perkhidmatan merupakan satu ledakan kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa penyedia perkhidmatan tempatan yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam menghadapi persaingan dan tidak bersetuju dengan liberalisasi. Meskipun begitu, usaha liberalisasi akan diteruskan dan kami yakin bahawa penyedia perkhidmatan tempatan akan menyahut cabaran dan lama-kelamaan akan mampu bersaing untuk mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

Petunjuk Prestasi Utama 2014

SRI PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran baharu yang diiktiraf di bawah Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) - Jabatan Pertanian (DoA)	500	533	107	●	100	●	1.0	●
	Bilangan ladang akuakultur baharu yang diiktiraf di bawah MyGAP - Jabatan Perikanan (DoF)	65	67	103	●	100	●	1.0	●
	Bilangan ladang/premis ternakan baharu yang diiktiraf di bawah MyGAP - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)	160	198	124	●	100	●	1.0	●
2	Bilangan produk di bawah Program MyHIJAU	250	353	141	●	100	●	1.0	●
	Bilangan pemohon baharu yang menerima pengiktirafan hijau	60	60	100	●	100	●	1.0	●
3	Syarikat Pengeluaran Makanan yang Dianugerahkan Pensijilan "Makanan Selamat Tanggungjawab Industri" (MeSTI)	500	530	106	●	100	●	1.0	●
4	Bilangan syarikat yang layak mendaftar bagi tujuan mendapatkan geran dan bantuan teknikal berkaitan pematuhan standard melalui Program Pematuhan Standard Kebangsaan (NSCP)	30	77	257	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

SRI PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Bilangan organisasi baharu yang dianugerahkan pensijilan oleh CB bertauliah berdasarkan standard mendatar (MS ISO 9001, MS ISO 14001, MS ISO 22000, MS ISO/IEC 27001, MS 1480, MS 1722)	800	841	105	●	100	●	1.0	●
5	Kelulusan garis panduan bagi penyeragaman prosedur rundingan awam untuk perundangan baharu/ pindaan (untuk peraturan dalam negeri)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
				127%		100%		100%	

Rajah 13.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PERSAINGAN

Laporan *Global Competitiveness Report 2014-2015* oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*, WEF) telah menobatkan Malaysia sebagai negara ekonomi yang ke-20 paling berdaya saing daripada 144 negara. Ini merupakan satu peningkatan berbanding dengan kedudukan ke-24 daripada 148 negara pada tahun sebelumnya. Malaysia juga berada pada kedudukan teratas dalam senarai ekonomi Asia sedang membangun dan dikelaskan oleh WEF sebagai ekonomi kedua paling berdaya saing antara 24 negara yang sedang melalui peralihan daripada ekonomi berasaskan kecekapan kepada ekonomi berasaskan inovasi.

Keahlian Malaysia dalam ASEAN dapat menyediakan platform yang penting untuk kerjasama dalam aspek undang-undang dan dasar persaingan. Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community*, AEC) akan direalisasikan pada tahun 2015 dan merupakan pencapaian penting ke arah integrasi ekonomi di rantau ini. Antara manfaat yang akan diraih daripada penubuhan AEC ialah aliran barangan dan perkhidmatan tanpa had dan aliran modal yang lebih bebas. Komuniti perniagaan di Malaysia perlu bersiap sedia bukan sahaja untuk menghadapi peluang yang semakin banyak malah cabaran yang bakal menyusul daripada integrasi ekonomi serantau ini.

Syarikat-syarikat perniagaan perlu memahami implikasi daripada Akta Persaingan. Justeru, MyCC menjangkakan perlunya kesedaran yang lebih meluas mengenai Akta Persaingan 2010 dalam kalangan perusahaan kecil dan besar, serta persatuan perniagaan. Pengesanan dan penyiasatan kes memerlukan kepakaran ekonomi dan undang-undang yang tinggi dan MyCC terus berhadapan dengan permintaan terhadap sumbernya yang terhad. Cabaran ini perlu diatasi oleh MyCC melalui pembinaan keupayaan yang berimpak tinggi dan mampan.

Unjuran Tahun 2015

Sejajar dengan SRI ini untuk membina persekitaran dan budaya perniagaan yang cekap dan berdaya saing bagi menyokong matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, program pembaharuan ekonomi yang meluas telah dijalankan menerusi Rancangan Malaysia ke-10. Pembaharuan ini mensasarkan pembinaan ekonomi

yang diterajui sektor swasta melalui pemodenan peraturan perniagaan, liberalisasi sektor swasta, penghapusan gangguan pasaran, pengenalan undang-undang persaingan dan penambahbaikan perantaraan antara Kerajaan dengan perniagaan.

Pada tahun 2015, MyCC akan menumpukan usaha meningkatkan kesedaran pengguna dan sektor

perniagaan tertentu, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), serta mendidik pihak berkepentingan mengenai implikasi tipuan bida dan penguatkuasaan. Bagi mencapai matlamat ini, MyCC akan menumpukan pengukuhan keupayaan serta pengetahuan dan kepakarannya dalam undang-undang persaingan.

INISIATIF

MyCC terus menumpukan program sokongan dan berkomunikasi dengan pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta mengenai kepentingan Akta Persaingan 2010. Pada tahun 2014, MyCC mengendalikan 31 program sokongan di seluruh Malaysia.

MyCC telah menerbitkan dua buku panduan baharu bertajuk *Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam* dan *Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida*. Garis panduan yang kedua itu pada asalnya merupakan penerbitan Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan diterjemahkan ke Bahasa Malaysia oleh MyCC. Buku panduan tersebut disediakan untuk membantu pegawai perolehan awam bukan sekadar mengenal pasti dan menghapuskan tipuan bida malah membantu MyCC menyiasat tingkah laku sedemikian.

Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan MyCC bagi merangka 'Senarai Semak Persaingan FMM' untuk ahlinya. Senarai semak yang dilancarkan pada 25 November 2014 ini merumuskan Garis Panduan

Pematuhan MyCC dan menyediakan senarai semak yang mengandungi ulasan dan cadangan tindakan yang perlu diambil. Diharapkan lebih banyak syarikat akan terdorong untuk membina budaya pematuhan yang kukuh terhadap Akta Persaingan 2010.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama MyCC telah menjalankan Penilaian Impak Peraturan (RIA) terhadap sektor pembinaan pada tahun 2014. Matlamat projek RIA adalah untuk meneruskan kajian semula pasaran terhadap badan-badan profesional yang dijalankan oleh MyCC pada tahun 2013, dengan meneliti isu secara menyeluruh bagi mengenal pasti dan memahami dasar penting serta menangani penetapan harga kawal selia, terutamanya dalam sektor pembinaan di Malaysia. Draf laporan akhir dan nasihat dasar kepada agensi Kerajaan telah disempurnakan dan akan dimajukan kepada agensi pusat untuk penilaian dan pertimbangan selanjutnya.

INTIPATI UTAMA

Rejim undang-undang persaingan mengukuhkan landskap untuk syarikat-syarikat perniagaan bersaing dengan bebas berdasarkan kelebihan



Buku panduan mengenai tipuan bida

masing-masing dan dalam medan persaingan yang adil. Dengan inisiatif yang telah dirancang bagi menyokong SRI ini, diharapkan landskap perniagaan yang lebih berdaya saing dan kukuh akan wujud di negara kita. Syarikat-syarikat Malaysia seharusnya mampu berkembang maju dalam persekitaran yang berdaya saing, memandangkan banyak cabaran dan peluang bakal menyusul daripada pelbagai inisiatif perdagangan termasuk melalui platform AEC.

STANDARD

Bagi memastikan daya saing produk dan perkhidmatan Malaysia, beberapa usaha telah diatur untuk meningkatkan ekosistem pembangunan dan penggunaan standard. Langkah-langkah telah dilaksanakan untuk memperkemas dan mengurangkan masa yang diambil untuk pembangunan dan penggunaan *adopted* standard.

Untuk tujuan ini, Standards Malaysia telah melantik beberapa agensi pembangunan standard. Di samping itu, untuk memastikan standard Malaysia setaraf dengan standard antarabangsa, 3,667 standard daripada keseluruhan 6,199 standard Malaysia dibangunkan berdasarkan standard antarabangsa.

Standards Malaysia melancarkan NSCP pada bulan Jun 2014 dengan tujuan meningkatkan pematuhan standard dan menghubungkan inisiatif yang ditawarkan oleh pelbagai agensi Kerajaan. Sejalan dengan usaha ini, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan kesedaran mengenai pematuhan standard



Penandatanganan MoU Kerjasama di bawah NSCP antara SME Corp dengan Standards Malaysia di SMIDEX 2014

melalui penubuhan Pusat Sehati NSCP di Pusat Rujukan Setempat SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan penyediaan Portal NSCP di laman web Standards Malaysia (<http://www.jsm.gov.my/national-standards-compliance-programme>).

Standards Malaysia bekerjasama dengan beberapa agensi termasuk SME Corp, CyberSecurity Malaysia, Majlis Amanah Raya (MAR), Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) serta Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengendalikan beberapa program pembangunan kapasiti bagi industri serta program kesedaran mengenai kepentingan standard dalam kalangan pengguna untuk meningkatkan permintaan terhadap produk yang mempunyai standard.

INISIATIF

MoA telah menggabungkan beberapa skim pensijilan untuk pertanian di bawah MyGAP (dengan slogan *Producing More, Improving Lives*) yang mewakili skim pensijilan menyeluruh bagi sektor pertanian, akuakultur dan ternakan. MyGAP ditanda aras berdasarkan skim pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) antarabangsa seperti GAP ASEAN dan kini dalam proses pengharmonian dengan GAP Global. Justeru, produk yang disahkan oleh MyGAP akan meraih manfaat daripada penjenamaan ini melalui pengiktirafan dan penerimaan pasaran.

Pada tahun 2014, sebanyak 780 ladang telah diiktiraf di bawah MyGAP, yang menjadikan jumlah kumulatif ladang yang diiktiraf sebanyak kira-kira 3,200 buah berbanding dengan kira-kira 2,500 ladang yang diiktiraf pada tahun 2013. Peningkatan bilangan ladang yang diiktiraf ini sebahagian besarnya diraih melalui program jangkauan dan program pembangunan kapasiti yang

Unjuran Tahun 2015

Syarikat perniagaan di Malaysia perlu mengguna pakai standard sebagai sebahagian daripada budaya kualiti bagi mendukung hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Standards Malaysia akan meneruskan usaha samanya dengan agensi-agensi Kerajaan untuk menggalakkan pematuhan standard.

Kebanyakan PKS masih beranggapan bahawa pematuhan standard dan pensijilan sebagai kos dan bukannya pelaburan yang akan menghasilkan pulangan pada masa akan datang. Isu ini telah lama wujud memandangkan sebahagian besar penggunaan standard adalah secara sukarela dan masih kurangnya pemahaman mengenai keperluan dan kepentingan standard. PKS perlu diyakinkan tentang nilai penggunaan standard yang bukan sahaja akan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka bahkan turut meningkatkan akses kepada pasaran.

dianjurkan oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Pertanian (DoA), Jabatan Perikanan (DoF) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Sebanyak 41 program pembangunan kapasiti dijalankan yang melibatkan kira-kira 1,740 petani, dan melalui program ini, maklumat mengenai keperluan MyGAP disebarluaskan termasuk khidmat nasihat mengenai proses pensijilan.

Program kesedaran turut dijalankan oleh MoA untuk menguar-uarkan pensijilan MyGAP kepada pengguna melalui kerjasama dengan pasar raya besar bagi menganjurkan kempen promosi untuk menonjolkan produk-produk yang disahkan oleh MyGAP.

Di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA),

Memandangkan begitu banyak PKS terlibat dalam industri makanan, langkah-langkah akan diambil untuk mendorong lebih banyak PKS mendapatkan pensijilan yang berkaitan seperti Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP), Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Amalan Pengilangan Baik (GMP), Analisis Bahaya Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan pensijilan Halal.

Selain program pembangunan kapasiti, Standards Malaysia akan memperkenalkan aktiviti baharu, iaitu Audit Teknologi. Program ini akan mengkaji semula jurang pelaksanaan sebagai cara untuk membantu industri menerima guna standard serta meningkatkan produktiviti dan kualiti. Program ini bertujuan membantu membina industri yang dikawal selia sendiri sebagai pemacu daya saing negara.

Pada tahun 2015, Standards Malaysia akan menjalankan kajian terhadap syarikat terpilih mengenai impak pematuhan standard dari segi ekonomi terhadap

kebolehpasaran produk dan perkhidmatan mereka; serta peningkatan kecekapan dan produktiviti. Matlamat kajian ini adalah untuk menonjolkan kejayaan syarikat perniagaan ini dalam pematuhan standard yang diharapkan dapat membantu menggalakkan penggunaan standard.

Sejajar dengan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan standard, Standards Malaysia akan melantik lebih banyak Badan Penilaian Pematuhan (CAB) untuk mempercepat proses pensijilan. Untuk memperoleh pensijilan, produk perlu melalui prosedur penilaian pematuhan termasuklah ujian makmal.

Justeru, kemudahan ujian yang sedia ada mungkin perlu dinaik taraf untuk mempertingkatkan infrastruktur pengujian produk di Malaysia. Ini bukan sahaja akan membantu industri perkilangan menjadi lebih berdaya saing malah turut mempromosikan industri perkhidmatan negara dan membantu Malaysia menjadi sebuah hab pengujian.

SRI ini melepasi KPInya pada tahun 2014 apabila mencapai 127 peratus daripada sasaran keseluruhannya. Kementerian dan agensi semakin menitikberatkan standard disebabkan oleh kepentingannya dalam ETP. Usaha telah dipertingkatkan untuk menggabungkan dan memperkemas inisiatif bagi memastikan sasaran yang ditetapkan akan tercapai.

Penggunaan standard dapat dipertingkatkan sekiranya kekangan sumber dapat diatasi, termasuk lebih banyak kemudahan pengujian dan kempen untuk membangkitkan kesedaran mengenai insentif yang ada bagi pematuhan dan pensijilan. Langkah-langkah untuk meningkatkan permintaan dalam negara bagi barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti mungkin perlu dipertimbangkan juga. Ini termasuklah memastikan lebih banyak standard mandatori terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan.

353 produk telah memperoleh pensijilan menerusi program MyHIJAU. Program ini merupakan inisiatif MGTC, iaitu sebuah agensi KeTTHA

yang bermatlamat menggalakkan penerapan amalan yang lebih mesra alam sekitar di negara kita untuk menyokong komitmen Kerajaan dalam

mengurangkan pelepasan karbon. Program MyHIJAU yang merangkumi inisiatif Tanda MyHIJAU dan Direktori MyHIJAU bertujuan menggalakkan pencarian dan pembelian barangan dan perkhidmatan yang mesra alam sekitar. Produk yang mempunyai Tanda MyHIJAU memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa standard alam sekitar dan ekologi yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa telah dipenuhi dalam penghasilan produk yang disahkan ini.

Selain itu, 60 syarikat baharu menerima pengiktirafan hijau pada tahun 2014 daripada MGTC. Matlamat pengiktirafan hijau ini adalah untuk menggalakkan penghasilan produk dan perkhidmatan hijau di dalam negeri, bagi mencapai sasaran negara untuk mengurangkan keamatan karbon sebanyak 40% menjelang tahun 2020 (berbanding dengan tahun 2005). Pengiktirafan hijau



Penerima sijil di Konvensyen Pensijilan MyGAP dan Skim Organik Malaysia (SOM) yang diadakan pada bulan Disember 2014



Penandatanganan MoU Kerjasama di bawah NSCP antara MGTC dengan Standards Malaysia di IGEM 2014

ini juga akan menyediakan asas kepada syarikat-syarikat ini untuk berusaha mendapatkan Tanda MyHIJAU.

KKM meneruskan usaha pensijilan syarikat pemprosesan makanan untuk memastikan pematuhan terhadap Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah program MeSTI. Matlamat MeSTI adalah untuk menyediakan sistem bagi mengekalkan kebersihan makanan dan kawalan proses yang merangkumi jaminan keselamatan makanan dan kebolehesanan makanan. Pematuhan terhadap MeSTI akan berfungsi sebagai batu asas kepada perusahaan mikro dan PKS di Malaysia untuk menjadi pengeluar dan pengekspor utama produk makanan dengan memudahkan pematuhan keselamatan dan kualiti makanan. Program ini turut berperanan sebagai batu loncatan kepada syarikat untuk memperoleh pensijilan di bawah GMP dan HACCP.

Pada tahun 2014, sejumlah 530 syarikat mematuhi MeSTI, iaitu peningkatan sebanyak 21.5 peratus daripada 436 premis pada tahun 2013. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh program kesedaran yang dijalankan untuk menerangkan peri pentingnya mematuhi MeSTI, selain program pembangunan kapasiti yang diadakan

untuk pengilang. KKM mengadakan perjumpaan dengan jabatan Kerajaan yang berkenaan untuk merangkumkan pematuhan terhadap MeSTI dalam program sedia ada (seperti pensijilan Halal, penyertaan sebagai pembekal dalam KR1M).

NSCP yang merupakan inisiatif penting bagi pematuhan standard telah dilancarkan pada bulan Jun 2014 untuk mempromosikan program pembangunan kapasiti bersasaran. Standards Malaysia bekerjasama dengan empat agensi pelaksana,

iaitu SME Corp, MARA, MGTC dan CyberSecurity melalui program jangkauan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan PKS dan menggalakkan mereka mendaftar untuk NSCP.

Standards Malaysia turut menganjurkan beberapa ceramah ringkas mengenai NSCP melalui penyertaannya dalam acara utama seperti Pameran Tahunan PKS (SMIDEX), Pameran & Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko Malaysia (IGEM), Pameran Pertanian, Hortikultur & Pelancongan Tani Malaysia (MAHA), Pesta Halal Malaysia (HALFEST) serta Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE).

Hasil daripada inisiatif yang dijalankan ini, 77 syarikat layak mendaftar untuk menerima bantuan kewangan dan teknikal bagi tujuan pensijilan melalui NSCP pada tahun 2014.

Di bawah NSCP, program Pembangunan Kapasiti Industri (CBI) dijalankan untuk menggalakkan industri mengguna pakai standard dalam perniagaan masing-masing. CBI dikendalikan di seluruh negara berdasarkan standard mendarat seperti MS ISO 9001, MS ISO 14001, MS ISO 22000, MS ISO/IEC 27001, MS 1480 dan MS1722.



Pelancaran rasmi Direktori MeSTI 2013 oleh Dato' Nizar bin Mohamad, Exco Perak dengan Pn. Noraini Dato' Mohd Othman dari KKM di Karnival Keselamatan Makanan di RTC, Perak

Bilangan organisasi baharu yang menerima pensijilan daripada syarikat yang diakreditasi berdasarkan standard mendatar meningkat sebanyak 20.6 peratus kepada 841 pensijilan, berbanding dengan 697 pensijilan pada tahun 2013.

CyberSecurity Malaysia terus memfokuskan usaha untuk menambah bilangan produk di bawah Kriteria Umum bagi Jaminan Penilaian Tahap 2 (EAL2) ISO 15408. Pada tahun 2014, tiga produk ICT diiktiraf, menjadikan jumlah produk ICT yang mempunyai Standard Kriteria Umum sebanyak 44.

Standard *Common Criteria* telah diwajibkan di beberapa negara membangun terutamanya untuk organisasi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara masing-masing. Berdasarkan kajian Indeks Keselamatan Siber Global (GCI) yang dijalankan oleh ABI Research dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada bulan Disember 2014, Malaysia berada pada kedudukan ketiga daripada 193 negara. GCI mengukur tahap komitmen negara terhadap keselamatan siber dan memfokuskan lima bidang kerja: langkah-langkah perundangan, langkah-langkah teknikal, langkah-langkah pengurusan, pembinaan keupayaan dan kerjasama. Asas pertimbangan untuk langkah-langkah teknikal merangkumi standard dan pensijilan.

Meskipun kesedaran mengenai manfaat pematuhan standard kian meningkat berikutan lebih banyak usaha terselaras dijalankan antara pelbagai Kementerian dan agensi untuk mempromosikan standard, cabaran utama bagi penerimgunaan standard tetap sama, iaitu ia dianggap sebagai amalan sukarela. Tanpa keperluan wajib dan permintaan yang mendesak daripada pasaran, banyak syarikat melihat standard dan pensijilan sebagai sesuatu yang tiada nilai tanggapan.



Bengkel mengenai standard makanan dan sesi pemadanan perniagaan di Johor Bahru anjuran Standards Malaysia

INTIPATI UTAMA

Dalam beberapa tahun ini, inisiatif yang melibatkan standard telah berkembang daripada pembangunan standard ke arah pematuhan industri. Walaupun penggunaan dan pematuhan terhadap standard telah meningkat, tahap

keseluruhannya masih lagi rendah secara relatif.

Oleh itu, penekanan perlu diberikan pada usaha mewujudkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang mematuhi standard. Kementerian



92 syarikat terkemuka di Malaysia menerima sijil keselamatan maklumat yang berprestij seperti *Common Criteria* daripada CyberSecurity Malaysia

dan agensi mungkin perlu bersepakat dan menjadikan pensijilan dan pematuhan standard sebagai prasyarat untuk program masing-masing.

Permintaan dalam negeri juga seharusnya membantu melonjakkan tahap pematuhan standard, yang dapat dicapai melalui program kesedaran.

Untuk membantu syarikat dalam proses pensijilan, bilangan kemudahan pengujian dan kapasiti badan pengujian hendaklah ditingkatkan seiring dengan kajian semula insentif.

Sasaran akhir inisiatif ini adalah agar Malaysia menjadi berdaya saing melalui penggunaan standard.

Terdapat keperluan untuk bekerjasama dengan Kementerian dan agensi bagi menggalakkan penerimgunaan standard. Promosi dan kerjasama yang berterusan dengan rakan kongsi strategik juga hendaklah diperkukuh untuk memastikan mesej tersebut sampai kepada khalayak yang betul.

LIBERALISASI

Kedudukan Malaysia bertambah baik dari tangga ke-20 ke tangga ke-18 menurut laporan *Doing Business 2015* oleh Bank Dunia yang diterbitkan pada bulan Oktober 2014, sebahagiannya disebabkan oleh usaha meliberalisasikan ekonomi dan meringankan beban birokrasi pada syarikat perniagaan. Meskipun manfaatnya kepada sektor perkhidmatan mula kelihatan dalam bentuk tahap aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi, inisiatif untuk memanfaatkan peluang yang tercetus daripada liberalisasi masih lagi terpisah-pisah dan perlu disepadukan.

Pada tahun 2013, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar KDNK dengan sumbangan sebanyak 55.2 peratus berbanding dengan 54.2 peratus pada tahun 2011 dan 54.6 peratus pada tahun 2012. Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan menyumbangkan 55.3 peratus kepada KDNK. Jumlah pelaburan bagi sektor perkhidmatan juga meningkat sebanyak 1.3 peratus daripada RM147.7 bilion pada tahun 2013 kepada RM149.6 bilion pada tahun 2014.

Memandangkan wujudnya kerjasama yang ketara dan semakin kukuh antara perkhidmatan dengan penghasilan barangan, kesan pembangunan sektor



Pelancaran Garis Panduan mengenai Prosedur Rundingan Awam oleh Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Malaysia

perkhidmatan tersebar ke seluruh ekonomi. Sektor perkhidmatan yang dinamik akan melengkapi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam sektor-sektor lain.

PKS yang terlibat dalam subsektor yang diliberalisasikan turut menyaksikan sumbangan mereka dalam bentuk peningkatan aktiviti bernilai tambah

pada kadar yang ketara sekali tingginya. Namun begitu, banyak PKS masih menunjukkan tahap kesediaan eksport yang rendah serta tahap kebergantungan yang tinggi terhadap syarikat-syarikat yang lebih besar untuk mendapatkan sokongan ketika melangkah ke persada antarabangsa.

Unjuran Tahun 2015

Kerjasama yang lebih erat antara sektor perkilangan dengan sektor perkhidmatan akan dipupuk dalam ekosistem dan rantai nilai industri terpilih. Rangka Kerja Pemangkin Perniagaan (BEF) akan turut digunakan untuk mengkaji semula serta memperkemas prosedur dan proses bagi memudahkan pelabur dan menambah baik persekitaran perniagaan.

Untuk ketelusan, BEF yang mendokumenkan instrumen dasar seperti permit, lesen, pendaftaran, kelulusan dan penilaian yang perlu dipatuhi oleh entiti perniagaan tempatan dan asing, telah dimuat naik di <http://myservices.miti.gov.my>.

Sektor logistik merupakan komponen penting kepada prestasi ekonomi negara dan menjadi tulang belakang

untuk memudahkan perdagangan antarabangsa. Untuk memastikan sektor logistik yang lebih cekap, Kerajaan sedang merangka Pelan Induk Pemudahan Perdagangan dan Logistik untuk menyediakan hala tuju strategi bagi pembangunan infrastruktur logistik dan rantai bekalan serta untuk mengkaji semula peraturan dan undang-undang.

Analisis KPI Tahun 2014

Garis panduan mengenai Prosedur Rundingan Awam telah dimuktamadkan, dengan itu sasaran KPI telah tercapai 100 peratus. Kejayaan ini sebahagian besarnya diraih hasil sokongan daripada Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC), yang berperanan memantau proses liberalisasi dan usaha oleh MPC. Beberapa sesi interaksi dengan pihak berkepentingan dianjurkan oleh MPC untuk mendapatkan maklum balas mengenai garis panduan tersebut. Matlamat garis panduan ini adalah untuk menyenaraikan prinsip panduan bagi melaksanakan rundingan awam yang berkesan. Prinsip tersebut akan membantu meningkatkan ketelusan, koresponsifan, akauntabiliti dan ketercapaian rundingan, yang akan mengurangkan beban peraturan yang tidak diperlukan dalam negara.

INISIATIF

Pada tahun 2014, MSDC telah berusaha menangani ketidakcekapan operasi dalam penyampaian perkhidmatan dan mengkaji semula peraturan. Usaha tersebut dijalankan dengan matlamat memberikan panduan dalam penggubalan peraturan yang berkualiti,

di samping mengurangkan atau menghapuskan prosedur birokrasi yang rumit dan mahal. Beberapa inisiatif dijalankan untuk mempertingkatkan ketelusan, kebolehhajatan dan kesepakatan bagi mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan pengawalseliaan. Ini merupakan inisiatif penambahbaikan berterusan yang sedang dijalankan untuk membantu pelabur.

Selain itu, MPC mengetuai Kumpulan Kerja Rangka Kerja Institusi dan Perundangan untuk mengenal pasti prosedur formal Kerajaan serta mengkaji semula dan menghapuskan peraturan yang tidak diperlukan oleh sektor perkhidmatan, termasuklah sektor seni bina, pembinaan, penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Malaysia telah meliberalisasikan 45 subsektor perkhidmatan secara autonomi. Daripada jumlah ini, 27 subsektor diumumkan pada tahun 2009 manakala 18 subsektor lagi diumumkan pada tahun 2012. Pindaan Akta bagi tiga subsektor terakhir, iaitu perkhidmatan seni bina (Akta Arkitek 1967), perkhidmatan kejuruteraan (Akta Pendaftaran Jurutera 1967) dan perkhidmatan pengukuran bahan (Akta Juruukur Bahan 1967) daripada pakej tahun 2012 telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2014.

Inisiatif anjuran MSDC ini merangkumi pembangunan keupayaan dan modal insan yang memfokuskan penggunaan perdagangan elektronik (e-dagang) untuk perdagangan beragihan di Malaysia. Unit e-perniagaan akan diwujudkan di Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan SME Corp untuk menyediakan khidmat nasihat mengenai e-perniagaan dan e-dagang untuk membantu mempercepat kemajuan perdagangan beragihan melalui e-dagang serta mempromosikan Hala Tuju 354 Digital Malaysia (*DM 354 Roadmap*).

INTIPATI UTAMA

Memandangkan kerjasama antara sektor perkilangan dengan sektor perkhidmatan semakin erat, ekosistem dan rantai nilai industri yang berkaitan akan dikenal pasti. Penyedia perkhidmatan di Malaysia juga perlu memanfaatkan setiap peluang yang terhampar di hadapan mereka hasil daripada liberalisasi sektor perkhidmatan, bukan sahaja di dalam negeri bahkan di dalam rantau melalui AEC dan pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas yang telah ditandatangani oleh Malaysia.

PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM



Sejak empat tahun yang lalu, pelibatan aktif sektor swasta telah memberi Kerajaan lebih ruang untuk mengurangkan imbalan defisit termasuk antara lainnya mengurangkan perbelanjaan menggunakan langkah-langkah seperti rasionalisasi subsidi





**Dato' Seri Ahmad Husni
Mohamad Hanadzlah**
Menteri Kewangan II



Selepas Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998, sektor swasta telah memperlihatkan pola perbelanjaan yang sangat lembap serta jumlah pelaburan semakin berkurangan, berikutan itu, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan serta-merta untuk menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sepanjang tahun 1999 sehingga tahun 2009, Kerajaan terus memainkan peranan yang lebih besar untuk memacu perkembangan ekonomi negara memandangkan kekurangan aktiviti pertumbuhan dalam sektor swasta.

Sejak pelancaran Model Ekonomi Baru pada tahun 2009 dengan objektif utama untuk menggerakkan perkembangan ekonomi Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan cara yang mampan dan terangkum, diikuti oleh pelaksanaan Program Transformasi Negara pada tahun 2010, sumbangan pelaburan oleh sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia telah memperlihatkan peningkatan.

Sejak empat tahun yang lalu, pelibatan aktif sektor swasta telah memberi Kerajaan lebih ruang untuk mengurangkan imbalan defisit termasuk antara lainnya mengurangkan perbelanjaan menggunakan langkah-langkah seperti rasionalisasi subsidi. Defisit bajet persekutuan pada tahun 2014 telah dapat dikurangkan kepada 3.5 peratus KDNK berbanding dengan kadar 3.9 peratus pada tahun 2013.



PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM


Dengan pertumbuhan KDNK pada kadar enam peratus bagi tahun 2014 berbanding dengan jangkaan sebanyak lima hingga enam peratus dan pemberhentian pemberian subsidi bahan api menerusi mekanisme apungan terkawal (*float mechanism*), sasaran defisit fiskal mencecah 3.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2014. Pada tahun 2014, bil subsidi bahan api (termasuk bantuan wang tunai) berjumlah RM23.6 bilion, atau 2.2 peratus daripada KDNK.

Malaysia juga sedang mengurangkan kebergantungan pada hasil berasaskan minyak. Daripada kadar yang tinggi sebanyak 41 peratus pada tahun 2009, sumbangan minyak dan gas kini hanya berada pada kadar 30 peratus daripada keseluruhan hasil Kerajaan, atau bernilai RM66 bilion. Jumlah sebanyak RM66 bilion ini merangkumi dividen PETRONAS yang berjumlah RM29 bilion manakala selebihnya adalah daripada cukai berasaskan minyak dan penerimaan bayaran royalti. Meskipun kadar perbelanjaan kerajaan semakin berkurangan, kejatuhan harga minyak mentah Brent mulai bulan Julai 2014, diikuti oleh kejatuhan yang semakin mendadak pada bulan September 2014 sehingga mencecah kurang daripada AS\$ 60 setong menjelang bulan Disember

2014, telah menjejaskan jumlah hasil Kerajaan bagi tahun 2014.

Sasaran pengukuhan fiskal terbesar yang dilakukan oleh Kerajaan, telah dicapai pada 21 November 2014, apabila Kerajaan mengumumkan untuk melaksanakan mekanisme penetapan harga minyak secara apungan terkawal bagi petrol RON 95 dan diesel. Mekanisme baharu ini membolehkan Kerajaan menamatkan subsidi bahan api di pam yang telah diperkenalkan sejak 16 tahun dahulu. Subsidi yang masih kekal ialah super subsidi bagi pengangkutan awam, industri terpilih termasuk perikanan dan bot di sungai (bagi kawasan pedalaman). Pelaksanaan langkah ini dijangka akan menjimatkan kira-kira RM10.7 bilion dalam perbelanjaan Kerajaan pada tahun 2015.

Harga Harian 2014-Harga Minyak Mentah Brent (AS\$ setong)



Sumber: U.S. Energy Information Administration

Rajah 14.1

Unjuran Tahun 2015

Dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia yang amat mendadak yang hanya menstabil sedikit sekitar AS\$50 pada bulan Disember 2014, ditambah pula oleh kesan musibah banjir yang melanda beberapa buah negeri pada penghujung tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula Bajet 2015, demi mengukuhkan ketahanan ekonomi dan memberi bantuan kepada orang awam dan peniaga. Unjuran pertumbuhan KDNK bagi tahun 2015 telah disemak semula kepada kadar antara 4.5 peratus dan 5.5 peratus.

Menjelang April 2015, Kerajaan juga akan melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*) pada kadar enam peratus yang akan menambah hasil Kerajaan dalam tempoh jangka panjang. Cukai GST akan menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (*Sales Tax and Service Tax, SST*) yang dikenakan pada masa sekarang, pada kadar 10 peratus dan enam peratus masing-masing.

Pelaksanaan cukai GST berasaskan pengguna ini akan meluaskan dan membantu menambah hasil Kerajaan dalam jangka masa panjang, kesan cukai GST pada sasaran bajet defisit dan

kesan sebenar pada tahun 2015 adalah minimal.

Pelaksanaan cukai GST bererti cukai SST akan dimansuhkan, seterusnya mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak RM13.8 bilion. Dengan jangkaan kehilangan hasil daripada barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan cukai (sejumlah RM3.8 bilion), kutipan kasar hasil cukai GST hanya berjumlah RM5.6 bilion selepas ditolak kutipan yang dianggarkan boleh diperolehi daripada SST dan senarai barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan cukai.

Daripada RM5.6 bilion, sejumlah RM4.9 bilion akan disalurkan semula kepada rakyat menerusi program bantuan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia. Hasil bersih tambahan daripada cukai GST ialah RM690 juta.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk mengurangkan kadar cukai individu dan cukai syarikat sebagaimana diumumkan semasa pembentangan Bajet 2015. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kesan inflasi yang mungkin berlaku daripada pelaksanaan cukai GST. Di antara pelepasan cukai individu dan isi

rumah termasuklah penurunan kadar cukai antara satu hingga tiga peratus, mengakibatkan sejumlah 300,000 orang pembayar cukai dikecualikan daripada membayar cukai. Pembayar cukai berkeluarga dengan pendapatan sebanyak RM4000 sebulan akan dikecualikan daripada membayar cukai individu pada tahun 2015. Kadar cukai syarikat juga akan dikurangkan sebanyak satu peratus, selain memberi pelepasan bagi yuran memfail cukai dan kerja-kerja kesetiausahaan.

Sementara itu, tarikh sasaran bagi pelaksanaan perakaunan akrual, yang pertama kali disarankan oleh Kerajaan pada tahun 2010, telah ditunda dari bulan Januari 2015 ke bulan Januari 2016. Ini adalah disebabkan oleh ketidakupayaan firma pembekal bagi pembangunan sistem untuk memenuhi tarikh pelaksanaan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap menggalakkan ketelusan yang lebih dalam menyediakan laporan kewangan sektor awam dan akan memastikan bahawa tarikh pelaksanaan yang baharu akan dicapai.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

SRI PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Langsung (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) (RM juta)	1,795	1,990	111	●	100	●	1.0	●
2	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Tidak Langsung - (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) (RM juta)	110	159.64	145	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

SRI PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
3	Pelaksanaan Aktiviti bagi Perakaunan Akruan untuk tahun 2014	100%	81.3%	81	●	81	●	0.5	●
5	Menyingkirkan Pembekal/Penyedia Perkhidmatan yang tidak cekap (berdasarkan aduan yang diterima)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
6	Pelaksanaan Aktiviti bagi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk tahun 2014	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
				107%		96%		90%	

Rajah 14.2

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Analisis KPI Tahun 2014

SRI berjaya melebihi sasaran KPI bagi tahun 2014 kecuali untuk pelaksanaan perakaunan akruan melalui pencapaian inisiatif seperti aktiviti bagi pelaksanaan GST dan kutipan hasil. Kejayaan mencapai sasaran adalah disebabkan oleh pelaksanaan proses-proses berkaitan yang lebih efisien yang diusahakan oleh Kerajaan.

Terutamanya, Kerajaan telah memperoleh tambahan hasil daripada cukai tidak langsung bernilai RM159.64

juta pada tahun 2014, melebihi sasaran sebanyak RM110 juta. Kutipan hasil cukai langsung berjumlah RM1.99 bilion berbanding dengan sasaran RM1.80 bilion. Satu-satunya ketidakcapaian SRI tahun 2014 ialah dalam bahagian pelaksanaan aktiviti bagi perakaunan akruan disebabkan oleh faktor-faktor luaran yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaannya.

INISIATIF-INISIATIF

PENGUKUHAN PENTADBIRAN DAN PEMATUHAN CUKAI (CUKAI LANGSUNG)

Pada tahun 2014, Kerajaan memungut sejumlah RM1.99 bilion dalam hasil tambahan menerusi kutipan

cukai langsung. Kejayaan ini adalah kerana tindakan meluaskan liputan siasatan dan kerja audit lapangan serta meluaskan asas pencukaaian, serta peningkatan kecekapan dalam penyerahan dan kutipan cukai.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui penugasan semula pegawai audit kepada industri/individu tertentu yang disasarkan serta penambahbaikan dalam sistem teknologi maklumat yang diguna oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

PENGUKUHAN PENTADBIRAN DAN PEMATUHAN CUKAI (CUKAI TAK LANGSUNG)

Pada tahun 2014, Kerajaan berjaya mendapat hasil tambahan sebanyak RM159.64 juta daripada kutipan cukai tidak langsung, satu angka yang melebihi sasaran RM110 juta. Kejayaan ini adalah kerana langkah yang diambil untuk mengarah kerja-kerja pengauditan khusus dibuat terhadap beberapa industri terpilih, akibat pembaikan dalam bahagian audit dan penguatkuasaan Kastam Diraja Malaysia. Tambahan pasukan sementara juru audit juga menyumbang kepada pencapaian tersebut.

PERAKAUNAN AKRUAN

Sasaran untuk mencapai 100 peratus semua langkah inisiatif yang dirancang gagal dicapai kerana ketidakupayaan vendor yang membekalkan perkhidmatan pembangunan sistem untuk menepati garis masa yang ditetapkan. Dengan itu, tidak dapat tidak kelewatan berlaku dalam pelaksanaannya, namun Kerajaan tetap komited untuk memperkenalkan sistem perakaunan akrual sepenuhnya menjelang akhir tahun 2015, supaya sasaran memperkenalkan sistem ini pada tahun 2015 tercapai. Sehingga kini, 81 peratus daripada aktiviti terancang bagi pelaksanaan perakaunan akrual telah disiapkan. Meskipun tarikh pelaksanaan terpaksa ditunda, Jabatan Akauntan Negara yakin akan dapat melancarkan sistem perakaunan akrual dengan sepenuhnya menjelang Januari 2016, menjadikan masa pelaksanaan di Malaysia lebih cepat berbanding dengan lain-lain negara yang mengambil masa lebih daripada lima tahun untuk melaksanakan sistem perakaunan akrual.

MENYINGKIR PEMBEKAL BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK CEKAP

Kementerian Kewangan mempertimbangkan semua aduan tentang syarikat-syarikat tidak cekap

dalam senarai pembekal berdaftar Kementerian Kewangan bagi perolehan Kerajaan yang diterima daripada Kementerian dan agensi. Aduan-aduan tersebut adalah disebabkan oleh prestasi tidak memuaskan dari segi menepati tempoh masa pembekalan bahan atau penyediaan perkhidmatan oleh vendor. Syarikat-syarikat ini diberikan surat amaran atau dilarang selama-lamanya daripada menyertai mana-mana proses perolehan Kerajaan.

PELAKSANAAN AKTIVITI GST PADA TAHUN 2014

Berikutan pengumuman GST yang dibuat pada tahun 2013, Kementerian Kewangan berjaya menjalankan semua aktiviti yang dirancang bagi tahun 2014, termasuklah membentangkan dan mendapat kelulusan Rang Undang-Undang GST di Parlimen, program komunikasi serta latihan.

Pada tahun 2014, Kementerian Kewangan telah melatih lebih daripada 250 orang penceramah GST yang mahir dan lebih daripada 1,400 program, ceramah dan lawatan GST yang melibatkan penyertaan orang awam, industri dan Kerajaan. Sejumlah lebih daripada 76,000 orang awam dan 150,000 peserta daripada syarikat perniagaan telah menyertai program GST yang dilaksanakan.

Kementerian Kewangan juga telah menyemak semula senarai barang dan perkhidmatan yang dikecualikan dan tidak kena cukai (*exemption and zero rated*), bertujuan mengenal pasti lebih banyak item yang tidak akan dikenakan cukai GST. Antara barangan tersebut ialah buah-buahan, roti putih dan roti mil penuh, kopi dan serbuk koko, serbuk teh, mi kuning, kuey teow, bihun, lebih daripada 2,900 jenama ubat bagi merawat penyakit seperti lemah jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi, kanser dan rawatan kesuburan, bahan bacaan pelajar dan suratkhbar. Penggunaan tenaga elektrik kurang daripada 300 unit (dianggarkan akan memanfaatkan 70 peratus pengguna

isi rumah) dan jualan minyak petrol RON 95, diesel dan LPG, juga akan diberi pelepasan daripada pembayaran cukai GST.

Intipati Utama

Kerajaan menyedari bahawa kejayaan pembaharuan dalam kewangan awam memerlukan sokongan rakyat. Justeru, Kerajaan akan tambah secara berterusan memberi pendidikan kesedaran dan menggalak pelibatan rakyat dalam usaha untuk melaksanakan kewangan awam yang berhemah.

Seterusnya, cabaran utama ialah memastikan Kerajaan berjaya mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020. Dalam usaha mencapai bajet seimbang pada tahun 2020, Kerajaan akan mengurangkan subsidi lain yang mengherotkan pasaran, khususnya dalam kegiatan mengimport kereta, industri perkapalan dan pemberian insentif cukai syarikat PKS.

Harus disedari bahawa matlamat pembaharuan dalam pengurusan kewangan awam ialah untuk membelanjakan dana Kerajaan dengan lebih efisien (tanpa pembaziran) dalam bidang seperti menyediakan jaringan perlindungan sosial kepada mereka yang layak, penjagaan kesihatan, pendidikan dan kemudahan infrastruktur lain yang kritikal demi kesejahteraan rakyat.

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN



Sehingga akhir tahun 2014,
TERAJU telah mencipta nilai
peluang perniagaan, pembiayaan,
dan pembangunan modal insan
bernilai lebih RM47.07 bilion



Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Menteri dalam
Jabatan Perdana Menteri



Sememangnya Kerajaan Malaysia bersungguh-sungguh dalam aspirasinya untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi melalui pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dan mampan. Justeru, segala langkah dan tindakan dalam rancangan SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan bertujuan untuk menangani masalah ketaksamaan di antara golongan Bumiputera dan golongan lain dari segi penguasaan ekonomi.

Semua inisiatif di bawah SRI ini bermatlamat membantu syarikat-syarikat Bumiputera untuk memaju dan mempertingkatkan produktiviti, memperbaiki daya saing dan mengurangkan pergantungan kepada kontrak daripada badan serta agensi Kerajaan. Matlamat lain termasuk memperbaiki pelibatan serta penguasaan firma Bumiputera dalam pasaran ekuiti, pekerjaan dengan nilai tambah tinggi dan jawatan dalam pengurusan atasan.

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), agensi yang ditugaskan untuk meneraju SRI ini, bekerjasama dengan Kementerian, agensi dan pihak berkepentingan, dalam usaha mencapai matlamat Program Transformasi Ekonomi Bumiputera, yang juga sebahagian daripada matlamat SRI.

Memajukan Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) Bumiputera yang berdaya saing

Komuniti Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) yang menjadi tulang belakang dalam mana-mana ekonomi merupakan tumpuan dan sektor yang diutamakan. Pada tahun 2013, sektor SME menyumbang 33.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus. Daripada 33.7 peratus, syarikat PKS Bumiputera hanya menyumbang sebanyak 13 peratus¹. Syarikat PKS Bumiputera harus berterusan mencatatkan peningkatan pada kadar 8.5 peratus tahun-demi-tahun, untuk menyumbangkan 41 peratus kepada KDNK negara menjelang tahun 2020. Sebagai mengiktiraf peranan penting PKS dalam ekonomi, Kerajaan komited untuk membina asas bagi menyokong dan memupuk pembangunan PKS sebagai pemacu utama pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat ini, PKS perlu berkembang secara luar biasa dan berbeza serta berkembang berlandaskan inovasi, kreativiti dan produktiviti².

Mencipta pelbagai peluang bagi peniaga Bumiputera

Pada tahun 2014, sejumlah RM47.07 bilion nilai perniagaan dan peluang kewangan telah berjaya dicipta untuk membantu komuniti peniaga Bumiputera semenjak penubuhan TERAJU. Bagi memastikan SRI merentasi seluruh negara, program-program TERAJU@Koridor dijalankan secara kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dalam pelbagai Koridor Ekonomi di semua kawasan.

Program *Carve-Out and Compete* yang dilaksanakan telah mencapai satu kejayaan besar apabila nilai kontrak projek mega yang diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera mencecah RM23.5 bilion. Kontrak projek mega ditawarkan berdasarkan merit (keupayaan dan bertujuan memberi sokongan) kepada syarikat Bumiputera untuk melibatkan diri dalam projek besar seperti projek MRT.

Tahun 2014 juga memperlihatkan beberapa program utama TERAJU terus dijalankan demi memperbaiki kemampuan usahawan Bumiputera untuk mengakses kepada pasaran produk dan kemudahan pembiayaan (kewangan) seperti Dana TeraS, Dana Mudahcara, Dana Halal, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) dan program eksport. Program-program pembiayaan ini dijalankan secara kolaborasi dengan institusi kewangan dan bukan kewangan. Bagi program eksport pula, ianya dilaksanakan dengan bantuan dan sokongan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera

Meskipun langkah-langkah SRI ini telah membuahkan hasil yang agak memuaskan, masih banyak lagi usaha perlu diteruskan. Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera mencapai tahap 23.5 peratus pada penghujung tahun 2012 berbanding dengan 21.9 peratus pada tahun 2008. Sasaran bagi pemilikan ekuiti korporat Bumiputera ialah sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2020³. Dua tindakan utama bagi memastikan sasaran 30 peratus ini tercapai adalah dengan mempercepatkan proses penyenaian syarikat-syarikat Bumiputera berskala besar yang berada di dalam program TeraS dan SJJJB ke Bursa Malaysia. Program Pemerdayaan Ekonomi Bumiputera (PEB) (*Bumiputera Economic Empowerment*) yang telah dilancarkan pada tahun ini dijangka akan turut membantu pencapaian sasaran pemilikan ekuiti korporat.

¹ Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2011.

² Borneo Post memetik ungkapan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation, Dato' Hafsa Hashim pada Disember 2011 dan Bernama Malaysia e-Biz (penerbitan) memetik ungkapan Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Jun 2014.

³ Laporan Unit Perancang Ekonomi (EPU) 2013

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

Tahun ini menandakan bermulanya pelaksanaan inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, (PEB) (*Bumiputera Economic Empowerment*)—agenda nasional yang bermatlamat untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera.

PEB akan memberi kesan kepada Bumiputera melalui lima bidang fokus utama – Modal Insan, Pemilikan Ekuiti dalam Sektor Korporat, Pemilikan Aset Bukan Kewangan, Keusahawanan dan Perniagaan serta Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan. Kesemua inisiatif di bawah PEB ini telah dilaksanakan dengan tujuan untuk membangunkan kemampunan dan daya saing syarikat-syarikat Bumiputera.

Meskipun mencatatkan kemajuan, syarikat-syarikat Bumiputera seharusnya lebih berusaha untuk meningkatkan keupayaan dalam produktiviti serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), seterusnya menggunakan teknologi untuk mentransformasikan syarikat mereka agar menjadi lebih kompetitif. Mereka seharusnya menerima pakai standard antarabangsa dalam kualiti, kesihatan dan keselamatan untuk mendapatkan penerimaan pasaran yang lebih meluas. Mereka juga mesti

mempertingkatkan operasi mereka, menerima pakai teknologi dan kemahiran baharu dan bekerjasama dengan pemain-pemain industri lain.

Kajian yang dijalankan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) bagi pihak TERAJU ke atas potensi impak Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) mendapati bahawa perniagaan-perniagaan Bumiputera yang besar tidak berorientasikan eksport kerana kebanyakannya hanya memenuhi permintaan tempatan. Tambahan pula, majoriti syarikat-syarikat ini terlalu bergantung kepada kontrak Kerajaan. Salah satu daripada penemuan utama laporan ini ialah kurangnya penyelarasan dalam dasar-dasar Bumiputera merentasi Kementerian dan kajian ini mengesyorkan agar TERAJU dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bertindak untuk menyelaraskan dan memantapkan dasar-dasar Bumiputera di semua Kementerian.

Unjuran Tahun 2015

Pemansuhan sekatan perdagangan yang bermula pada tahun 2015 di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN mungkin memberi kesan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang lebih cenderung didorongi oleh dasar dan program bantuan Kerajaan. Persaingan yang lebih sengit terutamanya dengan kewujudan perjanjian perdagangan bebas seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan TPPA boleh menjejaskan pertumbuhan syarikat-syarikat Bumiputera yang memerlukan lebih

banyak masa untuk membangunkan keupayaan eksport mereka.

Bagi mengukuhkan daya saing syarikat-syarikat Bumiputera yang menghadapi persekitaran ekonomi yang semakin terbuka, TERAJU akan menggiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam sektor swasta. TERAJU juga akan berusaha untuk mendapatkan sokongan yang lebih kukuh dari sektor swasta untuk syarikat-syarikat Bumiputera dan PEB.

Analisis KPI Tahun 2014

Inisiatif-inisiatif di bawah SRI mula menunjukkan momentumnya pada tahun 2014 dan TERAJU telah melepasi hampir kesemua sasaran KPI melalui pelaksanaan yang diperbaiki dan kerjasama antara agensi. Akses kepada pembiayaan terus berkembang dengan kerjasama beberapa institusi kewangan dan bukan kewangan yang telah mencipta peluang baharu dan yang lebih baik untuk syarikat-syarikat Bumiputera menerima pembiayaan yang mereka perlukan untuk memperluaskan operasi.

Antara sorotan penting bagi tahun 2014 adalah terciptanya peluang-

peluang baharu untuk syarikat-syarikat Bumiputera melalui inisiatif *Carve-Out and Compete* dan akses pembiayaan mudah yang lebih mudah melalui pelbagai skim pembiayaan dan program-program baharu seperti Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dan Dana Pengembangan Perniagaan (*Bumiputera Expansion Fund*, BEF).

Sebagaimana tahun-tahun yang terdahulu, cabaran yang dihadapi adalah mencari dan menarik minat syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan untuk menyertai program TeraS. TERAJU akan terus menggalakkan syarikat-syarikat Bumiputera yang cukup besar dan berjaya untuk turut serta dalam program TeraS.

Salah satu kaedah alternatif yang diambil TERAJU untuk mengatasi isu ini dan seterusnya mewujudkan lebih banyak syarikat TeraS baharu adalah dengan mengenal pasti syarikat yang layak melalui kajian maklumat syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pada masa yang sama, kekurangan ketara dalam permohonan pembiayaan untuk projek-projek besar bagaimanapun telah memberi kesan negatif kepada pemanfaatan Dana Mudahcara. Ini mungkin berpunca daripada jumlah projek yang semakin berkurangan bagi projek-projek berskala besar yang tersenarai di dalam perancangan di seluruh negara.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

SRI MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Bilangan syarikat baharu dalam syarikat PKS Bumiputera Berprestasi Tinggi (HPBS)	300	417	139	●	100	●	1.0	●
	Bilangan syarikat TeraS baharu yang meneroka ke luar negara	50	76	152	●	100	●	1.0	●
2	Jumlah Juara Korporat Bumiputera baharu berpotensi (BCC) yang melaksanakan Program Vendor	20	25	125	●	100	●	1.0	●
3	Jumlah dana tambahan yang dikumpul daripada bank dan bukan bank (RM Juta)	500	1,050	210	●	100	●	1.0	●
	Jumlah dana yang diluluskan oleh bank dan bukan bank yang mengambil bahagian (RM Juta)	500	552.42	110	●	100	●	1.0	●
	Jumlah syarikat yang menerima bantuan kewangan dari bank dan bukan bank yang mengambil bahagian	150	224	149	●	100	●	1.0	●
	Jumlah Dana Mudahcara yang diluluskan (RM Juta)	500	369.4	74	●	74	●	0.5	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

SRI MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
4	Bilangan projek yang dibiayai dan dimudahcarakan melalui Koridor Ekonomi dan Wilayah Tengah	80	131	164	●	100	●	1.0	●
5	Jumlah Projek Mega <i>Carve-Out</i> untuk Bumiputera	6	6	100	●	100	●	1.0	●
				136%		97%		94%	

Rajah 16.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

INISIATIF PROGRAM TERAS

Pada tahun 2014, TERAJU telah mengenal pasti 413 syarikat TeraS baharu merentas pelbagai sektor, termasuklah 76 syarikat yang berjaya menembusi pasaran luar negara, melebihi sasaran awal sebanyak 26 syarikat. Syarikat-syarikat ini juga telah mengembangkan sayap ke luar negara dengan mengeksport produk dan/atau perkhidmatan, membuka operasi di luar negara dan/atau membuat kerjasama di luar negara.

Sebagai langkah seterusnya, usaha akan dilaksanakan untuk mengatasi cabaran termasuk keperluan untuk mengembangkan jumlah syarikat TeraS serta jumlah syarikat yang bersedia untuk meneroka pasaran asing.

JUARA KORPORAT BUMIPUTERA

Kerangka kerja bagi Program Pembangunan Vendor (*Vendor*

Development Programme, VDP) telah diluluskan di Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang menyaksikan kerjasama baharu dimulakan dengan MITI pada tahun 2014 untuk program Juara Korporat Bumiputera (*Bumiputera Corporate Champions*, BCC) memanfaatkan program VDP MITI. Dalam inisiatif ini, TERAJU akan mengenalpasti syarikat Bumiputera yang besar, terutamanya yang berada dalam program TeraS untuk menyertai program BCC dan menjalankan aktiviti untuk membimbing syarikat Bumiputera yang lebih kecil. Lebih kurang 25 BCC telah dikenalpasti pada tahun 2014 di bawah inisiatif baharu ini. Rakan kongsi strategik dan vendor Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang terpilih juga akan dicalonkan sebagai BCC.

TERAJU – PROGRAM PEMBIAYAAN

Usahawan Bumiputera kini mempunyai akses yang lebih baik kepada pembiayaan melalui kerjasama TERAJU dengan institusi-institusi kewangan

pembangunan seperti bank komersial dan bank pembangunan. Program-program ini telah dibangunkan melalui kerjasama meluas dengan rakan-rakan kongsi strategik seperti SME Bank, RHB Islamic, MIDF, Agro Bank dan Maybank Islamic. Sehingga kini, RM2.24 bilion telah disediakan di bawah Dana TeraS dan sebanyak RM897.65 juta telah pun diluluskan untuk syarikat-syarikat Bumiputera.

Dana Pengembangan Perniagaan (BEF) baharu yang berjumlah RM475 juta telah diperkenalkan pada tahun 2014 untuk membantu mengembangkan perniagaan syarikat-syarikat teknologi Bumiputera, yang mana telah menyaksikan dua permohonan bernilai RM16.49 juta diluluskan pada tahun tersebut. Dana ini akan diuruskan secara bersama dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Sektor-sektor yang layak menerima pembiayaan di bawah BEF ialah bioteknologi, teknologi

hijau, minyak dan gas, elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi, nanoteknologi dan teknologi makanan.

Dana Pembangunan Halal baharu berjumlah RM580 juta juga telah diperkenalkan pada tahun 2014 dan akan diagihkan oleh AgroBank dan SME Bank. Dana ini disasarkan kepada membina keupayaan Bumiputera dalam sektor halal dan membantu syarikat-syarikat untuk berkembang, terutamanya di dalam pasaran asing.

Kolaborasi dengan Maybank menyaksikan dana berjumlah RM600 juta disediakan untuk Dana TeraS. Perkembangan yang signifikan bagi tahun 2014 ini merangkumi penilaian semula program TeraS yang dijalankan dalam suku pertama tahun 2014, dan satu pendekatan baharu telah diluluskan pada bulan Jun. Pendekatan baharu ini menyaksikan penilaian semula kriteria kelayakan untuk syarikat-syarikat TeraS dan pengenalan syarikat dengan maklumat yang diperoleh melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Bagi tahun ini, permohonan Dana Mudahcara untuk projek-projek besar (projek yang bernilai lebih daripada RM200 juta) menurun secara ketara berbanding tahun lepas, berkemungkinan kerana projek-projek besar dalam perancangan pada peringkat Koridor (projek bernilai antara RM30 juta-RM50 juta) turut menyaksikan pengurangan secara mendadak.

Namun begitu, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) telah menerima permohonan pembiayaan bernilai RM285.7 juta pada tahun-tahun 2013-2014 bagi projek-projek yang menelan belanja antara RM50 juta-RM200 juta. Secara keseluruhannya, pada 30 November 2014, pembiayaan berjumlah RM287.5 juta telah diluluskan di bawah program Dana Mudahcara. Berbanding dengan tahun-tahun terdahulu, pengurangan syarat bagi kelayakan kos minimum kepada RM2.5 juta menyebabkan lebih banyak permohonan bagi projek yang mempunyai kos yang lebih rendah dibuat.

TERAJU – PROGRAM KORIDOR EKONOMI

Program ini menyaksikan kerjasama yang kukuh dengan Pihak Berkuasa Koridor dalam mengenal pasti dan memudahkan projek Bumiputera yang layak. Setakat 30 November 2014, 124 projek telah pun dibiayai dan memudahkan, melepasi sasaran awal sebanyak 80 projek.

PROGRAM CARVE-OUT UNTUK BUMIPUTERA

Berikutan pengumuman Program Pemerkasaan Bumiputera dan Agenda Bumiputera sebagai agenda nasional oleh YAB Perdana Menteri pada bulan September 2013, pemilik-pemilik projek mega telah bersetuju untuk berkerjasama dengan TERAJU bagi Program *Carve-Out* untuk Bumiputera.

Program Pusat Kecemerlangan untuk Projek Mega, yang telah diperkenalkan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board*, CIDB) untuk melatih graduan dan ahli profesional kejuruteraan dalam bidang kejuruteraan khusus dan lanjutan seperti penerowongan, bangunan dan superstruktur tanpa kerangka (*columnless*), telah menerima pendaftaran seramai 120 pelajar.

Enam projek mega baharu bernilai RM10.2 bilion telah dikenal pasti untuk program *Carve-Out and Compete* pada tahun 2014. Projek ini disertai oleh:

1. EMKAY Group Bhd
2. Pusat Kecemerlangan Lembaga Getah Malaysia (MRB) di Sg Buloh
3. Asia Aerospace City
4. West Coast Expressway
5. Projek Lintasan Damansara – Shah Alam (DASH)
6. Projek Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE).

Enam projek baharu ini membawa bilangan projek mega sejak permulaan inisiatif *Carve-Out* kepada 11 dengan

nilai keseluruhan sebanyak RM23.5 bilion. Sebanyak 47 peratus atau RM9.1 bilion nilai kontrak telah diperuntukkan daripada projek MRT dan diagihkan kepada 350 kontraktor Bumiputera seterusnya membolehkan lebih banyak penyertaan kontraktor (Bumiputera) bermula dari Kelas A hingga Kelas F.

SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA (SUPERB)

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) yang baharu dimulakan ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama 11 agensi Kerajaan pada tahun 2014. SUPERB menawarkan geran sehingga RM500,000 kepada usahawan Bumiputera yang layak. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan untuk skim SUPERB pada tahun 2014.

SUPERB menggalakkan idea peniagaan yang inovatif dan kreatif di samping juga memupuk daya saing dalam kalangan usahawan Bumiputera muda di bawah umur 40 tahun. Ia diadakan pada setiap suku tahun dan sehingga kini, empat siri telah pun disempurnakan. Geran berjumlah RM27 juta telah diluluskan kepada 54 pemenang SUPERB pada tahun 2014. Rakan strategik atau agensi yang terlibat termasuklah Kumpulan Modal Perdana, *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), *Multimedia Development Corporation* (MDeC), *Malaysian Biotechnology Corporation*, CRADLE, *My Creative Ventures*, MAVCAP, *Malaysia Debt Ventures Berhad*, *SME Bank*, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre* (MaGIC).

UNIT PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA & KPI KETUA GLC

Program Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) juga telah dimulakan pada tahun ini dan telah membawa kepada penubuhan 24 UPEB di 24 Kementerian termasuk di Jabatan Perdana Menteri. Matlamat UPEB ialah untuk mencipta lebih banyak peluang berasaskan merit untuk syarikat Bumiputera yang berkebolehan. UPEB ini melapor secara langsung kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB).



Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, YBhg Dato' Husni Salleh menyerahkan cek berjumlah RM1,035,388.00 kepada syarikat dana mudahcara Amalgamated Plant Engineering Sdn Bhd disaksikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Satem

Di bawah program UPEB, 132 KPI telah ditetapkan untuk 24 Kementerian ini. Inisiatif yang berkaitan di bawah PEB ini menuntut setiap Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan GLC untuk memasukkan agenda Bumiputera di dalam KPI mereka. Sehingga kini, 27 ketua GLIC dan GLC telah menyatakan komitmen untuk berbuat demikian.

SKIM JEJAK JAYA BUMIPUTERA (SJJB)

Mulai tahun 2014, TERAJU bekerjasama rapat dengan Ekuinas untuk mempercepatkan penyenaraian baharu syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia sebagai sebahagian daripada program SJJB. Ekuinas menumpukan kepada pemilihan syarikat berpotensi untuk disenaraikan sambil TERAJU pula memantau kemajuan syarikat

tersebut. Setakat bulan Disember 2014, permodalan pasaran sejumlah sepuluh syarikat SJJB mencecah RM4.14 bilion. Satu lagi syarikat, EA Technique Bhd dijangka akan disenaraikan pada bulan Disember 2014.

Inisiatif ini akan meningkatkan permodalan syarikat Bumiputera melalui penyenaraian untuk mencapai penambahan ekuiti milik Bumiputera.

INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah dijenamakan semula selepas ia dipertanggungjawabkan kepada TERAJU daripada MITI; kementerian yang bertanggungjawab sebelum ini. INSKEN merupakan unit strategik yang akan memimpin, menyelaraskan dan memudahkan semua program pembangunan usahawan semasa dan mengenal pasti program baharu untuk mencapai aspirasi pembangunan keusahawanan nasional. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum Bumiputera dan kaum-kaum lain.

Jadual Pencapaian Tahun 2014

No.	Program	Peluang Yang Dicipta Untuk Bumiputera	Pecahan Terperinci
1	Dana Mudahcara	RM2.0 bilion RM7.85 bilion	- Dana diperuntukkan: RM2 bilion - Jumlah pelaburan (GDC): RM7.85 bilion - Jumlah projek: 234 - Jumlah syarikat TeraS yang menerima kemudahan: 59 - Jumlah syarikat Bumiputera yang menerima kemudahan: 211 - Jumlah Dana Mudahcara yang diluluskan: RM929.8 juta

bersambung

sambungan muka surat sebelum

No.	Program	Peluang Yang Dicipta Untuk Bumiputera	Pecahan Terperinci
2	Carve Out & Compete	RM23.52 bilion	1. MRT Corp Laluan 1 - RM9.1 bilion 2. Menara Warisan Merdeka - RM2 bilion 3. Bukit Bintang City Centre (BBCC) - RM1.5 bilion 4. Pembangunan Tanah RRI Sg. Buloh - RM0.5 bilion 5. Pusat Pameran & Konvensyen MATRADE - RM0.2 bilion 6. Emkay Group - RM2 bilion 7. Pusat Kecemerlangan Lembaga Getah Malaysia - RM390 juta 8. Lebuhraya Persisiran Pantai Barat - RM1.5 bilion 9. MARA Asia Aerospace City - RM630 juta 10. Projek Lintasan Damansara-Shah Alam (DASH) - RM2.5 bilion 11. Projek Lintasan Sg. Besi - Ulu Klang (SUKU) - RM3.2 bilion
3	Dana TeraS	RM2.24 bilion	Jumlah diluluskan: RM893.96 juta • SME Bank: RM691.55 juta (114 diluluskan) • RHB Islamic Bank: RM139.78 juta (119 diluluskan) • MIDF : RM62.63 juta (29 diluluskan) Bilangan diluluskan: 262
4	Dana Pembangunan Halal	RM580 juta	Jumlah diluluskan: RM9.45 juta • Agro Bank: RM9.45 juta (1 diluluskan) Bilangan diluluskan: 1
5	Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera	RM475 juta	Jumlah diluluskan oleh MTDC: RM16.49 juta Bilangan diluluskan: 2
6	Pembiayaan Ekuiti	RM75 juta	Jumlah diluluskan: RM75 juta (19 diluluskan) • Tahun 2013: RM50 juta (12 diluluskan) • Tahun 2014: RM25 juta (7 diluluskan)
7	Program Pembangunan Vendor (VDP)	RM8.5 bilion	RM8.5 bilion nilai kontrak yang diberikan kepada vendor Bumiputera.
8	Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)	RM2.18 bilion	RM4.14 bilion pemodalan pasaran 10 syarikat di bawah Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) kurang daripada pemodalan pasaran (setelah penyenaraian) RM1.96 bilion
9	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)	RM185 juta	4,001 biasiswa telah diberikan dari tahun 2012 hingga tahun 2014. • Peneraju Tunas: 1,401 pelajar • Peneraju Skil: 2,249 pelajar • Peneraju Profesional: 351 pelajar
10	Prosper Teras & Penjagaan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE)	RM68.5 juta	Prosper Teras: 577 syarikat dari industri automotif, perkakasan dan perkhidmatan perniagaan termasuk program ECCE sebagaimana yang dinyatakan di bawah: ECCE: 36 usahawan menerima pendanaan berjumlah RM16.85 juta untuk membuka pusat penjagaan awal kanak-kanak. JUMLAH: 577 usahawan

bersambung

sambungan muka surat sebelum

No.	Program	Peluang Yang Dicipta Untuk Bumiputera	Pecahan Terperinci																																				
11	Skim Penternakan Lembu (Ladang Satelit)	RM7.78 juta	10 usahawan memperoleh dana yang diperuntukkan untuk program ini dengan kerjasama JCORP																																				
12	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB)	RM100 juta	Siri 1 bagi tahun 2014 • RM6.5 juta kepada 13 pemenang Siri 2 bagi tahun 2014 • RM7.5 juta kepada 15 pemenang Jumlah Keseluruhan: RM27 juta diluluskan kepada 54 pemenang Siri 3 bagi tahun 2014 • RM9.5 juta kepada 19 pemenang Siri 4 bagi tahun 2014 • RM3.5 juta kepada 7 pemenang																																				
13	Pusat Kecemerlangan (COE)	RM5 juta	147 pelajar mendaftar dalam program yang dianjurkan ini dengan kerjasama CIDB																																				
14	Pelupusan Aset GLIC & GLC	RM164.4 juta	Khazanah: <table> <tr> <th>No.</th><th>Syarikat</th><th>Dilupuskan Kepada</th><th>Amaun (RM juta)</th></tr> <tr> <td>1</td><td>STLR S/B</td><td>Beringin Terrace Ventures S/B</td><td>66</td></tr> <tr> <td>2</td><td>TM Resorts</td><td>i. Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd – PD Resort ii. LX Mode Services S/B – Langkai Resort</td><td>12.6 13.988</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Celcom Childcare S/B</td><td>Early Impression S/B</td><td>0.2</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Time Engineering Bhd</td><td>Censof Holdings Bhd</td><td>69.8</td></tr> <tr> <td colspan="3">JUMLAH</td><td>162.6</td></tr> </table> PNB: <table> <tr> <th>No.</th><th>Syarikat</th><th>Dilupuskan Kepada</th><th>Amaun (RM juta)</th></tr> <tr> <td>1</td><td>U-Insurance S/B</td><td>Kudrat Maritime (M) S/B</td><td>1.8</td></tr> <tr> <td colspan="3">JUMLAH</td><td>1.8</td></tr> </table> Jumlah keseluruhan: 5 syarikat - RM164.4 juta	No.	Syarikat	Dilupuskan Kepada	Amaun (RM juta)	1	STLR S/B	Beringin Terrace Ventures S/B	66	2	TM Resorts	i. Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd – PD Resort ii. LX Mode Services S/B – Langkai Resort	12.6 13.988	3	Celcom Childcare S/B	Early Impression S/B	0.2	4	Time Engineering Bhd	Censof Holdings Bhd	69.8	JUMLAH			162.6	No.	Syarikat	Dilupuskan Kepada	Amaun (RM juta)	1	U-Insurance S/B	Kudrat Maritime (M) S/B	1.8	JUMLAH			1.8
No.	Syarikat	Dilupuskan Kepada	Amaun (RM juta)																																				
1	STLR S/B	Beringin Terrace Ventures S/B	66																																				
2	TM Resorts	i. Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd – PD Resort ii. LX Mode Services S/B – Langkai Resort	12.6 13.988																																				
3	Celcom Childcare S/B	Early Impression S/B	0.2																																				
4	Time Engineering Bhd	Censof Holdings Bhd	69.8																																				
JUMLAH			162.6																																				
No.	Syarikat	Dilupuskan Kepada	Amaun (RM juta)																																				
1	U-Insurance S/B	Kudrat Maritime (M) S/B	1.8																																				
JUMLAH			1.8																																				
JUMLAH		RM47.95 bilion																																					

INTIPATI UTAMA

SRI ini berjalan lancar dan menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2014. Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan agenda Bumiputera diterima sebagai agenda nasional. Inisiatif-inisiatif semasa dan baharu dengan itu telah dirancang dan sedang dilaksanakan.

Persekitaran perniagaan dijangkakan akan menjadi lebih mencabar dengan berkuatkuasanya Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN dan kemungkinan penguatkuasaan TPPA. Kajian TPPA mencadangkan beberapa langkah untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera bersedia untuk situasi pasaran terbuka.

Salah satu saranan utama adalah agar TERAJU bertindak membantu syarikat-

syarikat Bumiputera menghadapi persekitaran perdagangan liberal yang lebih kompetitif dengan menuntut bantuan pelarasan perdagangan. Kajian ini juga menuntut agar pelibatan PKS Bumiputera dipertingkatkan dalam rangkaian bekalan global dengan bantuan daripada GLC, syarikat-syarikat besar dan juga MNC. Ini akan memudahkan perluasan syarikat PKS Bumiputera bagi meletakkan mereka dalam kedudukan yang lebih baik untuk bersaing dalam pasaran terbuka.

MENGUBAH KEHIDUPAN



TERAJU Memupuk Syarikat Berprestasi Tinggi

**Rewi Bugo**

Pengarah Urusan,
Petra Jaya Properties Sdn Bhd


“Sebagai sebuah syarikat hartanah, Dana Mudahcara yang dikendalikan oleh TERAJU telah membolehkan kami bukan menjual rumah semata-mata, tetapi menjualnya pada harga yang lebih rendah yang mampu dibeli oleh golongan pendapatan rendah. Kos pembiayaan lebih rendah yang ditawarkan melalui dana ini telah membolehkan kami menjual rumah yang mampu dimiliki kepada lebih ramai Bumiputera Sarawak sebagai rumah pertama mereka.

Petra Jaya Properties menjadi syarikat TeraS sejak tiga tahun dahulu. Setakat ini dengan sokongan TERAJU, kami telah menjual 130 buah rumah daripada projek-projek yang sebahagiannya dibiayai oleh Dana Mudahcara dengan lebih 200 buah lagi sedang dibina. Sebagai syarikat TeraS, kami layak memohon pembiayaan dengan syarat deposit sekuriti yang lebih rendah dengan TERAJU bertindak sebagai penjamin kepada kemudahan ini. Ini membantu kami mengurangkan risiko, mencapai faktor kejayaan yang lebih besar dan membina keyakinan kami untuk melaksanakan projek-projek.

Saya berpendapat bahawa memohon menyertai program TeraS juga menggalakkan syarikat untuk memperbaiki prestasi mereka, kerana syarikat perlu menunjukkan rekod keuntungan sekurang-kurangnya tiga tahun dan mempunyai minimum penarafan 3-Bintang di bawah

program SCORE yang dikelola oleh SME Corp. Syarikat juga mesti mengikuti beberapa kursus, yang membantu kami mengenal pasti dan menangani sebarang kelemahan. Proses permohonan yang ketat memastikan hanya syarikat yang mempunyai rekod prestasi diganjar dengan bantuan.

Saya percaya TERAJU telah memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti dan memudahkan syarikat yang mempunyai potensi, membimbing syarikat Bumiputera mencapai platform pertumbuhan yang lebih tinggi. Fokus TERAJU kepada IKS juga memastikan syarikat-syarikat yang memacu aktiviti komersial di Malaysia seperti syarikat kami akan terus menyumbang kepada ekonomi yang lebih luas.”



PENGALAMAN BERSAMA PERKHIDMATAN AWAM



Mencipta Nilai yang Lebih Besar Melalui Pendekatan Pemanfaatan dan Penggandaan

Dato' Husni Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju
Agenda Bumiputera (TERAJU)

Sejak ia ditubuhkan pada bulan Januari 2011, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah diberikan mandat dengan matlamat yang jelas – untuk meneraju, menyelaraskan dan memacu penyertaan ekonomi Bumiputera melalui inisiatif baharu dan sedia ada serta mencadangkan pembaharuan institusi untuk meningkatkan keberkesanan. Dato' Husni Salleh, yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, mengingatkan dengan jelas pengumuman rasmi oleh Perdana Menteri pada 8 Februari 2011, iaitu keperluan untuk melaksanakan pelbagai langkah-langkah transformasi untuk membantu meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan kaum Bumiputera.

Dato' Husni menekankan bahawa sebagai permulaan, TERAJU menjalinkan kerjasama rapat dengan PEMANDU untuk mengemukakan satu siri makmal bagi membincangkan isu-isu khusus dan membina pelan jangka panjang untuk mengukuhkan penyertaan ekonomi Bumiputera.

Salah satu daripada makmal tersebut menumpukan kepada mengenal pasti dan memupuk syarikat Bumiputera berprestasi tinggi. Matlamatnya ialah untuk mencipta pemangkin bagi meminimumkan

cabaran yang mereka hadapi, membantu mereka berkembang di dalam persekitaran yang lebih kondusif dan mencipta kesamarataan bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran.

“Hasil utamanya ialah makmal tersebut telah menjadi program TeraS yang kini terdiri daripada 916 IKS Bumiputera dari pelbagai industri. Sasarannya ialah menjelang tahun 2020, IKS ini akan menyumbang 41 peratus daripada perkembangan ekonomi, di mana setengah daripadanya dipacu oleh kaum Bumiputera. Itulah sasaran besar yang hendak dicapai,” kata Dato’ Husni.

Sejak tahun 2011, TERAJU terus berusaha mencipta peluang dan meningkatkan nilai bagi syarikat-syarikat Bumiputera melalui pengenalan kepada pelbagai program dan inisiatif dari peringkat permulaan syarikat sehinggalah ke peringkat penyenaraian berpotensi. Pada bulan November 2011, Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera telah dilancarkan, yang mengenal pasti lima bidang untuk mencipta perubahan kepada landskap pembangunan ekonomi Bumiputera – pendidikan, pekerjaan, tahap pendapatan, penciptaan kekayaan dan prestasi syarikat-syarikat Bumiputera secara keseluruhan.

“Dalam membangunkan Hala Tuju ini, tumpuan telah diberikan kepada *hasil segera* dan *sasaran yang mudah dicapai*. Dalam pendidikan, contohnya, kami telah melancarkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) yang memegang pemacuan Agenda Pendidikan Bumiputera sebagai matlamat terasnya – iaitu membangunkan keupayaan, set kemahiran dan kepakaran kaum Bumiputera, meningkatkan daya saing mereka, di peringkat nasional dan global. Hasil dialog dengan pelbagai syarikat mengukuhkan kesimpulan bahawa majoriti daripada tenaga kerja Bumiputera menghadapi kesulitan kebolehgajian kerana kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kecekapan teknikal dan pensijilan yang diperlukan dalam pasaran untuk menarik minat majikan.

“YPPB berusaha untuk mengenal pasti set kemahiran yang diperlukan oleh pemain industri dan mengambil langkah untuk membekalkan tenaga kerja Bumiputera melalui program-program yang dianjurkan dengan kelayakan standard antarabangsa yang menyediakan pensijilan. Bagi membantu mengumpul dana bagi program ini, TERAJU telah mendekati pihak korporat, dengan sesetengah organisasi memberikan komitmen mereka untuk mengambil pelajar-pelajar YPPB untuk bekerja sebaik sahaja latihan mereka tamat. Sehingga hari ini, seramai 4,000 pelajar YPPB telah menjalani latihan, dengan nisbah penempatan pada hampir 90 peratus,” terang Dato’ Husni.

Berbekalkan kesedaran terhadap kepentingan sumbangan IKS kepada ekonomi negara, TERAJU juga menjalinkan kerjasama rapat dengan IKS Bumiputera untuk memastikan mereka akan menjadi penyumbang besar kepada ekonomi menjelang tahun 2020. Secara puratanya, syarikat-syarikat Bumiputera mewakili hanya 20 peratus syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Daripada peratusan ini, 80 peratus terdiri daripada perniagaan mikro.

“Jika anda meneliti semua program kami, semuanya berkaitan dengan melonjakkan daya saing IKS. Walaupun dana tersedia, kuantum pembiayaan dan prasyarat lain seperti syarat cagaran oleh institusi kewangan menyukarkan akses IKS kepada pembiayaan. Dana TeraS pula bertindak untuk menangani kesulitan ini – di mana dana dari Kerajaan diletakkan di bank dengan pendapatan daripada deposit yang disimpan di bank ini diagihkan kepada peminjam. Sehingga sekarang, empat bank menjalinkan kerjasama dengan TERAJU di mana sejumlah RM2.24 bilion telah dikumpulkan dan RM899.84 juta pinjaman telah pun diluluskan untuk 212 syarikat.

Usaha-usaha seperti ini dan lain-lain usaha yang dilaksanakan oleh TERAJU dan lain-lain agensi Kerajaan mula menunjukkan hasilnya. Lebih banyak syarikat Bumiputera kini lebih berdaya saing dan inovatif. Memandangkan Malaysia berhasrat menjadi negara berpendapatan tinggi, usaha juga telah ditumpukan kepada merangsang inovasi dan penggunaan teknologi oleh IKS untuk mencapai lonjakan kuantum dari segi pertumbuhan dan pendapatan.

Bagaimanapun, kebanyakan syarikat masih tertumpu kepada sektor tradisional seperti minyak dan gas dan pembinaan. Ini mendedahkan syarikat-syarikat tersebut kepada faktor luaran seperti turun naik harga minyak dan mata wang. Dengan ini, TERAJU akan terus bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini dan agensi-agensi lain untuk memastikan mereka boleh berkembang dan mempelbagaikan perniagaan secara proaktif untuk mengharungi cabaran daripada fenomena turun naik global ini.

Walau bagaimanapun, bantuan Kerajaan yang berterusan pada setiap peringkat untuk kaum Bumiputera tidak berkesan selagi kaum Bumiputera sendiri tidak berusaha secara berterusan untuk menaiktarafkan daya maju perniagaan mereka dan memperbaiki penyertaan dalam ekonomi tempatan. Dalam era globalisasi dan daya saing yang semakin sengit, Bumiputera seharusnya mempunyai daya tahan dan sentiasa berikhtiar dalam menjalankan operasi perniagaan mereka. Pada masa yang sama, mereka juga mesti berhijrah daripada terlalu mengharap bantuan Kerajaan.

Dato’ Husni merumuskan bahawa, “Maju ke hadapan, TERAJU akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan kongsinya bagi mencipta inisiatif yang akan merangsang dan memudahkan IKS Bumiputera dalam menghadapi globalisasi dan trend yang kerap berubah. Inisiatif-inisiatif ini sememangnya membabitkan konsep pemanfaatan dan penggandaan nilai melalui kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan juga sektor swasta. Setakat ini, perkongsian ini telah berjaya mencipta nilai berjumlah RM47.96 bilion daripada RM1 bilion dana yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan. Pendekatan TERAJU dalam menggunakan konsep pemanfaatan dan penggandaan telah membolehkan peruntukan dana ini digandakan secara signifikan dari segi nilai, untuk manfaat masyarakat Bumiputera secara keseluruhan.

MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN



Semenjak pelaksanaan SRI ini, rasionalisasi pemilikan Kerajaan dalam entiti perniagaan telah menghasilkan persekitaran yang mendorong sektor swasta untuk meluaskan peranan semulajadinya sebagai pemacu utama ekonomi negara



**Dato' Sri Mohd Najib
Tun Hj. Abdul Razak**
Perdana Menteri Malaysia



Semenjak pelaksanaan SRI ini, rasionalisasi pemilikan Kerajaan dalam entiti perniagaan telah menghasilkan persekitaran yang mendorong sektor swasta untuk meluaskan peranan semula jadinya sebagai pemacu utama ekonomi negara.

Kerajaan secara dasarnya mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah ekonomi pasaran. Di dalam sesebuah ekonomi pasaran, wujudnya keperluan bagi sektor swasta untuk memainkan peranan sebagai peneraju dan enjin utama dalam memangkin pertumbuhan, meningkatkan tenaga kerja dan juga mencetus inovasi dan keusahawanan. Dalam jangka panjang, Peranan Kerajaan dalam Perniagaan seharusnya menjurus kepada pengawalan, penghasilan persekitaran dan peluang perniagaan yang lebih meluas, kondusif dan saksama.

Kerajaan telah mencatatkan kemajuan dalam merasionalisasikan peranannya dalam perniagaan. Kadar pelaksanaan rasionalisasi ini bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk keperluan negara dalam melaksanakan dasar ekonomi pembangunan berikutan Krisis Kewangan Global antara tahun 2007-2008, persekitaran pengawalan dan institusi sedia ada, dan juga aliran serantau terhadap pengawalan dan timbangan fiskal yang semakin berkembang.

Kombinasi faktor-faktor tersebut membawa kepada pelaksanaan SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRiB) yang lebih berwaspada, dalam masa yang sama mengekalkan matlamat utamanya.

Dengan mengambil kira perkembangan ini, Kerajaan akan terus mengorak langkah melalui SRI GRiB ke arah memupuk persekitaran yang menggalakkan kesinambungan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara serta mendorong Malaysia untuk membina kedudukannya sebagai pesaing ekonomi yang teguh di pentas dunia.



MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

Dalam proses transformasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, pertumbuhan ekonominya perlulah dipacu oleh pertumbuhan sektor swasta yang merentasi pelbagai rangkaian industri.

Setakat ini, Kerajaan telah berjaya menyempurnakan pelepasan saham dalam 32 buah syarikat sehingga bulan November 2014, daripada sasaran awal 33 buah syarikat.

Dengan itu, SRI ini telah membangunkan program pelepasan saham yang jelas di mana Kerajaan merasionalisasikan peranannya dalam perniagaan. Ini merupakan suatu pendekatan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara dan meningkatkan kecairan dalam pasaran modal.

Unjuran Tahun 2015

Melalui SRI ini, Kerajaan telah menggariskan dengan jelas usaha untuk menghasilkan persekitaran ekonomi yang kompetitif dan kondusif kepada pelaburan. Strategi pelepasan saham setakat ini telah mencatat beberapa penyenaraian utama syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan seperti Felda Global Ventures Holdings Bhd, Integrated Healthcare Holdings (IHH) dan Icon Offshore Bhd. Penyenaraian Felda telah berjaya menjana modal sebanyak RM9 bilion, IPO IHH pula menjana RM6.3 bilion sementara penyenaraian Icon pada bulan Jun berjaya mengumpul dana sebanyak RM945 juta.

Kisah-kisah kejayaan yang dipaparkan di sini membuktikan keberkesanan SRI ini, dengan menunjukkan bukti konsep yang jelas bahawa penswastan mampu meningkatkan keuntungan dan kecekapan. Manfaat yang diraih oleh pihak Kerajaan hasil daripada program penswastan dan pelepasan saham telah menggalakkan pihak-pihak berkepentingan GRiB untuk menyerapkan

strategi-strategi pelepasan saham ke dalam model operasi mereka.

Sebagaimana syarikat-syarikat lain di Malaysia, syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mempunyai garis panduan Tadbir Urus Korporat yang perlu dipatuhi. Oleh yang demikian, pelaksanaan SRI GRiB perlu mematuhi Tadbir Urus Korporat syarikat yang berkaitan agar pelaksanaannya dijalankan secara teratur, serasi dan mesra pasaran. Tadbir Urus Korporat yang berkesan adalah penting terutamanya dalam memastikan fungsi prinsipal-ejen beroperasi secara lancar sepanjang tempoh pemilikan dan peralihan sebelum dan selepas transaksi pelepasan saham.

Bagi memastikan kejayaan inisiatif-inisiatif GRiB, khususnya strategi pelepasan saham yang selari dengan Tadbir Urus Korporat, SRI GRiB sebaiknya dipacu oleh pihak berkepentingan GRiB masing-masing.

Analisis KPI Tahun 2014

Secara keseluruhannya, SRI GRiB telah mencapai hasil KPI yang positif bagi tahun

2014. Antara kejayaannya yang ketara ialah pelepasan saham dalam 32 buah syarikat setakat bulan Disember 2014.

Pada bulan Oktober 2013, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) melepaskan keseluruhan pegangan ekuitinya sebanyak 61.6 peratus dalam

Petunjuk Prestasi Utama 2014

SRI MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Jumlah syarikat di bawah Kementerian yang telah dilupuskan (Kementerian Kerja Raya)	2	2	100	●	100	●	1.0	●
2	Jumlah syarikat di bawah GLC/GLIC yang akan dilupuskan	5	5	100	●	100	●	1.0	●
				100%		100%		100%	

Rajah 17.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0.
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5.
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

Konsortium Logistik Bhd (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS), sebuah subsidiari milik penuh DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) selepas kumpulan DRB-HICOM menghantar kertas cadangan yang terbaik dari segi harga, kepadatan strategi dan kemampunan objektif sosial melalui satu proses penjualan yang menyeluruh untuk memilih pemegang saham utama yang terbaik untuk KLB.

Pada bulan Jun 2014, Ekuinas telah menyenaraikan syarikat pengendali kapal sokongan luar pesisir, Icon Offshore Bhd di pasaran utama Bursa Malaysia, di mana nilai harga IPO akhir ICON Offshore Bhd mencatatkan nilai permodalan pasaran berjumlah RM2.1 bilion. Penyenaraian ini juga berjaya menghasilkan nilai pendapatan lebih RM300 juta dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM90 juta.

Penyenaraian ICON di Bursa Malaysia telah dilaksanakan selepas Ekuinas

menggabungkan dua syarikat di bawah portfolionya, iaitu Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI PetroMaritime Sdn Bhd. Pasca-IPO, Ekuinas mengekalkan pegangan ekuiti sebanyak 42.3 peratus dalam ICON, yang dijangka bakal menawarkan keuntungan yang signifikan kepada Ekuinas.

Pada bulan November 2014, Ekuinas bertindak menjual semua pegangannya dalam Rancak Selera Sdn Bhd, sebuah syarikat pemegang francais rangkaian makanan segera *Burger King* untuk Malaysia dan Singapura, kepada syarikat konsortium Bumiputera yang diterajui oleh Brahim Holdings Bhd dalam urusan niaga yang bernilai RM95 juta. Syarikat konsortium tersebut telah mengemukakan tawaran yang paling kompetitif dari segi harga, sumber kewangan, kebolehan operasi dan kemampunan objektif sosial termasuk pemilikan Bumiputera. Pemilihan tersebut dibuat berdasarkan merit selepas proses penjualan yang rapi dan menyeluruh.

Pada peringkat Kementerian, Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.) melepaskan pegangannya dalam tiga buah syarikat di bawah portfolionya, iaitu Jaring Communications Sdn Bhd, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (sebuah syarikat pembuatan komponen pesawat) dan Penang Port Sdn Bhd.

Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah membubarkan Steel Frame & Truss Technology Sdn Bhd dan CIDB Events Management Sdn Bhd pada tahun 2014.

INTIPATI UTAMA

Kerajaan dan syarikat-syarikat milik kerajaan telah bertindak menginstitusikan proses jualan aset bukan strategik dalam model operasi mereka. Sebagai langkah seterusnya, sebarang program penjualan aset masa hadapan akan dipacu sepenuhnya oleh proses tadbir urus masing-masing.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Malaysia turut melakar pencapaian yang ketara dalam tempoh tiga tahun kebelakangan untuk bidang Tenaga Kerja dan Guna Tenaga, berdasarkan kadar pelibatan tenaga buruh di Malaysia yang sudah mencecah 68 peratus, selain kadar pengangguran yang berjaya diturunkan kepada 2.8 peratus





Dato' Sri Richard Riot
Anak Jaem

Minister of Human Resources

Inisiatif Pembaharuan Strategik bagi Pembangunan Modal Insan (SRI-HCD) telah berjaya merealisasikan matlamat yang disasarkannya secara signifikan, iaitu memperteguh takungan bakat di Malaysia pada 2014. Hal ini terbukti daripada Indeks Modal Insan 2013 yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* (WEF) yang telah melayakkan Malaysia menduduki tangga ke-22 daripada 122 negara yang disenaraikan dalam Indeks tersebut dan di tangga ke-5 bagi kategori rantau Asia Pasifik. Indeks yang merupakan kaedah pemeringkatan baharu daripada WEF ini telah diperkenalkan pada tahun 2014 dan dinilai berasaskan empat teras: Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan, Tenaga Kerja dan Guna Tenaga, dan Persekitaran yang Kondusif. Dalam setiap teras tersebut, Malaysia tersenarai, masing-masing, pada kedudukan ke-34, ke-39, ke-18 dan ke-22.

Malaysia turut melakar pencapaian yang ketara dalam tempoh tiga tahun kebelakangan untuk bidang Tenaga Kerja dan Guna Tenaga, berdasarkan kadar pelibatan tenaga buruh di Malaysia yang sudah mencecah 68 peratus, selain kadar pengangguran yang berjaya diturunkan kepada 2.8 peratus.

Usaha untuk mempertingkatkan kemahiran untuk golongan pekerja berkepakaran rendah dan sederhana masih menjadi tunjang utama dalam meneruskan agenda Kerajaan yang berhasrat untuk melonjakkan bilangan pekerja mahir di Malaysia kepada 50 peratus daripada tenaga kerja negara menjelang tahun 2020. Sasaran ini akan direalisasikan menerusi pelbagai inisiatif untuk mendukung agenda tersebut, antaranya, pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL), Sistem Latihan Dua Aliran Negara dan Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP).

Malah, komitmen Kerajaan untuk terus menyokong pemeraksanaan modal insan turut diperlihatkan daripada beberapa inisiatif penting yang dititikberatkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu pengumuman Bajet 2015. Inisiatif-inisiatif tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja di negara. Dalam pada itu, jalinan perkongsian awam-swasta, atau yang dikenali sebagai 'kerjasama pintar' memegang peranan penting untuk memacu usaha ini.

Usaha yang dilaksanakan oleh SRI-HCD semenjak permulaan ETP telah berhasil mengangkat landskap perniagaan di Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana SRI ini telah mencetuskan penambahbaikan kepada perundangan buruh susulan daripada semakan strategik ke atas undang-undang berkaitan, penambahan inisiatif yang disasarkan untuk tujuan peningkatan kemahiran serta pemahaman yang lebih mendalam berkenaan permintaan dan bekalan pasaran buruh di Malaysia.

Bagi memastikan Malaysia serta negara-negara Asia yang lain beranjak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi sekali gus memberikannya kelebihan daya saing, tumpuan terhadap penggubalan dasar dan program yang mampu melonjakkan pembangunan kemahiran yang berkualiti dalam tenaga kerja harus terus digiatkan. Pada ketika ini, pengurusan dan penyeliaan sistem TVET di Malaysia saling terpisah antara banyak Kementerian. Hal yang demikian ini menyebabkan kualiti kemahiran yang diperolehi daripada tenaga kerja tidak mampu memenuhi kehendak penggiat industri meskipun terdapat pelbagai institusi kemahiran awam dan swasta yang menawarkan latihan.

Sehubungan dengan itu, peningkatan kualiti kemahiran yang berasaskan kurikulum dan fasiliti latihan yang relevan dengan kehendak industri memerlukan pelibatan industri dalam program perantisan (apprenticeship). Dalam hal ini, Malaysia mengambil peranan penting untuk memfokuskan usaha bagi mendorong pelibatan industri.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada 26 November 2014, cadangan pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 telah dibentangkan di Parlimen. Pindaan ini merupakan usaha untuk mengatasi masalah membabitkan penguatkuasaan keputusan dan award daripada Mahkamah di samping melindungi hak golongan pekerja serta hak pemilik perniagaan secara adil dan setara.

Teras pelaksanaan SRI-HCD turut bersandarkan pembangunan tenaga kerja mahir yang menyasarkan graduan dan tenaga kerja sedia ada, dengan memastikan golongan ini mempunyai pendidikan TVET bagi memenuhi kehendak industri. Oleh hal yang demikian, pada April tahun ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah memulakan suatu inisiatif penyelarasan membabitkan pelbagai Kementerian dengan tujuan untuk memastikan institusi TVET awam dan swasta melahirkan graduan yang berkepakaran selaras dengan keperluan industri. Selari dengan inisiatif tersebut, Bank Dunia turut mengadakan bengkel khusus yang membincangkan pewujudan sebuah agensi tunggal untuk mengurus tadbir pengurusan latihan TVET di institusi-institusi berkenaan di Malaysia.

SRI ini turut menjalinkan kerjasama dengan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dalam usaha untuk membangunkan sebuah pangkalan data yang memuatkan maklumat berkaitan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh. Dalam hal ini, komitmen dan kerjasama yang mantap antara institusi pendidikan dan pemain industri memainkan peranan penting agar maklumat berkaitan dengan kemahiran utama selaras dengan kehendak industri dapat diperolehi.

Dalam pada itu, Pembangunan Modal Insan tetap menghadapi cabaran untuk mendapatkan kata sepakat daripada pihak majikan dan pekerja ketika semakan semula dilakukan ke atas undang-undang buruh. Di samping itu,

koordinasi sesama Kementerian yang terlibat juga perlu diperbaiki agar dasar dan definisi yang berkaitan dengan SRI ini dapat diselaraskan.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan penyertaan tenaga kerja wanita kepada 55 peratus menjelang akhir tahun 2015. Akan tetapi, persekitaran kondusif yang dicetuskan oleh Kerajaan semata-mata, tidak mampu merealisasikan sasaran tersebut sekiranya tidak disokong oleh usaha daripada syarikat-syarikat swasta dalam memastikan wanita kekal bekerja dan diberi kenaikan pangkat. Dasar mesra wanita termasuklah khidmat penjagaan kanak-kanak dan sistem kerja yang fleksibel juga merupakan kaedah yang harus diterapkan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Bersandarkan takungan bakat Malaysia yang semakin kukuh, Indeks Modal Insan 2013 yang dikeluarkan oleh WEF telah meletakkan Malaysia di kedudukan ke-22 daripada 122 negara yang disenaraikan dalam pemeringkatan tersebut, di tangga ke-5 dalam kategori rantau Asia Pasifik dan di tangga ke-2 dalam kalangan negara anggota ASEAN. Indeks yang dikeluarkan oleh WEF pada Oktober 2014 ini ialah kaedah pemeringkatan terbaharu dan ia dinilai berasaskan empat teras: Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan, Tenaga Kerja dan Guna Tenaga, dan Persekitaran yang Kondusif. Dalam setiap teras tersebut, Malaysia tersenarai, masing-masing, pada kedudukan ke-34, ke-39, ke-18 dan ke-22.

Unjuran Tahun 2015

Untuk tahun 2015, usaha ke arah pembangunan tenaga kerja mahir akan memfokuskan latihan TVET agar mampu melonjakkan kemahiran tenaga kerja yang sedia ada, di samping meningkatkan kebolehgajian graduan. Dalam hal ini, beberapa inisiatif telah diumumkan dalam Bajet 2015, antara lain, peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebanyak RM1.2 bilion bagi melaksanakan Pelan Transformasi Vokasional dan Teknikal, dan RM100 juta lagi untuk menempatkan 10,000 pelajar di institusi TVET swasta di bawah inisiatif *buying of seats*.

Selain itu, RM30 juta diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menyediakan latihan TVET kepada golongan belia India,

manakala latihan 'double shift' yang akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun dan dijalankan di Institusi Latihan Perindustrian (ILP) diberi peruntukan RM570 juta. Di samping itu, Bajet 2015 turut memberikan dorongan terhadap inisiatif TalentCorp iaitu potongan berganda bagi maksud pengiraan cukai pendapatan yang akan diperluas kepada biasiswa untuk pelajar di peringkat pensijilan TVET, perbelanjaan syarikat dalam melaksanakan program 'Internship' berstruktur dan perbelanjaan latihan yang ditanggung oleh majikan bagi pekerja untuk mendapatkan sijil dan kelayakan yang diiktiraf oleh badan vokasional dan profesional bertauliah. Malah, TalentCorp turut diberikan RM30 juta bagi program Kerjasama Industri-Akademia (IAC).

Kerajaan juga akan memastikan bahawa dasar pembangunan modal insan digubal berlatarkan 'kerjasama pintar' yang dijalin bersama dengan institusi pendidikan dan pemain industri.

Dalam perkembangan seterusnya, pewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang disasarkan menjelang akhir 2015 akan memudahkan aliran pekerja mahir antara negara-negara anggota ASEAN justeru meningkatkan daya saing dalam kalangan tenaga kerja. Namun, perkembangan tersebut mampu berperanan sebagai pemangkin kepada rakyat Malaysia untuk mempertingkatkan kemahiran mereka agar mampu bersaing bukan sahaja di Malaysia malah di pasaran serantau.

Analisis KPI Tahun 2014

Secara keseluruhannya, SRI-HCD ini telah mencatatkan pencapaian yang positif bagi KPI yang disasarkan pada tahun 2014. Kesemua KPI tersebut melibatkan banyak Kementerian lantaran skop pembangunan modal insan yang begitu luas.

Untuk inisiatif Analisis Pasaran Buruh, dua kertas kajian telah dibuat pada tahun ini, iaitu Keperluan Tenaga Manusia bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Peranan Sektor Informal dalam Pasaran Buruh. Kedua-kedua kajian tersebut telah siap pada akhir Disember dan dibentangkan kepada pihak-pihak berkepentingan bagi memperoleh input mereka.

Dalam pada itu itu, pembangunan papan pemuka atau *Dashboard* Tenaga Buruh ILMIA mengalami kelewatan kerana proses pengenalpastian data yang merupakan suatu proses yang begitu teliti. Peranan ILMIA sebagai sebuah Institut Analisis Pasaran Buruh menuntut pewujudan sebuah sistem penyimpanan dan rujukan data yang berkualiti dan

diyakini. Oleh hal yang demikian, KPI ini juga menilai tahap pengemaskinian penunjuk prestasi bagi pasaran buruh. Dalam hal ini, pasukan ILMIA begitu giat berusaha untuk memuat naik pelbagai analisis data yang diperoleh ke dalam portal tersebut. Proses ini ialah tugas yang memakan waktu justeru turut memberi kesan terhadap pelaksanaan inisiatif tersebut.

Selanjutnya, pembentangan pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan di Parlimen bererti sasaran KPI ini telah tercapai, meskipun Bahagian Dasar Kementerian Sumber Manusia (KSM) berdepan dengan kelewatan akibat bantahan daripada beberapa kelompok majikan dan pekerja di sesetengah kawasan. Ekoran daripada bantahan itu, pembentangan pindaan telah ditangguhkan ke suku keempat tahun 2014, berbanding dengan sasaran awal iaitu pada suku ketiga tahun 2014. Bahagian Dasar KSM akan menganjurkan bengkel dengan golongan majikan dan pekerja pada tahun 2015 sebagai usaha penambahbaikan dalam inisiatif ini.

Sasaran 55 peratus dalam penyertaan tenaga kerja wanita dan 30 peratus wanita dalam barisan ahli lembaga

pengurusan mencatatkan prestasi yang baik dengan menyaksikan penyertaan wanita dalam pasaran kerja mencecah 53.4 peratus pada suku pertama tahun 2014. Serentak dengan itu, pembabitan wanita dalam lembaga pengurusan di syarikat senaraian awam meningkat daripada 7.9 peratus pada tahun 2012 kepada 10.2 peratus pada akhir tahun 2014. Pencapaian ini mencerminkan peri pentingnya usaha sokongan atau advokasi, bengkel dan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), TalentCorp, PEMANDU dan pelbagai agensi lain.

Sementara itu, usaha untuk melahirkan sebuah masyarakat yang inovatif dan berkepakaran tinggi dalam bidang komputer dan teknologi maklumat (ICT) telah diperluaskan dan semakin menampakkan peningkatan berdasarkan bilangan permohonan yang diterima untuk program MyProCert dan Kerjasama Industri-Akademia. Hal ini dikatakan demikian berasaskan kira-kira 10,350 peserta yang telah mengikuti program tersebut sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2012. Di bawah program Kerjasama Industri-Akademia pula, kira-kira

13,604 pelajar dan ahli akademik telah menjalani latihan. Kedua-dua program tersebut merupakan usaha penting untuk merealisasikan sasaran 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020.

Bagi mengangkat pelaksanaan SRI ini ke tahap seterusnya, keperluan tenaga kerja dalam setiap NKEA akan dipenuhi menerusi rangkaian kerja yang dijalin dengan lebih erat bersama dengan sektor industri dan institusi yang

membekalkan tenaga kerja. Selanjutnya, sinergi yang sudah terbina sesama SRI, NKEA dan NKRA akan diselaraskan dan dimanfaatkan sebaik mungkin demi menjayakan lagi SRI ini.

Petunjuk Prestasi Utama 2014

SRI PEMBANGUNAN MODAL INSAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peratusan wanita dalam peringkat Lembaga Pengarah (Syarikat Senaraian Awam sahaja)	10%	10.2%	102	●	100	●	1.0	●
	Penyelidikan dan penerbitan oleh sumber dalaman ILMIA: (i) ECER (Keperluan Tenaga Buruh) (ii) Sektor Tidak Formal (Peranan Sektor Tidak Formal dalam Pasaran Buruh)	100%	98.5%	99	●	99	●	0.5	●
	Peratusan kemajuan yang dicapai ke atas peningkatan <i>Dashboard</i> Tenaga Buruh ILMIA	100%	98.2%	98	●	98	●	0.5	●
2	Memperkuhkan Pengurusan Sumber Manusia untuk PKS: (i) Bilangan pekerja yang berdaftar dalam portal Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) (ii) Program Peningkatan Keupayaan HR (iii) Kajian <i>Tracer Study</i>	100%	112.65%	113	●	100	●	1.0	●
3	Pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 - dibentangkan di Parlimen (Suku Keempat Tahun 2014)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
4	Pemeriksaan ke atas penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum	21,360	24,167	113	●	100	●	1.0	●
	Tindakan notis pematuan ke atas semua majikan yang gagal mematuhi perintah gaji minimum yang dikenal pasti setelah pemeriksaan dijalankan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
5	Bilangan pekerja yang memperoleh pensijilan Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu	15,000	17,470	116	●	100	●	1.0	●
	Bilangan pekerjaan yang diiklankan di www.flexworklife.my bersama dengan <i>Flexible Work Arrangement</i>	500	684	137	●	100	●	1.0	●

bersambung

sambungan muka surat sebelum

SRI PEMBANGUNAN MODAL INSAN		KPI (Kuantitatif)							
No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
6	Bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang ditubuhkan/didaftarkan yang mematuhi syarat dan kualiti yang diwajibkan oleh Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984	800	586	73	●	73	●	0.5	●
	Bilangan wanita yang dilatih dalam sektor korporat	250	253	101	●	100	●	1.0	●
	Bilangan pengasuh kanak-kanak yang dilatih	3,500	3,296	94	●	94	●	0.5	●
	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) siap dan dibuka kepada pusat asuhan kanak-kanak untuk pendaftaran	100%	50%	50	●	50	●	0	●
7	Program MyProCert	2,410	3,967	132	●	100	●	1.0	●
	Kerjasama Industri-Akademia	4,500	9,964	221	●	100	●	1.0	●
				110%		94%		83%	

Rajah 18.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

INISIATIF-INISIATIF

MEMODENKAN PERUNDANGAN BURUH DAN JARINGAN KESELAMATAN BURUH

Akta Perhubungan Perusahaan

Ekoran daripada kegusaran yang tercetus daripada khalayak majikan dan pekerja membabitkan proses penyelesaian yang digariskan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, akta tersebut telah dikaji semula dan akhirnya, beberapa cadangan pindaan telah dibentangkan di Parlimen pada 26 November 2014.

Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memantapkan hal ehwal tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan di setiap peringkat dalam Jabatan Perhubungan Perusahaan. Sementara itu, syarat kelayakan bagi pelantikan Presiden atau Pengerusi Mahkamah Perusahaan dipinda bukan hanya atas tujuan untuk memperkukuh sistem pelantikan, bahkan, dibuat atas dasar 1Malaysia. Bersandarkan pindaan tersebut, kini, peguam yang sedang berkhidmat dan berasal dari Sabah dan Sarawak diberi peluang sama rata untuk dilantik sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Di samping itu, pindaan ke atas Seksyen 56(4) Akta tersebut juga memastikan award yang ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan dapat dikuatkuasakan dengan lebih cepat. Namun begitu, masih terdapat beberapa isu yang bersangkutan dengan Akta ini namun tidak tercakup dalam pindaan yang dibentangkan pada tahun 2014. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2015, rundingan selanjutnya akan diusahakan bersama dengan golongan majikan dan kumpulan pekerja.



Wakil dari negara ASEAN di seminar bertajuk Pelaksanaan Gaji Minimum: Pengalaman daripada Negara Anggota ASEAN dan Rakan Dialog, 13-14 Oktober 2014 di Hotel Istana, Kuala Lumpur

Dasar Gaji Minimum

Penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum 2012

Perintah Gaji Minimum 2012 di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 terhadap majikan yang menggaji enam pekerja atau lebih. Tarikh pematuhan bagi majikan yang menggaji lima pekerja ke bawah pula adalah pada 1 Julai 2013. Perintah tersebut mewajibkan, antara lain, agar pekerja dibayar dengan gaji minimum sebanyak RM900 sebulan/RM4.33 sejam di Semenanjung Malaysia, dan RM800 sebulan/RM3.85 sejam di Sabah dan Sarawak, termasuklah di Labuan.

Pada bulan Januari 2014, Perintah Gaji Minimum 2012 telah dikuatkuasakan sepenuhnya di seluruh negara oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sementara itu, perangkaan bagi tinjauan dan kes aduan buruh setakat akhir bulan Disember 2014 adalah seperti berikut:

- a. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menjalankan 30,163 pemeriksaan berhubung dengan pematuhan gaji minimum dan mendapati 29,835 atau 98.9 peratus majikan telah melaksanakan Perintah tersebut sepenuhnya. Pada waktu yang sama, 995 tuntutan kes buruh melibatkan bayaran gaji minimum yang tidak dibayar telah difailkan dan daripada

jumlah tersebut, 148 kes disiasat bagi tujuan pendakwaan.

- b. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak menjalankan 4,094 pemeriksaan berhubung dengan pematuhan gaji minimum di Sarawak dan mendapati 4,040 atau 98.7 peratus majikan telah melaksanakan Perintah tersebut sepenuhnya. Sementara itu, 51 tuntutan kes buruh yang difailkan telah dikendalikan oleh pihak Jabatan.
- c. Jabatan Tenaga Kerja Sabah menjalankan 5,934 pemeriksaan berhubung dengan pematuhan gaji minimum dan mendapati 5,765 atau 97.2 peratus majikan telah melaksanakan Perintah tersebut sepenuhnya. Setakat ini, 65 tuntutan kes buruh telah difailkan dan daripada jumlah tersebut, tiga kes disiasat bagi tujuan pendakwaan.

Seminar dan Bengkel

Sejajar dengan perancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan memastikan pelaksanaan gaji minimum dengan sebaik mungkin, KSM telah menganjurkan tiga seminar dan bengkel pada tahun 2014:

- a. Seminar Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012, dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Bank Dunia, pada 25-26 Mac 2014 di Hotel Putrajaya Marriot, IOI Resort City. Objektif seminar

tersebut adalah untuk memberi panduan kepada Majlis Perundangan Gaji Negara (NWCC) dan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum (NWTG) bagi mengenal pasti penanda atau syarat yang wajar diambil kira sewaktu penyemakan semula Perintah Gaji Minimum 2012 dijalankan. Seminar itu dihadiri oleh kira-kira 80 peserta, termasuk 20 ahli NWCC, 10 ahli NWTG dan kira-kira 20 wakil dari agensi Kerajaan.

Secara ringkasnya, Bank Dunia dan ILO menekankan beberapa aspek yang wajar dipertimbangkan sebelum semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012 dimuktamadkan:

- i. Hubungan baik antara majikan dan pekerja serta kepentingan kedua-dua pihak perlu dititikberatkan
- ii. Kutipan data mesti berpandukan sumber yang neutral/boleh dipercayai
- iii. Sebarang pindaan kepada Perintah Gaji Minimum 2012 mesti mematuhi konvensyen-konvensyen antarabangsa dan undang-undang negara
- iv. Sebarang impak daripada Perintah Gaji Minimum 2012 ke atas ekonomi, seperti kenaikan kos buruh, penambahbaikan ke atas automasi dan mekanisasi, penyumbangan luar dan sebagainya wajar dipertimbangkan
- v. Pindaan tidak boleh menyebabkan berlakunya sebarang diskriminasi dalam nisbah bayaran gaji ke atas mana-mana kelas pekerja
- b. Seminar Pelaksanaan Gaji Minimum: Pengalaman daripada Negara Anggota ASEAN dan Rakan Dialog, 13-14 Oktober 2014 di Hotel Istana, Kuala Lumpur

Seminar ini diadakan untuk menimba pengalaman daripada negara anggota ASEAN serta negara Jepun dan Korea Selatan berkenaan pelaksanaan gaji minimum. Seminar tersebut dihadiri oleh lebih 100 peserta dari negara ASEAN (Malaysia, Kemboja, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Myanmar), ILO cawangan Bangkok, Yayasan Qatar selaku pemerhati, wakil dari Kementerian dan Jabatan terbabit serta ahli NWCC dan NWTCC.

Antara pengalaman yang baik dan dikongsikan sewaktu seminar tersebut termasuklah:

- i. Pelaksanaan gaji minimum berpandukan sektor pekerjaan atau daerah seperti yang diamalkan di Jepun dan Indonesia tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia
- ii. Pelaksanaan gaji minimum berpandukan tugas (upah mengikut kerja, bayaran tanan, perjalanan dan komisyen) memerlukan suatu kajian menyeluruh disebabkan keunikan sistem seperti ini. Dengan mengambil Kemboja sebagai contoh, rumusan pengiraan gaji minimum

untuk pekerja yang berupah ikut kerja adalah berpandukan tugas-tugas lazim yang dilakukan oleh seseorang pekerja dalam tempoh maksimum 8 jam waktu bekerja. Namun, sehingga kini, Kemboja dan Filipina masih belum menemukan kaedah dan rumusan yang sesuai bagi menentukan gaji minimum seorang pekerja berpandukan tugas dan output

- iii. Pelaksanaan gaji minimum tidak akan efektif tanpa penguatkuasaan yang ketat
- iv. Instrumen serta komponen yang digunakan dalam perumusan gaji minimum wajar dikaji secara mendalam terlebih dahulu sebelum dikuatkuasakan dalam kalangan negara anggota ASEAN. Hal ini penting demi memastikan matlamat asal dasar gaji minimum, yakni untuk membela golongan pekerja yang berpendapatan kecil, akan tercapai. Namun pada waktu yang sama, pelaksanaan gaji minimum tidak sepatutnya menjejaskan operasi industri dan membebaskan ekonomi negara secara amnya.

- c. Bengkel bagi Pelaksanaan Gaji Minimum (Klinik Gaji Minimum) yang diadakan dari Disember 2013-Februari 2014

Bengkel tersebut diadakan dengan objektif untuk menyebarkan maklumat serta sokongan yang disediakan oleh pelbagai agensi, seperti insentif, bantuan kewangan, geran dan khidmat rundingan, kepada golongan majikan bagi melegakan impak susulan daripada pelaksanaan dasar gaji minimum. Selain itu, bengkel ini juga berperanan sebagai platform bagi membolehkan para majikan berkongsi tentang kaedah-kaedah yang efektif berhubung dengan pelaksanaan gaji minimum dalam industri masing-masing.

Bengkel tersebut telah dianjurkan oleh NWCC dan PEMANDU dengan kerjasama 13 agensi lain yang terdiri daripada Kementerian Kewangan (MOF), Small Medium Enterprises Corporation (SME Corp.), Malaysia Investment Development Fund (MIDF), Malaysia Productivity Corporation (MPC), Credit Guarantee Corporation (CGC), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), German Malaysia Institute (GMI) dan Japan Malaysia Training Institute (JMTI). Beberapa syarikat turut dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka selaku majikan dalam usaha melaksanakan gaji minimum. Sebanyak lapan buah bengkel telah diadakan di seluruh negara, bermula dari Kuala Lumpur (3 Disember 2013), Pulau Pinang (10 Disember 2013), Johor Bahru (17 Disember 2013), Kuantan (28 Januari 2014), Kuching (24 Februari 2014), Kota Kinabalu (3 Mac



Para peserta di Seminar Pelaksanaan Gaji Minimum

2014), Miri (22 April 2014) dan Sandakan (23 April 2014).

Bengkel yang diadakan telah berhasil mengupas beberapa perkara, antara lain:

- i. Sekiranya kontrak perkhidmatan yang dibuat antara agensi Kerajaan dan mana-mana syarikat swasta, atau antara sesebuah syarikat swasta dan mana-mana syarikat swasta yang lain menetapkan gaji pokok yang lebih rendah daripada kadar gaji minimum, kontrak perkhidmatan tersebut haruslah disemak semula;
- ii. Sesi dialog dan perbincangan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan dari pelbagai sektor perlu ditingkatkan sebagai usaha untuk memastikan dasar gaji minimum dilaksanakan dengan lebih baik
- iii. Pindaan yang dicadangkan terhadap Perintah Gaji Minimum 2012 seperti kadar gaji minimum perlu dilakukan secara berperingkat
- iv. Impak terhadap produktiviti susulan daripada pelaksanaan gaji minimum perlu dikaji:

- v. Geran perlu disediakan kepada majikan untuk melatih/mempertingkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka
- vi. Penggunaan automasi perlu digalakkan bagi melegakan tekanan terhadap industri yang mempunyai kebergantungan buruh yang tinggi; dan
- vii. Kekeliruan yang timbul rentetan daripada pelaksanaan gaji minimum ke atas pekerja tempatan dan pekerja asing wajar diselesaikan.

Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012

Kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 dibuat mengikut peruntukan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 yang menetapkan bahawa kajian semula perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun. Susulan peruntukan tersebut, NWCC sedang memuktamadkan keputusan kajian tersebut dan kertas cadangan yang lengkap bagi pelaksanaan Perintah Gaji Minimum yang baharu akan diserahkan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi.

Jabatan Tenaga Kerja berperanan memastikan agar majikan mematuhi Perintah Gaji Minimum tanpa syarat. Namun, cabaran utama yang dihadapi oleh Jabatan Tenaga Kerja dalam

hal ini adalah disebabkan bilangan pegawai penguatkuasa yang lebih kecil berbanding dengan saiz golongan majikan yang lebih besar.

Dalam perkembangan yang lain, Mahkamah Tinggi telah memutuskan dalam kes *Crystal Crown Hotel & Resort Sdn Bhd dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Hotel, Bar dan Restoran* bahawa caj perkhidmatan adalah tidak termasuk dalam pengiraan gaji pekerja. Kes tersebut merupakan kes penting dalam sejarah pelaksanaan gaji minimum dan kini menjadi *precedent* dalam industri hospitaliti.

Insurans Pekerja

Antara langkah dasar yang diketengahkan dalam Model Ekonomi Baru untuk memperkukuh jaringan perlindungan pekerja adalah melalui suatu skim insurans pekerja (EI) yang disokong oleh pelbagai manfaat lain untuk pekerja. Dalam suasana ketidaktentuan ekonomi yang semakin melanda dunia, skim insurans yang dicadangkan menerusi penggubalan Akta Insurans Pekerja berupaya meringankan bebanan pemecatan untuk pekerja yang dibuang kerja kerana situasi ekonomi. Bahkan, sewaktu pembentangan Bajet 2015, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa Kerajaan akan memperkenalkan suatu Sistem Insurans Pekerjaan. Matlamat utama sistem EI termasuklah:

- **Jaminan pendapatan:** Mengisi kehilangan pendapatan yang dialami oleh pekerja dan keluarga mereka (respons serta-merta terhadap risiko kemiskinan)
- **Membantu pencarian dan penempatan kerja:** Sokongan untuk membantu pekerja agar kembali bekerja secepat mungkin
- **Peluang kebolehgajian yang lebih tinggi:** Memberi peluang latihan baharu, latihan semula atau peningkatan kemahiran kepada pekerja terbabit



Bengkel Pelaksanaan Gaji Minimum diadakan pada 3 Mac 2014 di Kota Kinabalu, Sabah, dirasmikan oleh Dato' Sri Richard Riot, Menteri Sumber Manusia

KSM akan terlibat secara langsung dalam usaha untuk memasyarakatkan pelaksanaan insurans ini melalui sesi dialog sesama pihak berkepentingan dan memaklumi orang awam dan sektor swasta untuk meninjau kesediaan mereka serta merangka pelan tindakan untuk pelaksanaan Akta tersebut. Berlatarkan rangka kerja dasar yang jelas di pihak KSM, maklum balas daripada pihak majikan dan pekerja akan dikaji bagi menemukan suatu kata sepakat antara kedua-dua pihak dalam melaksanakan skim insurans tersebut.

Intipati Utama

Bagi memacu peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi, perundangan buruh di negara mestilah selari dan berkembang sejajar dengan keperluan negara maju. Hasrat ini akan direalisasikan oleh Kerajaan melalui pewujudan pemangkin dan perundangan yang sewajarnya. Namun begitu, pemodenan pasaran buruh perlu mengambil kira perspektif dan kepentingan kedua-dua majikan dan juga pekerja menerusi rundingan yang ekstensif agar penetapan yang dibuat boleh diterima oleh kedua-dua pihak. Perlindungan hak pekerja dan persekitaran kerja yang kondusif untuk manfaat tenaga kerja juga perlu dititikberatkan.

MEMPERKUKUH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA UNTUK PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Sebuah *tracer study* telah dijalankan pada tahun ini bertujuan untuk memperkasa Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC). Hal yang demikian ini didorong oleh beberapa isu yang dikenal pasti telah menjejaskan keberkesanan NHRC, antara lain, tahap kesedaran yang rendah tentang perkhidmatan yang disediakan, masalah portal yang tidak mesra pengguna sehinggakan navigasi portal menjadi rumit, maklumat yang lapuk, respons yang lambat sewaktu sesi *live chat*, maklumat teknikal yang diperlukan pengguna tidak mencukupi dan tahap kredibiliti profesional para perunding yang mengendalikan isu yang dihadapi oleh PKS adalah tidak jelas.

Susulan *tracer study* tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan:

- Pemfokusan Peningkatan Perkhidmatan
 - Maklumat dan latar belakang kelulusan perunding sumber manusia yang dilantik oleh NHRC untuk menyokong tugas khidmat nasihat sumber manusia perlu dipaparkan
 - Menambah bilangan agen pusat panggilan yang layak dan berkualiti
 - Latihan pendedahan terhadap modul bahan perlu diberi kepada ahli yang baru mendaftar
 - Meningkatkan penyertaan dalam program latihan sumber manusia dan program insaniah berpandukan maklumat dan pautan yang relevan dalam portal
- Pengukuhan Portal bagi Tujuan Kejelasan Maklumat dan Menarik Lebih Ramai Pengguna
 - Mempertingkatkan navigasi dan kejelasan paparan maklumat pada keseluruhan portal
 - Mengemaskini maklumat dalam portal secara tetap dan teratur
- Peningkatan Aktiviti Promosi berkaitan Perkhidmatan NHRC bagi Tujuan Kesedaran dan Capaian Awam
 - Mengetengahkan maklumat berkenaan NHRC menerusi sidang media tradisi
 - Mengoptimalkan enjin carian bagi menambah kadar penggunaan
 - Memberi sorotan kepada pencapaian dan kajian kes dalam portal
 - Menarik pelibatan pertubuhan industri sebagai pihak berkepentingan untuk mempromosi NHRC
 - Mewujudkan suatu strategi promosi berasaskan media sosial

Intipati Utama

Dengan menyedari hakikat bahawa perusahaan kecil sederhana (PKS) ialah tulang belakang ekonomi negara, PKS berperanan penting dalam usaha memacu negara ke status negara berpendapatan tinggi. Namun, pewujudan landskap perniagaan PKS yang mapan amat bergantung pada takungan modal insan yang mantap, justeru usaha bagi menyokong PKS dalam hal ini perlu dirancarkan.

Sehubungan dengan itu, penubuhan NHRC bertujuan untuk menyediakan sokongan dalam pengurusan sumber manusia kepada PKS. Hal ini turut didorong oleh matlamat Kerajaan untuk memastikan pasaran domestik memberikan keutamaan terhadap latihan dan peningkatan kemahiran tenaga kerja mereka. Lanjutan daripada itu, Bajet 2015 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri menyediakan insentif elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas RM4 juta perbelanjaan modal yang pertama untuk industri yang mempunyai kebergantungan buruh yang tinggi seperti industri produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil. Insentif tersebut adalah bagi tempoh tahun 2015-2017. Selain itu, elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus disediakan ke atas RM2 juta perbelanjaan modal yang pertama bagi industri-industri lain. Insentif ini adalah bagi tempoh tahun 2015-2020. Portal NHRC ini merupakan satu aspek yang terkandung dalam pelan perancangan SME Corp dan memainkan peranan penting kepada PKS yang tidak mampu menyediakan khidmat Jabatan Sumber Manusia mereka sendiri.

FOKUS DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN TARAF TENAGA KERJA

Sepanjang tahun ini, EPU telah melaksanakan Audit Verifikasi Institut Latihan Kemahiran Awam membabitkan tujuh Kementerian. Audit berkenaan dilaksanakan oleh EPU susulan arahan daripada Jemaah Menteri dengan tujuan memperuntukkan pembiayaan kepada institusi-institusi berasaskan prestasi masing-masing. Pihak yang terbabit dalam pelaksanaan audit

tersebut ialah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah KSM dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPM, manakala laporan rasmi disasarkan akan siap pada 2015.


Ekoran pelaksanaan audit tersebut, prestasi sejumlah 525 institusi awam TVET disemak secara penilaian sendiri (*self-assessment*), sementara 131 institusi (bersamaan saiz sampel 25 peratus) pula menerima lawatan audit daripada pegawai JPK dan MQA dari bulan Jun sehingga Julai 2014.

MGCC-GMI PEMANDU

Bagi mengisi sasaran 40 peratus daripada 3.3 juta pekerjaan yang diwujudkan di bawah ETP yang terdiri daripada pekerja mahir TVET dan berkepakaran tinggi, Kerajaan telah mengukuhkan laluan untuk pendidikan TVET menerusi pelbagai program. Antara fokus yang ditekankan dalam aspek ini ialah pewujudan program latihan vokasional dua aliran antara institusi TVET dan pihak industri. Seiring dengan matlamat ini, PEMANDU telah berperanan sebagai pemudah cara dalam jalinan kerjasama yang dibina antara JPK, German-Malaysian Institute (GMI) dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC).

Usaha ini dilancarkan pada Jun 2014 dan membabitkan 22 pelatih yang mengikuti latihan dalam jurusan pengurusan industri (11 pelatih) dan pengurusan logistik (11 pelatih). Skim tersebut disertai oleh 17 syarikat yang kebanyakannya ialah syarikat Jerman (contohnya, Infineon, Schenker, a.hartrodt, Bosch, SGL, TÜV Rheinland dan Panalpina). Para pelatih akan dianugerahkan dua sijil selepas menamatkan latihan tersebut, iaitu Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5) dan Sijil German Chamber (AHK).

Menurut MGCC, syarikat-syarikat latihan kerap mengadu bahawa proses menguruskan program latihan agak rumit. Hal tersebut ekoran daripada syarat MGCC yang wajib dipatuhi oleh syarikat-syarikat berkenaan sebelum layak menerima sijil AHK Chamber daripada MGCC. Sementara itu,



PEMANDU dan MGCC memeterai Memorandum Persefahaman (MoA)

syarikat yang mahu mendapatkan pensijilan Tahap 5 Standard Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan (NOSS) pula wajib mematuhi syarat yang dikenakan oleh JPK. Kedua-dua faktor tersebut membuatkan pihak industri dan syarikat kurang berminat menyertai program latihan.

Sementara itu, jurulatih yang terpilih melaksanakan program latihan dua aliran di GMI dan syarikat-syarikat yang turut serta telah disaring, selain penganjurian bengkel yang mendapat sokongan daripada kerajaan Malaysia dan Jerman. Hal ini penting bagi menjamin kualiti latihan yang disediakan oleh kedua-dua pihak berkenaan.

Usaha lain turut dilaksanakan bagi menjayakan program ini, antaranya, mesyuarat sesama GMI, JPK dan MGCC yang kerap diadakan bagi tujuan penyelarasan serta penyaluran maklum balas kepada pihak berkuasa bagi memperluas kesedaran dan meraih sokongan terhadap program ini.

Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP)

NTEP yang dilancarkan pada 2012 bermatlamat untuk mempercepatkan pembangunan tenaga kerja mahir khususnya dalam sektor NKEA dan sektor ekonomi di bawah program pembangunan Wilayah Ekonomi dan Koridor menerusi jalinan



Kumpulan pelatih pertama yang mengikuti Program Latihan Dual Vokasional MGCC-GMI. MGCC ialah Sistem Latihan Dual Negara yang pertama di negara yang menawarkan kursus Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Pelatih turut dianugerahkan Sijil German Chamber (AHK) selepas tamat kursus

perkongsian dengan pemain industri. Bersumberkan peruntukan kepada pihak-pihak pelaksanaan Koridor pada tahun 2012, beberapa geran latihan telah diberikan di bawah NTEP untuk meneruskan usaha peningkatan keupayaan graduan dan memperkukuh kebolehgajian mereka.

Sebagai contoh, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah menerima peruntukan geran 'one-off' sebanyak RM1,655,000 untuk melatih 100 graduan. Menjelang akhir tahun 2013, seramai 141 graduan telah beroleh pekerjaan, mengatasi sasaran awal 100 graduan menerusi pembiayaan yang hanya berjumlah RM885,854.02. Graduan dibayar jumlah maksimum RM1,250 sebulan untuk tempoh 13 bulan (termasuk satu bulan untuk latihan), walaupun skala gaji berbeza-beza dan bergantung pada syarikat. Dalam hal ini, bukan sahaja NCIA berupaya memanfaatkan jumlah yang lebih sedikit daripada jumlah yang diperuntukkan, malah, bilangan graduan yang dilatih juga lebih ramai dan jumlah usaha sama dengan sektor swasta, termasuklah PKS, juga lebih tinggi.

Sementara itu, geran latihan yang diberikan kepada Might Meteor telah dimanfaatkan oleh beberapa graduan, antaranya ialah Syahril Azeem Ong. Beliau terpilih menyertai projek Proton (P4-90B) dan ditugaskan untuk mereka bentuk struktur belakang kereta berdasarkan kekuatan struktur yang disyaratkan oleh DFMEA (*Design failure modes and effects analysis*). Skop tugas beliau memerlukan pemodelan dibentuk secara 3D sama ada menerusi pembangunan kaedah baharu atau kejuruteraan balikan (reverse engineering). Beliau turut ditugaskan untuk menganalisis reka bentuk bahagian kereta dan pemasangan. Hal ini membuktikan betapa usaha NTEP telah berjaya mempertingkatkan keupayaan dan kebolehgajian graduan.



Peserta NTEP di Shorubber Malaysia Sdn Bhd

Status Terkini NTEP setakat bulan Disember 2014:

Agensi	Sasaran Pelatih	Tamat Latihan
SHRDC	100	100
ATHM	100	84
ECER	50	164
IRDA	100	126
SEDIA	50	115
NCIA	100	272
Sarawak	50	20
MIGHT – METEOR	100	100
CIDB	32	32
JUMLAH	682	1013

MDEC MyProCert dan Kerjasama Industri-Akademia (IAC)

Program MyProCert dilancarkan secara usaha sama dengan Multimedia Development Corp (MDeC) dengan tujuan melahirkan lebih ramai ahli profesional yang berkelayakan ICT. Program ini menawarkan 94 pensijilan untuk 21 bidang kepakaran, antara lain, Big Data, bidang Perangkaan, Keselamatan, Seni Bina Perniagaan,

Pengkomputeran Awan dan Pengurusan Projek.

MDeC turut menjalinkan usaha sama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan ikut serta dalam pameran yang dianjurkan oleh CIDB di seluruh negara untuk mempromosikan penggunaan teknologi *Building Information Modelling* (BIM) kepada ahlinya. Usaha tersebut berjaya meningkatkan permohonan bagi pensijilan BIM Autodesk Revit kepada 250 pada tahun 2014, berbanding dengan hanya 50 permohonan pada tahun 2013.

Semakin ramai penjawat awam turut dilihat memohon mendapatkan pensijilan daripada *Project Management Professionals* (PMP). Selain itu, pensijilan daripada TRIZ (pengesanan masalah, analisis dan kaedah peramalan) juga mendapat sambutan ramai pekerja daripada pelbagai sektor, terutamanya ICT, Pembuatan, Minyak dan Gas, Hospitaliti dan Perkhidmatan.

Salah satu pihak yang telah memanfaatkan sijil TRIZ ialah B. Braun Medical Industries, yang telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada 1972. TRIZ ialah kaedah yang digunakan bagi penawaran produk baharu dan sedia ada, menguruskan kos pembuatan sambil memastikan kualiti produk. B. Braun

Medical telah mensyaratkan pensijilan TRIZ dalam skop latihan pekerja, justeru menjadikan TRIZ sebagai suatu kepakaran penting dalam proses penambahbaikan yang berterusan dan inovasi yang sistematik.

Berikutan penerapan program MyProCert, B. Braun telah melatih seramai 45 jurutera dan berjaya menempa kejayaan dalam aspek penambahbaikan dalam proses pembuatan dan pembangunan produk baharu. Di samping itu, B. Braun juga telah memuatkan elemen sokongan pengurusan ke dalam proses DMAIC (*Define, Measure, Analyze, Improve, Control*), yakni suatu proses penambahbaikan yang berpandukan data. Hal ini memandangkan Braun sedang menjuarai penggunaan TRIZ dan harus menitikberatkan aspek sokongan pengurusan dalam perniagaan mereka.

Seorang lagi peserta MyProCert, Zulhasni Abdul Rahim, yang merupakan Penolong Pengurus di Bahagian Transformasi di PROTON, telah memanfaatkan TRIZ untuk mencetuskan impak yang ketara dalam penjaan pendapatan untuk syarikatnya. Zulhasni turut memanfaatkan pengetahuannya untuk pengajian PhD beliau. Semenjak mempelajari metodologi TRIZ, beliau telah mengaplikasikannya dalam PROTON sehingga berjaya mengangkat pendapatan syarikat. Kejayaan tersebut membolehkan PROTON mengusahakan lebih daripada 10 projek yang memfokuskan inovasi terhadap kos dan penambahbaikan ke atas nilai produk.

Usaha Zulhasni bukan sahaja menyumbang kepada kejayaannya meraih Ph.D, malah beliau telah memenangi pertandingan MyTRIZ untuk dua tahun berturut-turut, meraih anugerah kertas kajian cemerlang di Persidangan TRIZ 2014 ke-5 di Korea dan beliau begitu dihormati sebagai pencetus inovasi di PROTON. Deretan kejayaan yang beliau raih telah meletakkannya di bahagian transformasi di PROTON setelah berkhidmat di bahagian kejuruteraan. Sejak penerapan TRIZ, organisasi tersebut telah melatih hampir 60 jurutera.

Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL)

Skim RPL yang dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja mendapat pengiktirafan bagi kemahiran dan keterampilan mereka menurut tahap yang telah ditetapkan oleh JPK. Selain JPK, HRDF turut melantik Great Britain Colleges Consortium (GBCC) untuk memberikan pensijilan dalam skim ini.

Penilaian dan pengiktirafan RPL yang diperoleh oleh pekerja melayakkan mereka untuk memohon gaji yang lebih tinggi setara dengan tahap kemahiran mereka. Setakat bulan Disember 2014, seramai 17,470 pekerja telah mengikuti program tersebut.

Intipati Utama

SRI ini akan menggiatkan usaha dalam memainkan peranannya

sebagai pemudah cara bersama-sama Kementerian yang terbabit untuk menyelaraskan kurikulum dan data bersama dengan pihak Kementerian berkenaan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan jalinan kerjasama dengan institusi yang berkualiti di samping membina rangkaian kerja dengan industri. Usaha bagi memperkukuh TVET turut disumbangkan oleh sektor swasta di bawah NKEA Pendidikan, yakni EPP 5 – Perluasan Peruntukan Latihan Kemahiran Swasta.

Program MyProCert setakat ini menampakkan penyertaan yang lebih tinggi daripada kalangan individu berbanding dengan penyertaan syarikat, dengan nisbah 60:40. Tinjauan juga memperlihatkan bahawa penyertaan dalam program ini agak terhad kepada peserta di Lembah Klang. Berikutan itu, program kesedaran akan diperkukuh bagi menarik peserta dari kawasan luar Lembah Klang.

Dalam pada itu, golongan majikan disarankan agar mengetepikan norma kebiasaan yang menafikan peluang bagi pekerja mereka semata-mata kerana takut peserta tersebut akan berhijrah keluar atau menuntut gaji yang lebih tinggi setelah memperoleh pensijilan peningkatan kemahiran. Hal ini dikatakan demikian setelah tinjauan mendedahkan bahawa sesetengah syarikat, terutamanya PKS, enggan membenarkan pekerja mereka mengambil pensijilan tersebut, bahkan, ada syarikat yang sanggup menghantar pekerja mereka untuk dilatih tetapi tidak membenarkan pekerja tersebut menduduki ujian pensijilan. Senario ini mencerminkan betapa anjakan minda yang menyeluruh diperlukan daripada golongan majikan bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan pensijilan pekerja kepada syarikat mereka.

Di samping itu, sesetengah syarikat didapati memohon pembiayaan untuk pensijilan pekerja daripada sumber yang berbeza-beza, malah ada pula yang memohon daripada HRDF untuk memperoleh pembiayaan yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, program kemahiran di bawah SRI ini



Pemenang utama dalam Pertandingan Reka Bentuk Inovasi Malaysia 2014 dari setiap Peringkat Industri: Intel, Altera, Keysight Technologies, Silterra, National Instruments, Microsoft dan Mathworks, bersama dengan YBhg Datuk Che Azemi Haron, Timbalan Ketua Setiausaha (II) di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia



Bengkel Hasil Kajian Sumber Manusia bagi Keperluan Tenaga Buruh dan Kecekapan Kemahiran, serta Hasil Kajian ke atas Bandar dan Koridor di Hotel Everly, November 2014

memerlukan penyelarasan bersama dengan HRDF bagi menangani isu tersebut.

ANALISIS PASARAN BURUH

Analisis pasaran buruh yang dijalankan oleh ILMIA adalah berasaskan standard antarabangsa yang dibangunkan oleh ILO dan disokong oleh penyelidikan serta kajian ke atas tajuk-tajuk terpilih yang berkait secara langsung dengan tenaga kerja.

Melalui usaha tersebut, ILMIA kini berupaya menyediakan maklumat tentang pasaran buruh kepada pekerja, majikan, pembekal tenaga buruh dan pelabur asing dalam aspek persediaan yang perlu mereka lakukan dalam pasaran buruh di samping membolehkan mereka membuat perancangan berkaitan dengan aktiviti ekonomi dalam negara.

Portal ILMIA yang dilancarkan pada 2013, termasuk komponen *dashboard* yang terkandung dalam portal tersebut, kini sedang diperkukuh oleh ILMIA. Portal ini turut dipertingkatkan dengan maklumat tambahan daripada Jabatan Perangkaan dan kajian penyelidikan ke atas beberapa sektor yang dikenal pasti dan koridor ekonomi yang berperanan sebagai penunjuk. Portal dan *dashboard* ini telah mencatatkan respons yang positif hasil daripada maklumat pasaran buruh yang dikemukakan. Malah, kebanyakan institusi telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama

dengan ILMIA dalam kajian mengenai takungan bakat serta penyelidikan ke atas pasaran buruh.

Sementara itu, ILMIA telah melancarkan Fasa Kedua portal itu yang melibatkan pembangunan sebuah Gudang Data Pasaran Buruh Bersepadu. ILMIA akan meneruskan usaha untuk memperluas pemahaman berkenaan kepentingan data yang diperlukan menerusi pelibatan Kementerian yang berkenaan dan pemain utama dalam industri. Pembangunan Fasa Kedua ini akan membolehkan data pasaran buruh disimpan, selain membantu peramalan dilakukan secara terperinci berpandukan kehendak pengguna dan struktur portal. Sehubungan dengan itu, modul khusus perlu dibangunkan untuk menyepadukan pangkalan data LMIDW dengan portal ILMIA agar laporan statistik yang diperoleh dapat dipaparkan kepada khalayak awam.

Selain itu, ILMIA juga akan menjalin kerjasama dengan TalentCorp untuk menghasilkan sebuah laporan yang mengenal pasti kemahiran kritikal yang diperlukan dalam sektor-sektor utama.

Intipati Utama

Matlamat utama ILMIA adalah mewujudkan sebuah pangkalan data berpusat dengan ciri interaktif dengan tujuan membantu perancangan tenaga kerja dalam negara di samping membolehkan penawaran dan

permintaan untuk tenaga kerja dikira dalam setiap subsektor industri. Menerusi usaha ini, ILMIA akan berupaya mengenal pasti kemahiran yang kritikal selaras dengan kehendak industri di samping meningkatkan kebolehgajian graduan.

MEMANFAATKAN BAKAT WANITA

Menggalakkan Penyertaan Wanita dalam Sektor Pekerjaan: Inisiatif Penjagaan Kanak-kanak

Pada ketika ini, sejumlah 70 peratus kemasukan ke universiti awam diisi oleh golongan wanita, dan sebahagian besar daripada mereka akan melangkah ke pasaran tenaga kerja sejurus selepas tamat pengajian. Akan tetapi, ramai daripada golongan wanita ini akan meninggalkan sektor pekerjaan sedangkan mereka sudah berpeluang untuk memperoleh kenaikan pangkat, dan hal ini sering kali berpunca daripada komitmen peribadi kaum wanita. Dalam hal ini, inisiatif yang menyasarkan peningkatan penyertaan tenaga kerja wanita kepada 55 peratus dan 30 peratus penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan menjelang tahun 2016 telah mencatatkan pencapaian yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana penyertaan tenaga kerja wanita telah meningkat kepada 53.4 peratus setakat ini, berbanding dengan 49.2 peratus pada tahun 2012.

Bagi mendorong pembabitian wanita dalam tenaga kerja, bantuan yuran bagi penjagaan kanak-kanak, geran pelancaran bagi penubuhan pusat asuhan, pengecualian cukai untuk pusat asuhan serta potongan cukai berganda kepada majikan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja mereka perlu dipertingkatkan.

Fokus utama dalam inisiatif ini masih disasarkan terhadap peningkatan bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang berkualiti. Pada tahun 2014, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan operasi untuk mendaftarkan pusat asuhan kanak-kanak yang masih belum berdaftar sekali gus memastikan bahawa syarat dan kualiti yang diwajibkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak

1984 dipatuhi. Hasil daripada usaha tersebut, sejumlah 515 pusat asuhan telah didaftarkan dengan JKM. Hal ini bererti bahawa jumlah pusat asuhan yang telah ditubuhkan dan didaftarkan menurut syarat dan kualiti yang diwajibkan oleh Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 sepanjang tahun lepas ialah 586.

Selain itu, subsidi yang diberikan oleh Kerajaan untuk kursus latihan kepada pengasuh kanak-kanak telah diteruskan pada tahun 2014. Sejumlah 3,296 pengasuh kanak-kanak telah memulakan atau sudah pun menamatkan Kursus Asuhan PERMATA sepanjang tahun 2014.

Pada tahun 2015, inisiatif terhadap peningkatan pusat asuhan kanak-kanak akan diperkukuh menerusi usaha yang lebih terarah dan berasaskan empat kategori – pusat asuhan di institusi, pusat asuhan di tempat kerja, pusat asuhan komuniti dan pusat asuhan yang bertempat di rumah. Selain itu, proses latihan yang diberikan kepada pengasuh kanak-kanak akan dikaji semula sebelum perancangan baharu dibuat pada awal tahun. Hal ini melibatkan penilaian berstruktur ke atas latihan yang diberikan oleh para pelatih JKM bagi memastikan kualiti latihan tersebut.

Menyentuh aspek lain, buat masa ini, pusat asuhan yang disediakan dalam sesebuah bangunan komersial tidak dibenarkan berada pada tingkat yang lebih tinggi dari tingkat dua bangunan tersebut. Namun, pada 16 April 2014, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji syarat ini semula. Hal ini adalah rentetan maklum balas yang diterima daripada pelbagai syarikat yang menghadapi kesukaran untuk mematuhi syarat tersebut disebabkan oleh penggunaan ruang yang terbatas.

Intipati Utama

SRI-HCD akan berusaha membangunkan garis panduan dan kriteria yang jelas bagi syarikat yang berminat untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tingkat yang lebih tinggi dari tingkat dua dalam sesebuah bangunan komersial. Garis



Majlis Tamat Latihan Kursus untuk kumpulan ketiga yang mengikuti Program Latihan Pengarah Wanita, bersama dengan YB Dato' Sri Rohani Karim (Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) diadakan di KL Convention Centre

panduan tersebut diharap dapat mendorong lebih banyak syarikat untuk membangunkan pusat asuhan di lokasi kerja justeru membolehkan lebih ramai wanita kembali bekerja. Buat masa ini, syarat yang sedia ada masih perlu dipatuhi, namun, sebarang permintaan untuk menubuhkan pusat asuhan di tingkat atas dari tingkat dua akan dikaji mengikut kes. Sementara itu, beberapa inisiatif lain seperti waktu kerja anjal (*flexi hours*) juga sedang dilaksanakan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia dan juga TalentCorp. Hal yang demikian ini bagi mendorong wanita agar kembali bekerja dan diusahakan selari dengan inisiatif penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

30 Peratus Wanita dalam Barisan Jawatan Pembuat Keputusan

Kajian memperlihatkan penurunan bilangan wanita dalam tenaga kerja, khususnya dalam jawatan pengurusan peringkat tertinggi dan pertengahan. Secara perbandingan, lebih 50 peratus penyertaan wanita pada peringkat permulaan kerja menurun kepada 24 peratus wanita yang memegang jawatan pengurusan kanan dan hanya 8 peratus wanita pada peringkat Lembaga Pengarah (Sumber: Tinjauan berkaitan Aspek Kepelbagaian di Tempat Kerja [Diversity at the Workplace Survey], TalentCorp-PwC, 2013 dan Kajian Dasar berkaitan Wanita dalam Barisan Lembaga Pengarah [Women on Boards Baseline Study], PEMANDU-PwC, 2013)

Dasar yang dibentuk menyasarkan 30 peratus penyertaan wanita pada peringkat Lembaga Pengarah dalam sektor awam, sama ada dalam syarikat yang disenaraikan atau belum disenaraikan. Malah, pemantauan data akan dibuat pada peringkat pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah bagi memastikan bilangan wanita yang sedang dipupuk untuk menyandang jawatan dalam barisan Lembaga Pengarah adalah bertepatan dengan sasaran tersebut. Sejak Kajian Dasar tersebut dijalankan, bilangan wanita yang memegang jawatan di lembaga pengarah menunjukkan peningkatan daripada 8 peratus pada tahun 2012 kepada suatu paras yang melebihi 10 peratus sedikit pada akhir tahun 2014. Peningkatan tersebut sedikit sebanyak berpunca daripada kesedaran yang semakin meningkat berkenaan isu ini serta pelaksanaan inisiatif yang dilancarkan pada tahun 2014.

Pada tahun 2014, inisiatif ditumpukan terhadap Program Pengarah Wanita (WDP) yang dianjurkan bersama oleh Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW), Akademi Pengarah Malaysia (MINDA) dan LeadWomen. Program ini mengenal pasti wanita yang sesuai dan berkebolehan untuk memegang jawatan sebagai pengarah wanita. Setakat akhir tahun 2014, sejumlah 932 wanita telah menamatkan program ini manakala 17 daripada mereka telah dilantik ke Lembaga Pengarah.

Langkah advokasi yang lain memberikan tumpuan terhadap peningkatan kesedaran berkenaan cabaran dan matlamat utama dalam usaha untuk mengangkat kepelbagaian gender pada peringkat pembuat keputusan. Sehubungan dengan itu, pada bulan September 2014, NIEW telah menganjurkan Sidang Kemuncak bagi Wanita yang ke-12 dengan penekanan khusus terhadap wacana bagi meningkatkan kepelbagaian gender dalam pelantikan jawatan peringkat pengurusan tertinggi. Dalam ucapannya, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan *30% Club* yang akan dikaji kebolehlaksanaannya oleh PEMANDU. *30% Club* merupakan sebuah rangkaian kerja global yang dianggotai oleh tokoh-tokoh perniagaan yang menyokong dan mengetengahkan kepelbagaian gender dalam Lembaga Pengarah. *30% Club* dikenali ramai di United Kingdom dan Amerika Syarikat, dengan majoriti ahlinya terdiri daripada tokoh pemimpin dan pelabur terkemuka. Setakat ini, pasukan SRI-HCD telah berjaya menjalinkan ikatan bersama dengan rangkaian *30% Club* yang berlokasi di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Hong Kong, malah, pelancaran *30% Club* di Malaysia dijangka dapat dilakukan pada tahun 2015. Sementara itu, pada bulan Disember 2014, Konvensyen Pengarah Wanita yang dianjurkan bersama oleh NIEW, MINDA, LeadWomen dan PEMANDU telah diadakan bagi meraikan seramai 250 bakal pengarah wanita yang telah berjaya menamatkan kursus latihan mereka pada 2014. Forum dengan tema *2020 Boards: Leveraging Diversity for Performance* telah mengumpulkan lebih 300 peserta yang merangkumi pemegang jawatan pengerusi, pengarah dalam barisan lembaga pengarah, perekrut untuk lembaga pengarah, golongan yang menjuarai kepelbagaian gender serta pemimpin wanita dari berbagai-bagai sektor buat pertama kalinya dalam sebuah wacana berfokus yang membincangkan pelan tindakan yang diperlukan bagi mempertingkatkan kepelbagaian gender khususnya dalam lembaga pengarah.

Cabaran utama yang diidap dalam inisiatif ini adalah untuk mendapatkan

keterlibatan pelbagai pihak dan mencetuskan anjakan minda bagi meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan, terutamanya pada kedudukan Pengarah. Dalam konteks ini, masyarakat masih belum mengorak langkah mengharungi cabaran perubahan demi mengangkat peranan wanita, justeru tahun 2015 akan menyaksikan pelbagai usaha dipergiat untuk membuka minda golongan peneraju perniagaan akan peri pentingnya agenda yang semakin diiktiraf secara signifikan di peringkat global ini. Di samping itu, kebolehlaksanaan dari segi operasi organisasi bagi membuka kekosongan tempat untuk diisi oleh wanita dalam lembaga pengarah juga merupakan suatu cabaran. Hal yang demikian ini termasuklah mekanisme yang perlu dikenal pasti untuk membarui komposisi lembaga pengarah dan mencari kesesuaian dalam kebolehan dan pengalaman wanita yang mampu memikul tanggungjawab tersebut.

Intipati Utama

Perkembangan utama yang disasarkan pada 2015 adalah bagi memudah cara suatu momentum bersandarkan kaedah *business-led* dan akan disokong oleh Kerajaan dari segi dasar dan inisiatif untuk merealisasikan. Sasaran ini adalah berteraskan beberapa matlamat utama, iaitu:

- Memfokuskan wanita yang berpotensi tinggi dan sudah bersedia memikul tugas sebagai pengarah untuk mengisi jawatan pengarah menerusi program tajaan secara *cross-company*
- Melancarkan *30% Club* dan merancang aktiviti sokongan dan promosi media yang disasarkan secara khusus. Kumpulan yang akan dibangunkan ini terdiri daripada tokoh-tokoh usahawan yang berpengaruh yang akan berperanan sebagai pembuka laluan untuk mengangkat peranan wanita sebagai aset ekonomi dan menggerakkan *critical mass* bagi meningkatkan pembabitian wanita sebagai pembuat keputusan.
- Mengadakan lebih banyak sesi dialog dan jalinan kerja sesama ahli lembaga pengarah dan wanita yang berpotensi tinggi menerusi sesi *breakfast talks* sebagai contoh, agar mereka bersama-sama menangani isu dan hal-hal lain secara terus yang membabitkan pelantikan wanita pada kedudukan pengurusan tertinggi, di samping membuka peluang dan mengangkat martabat serta *visibility* tokoh-tokoh wanita.



Wanita yang sudah bersedia mengisi jawatan pengarah sedang membincangkan pelan tindakan dengan fasilitator untuk menambah bilangan wanita sebagai pengarah

KAD SKOR MENTERI

Kad Skor Menteri telah menunjukkan peningkatan sejak beberapa tahun ini seiring dengan kemajuan GTP, ETP & SRI



Kerajaan percaya bahawa skala transformasi yang mahu dicapai oleh Malaysia memerlukan rangka kerja akauntabiliti yang menyeluruh, bermula dari peringkat teratas hinggalah ke akar umbi.

Justeru, Menteri Kabinet, sebagai ketua eksekutif kerajaan, turut bertanggungjawab terhadap keupayaan Kementerian masing-masing untuk melaksanakan inisiatif transformasi.

Di bawah Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme, NTP*), yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme, GTP*), Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme, ETP*) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (*Strategic Reform Initiatives, SRI*), semua Menteri Kabinet diberi Penunjuk Prestasi Utama (KPI) masing-masing. Di bawah GTP, KPI yang ditetapkan bagi tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area, NKRA*) dibangunkan berdasarkan pelan hala tuju ini. Begitu juga dengan KPI yang diwujudkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area, NKEA*), di bawah ETP dan SRI.

Selain itu, Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (*Ministerial Key Results Area, MKRA*), yang merupakan bidang tumpuan tahunan semua Menteri, mempunyai KPI yang dikenali juga sebagai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (*Ministerial Key Performance Indicators, MKPI*). KPI ini dibangunkan berdasarkan visi dan misi Kementerian.

Sebelum pelaksanaan NKEA pada tahun 2011, hanya Menteri bukan NKRA mempunyai MKPI dalam kad skor masing-masing. Menteri yang mengetuai NKRA hanya mempunyai KPI NKRA. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2011, semua Menteri mempunyai MKPI selain KPI NKRA, NKEA dan SRI yang berkenaan. Setakat ini, tujuh (7) Menteri Peneraju dan empat (4) Menteri yang menyokong ditugaskan untuk melaksanakan NKRA. Tiga belas (13) Menteri Peneraju dan lima (5) Menteri yang Menyokong telah ditugaskan untuk melaksanakan NKEA dan lima belas (15) Menteri untuk SRI.

Rangka Kerja dan Proses Kerja Penetapan KPI

Rangka kerja yang digunakan untuk menetapkan dan mengurus KPI terdiri daripada lima langkah berasingan:

- Menetapkan KPI

- Melaksanakan aktiviti mengikut pelan pelaksanaan
- Pemantauan prestasi KPI
- Penilaian Prestasi PM-Menteri
- Pencapaian, ganjaran dan tindakan susulan

Di bawah rangka kerja ini, KPI bagi NKRA dan NKEA ditetapkan berdasarkan pelan hala tuju GTP

dan ETP sementara MKPI ditetapkan berdasarkan visi dan misi Kementerian masing-masing namun masih sejajar dengan Pelan Transformasi Negara. Justeru, rangka kerja ini mewujudkan satu hasil ukuran prestasi Kementerian, yang pada peringkat akhir rangka kerja boleh digunakan untuk mengukur prestasi Menteri untuk menentukan pencapaian, ganjaran dan tindakan susulan.

Rangka kerja yang berstruktur telah digunakan untuk membangun dan menguruskan KPI Kementerian



YAB Perdana Menteri mengadakan sesi pertemuan dengan para Menteri dua kali setahun untuk membincangkan prestasi mereka. Hadir dalam salah satu sesi yang diadakan ini, kelihatan Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar (kiri) dan CEO PEMANDU, Dato' Sri Idris Jala (kanan) yang bertindak sebagai fasilitator sesi tersebut.

Kad Skor Menteri turut digunakan untuk memantau kemajuan setiap Kementerian kerana semua KPI akan dilaporkan setiap bulan selain daripada pelaporan mingguan yang dibuat di bawah program NKRA & NKEA. Pemantauan berterusan yang dilaksanakan akan memastikan sebarang rintangan atau halangan dapat dikenal pasti dan diselesaikan


dengan segera. Perdana Menteri akan berjumpa dengan semua Menteri dua kali setahun—iaitu pada Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun—untuk menilai prestasi semua Menteri.

Sesetengah bersempadan ini membolehkan Menteri membincangkan dengan lebih lanjut dan melaporkan sebarang isu

yang memerlukan perhatian dan tindakan Perdana Menteri. Di samping itu, Perdana Menteri boleh memberikan arahan tambahan kepada Menteri untuk tindakan lanjut. Semasa Penilaian Akhir Tahun, Perdana Menteri akan mengeluarkan penilaian dan maklum balas kepada setiap orang Menteri.

Penetapan Kad Skor Menteri

Proses ini bermula dengan komunikasi tiga-hala




Penetapan KPI: Sesi Klinik

Penetapan KPI amat penting dalam memastikan semua inisiatif dilaksanakan dan semua objektif berjaya dicapai. Sejarar dengan Metodologi Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results, BFR) PEMANDU, penetapan KPI tahunan diadakan pada bulan Oktober hingga Disember untuk menentukan objektif dan jangkaan yang betul bagi aktiviti pada tahun berikutnya.

Inisiatif ini membolehkan Kementerian merancang pelaksanaan dan pengukuran aktiviti pada tahun berikutnya dengan lebih awal. Selain itu, ia bertindak sebagai pemacu perilaku dan fungsi prestasi sebagai titik semakan tahunan bagi Kementerian untuk menentukan sama ada semua inisiatif dilaksanakan seperti yang dirancang atau sama ada inisiatif itu perlu diubah. Proses yang teliti ini melibatkan kesemua Kementerian dan agensi utama dalam portfolio semua Menteri.

Garis masa untuk membangun dan menguruskan KPI Menteri adalah seperti yang berikut:



Setiap Kementerian menyerahkan usul KPI yang akan dibincangkan secara individu dan diperdebat untuk memastikan KPI ditetapkan dengan betul untuk memacu penyampaian dan prestasi. Prinsip yang berikut digunakan untuk menetapkan KPI:

HURAIAN KPI

- Huraian KPI mestilah jelas dan terperinci dalam menerangkan pencapaian yang perlu dicapai oleh KPI


- Huraian KPI mestilah konsisten dengan cara pencapaian diukur, misalnya jika pencapaian diukur menggunakan bilangan unit, KPI mestilah ditetapkan berdasarkan ukuran tersebut.

PENETAPAN SASARAN

- Sasaran yang tinggi mestilah ditetapkan untuk mendorong lebih banyak usaha bagi mencapai matlamat

- Sasaran mestilah ditetapkan berdasarkan hala tuju terperinci yang telah ditetapkan dengan matlamat akhir, bukan secara ad hoc. Walau bagaimanapun, bagi sasaran jangka panjang, KPI ditetapkan mengikut aktiviti tahun semasa
- Data terdahulu digunakan untuk menilai asas semasa selain menilai trend pencapaian untuk memastikan sasaran tahun berikutnya memacu semua pihak untuk maju ke hadapan.

Jenis KPI



DOKUMEN SOKONGAN

- Setiap pencapaian KPI harus disokong oleh dokumentasi yang sah bagi tujuan pengesahan data untuk memastikan kesahihan data yang dilaporkan.

UKURAN PENCAPAIAN

- Pencapaian KPI mestilah sentiasa tersedia untuk pelaporan secara berkala dan tetap, misalnya setiap minggu, bulan, suku tahun atau tahun.
- Setiap KPI mestilah ditetapkan supaya pencapaiannya boleh diukur dengan kerap

Jenis pengukuran/pengiraan KPI yang digunakan

Jenis KPI	Contoh KPI	Pengiraan Yang Digunakan
1 Peningkatan hasil atau output atau pembangunan pencapaian	KPI: Bilangan pelancong, pelaburan baharu, pekerjaan yang dijana	PENCAPAIAN / SASARAN
2 Objektif adalah untuk mencapai tahap yang lebih rendah berbanding sasaran	KPI: Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah keseluruhan sekolah Sasaran: 1.4% (lebih rendah, lebih baik)	SASARAN / PENCAPAIAN
3 Sekiranya sasaran menyatakan "sekurang-kurangnya xx" / "tidak melebihi xx"	KPI: Bilangan teknologi yang dibangunkan Sasaran: Sekurang-kurangnya 15	SKOR DIHADKAN PADA 100%
4 Objektif untuk mengukur pencapaian tahun semasa sahaja	KPI: Peratusan siap kerja pembinaan	(SEBENAR - PENCAPAIAN TAHUN SEBELUMNYA) / (SASARAN - PENCAPAIAN TAHUN SEBELUMNYA)
5 KPI prorata dengan sasaran bulanan	KPI: SAIDI keseluruhan untuk Sabah (minit/pelanggan/tahun)	(SASARAN / 12 BULAN X BULAN PELAPORAN) / PENCAPAIAN BULANAN X 100%
6 KPI komposit, iaitu beberapa sub-KPI menyumbang kepada skor satu KPI	KPI: Program pendidikan dan kesedaran pelabur dalam Skim Persaraan Swasta (PRS) i. Aset di bawah pengurusan PRS (RM juta) ii. Jumlah ahli	SKOR AKHIR: (SKOR KPI 1 + KPI 2) / BILANGAN KPI i. KPI 1: PENCAPAIAN / SASARAN - SKOR ii. KPI 2: PENCAPAIAN / SASARAN - SKOR

- Bagi KPI yang mengukur kemajuan projek jangka panjang, iaitu projek yang mengambil masa lebih setahun untuk diselesaikan, hanya aktiviti yang dijalankan pada tahun semasa akan diambil kira untuk KPI.
- Contoh ukuran/pengiraan KPI adalah seperti yang berikut:

Setiap tahun, lebih kurang 700 KPI spesifik ditetapkan. KPI ini dipantau sepanjang tahun oleh pasukan dan Kementerian masing-masing dengan objektif untuk memastikan ketepatan tindakan.

Pencapaian Kad Skor Menteri


Secara umumnya, prestasi kad skor Menteri kian meningkat sejak pelaksanaan GTP pada tahun 2009. Selepas lima tahun dilaksanakan, semua Menteri dan pasukan masing-masing lebih terbuka dengan sifat KPI berasaskan prestasi dan kini mereka lebih arif dengan proses penetapan KPI. Hasilnya, semua Menteri dan pasukannya semakin agresif dalam melaksanakan perubahan dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengenal pasti projek yang dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan mereka.

Cabaran

Proses penetapan KPI yang rapi dan teliti mendorong dan memacu sasaran yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dan jangkaan keberhasilan yang lebih baik untuk mencapai objektif NTP. Walau bagaimanapun adalah lumrah masih terdapat cabaran dalam melaksanakan proses ini kerana usaha ini memerlukan perubahan minda dan tingkah laku yang besar pada semua pihak yang terlibat dalam Kementerian. Misalnya masih ada Kementerian yang akan menetapkan sasaran yang lebih rendah dengan alasan bahawa mereka tidak dapat mengawal faktor luaran dan persekitaran, tanpa berusaha menerobos sempadan dan menerokai cara baharu untuk mencapai objektif yang lebih besar. Justeru, wujudnyatentangan dan keengganan untuk berubah.

Namun demikian, cabaran ini tidak menyekat hasrat kerajaan untuk menetapkan sasaran yang tinggi, yang telah mula menyaksikan peningkatan minat daripada Kementerian. Objektif utamanya adalah untuk menerapkan lagi anjakan paradigma ini dalam perkhidmatan awam agar menjadi sebahagian amalan dalam budaya perkhidmatan awam.

Kad Skor Menteri - Pencapaian Keseluruhan



87% daripada 573 KPI dicapai/melebihi sasaran pada tahun 2014,

berbanding 87.4% daripada 606 KPI pada tahun 2013 dan 86.5% daripada 703 KPI pada tahun 2012. KPI yang diwujudkan setiap tahun menurun secara beransur-ansur disebabkan oleh proses penetapan KPI yang menumpukan KPI yang memberi impak yang besar.

LAPORAN TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC

KEPUTUSAN ETP 2014

Pengesahan oleh
Pihak Ketiga Bebas

**BANYAK MASA
DAN TENAGA TELAH
DILUANGKAN UNTUK
MENGESAHKAN PENGUMPULAN
DATA, TABULASI STATISTIK
DAN KEPUTUSAN
ADALAH TEPAT**

Dasar teras yang diterapkan dalam ETP ialah ketelusan dan kebertanggungjawaban, dan perkara ini dipaparkan dalam Laporan Tahunan 2014. Hala laju ETP yang diterbitkan pada bulan Oktober 2010 memperincikan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam program transformasi. Dalam laporan ini, petunjuk prestasi utama tahun 2014 bagi setiap Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diterbitkan dengan sepenuhnya dan menyenaraikan pencapaian-pencapaian yang dibandingkan dengan sasaran*.

PEMANDU telah berusaha untuk memastikan sistem pemarkahannya adalah telus dan ketat. Banyak masa dan tenaga telah diluangkan untuk mengesahkan kutipan data, tabulasi statistik dan keputusan adalah tepat.

PEMANDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), sebuah firma perkhidmatan profesional bebas untuk mengendalikan serangkaian Tatacara yang Dipersetujui – pengujian dan tatacara yang tertentu untuk meninjau keputusan yang dilaporkan bagi Petunjuk Prestasi

Utama dan projek-projek yang diumumkan. Tatacara yang Dipersetujui ini diaplikasikan ke atas beberapa sampel yang diperoleh daripada setiap NKEA, SRI serta projek-projek yang diumumkan semasa laporan Kemas Kini Kemajuan. Pengiraan masing-masing juga diperiksa berdasarkan garis panduan dan formula yang dirumuskan pada asalnya di makmal NKEA dan ditentukan oleh PEMANDU.

Selama pelaksanaan proses ini, hasil yang diperoleh daripada PwC menemukan beberapa pengecualian dalam sampel-sampel yang dipilih yang telah ditangani dan dicerminkan dalam Laporan Tahunan ini. PwC telah mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan bagi sampel-sampel terpilih dalam Laporan Tahunan telah disahkan menurut Tatacara yang Dipersetujui. PwC juga mengenal pasti peluang-peluang untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. PEMANDU bersama-sama Kementerian yang terbabit dan pihak berkepentingan daripada sektor swasta akan mengambil tindakan-tindakan preskriptif yang positif untuk menguatkuasakan pembaikan ini dalam tempoh 12 bulan yang akan datang.

* Pengecualian telah dibuat untuk sasaran yang memaparkan data yang sensitif pasaran. Dalam hal yang demikian, maklumat tersebut dirahsiakan atas permintaan pihak berkenaan.

KAD SKOR ETP

KAEDAH PEMARKAHAN

BAGI PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Kad Skor ETP menilai tahap pencapaian bagi setiap Projek Permulaan yang diperoleh pada tahun sebelumnya dengan mengambil kira Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Pencapaian sebenar dan terkini diperlihatkan dalam laporan ini dalam tiga bentuk kaedah pemarkahan.

Ketiga-tiga kaedah berikut dirumuskan agar berupaya memberikan sebuah gambaran yang pragmatik ke atas peratusan pencapaian sebenar bagi KPI.

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2014 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah #2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan.

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2014 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1.

Pendekatan lampu isyarat adalah seperti yang tersebut di bawah



Kaedah 1 dan 2	
Pencapaian	Lampu Isyarat
90% dan ke atas	
51% – 89%	
50% dan ke bawah	

Kaedah 3		
Pencapaian	Skor	Lampu Isyarat
100% dan ke atas	1	
51% – 99%	0.5	
50% dan ke bawah	0	

Sekiranya terdapat titik perpuluhan dalam pemarkahan tersebut, kad skor ini mengguna pakai mekanisme pembundaran. Keputusan KPI dengan titik perpuluhan antara 0.1 dan 0.4 peratus akan dibundarkan kepada nilai peratusan yang lebih rendah, sementara KPI dengan titik perpuluhan antara 0.5 dan 0.9 pula akan dibundarkan kepada nilai peratusan yang lebih tinggi.

SENARAI PROJEK PERMULAAN

Bil.	Projek Permulaan
Greater Kuala Lumpur/Klang Valley	
1	Menarik 100 daripada Syarikat Paling Dinamik di Dunia dalam Sektor Keutamaan
2	Menarik Bakat dari Dalam Negeri dan Luar Negara
3	Menghubungi KL ke Singapura Melalui Sistem Kereta Api Berkelajuan Tinggi
4	Membina Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Bandar yang Bersepadu
5	Memulihkan Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk Dijadikan Pusat Warisan dan Komersial
6	Penghijauan Greater Kuala Lumpur untuk Memastikan Penduduknya Menikmati Kawasan Hijau yang Mencukupi
7	Mewujudkan Tempat dan Tarikan Ikonik
8	Mewujudkan Rangkaian Pejalan Kaki yang Menyeluruh
9	Membangunkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Efisien
Minyak, Gas dan Tenaga	
1	Mencergaskan Semula Telaga Sedia Ada Menerusi Pemerolehan Minyak Tertingkat (EOR)
2	Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi
3	Memperhebatkan Aktiviti Carigali
4	Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau
5	Membuka Permintaan Gas Premium Terpendam di Semenanjung Malaysia
6	Menggalakkan Pelaburan dalam Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE)
7	Membawa Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas Tempatan ke Pentas Global
8	Menarik Minat MNC untuk Menubuhkan Operasi di Malaysia dan Menjalankan Perkongsian dengan Firma Tempatan
9	Meningkatkan Kecekapan Tenaga
10	Membangunkan Kapasiti Tenaga Alternatif dan Tenaga Solar
11	Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa
12	Memanfaatkan Potensi Hidroelektrik
13	1Meningkatkan Output Petrokimia
Perkhidmatan Kewangan	
1	Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia
2	Memperkuh dan Memperluaskan Pasaran Bon
3	Mentransformasikan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
4	Mewujudkan Ekosistem Pembayaran Bersepadu
5	Menginsuranskan Hampir Semua, Jika Tidak Semua, Peduduk Malaysia
6	Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pencen Swasta
7	Memcepatkan Pertumbuhan Industri Pengurusan Kekayaan
8	Mempercepat dan Mengekalkan Industri Pengurusan Aset Penting

bersambung

sambungan muka surat sebelum

Bil.	Projek Permulaan
9	Melahirkan Jaguh Bank Serantau
10	Menjadi Hab Kewangan Global Islam yang Unggul
Pemborongan dan Peruncitan	
1	Meningkatkan Bilangan Kedai Format Besar
2	Pemodenan Melalui Program Transformasi Kedai Runcit Kecil (TUKAR)
4	Transformasi Bengkel Automotif (ATOM)
5	Membangunkan Bazar Makan
6	Gedung 1Malaysia
7	Gedung Maya
8	Memudah Cara Perniaga Tempatan untuk Memperoleh Pegangan Dalam Perniagaan Runcit Asing
9	Menjadikan Malaysia Negara Bebas Cukai
10	Membangunkan Pusat Peranginan Kesihatan
11	Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia
12	Mentransformasikan KLIA menjadi Hab Peruncitan
13	Kedai Runcit Bersepadu Besar (<i>Big Box Boulevards</i>)
Minyak Sawit dan Getah	
1	Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit
2	Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)
3	Meningkatkan Produktiviti Pekerja
4	Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak (OER)
5	Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit
6	Membangunkan Derivatif Oleo Kimia dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi
7	Pengkomersialan Biobahan Api Generasi Kedua
8	Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Hiliran
9.1	Memastikan Kemampanan Industri Huluan Getah
9.2	Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia kepada 65 Peratus Menjelang Tahun 2020
9.3	Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)
Pelancongan	
1	Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Beli-belah Bebas Cukai untuk Barangan Pelancong
2	Menjadikan Kawasan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre sebagai Presint Beli-belah yang Meriah
3	Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia
4	Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Mega (MMBH)
5	Membangunkan Resort Bersepadu

bersambung

sambungan muka surat sebelum

Bil.	Projek Permulaan
6	Membangunkan Pelancongan Pelayaran Persiaran
7	Menyasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa
8	Mewujudkan Zon Hiburan Khas (DEZ)
9a	Membangunkan Kepakaran Tempatan dan Pengawalasesiaian Industri Spa yang Lebih Baik
9b	Pelancongan Golf
10	Memartabatkan Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama
11	Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Jarak Sederhana Keutamaan
12	Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel
Elektrikal dan Elektronik	
1	Pelaksanaan Strategi Pengguna Bestari untuk Fabrikasi Teknologi Matang
2	Membangunkan Pemasangan dan Pengujian Menggunakan Teknologi Pembungkusan Moden
3	Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Sepadu
4	Menyokong Pertumbuhan Pengilang Substrat dan Industri Berkaitan
5	Meningkatkan Jumlah Pengeluar Silikon
6	Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel
7	Menambahkan Pengeluar Modul Solar
8	Membangunkan Operasi Bahagian Hadapan LED
9	Mengembangkan Pembungkusan dan Peralatan LED
10	Mewujudkan Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal
11	Membina Hab Ujian dan Pengukuran
12	Mengembangkan Komunikasi Wayarles dan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID)
13	Membangunkan Pembuatan Peralatan Automasi
14	Membangunkan Syarikat Transmisi dan Pengedaran
15	Membangunkan Pusat Pengeluaran Peralatan Elektrik Rumah dan Rangkaian Pengedaran Antarabangsa
16	Perkembangan <i>Balance of Systems</i> untuk Solar Fotovolta (PV)
17	Membangunkan Industri Sistem Tertanam
18	Memangkin Pembuatan Komponen Kenderaan Elektrik
19	Menyokong Perkhidmatan MRO Rel Serantau Melalui Pembuatan Komponen Elektrikal dan Elektronik
20	Memangkin Industri Melalui Nanoteknologi
Perkhidmatan Perniagaan	
1	Mengembangkan Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Pesawat (MRO) dalam Industri Penerbangan
2	Membina Pihak Pembekal Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa
3	Menempatkan Malaysia sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia

bersambung

sambungan muka surat sebelum

Bil.	Projek Permulaan
4	Melonjakkan Industri Teknologi Hijau yang Dinamik
5	Membangunkan Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi
6	Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal
Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi	
1	Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia
3	Menghubungkan 1Malaysia
4	Mewujudkan e-Pembelajaran untuk Pelajar dan Pekerja
5	Melancarkan e-Penjagaan Kesihatan
6	Memperdalamkan e-Kerajaan
7	Memastikan Jalur Lebar untuk Semua
8	Memperluas Jangkauan
9	Menawarkan Rangkaian Pintar
10	Memperluas Rangkaian Serantau
11	Jejak dan Kesan
Pendidikan	
1	Perluasan Pusat Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) Swasta
2	Penambahbaikan Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE)
3	Perluasan Sekolah Antarabangsa
4	Perluasan Latihan Guru Swasta
5	Perluasan Peruntukan Latihan Kemahiran Swasta
7	Membangunkan Kluster Disiplin Pendidikan Kewangan dalam Perniagaan Islam
8	Membangunkan Kluster Disiplin Sains Kesihatan
9	Membangunkan Kluster Disiplin Kejuruteraan Termaju Sains dan Inovasi
10	Membangunkan Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan
11	EduCity@Iskandar
12	Meneraju Pendidikan Malaysia sebagai Jenama Antarabangsa
13	Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas
14	Membangunkan Kluster Pembangunan Permainan Video
15	Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara
16	Penubuhan Institusi Pendidikan <i>Not-for-Profit</i>
17	Mentransformasikan Malaysia sebagi Hab Perakaunan Terulung
Pertanian	
1	Produk Herba Bernilai Tinggi
2	Mengembangkan Pengeluaran Sarang Burung Walit (EBN)

bersambung

sambungan muka surat sebelum

Bil.	Projek Permulaan
3	Estet Pertanian Mini untuk Rumpai Laut
4	Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu
5	Penternakan Lembu di Ladang Kelapa Sawit
6	Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu untuk Menembusi Pasaran Udang Premium
7	Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium
8	Taman Pengeluaran Makanan
9	Penanaman Beras Wangi di Kawasan Bukan Jelapang Padi
10	Memperkuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA
11	Memperkuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Pengairan yang Lain
13	Membangunkan Kluster Tenusu
14	Membangunkan Industri Pembenihan
17	Pasar Komuniti (PAKAR)
Penjagaan Kesihatan	
1	Mewajibkan Insurans Kesihatan Swasta untuk Pekerja Asing
2	Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Pembangunan Penyelidikan Klinikal
3	Farmaseutikal Malaysia
4	Mencergaskan Semula Pelancongan Kesihatan
5	Mewujudkan Nexus Perkhidmatan Diagnostik
6	Membangunkan Metropolis Kesihatan: Sebuah Kampus Penjagaan Kesihatan dan Biosains Bertaraf Dunia
7	Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia - Mediven & Olipro
8	Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai Buang (SUD)
9	Menjadi Hab untuk Pembuatan kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi
10	Mewujudkan Peneraju Peranti Klinikal Malaysia - Sima Medical
11	Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan - Kumpulan Syarikat UWC
12	Hab Pembuatan Peranti Perubatan Bernilai Tinggi
13	Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan - LKL
14	Produk Rawatan Buah Pinggang - Fresenius, Lucenxia, Proligen
15	Perkhidmatan Kesihatan Bergerak
16	Institusi Penjagaan Orang-orang Tua
17	Kampung Persaraan

SENARAI PELUANG PERNIAGAAN

Bil.	Peluang Perniagaan
	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
1	Menyemarakkan Putrajaya
3	Perkhidmatan Asas Pembetulan (<i>Non-River</i>)
	Minyak, Gas dan Tenaga
1	Penambahbaikan Proses
2	Pertumbuhan Ekonomi
	Perkhidmatan Kewangan
1	Pemacu Pertumbuhan Perbankan Pelaburan
2	Segmen Lain Termasuk IKP
3	Perbankan Komersial
4	Insurans dan Takaful
5	Daya Maju yang Semakin Berkembang bagi Insurans Mikro, Pengurusan Aset dan Kekayaan
6	Perbankan Islam
	Pemborongan dan Peruncitan
1	Pertumbuhan Organik
	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
1	Perkhidmatan Talian Tetap
2	Perkhidmatan Mudah Alih
3	Kurier, Pos dan Penyiaran
4	Operasi Serantau
	Minyak Sawit dan Getah
1	Perluasan Bank Tanah Perladangan
2	Pembangunan Aktiviti Hiliran Sedia Ada
3	Pembangunan Aktiviti Biodiesel Negara
	Pelancongan
1	Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman
2	Pengangkutan Setempat
3	Segmen Pengendali Lawatan

bersambung

sambungan muka surat sebelum

Bil.	Peluang Perniagaan
Pendidikan	
1	Kluster Disiplin untuk Menyokong NKEA
2	Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Bahasa
Pertanian	
3	Penternakan Ikan Hiasan
4	Pengilangan Makanan untuk Akuakultur
5	Pusat Eksport Akuakultur
6	Industri Snek
7	Ternakan Ayam Kampung
8	Pertanian Cendawan Butang
10	Pelaburan Langsung Asing dalam Produk Herba
11	Industri Makanan Snek/Fasiliti Makanan Negara

GLOSARI

ISTILAH

AAIM	Automotive After-sales Industry Malaysia	EPF	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
AAM	Persatuan Automobil Malaysia	EPMS	Sistem Pengurusan Prestasi Tenaga
AIM	Agensi Inovasi Malaysia	EPPs	Projek Permulaan
ACD	Asia Cooperation Dialogue	EPU	Unit Perancang Ekonomi
AeU	Asian e-Learning University	ETF	Dana Dagangan Bursa
ASB	Amanah Saham Bumiputera	ETP	Program Transformasi Ekonomi
ATOM	Automotive Workshop Modernisation	EXIM	Export and Import Bank of Malaysia Bhd
AWLU	Asian Women's Leadership University	F&B	Makanan dan Minuman
BB	Bukit Bintang	F1	Formula 1
BBB	Big Box Boulevards	FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
BCC	Juara Korporat Bumiputera	FCPO	Crude Palm Oil Futures
BLESS	Sistem Sokongan Pelesenan Perniagaan Elektronik	FDI	Pelaburan Langsung Asing
BNM	Bank Negara Malaysia - Bank Pusat Malaysia	Felda	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
BMI	Business Monitor International	FFBs	Buah Tandan Segar
BOs	Peluang Perniagaan	FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
BPO	Penyumberan Luar Proses Perniagaan	FiT	Tarif Galakan (Feed-in Tariff)
BPR	Perekayasan Semula Proses Perniagaan	FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompakan	FRISB	Felda Rubber Industries Sdn Bhd
CCI	Kandungan Komunikasi and Infrastruktur	FTZ	Zon Perdagangan Bebas
CCAM	Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia	GAP	Amalan Pertanian Baik
CCIG	Gabungan Industri Kandungan Kreatif Malaysia	GASAC	Majlis Penasihat Piawaian bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
CCM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	GBI	Indeks Bangunan Hijau
CGI	Imej Janaan Komputer	GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
CIF	Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan	GE	General Electric
CMDV	Pusat Penemuan dan Ketepatan Penanda	GFMAS	Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan
CME	Chicago Mercantile Exchange	GHIAL	GMR Hyderabad International Airport Limited
CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	GIFT	Program Insentif Global untuk Perdagangan
CNIIs	Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal	GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
COE	Pusat Kecemerlangan	GLIC's	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan
CRC	Agensi Penarafan Kredit	GMP	Amalan Pengilangan Baik
CRM	Penyelidikan Klinikal Malaysia	GNI	Pendapatan Negara Kasar
CSL	Persaingan, Standard dan Liberalisasi	Greater KL/KV	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur/Kuala Lumpur City Hall	GreenTech Malaysia	Green Technology Corporation
DC	Pusat Data	GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
DCA	Jabatan Penerbangan Awam	GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
DESB	DreamEdge Sdn Bhd	GTP	Program Transformasi Kerajaan
DEZ	Zon Hiburan Khas	HCD	Pembangunan Modal Insan
DMO	Pejabat Pengurusan Penghantaran	HDC	Perbadanan Pembangunan Halal
DoA	Jabatan Pertanian Malaysia	HDO	Pejabat Pembangunan Herba
DoF	Jabatan Perikanan	HR	Sumber Manusia
DSN	Nekhsus Perkhidmatan Diagnostik	IAGTO	Persatuan Pengendali Lawatan Golf Antarabangsa
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	IAOP	Persatuan Penyumberan Luar Profesional Antarabangsa
E&E	Elektrikal and Elektronik	IBFIM	Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
E&P	Carigali dan Pengeluaran	ICs	Litar Bersepadu
EASA	Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah	ICIFE	Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa
EBN	Sarang Burung Boleh Makan	ICON	Program Pembangunan Kandungan Bersepadu
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak	ICT	Komunikasi Teknologi Maklumat
ECERDC	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur	ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
EMGS	Perkhidmatan Pendidikan Global Malaysia		
EOR	Pemulihan Minyak Tertinggi		

IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa	MGTC	Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia
IIUM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
ILMIA	Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh	MIA	Malaysian Institute of Accountants
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara	MICE	Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran
INTI	INTI International University	MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
IP	Harta Intelek	MIGHT	Malaysian Industry-Government Group for High Technology
IPO	Tawaran Awam Awal	MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
IRB	Lembaga Hasil dalam Negeri	MMBH	Hab Biodiversiti Mega Malaysia
IRDA	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar	MMHE	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad
IT	Teknologi Maklumat	mmscfd	Juta Kaki Padu Standard Setiap Hari
IVDs	Peranti Intravena	mmstb	Juta Tong
IWG	Kumpulan Kerja Industri	MMU	Universiti Multimedia
IZAQs	Model Zon Integrasi Akuakultur	MNC	Syarikat Multinasional
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	MNPC	Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia
JCorp	Johor Corporation	MoA	Kementerian Pertanian
JKR	Jabatan Kerja Raya	MoE	Kementerian Pendidikan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam	MoF	Kementerian Kewangan
JV	Usaha Sama	MoH	Kementerian Kesihatan Malaysia
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	MoHR	Kementerian Sumber Manusia
KLCC	Kuala Lumpur City Centre	MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
KLIUC	Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur	MoU	Perjanjian Persefahaman
KLK	KL Kepong	MoWFCd	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KLRCa	Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur	MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
KPI	Petunjuk Prestasi Utama	MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor	MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
KPO	Penyumberan Luar Proses Pengetahuan	MPRC	Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia
KRS	Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd	MPS	Majlis Perbandaran Selayang
KVMRT	MY Rapid Transit Lembah Klang	MPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
kWh	Kilowatt-jam	MRB	Lembaga Getah Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	MRO	Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih
LED	Diod Pemancar Cahaya	MRT Corp	MRT Corporation Sdn Bhd
LPG	Gas Petroleum Cecair	MRT	Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi
LTE	Evolusi Jangka Panjang	MS	Standard Malaysia
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda	MTAB	Majlis Tindakan Agenda Bumiputera
MAE	MAS Aerospace Engineering	MTAC	Malaysia Truly Asia Centre
MAHB	Malaysia Airport Holdings Bhd	mtpa	Juta tan setahun
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia	mtpd	Metrik tan sehari
MARA	Majlis Amanah Rakyat	MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	MyCEB	Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia
MAS	Malaysia Airlines	MyCenTHE	Pusat Pendidikan Pelancongan dan Hospitaliti
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	MyClear	Malaysia Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd
Mbps	Megabit sesaat	MyQuest	Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	NAPEI	Persatuan Institusi Pendidikan Swasta Kebangsaan
MDCA	Perikatan Pusat data Malaysia	NAV	Nilai Aset Bersih
MDeC	Perbadanan Pembangunan Multimedia	NCIA	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
MDTCC	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	NEAC	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
MEF	Persekutuan Majikan Malaysia	NEM	Model Ekonomi Baru
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd	NGO	Organisasi Bukan-Kerajaan
MGTA	Persatuan Pelancongan Golf Malaysia	NHRC	Pusat Sumber Manusia Negara

NI-AIN	National Instruments Academy and Innovation Nucleus
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NMIT	Institut Teknologi Maritim Belanda
NOSS	Standard Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan
NTDC	Pusat Rekabentuk Teknologi NCIA
NTEP	Program Peningkatan Bakat Negara
NUMed	Newcastle University Medicine Malaysia
NWCC	Majlis Perundangan Gaji Kebangsaan
OEM	Pembuatan Rekaan Tulen
OER	Kadar Ekstrak Minyak
OFSE	Perkhidmatan dan Peralatan Tenaga Minyak
OGE	Minyak, Gas dan Tenaga
OUM	Open University Malaysia
PAKAR	Pasar Komuniti
PCG	Petronas Chemical Group Berhad
PDS	Sekuriti Hutang Swasta
PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
PIPC	Pengerang Integrated Petroleum Complex
PNB	Permodalan Nasional Berhad
POIC	Kluster Industri Minyak Sawit
POS	Titik Jualan
PPP	Kerjasama Awam-Swasta
PSC	Kontrak Pengeluaran Perkongsian
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PV	Fotovoltan
RAPID	Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan
REP	Returning Expert Programme
RGT	Terminal Penggasan Semula
RoL	Sungai Nadi Kehidupan
RP-T	Pas Residen - Bakat
SAM	Strand Aerospace Malaysia
SAMUR	Sabah Ammonia Urea
SC	Suruhanjaya Sekuriti
SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari
SOCSSO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
SRI	Inisiatif Pembaharuan Strategik
SSL	Pencahayaan Keadaan Pepejal
TEVT	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional
TUKAR	Program Transformasi Kedai Runcit
TtT	Train-the-Trainer





Hak cipta © 2015

**Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU),
Jabatan Perdana Menteri**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dokumen ini tidak dibenarkan untuk dihasilkan semula dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, salinan foto, mekanikal, rakaman atau sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta.

Kenyataan: Walaupun perhatian yang munasabah telah diberikan dalam proses penyediaan dokumen ini, pihak PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa maklumat yang tidak tepat. Semua maklumat dan spesifikasi adalah benar pada masa dokumen ini disediakan dan ia tertakluk kepada perubahan apabila diperlukan.

UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMAN)

Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Pu
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8872 7210

Faks : +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my

